



Sesungguhnya

**Tuhan Kamu
Tidak Bermata Satu**

Susunan

Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad
(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman

HAKIKAT
mencari landasan akhir zaman

“ Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu”

(Mencari Landasan Hakikat di Akhir Zaman)

“ Keadaan sudah terdesak,
Detiknya mula mengasak,
Tiupkan lantang semboyanmu,
Palukan padu gong dan gendangmu,
Bunyikan sekuat-kuatnya,
Jika tersekat-sekat sambutannya,
Bawakan perhatian kepada realiti zaman,
Bersatu hati membuat persiapan.”

**susunan;
HJ Muzaffar Dato' HJ Mohamad
(Tun) Suzana (Tun) HJ Othman**

Judul :

SESUNGGUHNYA TUHAN KAMU TIDAK BERMATA SATU

Judul Kecil :

MENCARI LANDASAN HAKIKAT DI AKHIR ZAMAN

Layout :

Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad

Hiasan Kulit :

(Tun) Abdul Razak (Tun) Abdul Rahman

Diterbitkan oleh :

PUSTAKA BSM ENTERPRISE

Petisurat 7701, Pejabat Pos Besar,
40724, Shah Alam, Selangor

Tel : 013-3944609

Fax : 03-78473427

Cetakan Pertama: Mei 2005

Perpustakaan Negara Malaysia Data pengkatalogan dalam Penerbitan

Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu : Mencari Landasan
Hakikat di Akhir Zaman / susunan Muzaffar Dato' Hj Mohamad, Tun Suzana Tun Hj Othman
ISBN 983-3020-03-8

1. Islam and politics. 2. Islam and state. 3. Islamic countries--
Politics and government I. Muzaffar Dato' Hj Mohamad.

II. Tun Suzana Tun Hj Othman
297.272

Dicetak oleh :

Percetakan Zafar Sdn Bhd (97878-H)

Lot 18 & 20, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park, Batu Caves,
68100 Kuala Lumpur. Tel : 03-61875725 Fax : 03-61875823

“ Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu ”
(Mencari Landasan Hakikat Di Akhir Zaman)

<u>Topik</u>	<u>Ms</u>
Muqaddimah	6

BAHAGIAN PERTAMA :
BANI ISRAEL, YAHUDISME DAN ZIONISME

Sejarah Bani Israel (Kaum Yahudi)

1. Kaum Yahudi dan agama Judaisme	13
2. Yahudi terusir dari Baitul Muqaddas (Jerusalem)	18
3. Yahudi terusir dari Hijaz	28
4. Yahudi sebagai ‘umat yang berselerak’	34
5. Baitul Muqaddas selepas pengusiran Yahudi	39

Yahudi Dan Cita-Cita Zionisme

6. Kehancuran agama Kristian : Dendam Yahudi terbalas melalui racun Sekularisme dan Liberalisme	51
7. Agenda Zionisme : Peranan Illuminati dan Protokol-Protokol Cendikiawan Zionis	56
8. Syarahan merbahaya oleh Rabbai Reichhorn 1869	72
9. Tertubuhnya Negara (haram) Israel 1948	77

Agenda Zionisme Mengancam Aqidah Ummah

10. ‘Agama Kenegaraan’ menolak Agama Allah... ..	90
11. Ummah terkandang bawah Sekularisme	96
12. Ulamak Modenisme : Alat Yahudi memecah belahkan umat Islam	105

BAHAGIAN KEDUA :
‘ARMAGEDDON’ PEMULA ERA AKHIR ZAMAN?

Fitnah Yahudisme Petanda Kemunculan AKHIR ZAMAN

13. Yahweh, Isa Al-Masih dan Al-Masih Dajjal... ..	121
14. ‘Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu’	130

<u>Topik</u>	<u>Ms</u>
15. Tamaddun Tidak Bertuhan mengundang ‘Armageddon’? ...	135
16. Pasca ‘Armageddon’ : Meniti Zaman Peralihan ...	173
17. Kemunculan Imam Mahdi sebagai pemula alamat besar Akhir Zaman	185

BAHAGIAN KETIGA :
MENCARI ‘BAHTERA NUH’ DI AKHIR ZAMAN

**Menangani Gejolak Akhir Zaman;
Mengenal Tonggak-Tonggak Salafus Soleh**

18. Kepentingan FALSAFAH sebagai pencetus Tamaddun Islam atau Tamaddun Jahiliyyah	198
19. Falsafah Tamaddun Islam Hakikat	205
20. Membetulkan aliran pemikiran umat Islam	212
21. Peranan inisiatif individu & jemaah dalam membebaskan ummah dari cengkaman sekular	221
22. Membentuk inisiatif-inisiatif gerakan Islam	234
23. Satu seruan: “ <i>Keluarkan sifat Yahudi dari hatimu</i> ”	238

**Firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah :
Landasan Hakikat di Akhir Zaman**

24. Mengenal firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah	254
25. Mengembalikan taklid Mazhab Empat demi <i>survival</i> ummah	273
26. Tariqah pelengkap firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah	293
27. Tariqah sebagai kunci kekuatan ummah Akhir Zaman	311
28. Antara Politik dan Bil Hikmah; Iktibar dari sejarah ahlul-bait Rasulullah SAW	320
Penutup	330

Lampiran

A : Makar Yahudi di sebalik firqah-firqah batil... ..	337
B : Yahudi masakini kebanyakannya bukan Bani Israel	346
C : Hadeeth mengenai Dajjal	348
D : Perbezaan yang sangat prinsipal antara kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah dengan beberapa firqah lain	352

Topik

Ms

E : Beberapa perkara yang bersangkutan dengan pegangan Mazhab Empat 356
F : Beberapa perkara penting dalam mencari Tariqah 363
G : Tamaddun Islam yang gemilang (Khilafah Othmaniyyah)	... 371
Biodata Penulis-Penulis 384

Muqaddimah

Puji-pujian hanyalah milik Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta 'alam. Salawat dan salam ke atas junjungan mulia, Nabi Muhammad, Rasulullah SAW beserta ahlul bait dan sahabat-sahabat baginda sekeliannya.

Amma ba'du.

Sesungguhnya umat Islam hari ini sudah terkepung. Mereka telah terperdaya, tertipu dan terjerat oleh persekutuan Yahudi dan Nasrani. Dipujuk, diperas dan diugut, samada untuk melutut dan menyembah ke Barat ataupun terpaksa menghadapi ancaman, hatta dilancarkan perang keatas mereka. Sebagai dalang dunia Barat yang utama, yang menganggap dirinya 'Tuhan' yang mampu mengawal manusia dan alam melalui perantara media, ekonomi dan teknologi, Amerika Syarikat dalam tempuh akhir-akhir ini telah mencipta sejarah apabila dengan bongkak dan rakusnya telah melaksanakan hambatan mental serta penderaan fizikal yang paling keras dan ganas ke atas umat Islam sedunia. Serangan bertubi-tubi ini disokong penuh oleh agen-agen mereka sehingga mencetuskan kesan yang hebat kepada dunia Islam yang terhambat maruah, luput identiti serta kehilangan arah.

Samada kita sedar ataupun tidak, hakikatnya umat Islam hari ini berada dalam suatu persimpangan dan terpaksa (atau dipaksa) membuat pilihan. Pilihan yang bukan mudah kerana kalau tersalah pilih, mampu menyentap IMAN dan AQIDAH. Mampu membuat pemilihnya tersungkur jatuh kepada martabat Munafiqun dan Kafirun yang bakal meregutnya ke dalam jurang api neraka di Alam Akhirat kelak, bersama-sama dengan golongan Firaun, Haman dan Ubai bin Khalaf. Kekal di sana untuk selama-lamanya, terputus dari rahmat Allah azza wajalla. *Nauzubillahi minzalik.*

Bertepatanlah dengan janji Iblis *laknatullah* untuk menyesatkan anak Adam AS seperti yang terkandung dalam ayat Al-Quran yang mafhumnya:

*"Ya Tuhanku! Oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi, **dan pasti aku akan menyesatkan mereka semua**, kecuali hamba-hamba Engkau yang mukhlas (bertaqwa) diantara mereka."*(Al-Hijr: 39-40)

Dengan demikian, apakah nasib yang menanti umat Islam di zaman-zaman mendatang ini? Apakah musibah besar yang bakal

menimpa? Adakah kita akan terus dicabuli, ditindas, diinjak-injak, disiat-siat, diratah-ratah dan akhirnya dibinasakan? Adakah kita akan kecundang??

Subhanallah! Sekali-kali tidak!

Sesungguhnya kita akan MENANG kerana kita adalah UMAT ISLAM!

Kita ada ALLAH, Tuhan Yang Maha Esa, Maha Pencipta sekalian alam. Allah yang Maha Luas RahmatNya tetapi juga MAHA KERAS hukumanNya. Allah yang telah menenggelamkan kaum Nabi Nuh dalam bah besar yang melitupi seluruh mukabumi, Allah yang telah membinasakan kaum Thamud melalui suatu tempikan dari langit yang dahsyat, Allah yang telah menghancurkan kaum Ad melalui puting beliung dan ribut taufan, Allah yang telah menghapuskan kaum Nabi Lut AS apabila mereka dengan rumah-rumah mereka diangkat ke langit dan dihumban kembali ke bumi, Allah yang telah melupakan kaum Nabi Syuaib AS melalui api dari langit, Allah yang telah melingkupkan Firaun *Laknatullah* dan bala tenteranya di tengah-tengah Laut Merah sedangkan laut yang sama menyelamatkan Bani Israil dan Nabi Musa AS, dan Allah yang sama juga yang telah membinasakan Abrahah dan bala tenteranya melalui bedilan batu-batu kecil dari neraka oleh segerombolan burung-burung, membinasakan Qarun yang ditelan bumi beserta segala harta benda dan para pengikutnya serta berbagai lagi kisah kebinasaan umat-umat terdahulu yang engkar padaNya.

Dan pada sisi Allah *jalla jallaluh*, Agama Islam itu adalah SATU-SATUNYA AGAMA KEBENARAN sedangkan yang lain itu adalah batil dan batal belaka !!

Firman Allah SWT yang maksudnya:

“Dialah yang mengutus RasulNya dengan (membawa) petunjuk dan agama yang benar, supaya Dia memenangkan agama itu atas sekalian agama, walaupun orang-orang Musyrikin tidak menyukainya.”
(Ash-shaf : 9)

Rasulullah SAW pula bersabda :

” Jika dunia ini hanya tinggal sehari saja sekalipun nescaya Allah akan bangkitkan seorang lelaki dari keluargaku (Imam Al-Mahdi) yang akan memenuhinya dengan keadilan sebagaimana ia dipenuhi dengan kekejaman.” (HR Abu A-Tufail)

MAKA SESUNGGUHNYA ISLAM AKAN MENANG KERANA ITU
JANJI ALLAH DAN ALLAH TIDAK PERNAH MEMUNGKIRI JANJINYA!!

Di situlah letaknya harapan umat Islam hari ini. Iaitu terhadap janji Allah SWT yang disampaikan oleh Malaikat Jibrail AS kepada junjungan mulia, Rasulullah SAW.

Kita tidak perlu gusar kerana Allah tetap akan memelihara agamaNya serta memberi kemenangan kepada umat Islam sabit masa yang tertakdir. Apa yang terlebih penting ialah pemahaman mengenai hakikat zaman yang terbentang di hadapan kita dan yang bakal menyusul kemudiannya.

Sesungguhnya, zaman yang terbentang di hadapan kita dan yang bakal menyusul bolehlah diumpamakan sepertimana zaman Nabi Nuh AS. Iaitu zaman yang bakal membawa kepada turunnya bala Allah atas golongan kafirun dan kaffarahNya atas umat Islam, iaitu suatu proses penyucian kembali dunia ini dari segala macam amalan ateisme, syirik dan khurafat, serta segala bentuk amalan-amalan maksiat, kemungkaran dan kesesatan yang tidak terbendung lagi dimuka bumi ini.

Bukanlah sukar untuk menghayati betapa manusia hari ini rata-rata telah menjadi penentang-penentang RABB yang menciptakan mereka dari titisan-titisan air mani. Malahan dengan bongkaknya mereka sanggup mencabar dan mengisytiharkan perang terbuka keatas Allah SWT sendiri!

Oleh itu mengikut sunatullah, bala Allah pasti akan ditimpakan ke atas mereka. Dunia terpaksa dicuci semula daripada najis pencemaran yang ditabur secara berleluasa oleh pelaku-pelaku maksiat, syirik dan kemungkaran, secara kolektif dan terang-terangan, yang dipelopori dan ditaja dengan lantangnyanya oleh kaum Yahudi serta Nasrani.

Malangnya apabila musibah menimpa, ianya tidak kenal kawan dan lawan. Sepertimana yang tertera dalam sebuah Hadeeth Rasulullah SAW seperti berikut:

Aishah RA bertanya kepada Rasulullah SAW :

“Apabila azab Allah diturunkan ke atas penduduk alam ini, adakah ia menimpa orang-orang yang soleh seperti yang bersalah ditimpakan-Nya?”

Baginda SAW menjawab:

“Ya! Ia menimpa kesemuanya dalam dunia ini tetapi pada Hari Kiamat, orang-orang yang soleh diasingkan dari orang-orang yang bersalah.”

Dalam melangkah sedetik demi sedetik kepada sabit masa proses penyucian kembali manusia dan alam yang tidak tertolak lagi itu, timbul persoalan. Bagaimana patut berdepan dengan keadaan ini? Apakah caranya golongan beriman mendapatkan perlindungan dari murka Allah?

Pada zaman Nabi Nuh AS, apabila takdir Allah mengenai azab yang bakal menimpa golongan kafirun sudah tidak tertolak lagi, baginda telah diisyaratkan untuk menyediakan sebuah bahtera besar yang bakal melindungi serta menyelamatkan golongan beriman apabila turunnya malapetaka tersebut dalam bentuk banjir besar yang melitupi seluruh mukabumi ini hatta gunung-gunung yang tinggi sekalipun.

Dalam konteks dunia Akhir Zaman hari ini yang bakal menghadapi musibah besar yang mencetuskan segala macam huru hara dan kepunahan sebelum munculnya zaman penuh rahmat (iaitu zaman *‘khalifah yang tertegak atas manhaj kenabian’* mengikut janji Allah), dimanakah dapat dicari ‘bahtera Nabi Nuh’ sebagai satu-satunya tempat berlindung di bawah naungan Allah SWT demi menyelamatkan golongan beriman dari azabNya itu ??

Hakikatnya ‘bahtera Nabi Nuh’ sudah lama wujud di kalangan umat Islam, terbuka dan bersedia untuk dinaiki demi mendapatkan nusrah dan inayah Allah SWT. Malangnya kebanyakan umat Islam hari ini bukan sahaja tidak dapat mengesan kewujudan ‘bahtera’ tersebut samada kerana buta mata hati ataupun belum mampu menghayati realiti masakini dan yang akan datang, yang menyebabkan mereka tidak mengambil langkah bersiap sedia, malahan terdapat juga golongan yang memilih untuk tidak menaiki ‘bahtera Akhir Zaman’ itu walaupun dengan rahmat Allah telah dapat menjumpainya, kerana membiarkan diri mereka terus dibelenggu oleh kepentingan nafsu dan duniawi.

Judul *‘Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu’* ini membentangkan formula *salafus soleh* sebagai jawapan kepada kemelut masakini yang menimpakan musibahnya kepada umat Islam sedunia. Buku ini sekadar menggali semula ‘landasan-landasan hakikat’ yang merupakan laluan-laluan para sahabat RA dan golongan *salafus soleh* beserta para pengikut mereka sebagai golongan Ahlus-Sunnah Wal-Jamaah yang sebenar. Laluan-laluan yang membentuk landasan-landasan hakikat ini adalah menyelusuri secara langsung kepada laluan

Rasulullah SAW sendiri. **Maka landasan-landasan hakikat inilah sebenarnya 'bahtera Nabi Nuh' yang mampu menyelamatkan umat Islam di Akhir Zaman ini.**

Sesungguhnya umat Islam hari ini perlu memilih jalan para sahabat RA dan *salafus soleh* demi menyelamatkan Iman dan Aqidah mereka serta anak cucu mereka. Justeru Akhirat mereka. Jikalau mereka enggan memilih, ataupun mengambil mudah dan berpeluk tubuh semata-mata terhadap ancaman golongan kafirun dan munafiqun kepada Islam dan umatnya, lambat laun komplot musuh-musuh Allah ini akan 'membuat pilihan' untuk mereka!! Jika keadaan ini dibiarkan berlaku, dikhuatiri celakalah golongan ini di sisi Allah dan tersingkirilah mereka daripada mendapatkan perlindungan 'bahtera Nabi Nuh' dalam zaman yang bakal menggoncang manusia dan alam fana kelak. *Nauzubillahi minzalik.*

Sesungguhnya kita beriman dengan Allah dan Hari Akhirat serta janji-janjiNya mengenai zaman kebangkitan ummah yang diterajui oleh kepimpinan ahlul-bait Rasulullah SAW sendiri, iaitu Imam Al-Mahdi Al-Muntazar AS.

Semoga Allah SWT melindungi kita dari jerat Yahudi dan Nasrani yang bermati-matian cuba meregut iman dan aqidah umat Islam hari ini. Semoga Allah juga memberikan kita taufik dan hidayahNya untuk membuat pilihan yang tepat, iaitu mendapatkan kembali serta mengamalkan semula jalan para sahabat dan golongan *salafus soleh* yang hakikatnya merupakan 'bahtera Nabi Nuh' sebagai SATU-SATUNYA PELINDUNG DAN PENYELAMAT bagi golongan beriman dalam zaman huru-hara dan punah-ranah yang kini sedang 'mengintai-ngintai di ambang pintu' itu, sebelum menyusul zaman kegemilangan umat Islam di era kepimpinan Imam Mahdi AS kelak. Ameen.

BAHAGIAN PERTAMA

Bani Israel, Yahudisme dan Zionisme

Sejarah Bani Israel (Kaum Yahudi)

Bab 1

Kaum Yahudi Dan Agama Judaisme

Sejarah kaum Yahudi yang panjang sehingga menjangkau lebih 2000 tahun lamanya adalah penuh dengan kisah-kisah kemaksiatan dan kemungkarannya, keangkuhan dan kejelekan, pengkhianatan dan pencabulan. Daripada zaman nabi-nabi dahulu yang bersambung-sambungan sehingga ke hari ini dan bakal berlanjutan sehingga menjelang Akhir Zaman kelak, bangsa Yahudi telah melakukan berbagai kerosakan di mukabumi, menjadi dalang kepada banyak sejarah pertelagahan serta pertempuran manusia yang memusnahkan jiwa dan harta benda yang bukan sedikit.

Kemakaran orang-orang Yahudi amat luas, mereka sangat pandai bermuka-muka dan sering dikaitkan sebagai bangsa penghasut dan bapa pecah-belah. Mereka terkenal sebagai kaum fasad dan onar, pencetus huru-hara dan porak-peranda. Tidak hairanlah jika kaum Yahudi sering diperangi dan diusir dari merata-rata tempat semenjak turun temurun sehingga bertaburan di sana-sini. Itulah sebabnya mereka mendapat jolokan sebagai 'umat yang berselerak' atau *'the scattered tribe'*.

Kaum Yahudi mempunyai rekod yang amat buruk dari segi layanan yang diberikan kepada nabi-nabi mereka. Bukan seorang dua, malahan hampir kebanyakan nabi-nabi Bani Israel yang membawa ajaran Tauhid telah dinista, dikeji dan didustai¹, malahan dibunuh secara kejam dengan tangan-tangan mereka sendiri².

Orang-orang Yahudi telah menfitnah Nabi Lut AS dengan tuduhan berzina dengan anak perempuannya ketika mabuk untuk mendapatkan zuriat, menuduh Nabi Daud AS melakukan zina dengan isteri orang semasa ketiadaan suaminya, mencemari Nabi Sulaiman AS dengan tuduhan mementingkan hawa nafsu dan membina rumah berhala untuk isteri-isterinya³, menfitnah Nabi Harun AS dengan tuduhan mensyirikkan

¹ Dalam Isaniah 28:7 disebut : “ Mereka hanyut bersama arak dan mabuk. Para pendeta dan nabi asyik dan tenggelam bersama-sama kemabukan arak disamping menggunakan muzik sebagai cara untuk mendapatkan wahyu.”

Dalam Hosea 4:9-15 disebut : “ Perintah Tuhan yang pertama yang diturunkan kepada Nabi Hosea; ‘Pergilah dan berzinalah dengan perempuan lacur dan hasilkan anak-anak zina kerana bumi ini berzina.’ Hosea segera akur dan melakukan zina dengan Jumar binti Dablayim.”

² Antara contohnya seperti yang diwahyukan dalam Al Quran : “ Dan kerana perkataan mereka ; Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih, Isa anak Maryam, seorang rasul Allah. Padahal bukanlah mereka membunuhnya dan bukan pula menyalibnya, melainkan orang yang serupa dengannya.” (An-Nisa' :157)

³ I King 11:4 dalam Bible Perjanjian Lama atau *Old Testament* disebut :

Allah dengan membuat patung anak lembu. Malahan banyak lagi fitnah onar telah dilemparkan ke atas nabi-nabi mereka yang maksum itu sehingga kenabian dan wahyu dikaitkan oleh orang-orang Yahudi dengan akhlak rendah dan sifat keji.

Kaum Yahudi juga telah mengada-adakan satu ‘tuhan’ yang khusus untuk bangsa mereka bergelar Yahweh atau Jehovah. Yahweh disebut sebagai tuhan yang bersifat perkauman dan ketaksuban melampau. Yahweh didakwa menyesal kerana membiarkan orang-orang Yahudi hidup dalam penderitaan dan kesengsaraan sehingga menampar dirinya setiap hari.

Yahweh juga didakwa telah berjanji dengan kaum Yahudi bahawa suatu masa nanti seorang Nabi dari kalangan mereka akan diutus ke bumi bagi menerajui suatu misi penting untuk memusnahkan semua orang bukan Yahudi yang dipanggil ‘goyim’ atau lembu. Sebagai ganjaran atas ‘ibadat’ tersebut, Yahweh berjanji untuk menyerahkan tanah, harta kekayaan, darah dan kuasa kepada kaum Yahudi dan menubuhkan sebuah Negara Yahudi di mukabumi ini atau *‘The Kingdom of God on Earth’*.

Dalam satu doktrin Yahudi terdapat arahan berikut;

“Apabila kamu menghampiri sebuah kota untuk berperang, jemputlah warga kota itu untuk berdamai. Kalau warga kota itu menyambut untuk berdamai, maka semua rakyat di dalamnya diperhambakan kepada kamu. Kalau warga kota itu enggan menyerah, malah sebaliknya memerangi kamu, maka hendaklah kamu mengepung kota itu. Apabila Tuhan menyerahkan kota itu kepada kamu, maka hendaklah kamu pancung semua orang lelaki, wanita, kanak-kanak dan binatang serta harta rampasan dalam kota itu menjadi milik kamu. Begitu juga hendaklah kamu lakukan dengan semua kota yang jauh daripada kamu. Jangan biarkan seorang pun tinggal di dalamnya.” (Tasthniah Sah : 17-10: 20)

Kejahatan orang-orang Yahudi bukan sahaja menyebabkan sumpahan oleh nabi-nabi Bani Israel, malahan Allah SWT sendiri telah mengutuk dan melaknat mereka.

“ ...Pada tahap-tahap akhir pemerintahan dan usia Sulaiman, hati baginda telah condong kepada penyembahan berhala kerana pengaruh dan pujukan isteri-isterinya. Pada usia begini tumpuan hati baginda tidak lagi sepenuhnya terhadap Tuhan jika dibandingkan dengan ayahndanya.” Nabi Sulaiman juga difitnah mencipta syair-syair yang tidak berakhlak , lihat *Song of Songs* 1:6,5:8,5:9 dan 1:13.

Firman Allah SWT yang mafhumnya :

“Telah dikutuki orang-orang kafir diantara Bani Israel diatas lidah Daud dan Isa anak Maryam. Demikian itu disebabkan mereka durhaka dan aniaya (melampaui batas).” (Al-Maaidah : 78)

“Lalu mereka ditimpa kehinaan dan kecelakaan dan mereka mendapat murka Allah. Demikian itu kerana mereka membantah ayat-ayat Allah dan membunuh Nabi-Nabi mereka secara tidak benar. Demikian itu sebab mereka durhaka dan melampaui batas.” (Al-Baqarah : 61)

Rujukan kepada kitab agama Yahudi yang dikenali sebagai Judaisme dapat memberikan pemahaman penuh mengenai sifat dan sikap mereka, pemikiran, kepercayaan dan pegangan mereka, tindak-tanduk serta hubungan kemanusiaan mereka dengan bangsa-bangsa lain. Dalam hal ini, penyelewengan dan kesesatan kaum Yahudi dapat dijejaki secara langsung dari beberapa ajaran asas Judaisme yang terkandung dalam kitab-kitab induk mereka itu.

Kaum Yahudi mempunyai dua kitab induk iaitu TAURAT dan THALMUD. Kitab Taurat pada asalnya merupakan kitab suci yang diturunkan Allah SWT kepada Nabi Musa AS. Ianya membawa ajaran Agama Tauhid, iaitu tentang keEsaan Allah, Tuhan semesta alam dan tiada sekutu bagiNya. Malangnya kaum Yahudi telah mengubah pinda ajaran At-Taurat dengan berbagai penyelewengan dan kesesatan mengikut sesuka hati mereka.

Kitab Thalmud pula merupakan buku yang mentafsir ajaran At-Taurat dan dicipta seratus peratus oleh para rahib Yahudi mengikut kehendak nafsu mereka.

Menurut rahib-rahib Yahudi yang awal di kalangan kaum Pharisees, kitab Taurat mengandungi dua jenis tafsir, iaitu ‘tafsir zahiriyyah’ dan ‘tafsir batiniyyah’. ‘Tafsir batiniyyah’ didakwa mengandungi makna-makna tersirat yang lebih mendalam. Kaum Pharisees mendakwa mereka mempunyai otoriti untuk mentafsir makna-makna batiniyyah yang tersirat dalam ajaran At-Taurat itu kerana salah seorang dari rabbai mereka yang bernama Akiba pernah berpengalaman ‘hidup di Syurga’ dan masih ingat apa yang berlaku. Rahib-rahib Pharisees juga mendakwa bahawa ‘tuhan’ Yahweh mengikut suara ramai atau kehendak majoriti khasnya dari kalangan para rabbai Yahudi, maka tafsiran-tafsiran batiniyyah mereka mendapat restu Yahweh!⁴

⁴ Sulaiman Noordin, ‘Sejarah Pemikiran, Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan Orde Baru Dunia’, UKM, 1999, hlm 174

Dalam kitab Thalmud inilah diletakkan segala ‘tafsiran batiniyyah’ At-Taurat yang mengandungi berbagai kesesatan, syirik dan pendustaan kepada ajaran Nabi Musa AS yang sebenar. Para Rahib Yahudi telah menganggap bahawa kepentingan Thalmud mengatasi kepentingan Taurat. Rahib-rahib Yahudi bukan sahaja mendakwa bahawa ‘tuhan’ Yahweh telah mengizinkan mereka menulis kitab Thalmud, malahan Yahweh juga dijadikan ‘kambing hitam’ untuk orang-orang Yahudi melaksanakan berbagai kesesatan dan penyelewengan dalam kitab-kitab induk mereka yang didakwa dibuat atas perintah dan restu ‘tuhan’ mereka itu.

Antara ajaran asas Judaisme yang terkandung dalam kitab Thalmud adalah seperti berikut;

1. Setiap orang Yahudi hendaklah menghalang orang-orang bukan Yahudi (goyim atau lembu) daripada memiliki tanah supaya kekuasaan tetap berada di tangan orang-orang Yahudi sahaja.
2. Supaya orang-orang Yahudi dapat memerintah, mereka harus mencetuskan peperangan antara bangsa-bangsa. Sepertiga daripada dunia hendaklah dimusnahkan.
3. Sekiranya kaum Yahudi tidak wujud, keberkatan akan lenyap daripada bangsa-bangsa lain.
4. Orang-orang bukan Yahudi adalah umpama anjing-anjing dan keldai. Hanya bangsa Yahudi sebagai bangsa pilihan sahaja yang layak hidup sedangkan bangsa-bangsa lain adalah keldai yang dicipta untuk berkhidmat kepada bangsa Yahudi.
5. Kaum Yahudi tidak boleh menunjukkan belas kepada orang-orang bukan Yahudi. Orang-orang Yahudi harus menipu dan bermuka-muka kepada orang-orang bukan Yahudi apabila diperlukan.
6. Orang-orang Yahudi harus menguasai orang-orang bukan Yahudi. Orang-orang Yahudi berhak menguasai dunia beserta apa yang ada didalamnya melalui ekonomi ribawi.
7. Kalau seorang Yahudi menjadi hakim antara orang Yahudi dengan yang bukan Yahudi, dia harus berusaha memenangkan orang Yahudi walaupun dengan jalan tipu dan perdaya.
8. Roh orang-orang Yahudi bersumber dari roh Allah, sedangkan roh golongan bukan Yahudi bersumber dari roh najis.

Sesungguhnya kaum Yahudi telah banyak kali diberi peluang oleh Allah SWT untuk bertaubat dan kembali ke pangkal jalan. Satu demi satu utusanNya dihantar kepada mereka atas maksud tersebut, namun kebanyakan orang-orang Yahudi tetap berkeras dan menyombong dalam keenggaran mereka. Sehingga di zaman Rasulullah SAW apabila Allah memberikan peluang terakhir kepada Bani Israel. Malangnya mereka tetap menolak cahaya kebenaran, maka akhirnya Allah SWT telah melabuhkan tiraiNya atas mereka dan menurunkan laknatNya.

Sesungguhnya kejahatan Yahudi semenjak zaman Nabi-Nabi yang masih tidak berubah sehingga hari ini telah hampir sampai kemuncaknya, yang mana kalau dahulu kejahatan mereka adalah terhad dan terbandung, namun pada hari ini ianya menjadi amat berleluasa sehingga menular ke serata ceruk rantau dunia.

Kini bangsa Yahudi telah berjaya memberanakkan 'zombi-zombi' acuan mereka dari berbagai bangsa dan agama termasuklah dari kalangan umat Islam sendiri. Bangsa-bangsa bukan Yahudi atau goyim-goyim ini juga telah berjaya dikawal, dikuasai dan diporak-perandakan, malahan ramai yang dijerat menjadi keldai-keldai tunggangan Yahudi⁵ melalui jaringan-jaringan yang dikuasai seperti politik, ekonomi dan media massa.

Hakikatnya, jika kaum Yahudi terus menerus dibiarkan bebas laku dengan kerja-kerja jahat mereka merosakkan kehidupan semua bangsa-bangsa lain, ianya boleh memudaratkan manusia sejagat dan membawa ke jurang kebinasaan dunia dan akhirat.

Firman Allah yang bermaksud :

“Dan kamu akan melihat kebanyakan dari mereka (orang-orang Yahudi) bersegera membuat dosa, permusuhan dan memakan yang haram (pecah amanah, rasuah dan sebagainya). Sesungguhnya amat buruk apa yang mereka telah kerjakan itu.” (Al-Maa'idah : 62)

⁵ Dalam ajaran Kethubah (3b) ada menyebut : *“Benih (zuriat) seorang goyim adalah serupa dengan binatang dari segi nialainya.”*

Bab 2

Yahudi Terusir Dari Baitul Muqaddas (Jerusalem)

Rahib-rahib Bani Israel sentiasa mengaitkan kepercayaan agama Judaisme dengan tanah suci Baitul Muqaddas atau apa yang dikenali masyarakat dunia sebagai kota Jerusalem⁶. Ini berikutan bandar Jerusalem merupakan tempat bersejarah nabi-nabi Bani Israel dahulu kala, malahan di situlah juga terbitnya 'Zaman Emas' mereka di bawah kepimpinan Nabi Sulaiman AS yang redup, penuh rahmat dan gemilang.

Hakikatnya, Baitul Muqaddas (Jerusalem) bukan sahaja merupakan tanah suci Bani Israel, tetapi juga bagi orang-orang Kristian kerana di situlah tempat kelahiran Nabi Isa AS yang mereka sebut sebagai Jesus itu. Bagi umat Islam pula, Baitul Muqaddas adalah satu antara tiga tempat suci mereka, selain Haramain Mekah dan Madinah.

Kedudukan Baitul Muqaddas sebagai Tanah Suci telah diisyaratkan oleh Allah SWT dalam ayat-ayat berikut;

"Kami selamatkan Ibrahim dan Lot ke bumi yang telah Kami berkati didalamnya untuk seluruh alam." (Al-Anbiyya' : 71)

"Wahai kaumku! Masuklah kamu ke Tanah Suci yang telah diberikan Allah kepadamu dan janganlah kamu mundur ke belakang, kelak kamu menjadi orang-orang yang rugi." (Al-Maa'idah : 21)

"(Kami tundukkan) kepada Sulaiman angin badai yang bertiup dengan perintahnya, menuju bumi yang telah Kami berkati di dalamnya dan Kami mengetahui tiap-tiap sesuatu." (Al-Anbiyya' : 81)

Rasulullah SAW sendiri telah menekankan kepentingan Baitul Muqaddas seperti berikut :

Diriwayatkan dari Maimunah pembantu Rasulullah SAW ia bertanya kepada baginda : *" Wahai Nabi Allah fatwakanlah kepada kami tentang Baitul Maqdis, Rasulullah SAW bersabda: 'Ia adalah tanah tempat asal dan juga merupakan tempat berkumpul, datanglah kepadanya dan lakukanlah solat di sana kerana sesungguhnya solat di Baitul Maqdis sama dengan seribu kali solat di tempat lain', kemudian Maimunah kembali bertanya: 'Bagaimana pendapatmu wahai Rasulullah tentang*

⁶ Nama Jerusalem tidak pernah disebut dalam Al-Quran; Tanah Suci tersebut sentiasa dirujuk sebagai Baitul Muqaddas.

orang yang tidak sanggup menanggung beban padanya atau tidak mampu datang ke sana?’ Rasulullah SAW menjawab: ‘Hendaklah orang tersebut menghadiahkan minyak untuk menyalakan lampu padanya, kerana sesungguhnya orang yang memberikan hadiah kepadanya sama seperti orang yang bersolat di sana.’

Diriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW telah bersabda :

“Tidak dianjurkan untuk berpergian kecuali kepada tiga masjid: Masjidku ini (Masjid Nabawi), Masjidil Haram dan Masjidil Aqsa.”

Dalam perjalanan ke *Sidratul Muntaha* di langit tujuh semasa peristiwa Israk Mikraj, Rasulullah SAW sendiri telah singgah ke Baitul Muqaddas dengan ditemani oleh Malaikat Jibrail AS dan bersolat dengan semua nabi-nabi terdahulu di situ. Sesungguhnya Baitul Muqaddas mempunyai kepentingan besar kepada umat Islam yang menjangkau sehingga menjelang Akhir Zaman kelak.

Bagaimanakah bermulanya sejarah Baitul Muqaddas atau Jerusalem sebagai tanah suci kaum Yahudi? Mengapakah tempat tersebut dianggap hakmilik eksklusif mereka sehingga mencetuskan berbagai konflik yang hebat dengan orang-orang Arab Palestin dan dunia Islam hari ini?

Dalam konteks sejarah Bani Israel, apabila Nabi Musa AS diperintahkan Allah untuk memimpin kaumnya menghadapi suatu perjalanan yang panjang ke ‘Tanah Yang Dijanjikan’ atau ‘*The Promised Land*’ selepas mereka dibebaskan daripada cengkaman perhambaan dan kezaliman Firaun di Mesir, maka apabila sampai di luar kawasan ‘Tanah Yang Dijanjikan’ itu, sekonyong-konyong Bani Israel telah mengingkari perintah Allah untuk berjihad dengan orang-orang kafir yang menduduki wilayah tersebut.

Kedegilan mereka telah menyebabkan mereka tersasar selama 40 tahun, berpusing-pusing di tempat yang sama walaupun mereka sebenarnya hanya berada di luar kawasan ‘Tanah Yang Dijanjikan’ itu. Selepas tempuh tersebut yang mana ramai dari kalangan Bani Israel menemui ajal mereka, akhirnya barulah generasi anak-anak mereka diizinkan Allah SWT untuk menjumpai ‘Tanah Yang Dijanjikan’ serta memulakan penghidupan baru di situ.

Tanah yang dimaksudkan ini dikenali dalam sejarah sebagai wilayah Kan’aan atau Palestin. Bumi berkat ini pada asalnya merupakan tempat penghijrahan Nabi Ibrahim AS atas perintah Allah selepas

pengalaman menghadapi ancaman maut daripada Namrud semasa di Babylon kerana baginda telah membinasakan berhala-berhala sembah mereka. Oleh itu penghijrahan Bani Israel ke wilayah Kan'aan adalah umpama 'kepulangan semula' ke tanah nenek moyang mereka.

Malangnya Bani Israel tidak mudah serik walaupun beberapa kali telah menerima hukuman kerana melanggar perintah Allah. Pengalaman tersasar selama 40 tahun di luar kawasan 'Tanah Yang Dijanjikan' bukanlah yang pertama kali. Sebelum inipun dalam tempoh perjalanan dari Mesir, sebahagian besar daripada mereka telah melakukan syirik dengan menyembah seekor anak lembu emas yang dibentuk melalui sihir semasa Nabi Musa AS sedang bermunajat dengan Allah SWT di sebalik Gunung Sinai. Perbuatan terkutuk itu telah mendatangkan murka Allah, bagaimanapun mereka yang melakukan perbuatan tersebut telah menyesal dan memohon taubat serta menerima hukuman bunuh sebagai kaffarah.

Malangnya, setelah dapat menikmati kehidupan bebas dan sejahtera yang amat berbeza daripada pengalaman menjadi hamba semasa di Mesir dahulu, Bani Israel masih tidak tahu bersyukur dan berpuas hati. Bahkan mereka pula yang melakukan kezaliman serta perhambaan yang sama terhadap kaum-kaum lain yang telah dikuasai.

Walaupun Bani Israel membinasakan rumah-rumah berhala yang menjadi tempat ibadat kaum-kaum yang ditakluki itu, namun mereka agak keberatan pula untuk mengajak kaum-kaum tersebut kepada keEsaan Allah. Sebaliknya mereka telah menyibukkan diri dengan kegiatan maksiat seperti meminum arak dan berjudi walaupun larangannya telah terkandung dalam ajaran Taurat yang dibawa oleh Nabi Musa AS sebelum ini.

Semasa di Kan'aan inilah mereka mula belajar cara-cara membuat minuman keras daripada berbagai jenis pokok dan buah-buahan. Mereka juga giat mencipta berbagai jenis permainan judi yang dibuat daripada kayu ukiran dan batu-batu yang digilap⁷.

Pada masa itu Nabi Musa AS telah wafat dan digantikan dengan Nabi Yushua' AS. Perkembangan kaumnya yang mula menunjukkan tanda-tanda kepesongan telah menyebabkan baginda merasa bimbang, lalu bersegera mengingatkan mereka supaya jangan melampaui batasan. Namun jawapan yang diterima amat menggusarkan hatinya.

⁷ Hajjah Aminah Hatun, *'Lore of Light; Stories From The Lives Of The Prophets'*, (terjemahan Radhia Shukrullah), 1994, hlm 155-156

Mereka menjawab :

“Wahai Yushua’, kami sebenarnya sedia maklum tentang keburukan permainan-permainan ini, bagaimanapun kami bukanlah merekannya untuk diri kami, tetapi hanyalah bagi kaum-kaum lain yang telah kami kuasai. Jikalau kami tidak melalaikan mereka dengan hal-hal yang dapat mengalihkan perhatian mereka dari kami, maka sudah tentu mereka akan bangkit menentang kami⁸. Kami sengaja meracuni kehidupan mereka supaya kaum kami dapat hidup bersih dan menjadi orang-orang yang bertaqwa.”

Nabi Yushua’ lantas menegur :

“Wahai Bani Israel, perbuatan kamu bukanlah perbuatan yang baik dan tidak layak ianya datang dari kaum yang telah melahirkan ramai Nabi yang dirahmati Allah. Sesungguhnya tiada orang yang diciptakanNya untuk membuat kemungkaran dan bukanlah matlamat penciptaan sesiapaupun untuk melakukan kedurjanaan di mukabumi ini. Berhati-hatilah kamu, kelak senjata yang kamu reka itu akan diacuhkan kembali kepadamu dan kamu akan menjadi mangsa atas perbuatanmu sendiri. Bukankah kamu patut mendidik mereka dengan nusrah Allah, bukannya menokok-tambah kesesatan mereka dan menyelewengkan mereka.”

Sekali lagi mereka menjawab :

“Apa kena mengena mereka dengan Tuhan kami, Tuhan bagi Bani Israel? Sesungguhnya kaum-kaum lain tidak ada kena mengena dengan hal ini (iaitu Tuhan Bani Israel).”

Begitulah putar belit Bani Israel, sehingga dalam tempuh yang singkat sikap dan tindak-tanduk mereka telah mula menyusahkan diri mereka sendiri. Perbuatan suka mencari fasad telah menyebabkan mereka dibenci dan sentiasa diancam oleh kaum-kaum lain yang menduduki sekitar Kan’aan, sehingga ada kalanya mereka pula yang terpaksa menjadi pelarian demi menyelamatkan diri. Antara ancaman yang paling ditakuti datangnya dari kaum gasar yang kuat, besar dan ganas, iaitu kaum Amalakit yang diperintah oleh gergasi Jalut⁹.

⁸ Bani Israel kluatir bahawa kekejaman dan perhambaan yang mereka lakukan terhadap kaum-kaum lain yang telah dikuasai menyebabkan mereka ditentang. Bagi mengelakkan kemungkinan tersebut, maka diciptakanlah berbagai permainan dan perjudian yang meleakakan. Bukankan keadaan tersebut menyerupai penghidupan dunia moden masakini yang didominasi oleh orang-orang kafir Yahudi dan Nasrani. Lakukan kezaliman dan penindasan, sogokkan dengan hiburan dan maksiat yang asyik dan meleakakan supaya mereka tidak ditentang?

⁹ Sebagaimana raja-raja Mesir dipanggil Firaun, raja-raja Babylonian dipanggil Namrud, maka raja-raja Amalakit dipanggil Jalut.

Disebabkan huru-harunya keadaan Bani Israel yang sentiasa berkonflik dengan kaum-kaum lain, maka akhirnya tercetus hasrat mereka supaya Allah SWT mengadakan seorang Raja yang boleh memimpin mereka memerangi kaum-kaum liar itu.

Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Tidakkah engkau ketahui satu kaum diantara Bani Israel sesudah (wafat) Musa, ketika mereka berkata kepada Nabi mereka; Utuslah seorang raja untuk kami, supaya kami berperang di jalan Allah. Berkata Nabi itu: Barangkali kamu tiada mahu berperang jika diperlukan peperangan itu atas kamu. Jawab mereka itu: Mengapakah kami tiada mahu berperang pada jalan Allah, sedang kami dan anak-anak kami diusir orang dari kampung kami.

Maka tatkala diperlukan peperangan atas mereka, mereka berpaling (tiada mahu mengikut), kecuali sedikit diantara mereka. Allah Maha Mengetahui orang-orang yang aniaya itu.” (Al Baqarah : 246)

Permintaan mereka untuk beraja telah dikabulkan Allah apabila Thalut dari keturunan Bunyamin (satu daripada suku Bani Israel), dipilihNya sebagai Raja. Bagaimanapun pada awalnya Bani Israel telah mempersoalkan kelayakan Thalut yang tidak mempunyai kekayaan mahupun pengaruh itu, apatah lagi beliau berasal dari keturunan Bunyamin, dan suku-suku lain amat prejudis pada keturunannya. Bagaimanapun mereka terpaksa akur dengan pilihan tersebut sejurus mendapat alamat besar bahawa Thalut sememangnya pilihan Allah dan bukannya pilihan Nabi Samuel (yang menggantikan Nabi Yushua')¹⁰. Maka Raja Thalut pun bersiap sedia untuk memimpin angkatan Bani Israel yang kecil bilangannya itu untuk berperang dengan tentera gergasi Jalut.

Di sini terbitlah kisah sejarah nabi-nabi yang terkenal, iaitu mengenai seorang anak kecil yang bernama Daud yang ditakdirkan Allah membunuh Raja Amalakit, gergasi Jalut yang amat kuat dan digeruni itu hanya dengan menggunakan sebilah lastik burung. Selepas Jalut berjaya dibunuh, maka pecalah perang diantara kedua belah pihak yang mana

¹⁰ Alamat tersebut muncul dalam bentuk Peti Tabut yang dibawa oleh Malaikat ke rumah Thalut. Banyak riwayat mengenai isi kandungan Peti Tabut ini, antaranya ialah serpihan batu yang mengandungi surah-surah At-Taurah, tongkat Nabi Musa dan Nabi Harun, sandal dan jubah mereka. Riwayat yang lain pula menyebut Peti Tabut mengandungi makanan dari syurga, iaitu *Manna* dan *Salwa* yang menjadi makanan Bani Israel semasa mereka tersasar selama 40 tahun di luar wilayah Kan'aan. Wallahu 'alam. Dikatakan Peti Tabut akan muncul kembali di zaman Imam Mahdi AS kelak sebagai tanda kebenarannya sebagai Khalifah umat Akhir Zaman pilihan Allah SWT sendiri.

Allah SWT telah memberikan kemenangan kepada Bani Israel dalam sesingkat masa.

Selepas peristiwa tersebut, Daud dikahwinkan dengan anak perempuan Thalut. Allah SWT juga telah melantik baginda sebagai Nabi dan selepas kemangkatan Thalut, memerintahkan supaya kerajaannya diserahkan kepada Nabi Daud AS. Nabi Daud juga telah mendapat perintah Allah untuk membangunkan semula sebuah kawasan di wilayah Kan'aan yang dipanggil Jebus, yang telah lama ditinggalkan sehingga menjadi gersang dan terbiar.

Di Jebus, Allah SWT telah memerintahkan Nabi Daud AS supaya menempatkan Peti Tabut dan menjadikan kota tersebut ibu negeri bagi kerajaan baginda. Allah SWT juga telah mengkhabarkan mengenai rancangannya untuk mendirikan sebuah tempat ibadat yang paling agung dalam sejarah kemanusiaan, kemudiannya kelak dikenali sebagai Haikal Sulaiman atau *'Temple of Solomon'*.

Dari sini bermulalah sejarah kegemilangan Kota Jebus, yang ditukar namanya kepada tanah suci Baitul Muqaddas (Al-Quds) ataupun Jerusalem. Di sini jugalah Bani Israel dibimbingi dengan ajaran-ajaran kitab Taurat.

Firman Allah SWT yang bermaksud :

"Kemudian mereka itu mengalahkan Jalut serta tenteranya dengan izin Allah, dan Daud dapat membunuh Jalut dan Allah memberikan kerajaan dan hikmah kepada Daud serta mengajarkan apa-apa yang dikehendakinya." (Al Baqarah : 251)

Seperti yang telah disebutkan, semasa zaman pemerintahan Nabi Daud AS, baginda telah dikhabarkan mengenai rancangan Allah untuk membina sebuah masjid agung di tanah suci Baitul Muqaddas. Maka dalam waktu yang afdhal, Nabi Daud AS telah memulakan tugas mulia itu, namun baginda tidak sempat menyempurnakannya kerana telah wafat. Tanggungjawab tersebut dilanjutkan oleh puteranya Nabi Sulaiman.

Bagi memastikan tugas yang berat itu dapat disempurnakan dengan redho Allah, maka Nabi Sulaiman telah mengambil khidmat ahli-ahli binaan dan para tukang yang terbaik yang didatangkan dari seluruh pelosok dunia. Baginda juga telah memerintahkan kaum jinn untuk menggali emas dan batu permata daripada perut bumi serta batu karang dan permata dari dasar lautan untuk dijadikan tiang-tiang dan dinding-

dinding masjid. Harum-haruman amber dan kasturi juga digunakan dalam pembinaan tersebut.

Masjid yang dinamakan **Haikal Sulaiman** ini bukan sahaja mendatangkan rahmat, kesejahteraan serta menjadi simbol keagungan era pemerintahan Nabi Sulaiman AS, malahan ianya juga menjadi mercu Bani Israel dan keturunan mereka sehingga pada hari ini, kerana pada zaman itulah Bani Israel mengecapi 'Zaman Emas' mereka.

Bagaimanapun, selepas kewafatan Nabi Sulaiman AS dalam tahun 935 SM, keadaan Bani Israel sekali lagi jatuh merosot. Mereka sering bercakaran sesama sendiri sehingga menghadapi pecah belah yang hebat. Akibatnya terbentuklah dua kerajaan Bani Israel di Kan'aan, yang mana sepuluh dari suku mereka telah membentuk Kerajaan Utara sementara dua suku lagi, iaitu suku Yahuda dan Bunyamin telah membentuk Kerajaan Yahuda¹¹ di bahagian selatan. Kerajaan Yahuda kemudian telah menjadikan Baitul Muqaddas ibu negerinya.

Suku Yahuda inilah yang kemudiannya bertanggungjawab mengada-adakan 'tuhan' Yahweh yang khusus untuk Bani Israel dan bersifat perkauman, pembenci serta pembalas dendam itu. Mereka juga telah menyelewengkan ajaran Nabi Musa AS apabila ketua mereka menulis Kitab Taurat yang diubah pinda dan ditokok tambah, termasuk menghalalkan apa yang Allah SWT telah haramkan seperti dalam perkara riba.

Menurut ajaran Judaisme;

*"Kamu tidak boleh memberikan pinjaman berdasarkan riba kepada saudaramu (Yahudi), atau meminjam barangan atas riba atau memberikan pinjaman apa sahaja yang dipinjam atas riba (apa sahaja yang berfungsi sebagai matawang). **Kepada orang asing (iaitu bukan Yahudi) kamu boleh memberikan pinjaman atas riba.**"* (Deuteronomy, 23: 19-20)

Selain giat berperang antara satu sama lain, suku-suku Bani Israel juga telah membunuh Nabi Zakariyya AS dengan membelah pokok yang menyembunyikan baginda, memenggal leher puteranya Nabi Yahya AS dan cuba membunuh Nabi Isa AS di atas salib, bagaimanapun Allah SWT telah menyelamatkan baginda dan membawanya ke langit.

¹¹ Merupakan suku Bani Israel yang terbesar dan penyimpan 'Peti Tabut' yang diperolehi di zaman Nabi Musa AS. Setiap kali berperang, mereka akan membawa peti tersebut yang memberikan semangat dan kekuatan kepada tentera Yahuda.

Firman Allah SWT ;

“Dan kerana perkataan mereka ; Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih, Isa anak Maryam, seorang rasul Allah. Padahal bukanlah mereka membunuhnya dan bukan pula menyalibnya, melainkan orang yang serupa dengannya.” (An-Nisa’ :157)

Kemungkar-kemungkar Bani Israel yang melampaui batasan dan bersambung-sambung itu telah menimpakan kecelakaan yang besar dan menghinakan. Satu persatu kerajaan mereka ditakluki oleh bangsa-bangsa lain. Dalam tahun 926 SM, Raja Firaun dari Mesir telah datang menjajah mereka. Dalam tahun 722 SM, tentera Assuriyya pula telah membinasakan Kerajaan Utara dan membunuh sebahagian besar dari suku-suku Bani Israel di situ, saki baki mereka dijadikan hamba abdi. Mereka yang terlepas melarikan diri ke bahagian selatan yang di bawah kuasa Kerajaan Yahuda itu.

Bagaimanapun pada tahun 612 SM, kaum Assyria pula telah dikalahkan oleh kerajaan Babylon. Tidak berapa lama kemudian, iaitu pada tahun 586 SM, tentera Babylon yang diketuai oleh Raja Nebuchadnezzar telah menyerang Baitul Muqaddas (Jerusalem). Mereka membakar kota tersebut, menyembelih penduduknya dan memusnahkan Haikal Nabi Sulaiman AS. Dikatakan Kitab Taurat yang disimpan di dalam Haikal Sulaiman telah terbakar hangus dalam serangan tersebut.

Peristiwa penjarahan Tanah Suci Al-Quds oleh tentera Babylon dalam tahun 586 SM telah memusnahkan Kerajaan Yahuda sama sekali, sedangkan Kerajaan Utara telah dibinasakan terlebih dahulu oleh tentera Mesir dan Assuriya. Ditakdirkan Allah, tentera Mesir, Syria dan Babylon (Iraq) yang mengambil bahagian dalam pemusnahan dua kerajaan Bani Israel di Kan’aan ini kemudiannya telah memeluk agama Islam. **Keturunan bangsa-bangsa inilah yang menjadi penduduk pribumi Arab Palestin pada hari ini.**

Selepas peristiwa tersebut, Bani Israel telah cuba mendapatkan kembali wilayah Baitul Muqaddas, yang terbaik dilakukan hanyalah mendapatkan kuasa otonomi terhad semasa dibawah jajahan Romawi.

Dalam tahun 70M sekali lagi Bani Israel diserang di Baitul Muqaddas. Suatu pasukan Romawi yang diketuai oleh Jeneral Titus telah menjarah kota suci itu. Kebanyakan penduduknya dibunuh, sementara yang lain telah diusir. Haikal Nabi Sulaiman sekali lagi dimusnahkan, kali ini satu persatu batu-batuan pada dinding-dinding dan tiang-

tiangnya ditanggalkan untuk mencari bongkah-bongkah emas dan batu-batu pertama yang tertanam di dalamnya¹².

Mengenai peristiwa tersebut, Allah SWT telah berfirman :

“Telah Kami beri amaran (yang terang) kepada Bani Israel melalui wahyu: Sungguh mereka akan berbuat bencana dua kali di mukabumi (Tanah Suci) dan berlaku sombong dengan kesombongan yang besar (dan akan dibalasi dua kali).”

“Apabila datang janji (siksaan) yang pertama daripada keduanya, Kami bangkitkan kepadamu beberapa orang hamba Kami yang gagah perkasa, lalu mereka mundur-mandir (mencarimu) dalam negeri. Itulah janji yang telah disempurnakan.”

“Kemudian Kami kembalikan kekuasaanmu dan Kami anugerahi kamu harta benda dan anak-anak dan Kami jadikan kamu kaum yang banyak.”

“Jika kamu berbuat baik, nescaya itu adalah untuk dirimu sendiri. Jika kamu berbuat jahat, balasannya untuk dirimu pula. Maka apabila datang janji (siksaan) yang kedua (kami bangkitkan musuh-musuhmu) sehingga mereka menghinamu (dengan sebesar-sebesar hinaan), dan memasuki masjid (Baitul Muqaddas), sebagaimana mereka telah memasukinya pertama kali, lalu mereka membinasakan apa yang mereka kuasai dengan kebinasaan (yang hebat).” (Al-Israa’ : 4-7)

Pada tahun 132 Masihi, sekali lagi berlaku tragedi berdarah di Baitul Muqaddas. Walaupun ianya tidaklah seteruk perang yang berlaku sebelumnya dibawah arahan Jeneral Titus, namun pergolakan demi pergolakan yang dihadapi oleh Bani Israel bukan sahaja telah menyengsarakan mereka, malahan telah menyebabkan kehidupan mereka menjadi porak peranda.

Semenjak itu Bani Israel terpaksa mencari ruang penghidupan di tempat-tempat lain. Kaum mereka mula berpecah belah membawa haluan masing-masing. **Dari sini bermulalah sejarah mereka sebagai ‘bangsa yang berselerak’** ¹³.

¹² Setiap tahun bangsa Yahudi mengkhususkan satu hari sebagai Hari Peringatan untuk memperingati peristiwa penjarahan Haikal Sulaiman oleh tentera Romawi itu. Pada hari ini saki-baki binaan dinding-dinding Haikal yang musnah dipanggil ‘the wailing wall’ (dinding yg meratap).

¹³ Masyarakat Barat memanggilnya sebagai ‘The scattered tribe’ atau ‘The Jewish diaspora’

Mereka tidak kembali lagi ke Baitul Muqaddas sebagai satu kaum sehinggalah pada awal abad ke 20 Masihi, iaitu hampir 1,900 tahun selepas serangan Jeneral Titus Romawi dalam tahun 70 Masihi. Mereka hanya pulang beramai-ramai selepas termeterainya Perjanjian Balfour pada tanggal 2hb November 1917 Masihi itu yang kemudiannya membawa kepada kewujudan negara haram Israel dalam tahun 1948 Masihi.

Bab 3

Yahudi Terusir Dari Hijaz

Selepas penjarahan tentera Romawi pagan¹⁴ sehingga Bani Israel menjadi bangsa yang terhambat, terhina dan berselerak, maka sekali lagi Allah SWT dengan Maha Rahman dan RahimNya telah memberi peluang kepada mereka untuk bertaubat dan kembali kepadaNya. Dalam ayat yang berikut Allah SWT berfirman yang maksudnya:

“Mudah-mudahan Tuhanmu mengasihi kamu. Jika kamu kembali (berbuat dosa), nescaya Kami kembali pula (menyiksamu). Dan Kami adakan neraka jahannam sebagai penjara bagi orang-orang Kafir.”
(Al-Israa’ : 8)

Semenjak itu Bani Israel yang bertaburan mencari perlindungan di merata-rata tempat mula menunggu-nunggu kedatangan seorang Rasul *Khatamul Anbiyya*, sepertimana janji Allah yang terkandung dalam kitab Taurat dan Injil. Mereka berharap-harap supaya Rasul yang dijanjikan itu akan dapat mengangkat semula kaum mereka dari lembah kehinaan sebagaimana Nabi Yusuf dan Nabi Musa AS dahulunya dipilih Allah untuk memertabatkan Bani Israel. Akhirnya pengharapan Bani Israel itu menjadi kenyataan dalam bentuk kelahiran Nabi Muhammad SAW di Kota Mekah.

Bagaimanapun, ketaatan serta keimanan mereka sekali lagi teruji apabila Rasul yang dijanjikan itu tidak dipilih dari kalangan mereka, sebaliknya dilahirkan dari titisan Nabi Ismail, putera Nabi Ibrahim AS yang seorang lagi (Bani Israel adalah dari titisan putera Nabi Ibrahim yang bernama Nabi Ishak AS).

Firman Allah SWT yang bermaksud;

“.... Allah berfirman: SiksaanKu akan menimpa orang yang Kukehendaki dan rahmatKu meliputi tiap-tiap sesuatu. Nanti akan Aku tuliskan rahmat itu bagi orang-orang yang bertaqwa dan mengeluarkan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami.”

¹⁴Pada asalnya, empayar Romawi pagan mengamalkan agama berhala. Agama Kristian yang baru berkembang pada waktu itu telah ditentang oleh kaisar-kaisar Romawi dan sesiapa yang menjadi penganut agama Kristian akan dibunuh. Keadaan ini berubah dalam tahun 313M apabila Kaisar Konstantine mengeluarkan pengisytiharan Milan (*Edict of Milan*) yang membolehkan seseorang menganuti agama Kristian. Dalam Persidangan Nikea 325M, Konstantine telah mengambil agama Kristian Ortodoks (bukan ajaran sebenar Nabi Isa AS) sebagai agama resmi negara.

“(Iaitu) orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi (Muhammad), (namanya) mereka dapati termaktub di sisi mereka (iaitu dalam Taurat dan Injil), dia menyuruh mereka berbuat kebajikan dan melarang mengerjakan yang mungkar (haram), serta menghalalkan yang baik-baik (dan suci) dan mengharamkan yang buruk (dan keji); dia membebaskan bebanan mereka dan belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya dan menguatkannya dan menolongnya dan mengikut cahaya (Al-Quran) yang diturunkan kepadanya, mereka itulah orang-orang yang menang.” (Al-A’raaf :156-157)

Sebelum kelahiran Rasulullah SAW, sebahagian besar dari Bani Israel, khususnya dari suku Yahuda yang terusir dari Baitul Muqaddas telah berhijrah ke bahagian utara Hijaz, khususnya di sekitar kawasan Yathrib (kemudian dikenali sebagai Madinah). Di sini mereka sentiasa menguar-uarkan tentang kedatangan seorang Rasul dari kalangan mereka sebagaimana Allah telah memilih Nabi-Nabi Bani Israel dahulukala. Malahan atas keyakinan sebagai ‘kaum yang terpilih’, mereka sentiasa bermegah-megah bahawa kedatangan Rasul itu akan memertabatkan semula kaum mereka serta menundukkan para penggugat dan musuh-musuh mereka.

Apabila sabit masa yang dijanjikan Allah SWT itu sehingga membawa kepada penghijrahan Rasulullah SAW ke bumi Yathrib, kaum Aus dan Khazraj sudah sedia menanti dengan perasaan gembira dan hati terbuka, lalu terus menganut agama Islam dengan berlapang dada kerana telah melihat tanda-tanda kerasulan baginda sepertimana yang dikhabarkan oleh rahib-rahib Yahudi sendiri.

Persoalannya, adakah kaum Yahudi ini akan tetap taat kepada Allah sesudah nyata bahawa Rasul yang dijanjikan itu tidak dipilih dari kalangan mereka?

Malangnya mereka tidak dapat menerima kenyataan ini. Hakikat tersebut datang bagaikan mata pedang yang menusuk-nusuk hati mereka. Sesungguhnya Rasul yang dijanjikan dalam kitab Taurat dan Injil itu kini benar-benar telah berada di hadapan mata, namun baginda bukanlah seorang Bani Israel, dan realiti ini amat mengecewakan mereka.

Di sinilah letaknya hikmat Allah SWT. Iaitu untuk menguji keimanan Bani Israel, samada mereka tetap taat padaNya dengan mengakui kerasulan Nabi Muhammad SAW yang kali ini tidak dipilih dari titisan Bani Israel.

Sebagai menunjukkan Rahman dan RahimNya yang Maha Luas, Allah SWT tetap memberi peluang kepada Bani Israel untuk

bermuhassabah demi kebenaran, mudah-mudahan mereka dapat mengawal diri dari hasutan syaitan, dapat bersabar dan redho dengan ketentuannya mengenai hakikat kerasulan Nabi Muhammad SAW itu.

Berikutnya, Rasulullah SAW telah cuba memujuk Bani Israel. Baginda bukan sahaja membuat perjanjian tolong menolong dalam ikhtiar cuba menyatukan hati-hati mereka dengan kaum-kaum Arab di Madinah, bahkan dalam tempoh 17 bulan, Rasulullah SAW telah bersolat dengan berkiblat ke arah Baitul Muqaddas yang merupakan qiblat Bani Israel serta berpuasa bersama-sama mereka pada hari-hari tertentu mengikut cara mereka (dari matahari tenggelam sehingga matahari tenggelam) seperti yang terkandung dalam ajaran Taurat asal.

Namun ego kebanyakan dari golongan ini telah mengelabui pemikiran mereka. Mereka melihat kepada Rasulullah SAW dan 'agama baru' yang dibawanya itu sebagai ancaman yang mampu menggugat monopoli Bani Israel kepada agama Tauhid. Orang-orang Yahudi memandang kepada baginda dan kaum Muslimin dengan penuh perasaan kesumat, dengki dan marah kerana merasakan status mereka sebagai 'bangsa pilihan Tuhan' kini telah dicabar.

Selepas berakhirnya tempoh 17 bulan, nyatalah keangkuhan dan kedegilan telah menyebabkan kebanyakan dari mereka dengan tegas menolak Rasulullah SAW walaupun jelas tanda-tanda kerasulan baginda tidak mampu dipertikaikan lagi.

Allah SWT berfirman yang maksudnya :

"Orang-orang yang kami datangkan Kitab kepadanya, mereka kenal akan dia (Muhammad) sebagaimana mereka kenal akan anak-anak mereka sendiri. Sesungguhnya golongan mereka menyembunyikan kebenaran, sedang mereka mengetahuinya." (Al-Baqarah : 146)

"...Tatkala datang kepada mereka apa yang mereka ketahui (Muhammad), mereka mengingkarinya; Maka kutukan Allah atas orang-orang kafir itu." (Al-Baqarah : 89)

Keangkuhan serta kemungkarannya mereka telah menyebabkan Allah SWT akhirnya memerintahkan Rasulullah SAW untuk mengubah arah kiblat dari Baitul Muqaddas kepada kota Mekah, mewahyukan *Qital* (jihad) dan mewajibkan puasa dari fajar sehingga matahari tenggelam.

Apabila kaum Yahudi mempersoalkan tindakan Rasulullah SAW mengubah arah kiblat dari Baitul Muqaddas kepada kota Mekah, Allah SWT telah menyelar mereka melalui FirmanNya yang bermaksud :

“Nanti akan berkata orang-orang yang bodoh diantara manusia; Mengapakah mereka (orang-orang Islam) berpaling dari kiblatnya yang dahulu (Baitul Muqaddas)? Katakanlah: Kepunyaan Allah Timur dan Barat. Dia menunjuki siapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus.” (Al-Baqarah : 142)

Termaktubnya perintah Allah SWT ini secara otomatis telah memansuhkan kitab Taurat.

Orang-orang Yahudi semakin memusuhi umat Islam apabila para penganutnya mula berkembang. Mereka membuat cabaran terbuka kepada ajaran Rasulullah SAW serta cuba memperdaya pihak Muslimin dengan menyelitkan unsur-unsur kepalsuan dan kebatilan dalam ajaran-ajaran kitab Taurat yang asli. Malahan mereka mula berkomplot untuk membinasakan Rasulullah SAW sebagaimana yang cuba dibuat oleh nenek moyang mereka kepada Nabi Isa AS dahulukala. Tindak-tanduk mereka mendapat sokongan dan galakan yang kuat dari Musyrikin Mekah.

Firman Allah SWT :

“Alangkah buruknya mereka itu menjualkan dirinya dengan mengingkarkan kitab yang diturunkan Allah kerana iri hati, disebabkan Allah melimpahkan kurniaNya kepada sesiapa daripada hamba-hambaNya yang disukai. Maka mereka itu akan mendapat kemurkaan yang berganda. Bagi orang-orang kafir adalah azab yang hina.” (Al-Baqarah : 90)

Kaum Yahudi juga membuat pengkhianatan demi pengkhianatan kepada perjanjian perdamaian atau ‘*treaty*’ yang dibuat dengan pihak Muslimin semasa Rasulullah SAW mula-mula berhijrah ke Madinah.

Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Adakah tiap-tiap mereka membuat suatu perjanjian, sebahagian mereka melanggarnya, bahkan kebanyakan mereka tidak beriman.” (Al-Baqarah : 100)

“Demikian itu sebab mereka (Bani Israel) berkata: Tiada berdosa kita terhadap orang-orang ummi (bukan Bani-Israel). Dan mereka berkata dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui.” (Ali Imran : 75)

Kemuncak kepada pengkhianatan ini ialah apabila mereka menghasut dan mengumpulkan lebih 12,000 orang dari berbagai kabilah Musyrikin untuk bersatu menentang pihak Muslimin dalam peristiwa Perang Khandak.

Hal ini benar-benar menguji kesabaran umat Islam kerana kebetulan masa itu kota Madinah diserang kemarau hebat yang melumpuhkan kekuatan mereka. Tentera Islam yang dapat disediakan hanyalah 3,000 orang. Namun berkat kesabaran, ketaatan dan do'a kaum Muslimin, Allah SWT telah menurunkan nusrahnya dengan menggagalkan persekutuan kabilah-kabilah Musyrikin dan kaum Yahudi untuk membinasakan umat Islam secara muktamad. Selepas peristiwa tersebut, kebanyakan Bani Israel di Madinah telah dihukum bunuh kerana mencabuli perjanjian tolong menolong yang dipersetujui pada awalnya dengan pihak Muslimin.

Dalam Perang Khaybar, sekali lagi Rasulullah SAW terpaksa berhadapan dengan lebih 10,000 kaum Yahudi yang sentiasa mencari peluang menabur fasad dan onar demi membinasakan umat Islam. Dan sekali lagi Allah SWT telah memberi kemenangan kepada umat Islam.

Sesungguhnya Bani Israel telah berulang kali diberi peluang bertaubat semenjak zaman Nabi-Nabi mereka, walaupun hampir setiap kali juga kebanyakan mereka lebih rela memilih jalan pendurhakaan dan kesesatan. Peluang terakhir untuk mendapat keampunan serta rahmat Allah yang dibentangkan pada zaman Rasulullah SAW tetap juga mereka khianati, maka akhirnya Allah SWT telah menunjukkan 'QAHHAR'Nya.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Orang-orang Yahudi berkata: ‘Tangan Allah itu dibelenggu.’ Sesungguhnya tangan merekalah yang dibelenggu dan merekalah yang dilaknat, ekoran dari apa yang mereka katakan itu. Tidak begitu, tetapi kedua-dua tangan Allah terbuka. Dia menafkahkan sebagaimana Ia kehendaki. Dan Al-Quran yang diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu, sangat-sangat akan membantah kederhakaan dan kekafiran ramai diantara mereka. Dan telah kami timbulkan permusuhan dan kebencian diantara mereka, hinggalah ke hari kemudian (Hari Kiamat). Setiap mereka menyalakan api perpecahan dan peperangan, Allah memadamkannya, dan mereka berbuat kerosakan di muka bumi; dan Allah tidak sukakan orang-orang yang membuat kerosakan.” (Al-Maa'idah : 64)

Semenjak itu kaum Yahudi tidak berani lagi menongkah muka ke langit dan ramai terpaksa lari ke Syria menyepikan diri buat sementara

waktu berikutan kemenangan umat Islam dalam peristiwa Fatah Mekah, pembuka zaman kegemilangannya.

Namun kaum Yahudi adalah bangsa yang resah dan tidak mudah berdiam diri. Mereka sentiasa mencari-cari kesempatan untuk membalas dendam keatas umat Islam, sebagaimana mereka juga masih mencari-cari kesempatan membuat fasad kepada bangsa Romawi (bangsa-bangsa Eropah). Orang-orang Yahudi masih tidak lupa dan masih berdendam atas tragedi penjarahan Haikal Sulaiman dan pengusiran kaum mereka secara hina-dina oleh orang-orang Romawi pada suatu masa dahulu.

Bagi kaum Yahudi, umat Kristian dan umat Islam adalah sasaran utama kesumat mereka. Dan demi masa, kedua-dua kelompok ini akan mereka hancurkan atas nama *fisabili Yahweh!!*

Bab 4

Yahudi Menjadi ‘Umat Yang Berselerak’

Akibat daripada perilaku dan tabiat keji mereka sendiri, kaum Yahudi sentiasa dilabel sebagai bangsa yang jahat, raja lintah darat, perosak, penghasut, penyeleweng, talam dua muka dan amat membahayakan. Mereka sentiasa dibenci, dimusuhi, ditentang, diusir dan diperangi secara besar-besaran, walaupun oleh gerakan gereja dan monarki Eropah.

Bukan sahaja kaum Yahudi mempunyai rekod yang amat buruk dengan umat Islam semenjak zaman Rasulullah SAW lagi, malahan mereka juga sentiasa mencari jalan permusuhan dengan orang-orang Kristian.

Pada asalnya Yahudi bukanlah sahabat Kristian dan Kristian bukan pula sahabat Yahudi. Sebelum menganut agama Kristian, empayar Romawi pagan (penyembah berhala) telah berkali-kali memerangi Yahudi dan mengusir mereka dari Baitul Muqaddas. Kaisar Romawi Hadrian yang pernah menyerang Baitul Muqaddas dalam tahun 132 Masihi telah mengisytiharkan bahawa kaum Yahudi tidak dibenarkan pulang. Perisytiharan ini adalah lanjutan daripada pengusiran Yahudi semasa serangan tentera Romawi dalam tahun 70 Masihi sebelumnya yang mula mencipta sejarah mereka sebagai ‘umat yang berselerak’. Arah tersebut dilanjutkan pada masa pemerintahan Kaisar Byzantine Konstantine di awal tahun 300 Masihi.

Apabila Kaisar Konstantine mengambil Kristian Ortodoks sebagai agama resminya dalam tahun 325M¹⁵, kaum Yahudi masih tetap menjadi sasaran kebencian masyarakat Barat. Permusuhan ini tetap berlanjutan apabila agama Kristian berpecah dua kepada Mazhab Ortodoks dan Mazhab Katolik yang membawa kepada perpecahan empayar Romawi.

Kemudian apabila Kristian Katolik mula dianuti oleh kebanyakan negara-negara Eropah yang terbit selepas kehancuran empayar Romawi, kebencian orang-orang Kristian Katolik pada bangsa Yahudi semakin bertambah-tambah kerana banyak kerosakan yang dilakukan mereka di tempat-tempat penempatan semula selepas mereka bercerai berai akibat

¹⁵ Kristian Ortodoks bukan ajaran Nabi Isa AS yang asal. Kaisar Konstantine mengiktiraf aliran fahaman Kristian yang menyeleweng, sedangkan ajaran Tauhid bawaan Nabi Isa AS yang sebenar telah ditolaknyanya. Ini berikutan fahaman Kristian Ortodoks yang berpegang pada konsep ‘Trinititi’ itu mirip kepada kepercayaan masyarakat pagan Romawi yang syirik berbanding dengan ajaran Tauhid yg mengEsakan Allah SWT seperti dalam ajaran Nabi Isa AS yang asal.

penjarahan Baitul Muqaddas dan pengusiran mereka dari utara Hijaz (Madinah dan Khaybar).

Catatan sejarah telah menuding kepada peranan Yahudi dalam peristiwa pembunuhan umat Kristian secara besar-besaran pada tahun 524 Masihi dalam tragedi *Pembunuhan Akhdud* (Parit-Parit), iaitu dengan mencampakkan puluhan ribu orang Kristian dalam parit-parit berapi.

Dalam tahun 621 Masihi, Kaisar Byzantine Heraclius¹⁶ pula telah menguatkuasakan pengisytiharan yang dikeluarkan oleh Kaisar Hadrian dan Kaisar Constantine sebelumnya berikutan tindakan Yahudi melakukan pemberontakan dengan merosakkan biara-biara dan gereja-gereja Kristian di salah sebuah jajahan Romawi di Sur (Babil). Pemberontakan tersebut telah menyebabkan seluruh kaum Yahudi mendapat hukuman bunuh. Lantas mereka bertindak membalas dendam dengan mengkhianati perjanjian persahabatan dengan Kristian Romawi dan menyebelahi Parsi dalam perang Parsi-Romawi, serta menebus 80,000 orang Romawi yang ditawan oleh Parsi dan menyembelih kesemuanya atas nama *fisabili Yahweh*.

Dalam Muktamar Maskoni Keempat tahun 1215 Masihi, pusat gereja Katholik yang berpengaruh kuat dalam dunia Eropah pada masa itu telah mengeluarkan suatu perisytiharan yang berkaitan dengan masalah Yahudi di seluruh Eropah, khususnya dari golongan murabin (pemakan bunga) dan saudagar-saudagar mereka.

Antara kandungan perisytiharan tersebut adalah berikut ;

“Kerana belas kasihan kita, mereka (Yahudi) menjadi kawan, tetapi mereka adalah sangat merbahaya, bahayanya seperti ulat dalam buah apple atau ular bisa di dalam dada.”

(Pengisytiharan Pope Innocent III tahun 1215 Masihi Canons No 67-70 Roman Katolik)

Pihak gereja merasa amat kecewa melihat golongan murabin dan saudagar Yahudi memperalatkan orang-orang Kristian yang dijadikan *‘front man’* dalam urusan mereka, sedangkan Yahudi-Yahudi ini bersembunyi di sebalik tabir operasi. Pekerja-pekerja Kristian ini akan dikecam serta diberi hukuman berat dalam sebarang kesalahan urusan mereka, sedangkan tuan-tuan mereka yang sebenarnya bertanggungjawab terlepas dari beban tuduhan.

¹⁶ Kaisar Heraclius inilah yang mendapat perutusan dari Rasulullah SAW untuk masuk Islam. Bagaimanapun baginda telah menolak jemputan tersebut dengan baik kerana takut ditentang oleh biskop-biskop Kristian yang berpengaruh dalam kerajaannya.

Pihak gereja juga telah mengeluarkan undang-undang yang menyekat penggunaan riba (bunga) yang berleluasa oleh orang-orang Yahudi yang bertujuan mengumpul kekayaan secara haram. Mereka juga tidak dibenarkan mengambil wanita-wanita Kristian sebagai pekerja kerana wanita-wanita ini sentiasa diperdaya dan dijadikan pelacur serta wanita-wanita simpanan. Wanita-wanita Kristian ini juga sering diperalatkan untuk mendapat wang dan kuasa. Malangnya undang-undang tersebut gagal dikuatkuasakan dengan berkesan kerana golongan murabin, pedagang serta rabbai-rabbai Yahudi amat licik dan berpengaruh di kalangan orang-orang atasan di Eropah.

Kegagalan pusat gereja Katolik di Vatican dalam membendung kejahatan-kejahatan yang dilakukan oleh kaum Yahudi secara berleluasa telah menyebabkan Perancis menjadi negara Eropah yang pertama mengambil langkah drastik dengan mengusir semua Yahudi dari negara tersebut dalam tahun 1253M (Masihi). Pengusiran ini telah menyebabkan kebanyakan dari mereka lari ke England. Ironisnya dalam masa yang singkat kaum Yahudi telah berjaya membina pengaruh yang kuat di kalangan pemimpin gereja dan kaum bangsawan di England.

Dalam Ensiklopedia Yahudi yang berjudul Shapiro-Valentine & Co's, disebut bahawa :

“Kekayaan mereka menjadi melimpah ruah. Aaron dari Lincoln (yang mana syarikatnya masih wujud sehingga hari ini) menjadi orang yang terkaya di England. Transaksi-transaksi kewangannya meliputi seluruh negara termasuklah ramai dari kalangan golongan bangsawan dan pihak atasan gereja.”

Memandangkan racun golongan murabin Yahudi telah mula menampakkan bisanya, maka di bawah pemerintahan Raja England yang bernama King Edward I pada tahun 1275M, parlimen telah meluluskan undang-undang menyekat dan mengawal kerakusan mereka mengenakan riba yang berlebih-lebihan sehingga mencengkam rakyat England dengan hutang yang bertimbun-timbun. Bagaimanapun murabin-murabin Yahudi ini langsung tidak menghiraukannya kerana yakin atas 'kekebalan' diri mereka daripada dikenakan sebarang tindakan undang-undang, atas alasan mereka telah dapat menguasai golongan bangsawan dan pihak gereja.

Kerakusan golongan murabin Yahudi untuk menguasai kewangan dan harta-harta pemilikan telah benar-benar menyengsarakan rakyat England. Berikutan manipulasi mereka yang semakin menjadi-jadi itu, maka dalam tahun 1290M, King Edward I telah menitahkan semua orang-orang Yahudi diusir terus dari negara tersebut. Pola ini

kemudiannya diulang-ulang dalam negara-negara Eropah yang lain seperti Saxony, Hungary, Belgium, Slovakia, Austria, Netherland, Spain, Lithuania, Portugal, Italy dan Bavaria diantara tahun 1306-1551M. Sejarahwan Barat menamakan peristiwa ini sebagai *'The Great Eviction'* atau 'Pengusiran Besar-Besaran'.

Hanya sebahagian sahaja kaum Yahudi yang dibenarkan tinggal di negara-negara Eropah dan terpaksa mematuhi segala syarat yang dikenakan. Bilangan yang tinggal ini adalah sedikit dan mereka berpura-pura menganut agama Kristian demi keselamatan diri.

Dalam tahun 1569M Pope Pius V pula telah mengeluarkan arahan supaya semua orang Yahudi diusir keluar daripada negara-negara Eropah yang takluk bawah kuasa gereja. (Pranaitis, hlm 91). Pada tahun 1870M Vatican telah mengeluarkan arahan yang tidak membenarkan Yahudi memegang sebarang jawatan penting di jabatan sivil mahupun tentera.

Ringkasnya, kejengkalan tabiat kaum Yahudi yang mempunyai asal-usul dari zaman nabi-nabi dahulu telah menyebabkan mereka dihalau dari Palestin dalam tahun 132M, Semenanjung Arab (utara Hijaz) pada permulaan abad ke 7 Masihi, England dalam tahun 1290M, dari Perancis dalam tahun 1306-1394M, dari Belgium dalam tahun 1370M, dari Czechokoslavia dalam tahun 1380M, dari Russia dalam tahun 1510M, dari Itali dalam tahun 1540M dan akhirnya bangsa Jerman dalam tahun 1551M serta membunuh mereka secara beramai-ramai di zaman Hitler dalam tahun 1930an sehingga berakhirnya Perang Dunia Kedua.

Pengusiran kaum Yahudi secara besar-besaran dari negara-negara Eropah inilah yang telah menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk berhijrah ke kawasan timur, khususnya di Poland dan jajahan-jajahan empayar Khalifah Othmaniyyah.

Atas sifat belas kasihan kepada mereka, maka kerajaan-kerajaan Islamlah yang banyak bertanggungjawab melindungi kaum Yahudi daripada ancaman penderaan dan pembinaan kaum Kristian Eropah apabila mereka diusir secara besar-besaran. Malangnya seperti yang kita akan perhatikan kemudian, pertolongan yang diberikan oleh kerajaan-kerajaan Islam ini, khususnya dari Khalifah Othmaniyyah adalah ibarat 'melepaskan anjing tersepit'.

Kaum Yahudi telah melihat kepada pengusiran mereka oleh orang-orang Kristian Eropah sebagai suatu penghinaan yang tidak dapat dimaafkan. Harapan yang tinggi diletakkan kepada beberapa kerat dari kalangan mereka yang kaya dan berpengaruh, yang berjaya mendapatkan

suaka politik di tempat-tempat seperti Bordeaux, Avignon, sebahagian dari wilayah Paus Kristian, Marseille, Alsace Utara dan sebahagian dari Itali Utara.

Melalui inisiatif golongan ini, jaringan-jaringan sulit kemudiannya diwujudkan sebagai saluran menyelinap kembali murabin-murabin Yahudi yang terusir dari negara-negara Eropah. Jaringan-jaringan sulit ini juga merancang kegiatan-kegiatan ganas bagi membalas dendam keatas orang-orang Kristian yang didakwa sebagai telah menghina mereka.

Bab 5

Baitul Muqaddas Selepas Pengusiran Yahudi

Baitul Muqaddas merupakan tempat bersejarah yang banyak menyimpan kisah nabi-nabi. Antaranya, tanah suci ini pernah menjadi saksi kepada peristiwa penghijrahan Nabi Ibrahim AS serta kisah taubat Nabi Daud dan Nabi Sulaiman AS. Di situlah juga Allah SWT pernah memberikan khabar gembira kepada Nabi Zakariyya dan Nabi Yahya AS. Nabi Isa AS juga lahir di Baitul Muqaddas, diangkat ke langit dari sini dan akan diturunkan kembali ke tempat ini juga, apabila sabit masanya menjelang Akhir Zaman nanti.

Baitul Muqaddas juga adalah tempat pengkebumian Nabi Adam, Nabi Ibrahim, Nabi Ishak dan Mariam bonda Nabi Isa AS. Tidak lupa juga peristiwa Israk Mikraj, yang mana Rasulullah SAW sendiri pernah diangkat ke *Sidratul Muntaha* di langit tujuh dari tempat suci yang penuh bersejarah ini.

Sesungguhnya Allah SWT telah memuliakan Baitul Muqaddas dengan menakdirkan banyak kejadian-kejadian ruhaniyyat yang penting di situ semenjak zaman para Nabi dan Rasul. Malahan Tanah Suci ini juga bakal menjadi saksi kepada banyak peristiwa penting menjelang Akhir Zaman nanti.

Bagaimanakah keadaan Baitul Muqaddas selepas pengusiran kaum Yahudi dari situ secara beramai-ramai dalam tahun 70 dan 132 Masihi, yang mana bermulanya sejarah mereka sebagai 'umat yang berselerak'?

Semenjak empayar Romawi pagan dapat menjajah Baitul Muqaddas dan mengusir kaum Yahudi dari situ, tanah tersebut terus menerus berada dibawah taklukan mereka. Kerajaan tersebut juga pada mulanya menentang orang-orang Kristian, bagaimanapun dalam Persidangan Nikea tahun 325M telah mengambil keputusan menganut agama Kristian Ortodoks.

Dalam tahun 630M, apabila Rasulullah menghantar utusan yang membawa warqah baginda menjemput Kaisar Byzantine Heraclius menganuti Agama Islam, pada masa itu Heraclius sedang bersemayam di Baitul Muqaddas. Kebetulan Abu Sufyan pula berada di wilayah tersebut untuk berdagang. Berita mengenai seorang pemuka Musyrikin Mekah yang sedang berada di Baitul Muqaddas telah sampai ke pengetahuan Heraclius, lantas dihantar orang-orangnya untuk menjemput Abu Sufyan

ke istana kerana Heraclius berhajat untuk bertanya mengenai Rasulullah SAW.

Walaupun pada masa itu Abu Sufyan belum memeluk Islam dan amat memusuhi Rasulullah SAW, namun kerana takutkan Kaisar, beliau telah menceritakan perkara-perkara yang benar mengenai baginda. Dari temubual dengan Abu Sufyan, Heraclius berpuas hati bahawa Rasulullah SAW menepati ciri-ciri kerasulan sepertimana yang disebutkan dalam kitab Taurat dan Injil. Bagaimanapun Heraclius telah menolak jemputan tersebut dengan baik kerana takut kehilangan kuasa¹⁷ berikutan Kaisar Byzantine adalah Ketua Agama bagi Kristian Ortodoks.

Semasa pemerintahan Amirul Mukminin Sayyidina Umar Al-Khattab RA, dalam tahun 636M beliau telah mengetuai suatu misi suci untuk membebaskan Baitul Muqaddas daripada genggaman Kaisar Byzantine. Walaupun mendapat tentangan yang hebat, namun akhirnya dengan izin Allah SWT, tentera Muslimin berjaya mengalahkan angkatan Byzantine. Kemenangan ini pernah difirasatkan oleh Rasulullah SAW semasa hayat baginda.

Perkara pertama yang dilakukan oleh Khalifah Umar Al-Khattab di Baitul Muqaddas selepas kemenangannya ialah mencari bukit kecil *As-Sakhras* di tapak yang mana pada hari ini letaknya *Qubbatus Sakhras* dalam lingkungan kawasan Masjidil Aqsa. Bukit kecil *As-Sakhras* yang tergantung atas tanah tanpa sebarang pemegang yang memegangnya adalah sebuah batu karamah yang berasal dari syurga dan pernah menjadi tapak ibadat bagi kesemua para Nabi dan Rasul dahulukala. Dikatakan hanya bangunan Kaabah di Mekah al Mukarramah sahaja yang lebih suci dan utama daripada *As-Sakhras*.

Bukit kecil *As-Sakhras* inilah yang cuba mengekori Rasulullah SAW apabila baginda hendak berangkat naik ke langit tujuh dalam peristiwa Israk Mikraj. Bagaimanapun Malaikat Jibrail AS telah menghalang *As-Sakhras* daripada melakukan perkara tersebut. Kesan telapak kaki Rasulullah SAW masih boleh dilihat pada *As-Sakhras* sehingga hari ini. Di tengah-tengah *As-Sakhras* terdapat sebuah lubang kecil, yang mana dikatakan berpunca daripada tubuh Rasulullah SAW yang mulia, yang telah menembusi *As-Sakhras* apabila baginda naik ke langit sehingga melubangkannya di tengah-tengah. Sesetengah riwayat tradisi pula menyebut bahawa makam Nabi Sulaiman AS terletak betul-betul di bawah atau berdekatan dengan *As-Sakhras*. Wallahu 'alam.

¹⁷ Ketua Biskop yang menjadi saksi kepada temubual itu pula yang masuk Islam sejeurus kemudian. Namun tidak lama selepas masuk Islam, beliau telah dibunuh oleh pakatan orang-orang bawahannya kerana dituduh sebagai pengkhianat agama Kristian.

Rasulullah SAW menyebut mengenai As-Sakhras¹⁸ :

“Daku bersolat pada malam daku di Isra’kan menghadap ke Baitul Maqdis di sebelah kanan As-Sakhras.” (HR Bukhari & Muslim)

Dari Ali bin Abi Thalib beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda :

“Penghulu segala tempat adalah Baitul Maqdis, dan penghulu segala batu adalah batu di Baitul Maqdis.”

Dari Ibnu Abbas RA, dia berkata :

“Sakhras di Baitul Maqdis berasal dari syurga.”

Tidak seperti zaman-zaman sebelumnya, dalam masa pemerintahan khalifah-khalifah Islam yang menguasai Baitul Muqaddas, tidak ada sebarang peraturan yang menyekat kaum Yahudi mahupun kaum Kristian untuk tinggal di Tanah Suci itu. Mereka diperlakukan dengan amat baik dan berperilaku kemanusiaan sehinggakan Khalifah Umar sendiri pernah menggunakan belanja daripada Baitul Mal untuk diagihkan di kalangan orang tua-tua dan pesakit-pesakit Yahudi dan Kristian.

Bagaimanapun ketenangan wilayah Baitul Muqaddas di bawah perintah Khalifah Islam tergugat buat seketika dalam tahun 1099M apabila tercetusnya Perang Salib, yang mana tentera Salib dapat menakluki wilayah tersebut dan membentuk kerajaan *‘Latin Kingdom of Jerusalem’*¹⁹ di situ.

Dalam peristiwa tersebut, seramai 70,000 orang umat Islam telah dibunuh di Masjidil Aqsa hanya dalam tempoh tujuh hari sahaja. Raja Jerusalem pertama yang bernama Godfrey telah mendapat gelaran ‘Pelindung Tanah Suci’. Beliau telah memaklumkan kepada Pope tentang kemenangan tentera Salib menawan Baitul Muqaddas.

¹⁸ Dr Mushtafa Abdul Jawwad Ahmad Rasywan, *‘Masjidil Aqsa Kiblat Pertama & Tanah Haram Ketiga*, Pustaka Syuhada, 2003, hlm 38

¹⁹ Suatu hal yang menarik untuk disebutkan di sini ialah hakikat bahawa salasilah Presiden Amerika yang bernama George Bush boleh dijejaki daripada keturunan Jean De Count De Brienne atau John of Brienne (Bryan), Raja Jerusalem yang memerintah dalam tahun 1170M. Oleh itu tidaklah menghairankan jikalau pada hari ini Presiden Bush menjalankan dasar-dasar yang menguntungkan agenda Yahudi yang berkaitan dengan negara haram Israel di Palestin. Beliau hanya meneruskan kerja nenek moyangnya itu !!

Antara lain beliau menyebut:

“Sesungguhnya kuda kami mengharungi lautan darah orang Timur (umat Islam) sampai ke lutut di hadapan Haikal (Nabi) Sulaiman.”

Penjajahan orang-orang Kristian atas Baitul Muqaddas tidak mampu bertahan lama. Dalam tahun 1187M, iaitu selepas menjajah selama 88 tahun sahaja, Allah SWT telah menghantar Sultan Salahuddin (Saladin) Al-Ayyubi dari Mesir untuk memimpin tentera Muslimin membebaskan semula Tanah Suci itu. Setelah mendapat kemenangan gemilang, loceng gereja di Masjidil Aqsa digantikan dengan azan yang berkumandang dan sebuah binaan salib besar yang tersergam pada masjid itu juga telah diturunkan.

Semenjak itu, tanah suci Baitul Muqaddas tidak pernah lagi terlepas dari tangan khalifah-khalifah Islam, iaitu untuk suatu tempuh yang menjangkau lebih 1,200 tahun lamanya²⁰.

Malangnya, dengan kelebihan sifat makar yang luas dan kepintaran semulajadi bangsanya yang tinggi, bermula pada awal abad ke 18M kaum Yahudi telah berjaya menyelinap kembali ke negara-negara Eropah dan mewujudkan jaringan-jaringan politik, ekonomi dan media massa antarabangsa yang amat kuat, kaya dan berpengaruh. Melalui jaringan-jaringan ini golongan murabin Yahudi sekali lagi berhasil mendapatkan keldai-keldai tunggangan dari kalangan goyim-goyim yang boleh diperalatkan untuk kepentingan mereka. Antara kepentingan tersebut ialah agenda membina semula kerajaan Yahudi di Baitul Muqaddas.

Perkara ini tidaklah memeranjatkan kerana ianya telah pun disebut dalam Kitab Al-Quran sendiri.

“Terlarang bagi penduduk suatu negeri yang telah Kami binasakan, bahawa mereka tiada akan kembali. Sehingga apabila dibukakan dinding Yakjuj dan Makjuj, sedang mereka bersegera (turun) dari tempat yang tinggi.” (Al-Anbiyya’ :96)

Hakikatnya ‘kepulangan’ kaum Yahudi secara beramai-ramai ke tanah suci Baitul Muqaddas di Palestin, bermula pada awal abad ke 20M setelah hampir 2,000 tahun lamanya terusir dari wilayah tersebut merupakan tanda-tanda awal kemunculan Akhir Zaman.


²⁰ Tempuh ini dikira dari zaman Khalifah Umar yang membebaskan kota Baitul Muqaddas dalam tahun 636M.

'Kepulangan' mereka ke wilayah Palestin dengan merempuhnya secara paksa, ganas dan terkeluar dari batas-batas peri kemanusiaan sehingga membunuh beribu-ribu rakyat pribumi Palestin dan memaksa beratus-ribu yang lain menjadi pelarian di khemah-khemah perbatasan wilayah Jordan, adalah merupakan pencabulan hak asasi kemanusiaan yang paling buruk dalam sejarah moden.




Haikal Nabi Sulaiman (gambar atas) yang mempunyai asas teknologi dan nilai astetik yang tinggi.

Sumber : Maulana Hifz-ur-Rehman Sevharvi, *Stories From The Quran : A Priceless Treasury About The Struggle And Battle Between Truth And Falsehood (Qasa-ul-Quran)*, hlm 486, Idara-e-Islamiyat, Lahore, 2000



Ilustrasi di atas menunjukkan pusat pentadbir Baitul Muqaddas (Jerusalem) waktu zaman pemerintahan N. Sulaiman. Lihat tanda No 1. Pintu Selatan 2. Istana Permaisuri 3. Istana Nabi Sulaiman 4. Pintu masuk dengan 32 batang tiang 5. Mahkamah 6. Rimba Lubnan 7. Rumah Pendeta 8. Pintu masuk ke kawasan Haikal Sulaiman. 9. Halaman Haikal Sulaiman 10. Haikal Sulaiman

Sumber : Maulana Hifz-ur-Rehman Sevharvi, *Stories From The Quran : A Priceless treasury About The Struggle And Battle Between Truth And Falsehood (Qasa-ul-Quran)*, hlm 487, Idara-e-Islamiyat, Lahore, 2000



Setelah pemusnahan Haikal Sulaiman, dinding Haikal yang masih terselamat terus dipelihara oleh kaum Bani Israel. Kepimpinan Islam yang kemudiannya berjaya mengambil semula Baitul Muqaddas atau Jerusalem pada abad ke 7M telah membina Masjid Umar dan bangunan Qubbatus Sakhras.



Bangunan Qubbatus Sakhras yang terletak dalam kawasan Masjidil Aqsa. Di dalam bangunan inilah terletak bukit kecil As-Sakhras yang merupakan sebuah batu dari syurga dan menyimpan kenangan indah peristiwa isra' mi'raj Rasulullah SAW.



Gambar di atas adalah As-Sakhrah, batu dari syurga dan tempat yang ke-2 paling mulia dan utama di dunia ini selepas Kaabah di kota Mekah. As-Sakhrah pernah menjadi tempat solat kesemua nabi-nabi Allah termasuk Rasulullah SAW dalam peristiwa isra' mi'raj. Ianya dikatakan masih tergantung sehingga hari ini.



As-Sakhrah yang dilihat dari bahagian timur tapak kubah. Panjang batu ini lebih kurang 17 meter dan lebarnya 13 meter. Tinggi seluruh bahagiannya tidak melebihi 1.5 meter, di sekelilingnya terdapat dinding yang diperbuat daripada kayu dan dihiasi dengan bermacam hiasan, tulisan serta tumbuh-tumbuhan.

Sumber : Mohamad Yasin Owadally, *As-Sakhrah; The Miraculous Rock Of Jerusalem*, A.S Noorden, Kuala Lumpur, 1997




Gambar kiri merujuk kepada dua bangunan yang amat penting kepada umat Islam sejagat. Iaitu, bangunan Qubbatus Sakhrah (*Dome of the Rock*) dan Masjidil Aqsa yang mana keduanya terletak dalam kompleks Masjidil Aqsa. Ijmak ulama telah menfatwakan bahawa maksud sebenar Masjidil Aqsa adalah kompleks yang dilingkari pagar tanah haram yang luasnya mencapai '140 Daunam' (Satu Daunam bersamaan 1000 meter) dan 900 meter persegi. Kompleks ini juga terkenal dengan nama 'Tanah Haram Al-Qudsi' yang mulia. Tempat sujud tidak terbatas, seluruh tempat yang termasuk dalam kompleks Masjidil Aqsa yang dilingkari pagar ini kesuciannya sama serta sama besar pahala bagi orang yang bersolat samada di dalam masjid ataupun di tanah lapang.

Bangunan Masjidil Aqsa. Merupakan kiblat pertama bagi umat Islam sebelum dipindahkan ke Kaabah dengan perintah Allah SWT. Terdapat propaganda dari kalangan orang-orang Yahudi untuk mengelirukan umat Islam sedunia dengan mendakwa bahawa bangunan Qubbatus Sakhrah itulah Masjidil Aqsa, kerana mereka bercita-cita untuk memusnahkan Masjidil Aqsa dan menggantikan dengan *synagogue* atau kuil mereka, kerana Masjidil Aqsa yang sebenar terletak di kawasan jajahan orang-orang Yahudi.. Apabila Umat Islam sendiri sudah terkeliru dan sukar untuk membezakan Masjidil Aqsa yang sebenarnya, maka mudahlah tugas mereka untuk melaksanakan perancangan jahat tersebut.




MUSLIM JERUSALEM
638-1099

☒ St. Stephen's Church



Peta di atas merujuk kepada lokasi kompleks Masjidil Aqsa dalam era pemerintahan umat Islam dari zaman Khalifah Umar pada sekitar abad ke 7 Hijrah sehingga menjelang peristiwa Perang Salib pada akhir abad ke 11M. Sumber : Internet



Peta di atas merujuk kepada kompleks Masjidil Aqsa dalam era pemerintahan Khilafah Othmaniyyah dari awal abad ke 16M sehingga ditumbangkan pada awal abad ke 20M apabila ditumbangkan oleh Kamal Ataturk yang mendapat dokongan Pertubuhan Freemason di Turki.

Sumber : Internet

Yahudi Dan Cita-Cita Zionisme

Bab 6

Kehancuran Agama Kristian: Dendam Yahudi Terbalas Melalui Racun Sekularisme dan Liberalisme

Sikap keras kepala dan egoistik bangsa Yahudi yang berlebihan tidak mengizinkan mereka untuk melutut dan merendah diri kepada sesiapaupun. Makar mereka yang luas dan kepintaran mereka yang tinggi juga menyebabkan mereka tidak mudah mengaku kalah dan berdiam diri walaupun menerima hambatan yang hebat dari masyarakat Kristian Eropah.

Kebencian dan dendam Yahudi terhadap umat Kristian yang menyebabkan terjadinya peristiwa 'Pengusiran Besar-Besaran' ke atas kaum mereka dari negeri-negeri Eropah masih tidak kunjung padam. Sepanjang tempuh pengalaman menjadi 'umat yang berselerak' orang-orang Yahudi sentiasa mengimpikan peluang menghukum orang-orang Kristian kerana telah menghina mereka.

Kesempatan tersebut datang dalam bentuk yang tidak disangka-sangka. Dari tahun 400-1450M dunia Eropah menghadapi Zaman Kegelapan (*Medieval Europe*), iaitu untuk tempuh hampir 1000 tahun lamanya yang menyebabkan bangsa-bangsa Eropah berada dalam keadaan hampir darurat. Keadaan ini dilihat sebagai peluang keemasan yang perlu segera dicaplok oleh orang-orang Yahudi untuk membalas dendam.

Zaman Kegelapan Eropah berpunca daripada dua faktor berikut;

- i. Kekalahan pihak Kristian yang amat memalukan dalam kejadian Perang Salib yang berlaku dalam tempuh hampir 200 tahun, iaitu semenjak abad ke 11-13M. Dalam peperangan itu umat Islam berjaya mengorbankan banyak nyawa dan harta benda kaum Kristian sedangkan pihak Kristian pula bukan sahaja gagal merampas kembali kota Baitul Maqdis dari tangan pihak Islam, tetapi juga tidak dapat mempertahankan kerajaan-kerajaan Latin yang mereka dirikan di tanah Timur, apatah lagi untuk menakluki kerajaan Islam di Timur Tengah itu. Selain itu sikap kaum feodal yang menggunakan Perang Salib untuk mencari kepentingan peribadi juga menyebabkan kaum Kristian mendapat kekalahan yang besar.

- ii. Belunggu daripada penguasaan gereja Katolik Romawi dan kaum feudalisme yang kejam, ganas dan mengangkat diri mereka ke taraf mutlak. Penyelewengan gereja telah membangkitkan gerakan reformasi untuk menentang mereka. Ini menyebabkan pihak gereja mewujudkan Mahkamah Penyiasatan (*Inquisition Courts*) yang amat ganas dan kejam. Seramai 340,000 orang telah dihukum mati dan 32,000 orang dibakar hidup-hidup oleh Mahkamah Penyiasatan ini. Mahkamah-mahkamah penyiasatan ini berkembang semenjak akhir abad ke 15 sehingga pertengahan abad ke 19M di Sepanyol (bahagian wilayah Kristian), Perancis Selatan, Itali Utara dan Jerman.

Kebetulan pada waktu itu tamaddun Islam yang ditanam benihnya daripada zaman Rasulullah SAW telah tumbuh mekar dan pesat berkembang di zaman Dinasti Abbasiyyah yang berpusat di Baghdad, Dinasti Fatimiyyah yang berpusat di Kaherah, kerajajaan Andalusia di Sepanyol dan Dinasti Othmaniyyah di Turki.

Zaman Kegelapan yang mencengkam dan menggawatkan dunia Eropah dalam tempuh yang lama telah menyebabkan para pemikir dan cerdik pandai mereka mula teraba-raba mencari formula-formula yang diharap dapat membebaskan umat Kristian dari belunggu penguasaan alam gereja dan sistem feudalisme yang kejam. Pemerhatian kepada tamaddun Islam dalam Daulah-Daulah Islamiyyah yang jauh lebih maju dan baik daripada tamaddun Kristian Eropah pada waktu itu telah mencetuskan rasa cemburu dan keinginan yang meluap-luap untuk mendapatkan kesejahteraan dan kemajuan duniawi yang lebih baik bagi umat Kristian.

Dalam keadaan inilah ramai dari kalangan intelektual Yahudi telah mengambil kesempatan untuk meracuni pemikiran masyarakat Eropah (sebagaimana mereka juga menjadi dalang kepada banyak firqah batil dan ajaran sesat). Mereka mengajak kepada suatu anjakan paradigma dalam aspek aliran pemikiran dan falsafah yang dipegang oleh bangsa-bangsa Kristian Eropah yang dikatakan menjadi punca kemunduran mereka.

Selama ini masyarakat Eropah menggunakan konsep BERSEPADU, iaitu ajaran agama Kristian dipersepadukan dalam seluruh aspek kehidupan mereka. Bagaimanapun, pegangan kepada konsep ini telah membawa kepada kemelesetan dalam penghidupan mereka kerana kebatilan ajaran Kristian yang ditokok tambah oleh pihak gereja mengikut hawa nafsu mereka telah membawa kepada amalan-amalan

yang tidak menasabah²¹, penuh tahyul, khurafat, berkecamuk, zalim dan memudaratkan kehidupan duniawi orang-orang Eropah itu²².

Oleh itu masyarakat Kristian Eropah telah diajak untuk melakukan pembaharuan pemikiran, iaitu dengan memerdekakan diri dari belenggu doktrin-doktrin serta amalan-amalan gereja. Akal fikiran dan falsafah yang boleh memberikan manusia kekuatan, kesejahteraan dan kekayaan duniawi patut digunakan dalam segala hal ehwal dunia, walaupun mendapat tentangan dari pihak gereja. Sedangkan perkara-perkara mengenai Ketuhanan, Alam Ghaib, konsep Syurga dan Neraka serta Alam Akhirat patut diasingkan dari semua urusan duniawi. Iaitu tidak ada pertemuan antara ajaran gereja (unsur-unsur ketuhanan) dengan hujah akal dan sains.

Dari sini tercetuslah falsafah SEKULARISME, iaitu konsep pemisahan agama dari urusan penghidupan duniawi, dan LIBERALISME, iaitu konsep pembebasan manusia untuk melakukan sesuka hati mereka dengan sekatan yang minima²³.

Dalam lain perkataan, aliran pemikiran berfalsafahkan doktrin SEKULARISME dan LIBERALISME sebenarnya menuntut pembebasan manusia dari kawalan Tuhan dalam semua hal serta urusan duniawi.

Konsep-konsep pemerintahan dan pentadbiran manusia sejagat yang berpaksi dan berpusat pada falsafah Sekularisme dan Liberalisma adalah berpegang pada teori-teori berikut, iaitu;

²¹ Institusi Gereja Katolik Romawi banyak membuat penambahan yang menyeleweng dari ajaran yang terkandung dalam kitab Bible yang asli. Mereka mendakwa bahawa paderi-paderi Kristian mempunyai hubungan batiniyah dengan Tuhan sehingga boleh menjadi 'perantara' diantara Tuhan dengan makhluk, contohnya dalam acara '*confession*' atau pengakuan kepada dosa yang dibuat, yang mana paderi boleh bertindak memberi pengampunan kepada para pendosa, serta konsep *salvation* atau penyelamat, yang mana paderi boleh menjadi penyelamat kepada penganut agama Kristian dari hukuman Tuhan. Pihak Gereja menganggap bahawa kejahilan itu petua iman, dan ilmu membawa kepada kekafiran. Pihak Gereja amat marah dengan pelajar-pelajar Kristian yang pada waktu itu belajar dari orang-orang Islam di Andalusia tentang ilmu sains, matematik, astronomi, perubatan, pembedahan, pelayaran dan pertanian, lalu kembali sebagai cendekiawan-cendekiawan Eropah yang gemar bertutur dalam bahasa Arab.

²² Sedangkan masalah ini tidak terdapat dalam ajaran Islam. Agama Islam sebagai satu-satunya agama KEBENARAN akan membuktikan bahawa ajaran-ajarannya boleh disepadukan dalam kehidupan duniawi, kerana sumber aqal dan sumber naqal (Al-Quran dan Al-Hadeeth) adalah dari satu sumber yang sama, iaitu wahyu Allah SWT. Oleh itu sumber naqal akan dapat dibuktikan dengan logik aqal yang sihat.

²³ Sekatan minima yang dimaksudkan di sini adalah sekadar dapat menjamin keselamatan dan keamanan masyarakat awam, bukan sekatan yang mengikut peraturan agama.

- i. Tuhan tidak wujud atau tidak berperanan dalam dunia ini.
- ii. Pemerintahan dan pentadbiran manusia hanya perlu menggunakan akal semata-mata (tidak ada konsep sumber wahyu).
- iii. Semua agama dan ideologi adalah ciptaan manusia semata-mata.
- iv. Semua pendapat dan pemikiran yang boleh membawa manusia kepada kekuatan dan kekayaan seharusnya diterima.
- v. Manusia perlu dibebaskan dari batasan-batasan agama dan hanya berpegang pada nilai etika semata-mata. Nilai etika ini diciptakan dengan matlamat supaya manusia dapat hidup secara berharmoni dan aman, ianya boleh disesuaikan dengan kehendak dan citarasa rakyat, perubahan zaman, tempat dan suasana.

Inilah intipati teori-teori palsu ciptaan cendikiawan Eropah yang liberal yang diambil kesempatan oleh golongan Yahudi Zionis untuk memusnahkan agama Kristian sebagai membalas dendam atas perbuatan mereka mengusir kaum Yahudi pada abad-abad yang terdahulu.

Zaman pembaharuan mental dan budaya masyarakat Kristian Eropah inilah yang disebut sebagai Zaman 'Kelahiran Semula' atau '*Age of Renaissance*'. Disebut 'Zaman Kelahiran Semula' kerana bermatlamat mengambil idealisme Empayar Romawi pagan yang mengamalkan 'Tamaddun Tidak Bertuhan'. Belunggu gereja yang amat berpengaruh apabila kerajaan Romawi Byzantine mengambil Kristian sebagai agama resmi telah didakwa sebagai punca kemunduran masyarakat Eropah di Zaman Kegelapan. Oleh itu ajaran-ajaran gereja perlu dihapuskan untuk mengembalikan kegemilangan mereka sebagaimana zaman Romawi pagan dahulu. 'Zaman Kelahiran Semula' juga disebut Zaman Taakul (*Age of Reason*) atau Zaman Pencerahan (*Age of Enlightenment*).

Era ini kemudiannya telah membawa kepada PEMBEBASAN INDIVIDU SECARA MUTLAK dalam bidang agama, penulisan, kebudayaan, sains dan sastera. Dari sini terbitlah zaman industri dan kemodenan Barat yang gemilang dari aspek pencapaian teknologi dan tamaddun duniawi tetapi dalam masa yang sama telah menghancurkan terus agama, nilai, moral, budaya dan peradaban mereka.

Kemuncak kepada revolusi pembebasan mental dan budaya masyarakat Eropah dari kawalan gereja yang membawa kepada penciptaan falsafah Sekularisme dan Liberalisme itu, **maka pada 'tanggal keramat' 4hb Julai 1776M, lahirlah sebuah Negara Sekular yang pertama di dunia, iaitu Amerika Syarikat.**

Dari sini terciptalah konsep 'Negara' menggantikan Tuhan sebagai pemberi mandat kepada pemerintah. 'Perlembagaan' atau '*Constitution*'

menjadi kuasa yang paling atas dan muktamad dalam pemerintahan sekular. Konsep ini bukan sahaja terputus dari sistem pemerintahan raja-raja mutlak, malahan juga daripada penguasaan agama Kristian yang diwakili oleh pihak gereja²⁴.

Kejayaan melahirkan sebuah Negara Sekular di Amerika Syarikat yang memisahkan diri dari naungan monarki dan alam gereja telah mencetuskan berbagai-bagai konsep pemerintahan dan pentadbiran berasaskan falsafah Sekularisme dan Liberalisme. Antaranya ialah Komunisme, Sosialisme, Humanisme, Kapitalisme dan berbagai 'isme' lagi.

Konsep-konsep ini tidak berpandukan pada ajaran mana-mana agama, oleh itu tidak mengambil perkiraan kehendak Tuhan, kesejahteraan *ruhaniyyat* ataupun Alam Akhirat, tetapi semata-mata atas dasar mengagungkan manusia serta memaksimumkan kesejahteraan mereka di dunia semata-mata. Maka dengan ini agama Kristian telah berjaya dipunah-ranahkan.

Walaupun masyarakat Barat telah menjadi maju dan canggih dalam kehidupan duniawi selepas meleraikan diri dari cengkaman sistem gereja dan feudalisme, malangnya mereka terpaksa membayarnya dengan harga kemelesetan tamaddun, moral, nilai, peradaban dan budaya tradisi bangsa yang cukup parah.

Kehidupan moden yang serba canggih tidak dapat membeli ketenangan fikiran, kesejahteraan nurani dan mengisi kekosongan *ruhaniyyat* mereka. Hasilnya telah melahirkan generasi-generasi Barat yang tidak berpedoman, tiada kompas moral, tidak waras, kacau-bilau, resah dan berkecamuk²⁵. Kemelut ini mencetuskan banyak konflik-konflik masyarakat yang sukar dibendung dan diatasi. Itulah tragedi yang sedang melanda dunia Barat masakini.

Bermakna kaum Yahudi telah berjaya membalas dendam mereka ke atas umat Kristian²⁶!

²⁴ Di Amerika Syarikat, rata-rata hampir kesemua suratkhbar antarabangsa dan kebangsaannya telah dimonopoli oleh kaum Yahudi. Perusahaan perfileman Hollywood, industri muzik, industri minuman keras, industri perubatan 'dadah' dan perjudian juga telah dimonopoli oleh kelompok mereka.

²⁵ Kes bunuh diri dan bunuh orang lain tanpa sebab semakin menjadi-jadi dalam dunia Barat hari ini yang menunjukkan jiwa yang kosong dan kacau bilau, jeritan batiniyyah mereka kepingin untuk diisi dengan ruh agama dan kompas moral.

²⁶ Protokol Cendikiwan Zionis No 17 menyatakan : "*Kebebasan jiwa telahpun diiktiraf di mana-mana jua, dan dengan itu cuma tinggal beberapa tahun lagi sebelum kita dapat menghancurkan agama Kristian dengan sepenuhnya.*"

Bab 7

Agenda Zionisme : Peranan Illuminati dan Protokol-Protokol Cendekiawan Zionis

Sebagai kaum terusir yang berselerak dan tiada bernegeri, orang-orang Yahudi sentiasa mendambakan huluran tangan dan keselamatan dari 'tuhan' Yahweh. Cita-cita untuk kembali ke Jerusalem yang dianggap tanah pusaka nenek moyang mereka tidak pernah pudar. Inilah impian dan matlamat muktamad kaum Yahudi. Mereka sekali-kali tidak putus harap untuk kembali ke Jerusalem (Baitul Muqaddas) kerana itu janji Yahweh.

Orang-orang Yahudi tidak jemu mewanti-wanti bahawa Kitab Taurat adalah bukti nyata bahawa mereka berhak memiliki Jerusalem. Perdana Menteri (negara haram) Israel yang pertama, David Ben Gurion pernah menegaskan bahawa:

“The Bible²⁷ is our deed to the Land of Israel.” atau *“Kitab Bible adalah geran kita kepada Tanah Israel.”*

Berdasarkan kepercayaan ini, kaum Yahudi amat yakin bahawa suatu masa nanti mereka akan kembali ke Jerusalem dan menuntutnya sebagai 'hakmilik eksklusif' mereka. Keinginan ini mencetuskan semangat dan patriotisme Yahudi yang dikenali sebagai ZIONISME.

Agenda Zionisme merupakan suatu program politik atas nama Judaisme, iaitu suatu idea berdasarkan anggapan orang-orang Yahudi bahawa mereka 'kaum terpilih' yang diwujudkan di dunia untuk menguasai dan mentadbirnya. Cita-cita mereka ialah mewujudkan satu Orde Baru Dunia dan Satu Kerajaan Dunia berdasarkan ideologi Zionisme.

Agenda Zionisme mempunyai tiga matlamat utama, iaitu²⁸;

- i. Menghapuskan semua agama dunia.

²⁷ Bible mengandungi Kitab Perjanjian Lama (Old Testament) yang didakwa mengandungi At-Taurah (Nabi Musa) dan Psalm (Nabi Daud). Kitab Perjanjian Lama berjumlah lebih kurang 75% daripada seluruh muka surat Bible. Yang lainnya adalah Kitab Perjanjian Baru (New Testament) dalam 4 versi iaitu Matthew, Mark, Luke dan John. Selain didakwa mengandungi 'wahyu Tuhan', Kitab Perjanjian Baru juga didakwa mengandungi kata-kata Nabi Isa AS dan surat-surat dakyah Saint Paul.

²⁸ Ralph Epperson, *'The Unseen Hand'*, Arizona USA: Publius Press, 1985, hlm 7.

- ii. Menghapuskan semua kerajaan yang sah (iaitu sistem pemerintahan tradisi seperti Sistem Beraja) dan menggantikannya dengan ‘Satu Kerajaan Dunia’.
- ii. Menghapuskan semua institusi tradisi dan menggantikannya dengan ‘Orde Baru Dunia’ atas kemusnahan agama dan kedaulatan semua negara.

Istilah Zionisme dikatakan berasal dari nama sebuah bukit, Zion, di dalam kawasan Jerusalem kuno yang dikatakan pernah menjadi tempat ibadat Nabi Daud AS. Orang-orang Yahudi juga percaya bahawa Bukit Zion ini merupakan tempat persemadian ‘Tuhan’ Yahweh. Itulah sebabnya mereka cuba memberikan aura ruhaniyyat atau ‘*spiritual aura*’ pada konsep Zionisme, sedangkan ia adalah bertentangan dengan ajaran Tauhid yang dibawa oleh semua nabi-nabi Bani Israel dahulu kala, termasuklah Nabi Daud AS sendiri.

Semenjak abad 18M, kaum Yahudi telah berjaya membangkitkan pembaharuan mental dan budaya di Eropah yang tercetus dari pengamalan falsafah Sekularisme dan Liberalisme. Pemisahan masyarakat Barat daripada unsur-unsur ketuhanan dan agama Kristian sehingga berjaya mewujudkan ‘Tamaddun Tidak Bertuhan’ telah memberi isyarat kepada golongan Zionis bahawa masanya telah matang untuk mengatur suatu gerak kerja yang sistematik dan global.

Matlamatnya ialah mendirikan semula kerajaan Bani Israel dan menjadikan negara tersebut PUSAT YAHUDI ZIONIS MENGUASAI DUNIA. Bangsa-bangsa lain, atau goyim hanyalah layak menjadi keldai-keldai tunggangan ‘umat suci Yahudi’ yang bakal ditakdirkan memerintah dunia secara mutlak.

Dalam bukunya *The Secret Powers Behind Revolution : Freemasonry and Judaism*, Visconte Leon de Poncis²⁹ mencatatkan agenda Zionisme seperti berikut :

“Ingin menjayakan perjanjian tuhan Yahweh yang terdapat dalam kitab Thalmud bagi Yahudi menguasai dunia dengan cara memusnahkan bangsa-bangsa lain untuk kemudahan dan keselesaan bangsa Yahudi, ‘umat yang terpilih.’”

Maka pada 1hb Mei 1776M³⁰ satu pertubuhan sulit bernama ILLUMINATI telah ditubuhkan oleh Adam Weishaupt di Bavaria, Jerman

²⁹ Visconte Leon de Poncis, *The Secret Powers Behind Revolution : Freemasonry and Judaism*, California, USA. Christian Book Club of America (19?), hlm 199

bertujuan untuk merampas kuasa kerajaan-kerajaan dunia melalui revolusi dan pemberontakan yang bakal mewujudkan ‘Satu Kerajaan Dunia’. Pertubuhan tersebut yang juga terkenal dengan nama Illuminati Bavaria mempunyai misi penting untuk membawa dunia kepada pendakapan sistem ‘SECULAR MASONIC’ atau Masonik Sekular melalui kaedah revolusi. Adam Weishaupt berjaya sebagai seorang peguam, dikenal sebagai seorang yang amat bencikan sistem pemerintahan beraja dan pentadbiran gereja Kristian. Beliau telah menyenaraikan misi Illuminati seperti berikut;

1. Penghapusan sistem beraja dan semua kerajaan dunia
2. Penghapusan hakmilik peribadi dan pewarisan
3. Penghapusan semangat patriotisme dan nasionalisme
4. Penghapusan struktur keluarga tradisi dan institusi perkahwinan, serta pembentukan pendidikan awam untuk kanak-kanak
5. Penghapusan semua agama³¹

Knights of Templars dan Pertubuhan Freemason

Misi membawa kerajaan-kerajaan dunia untuk mendakap sistem Masonik Sekular dijalankan melalui pertubuhan Freemason, iaitu suatu pertubuhan yang mempunyai asalnya daripada sejarah ‘*Knight of Templars*’ yang wujud dari zaman Perang Salib diantara umat Islam dan orang-orang Kristian pada abad ke 11-13M. *Knights of Templars* yang pada awalnya berjuang untuk agama Kristian bagaimanapun telah melakukan pembelotan dengan tindak-tanduk serta kepercayaan yang menidakkan ‘ketuhanan’ Isa dan pendeta-pendeta Kristian, mentuhankan syaitan serta menceburkan diri dalam unsur-unsur pujaan syaitan serta amalan-amalan sihir dan ilmu hitam³². Perkara ini telah menyebabkan kumpulan mereka diharam dan bubarkan oleh Raja Perancis dan Pope.

Knight of Templars ditubuhkan pada tahun 1118. Pada masa itu Jerusalem adalah dibawah takluk orang-orang Kristian setelah mengalahkan orang-orang Islam yang menguasai kota suci tersebut. Setelah itu diwujudkan dinasti Raja-raja Jerusalem diantara tahun 1098-1291M. *Knights of Templars* diberi tugas melindungi harta dan nyawa orang-orang Kristian yang menziarahi kota Jerusalem daripada seluruh negara-negara Eropah. Bekas tapak Haikal Sulaiman yang pada

³⁰ ‘Tarikh keramat’ itu telah diabadikan oleh pemodal elit antarabangsa di bawah logo Illuminati pada setiap satu dollar Amerika.

³¹ Harun Yahya, *The Knights Templar*, M. Wajihuddin/Millat Book Centre, N. Delhi, 2003, hlm104

³² Ini berikutan kumpulan tersebut telah dipengaruhi oleh golongan pengamal sihir, ilmu hitam, penyembah syaitan dan mistikal yang wujud selama beribu-ribu tahun di negeri-negeri Timur Tengah seperti Kabbala, Lucifer dan Bogomils.

masa itu telahpun terdiri Masjidil Aqsa diserahkan di bawah jagaan mereka. *Knights of Templars* mengetahui kehebatan Haikal Sulaiman sebagai tempat suci yang terkandung rahsia-rahsia mistikal tentang kunci kekuatan serta kekuasaan dunia serta banyak lagi rahsia yang lain³³.

Bagaimanapun mereka hanya dapat bertahan di situ selama 70 tahun sahaja sehinggalah tentera Islam di bawah pimpinan Sultan Salahuddin Al-Ayyubi berjaya menguasai semula Jerusalem pada tahun 1187M. Bagaimanapun Raja-raja Jerusalem dapat bertahan sehingga tahun 1291M. Dengan kekalahan tersebut, *Knights of Templars* berpindah ke Perancis dengan mendapat dokongan dari rajanya. Pada tahun 1307M, apabila Raja Philip dan Pope Cemet V sedar bahawa *Knights of Templars* telah jauh lari dari misi asal sehingga cuba mendapatkan kekuasaan politik, telah membubarkan kumpulan mereka. Perkara ini menyebabkan mereka melarikan diri ke seluruh Eropah sehinggalah dalam tahun 1312M apabila keseluruhan kerajaan-kerajaan Eropah juga mengharamkan kumpulan ini.

Malangnya kekuatan kumpulan *Knights of Templars* pada waktu itu telah meningkat dan berakar umbi dengan bilangan ahli yang menjangkai 160,000 orang yang bukan sahaja mempunyai kekayaan daripada sumber perkapalan dan perdagangan, tetapi juga mempunyai rangkaian ekonomi yang kukuh di seluruh Eropah. Dari segi logistik, kumpulan tersebut mampu menyaingi mana-mana raja Eropah pada waktu itu, oleh itu mustahil untuk melupuskan terus kekuatan dan pengaruh mereka.

Pembubaran kumpulan *Knights of Templars* telah membawa kepimpinan mereka untuk mencari suaka politik di Scotland yang pada itu merupakan satu-satunya kerajaan Eropah yang tidak mengakui Mazhab Kristian Katolik. Pasa masa itu wujud Pertubuhan Freemason yang merupakan pertubuhan yang mengandungi ahli-ahli dalam bidang-bidang pertukangan batu (untuk binaan). Kebetulan *Knights of Templars* memang terkenal dengan kepakaran dan kesenian mereka dalam bidang pembinaan dan ramai yang menjadi ahli Pertubuhan Freemason.

Pengharaman kumpulan *Knights Templars* di seluruh Eropah telah membawa kumpulan ini untuk menukar strategi mereka, iaitu dengan bertindak menyusup secara berperingkat-peringkat ke dalam

³³ Ahli-ahli sejarawan merujuk kepada tindakan sulit *Knights of Templars* menggali dan membongkar khazanah rahsia yang tersimpan dalam Haikal Sulaiman sebagai mulanya kepesongan mereka dari misi asal. Adalah dipercayai penemuan tersebut juga antara punca kumpulan mereka daripada generasi-generasi kemudian yang menyusup dalam Pertubuhan Freemason mendapat 'kunci' mendominasi serta menguasai dunia pada masa ini.

Pertubuhan Freemason³⁴ bagi mengelakkan dari dijejak. Dalam pertubuhan ini, mereka kemudian berjaya mengawalinya serta menyesuaikan doktrin, prinsip dan amalan perptubuhan ini dengan warisan daripada unsur-unsur *Knights of Templars* yang penuh mistikal dengan amalan syirik dan ilmu hitam itu.

Maka jadilah Pertubuhan Freemason sebagai penyambung perjuangan kumpulan *Knights of Templars* selama beratus-ratus tahun, berkembang di merata dunia, melakukan berbagai aktiviti sulit mereka daripada *Masonic Lodges* atau rumah-rumah hantu.

Apakah hubungan Pertubuhan Illuminati dengan perjuangan pewaris *Knights of Templars* yang berjaya menyusup masuk ke dalam Pertubuhan Freemason itu?

Kebanyakan anggota Illuminati yang merupakan pemodal-pemodal murabin elit antarabangsa adalah penganut ajaran Yahudi (Judaisme) Mazhab Kabala yang mentuhankan Lucifer, iaitu warisan daripada kepercayaan dan amalan kumpulan *Knights of Templars*. **Bermakna anggota-anggota Illuminati adalah pewaris kumpulan *Knights of Templars* yang kini menukar topeng serta menjadikan Pertubuhan Freemason sebagai kuda tunggangan mereka.**

Anggota Majlis Tertinggi bagi pertubuhan Illuminati berjumlah tiga belas sebagai mengingatkan bahawa tugas utama mereka adalah untuk memusnahkan agama yang dibawa oleh Nabi Isa AS dan dua belas sahabatnya. Juga terdapat tiga belas suku Bani Israel yang menyebabkan angka tiga belas itu menjadi angka yang penting bagi golongan ini.

Dalam bukunya '*Pawn In The Games*', William Guy Carr telah mengemukakan bukti bagaimana dengan memperalatkan Pertubuhan Freemason, pemodal elit antarabangsa (Illuminati) telah merancang banyak revolusi-revolusi dunia untuk menjatuhkan sistem monarki³⁵.

Hasutan kaum intelek Yahudi ini yang menyebabkan masyarakat Eropah bangkit menentang sistem gereja dan feudalisme pada Zaman Renaisen sehingga melahirkan Negara Sekular yang pertama di dunia,

³⁴ Pertubuhan Freemason merupakan pertubuhan yang mana ahli-ahlinya pada asalnya merupakan pakar-pakar binaan yang mendapat berbagai keistimewaan dari kerajaan-kerajaan Eropah. Pada masa-masa kemudian, ia berjaya melebarkan sayapnya ke merata dunia dengan jaringan yang terdiri dari golongan profesional, termasuk ahli ekonomi, perdagangan, perundangan, pentadbiran dan pegawai-pegawai tentera .

³⁵ Carr, W.G, *Pawns In The Game*. Clearwater Fla. Federation of Christian Layman, America, 1958, hlm 13

iaitu Amerika Syarikat dijadikan model ikutan untuk melaksanakan formula-formula yang sama di negara-negara dunia yang lain.

Kebetulan masa itu keluarga murabin Yahudi yang bernama Mayer Amschel Rothschild³⁶ (1743-1812M) telah menjadi tuanpunya bank yang besar di Frankfurt, anaknya memiliki Bank of England dan menguasai ekonomi Britain. Bank of England kemudian membuka cawangan di Jerman, Perancis, Itali dan empayar Austro Hungary dibawah kuasa lima orang keluarga Rothschild sehingga menjadi jaringan perbankan yang paling kuat dan berpengaruh di Eropah.

Dinasti Rothschild inilah yang disebut sebagai pendokong utama Illuminati yang kemudiannya bertanggungjawab menjadi dalang di sebalik Revolusi Perancis 1789M, Kejatuhan Napoleon 1814M, Revolusi Amerika 1775-1776M, Revolusi Russia 1905-1917 serta Perang Dunia Pertama dan Kedua.

Dalam masa yang sama, satu program politik yang diberi nama PROTOKOL-PROTOKOL CENDIKIAWAN ZIONIS telah didedahkan oleh kerajaan Bavaria pada tahun 1785M, iaitu tidak lama selepas penubuhan Illuminati Bavaria oleh Adam Weishaupt (1776M), mengandungi 24 bahagian yang merencanakan strategi untuk memporak perandakan bangsa-bangsa bukan Yahudi, menghancurkan tamaddun mereka dan akhirnya menguasai dunia melalui sistem politik, media massa, sistem kewangan, kebudayaan, pentadbiran, hiburan dan dakyah-dakyah palsu yang mampu memusnahkan bangsa-bangsa sejagat³⁷.

Doktrin Protokol-Protokol Cendikiawan Zionisme telah digunakan oleh golongan Illuminati dalam peristiwa Revolusi Perancis 1789M yang menggulingkan pemerintahan berajanya, iaitu dengan melaungkan konsep DEMOKRASI³⁸ berdasarkan cogan kata '*Kebebasan, Persamaan dan Persaudaraan*' atau '*Freedom, Equality, Fraternity.*'

³⁶ Pada awalnya beliau telah dididik untuk menjadi seorang rabbai Yahudi, tetapi nasibnya bertukar dengan menjadi seorang murabin Eropah yang paling terkemuka sebagai pengasas dinasti pemodal elit antarabangsa, iaitu Dinasti Rothschild.

³⁷ Dalam tahun 1786M kerajaan Bavaria telah menyediakan laporan lengkap tentang pakatan Yahudi Illuminati untuk menguasai dunia dan salinan-salinan laporan tersebut dikirim kepada ketua-ketua negara dan pihak gereja di seluruh Eropah. Malangnya Pertubuhan Freemason yang terdiri dari golongan ekonomi, tentera, pentadbir serta ahli-ahli perundangan yang teratas telahpun dikuasai dan dikawal oleh pemodal elit antarabangsa Yahudi, maka tidaklah diendahkan amaran tersebut walaupun kebenaran dokumen-dokumen tersebut menjadi kenyataan tidak berapa lama kemudian bermula dengan kejatuhan monarki Perancis melalui revolusi dalam tahun 1789M.

³⁸ Istilah demokrasi berasal dari perkataan Greek *demos* yang bermakna rakyat, dan *kratos* yang bermakna perintah. Hakikatnya, Yahudi Zionis telah menceduk konsep demokrasi daripada zaman Romawi pagan dahulukala.

Rujuk kepada Protokol Cendekiawan Zionis Nombor Satu seperti berikut ini :

“Di masa silam kitalah golongan pertama yang melauungkan-laungkan di kalangan rakyat banyak kalimat-kalimat “Kebebasan, Persamaan, Persaudaraan”. Kalimat-kalimat ini diulang berkali-kali semenjak zaman itu oleh burung-burung kakak tua yang bodoh berterbangan dari semua tempat (yang kemudian) termakan dengan umpan ini; dan disebarlanlah (kalimat-kalimat) ini yang mampu meregut segala kebajikan dunia, (iaitu) kebebasan sebenar seseorang individu (iaitu yang berprinsip) yang selama ini terselamat daripada tekanan rakyat banyak (yang buta akal).”

*“Orang-orang yang kononnya bijak-pandai dari kalangan lembu-lembu ini (yakni para intelek) tidak boleh memikirkan apakah makna sebenar di sebalik kalimat-kalimat yang diwanti-wanti ini, kerana kaburnya (konsep-konsep) ini, tidak dapat memahami perselisihan yang wujud antara kalimat-kalimat ini dan kaitan antaranya; **gagal memerhatikan bahawa sedangkan Alam Tabii sekalipun tidak wujud persamaan³⁹ dan tidak ada kebebasan; demikianlah Alam Tabii telah mengaturnya dimana manusia tidak mempunyai kekuatan mental yang sama, fe’el (fitrah) yang sama dan kebolehan yg sama. Begitulah undang-undang tabii yang diikuti oleh semua orang.** janganlah diragukan lagi bahawa orang banyak adalah buta akal, dan dikalangan mereka yang dilantik untuk memerintah secara politik (sistem sekular) adalah sama-sama buta walaupun dia licik (penuh tipudaya), tetapi dia tetap bodoh (buta akal), tetapi masih boleh memerintah. Sedangkan orang-orang yang bijak tetapi lurus (berprinsip) pula tidak akan dapat memahami politik (sekular). Perkara-perkara ini lembu-lembu tersebut sedikitpun tidak hiraukan.”*

“Namun pada hakikatnya segala-gala yang benar adalah bersandarkan atas sistem dinasti (pemerintahan raja-raja mutlak), yakni seorang ayah (pemerintah) menyampaikan ilmu-ilmu mengenai hal-hal politik dalam keadaan begitu berhikmah sehingga tidak sesiapaupun yang faham melainkan ahli-ahli dinasti tersebut; mereka tidak akan mengkhianati (disebabkan sifatnya yang berasaskan sistem warisan).

³⁹ Umpama kisah seorang hamba Allah yang melakukan dosa membunuh satu ratus nyawa. Paling banyak yang boleh dibuat ialah menghukum bunuh atasnya SATU KALI. Kalau ikut konsep ‘adil’ tafsiran Barat, maka sepatutnya si pembunuh itu perlu dihukum bunuh seratus kali, kerana dia telah membunuh seratus nyawa. Malangnya nyawanya hanya satu, bagaimana nak membunuhnya seratus kali?? Itulah sebabnya dalam Islam, konsep adil itu diistilahkan sebagai ‘sesuatu pada tempatnya’, kerana Allah SWT telah mencipta dunia ini mengikut peraturanNya; lelaki tidak sama dengan perempuan, kanak-kanak tidak sama dengan orang dewasa, begitu juga dengan suami-isteri, hamba-tuan, raja-rakyat dan sebagainya

Dengan berlalunya masa, kefahaman (mengenai kelebihan) sistem dinasti ini yang berkaitan dengan hal-hal politik telah kehilangan, dan perkara ini menolong kejayaan ‘perjuangan’ kita.”

Hakikatnya, sistem DEMOKRASI⁴⁰ yang dicanangkan dalam Protokol-Protokol Cendekiawan Zionis sebagai satu kaedah berkesan untuk menambat kerajaan-kerajaan dunia adalah kerana ia menghapuskan hak-hak Tuhan dalam hal pemerintahan umat manusia. **Dan yang menggantikan Tuhan tidak lain melainkan golongan KAPITALIS yang bertuanan kepada murabin-murabin Yahudi Zionis antarabangsa itu!!**

Apatah lagi dalam urusan pemerintahan umat Islam! Falsafah demokrasi berperanan meletakkan umat Islam di telapak kaki-telapak kaki golongan kafirun, khususnya Yahudi dan Kristian kerana ia berpegang kepada prinsip-prinsip kebatilan seperti berikut;

- i. Memberikan nilai yang sama dan hak sama taraf kepada semua agama. Bermakna hak, nilai, kepentingan dan peranan agama Islam adalah sama dengan agama lain. Umat Islam juga menjadi sama nilai dan sama hak dengan orang-orang kafir dan ateis.

Rasulullah SAW bersabda : *“Islam itu tinggi dan tiadalah sesuatu pun yang lebih tinggi daripadanya ”* (HR Imam Ahmad)

- ii. Dalam pemerintahan Islam, ianya tidak mempunyai pemagar yang berkesan untuk membentengi kaum fasiq dan munafikin dari terlibat dalam urusan memilih kepimpinan negara. ⁴¹
- iii. Berpegang pada pendirian kuasa majoriti yang jelas mempunyai banyak kepincangannya itu⁴². Firman Allah SWT yang bermaksud :

⁴⁰ Sistem demokrasi adalah lanjutan daripada falsafah sekularisme. Iaitu pemerintahan manusia bukan mengikut panduan agama, tetapi berdasarkan kehendak majoriti rakyat yang kebanyakannya lebih suka bersikap bebas lepas dan bebas laku dan tidak suka dikekang oleh peraturan agama. Oleh itu kebanyakan mereka akan memilih pemimpin yang mampu menjaga kepentingan duniawi mereka semata-mata.

⁴¹ Sedangkan corak pemerintahan Islam yang tidak mengambil mandat rakyat, iaitu mengambil mandat Allah semata-mata jelas memberi garis panduannya mengenai kedudukan *Ulil Amri* yang jatuh fasiq, zalim, murtad, gila, menghalang pelaksanaan syariat dan sebagainya.

⁴² Cuba bayangkan jika majoriti rakyat yang mengundi adalah orang-orang fasiq, munafik, ateis, murtad dan kafir yang jauh melebihi orang-orang Islam yang bertaqwa, ataupun pemerintah yang korup mengagih-agihkan kawasan pengundian supaya undi orang-orang Islam dapat dipecah-pecahkan, maka sudah tentu yang akan naik ialah pemimpin-pemimpin yang korup seperti mereka juga. Adakah dalam tangan kepimpinan yang korup ini konsep-konsep Islam yang murni dapat diperjuangkan??

‘Jika kamu ikut kebanyakan orang di mukabumi ini, nescaya mereka menyesatkan kamu dari jalan dan ugama Allah. Mereka hanya membuat teka dan agak-agak jua. Bahawa Tuhan kamu lebeh mengetahui siapa orang yang sesat dari ugama Allah dan Ia mudahkannya pada jalan sesat. Dan Allah tahu akan orang yang mendapat petunjuk maka Ia mudahkannya pada jalan petunjuk dan ugama Allah.’ (Al- An’am : 116-117)

Protokol Cendikiawan Zionis Nombor Satu menyatakan :

“ Perlu diberi perhatian bahawa manusia yang bernaluri jahat adalah lebih ramai dari yang baik, oleh itu cara terbaik untuk menguasai mereka boleh dicapai melalui kekejaman dan keganasan, bukan melalui perbincangan akademik. Setiap manusia bercita-cita untuk mendapatkan kuasa, jika boleh setiap manusia ingin menjadi diktator dan jarang sekali ada manusia yang tidak sanggup mengorbankan kebajikan orang lain demi untuk menjamin kebajikannya sendiri.”

- iv. Meletakkan urusan pemerintahan di tangan rakyat yang berbeza dengan konsep Islam iaitu pemilihan Kepala Negara melalui perlantikan oleh Anggota Pemilih (*ahl al-hall wa al-aqd*) atau Kepala Negara yang sebelumnya, yang mana mereka perlu mempunyai ciri-ciri kelayakan yang telahpun ditetapkan oleh Allah SWT sendiri, bukan oleh rakyat jelata.⁴³

⁴³ Dalam pemerintahan Islam yang sebenar, tidak wujud konsep ‘kuasa majoriti’ atau Pemerintahan Demokrasi. Hakikatnya, pemerintah Islam TIDAK MEWAKILI rakyat jelata kerana jemaah pentadbiran sesebuah negara Islam TIDAK mengambil mandat rakyat dan TIDAK memikul amanah rakyat. Mereka mengambil mandat Khalifah atau Sultan dan memikul amanah kepala-kepala negara ini. Sedangkan Khalifah dan Sultan pula MENGAMBIL MANDAT ALLAH dan memikul amanahNya.

Perbezaan ini adalah amat besar kerana apabila pemimpin mengambil mandat rakyat seperti sistem demokrasi hari ini., bermakna mereka diamanahkan OLEH RAKYAT untuk memenuhi segala kehendak dan keperluan mereka, sedangkan kehendak-kehendak rakyat tidak semestinya sama dengan kehendak-kehendak Allah, malahan kebanyakannya adalah berlawanan dengan kehendak Allah dan kepentingan Agama Islam. Kerana rakyat secara umumnya akan lebih mengambil berat kepada keperluan serta peningkatan materi dan duniawi berbanding dengan keperluan dan kepentingan ukhrawi. Oleh itu kalau rakyat menolak hudud, pemimpin terpaksa menolak hudud, kalau rakyat hendak mengamalkan percampuran bebas diantara lelaki perempuan, pemimpin terpaksa mengalah, kalau rakyat hendak berjudi, pemimpin terpaksa sediakan tempat berjudi dan sebagainya.

Kepimpinan yang mengambil mandat Allah akan membuat keputusan dan tindak tanduk sesuai dengan peranan mereka sebagai WAKIL ALLAH dan RASULNYA dunia ini. Bermakna dalam urusan hal ehwal pemerintahan negeri, perkiraan kehendak-kehendak Allah dan RasulNya akan **diutamakan** berbanding dengan kehendak-kehendak rakyat jelata. Dan kehendak-kehendak Allah dan Rasul adalah atas tujuan MENJAGA KEPENTINGAN ISLAM DAN UMATNYA.

Kesimpulannya, pakatan golongan pemodal-pemodal elit Yahudi antarabangsa yang diterajui oleh Illuminati dengan berpandukan kepada doktrin-doktrin yang terkandung dalam Protokol-Protokol Cendekiawan Zionis telah berjaya menggulingkan kebanyakan dari monarki Eropah dan menggantikannya dengan sistem pemerintahan sekular. Pemodal elit antarabangsa yang mempunyai hubungan rapat dengan gerakan Illuminati ialah Schiff, Warburg, Rockefeller, Baruch Morgan dan sebagainya. Bank-bank antarabangsa seperti Goldman Sachs, Lehman Brothers, Chase Manhattan, Morgan Guaranty dan banyak lagi juga berkait rapat dengan mereka. Melalui rangkaian kapitalisme ini, Illuminati mampu menaja gerakan-gerakan pemberontakan dan revolusi sedunia secara sulit.

Golongan pemodal-pemodal elit Yahudi antarabangsa ini juga kemudiannya telah berjaya menubuhkan *'The Federal Reserve Bank of America'* pada tahun 1913M dan dari situ menjadi unsur paling penting dalam ekonominya. Kawalan ekonomi ini secara langsung membawa kepada penguasaan politik Amerika oleh golongan murabin Yahudi.

Kedudukan Yahudi Zionis yang kuat di Amerika Syarikat ini disebut dalam sebuah akhbar terbitan Henry Ford bernama *Dearborn Independent*, terbitan 12hb Jun, 1920 :

"Di sini, di Amerika Syarikat, telah menjadi satu hakikat bahawa kumpulan minoriti yang luar biasa ini-jumlah orang Yahudi yang sedikit iaitu 3% daripada 110 juta penduduk negara ini- dalam tempuh 50 tahun dapat mencapai suatu tahap kuasa pemerintahan yang mana agak mustahil dapat dicapai oleh bangsa lain yang 10 kali ganda lebih besar bilangannya, itulah yang menimbulkan Persoalan Yahudi di sini."

*"3% dari kalangan bangsa lain jarang menjadi bahan kritikan, kerana kita tidak akan terjumpa dengan wakil mereka di peringkat atasan-di bahagian paling sulit dalam majlis-majlis Big Four di Versailles; di mahkamah agung; di dalam majlis-majlis Rumah Putih; di kebanyakan tempat di dalam dunia kewangan-di mana-mana juga kuasa boleh didapati dan digunakan. **Malahan kita dapati orang-orang Yahudi berada di mana-mana sahaja di peringkat atasan, iaitu dimana-mana sahaja adanya kuasa.**"*

Pengaruh Yahudi Zonis yang sangat kuat di Amerika Syarikat telah memberikannya tiket untuk campur tangan dalam negara-negara dunia

Bermakna keperluan-keperluan rakyat yang terbaik adalah terbina secara *INBUILT* dalam sistem, apabila pemerintah memenuhi kehendak-kehendak Allah dalam urusan pemerintahan umat Islam.

di sebalik kekuasaan negara tersebut yang berkepentingan, bernafsu dan berperanan besar dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu⁴⁴.

Menurut Theodore Winston Pike dalam bukunya, *'Israel our duty or dilemma'*⁴⁵ mencatatkan bahawa ;

"Lebih mendalam seseorang membuat kajian berkenaan masalah Yahudi antarabangsa, ia akan dapati bagaimana besar dan pentingnya peranan pemodal bank Yahudi antarabangsa secara rahsia memberi kesan kepada keputusan-keputusan kerajaan dunia termasuk kerajaan kita. Seluruh bumi Soviet telah ditewaskan melalui inisiatif pemodal-pemodal bank Yahudi Amerika dan di Eropah. Bank-bank tersebut masih wujud sehingga kini."

Ini bertepatan dengan doktrin Protokol Cendikiawan Zionisme Nombor Satu yang berbunyi :

" Sistem kuku besi di dalam permodalan (sistem riba), yang berada dalam tangan kita sepenuhnya, menghulurkan bantuan umpama batang jerami, yang mana, mahu atau tidak, negara terpaksa berpaut kepadanya; jika tidak ia akan terus tenggelam."

Kesimpulannya, Yahudi Zionis berpegang pada falsafah *'United We Fall, Divided We Stand'*, iaitu apabila kerajaan-kerajaan tradisi dunia dapat dipecah belah dan diporak perandakan melalui krisis-krisis ciptaan, maka goyim-goyim atau lembu-lembu pilihan mereka akan muncul dengan membawa 'formula-formula penyelesaian' yang berbentuk gerakan-gerakan pembebasan sedunia berdasarkan slogan muluk seperti *'Liberty, Equality and Fraternity'* atau *'Kebebasan, Persamaan dan Persaudaraan'*. Malangnya, disebalik inisiatif yang nampak murni inilah tersembunyi agenda Zionisme Yahudi yang amat merbahaya, bertujuan untuk mendominasi dunia dengan mewujudkan suatu Orde Baru Dunia berdasarkan sistem *'One World Government'* atau *'Satu Kerajaan Dunia'*.

⁴⁴ Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dibentuk bagi menjaga kepentingan Yahudi . Tidak ada satupun negara-negara umat Islam diberi kuasa veto, dan segala resolusi yang diputuskan adalah berdasarkan nilai, neraca dan tafsiran Barat (baca: kafir), bukan berdasarkan kehendak Allah dan RasulNya. Rekod-rekod sejarah PBB menjadi bukti bahawa kepimpinan negara haram Israel telah mengkhianati kebanyakan daripada resolusi-resolusi PBB, tetapi tiada tindakan diambil, ataupun tindakan yang hendak diambil akan diveto oleh Amerika Syarikat. Berkemungkinan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu inilah yang disebut dalam agenda Zionisme sebagai *'Super Nation'* yang dicipta untuk kepentingan Yahudi sebagai *'The Chosen People'*.

⁴⁵ Theodore Winston Pike, *'Israel our duty or dilemma'*, USA, Big Sky Press, 1984, hlm 155



Adam Weishaupt yang amat bencikan sistem pemerintahan beraja dan agama menubuhkan gerakan Illuminati pada 1hb Mei 1776 di Bavaria, Jerman, bertujuan untuk merampas kuasa kerajaan-kerajaan dunia melalui revolusi dan pemberontakan yang bakal mewujudkan 'Satu Kerajaan Dunia'. Kaedah yang digunakan adalah berpandukan doktrin yang dikutip dari Protokol-Protokol Cendekiawan Zionis. Gerakan Illuminati memperalatkan Pertubuhan Freemason untuk kerja jahat mereka. Ahli-ahli Freemason diketahui mewarisi pegangan dan amalan *Knights of Templars* dalam upacara-upacara yang dilakukan di *Masonic Lodges* atau rumah-rumah hantu mereka.

Pengasas dinasti Rothschild, seorang murabin Yahudi bernama Mayer Amschel Rothschild (1743-1812M) dari Frankfurt, Jerman. Pada mulanya ditindik untuk menjadi seorang rabbai, namun kemudian menjadi pelopor dinasti perbankan terbesar di Eropah. Menjadi tuanpunya bank yang besar di Frankfurt, anaknya memiliki Bank of England dan menguasai ekonomi Britain. Bank of England kemudian membuka cawangan di Jerman, Perancis, Itali dan empayar Austro Hungary dibawah kuasa lima orang keluarga Rothschild sehingga menjadi jaringan perbankan yang paling kuat dan berpengaruh di Eropah.



Dinasti Rothschild inilah yang disebut sebagai pendokong utama Illuminati yang kemudiannya bertanggungjawab menjadi dalang di sebalik Revolusi Perancis 1789M, Kejatuhan Napoleon 1814M, Revolusi Amerika 1775-1776M, Revolusi Russia 1905-1917 serta Perang Dunia Pertama dan Kedua.



Gambar kiri menunjukkan simbol pertubuhan FREEMASON iaitu 3 segi, didalamnya mata satu yang tajam. Dibucu atas terletak simbol atau tanda kebesarannya iaitu sesiku dan pembahagi yang diletak atas satu sama lain. Pertubuhan Freemason merupakan kuda tunggang Yahudi yang paling berkesan, merancang revolusi-revolusi negara yang menggulingkan sistem pemerintahan beraja dan meletakkan sistem politik sekular dengan pemodal atau kapitalis


murabin dibelakangnya. Antara negara yang menjadi mangsa Freemason termasuklah Khilafah Othmaniyyah.

Gambar kanan menunjukkan wang kertas Satu Dollar Amerika, dengan simbol “mata satu” di puncak piramid. Cuba perhatikan cahaya dari mata tersebut dan bandingkan dengan simbol Freemason. 2 tigasegi yang bertindih membentuk bintang Yahudi!




Rajah Piramid merujuk kepada tempat sumber ilmu sihir di zaman mesir purba. Istilah NOVUS ORDO SECLORUM bermaksud ‘Orde Baru Sekular’. ANNUIT COEPTUS bermaksud ‘Pakatan Sulit Kita Untuk Order Baru Sekular’. Simbol mata satu atas piramid bermaksud mata Tuhan Lucifer yang melihat semuanya.


Mengapa Freemason menggunakan lambang ‘mata satu’? Rujuk pada bab 13 di bawah tajuk ‘Yahweh, Isa Al-Masih dan Al-Masih Dajjal’ pada buku ini untuk jawapannya.




Salah satu simbol pertubuhan Freemason yang utama, iaitu sesiku dan pembahagi yang diletak atas satu sama lain sebagai menggambarkan industri dan teknologi



Gambar atas menunjukkan bandaraya Washington DC ibunegeri USA, dibina atas pelan Freemason. Perhatikan White House dan Jefferson Memorial (penggubal sistem sekular USA) membentuk kekaki pembahagi yang berpaksi di US Capitol (gambar bawah).





George Washington, Presiden USA yang pertama dan pengikutnya memakai pakaian lengkap Freemason meletakkan batu asas US Capitol atau parlimen (gambar atas). Perhatikan kalung kebesarannya yang berlambangkan sesiku dan pembahagi .



Bangunan ibu pejabat pertahanan Amerika iaitu Pentagon (segilima). Bandingkannya dengan pelan asas Washington DC. Segilima ialah lambang kekuatan Freemason.



Pada abad ke 19M, ahli-ahli Pertubuhan Freemason mula menyebarkan dakyah *materialist-humanist* (materialistik dan kemanusiaan) kepada negara-negara lain, iaitu suatu falsafah sekular yang mengasingkan tuhan dari kehidupan duniawi serta meletakkan manusia sebagai yang paling agung. Pada masa itu ia telahpun mempunyai pengkalan yang kuat di Amerika Syarikat dan Eropah, khususnya di Britain. Ilustrasi Masonik di atas menggambarkan penyebaran dakyah tersebut kepada negara-negara dunia, termasuk khilafah Othhmaniyyah (bawah, kiri). Falsafah sekular melahirkan ideologi-ideologi seperti Liberalisme, Humanisme, Sosialisme, Kapitalisme dan sebagainya yang bukan sahaja tidak berpegang pada konsep Tauhid (iaitu Allah sebagai Tuhan Maha Pencipta), malahan tidak percaya kepada kewujudan Tuhan ataupun menganggap Tuhan tidak ada kena mengena dengan urusan pentadbiran manusia di dunia.

Sumber : Harun Yahya, *The Knights Templars*, M.Wajihuddin/Millat Book Centre, New Delhi, India, 2003

Bab 8

Syarahan Merbahaya Oleh

Rabbai Reichhorn⁴⁶ 1869 (Prague)

Syarahan Rabbai Reichhorn ini disampaikan di Prague dalam tahun 1869M di atas makam Rabbai Besar Simeon-ben-Ihuda. Daripada petikan-petikan ucapannya, amat nyata bahawa ianya berpunca daripada sumber yang sama dengan doktrin Protokol-Protokol Cendekiawan Zionisme. Ide-ide umum yang dirumuskan oleh Rabbai Reichhorn telah dikupas sepenuhnya dalam Protokol-Protokol tersebut.

Antara rumusan yang dibuat ialah seperti berikut;

1. Setiap 100 tahun, kami pendeta-pendeta Israel pada kebiasaannya akan berjumpa di Sanhedrin untuk meneliti kemajuan kita ke arah penguasaan dunia seperti yang telah dijanjikan oleh Jehovah dan penaklukan ke atas musuh kita-Agama Kristian.
2. Pada tahun ini disatukan di atas makam pendeta kita, Simeon-ben-Ihuda, kita dapat menyatakan dengan penuh bangganya bahawa abad yang lalu telah membawa kita semakin hampir kepada matlamat kita, dan bahawa matlamat ini akan dicapai tidak lama lagi.
3. EMAS telah dan sentiasa akan berterusan menjadi kuasa yang tidak dapat ditolak. Diuruskan oleh tangan-tangan yang mahir ia akan menjadi alat yang paling berguna kepada mereka yang memilikinya, dan akan menjadi punca irihati kepada mereka yang tidak memilikinya.

Dengan emas kita dapat membeli hati nurani yang paling menentang, dapat menetapkan harga semua nilai-nilai, harga semasa untuk semua keluaran, dapat mengsubsidi semua pinjaman Negara dan dengan itu meletakkan negara tersebut di bawah belas ihsan kita.

4. Bank-bank utama, pertukaran wang di seluruh dunia, hutang-hutang kerajaan, sudah pun berada di dalam tangan-tangan kita.

⁴⁶ Ummu Muhammad, (terjemahan Bahasa Malaysia) ‘*Protokol-Protokol Mesyuarat Para Ilmuan Zionis Dengan Prakata dan Nota-Nota Penjelasan*’, diterjemahkan dari teks Bahasa Russia ke Bahasa Inggeris oleh Victor E. Marsden, bekas wartawan Akhbar Russia ‘The Morning Post’, 1934, hlm 345-349

5. Kuasa penting yang lainnya ialah MEDIA CETAK⁴⁷. Melalui pengulangan ide-ide tertentu tanpa henti-henti, media cetak akhirnya akan berjaya membuat ianya diterima sebagai kenyataan. TEATER⁴⁸ juga memberikan khidmat yang sama kepada kita. Dimana-mana juga media cetak dan teater mematuhi arahan kita.
6. Melalui pujian yang tidak henti-henti ke atas PEMERINTAHAN DEMOKRASI, kita akan membahagikan orang Kristian mengikut parti-parti politik, kita akan memusnahkan perpaduan bangsa mereka, kita akan semaikan perbalahan di merata-rata tempat⁴⁹. Dilemahkan menjadi tidak berupaya, mereka akan tunduk kepada UNDANG-UNDANG BANK KITA, sentiasa 'bersatu' dan sentiasa 'setia' kepada Perjuangan kita.
7. Kita akan memaksa orang-orang Kristian berperang dengan mengeksploitasikan maruah dan kebodohan mereka. Mereka akan saling berbunuhan, dan akan mengosongkan tempat untuk kita meletakkan orang kita.
8. Pemilikan tanah telah sentiasa membawa kepada pengaruh dan kuasa. Diatas nama keadilan sosial dan kesamaan, kita akan membahagi-bahagikan estet-estet yang besar. Kita akan memberikan pecahan-pecahannya kepada orang miskin yang akan melindunginya dengan sedaya upaya, *dan tidak lama kemudian mereka akan berhutang dengan kita untuk mengusahakan tanah tersebut. Modal kita akan menjadikan kita tuan mereka.* Kita pula akan menjadi tuanpunya tanah dan pemilikan tanah akan menjamin kuasa kita.
9. Marilah kita cuba gantikan pengedaran emas dengan wang kertas⁵⁰; peti-peti kita akan menelan emas tersebut, dan kita akan menentukan nilai wang kertas itu yang akan menjadikan kita tuan pada semua kedudukan.

⁴⁷ Media elektronik dan komputer hari ini juga dikawal rapat oleh mogul-mogul Yahudi Zionis di tempat-tempat yang strategik di seluruh dunia.

⁴⁸ Pada hari ini industri perfileman, industri hiburan dan muzik dapat mencapai matlamat yang sama yang menguntungkan agenda Zionisme

⁴⁹ Bukankah perkara yang sama juga terjadi pada dunia Islam? Di tanah air kita sendiri, umat Islam mengalami pecah belah yang hebat kerana perbezaan politik. Siapakah yang untung dalam perkara ini??

⁵⁰ Pengurusan Institusi Kewangan yang mengamalkan sistem ribawi merupakan kepakaran golongan murabin (pemakan riba) Yahudi. Melalui penguasaan ekonomi yang terhasil akibat tanggungan bebanan hutang yang banyak kepada golongan murabin Yahudi inilah yang menyebabkan banyak negara-negara tersungkur di telapak kaki Zionis dan kekuasaan politik juga terserah kepada mereka.

10. Kita dapati di kalangan kita ramai pemedato⁵¹ yang berupaya untuk mencetuskan semangat dan mempengaruhi kumpulan perusuh (*mob*). Kita akan menyebarkan pemedato-pemedato ini di kalangan orang ramai bagi mengisytiharkan perubahan yang akan menjamin kebahagiaan manusia. Melalui emas dan pujian kita akan menguasai kaum buruh yang akan memenuhi dirinya dengan kebencian terhadap Kapitalisme Kristian. Kita akan menjanjikan kepada para pekerja gaji-gaji yang tidak pernah mereka impikan, tetapi kita juga akan menaikkan harga barang keperluan *supaya keuntungan kita semakin bertambah*.
11. Melalui cara inilah kita akan merancang revolusi-revolusi yang *akan dilaksanakan oleh orang Kristian sendiri* dan melaluinya kita akan mengutip hasilnya.
12. Melalui cemuhan-cemuhan dan serangan-serangan kita ke atas mereka akan menjadikan paderi-paderi mereka kelihatan tidak menasabah, kemudiannya kelihatan jelek dan akhirnya agama mereka juga kelihatan tidak menasabah dan sejelek paderi-paderi mereka⁵². Kemudian kita akan menguasai jiwa-jiwa mereka. Demi ketaatan kita kepada pegangan agama kita dan kemuliaan jiwa-jiwa kita.
13. Kita telahpun meletakkan orang kita pada kedudukan-kedudukan yang penting. Kita mesti terus berusaha menjadi peguam-peguam dan doktor-doktor orang Goyim, peguam-peguam merupakan *au-courant* dengan semua kepentingan; doktor-doktor pula apabila memasuki sesebuah rumah itu, akan menjadi paderi pendengar pengakuan dosa dan pengarah-pengarah hati nurani.
14. Bagaimanapun, yang paling utama ialah hendaklah kita memonopoli PENDIDIKAN. Melalui kaedah ini kita *dapat menyebarkan idea-idea yang berguna untuk kita*⁵³, dan membentuk pemikiran-pemikiran kanak-kanak mengikut kehendak kita.

⁵¹ Kumpulan pemedato ini ialah ahli-ahli politik yang pandai bersyarah panjang-panjang dan berbelit-belit, tetapi penuh dengan janji-janji kosong. Parti-parti politik hanya berhasil memecah-belahkan perpaduan bangsa dan menguntungkan agen-agen Yahudi.

⁵² Setelah berjaya memusnahkan agama Kristian dan umatnya, formula yang sama digunakan untuk menyerang umat Islam. Antaranya melalui pengkajian golongan Orientalis yang berhasil mengelirukan umat Islam dan propaganda media yang membuat hambatan mental secara terus menerus sehingga Islam dan umatnya mendapat imej yang jelek dan hina pada pandangan masyarakat dunia hari ini.

⁵³ Dalam kerajaan-kerajaan Islam yang sekular, Institusi Kefahaman Islam didirikan sebagai satu saluran untuk menyebarkan idea-idea pelik daripada ahli-ahli akademik, ilmuan, budayawan dan 'ulamak' didikan pakar-pakar orientalis (pakar-pakar orientalis ini ramai berbangsa Yahudi). Pusat-pusat pengkajian Islam seperti University St Andrews, Harvard University, Temple University,

15. Jika salah seorang daripada kita dengan dukacitanya telah dihadapkan ke pengadilan di kalangan orang Kristian, kita hendaklah meluru untuk memberikan bantuan kepadanya; Carilah seberapa ramai saksi yang diperlukan untuk membebaskannya daripada hakimnya, sehinggalah kita sendiri menjadi para hakim.
16. Raja-raja dunia Kristian lupa diri dengan cita-cita dan kesombongan mereka, dikelilingi kemewahan dan bala tentera yang ramai. *Kita akan terus memberikan semua wang yang mereka perlukan*⁵⁴, dan dengan itu akan terus melenakan mereka.
17. Marilah pastikan, kita tidak menghalang perkahwinan lelaki kita dengan wanita-wanita Kristian, kerana melalui merekalah kita akan dapat memasuki kumpulan mereka yang masih dijaga rapi. Begitulah juga jika anak perempuan kita mengahwini lelaki Goyim, *kerana anak-anak yang ibunya orang Yahudi adalah anak-anak kita. Marilah kita semaikan idea tentang kebebasan cinta*⁵⁵, supaya kita dapat musnahkan di kalangan perempuan-perempuan Kristian pegangan mereka kepada prinsip-prinsip dan amalan-amalan agama mereka.
18. Sejak zaman berzaman, anak-anak Israel dibenci dan diseksa, telah berusaha mencari jalan untuk mendapatkan kuasa. Mereka telah mendapat jalannya. *Mereka telah menguasai perekonomian orang Kristian yang terlaknat*, pengaruh mereka mengatasi orang Kristian di dalam politik dan sikap.
19. Pada masa yang kita kehendaki, yang telah ditentukan terlebih dahulu, kita akan cetuskan Revolusi, dengan menghancurkan semua kelas-kelas agama Kristian yang akan secara pastinya

Princeton University dan sebagainya dijadikan tempat bagi pakar-pakar orientalis ini mengeluarkan idea-idea mengenai Islam dan ajaran-ajarannya yang pelik dan terpesong serta mendidik orang-orang yang boleh menyebarkan dakyah-dakyah tersebut secara meluas. Kerajaan-kerajaan Islam sekular membekalkan penuntut-penuntut mereka ke tempat-tempat sebegini.

⁵⁴ Muslihat yang sama juga digunakan kepada raja-raja Islam, khususnya pada zaman penjajahan British di abad ke 19M-20M sehingga berjaya mencemarkan kesucian Institusi Beraja Islam sebagai pemegang mandat Allah atas pemerintahan umat Islam. Selepas berjaya membinasakan raja-raja Islam ini, digantikan pula dengan sistem pemerintahan sekular yang memberanakkan orang-orang politik. Mandat Allah digantikan dengan mandat rakyat majoriti (yg dikawal oleh media dan ekonomi Yahudi) yang meletakkan nilai serta mertabat yang sama diantara umat Islam dengan orang-orang kafir dan golongan ateis.

⁵⁵ Kebebasan cinta digalakkan untuk menyebarkan perzinaan yang menghancurkan nasab-nasab manusia dan melahirkan manusia-manusia *gharib* yang kemudiannya diangkat sebagai pemerintah-pemerintah (tetapi bukan untuk bangsa Yahudi).

memperhambakan orang Kristian kepada kita. **Dengan itu tercapailah janji tuhan (Yahweh) yang dibuat kepada kaumnya.**

Bab 9

Tertubuhnya Negara (Haram) Israel 1948

Orang-orang Yahudi amat mendambakan kepulangan mereka ke Baitul Muqaddas atau Jerusalem berdasarkan kepercayaan bahwa agama Judaisme tidak akan sempurna selagi kaum Yahudi tidak kembali ke Tanah Suci mereka, membina 'Kerajaan Bani Israel' sebagai pusat kekuasaan dunia di situ dan membaiki semula Haikal Nabi Sulaiman sebagai simbol pemulihan martabat mereka.

Bagi melaksanakan agenda Zionisme ini, PERTUBUHAN ZIONISME telah diwujudkan dengan tujuan menjemput semua umat Yahudi yang bertaburan di merata dunia kembali ke Palestin (atau Kan'aan) yang akan dijadikan pusat penguasaan Yahudi sedunia.

Sebenarnya tidak semua Yahudi yang mengamalkan ajaran Judaisme menyokong Pertubuhan Zionisme atau *Sahyuniyah* dalam Bahasa Arab itu. Walaupun para penganut Judaisme dan ahli-ahli Pertubuhan Zionisme mempunyai pendirian yang sama dari aspek cita-cita, wawasan dan matlamat menegakkan semula Kerajaan Bani Israel, namun kedua-dua pihak ini tidak sependapat dari segi strategi mencapai matlamat tersebut.

Sebenarnya di kalangan rabbai-rabbai Yahudi sendiri terdapat golongan yang percaya kaum Yahudi akan dikembalikan ke Tanah Suci mengikut 'gerakan alam semulajadi' dengan takdir Tuhan, bukan melalui program politik Zionis yang sengaja dirancang di Eropah itu. Rabbai-rabbai ini telah menolak sekeras-kerasnya sebarang ikhtiar mendapatkan kembali bumi Jerusalem melalui kaedah paksaan dan keganasan. Bagaimanapun golongan ini adalah minoriti yang tidak mampu mengubah kegilaan Yahudi-Yahudi Zionis untuk mendapatkan kembali Jerusalem dengan apa cara sekalipun.

Kesempatan merancang agenda Zionisme jatuh ke haribaan Yahudi Zionis bermula pada awal abad ke 18M. Pada masa itu jaringan-jaringan sulit mereka yang bergerak aktif di Eropah dan Amerika Syarikat telah berjaya menyelinapkan kembali murabin-murabin dan saudagar-saudagar Yahudi ke dalam institusi-institusi kewangan dan gelanggang politik Barat, langsung membina pengaruh mereka di situ. Secara berperingkat, negara-negara Barat ini mula mengamalkan dasar liberal terhadap mereka.

Dengan terlerainya penguasaan sistem gereja dan feudalisme semenjak Amerika Syarikat dan kebanyakan negara Eropah mengambil

konsep pemerintahan SEKULAR mulai akhir abad ke 18M, maka kuasa raja telah digantikan dengan kuasa KAPITALIS yang bersembunyi di sebalik pemerintahan ahli-ahli politik. Sedangkan golongan kapitalis pula bernaung di bawah tokoh-tokoh murabin Yahudi antarabangsa.

Perkembangan di Amerika dan Eropah ini telah memberikan petanda kepada Yahudi Zionis bahawa masanya telah matang untuk mengerakkan agenda Zionisme yang dijanjikan oleh 'Tuhan' Yahweh itu.

Maka pada tahun 1896M, seorang pemikir dan wartawan Yahudi dari Viennese yang bernama Theodore Herzl (1860-1904M) telah menulis sebuah buku berjudul 'Negara Yahudi' (*Der Judenstaat*). Penulisan tersebut berjaya menyemarakkan semula semangat patriotisme Yahudi dan telah mencetuskan Kongres Gerakan Zionis Pertama di Basel, Switzerland pada tahun berikutnya.

Dalam persidangan tersebut, Theodore Herzl telah membentangkan isu-isu dalam bukunya itu. Antara yang penting ialah memberi penekanan kepada pertahanan identiti keYahudian dan menolak asimilasi, membentuk sebuah Negara Yahudi, mewujudkan pertubuhan-pertubuhan Zionisme di negara-negara lain dan membincangkan ide untuk menguasai dunia.

Antara rumusan persidangan tersebut ialah mencari tapak sesuai bagi tujuan menegakkan semula Negara Yahudi. Wilayah Palestin dikenalpasti sebagai tapak tersebut memandangkan kepentingannya yang besar dari sudut agama Judaisme dan sejarah Yahudi.

Semenjak itu belia-belia Yahudi dari Russia dan Eropah Timur digalakkan supaya berhijrah ke Palestin dan mendirikan ladang-ladang dan perusahaan yang dibiayai oleh tuannya bank perdagangan yang terbesar di Eropah, iaitu seorang murabin Yahudi yang kaya, berpengaruh dan terkemuka bernama Boran Rothchild. Pada waktu itu, Palestin merupakan sebahagian dari jajahan Khilafah Othmaniyyah.

Pada tahun 1902M, Theodore Herzl telah mengunjungi pusat pentadbiran Khilafah Othmaniyyah⁵⁶ di Istanbul, Turki untuk berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid. Melalui kekayaan murabin Yahudi di Eropah, Theodore Herzl telah cuba menyogok Sultan Abdul Hamid dengan tawaran membantu baginda menyelesaikan masalah hutang empayar Othmaniyyah yang mencengkam (yang dibuat oleh beberapa

⁵⁶ Ironisnya, dari situ jugalah komplot Zionisme berkembang kerana mengambil kesempatan di atas dasar liberal Kerajaan Othmaniyyah kepada mereka.

khalifah sebelumnya⁵⁷), selain ganjaran-ganjaran lain yang lumayan sebagai ‘jasa’ membenarkan orang-orang Yahudi seluruh dunia kembali semula ke bumi Palestin.

Bagaimanapun sebagai seorang Khalifah ummah yang amat prihatin kepada tanggungjawabnya yang besar, baginda telah menolak dengan keras tawaran tersebut kerana tidak sanggup mengkhianati mandat Allah sebagai pemegang amanah umat Islam.

Sebenarnya Sultan Abdul Hamid telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai rancangan sulit Pertubuhan Zionisme itu dan terus mengambil langkah berjaga-jaga dengan meletakkan pentadbiran Baitul Muqaddas (Jerusalem) secara langsung di bawah pentadbiran pusat (Istanbul) di Turki⁵⁸.

Kegagalan mendapatkan tanah Palestin tidak mematikan semangat Gerakan Zionisme. Selepas kematian Theodore Herzl pada 3 Julai 1904M, penggantinya yang bernama David Wolffsohn telah membuka satu lagi inisiatif untuk berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid dalam tahun 1906M. Beliau telah mencadangkan agar 50,000 orang-orang Yahudi yang bertaburan di merata tempat dipindahkan kembali ke wilayah Palestin dengan janji manis bahawa mereka hanya akan mengusahakan ladang-ladang pertanian di situ. Namun sekali lagi Sultan Abdul Hamid gagal diperdayakan.

Sebaliknya Sultan Abdul Hamid terus mengeluarkan arahan untuk mengharamkan sebarang ikhtiar lanjut bagi menempatkan semula orang-orang Yahudi di Palestin dengan kenyataan⁵⁹ :

“Kami tidak menjual tanah air dengan wang. Kami mendapat negeri kami dengan pengorbanan darah nenek moyang kami. Kami tidak akan melepaskan seincipun dari tanahnya tanpa kami mengorbankan darah untuknya.”

⁵⁷ Pada masa dahulu Daulah Othmaniyyah mengamalkan ekonomi Islam. Bagaimanapun salah seorang dari khalifahnya telah termakan pujukan golongan murabin Yahudi di Eropah untuk meminjam wang yang banyak berdasarkan sistem ribawi bagi membangunkan kerajaannya. Maka terengkaamlah kerajaan Othmaniyyah dengan hutang yang banyak kepada murabin Yahudi yang terpaksa ditangani oleh Sultan Abdul Hamid.

⁵⁸ Sultan Abdul Hamid telah sedia maklum bahawa Gerakan Zionisme akan menggunakan bumi Palestin sebagai pengkalan untuk meluaskan jajahannya jika diberi peluang menubuhkan negara Yahudi di situ.

⁵⁹ Nahmar Jamil, ‘*Mengenal perwatakan Yahudi*’, Pustaka Al-Mizan, 1987, hlm 44

Selanjutnya baginda menegaskan⁶⁰:

“Kami sekali-kali tidak ingin menempah maut untuk saudara-saudara seagama kami dengan mengizinkan orang-orang Yahudi menetap di bumi Palestin.”

Dengan termaktubnya perisytiharan tersebut, dari kacamata Gerakan Zionisme, Sultan Abdul Hamid sendiri sebenarnya telah menempah maut untuk dirinya! Sulaiman Mansoor, seorang Yahudi Zionis telah mengeluarkan kenyataan sulit bahawa⁶¹ :

“Kita telah cuba merasuah Sultan Abdul Hamid dengan tawaran beberapa juta matawang emas sebagai pampasan mendapatkan tanah di Turki. Tetapi beliau telah menolaknya dan menghalau orang-orang kita dengan kehinaan. Bagaimanapun yakinlah bahawa kita akan bangun semula dan mencabuli orang-orang Turki ini sehingga penderitaan mereka lebih sengsara dari golongan Red Indian di Amerika.”

Pendirian Sultan Abdul Hamid yang tegas dan tanpa kompromi itu telah dianggap sebagai penghinaan yang besar kepada Yahudi Zionis. Kesumat mereka yang meluap-luap telah menyebabkan mereka bertindak mengarahkan Yahudi Donmat di Turki melancarkan gerakan menentang Khalifah melalui saluran propaganda hasutan yang dipelopori oleh Gerakan Kebangsaan Arab (Kristian) dan Gerakan Kebangsaan Turki Toraniah.

Maka pada tahun 1908M satu rampasan kuasa telah berjaya dilaksanakan. Tahun berikutnya Sultan Abdul Hamid telah dikurung dan digantikan dengan pemerintah boneka yang bernama Sultan Muhammad V yang dinobatkan oleh orang-orang Yahudi Donmat⁶². Semenjak itu usaha memisahkan agama dari politik telah dilancarkan secara besar-besaran. Kuasa sultan dilucutkan dari sifat-sifat Khalifah Islam. Semangat kebangsaan atau Nasionalisme disemarakkan menggantikan semangat ukhwah Islamiyyah⁶³. Penjenayah dan tokoh-tokoh Yahudi dari bangsa Bulgaria, Yunani dan Kristian yang bercikan Islam telah bersatu padu demi menghancurkan Khilafah Othmaniyyah secara muktamad.

⁶⁰ IMPACT, London, 25 Oct-7 Nov 1985

⁶¹ Misbahul Islam Faruqi, *Jewish conspiracy and the Muslim world; with complete text of The Protocols Of The Learned Elders of Zion*, Thinkers Library Sdn Bhd, 1991, hlm 25

⁶² Sultan Abdul Hamid dengan penuh rendah diri telah menerima nasibnya dengan redho dengan ungkapan: *“Inilah Kismet (takdir dalam Bahasa Arab), saya tidak bersalah.”*

⁶³ Kepimpinan Zionisme telah menggalakkan golongan angkatan muda Turki untuk mengambil inspirasi dari Revolusi Perancis (yang didalangi mereka) untuk menggulingkan Khalifah dengan mengambil konsep muluk seperti *‘Liberty, Equality dan Fraternity’*, atau *‘Kebebasan, Persamaan dan Persaudaraan.’*

Propaganda hasutan ini akhirnya telah membuahkan hasil yang lumayan apabila golongan anak muda Turki mulai berani bertindak menghancurkan terus Sistem Khilafah. Mustafa Kamal Atatürk, seorang Yahudi Donmat mengisytiharkan Turki sebagai sebuah negara republik dan sekular.

Setelah gagal mendapatkan Palestin daripada Khalifah Othmaniyyah, Gerakan Zionisme mula mengalihkan perhatian kepada kuasa British sebagai penyambung harapan mereka mendirikan negara haram Israel di situ. Kebetulan pada masa itu British merupakan sebuah empayar dunia yang kuat.

Harapan dialihkan kepada pihak British kerana dalam abad ke 19M, negara-negara Eropah telah menjadikan Imperialisme dasar pemerintahan mereka. Golongan Imperialis ini merasa 'bertanggungjawab' untuk mentamaddunkan bangsa-bangsa timur termasuklah di wilayah-wilayah umat Islam, yang dituduh mereka sebagai puak-puak yang 'liar dan kasar'.

Gerakan Yahudi memberikan alasan bahawa, dengan pembentukan sebuah negara Yahudi di tengah-tengah bumi Islam di Timur Tengah, ianya boleh dijadikan pengkalan penting bagi kuasa-kuasa Imperialis Eropah ini untuk meluaskan pengaruh mereka di wilayah-wilayah Islam di Timur Tengah yang mempunyai⁶⁴ kepentingan strategik itu.

Alasan yang dikemukakan oleh kepimpinan Zionisme ini mendapat sambutan hangat di kalangan pihak atasan negara Britain yang melihatnya sebagai persekutuan yang boleh menguntungkan kedua belah pihak⁶⁵.

Buah-buah hasil kegiatan Gerakan Zionisme akhirnya sampai ke kemuncak dengan kelahiran Liga Bangsa-Bangsa setelah hampir selesai Perang Dunia Pertama pada tahun 1917M, **yang memberi mandat kepada kuasa British⁶⁶ untuk menguasai Palestin sebagai persediaan melahirkan negara haram Israel.**

⁶⁴ Setelah berjaya mewujudkan negara haram Israel dengan sokongan dan dokongan kuasa-kuasa Eropah, persekutuan yang wujud diantara Zionisme dan penjajah Barat ini telah diperakui oleh kedua belah pihak sebagai menafaat besar yang diperolehi daripada kerjasama tersebut.

⁶⁵ Dalam Kongres Zionis ke 19 pada tahun 1935M, Ben Gurion telah membuat deklarasi bahawa: "*Sesiapa yang mengkhianati Great Britain mengkhianati Zionisme*". Pada masa yang lain, beliau menyatakan bahawa: "*Tanah Yahudi itu mampu menjadi pertahanan laut dan darat kepada empayar tersebut (British).*"

⁶⁶ Kelahiran pertubuhan Liga Bangsa-Bangsa dan kemudiannya Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) setelah Perang Dunia Kedua telah mengiktiraf kelahiran negara haram Israel. Sehingga pada hari ini

Dengan keberhasilan kuasa British menakluki Palestin, tokoh-tokoh Zionis di England bersegera mencaplok peluang emas ini untuk mempengaruhi kerajaan Inggeris menyokong cita-cita mereka menduduki wilayah tersebut. Mereka tidak perlu menunggu lama kerana pada bulan September tahun yang sama, Lord Arthur James Balfour, Setiausaha Luar Negeri Britain telah mengutus surat kepada seorang pemodal elit Yahudi Eropah yang amat berpengaruh, iaitu Lord Rothschild, menyatakan bahawa kerajaannya menyokong penubuhan tanahair Yahudi di Palestin. Pengisytiharan ini kemudian dilulus dan iktiraf oleh majlis Liga Bangsa-Bangsa⁶⁷ pada bulan Julai 1922M.

Semenjak pengiktirafan tersebut, Gerakan Zionisme yang mendapat nafas baru telah mempercepatkan proses penempatan semula orang-orang Yahudi dari merata tempat ke Palestin. Asakan demi asakan yang datang dari pendatang-pendatang haram Yahudi secara beramai-ramai dengan tidak mempedulikan hak turun temurun dan sensitiviti golongan pribumi Palestin (Islam dan Kristian)⁶⁸ telah mencetuskan konflik-konflik yang hebat. Pemimpin Zionisme merancang pembunuhan beribu rakyat Palestin dan merampas harta serta tanah mereka. Peperangan tak dapat dihindar lagi. Rusuhan terjadi berulang-kali diantara masyarakat pribumi dengan pendatang-pendatang haram Yahudi pada tahun 1929M, 1933M, 1936-1938M.

Konflik serta pertempuran antara masyarakat pribumi Palestin dengan pendatang haram Yahudi telah menerbitkan Suruhanjaya Peel yang mencadangkan supaya Palestin dibahagikan kepada dua bahagian; wilayah Arab dan wilayah Zionis Yahudi. Sebaik sahaja Perang Dunia Kedua tamat, cadangan tersebut telah dibentangkan kepada Bangsa-Bangsa Bersatu yang terus meluluskan penubuhan Negara Israel di Palestin berdasarkan syarat pembahagian seperti yang dicadangkan serta berbagai syarat lain.

PBB sentiasa bermain sandiwara bagi menyembunyikan peranan mereka yang sebenar sebagai pelindung dan alat Yahudi yang paling berkesan.

⁶⁷ Menjadi Bangsa-Bangsa Bersatu selepas Perang Dunia Kedua

⁶⁸ Mereka adalah dari keturunan Arab Mesir, Syria, Iraq dan Romawi yang pernah menakluki Jerusalem di zaman-zaman Sebelum Masihi. Kebanyakan mereka telah memeluk Islam, terutamanya di zaman penguasaan khalifah-khalifah Islam selama hampir 1200 tahun lamanya, dan menjadi penduduk pribumi Palestin sehingga ke hari ini.

Foreign Office,

November 2nd, 1917

Dear Lord Rothschild,


I have much pleasure in conveying to you, on behalf of His Majesty's Government, the following declaration of sympathy with Jewish Zionist aspirations which has been submitted to, and approved by, the Cabinet

"His Majesty's Government view with favour the establishment in Palestine of a national home for the Jewish people, and will use their best endeavours to facilitate the achievement of this object, it being clearly understood that nothing shall be done which may prejudice the civil and religious rights of existing non-Jewish communities in Palestine, or the rights and political status enjoyed by Jews in any other country"

I should be grateful if you would bring this declaration to the knowledge of the Zionist Federation.

Y. ing
Arthur Balfour

Surat Lord Arthur James Balfour, Setiausaha Luar Negeri Britain kepada Lord Rothschild, menyatakan bahawa kerajaannya menyokong penubuhan tanahair Yahudi di Palestin. Pengisytiharan ini kemudian dilulus dan diiktiraf oleh majlis Liga Bangsa-Bangsa pada bulan Julai 1922M.



Peta negara haram Israel Raya ; Negara impian yang diusahakan melalui tipudaya dan bukan takwa menggunakan sehina-hina kaedah iaitu “tujuan menghalalkan cara”.

Sumber : diambil dari buku Sulaiman Noordin, *‘Sejarah Pemikiran, Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan Orde Baru Dunia*, halaman 189)



Negara haram Israel yang ditubuhkan atas darah dan airmata umat Islam sedunia. Baitul Muqaddas atau Tanah Haram Al-Quds (Jerusalem) telah dibahagikan kepada dua, iaitu Al-Quds barat yang dipegang oleh orang Yahudi dan Al-Quds timur dipegang oleh umat Islam (Jordan) selepas perang Arab-Israel 1948M. Bagaimanapun Yahudi berjaya merampas semula Al-Quds timur dalam peperangan Arab-Israel 1967M. Semenjak itu, wilayah Al-Quds timur yang mempunyai tempat-tempat suci kaum Yahudi dan Nasrani menjadi punca konflik yang berpanjangan diantara penduduk pribumi Palestin dan Yahudi, menjangkau ke hari ini. Di kawasan Al-Quds timur inilah juga letaknya Masjidil Aqsa dan Qubbatus Sakhras, dua simbol yang paling suci bagi umat Islam.

Maka pada 14hb Mei 1948M lahirlah sebuah negara haram Israel di bumi Palestin, teretus daripada doktrin Zionisme yang diimplementasikan melalui strategi-strategi teratur oleh Pertubuhan Zionisme dengan sumber-sumber kewangan dan pengaruh yang tidak terhad oleh golongan murabin Illuminati Yahudi, khususnya dinasti Rothschild. Hanya empat belas minit selepas pengumuman dibuat, Presiden Truman dari Amerika Syarikat telah mengiktiraf negara haram tersebut, sementara Soviet Union pula mengiktirafnya tiga hari kemudian.

Sungguhpun Amerika Syarikat dan Soviet Union mempunyai kepentingan yang berbeza dan memusuhi antara satu sama lain, namun hakikatnya ramai dari kalangan orang-orang atasan mereka yang menguasai bidang ekonomi, politik dan media adalah berasal dari nenek moyang yang sama, iaitu bangsa Yahudi.

Malang bagi kaum pribumi Arab Palestin, selepas sahaja Israel disytiharkan sebagai negara berdaulat dan merdeka, sekalian syarat-syarat yang pada awalnya dipersetujui semuanya telah dicabuli. Malahan pucuk pimpinan negara haram Israel telah mengumumkan dasar pengluasan jajahan yang kemudiannya membawa kepada penaklukan seluruh wilayah Arab Palestin.

Dalam hal ini, apabila Perdana Menteri negara (haram) Israel yang pertama, iaitu David Ben Gurion membuat pengumumannya, beliau enggan mengisytiharkan sempadan Negara Israel dengan membandingkan keenganannya itu dengan apa yang pernah berlaku kepada 13 jajahan asal Amerika Syarikat yang juga enggan mengisytiharkan sempadan negara tersebut semasa deklarasi kemerdekaannya, iaitu bagi membolehkan mereka meluaskan jajahan Amerika Syarikat kemudiannya kepada 50 negeri daripada Lautan Atlantik ke Lautan Pasifik.

Dalam tahun 1968M, Moshe Dayan, Ketua Turus Angkatan Tentera Darat Yahudi pernah menyebut;

*“Semenjak tempuh 100 tahun yang lalu, kaum kita telah memulakan proses pembentukan sebuah negara dan (pengumpulan semula) bangsa, dan meluaskannya, meningkatkan bilangan orang-orang Yahudi dan penempatan-penempatan tambahan yang dapat meluaskan sempadan negara ini. **Jangan sesiapa pun dari kalangan orang-orang Yahudi mengatakan bahawa proses ini telah tamat. Jangan sesiapa pun mengatakan bahawa kita telah hampir sampai ke penghujung jalan.**”*

“Kelemahan persekutuan negara-negara Arab adalah di Lebanon. Kepimpinan Islam di negara ini adalah palsu dan mudah disingkirkan. Sebuah negara Kristian patut didirikan di sini dengan sempadan di sebelah selatannya pada Sungai Litani. Kita akan membuat perjanjian persahabatan dengan negara ini. Maka apabila kita telah berjaya membinasakan kekuatan Liga Arab dan mengebom Amman, kita boleh membinasakan negara Jordan Raya, selepas itu Syria akan jatuh. Jikalau Mesir berani menentang kita, kita akan mengebom Pelabuhan Said, Iskandariah dan Kaherah. Kita boleh tamatkan peperangan di situ, dan bermakna kita telah berjaya menumpaskan ketiga-tiga negara itu bagi pihak nenek moyang kita.

‘Law of Return’ atau ‘Undang-Undang Kepulangan’ 1950M merupakan suatu contoh dasar negara (haram) Israel yang zalim, iaitu dengan memberikan hak eksklusif kepada semua penganut agama Judaisme dari mana-mana ceruk rantau dunia hak kerakyatan secara automatik, sedangkan penduduk pribumi Palestin diwajibkan memohon kerakyatan mereka dengan dikenakan berbagai syarat yang ketat.

Dalam hal ini Professor Israel Sahak, Pengerusi Liga Israel untuk Hak Sivil dan Kemanusiaan telah menegaskan⁶⁹ :

“Orang-orang yang dilahirkan dan sepanjang hayat mereka tinggal di Jerusalem tidak dibenarkan kembali ke bandar mereka sendiri jikalau mereka bukan dari kaum Yahudi. Namun jikalau esok seorang Belanda menganut Judaisme (sudah tentunya mengikut cara Judaisme Ortodoks), maka dia bukan sahaja akan dibenarkan tinggal di Jerusalem, malahan akan mendapat sebuah apartment di Ramat Eschkol (sebuah penempatan di Jerusalem yang dibina atas tanah yang dirampas daripada orang-orang Palestin).”

Percubaan tentera-tentera Arab untuk mematahkan penaklukan Yahudi dengan cepat dapat ditumpaskan dan seterusnya menekan pribumi Arab Palestin sehinggalah beratus-ratus ribu rakyatnya menjadi pelarian. Sedangkan mereka yang tetap tinggal di wilayah Palestin telah didedahkan kepada penderaan dan hambatan mental dan fizikal yang zalim, rakus dan berlanjutan sehingga ke hari ini.

Kejayaan Yahudi Zionis mendirikan negara haram Israel dan mengumpul kembali orang-orang Yahudi di situ dalam masa yang singkat telah dianggap sebagai petanda baik bahawa firasat agama Judaisme kini telah hampir menjadi kenyataan. Bermakna masanya sudah sampai untuk menzahirkan firasat yang satu lagi, iaitu melancarkan agenda

⁶⁹ Shahak, Israel; *‘What are my opinions’*, Middle East International (Supplement), May 1975

menguasai dunia dengan negara Yahudi dijadikan pusat pentadbiran bagi 'Satu Kerajaan Dunia'.

Namun dalam saat-saat yang mendebarakan ini, sekonyong-konyong mereka telah diketemukan dengan penghalang yang besar, yang jika tidak dibendung kemaraannya, bakal gagal dan menghancurkan cita-cita mereka sama sekali.

Siapakah golongan yang menjadi penghalang yang besar kepada agenda Zionisme itu ???

Agenda Zionisme Mengancam Aqidah Ummah

Bab 10

'Agama Kenegaraan' Menolak Agama Allah

Selama lebih 3000 tahun, manusia telah diperintah oleh golongan raja-raja. Lazimnya rakyat akan menganut agama raja-raja mereka, dan raja-raja inilah yang mencorakkan identiti dan tamaddun bangsa-bangsa yang di bawah perintah mereka itu. Rujuk sekali lagi Hadeeth Rasulullah SAW yang maksudnya: “ *Orang ramai ialah mengikuti agama Raja mereka*”

Setelah kedatangan Islam, raja-raja berubah menjadi khalifah-khalifah umat Islam, iaitu sebagai penerus Rasulullah SAW bagi urusan duniawi dan ukhrawi di samping menjadi tonggak bangsa yang dipegangnya itu. Daulah-daulah Islamiyyah yang dipegang oleh Raja-Raja Islam ini merupakan unit-unit dalam rangkaian sistem yang bernaung di bawah Khalifah Islamiyyah, sebagai ketua atau pusat kesatuan, kekuatan dan perpaduan ummah sejagat. Sistem ini berjaya mewujudkan semangat persaudaraan Islam sejagat yang ampuh dan padu, serta saling mendokong dan menguatkan diantara satu sama lain

Bagaimanapun dalam dunia Barat semenjak tahun 1776M telah lahir sebuah 'Negara' yang memisahkan diri dari naungan sistem pemerintahan monarki bukan Islam (yang didokong oleh pihak gereja yang amat berkuasa) serta meletakkan Perlembagaan sebagai ideologi Negara yang paling teratas dan tertinggi. Sistem perlembagaan yang dinamakan SEKULAR ini merangka konsep pemisahan agama Kristian dari urusan pemerintahan. Maka wujudlah negara sekular yang pertama di dunia, iaitu Amerika Syarikat.

Dalam perlembagaan Amerika Syarikat, 'Negara'lah merupakan titik tolak, landasan kerja dan matlamat segala sesuatu. Maka lahirlah suatu fahaman 'Kenegaraan', sebuah 'agama' ciptaan manusia. Selepas Amerika, Perancis pula menganut pemerintahan berperlembagaan sekular dalam tahun 1789M, langsung diikuti oleh banyak negara di Eropah sehingga membawa kepada Revolusi Komunis di Russia dalam tahun 1917M dan Revolusi Komunis di China dalam tahun 1949M.

Dalam waktu yang sama, satu golongan umat Islam, iaitu 'Kaum Muda' yang berpendidikan barat di negara-negara Islam yang terjajah telah terpesona dan 'terilham' dengan konsep 'Agama Kenegaraan' yang menjadi trend di negara-negara Barat itu. Kaum Muda ini rata-rata berpegang pada prinsip 'kemodenan' ciptaan Barat yang menegaskan bahawa '*yang baru mestilah lebih baik dari yang terdahulu dan manusia*

akan terus sentiasa menuju kepada keadaan yang lebih baik dari sebelumnya'.

Kaum Muda inilah yang menjadi pendokong-pendokong utama kepada gerakan-gerakan menuntut kemerdekaan dalam negara-negara Islam mereka yang terjajah itu. Dan kepada golongan inilah penjajah-penjajah Barat memberikan kemerdekaan mereka (iaitu tidak dikembalikan kepada keturunan raja-rajanya yang asal).

Maka negara-negara Islam yang muncul pasca penjajahan Barat mula menganut 'Orde Baru', iaitu falsafah Kenegaraan yang berpaksi dan berpusat pada semangat nasionalisme atau kebangsaan itu, langsung mengenyahkan corak pemerintahan Islam yang tulen (Khalifah dan wakilnya). Antara contoh negeri-negeri Islam yang menganut fahaman Kenegaraan ini ialah Republik Turki, negeri-negeri Islam di Tanah Arab, India, Pakistan, Bangladesh, Indonesia dan banyak negeri Islam di Afrika.

Bagi kerajaan-kerajaan Islam yang masih mempunyai raja-rajanya, pihak Barat memberikan kemerdekaan hanya setelah memaksa supaya kedaulatan dan kuasa raja dibataskan pada sempadan politik Negara yang bersifat 'nasionalisme' itu dan bukan dalam wadah kejiwaan umat Islam sejagat seperti dahulu kala.

Fahaman Kenegaraan bawaan penjajah Barat ini bukan sahaja membawa implikasi yang teramat buruk kepada negara-negara umat Islam kerana fahaman tersebut secara jelas membelakangkan Allah SWT dalam urusan pemerintahan mereka, malahan ia juga membinasakan jiwa persaudaraan atau Ukhuwwah Islamiyyah yang membawa kepada kemelut yang melanda ummah pada hari ini.

Sebagai contohnya, perjuangan membebaskan Baitul Muqaddas rata-rata hari ini dianggap hanya sebagai perjuangan kebangsaan Palestine dan bukannya masalah yang perlu dikongsi dan ditangani bersama oleh umat Islam sejagat dalam semangat persaudaraan Islamiyyah.

Bandingkan keadaan ini dengan situasi umat Islam zaman pra penjajah, yang mana pemerintahan Khalifah Islamiyyah dan Raja-Raja Islam amat mendokong diantara satu sama lain, mana-mana Daulah Islamiyyah yang menghadapi ancaman Kristianisasi atau penjajahan Kuffar akan dibantu oleh Daulah-Daulah Islamiyyah yang lain serta mendapat bantuan ketenteraan dari pusat Khalifah Othmaniyyah di Turki. Begitu juga dalam bidang ekonomi, pendidikan, agama, diplomatik dan lain-lainnya yang dibuat secara usaha sama serta bantu membantu

dan sokong menyokong dalam satu semangat persaudaraan Islam yang tulen.

Hakikatnya, konsep pengsekularaan dalam urusan pemerintahan manusia yang telah melahirkan **AGAMA KENEGARAAN** ini mempunyai berbagai mazhab seperti demokrasi, sosialisme, komunisme, kapitalisme, fasisme dan bermacam-macam 'isme' lagi. **Agama ini telah menggantikan agama-agama fitrah manusia dan dianuti oleh hampir kesemua negara di dunia ini.** Dalam banyak 'negara-negara Islam', Agama Kenegaraan telah diletakkan paling teratas dan diberikan taraf mutlak menggantikan pegangan pada hukum Allah SWT dan RasulNya SAW.

Agama negara ini meletakkan dirinya melebihi Allah SWT sendiri. Ia menuntut rakyat jelata menyerahkan diri, harta dan nyawa mereka untuk penyembahan kepada 'Negara'. Kepimpinan yang menerajui agama kenegaraan ini akan memomok-momokkan pada rakyat jelata bahawa Negaralah yang memelihara mereka, menentukan rezeki mereka, menjaga keselamatan hatta hidup-mati mereka. Negara ini merasakan lebih berhak disembah dan dihormati. Rakyat yang akur pada Negara akan dipuji sebagai patriotik sedangkan yang tidak rela menyembah Negara dilabel sebagai pengkhianat, lalu dicemuh dan dipandang keji. Status seseorang dalam Negara dinilai sejauh mana dia mampu mengharumkan nama Negara.

'Kitab suci' bagi Agama Kenegaraan ini ialah perlembagaannya yang dianggap sakaral dan tidak boleh dipertikaikan hatta oleh undang-undang Allah SWT sendiri. 'Kitab suci' ini sentiasa ditakrif, ditafsir semula, dibahas dan dipinda oleh ketua-ketua bagi agama kenegaraan ini yang dipanggil ahli-ahli politik sedangkan Ketua Negara merupakan bayangan bagi Negara tersebut.

Dalam Agama Kenegaraan, sebagai 'ketua-ketua agama', ahli-ahli politik mempunyai kuasa yang besar, iaitu boleh menghalalkan apa yang Allah SWT haramkan dan mengharamkan apa yang Allah SWT halalkan. Rakyat jelata perlu akur kepada keputusan mereka. Undang-undang mereka ditadbir oleh hakim-hakim yang diberi kuasa oleh Negara.

Pelanggaran undang-undang Negara dianggap sebagai satu penderhakaan dan hukuman diberi mengikut budi bicara hakim-hakim Negara itu. Hakim-hakim Negaralah yang memberi kata pemutus bagi benar dan salah, bukan Kitabullah. Walaubagaimanapun keputusan mereka seringkali boleh diubah oleh Ketua Negara dalam peranannya sebagai ketua besar bagi semua 'ketua agama' dalam Negara itu.

Apakah ukuran kejayaan pada kaca mata Negara? Ianya adalah dalam bentuk angka-angka yang boleh dinilai kira seperti angka-angka ekonomi, ketenteraan, kesihatan dan sebagainya. Dalam agama kenegaraan, perkara-perkara yang tidak boleh dinilai kira seperti kebaikan, keberkatan dan kejahatan tidak mempunyai ruang bagi Negara tersebut. Konsep berkat diganti dengan produktiviti yang diukur dalam bentuk angka.

Dalam Negara, agama fitrah, raja-raja, sejarah dan budaya hanyalah dianggap sebagai penghias yang boleh dieksploitasi bagi maksud mencapai matlamat 'kejayaan Negara'. Perkara-perkara ini hanya dianggap sebagai kegiatan masa lapang yang tidak harus diambil menafaat darinya, kecuali dalam konteks Negara itu mesti di atas dari segala-galanya. Bandingkan dengan objektif-objektif Negara yang lainnya, perkara-perkara diatas boleh diubah suai atau dibuang jika dirasakan perlu.

Negara di samping menghukum juga bertindak 'menetapkan' rezeki yang Allah kurniakan kepada makhlukNya melalui alat yang dipanggil ekonomi. Bagi memastikan semua penduduk dibelenggu dengan ekonomi, maka perbandaraan dipaksakan atas penduduk. Penduduk yang tidak mahu mengikuti gaya hidup perbandaraan ini akan dituduh sebagai kolot dan ketinggalan zaman.

Penghijrahan besar-besaran penduduk ke bandaraya-bandaraya membentuk satu kelas penduduk yang terjerut leher-leher mereka oleh ekonomi Negara ini. Kalau di kampung-kampung dahulu mereka merdeka dari segi makanan dan tempat tinggal, dan hanya memerlukan wang yang minima, tetapi di bandar mereka hilang segala-galanya dan harus bergantung kepada ekonomi Negara untuk hidup hinggakan rakyat menjadi benar-benar yakin bahawa makan-minum, rezeki dan penghidupan mereka bergantung kepada ekonomi Negara, bukan lagi kepada Allah SWT.

Asas ekonomi Negara adalah riba dan penindasan. Riba menjadikan yang kaya bertambah kaya sedangkan yang miskin makin melarat. Agama Kenegaraan pula memandang riba sebagai darah dagingnya. Riba dikawal oleh alat negara yang dipanggil Bank Negara dan pengumuman kadar bunga riba menjadi sesuatu yang dinantikan dengan penuh debaran oleh rakyat. Ciri yang paling ketara dalam Agama Negara ialah, apabila pendapatan rakyat serba tidak kecukupan kerana nilai wang akan ditelan oleh inflasi. Kadar pertumbuhan ekonomi dianggap kebenaran yang hakiki. Perkara-perkara di atas ini menyebabkan penduduk bertungkus lumus bekerja siang dan malam bagi memastikan pertumbuhan ekonomi Negara.

Dalam 'Agama Negara', memandangkan riba itu darah dagingnya, maka pemodal-pemodal dipandang mulia. Penindasan ke atas penduduk dianggap sebagai harga yang wajar dibayar bagi menarik pemodal-pemodal tersebut. Golongan pemodal pula bebas mengenakan apa jua syarat yang lazimnya dipersetujui oleh Ketua Negara. Oleh kerana kebanyakan pemodal ini orang Barat dari golongan Yahudi dan Nasrani, maka Negara mengamalkan dasar yang lunak ke atas negara-negara Barat dan negara haram Yahudi.

Penduduk-penduduk diseru mengorbankan diri mereka demi Negara. Bagi memastikan penduduk-penduduk tidak memberontak atau meninggalkan 'Agama Negara' yang menindas itu, maka disuburkan maksiat dan segala macam jenis hiburan yang memuaskan hawa nafsu. Dasar ini dilaksanakan supaya rakyat sentiasa hidup dalam illusi keseronokan, kehairahan dan kepuasan, langsung lupa pada penindasan yang dialami.

Rakyat juga disogokkan dengan angan-angan kosong melalui iklan-iklan yang merangsang nafsu untuk mendapatkan perkara-perkara yang sebenarnya tidak perlu. Perkara ini menyebabkan rakyat berlumba-lumba ke arah mencapai matlamat kebendaan yang dahsyat tanpa mempedulikan halal dan haramnya di sisi Allah SWT.

Negara pula menguar-uarkan bahawa inilah sebenarnya 'kebebasan' dan 'kemerdekaan' yang dikurniakan ke atas rakyat dan mereka perlu berterima kasih, atau 'bersyukur' pada Negara serta perlu menggadai hatta nyawa sendiri untuk Negara supaya 'kebebasan' dan 'kemerdekaan' mereka sentiasa terpelihara.

Dalam 'Agama Kenegaraan', agama Allah SWT dianggap sebagai suatu saingan yang ketat, maka dibentuklah golongan 'ulamak suk' yang mentafsir dan memagar Agama Allah dalam kerangka agama Negara, ironisnya dengan menyelewangkan dalil-dalil agama yang sebenar.

Penyelewengan ajaran Agama Islam tidaklah sukar dibuat kerana bekalannya banyak boleh diambil terus dari golongan Orientalis serta ahli-ahli akademik Barat yang meletakkan ajaran Islam pada taraf 'akademik', iaitu pengasingan agama dari pendidikan. Pengasingan ini yang merupakan sebahagian dari konsep pemerintahan sekular menyebabkan agama hanya dikupas dari sudut akal dan logik manusia. Golongan Orientalis dan ahli-ahli akademik Barat ini yang dianggap sebagai 'berkecuali' mendapat legitimasi mereka dari 'ulamak-ulamak' Islam yang 'moderate' dalam Negara itu.

Mana-mana rakyat yang mahu mengamalkan ajaran Agama Islam yang tulen akan dilabel sebagai 'musuh Negara' dan dicemuh dengan berbagai cemuhan. Mereka dihambat dan dijatuhkan seberat-berat hukuman kerana berani meletakkan Allah SWT lebih agung daripada Negara!!

Nilai angka yang menjadi ukuran 'Agama Negara' meletakkan negara-negara besar (Barat) hebat pada pandangan Negara kerana negara-negara besar ini mempunyai nilai-nilai ekonomi, produktiviti, tentera yang lebih besar jumlahnya. Maka dasar, pendapat dan nasihat negara-negara besar ini akan diambil atau dikeduk bulat-bulat termasuklah dengan segala 'kurap kudisnya' dengan harapan Negara dapat menjadi 'maju' seperti mereka. Maka demikianlah Negara bersekongkol dengan Barat memerangi AGAMA ALLAH, agama yang BENAR dan HAKIKAT.

GAGASAN GLOBALISME hari ini sebenarnya bermatlamat membawa manusia sejagat kepada Agama Kenegaraan yang tidak bertuhan melalui kata-kata muluk seperti kemajuan, kemodenan dan ketamaddunan yang menyembunyikan agenda sebenar, iaitu pelupusan agama dari kehidupan manusia samada secara falsafah mahupun secara pengamalan.

Agama Islam dengan tegas dan nyatanya memerangi amalan meletakkan yang lain selain Allah kepada taraf mutlak. Amalan ini, iaitu amalan syirik merupakan sebesar-besar dosa kerana telah mempersekutukan Allah SWT dengan yang lain.

Bab 11

Ummah Terkandang Bawah Sekularisme

Islam merupakan sebesar-besar penghalang kepada Yahudi Zionis untuk menguasai dunia secara mutlak kerana umat Islam sahaja yang tidak bersedia untuk mengiktiraf negara haram Israel. Ini jelas terbukti apabila Sultan (Khalifah) Abdul Hamid dari Khilafah Othmaniyyah telah menolak bulat-bulat tawaran Pertubuhan Zionis untuk membeli tanah Palestin bagi menempatkan semula orang-orang Yahudi di situ. Sebagai Amirul Mukminin baginda tidak sanggup mengkhianati amanah tersebut.

Begitu juga Syarif Mekah (penjaga Mekah dan Madinah yang merupakan pusat *ruhaniyyat* ummah semenjak berkurun lamanya), iaitu Syarif Husin ibni Syarif Ali telah menolak pujukan Kolonel T.E. Lawrence (*Lawrence of Arabia*) untuk menanda-tangani Perjanjian Persahabatan Hejaz-Britain, kerana ia bermakna mengiktiraf mandat Britain di Palestin selepas Perang Dunia Pertama. Pengiktirafan ini berpotensi menghantar isyarat yang salah kepada dunia kononnya Syarif Mekah juga telah bersetuju kepada pembentukan negara Yahudi di situ yang telah dipersetujui secara prinsip oleh Britain dalam Deklarasi Balfour 1917M itu. Maka itulah sebabnya Syarif Husin menjadi pemimpin Arab yang pertama menolak deklarasi tersebut⁷⁰.

Keengganan kepimpinan ummah (Khalifah dan Syarif Mekah) untuk mengiktiraf negara haram Israel bukan sahaja telah mencetuskan kemarahan yang berapi-api oleh Pertubuhan Zionisme dan para penyokongnya seperti Britain dan Amerika Syarikat, malah meyakinkan mereka bahawa daulah-daulah Islamiyyah perlu digempur supaya tidak ada lagi sekatan untuk mencapai agenda menguasai dunia.

Sebagai pusat kekuasaan, kekuatan dan kesatuan ummah, Khilafah Othmaniyyah dipandang sebagai ancaman terbesar yang perlu dihancurkan-leburkan. Kebetulan di Turki Pertubuhan Zionisme mempunyai jaringan sulit yang berpengaruh dalam bentuk Gerakan FREEMASONRI yang mempunyai ramai ahli dari Yahudi Donmat. Mereka boleh diharap untuk menghasut angkatan muda Turki melaksanakan tugas menggulingkan Khalifah.

⁷⁰ Syarif Husin terpaksa membayar penolakan tersebut dengan harga penyingkiran baginda sebagai penjaga dua Haramain Mekah dan Madinah. Baginda digulingkan oleh keluarga Saud dari Najd yang dinaikkan oleh kuasa Barat. Sebelum itu Syarif-Syarif Mekah telah menjadi penjaga dua kota suci itu hampir 800 tahun lamanya. Mereka mempunyai hubungan yang baik dan sentiasa bekerjasama dengan Khalifah dan Raja-Raja Islam. Mereka berketurunan ahlul-bait Rasulullah SAW dari titisan Sayyidina Al-Hassan RA.

Sepertimana yang berlaku kepada masyarakat Kristian Eropah, formula yang sama telah digunakan untuk menghancurkan Khilafah Othmaniyyah iaitu melaksanakan doktrin-doktrin seperti yang terkandung dalam Protokol-Protokol Cendikiawan Zionis.

Protokol Yahudi Zionis Nombor 4 telah menegaskan :

“Gerakan Masonri orang bukan Yahudi tanpa menyedarinya telah menjadi pelindung kita dan matlamat-matlamat kita, tetapi rancangan tindak-tanduk kita walaupun berlaku berterusan akan tetap menjadi suatu misteri yang tidak diketahui oleh rakyat keseluruhannya.”

Menifestasi daripada implementasi Protokol-Protokol Cendikiawan Zionis melalui propaganda media yang meluas telah berjaya mewujudkan ‘gerakan reformasi’ di Turki yang terpengaruh pada slogan muluk Revolusi Perancis iaitu ‘Kebebasan, Persamaan dan Persaudaraan’. Gerakan ini akhirnya berjaya menggulingkan Khalifah Othmaniyyah sekaligus sistem Khilafah Islamiyyah yang diterajunya.

Dengan terbentuknya negara umat Islam pertama yang berstatus sekular, Menteri Dalam Negeri Turki telah bersedia untuk memisahkan ajaran Islam dari semua aspek pemerintahan. Menurutnyanya:

“Dengan Sekularisme kita telah membuat kepastian bahawa Agama Islam tidak mempengaruhi urusan negara. Biarlah agama tinggal di masjid-masjid dan di tempat ibadah sahaja. Biarlah ia tidak keluar dari dunianya.”

Semenjak peristiwa penggulingan Sultan (Khalifah) Abdul Hamid di Turki pada awal abad ke 20M, bencana besar mula menimpa hampir kesemua daulah Islamiyyah. Libya dijajah Itali, Moroko jatuh ke tangan Perancis, negara-negara Islam dijajah Eropah Barat dan Russia. Pola yang sama berlaku kepada kepulauan Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu, Selatan Filipina, Tunisia, Pakistan, Bangladesh, negara-negara Islam di Afrika dan lain-lain lagi.

Bagaimanapun tidak sampai satu abad, imperialis-imperialis Barat ini telah memerdekakan jajahan-jajahan Islam dan pulang ke negara masing-masing. Maka tidak ada sebab mengapa negara-negara Islam yang telah mendapatkan kemerdekaan mereka itu tidak kembali menjadi seperti zaman pra-penjajah, iaitu menegakkan semula rangkaian daulah-daulah Islamiyyah di bawah sistem Raja-Raja Islam yang bernaung di bawah Khalifah sebagai Amirul Mukminin.

Namun realitinya apabila imperialis Barat keluar berbondong-bondong dari jajahan-jajahan umat Islam dengan membawa balik segala bala tenteranya, mereka tidak tinggal kosong, tetapi telah menempatkan 'kuda-kuda trojan' di negara-negara umat Islam yang konon telah dimerdekakannya itu!

Rujuk kepada Protokol Cendikiawan Zionisme Nombor Satu:

*"...Anda akan dapat melihat kemudiannya bahawa ini akan membantu kemenangan kita; Ia akan memberikan kita suatu kemungkinan untuk mendapatkan KAD INDUK (MASTER CARD), (iaitu) **pembinaan golongan bangsawan warisan** (genealogical aristocracy) yang merupakan satu-satunya golongan yang menjadi **pertahanan semulajadi** bangsa-bangsa dan negara-negara dari serangan kita. Dari pembinaan kelas bangsawan warisan (institusi raja-raja) yang bersifat fitrah itu kita telah membina golongan '**bangsawan meritokrasi**' (ahli-ahli politik) yang diketuai oleh golongan 'bangsawan berduit' (**kapitalis**)."*

Penjajah-penjajah Barat yang pernah menguasai daulah-daulah Islamiyyah suatu masa dahulu hakikatnya mempunyai ikatan yang kuat diantara satu sama lain, iaitu permusuhan terhadap umat Islam; mereka tidak berpecah, mereka adalah orang-orang kafir, dan kafir itu satu *millat* (cara hidup). Mereka pulang ke negara masing-masing dengan menarik segala bala tentera tetapi secara sulit telah menyuntik 'virus' yang amat beracun dalam bentuk AGAMA KENEGARAAN, iaitu sistem pemerintahan dan pendidikan bercorak sekular, falsafah liberalisme, sistem perbankan ribawi dan sistem perundangan kafirun!

Sebagai contohnya, perkara ini telah menjadi dasar kerajaan British⁷¹ yang pada waktu itu menjajah kebanyakan daripada daulah-daulah Islamiyyah, iaitu mengenakan syarat kemerdekaan seperti yang dinyatakan oleh Lord Cromer, seorang Yahudi yang pernah menjadi Gabenor British di Mesir seperti berikut;

*" England was prepared to grant political freedom to all her possessions as soon as A GENERATION IMBUED THROUGH ENGLISH CULTURE WERE READY TO TAKE OVER, but under no circumstances would the British for a single moment tolerate an independant Islamic state."*⁷²

⁷¹ Britain pernah mempunyai Perdana Menteri berbangsa Yahudi yang bernama Benjamin Disraeli dalam tahun 1868M dan 1874-1880M. Dalam tahun 1844, iaitu sebelum menjadi Perdana Menteri, beliau telah menulis sebuah novel politik bertajuk '*Coningsby*' yang secara halus telah mendedahkan pakatan dan gerakan sulit Zionisme yang diterajui oleh golongan pemodal elit Yahudi antarabangsa.

⁷² Cromer, '*Modern Egypt*', jld 11 (London & New York: Macmillan, 1908), hlm 565

Terjemahan:

“England bersedia untuk memberi kemerdekaan kepada kesemua jajahannya selepas wujudnya suatu generasi yang menganuti budaya Inggeris (sekular dan liberal) yang bersedia untuk mengambil alih (dari Britain) tetapi tidak sekali-kali Britain hatta sesaat pun berhasrat membiarkan wujudnya kerajaan Islam yang merdeka.”

Itulah rahsianya mengapa setelah merdeka dari penjajahan Barat, ummah mula menghadapi berbagai krisis dan konflik dalaman serta menghadapi pecah-belah yang hebat. Pada hari ini, setelah lebih setengah abad daulah-daulah Islamiyyah menegapai kemerdekaan, keadaan ummah semakin kalut, kronik, gawat, meleset, huru-hara, hina dan menyengsarakan!

Bahana sistem Sekularisme dan Liberalisme yang menghantui ummah sejagat hari ini dapat diperhatikan melalui pengalaman seorang ulamak Arab yang bernama Syeikh Abdul Qadir As-Sufi dari Sepanyol yang mendengar sendiri keluhan demi keluhan rakan-rakan seperjuangannya dari negara-negara Arab yang lain.

Dalam bukunya, *Letter to an Arab Muslim*⁷³, beliau menulis, antara lainnya;

“ Wahai orang-orang Arab! Saya duduk bersama-sama beberapa orang ulamak daripada negara-negara Arab. Dalam perbualan kami, seorang ulamak Syria mengadukan tentang kekejaman pemerintahan diktator di negaranya dan mendesak kami memberikan bantuan untuk satu tugas besar bagi menggulingkan pembunuh rakyat Syria itu. Ulamak dari Mesir mencelah dengan cerita tentang masalah negaranya, kekufuran pemerintahnya yang memporak perandakan itu serta ketidak upayaan negaranya menentang institusi perbankan (ribawi) dan dasar Amerika Syarikat. Ulamak Jordan pula menceritakan bagaimana sengsaranya rakyat negaranya yang terbelenggu dengan pemerintahan raja boneka yang dikawal oleh kerajaan Masonic British (Freemason). Ulamak Algeria lalu mencelah dengan cerita tentang tragedi kezaliman dan penyembelihan rakyat negaranya yang tidak berperikemanusiaan itu. ”

“ Setiap seorang dari ulamak ini menuntut perhatian yang lebih kepada masalah negaranya yang dianggap lebih teruk dari yang lain. Sebenarnya dari satu segi, setiap mereka mempunyai hak untuk membuat tuntutan demikian. (Malangnya) tidak seorangpun dari mereka sedar bahawasanya pembebasan mana-mana negara (yakni negara Islam dari belenggu masalah pemerintahan yang kejam dan porak peranda) akan

⁷³ Syaikh Abdalqadir As-Sufi, ‘*Letter to an Arab Muslim*’, Federico Domenech, S. A, Spain, 2000

hanya menokok tambah kesengsaraan negara-negara (Islam) yang lain bagi mengelakkan sebarang ikhtiar yang serupa dibuat.”

Hakikatnya, hampir setiap negara umat Islam hari ini yang mengalami kegawatan pemerintahan sehingga memporak-perandakan rakyat jelata boleh dijejaki sejarah kemerdekaan mereka **kepada peristiwa-peristiwa pengkhianatan yang mengakibatkan tragedi pemusnahan Khilafah dan Raja-Raja Islam yang berdaulat**. Kisah-kisah pengkhianatan inilah yang menjadi latarbelakang kepada tertegaknya sistem pemerintahan Sekular-Liberalisme yang mendakap dakyah-dakyah kafirun sehingga meninggalkan Islam yang sebenar.

Realitinya, mereka yang memerintah kebanyakan negara ‘Islam’ sekular masakini tidaklah berkuasa atas ‘bakat kepimpinan semulajadi’ atau merit seperti yang sering diuar-uarkan. Mereka sebenarnya adalah ‘doyok-doyok’ Barat dan goyim-goyim Yahudi yang diletakkan di bawah Perlembagaan yang berfalsafahkan Agama Kenegaraan bagi memastikan pemerintahan Islam yang sebenarnya, iaitu sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam tidak tertegak semula.

Bandingkan sistem politik sekular hari ini dengan pemerintahan Khilafah dan Raja-Raja Islam dahulukala yang tidak mengambil ‘nobat’ Barat. Rekod-rekod sejarah mampu membuktikan dengan nyata bahawa dalam kerangka pemerintahan Islam tulen yang tertegak di bawah payungan sistem Khilafah dan Raja-Raja, hakikatnya:

SETIAP URUSAN NEGARA ADALAH URUSAN AGAMA ISLAM KERANA KHALIFAH DAN RAJA MENGAMBIL MANDAT ALLAH BUKAN MANDAT RAKYAT ATAUPUN MANDAT IMPERIALIS BARAT.

Malangnya dalam sistem pemerintahan sekular hari ini yang diterajui ahli-ahli politik nobatan kapitalis Barat, urusan Agama Islam telah jatuh lebih kurang ke martabat ‘Kelahiran, Kematian dan Perkahwinan’, iaitu sepertimana yang terjadi kepada agama Kristian di negara-negara Barat.

Menurut Protokol Cendikiawan Zionis No 4 :

“ Itulah sebabnya kenapa amat perlu untuk kita melemahkan semua kepercayaan (agama), memisahkan dari pemikiran Goyim prinsip-prinsip Ketuhanan dan Kerohanian, dan menggantikannya dengan pengiraan arithmetik dan keperluan-keperluan material.”

Maka kini Islam hanya layak duduk di masjid-masjid sahaja, tidak boleh terlibat dalam politik, perdagangan, kewangan, kebajikan

masyarakat, ketenteraan, pendidikan dan sebagainya. Itu bukan urusannya. Islam hanya menjadi ‘pilihan-pilihan peribadi’, iaitu boleh pilih samada untuk mengamalkan atau meninggalkannya, tidak lagi menjadi tanggungjawab pemerintah sekular. Malahan pada zaman-zaman akhir ini, untuk menjadi pilihan peribadi pun tidak digalakkan lagi ataupun dihalang terus !

Rasulullah SAW telah bersabda :

“Sudah hampir sampai suatu masa dimana tidak tinggal lagi daripada Islam itu kecuali hanya namanya dan tidak tinggal daripada Al-Quran itu kecuali hanya tulisannya. Masjid-masjid mereka tersergam indah, tetapi ia kosong dari hidayah, ulamak-ulamak mereka adalah sejahat-jahat makhluk yang ada dibawah naungan langit. Dari mereka berpunca fitnah itu kembali” (HR Al-Baihaqi)

Dalam sejarah pemerintahan mutlak seorang Khalifah atau Raja Islam dahulukala, zakat dikutip, hukum syariat dilaksanakan, madrasah-madrasah dimajukan, ulamak-ulamak Empat Mazhab (Maliki, Hanafi, Syafiee, Hanbali) dipayungi Sultan, ajaran-ajaran sesat dan khurafat dibanteras, amalan-amalan tariqat digalakkan bagi menghidupkan kecintaan kepada Rasulullah SAW serta membaja subur amalan *ruhaniyyat*, akhlak serta sunnah baginda, meniupkan semangat kebanggaan agama dan ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada Sultan sebagai *zilullahi fil ardh* serta penggembelangan tentera *Jihad Islamiyyah* dalam saat-saat yang diperlukan sebagai khidmat agama atas titah baginda.

Dengan takluknya penjajah kafir Barat atas daulah-daulah Islamiyyah, mereka singkirkan Khalifah dan Raja-Raja Islam, gantikan dengan ahli-ahli politik sekular atau raja-raja boneka (yang mengambil *bai’at* mereka). Bubarkan tentera jihadi. Tutup khanqah tariqat dan sufiisme. Tuduh mereka dengan amalan bida’ah, tahyul dan khurafat atas nama ‘pemurnian’ agama. Milik negarakan tanah-tanah waqaf dan hadiahkan kepada goyim-goyim (lembu-lembu) Yahudi melalui sistem perbankan ribawi untuk diusahakan. Gantikan pendidikan agama dengan pendidikan sekular.

Tutup madrasah-madrasah dan pondok-pondok, palitkan dengan imej yang paling buruk dengan menuduhnya sebagai sarang pengganas, sekat pemberian zakat. Alihkan pendidikan Islam ke tahap universiti-universiti, lalu ajarkan Islam mengikut versi Orientalis dan Modenis. Gantikan ulamak-ulamak tradisi dengan ulamak-ulamak suk (jahat). Agungkan adat, budaya dan bahasa Barat menggantikan adat, budaya

dan bahasa bangsa-bangsa umat Islam. Gantikan semangat *ukhwah Islamiyyah* dengan semangat nasionalisme dan patriotisme sempit !

Gantikan sistem kewangan Islam (dinar dan dirham) dengan sistem wang kertas yang dinilai dari sudut spekulatif, kenalkan sistem perbankan ribawi yang mentakhtakan golongan murabin Yahudi. Masukkan pelabur-pelabur asing yang membuka pintu kepada kemunculan murabin-murabin Kristian dan Yahudi secara beramai-ramai. Kenalkan sistem percukaian Barat, bubarkan zakat atau laburkan dalam sistem kewangan ribawi atas nama kemajuan umat Islam. Masukkan bangsa-bangsa kafir secara beramai-ramai, beri mereka taraf kerakyatan serta hak mengundi. Pastikan mereka berhak untuk mencampuri urusan umat Islam atas nama "*Keadilan, Persamaan, Persaudaraan.*"

Makmurkan dunia hiburan dan seni, pesatkan pemikiran 'liberal' di kalangan karyawan dan budayawan, ganjarkan hasil-hasil seni yang provokatif dan konroversi, taburkan lesen-lesen kelab malam dan kedai-kedai minuman keras, sepahkan media-media separuh-lucah, tahyul dan khurafat.

Keluarkan wanita-wanita Islam dari rumah-rumah mereka, perhambakan mereka di pejabat-pejabat dan gedung-gedung dalam waktu-waktu kerja yang panjang, tinggalkan anak-anak mereka untuk dididik dan dibesarkan oleh pembantu-pembantu rumah, beri sokongan kepada 'Gerakan Feminisme' (*Women's Lib*), tanggalkan jilbab dan pakaian wanita-wanita Islam dan lacurkan mereka atas nama hak kebebasan wanita!!

Protokol Cendekiawan Zionis Nombor Satu mencatatkan :

*"Kemenangan kita dipermudahkan dengan hakikat bahawa dalam hubungan kita dengan pihak sasaran kita bekerja dalam ruang yang paling sensitif (iaitu lemah) dalam aliran pemikiran (iaitu kejiwaan) mereka, (iaitu) dari aspek **kewangan, cinta dan nafsu, kehendak materialisme yang tidak ada kesudahannya itu**; sedangkan setiap satu daripada kelemahan manusia ini jika diambil secara sendirian, sudah cukup untuk melumpuhkan inisiatif (semangat), yang mana ianya akan membawa mereka kepada penyerahan (jiwa dan raga) kepada kuasa tersembunyi (Zionisme) yang berada di belakang gerak kerja ini."*

Protokol Yahudi Zionis Nombor 3 pula tercatat :

"Orang-orang yang kita bimbing telah berjaya membinasakan golongan bangsawan (monarki) yang (sebenarnya) merupakan satu-

*satunya pertahanan rakyat serta 'ibu angkat' yang memenfaatkan mereka, diatas keterikatan dengan kesejahteraan rakyat di bawah golongan bangsawan ini. **Pada hari ini dengan peminasaan golongan bangsawan ini, rakyat jelata telah jatuh kepada cengkaman bajingan-bajingan kapitalis** yang dengan kezaliman mereka telah meletakkan rantai-rantai yang menjerut leher-leher para pekerja."*


Sesungguhnya 'Agama Kenegaraan' yang dipayungi sistem pemerintahan sekular hari ini merupakan suatu SUMPAHAN atas umat Islam sedunia!

HARGA KEMODENAN SEBUAH DAULAH ISLAMIYYAH

Muncul pedagang-pedagang Eropah dalam Daulah-Daulah Islamiyyah, mereka memaparkan imej canggih & moden. Mereka berbaik dengan Khalifah dan Sultan, menyogok wang ringgit dan hadiah sehingga pemerintah menjadi tercemar dan TERPESONA.



Pujuk Khalifah atau Sultan yang telah terpesona untuk 'MEMAJUKAN' kerajaan (ala-Barat) jikalau hendak canggih dan moden seperti orang-orang Barat. Pembangunan dibuat dengan menggalakan pelaburan daripada pedagang-pedagang Eropah yang membangunkan industri-industri dan infrastruktur. MEMINJAM DARIPADA GOLONGAN KAPITALIS MURABIN.



Natijahnya:

- I. Penghapusan sistem Khalifah & Raja-Raja Islam
- II. Pembentukan sistem-sistem Barat dalam bidang politik, perundangan, pendidikan, ekonomi dan sebagainya.
- III. Golongan Kapitalis & Murabin menjadi penguasa sebenar di belakang ahli-ahli politik

Bab 12

Ulamak Modenisme :

Alat Yahudi Memecah Belahkan Umat Islam

Sebagaimana yang berhasil dilaksanakan oleh kaum Yahudi dalam dunia Kristian di Eropah, iaitu menghancurkan sistem Gereja dan Feudalisme atau pemerintahan Raja-Raja Kristian, formula yang sama cuba digunakan dalam dunia Islam iaitu memusnahkan golongan UMARAK (Khalifah dan Raja-Raja) dan ULAMAK. Kerana kedua-dua golongan ini adalah **barisan paling hadapan** dalam sistem pertahanan umat Islam.

Perhatikan sabdaan Rasulullah SAW :

“Dua golongan, apabila baik mereka, maka baiklah masyarakat; iaitu UMARAK dan ULAMAK.” (HR Abu Nuaim)

Dengan tertancapnya sistem pemerintahan sekular yang menyingkirkan Khilafah dan Raja-Raja Islam yang berdaulat, seterusnya ‘mentakhtakan’ ahli-ahli politik atau raja-raja boneka, bermakna separuh dari tugas Yahudi Zionis telah selesai. Kini perhatian dialihkan pula kepada institusi ulamak tradisi sebagai sebahagian lagi kunci kekuatan dan pertahanan ummah, dengan matlamat menghancurkan terus institusi ini demi menyempurnakan tugas membinasakan saki baki legasi Islam.

Apakah strategi mereka?

Rujuk kepada sebuah Hadeeth Rasulullah SAW yang bermaksud :

“ Umatku tidak bersepakat dalam kesesatan”

Bermakna untuk mencapai matlamat memecah-belahkan umat Islam dan menghilangkan taring mereka, kaedah yang paling berkesan ialah dengan cara menyesatkan mereka.

Ajaran Kristian sememangnya dari awal lagi sudah sesat dan menyesatkan⁷⁴, contohnya rahib-rahib Kristian mengeluarkan aturan dan hukum hakam agama semata-mata **berpandukan hawa nafsu** mereka yang tiada batasannya itu. Maka untuk beralih dari satu jenis kebatilan kepada kebatilan yang lain tidaklah sukar diprogramkan, apatah lagi jika

⁷⁴ Iaitu terkeluar dari ajaran Tauhid yang di bawa oleh Nabi Isa AS dan para pengikut baginda.

kebatilan yang satu lagi itu jelas membawa kepada kepesatan kemajuan duniawi orang-orang Kristian seperti yang berlaku dalam dunia Eropah.

Sedangkan ISLAM AGAMA KEBENARAN. Ulamak-ulamak tradisi Islam mengeluarkan hukum-hakam agama dengan berpandukan **perintah Allah dan sunnah RasulNya**. Kaedah mengeluarkan fatwa dalam Islam adalah berdasarkan 4 turutan seperti berikut,iaitu;

- i. Al-Quran
- ii. Al-Hadeeth
- iii. Al-Ijmak
- iv. Al-Qias

Malahan semenjak berkurun lamanya, sebagai mengikut perintah Khalifah dan Raja-Raja Islam, maka daulah-daulah Islamiyyah telah bertaklid kepada jumah atau persepakatan ulamak-ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Bermakna mengikut amalan tradisi mereka yang telah berlangsung lebih 1000 tahun lamanya, segala tafsiran dan hukum-hakam yang dibuat adalah mengikut kaedah yang teramat kukuh yang meminimakan unsur-unsur penyelewengan. Sedangkan firqah-firqah yang batil dan ajaran-ajaran sesat terpaksa membuat kerja-kerja jahat mereka secara sulit kerana takut mendapat hukuman yang keras daripada Khalifah atau Sultan.

Oleh itu bagaimana caranya untuk membatalkan kebenaran Islam kerana KEBENARAN ITU MUKTAMAD dan TIDAK KABUR? Sedangkan kaedah tradisi untuk mentafsir ajaran Islam adalah '*watertight*' yang sukar dicemari, masyarakat Islam pula kuat bertaklid kepada cara ini ?

Di sini muncullah pengkaji-pengkaji ORIENTALIS

Gerakan Orientalis wujud kesan daripada peperangan Salib diantara orang Kristian dan Islam selama hampir 200 tahun mulai akhir abad ke 11-13M yang berakhir dengan kekalahan di pihak Kristian.

Rentetan daripada kekalahan mereka, pihak Kristian telah menukar strategi daripada membuat serangan fizikal kepada serangan mental berikutan pemerhatian mereka bahawa umat Islam amat sukar digugat dengan serangan bersenjata kerana mereka mempunyai semangat dan daya juang yang amat tinggi. Hal ini jelas tertonjol melalui ungkapan para sahabat RA anhum semasa menyerang tentera Romawi yang hebat itu dengan kata-kata:

“ Sesungguhnya bagi kami, bahawa mati di jalan Allah adalah jauh lebih nikmat daripada kelazatan arak bagi kamu ”

Gerakan Orientalis berperanan mengkaji pelbagai aspek ajaran Islam seperti Aqidah, Tafsir, Hadeeth, Tasawuff, Sejarah, Bahasa, Sastera dan sebagainya sebagai persiapan untuk **menyerang aliran pemikiran umat Islam dari dalam**⁷⁵. Pada peringkat awal kebanyakan golongan Orientalis merupakan paderi-paderi Kristian yang ditugaskan untuk mendalami ajaran Islam di Andalusia (pusat tamaddun Islam). Dalam zaman-zaman kemudian, ia beralih menjadi suatu program akademik yang dibuat sebagai khidmat kepada imperialis Barat yang menjajah negara-negara Islam. Pada hari ini peranan Orientalis diperluaskan untuk kepentingan kuasa-kuasa Barat dan jabatan-jabatan perisikan negara mereka seperti CIA, Mossad, M15 dan yang seumpamanya.

Pengkajian yang halus dan terperinci mengenai segala yang berkaitan dengan agama dan bangsa-bangsa umat Islam dibuat dengan matlamat mencari jalan untuk MENYELITKAN UNSUR-UNSUR SUBVERSIF DALAM AJARAN ISLAM dengan maksud berikut;

1. Memesongkan ajaran Islam yang sebenar secara sulit

Pengkajian Orientalis tidak mengikut neraca Al-Quran dan As-Sunnah serta metodologi yang muktabar yang telah dipersetujui oleh ijmak ulamak *salafus soleh* yang dipegang oleh pengikut Ahlus Sunnah Wal Jamaah sehingga ke hari ini. Mereka sengaja memprogramkan bahawa Islam mempunyai banyak tafsiran, semuanya bersifat relatif !

Apabila asas ajaran Islam menjadi tafsiran-tafsiran yang bersifat RELATIF dan TIDAK MUKTAMAD, ianya akan menyebabkan hukum-hakamnya menjadi samar, mudah tercemar dan terpesong kerana membuka ruang kepada pendapat-pendapat dari golongan-golongan yang bukan ulamak-ulamak muktabar. Apabila orang-orang yang tidak sepatutnya digalakkan memberi tafsiran mereka kepada ajaran-ajaran Islam, maka ianya akan membinasakan struktur-struktur Islam dari dalam⁷⁶.

⁷⁵ Seperti yang telah disebutkan, kaedah ini juga digunakan untuk menghancurkan umat Kristian di Eropah, iaitu dengan mengajak mereka melakukan anjakan paradigma dalam aliran pemikiran. Umat Kristian dipujuk untuk bersikap liberal dan jangan membiarkan pemikiran mereka dibelenggu oleh doktrin-doktrin gereja.

⁷⁶ Apabila ajaran Islam disifatkan sebagai relatif, bermakna umat Islam bolehlah memilih samada untuk mengikut Islam tafsiran ulamak 'moderate' atau ulamak 'fundamentalis', Islam versi Parti Liberal atau Parti Konservatif, Islam versi si polan A ataupun si polan B. Maka ajaran Islam yang sepatutnya bersifat hitam-putih dan berlandaskan firqah yang satu iaitu firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah menjadi banyak dan kabur, yang mana semuanya dianggap betul. Di sinilah letaknya tipu daya musuh-musuh Islam kerana Islam yang hakikat kini terkambus di bawah timbunan firqah-firqah batil yang bertopengkan imej Islam.

2. Membentuk anjakan paradigma dalam aliran pemikiran umat Islam supaya dapat berfikir bahawa Agama Islam itu adalah SAMA seperti agama-agama lain.

Sedangkan Islam TIDAK SAMA dengan agama lain kerana Islam agama HAQ sedang lain itu BATIL.

Contohnya seperti berikut, iaitu ;

- i. Samakan raja-raja Islam dengan raja-raja kafir.
- ii. Samakan masalah umat Islam dengan umat Kristian
- iii. Samakan penyelesaian masalah ummah dengan penyelesaian umat Kristian di Eropah
- iv. Samakan nilai, neraca dan tafsiran Islam dengan nilai, neraca dan tafsiran Barat.
- v. Samakan istilah-istilah dan konsep-konsep Islam dengan istilah-istilah dan konsep-konsep Barat. Contohnya konsep kejayaan, kemajuan, kebebasan, hak asasi, adil, persamaan, ilmu, pemerintahan dan sebagainya.
- vi. Samakan penilaian moral dari perspektif Islam seperti perspektif Barat.
- vi. Samakan Empat Mazhab pegangan umat Islam dengan pengaruh rahib-rahib gereja. Hasut umat Islam supaya menolak konsep 'bertaklid' kepada mana-mana daripada Empat Mazhab itu. Galakkan umat Islam untuk bersikap liberal, iaitu bebas lepas dan membuat ijthihad (rumusan) sendiri dalam urusan agama, jangan dikekang oleh mazhab. Supaya Empat Mazhab boleh jadi 'Seribu Mazhab' kerana semua orang merasakan berkebolehan utk membuat ijthihad sendiri termasuklah golongan fasiq, munafiq dan zindiq.

Dalam kitab *Fikhus Sirah* yang ditulis oleh Dr Murad Said Ramadhan (Beirut, cetakan V)⁷⁷ beliau menyatakan :

“ Satu kumpulan daripada penulis-penulis dan Orientalis dan juga orang-orang yang berfahaman ke Barat telah mensajikan fikiran-fikiran yang nampak benar padahal ia salah dan mengelirukan serta dihulukan (dirintis) oleh satu sekolah aliran fikiran tertentu yang muncul pada penghujung abad yang ke 19M hingga sekarang. Diantara sebab kemunculannya dan kelahiran puak itu ialah kebanyakan orang Arab yang Islam terkejut akan kebangkitan ilmu pengetahuan Eropah. Dan fikiran

⁷⁷ Dipetik dari buku fatwa-fatwa resmi yang dikeluarkan oleh mantan Mufti Brunei Darussalam, Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Hj Awang Ismail bin Umar Abdul Aziz, darihal *'Perkara Salah yang Kelihatannya Benar.'* ”

orang-orang yang terkejut itu menyangka bahawa orang-orang Islam hendaklah bangkit sebagaimana orang-orang Eropah itu bangkit. ”

“ Dan mereka menyangka bahawa Agama Islam di negeri-negeri Islam hendaklah difahamkan sebagaimana bangsa Eropah memahamkan agama Kristian yang telah dipinda-pinda. Mereka juga menyarankan bahawa perkara-perkara ghaib yang disebutkan oleh Islam hendaklah diletakkan di bawah teropong Ilmu Sains yang berdasarkan mata benda. Dari itu mereka tidaklah percayakan perkara-perkara ghaib yang tiada dapat dicapai oleh Sains. Dan tiadalah ada mukjizat kiranya tiada disokong oleh rekaan baharu atau pendapat baharu.”

“ Menurut mereka kalau orang-orang Islam berbuat begitu nescaya mereka akan bangkit dan maju sebagaimana bangkit dan majunya orang-orang Eropah dalam ilmu pengetahuan dan mereka dapat menyaingi orang-orang Eropah itu. Dari sebab itu timbullah pemimpin-pemimpin aliran berfikir sedemikian (di kalangan orang-orang Arab Islam) dan menyangka mestilah diadakan ‘Al-Isla Ad-Dinie’ yakni pemurnian Agama Islam. Padahal Agama Islam yang benar itu tiada pun rosak untuk berhajat kepada pemimpin yang menyerukan ‘islah’ atau ‘pemurnian’ itu.”

Kajian-kajian yang terhasil daripada penyelidikan golongan Orientalis dikumpul, dikatalog dan disimpan di pusat-pusat Pengajian Islam atau ‘Centre of Islamic Studies’ yang diwujudkan di universiti-universiti Barat seperti Oxford University, Hartford Seminary, Princeton University, University of St Andrews, Cambridge University, Temple University, Harvard University dan banyak lagi.

Di universiti-universiti ini, pengkaji-pengkaji kafir dari kalangan Kristian dan Yahudi mendapat keistimewaan yang lebih daripada pengkaji-pengkaji Muslim. Antara pengkaji dan tenaga pengajar Orientalis masakini yang berketurunan Yahudi ialah Ignaz Goldziher, Joseph Schacht, S.D.E Goitem, Marxime Rodinson, A.H Muller, James Dar Mersteter dan Joses Horovitz⁷⁸.

Golongan Orientalis ini diberi mandat akademik untuk mentafsir Islam sebagaimana analisa dan kajian yang dibuat kepada pelajaran-pelajaran duniawi yang lain, iaitu berlandaskan perspektif akal dan bukan atas dasar keimanan⁷⁹. Malahan mereka sentiasa meletakkan

⁷⁸ Sulaiman Noordin, op. cit, hlm 160

⁷⁹ Syariat dan ibadat umat Islam bukan dibentuk dari analisa akal, tetapi semata-mata bersumber dari Allah dan Rasul. Bagaimana sekalipun cerdek akal manusia tidak akan dapat menggapai hal-hal yang jauh, apalagi yang ghaib seperti Syurga dan Neraka, Alam Barzakh dan Alam Akhirat, Malaikat dan Jinn, Arasy dan Kursi. Akal dipakai hanya sebagai pembantu dan pembuka jalan, sedangkan kata pemutus terletak dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Itulah sebabnya

prejudis kepada tafsiran ajaran Islam dan sejarah bangsa-bangsa umat Islam. Hasil kajian mereka yang bertaraf SEKULARIS, LIBERALIS dan MODENIS kemudian diberikan mertabat yang jauh lebih tinggi dari para pengkaji Islam sendiri dan kini bersedia untuk disalurkan kepada mana-mana pihak yang memerlukannya untuk menjatuhkan Islam dan umatnya atas apa jua kepentingan.

Betapapun cubaan yang dibuat oleh golongan Orientalis untuk mentancapkan unsur-unsur subversif dalam ajaran Islam yang mampu menghancurkan umatnya dari dalam, namun jikalau umat Islam masih berada dalam pemerintahan Islam yang tulen, iaitu sistem Khilafah dan Sultan, nescaya agenda Yahudi dan Nasrani ini umpama *'masuk angin keluar asap'*!

Malangnya dengan perencanaan sulit Yahudi Zionis dan goyim-goyim mereka dari kalangan umat Kristian Barat yang terlebih dahulu telah termasuk ke dalam jerangkap sekularisme, telah menyebabkan hampir kesemua daulah-daulah Islamiyyah bertukar menjadi negara-negara umat Islam yang sekular!

Dan pemerintah-pemerintah sekular dalam negara-negara umat Islam tidak sedar bahawa mereka kini pula menjadi goyim-goyim Yahudi Zionis untuk menghancurkan legasi ulamak tradisi Islam yang mampu menyempurnakan agenda Zionisme menguasai dunia.

Berbanding dengan pemerintahan sekular di negara-negara Barat⁸⁰, pemerintah-pemerintah sekular di negara-negara umat Islam mengalami masalah besar dalam ikhtiar mereka untuk menseserasi, menyesuaikan dan mencampur adukkan pegangan sekular yang BATIL (iaitu pengasingan agama) dengan ajaran Islam yang HAK- (iaitu mensepadukan agama)⁸¹ dalam seluruh aspek kehidupan. Bagaimana *'minyak hendak bercampur dengan air'*? Bukankah itu satu kontradiksi yang nyata!!

Sifat sistem sekular yang mengasingkan agama daripada urusan kehidupan manusia telah menyebabkan campur aduk dalam perkara-perkara yang hak dengan unsur-unsur kebatilan sehingga menjadi

perkara pertama dan utama untuk mengkaji Islam mestilah orangnya BERIMAN, **kerana dasar umat Islam adalah KEIMANAN!**

⁸⁰ Negara-negara sekular Barat tidak mempunyai masalah mengimplementasikan konsep pengasingan agama dari urusan keduniaan kerana mereka cuma berubah dari satu jenis sistem batil yang memundurkan duniawi mereka, kepada jenis sistem batil yang lain, yang memajukan duniawi mereka.

⁸¹ Dalam hal ini, negara-negara Barat tidak ada masalah untuk mengamalkan sistem sekular kerana pengasingan agama dari seluruh aspek kehidupan mudah serta memajukan kehidupan duniawi mereka hasil dari tindakan membebaskan diri dari kebatilan amalan Kristian yang penuh tahyul, tidak masuk akal dan khurafat.

berkecamuk. Keadaan ini menjadi lebih gawat apabila pemerintah sekular cuba melaksanakan tugas mencampur adukkan dua falsafah yang bertentangan ini mengikut tafsiran dan citarasa masing-masing dalam membentuk dasar, kerangka dan struktur-struktur pentadbiran masyarakat. Dari sini tercetuslah perpecahan umat Islam yang hebat.

Bagi menghalalkan falsafah sekularisme, maka akhirnya pemerintah sekular mengambil jalan paling mudah dengan mengambil tafsiran Islam dari golongan Orientalis yang bersifat longgar, liberalis dan berpandukan akal semata-mata itu, bukan lagi dari golongan ulamak-ulamak muktabar (tradisi) seperti yang dibuat di zaman Khilafah dan Raja-Raja Islam dahulukala.

Contohnya di Semenanjung Tanah Melayu sendiri, seorang penulis Barat bernama A. Milner pernah membuat kenyataan mengenai gerakan-gerakan nasionalis menuntut kemerdekaan seperti berikut;

“Akhirnya, dengan galakan pengaruh Inggeris, perlahan-lahan wujud di Malaya GERAKAN NASIONALISME SEKULAR.. Gerakan-gerakan ini menyebarkan Fahaman Kenegaraan dan undang-undang (sekular) yang menolak bukan hanya sistem kerajaan BERAJA (tradisi), tetapi juga idealisme pemikiran Syariah dalam masyarakat yang (selama ini) diperintah oleh undang-undang Allah.”

Bukankah satu kontradiksi untuk menggabungkan sistem sekular yang mengasingkan agama dari urusan pemerintahan dengan aturan Islam yang menyepadukan agama dalam semua aspek kehidupan? Di sinilah letaknya tipudaya Barat. Di sinilah juga letaknya keperluan kepada ulamak-ulamak 'modenis', 'liberal' dan 'sederhana' yang dapat menghalalkan pemerintah-pemerintah sekular dalam dunia Islam.

Maka diwujudkanlah pusat-pusat Islam di universiti-universiti tempatan (sekular) dan/atau menaja pelajar-pelajar ke univeristi-universiti Barat yang mempunyai program pengajian Islam yang bersifat Orientalis itu. Pelajar-pelajar yang sanggup dibasuh pemikiran mereka dari aliran pemikiran Islam yang tulen, yang sanggup menjalani 'reprogramming' supaya bertaklid kepada falsafah, perspektif dan kaedah pengkajian 'Mazhab Orientalis'⁸², mereka akan diganjarkan dengan ijazah lanjutan yang bertaraf Doktor Falsafah atau Professor.

⁸² Hampir kesemua penuntut Muslim yang ditaja ke pusat-pusat Orientalis telahpun mempunyai asas dalam pengajian agama Islam. Lazimnya mereka datang mengambil program ijazah lanjutan di tempat-tempat ini. Sebahagian dari mereka kemudiannya berhenti secara sukarela ataupun ditamatkan pengajian apabila terdapat tanda-tanda penentangan terhadap usaha untuk memprogramkan serta mendoktrinkan pemikiran mereka kepada pemikiran liberal dalam mentafsir ajaran Islam, yang bersembunyi di sebalik imej akademik.

Kepulangan mereka diganjarkan dengan pekerjaan berpangkat besar di pusat-pusat Islam, institut-institut kefahaman Islam atau fakulti pendidikan Islam di institusi-institusi pengajian tinggi tajaan pemerintah kerana mereka kini terdidik untuk bersikap lunak dan liberal kepada dasar-dasar pemerintah sekular.

Tugas utama mereka ialah menyalurkan pemikiran-pemikiran modenisme, sekularisme dan liberalisme kepada rakyat jelata yang bersalut dengan imej Islam, iaitu yang dibentuk hasil daripada didikan mereka di pusat-pusat Orientalis Barat untuk beberapa tahun lamanya.

Mereka inilah yang dipanggil ULAMAK-ULAMAK MODENIS. Kelulusan mereka tidak diiktiraf dari perspektif Islam kerana ilmu-ilmu Islam yang diperolehi mereka daripada pusat-pusat pengajian Orientalis itu TIDAK BERSANAD SECARA LANGSUNG KEPADA RASULULLAH SAW, malahan kebanyakan dari 'Tok Guru' mereka adalah musuh-musuh ALLAH (SWT), yakni orang-orang kafir Kristian dan/atau Yahudi!!

Bagaimanapun golongan ini tetap ditaja, dinaungi, diketengahkan, digaji, dilindungi dan dipertahankan oleh pemerintah-pemerintah sekular kerana tugas mereka besar demi :

- i. Meletakkan 'topeng Islam' kepada pemerintahan sekular supaya rakyat dapat ditipu bahawa sistem politik Barat yang mempunyai sejarah pengkhianatan kepada institusi pemerintahan Islam yang sebenar iaitu sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam ini adalah 'dihalalkan' dalam agama. Topeng Islam diperlukan bagi mengelakkan umat Islam bangkit menentang ahli-ahli politik yang merupakan 'anak-anak sekular', dan menuntut dikembalikan pemerintahan Islam yang sebenar.
- ii. Bersikap lunak kepada kemungkar-kemungkar yang dibuat oleh pemerintahan sekular. Kemungkar-kemungkar yang dibuat mencakupi penggunaan sistem-sistem Barat dalam urusan pemerintahan seperti perundangan, kehakiman, pendidikan dan ekonomi yang menggantikan sistem-sistem tradisi Islam di zaman Khalifah/Raja-Raja mutlak dahulukala.
- iii. Melindungi golongan munafik yang tumbuh melata dalam sistem pemerintahan sekular. Mereka menjadi duri dalam daging dalam kehidupan masyarakat Islam.

- iv. Menenggelamkan suara-suara ulamak-ulamak muktabar atau ulamak-ulamak tradisi yang berpotensi menyedarkan umat Islam tentang kepesongan dan kesesatan sistem sekularisme dan liberalisme.
- v. Menyaingi sistem pembelajaran agama tradisi di pondok-pondok dan madrasah yang mengajar Islam tulen yang bersanad kepada Rasulullah SAW. Kerana sistem pondok dan madrasah berperanan menjana ulamak-ulamak hakikat yang mampu menentang ulamak-ulamak moden dan pemerintah sekular.

Dalam majalah Magazine of the World bertarikh 15hb September 1911, seorang pendakwah Perancis telah menyebut bahawa ⁸³:

“Untuk menentang Islam secara kekerasan hanya akan menyebabkan penyebarannya dengan lebih meluas lagi. Maka cara yang lebih bisa ialah memberikan didikan kepada anak-anak orang Islam di pusat-pusat pengajian yang diuruskan oleh pendeta-pendeta Kristian (atau diajar oleh guru-guru yang sedemikian). Dari muda benih-benih keraguan akan ditanam di dalam jiwa mereka, maka dengan itu merosakkan aqidah mereka secara senyap (tersembunyi).

Seorang lagi menyatakan: *“Kita patut menggalakan institusi-institusi pengajian cenderung kepada sistem pelajaran Barat, kerana buku-buku teks sistem pelajaran Barat akan menyebabkan konsep aqidah dan agama di dalam Al-Quran susah untuk difahami. Dengan ini aqidah ramai orang Islam dapat dibinasakan.”*

- vi. Sesetengah pemerintah sekular pula pergi lebih jauh dalam mengelabui umat Islam dengan mengamalkan falsafah HUMANISME yang merupakan satu lagi topeng kegemaran mereka, namun ia tetap tidak menghalalkan jenis sistem pemerintahan yang dipegangnya. Malahan lebih menimbulkan fitnah kerana konsep Humanisme nampak murni, tetapi ia juga memperjuangkan nilai-nilai yang bertentangan dengan ajaran Islam⁸⁴.

⁸³ Syeikh Hassan bin Muhammad Al Mashaat, *Muslim Youth and Western Educational System*, Azaadville, South Africa, 1993, hlm 13

⁸⁴ Contohnya konsep Humanisme yang mencetuskan gerakan pembebasan wanita, dalam pada ia memperjuangkan penindasan dan kezaliman kaum lelaki atas wanita, tetapi dalam masa yang sama ia mengiktiraf pelacuran, menyokong gerakan homoseks dan lesbian, mengiktiraf perzinaan,

Ringkasnya topeng Humanisme berperanan memperdaya dan melunakkan umat Islam kononnya pemerintah sekular tetap mengamalkan ajaran-ajaran Islam⁸⁵. Malangnya amalan-amalan ini dibataskan semata-mata kepada nilai-nilai Islam yang bersifat universal, sedangkan nilai-nilai Islam yang *absolute* yang berkonflik dengan nilai-nilai Barat tetap dibelakangkan mereka. **Iaitu mengambil Islam separuh-separuh kerana tidak berkehendak kepada Islam penuh samada khawatir ia akan mengharamkan sistem-sistem yang mereka pegang ataupun tidak yakin kepada kesempurnaan Islam dalam mengurus hal ehwal duniawi⁸⁶.**

Maka berkokoklah ulamak-ulamak modenis tajaan pemerintah-pemerintah sekular ini bahawa tuan-tuan mereka itu tetap mengamalkan Islam dalam pemerintahan, yang sebenarnya adalah Islam separuh-separuh yang bercampur aduk dengan amalan-amalan batil dari Barat (Islam versi sederhana dakwanya) sedangkan secara senyap ajaran-ajaran Islam yang sebenar, iaitu yang penuh dan tidak bercampur aduk (Islam versi fanatisme⁸⁷ dituduhnya) giat dihapuskan dan ulamak-ulamak tradisi dikekang pergerakan dan ditenggelamkan suara-suara mereka.

mencemuh dan tidak mengiktiraf suri rumah tangga sepenuh masa dan menggalakkan wanita ‘di dapur rumah’ untuk beramai-ramai bekerja di luar rumah, menggalakkan wanita untuk menghapuskan sifat malu, mempelopori pendidikan seks cara Barat, mempelopori gerakan ‘*exchanging role*’ atau ‘penukaran peranan’ dan sebagainya.

⁸⁵ Contohnya menunjukkan imej yang bersih, rendah diri, suka menghulurkan bantuan, ‘*approachable*’, ‘*accountable*’ pada rakyat, ramah dan sebagainya. Tetapi sekolah agama rakyat ditutup satu demi satu, jawatankuasa-jawatankuasa masjid diambil alih secara paksa oleh ahli-ahli politik yang bukanpun kariah, mufti-mufti negeri diikat mulut-mulut mereka dari mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan dasar-dasar kerajaan sekular, pusat-pusat agama diambil alih oleh orang-orang politik yang berbau ‘Islam liberal’, hiburan bercirikan maksiat tetap dibiarkan berleluasa, ulamak-ulamak suk diletakkan dalam jawatan-jawatan yang penting dan menyebarkan dakwah (e.g tudung adalah pilihan peribadi, bukan wajib, orang murtad tidak boleh dihukum kerana ‘tiada paksaan dalam agama’, dsb), bersikap liberal kepada amalan-amalan Barat dan banyak lagi.

⁸⁶ Menurut Ibnu Al-Jawzi, seorang mujaddid besar pada kurun ke 6 Hijrah : “...kerana syariah juga mengandungi petunjuk Illahi **bagi hal ehwal duniawi**, maka tidak mungkin petunjuk Allah Ta’ala itu berkekurangan. Allah Ta’ala telah menyatakan :

“*Dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan bagi peraturan Kami.*” (Al-Isra’: 77) .

“*Dan Kami tidak tinggalkan sesuatu pun dalam Kitab Al-Quran.*”

(Al-An ‘am:38)

“**Maka orang yang mendahulukan pendapatnya dan mengabaikan syariat dengan alasan TUNTUTAN SIYASAH, sebenarnya mendakwa bahawa petunjuk Allah itu ada kekurangannya. Ini ialah kekufuran yang jelas.**”

⁸⁷ Dalam hal ini kita perlu memahami konsep ‘Islam Fanatik’ iaitu yang bukan merupakan ajaran Islam yang sebenar. Kebanyakan penganut Islam fanatik adalah mereka yang menurut hawa nafsu yang melulu dan mempunyai tafsiran sendiri yang membuta tuli tentang ajaran Islam hakikat. Golongan Islam fanatik yang mengamalkan sikap mengganas (bukan jihad) menjadi kegemaran pihak Barat kerana boleh dijadikan alasan mengharamkan ‘Islam Tradisi’ yang sebenarnya berbeza. ‘Islam Tradisi’ adalah menurut pegangan dan amalan nenek moyang kita yang telah menyelusuri jejak *salafus soleh*, adalah merupakan idealisme Islam yang patut kita gapai. Islam Tradisi adalah

Kesimpulannya, pemerintahan sekular yang wujud pasca sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam yang berdaulat patut dipersalahkan kerana bertanggungjawab melahirkan umat yang berpecah belah kerana atas kepentingan politik mereka sengaja menyingkir atau menenggelamkan terus peranan serta pengaruh ulamak-ulamak tradisi yang berhakikat kerana takut mendapat tentangan mereka.

Di tempat ulamak-ulamak ini mereka gantikan dengan ulamak-ulamak modenis yang ramai bertaraf Doktor atau Professor tetapi disembunyikan hakikat bahawa kebanyakan mereka terdidik dengan program Orientalisme. Kepada golongan inilah kebanyakan rakyat awam akan lari daripada mendengar ajaran-ajaran serta nasihat-nasihat yang betul daripada ulamak-ulamak hakikat kerana terpengaruh dengan keringanan-keringanan mahupun kelonggaran-kelonggaran agama yang difatwakan oleh ulamak-ulamak modenis itu.

Sehingga ramai juga rakyat awam yang dikelirukan oleh mereka melalui fatwa-fatwa yang mengandungi helah bertujuan mengharuskan yang haram. Ianya bermaksud atas tujuan keduniaan atau supaya mereka disanjung oleh orang ramai sebagai ulamak yang tidak keras berbanding dengan ulamak-ulamak tradisi yang dituduh sebagai fanatik. Maka dalam tangan-tangan golongan ulamak modenis ini lahirlah masyarakat Islam yang berfikiran liberal atau bebas lepas, kemudian menjadi bebas laku.

Diperingatkan kepada umat Islam mengenai sabda Rasulullah SAW seperti berikut :

“ Barangsiapa menghormati dan memuliakan ahli-ahli bid’ah maka dia sama-sama menolong meruntuhkan agama ”

Maka kesan terbesar daripada penjanaan ulamak-ulamak modenis yang bergandingan bahu dengan ahli-ahli politik dalam kepimpinan sekular ialah TERPUTUSNYA RAHMAT ALLAH atas negara umat Islam ini. Dalam lain makna;

UMARAK + ULAMAK = PUTUS RAHMAT ALLAH
SEKULARIS MODENIS

Sesungguhnya abad ke 18-20M merupakan abad-abad Yahudi Zionis. Mereka telah berjaya memporak perandakan tamaddun Kristian di Eropah dan melahirkan negara-negara sekular yang mentakhtakan

Islam hakikat yang sebenarnya cuba dihapuskan oleh pihak Barat dengan menghapuskan semua jejak sejarah sebenar nenek moyang kita dan menghancurkan warisan serta mencemarkan keturunan orang-orang Islam supaya putus hubungan dengan amalan tradisi ummah.

golongan-golongan kapitalis yang bersembunyi di sebalik pemerintahan ahli-ahli politik. Sedangkan golongan kapitalis pula menyembunyikan dominasi dan kawalan murabin-murabin Yahudi antarabangsa. Bermakna Yahudi Zionis berjaya merajakan diri mereka di pentas politik Barat.

Tetapi mereka masih belum berpuas hati. Perhatian dialihkan pula kepada umat Islam sebagai penghalang yang satu lagi. Maka sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam dibuang dan dibentuk negara-negara sekular. Selepas itu kerja menjadi lebih mudah kerana ahli-ahli politik yang memerintah negara-negara sekular kini menjadi goyim-goyim Yahudi untuk membentuk dasar dan kerangka pemerintahan berdasarkan kehendak-kehendak mereka seperti mewujudkan sistem pendidikan dan perundangan Barat serta ekonomi ribawi. Akhirnya diwujudkan pula golongan ulamak-ulamak moden yang memberikan topeng agama kepada kerja-kerja jahat pemerintah sekular serta menenggelamkan suara-suara penentangan daripada ulamak-ulamak tradisi yang hakikat.

Maka berpecah-belahlah umat Islam sedunia, teraba-rabalah kepimpinan sekularisme konon mencari formula-formula yang dapat menyelesaikan masalah ummah yang kritikal. Balik-balik disuruh mendakap serta mempertingkatkan lagi kemodenan dan liberalisme, memajukan teknologi, membuka ekonomi kepada pelaburan asing (baca: kapitalis murabin), mendakap tamaddun Barat secara membuta tuli. *La haula wala quwwata illa billah!* Macam tak kecukupan !!

Namun semakin dicuba, semakin porak-peranda umat Islam jadinya. Bagai tikus membaiki labu. Kerana satu-satunya penyelesaian kepada masalah ummah ialah apabila ajaran Islam disepadukan kembali kepada semua aspek kehidupan masyarakat **dan ini amat bertentangan dengan sekularisme.**

Hakikatnya, pengamalan tamaddun yang tercetus dari falsafah sekularisme dan liberalisme adalah mengambil mandat serta bernaung di bawah tajaan Yahudi dan Kristian (yang telah dicemari), bukan mandat Allah. **Itulah sebenarnya punca masalah ummah hari.**

Kalau nak selesai masalah, perlu dikembalikan kuasa kepada Khalifah dan Raja-Raja Islam (bukan boneka) kerana merekalah *Ulil Amri* yang hakikat yang memegang mandat Allah. Dikembalikan peranan ulamak-ulamak tradisi yang bersناد secara langsung kepada Rasulullah SAW. Namun bagi pemerintah-pemerintah sekular ini (ahli-ahli politik), kalau itulah penyelesaiannya, maka *'langkah mayat mereka dahulu'*, apalagi mayat penaung-penaung mereka!!

Oleh itu pedulikanlah jikalau umat Islam menjadi berpecah-belah. Pedulikanlah jikalau sistem-sistem batil ini melahirkan ramai golongan munafiq, zindiq, murtad dan kafir yang terdedah kepada kebinasaan dunia akhirat. Asal sahaja kuasa dan kemewahan duniawi tetap berada dalam tangan mereka.

Maka inilah orang-orang yang membeli dunia dengan harga akhirat mereka. Tercapailah cita-cita musuh-musuh Islam untuk sekian lamanya menghancurkan luluhkan umat Islam dari dalam!


Protokol Cendikiawan Zionis No 4 menegaskan:

*“ Pada ketika rakyat melihat raja-raja di atas takhta mereka sebagai suatu takdir Tuhan, mereka tunduk kepada kuasa raja-raja mutlak tersebut tanpa sebarang rungutan; tetapi selepas kita menanamkan didalam pemikiran mereka dengan suatu konsep hak-hak mereka, mereka akan menganggap orang yang menduduki takhta tersebut sebagai manusia biasa. Raja-raja yang mendapat kelebihan kurniaan Tuhan telah jatuh martabat mereka pada pandangan rakyatnya **dan apabila kita juga merampas kepercayaan mereka terhadap Tuhan, maka kuasa akan tercampak di jalanan kepada PEMILIKAN AWAM DAN AKAN DIRAMPAS OLEH KITA.**⁸⁸”*

Dengan keadaan dunia Islam yang diumpamakan seperti ‘nyawa-nyawa’ ikan pada hari ini, adakah telah sempurna matlamat agenda Zionisme untuk membentuk satu ‘Orde Baru Dunia’ dan ‘Satu Kerajaan Dunia’?

⁸⁸ Dasar sekularisme (pengasingan agama dari urusan kehidupan) dan liberalisme (kebebasan manusia yang tidak dipagar dengan batasan agama) akan menyebabkan manusia membuang kepercayaan mereka terhadap Tuhan dan kuasa Raja sebagai pemegang mandat Tuhan, golongan murabbin Yahudi mengambil kesempatan ini untuk mendokong sesiapa sahaja goyim-goyim pilihan mereka untuk mengambil kuasa yang kini menjadi milik awam itu.

Tiga Tonggak Umat Islam Menjadi Sasaran



BAHAGIAN KEDUA :

**‘ARMAGEDDON’ PEMULA
ERA AKHIR ZAMAN ?**

**Fitnah Yahudisme Petanda Munculnya
AKHIR ZAMAN**

Bab 13

Yahweh, Isa Al-Masih dan Al-Masih Dajjal

Yahudi Zionis telah berjaya menegakkan semula Negara Israel secara haram diatas darah dan kesengsaraan umat Islam pribumi Palestin. Mereka merasa terlalu konfiden bahawa inilah firasat yang dijanjikan ‘tuhan’ Yahweh yang menjadi kenyataan setelah lebih 2000 tahun bangsa mereka terusir dari Jerusalem dan merempat melata di merata-rata dunia. Dengan cengkaman kuat atas kuasa-kuasa besar dunia, khususnya Amerika Syarikat sebagai goyim Zionis nombor wahid⁸⁹, maka bertambah-tambah yakin dan angkuhlah mereka bahawa cita-cita mewujudkan ‘Satu Kerajaan Dunia’ dengan bangsa Yahudi di pundaknya hampir mencapai matlamat.

Ringkasnya bangsa Yahudi telah hampir berjaya mencapai agenda Zionisme seperti yang direncanakan beberapa abad yang lalu, iaitu :

- i. Menghapuskan semua agama dunia.
- ii. Menghapuskan semua kerajaan yang sah (iaitu sistem pemerintahan tradisi seperti Sistem Beraja) dan menggantikan dengan ‘Satu Kerajaan Dunia’.
- iii. Menghapuskan semua institusi tradisi dan menggantikannya dengan ‘Orde Baru Dunia’ atas kemusnahan agama dan kedaulatan semua negara.

Namun disebalik cita-cita mewujudkan Satu Kerajaan Dunia, realitinya apa yang lebih ditunggu-tunggu oleh orang-orang Yahudi ialah saat terzahirnya suatu ‘firasat besar’ yang terkandung dalam ajaran Judaisme yang disebut sebagai KEMUNCAK MENIFESTO YAHUDISME.

Iaitu khabar tentang kemunculan seorang Nabi atau Raja Bani Israel yang dipanggil AL-MASIH atau ‘*The Messiah*’, yang disebut-sebut akan turun dari langit untuk memusnahkan bangsa-bangsa goyim serta menegakkan Kerajaan Tuhan di Dunia atau ‘*Kingdom Of God On Earth*’ iaitu satu negara Yahudi yang menyembah ‘tuhan’ Yahweh serta melaksanakan ajaran Thalmud. Kepercayaan ini merupakan inti kepada ajaran Judaisme yang dikongsi bersama oleh semua umat Yahudi.

⁸⁹ Slogan tanda persahabatan diantara Amerika Syarikat termeterai dalam ungkapan ‘*America bleeds when Israel weeps or vice versa*’, iaitu ‘*Amerika berdarah sekiranya Israel menangis atau sebaliknya.*’

Dengan keberhasilan mengembalikan kerajaan Yahudi di Palestin, kebanyakan orang-orang Yahudi berpendapat bahawa Kerajaan Tuhan di Dunia akan muncul dalam tempoh tidak berapa lama lagi. Pada hari ini, ramai dari kalangan mereka sedang dalam rangka membuat persiapan mental dan fizikal sebagai langkah bersiap sedia untuk menyambut era mercu dan 'keagungan' Yahudi yang mereka dakwa bakal dimenifestasikan dengan kedatangan Al-Masih, Nabi atau Raja Bani Israel, penagak kerajaan Yahweh di bumi.

Bagaimanapun orang-orang Yahudi mempunyai berbagai pendapat tentang siapakah yang bakal menjadi Nabi atau Raja Bani Israel itu. Sebahagian mereka percaya bahawa tokohnya ialah ISA ANAK MARYAM yang bakal menjadi raja teragung di dunia dan seluruh manusia akan takluk bawah kerajaannya. Mereka bukan sahaja yakin bahawa Isa anak Mariam itulah Al-Masih yang disebut-sebut dalam kitab Taurat dan Injil, bahkan telah menghina umat Kristian bahawa kedatangannya bukan untuk mengesahkan ajaran Kristian, tetapi semata-mata untuk menegakkan agama Judaisme dan menegakkan kerajaan 'Tuhan' orang-orang Yahudi di dunia ini.

Golongan ini telah mewujudkan satu gerakan yang dinamakan Syuhud Yahweh atau '*Jehovah Witness*' yang berpusat di Brooklyn, Amerika Syarikat. Syuhud Yahweh memiliki lebih 50 cawangan di merata dunia dan ahlinya telah mencapai angka lebih 5 juta orang.

Pendapat bahawa Isa anak Maryam bakal menjadi Nabi atau Raja Bani Israel dalam kerajaan 'tuhan' Yahweh di dunia dan menegakkan ajaran Thalmud bagaimanapun disanggah oleh kebanyakan orang-orang Yahudi. Di kalangan puak ini ada yang bermain teka-teki tentang siapakah sebenarnya bakal Nabi atau Raja Bani Israel, Al-Masih, yang dimaksudkan serta berhujah dengan berbagai pendapat tentang ciri-ciri tokoh ini.

Hakikatnya kedatangan Al-Masih bukan sahaja ditunggu-tunggu oleh umat Yahudi, malahan umat Kristian juga menantikan ketibaannya. Tetapi berbeza dengan orang-orang Yahudi, umat Kristian tidak pula berbalah mengenai siapa identiti Al-Masih, kerana sejak mula lagi mereka percaya bahawa Isa anak Maryam itulah Al-Masih yang akan kembali ke bumi untuk membuktikan 'kebenaran' agama Kristian serta mendirikan kerajaan Kristian.

Ironisnya kepercayaan agama Kristian yang berpegang pada konsep 'Trinititi' tidak dapat mengelak bahawa Isa anak Maryam yang mereka dakwa sebagai 'tuhan' dan 'anak tuhan' itu adalah titisan Bani

Israel. Apabila 'tuhan' mereka menjelmakan diri sebagai orang Yahudi ianya dilihat sebagai mengakui keistimewaan dan kemuliaan bangsa Yahudi. Apatah lagi nabi-nabi dahulu yang menjadi sebahagian dari kepercayaan ajaran Kristian adalah keturunan Bani Israel dan kitab Taurat pula menjadi sebahagian dari isi kandungan Bible.

Malahan semenjak tertubuhnya Negara (haram) Israel dalam tahun 1948M, kebanyakan umat Kristian di Barat telah melihat kepada perkembangan ini sebagai 'firasat' agama Judaisme yang menjadi kenyataan. Oleh itu yakinlah mereka bahawa umat Yahudi sememangnya 'bangsa pilihan Tuhan' sehingga mencetuskan perasaan rendah diri atau '*inferiority complex*' kepada umat Yahudi. Itulah sebabnya mengapa masyarakat Barat hari ini rata-rata menjadi 'jinak' kepada umat Yahudi dan menutup sebelah mata kepada kekejaman dan keganasan mereka di bumi Palestin. Mereka melihat Jerusalem sebagai hak mutlak kaum Yahudi yang berhak dimiliki semula dengan apa cara sekalipun, apatah lagi Jerusalem dikatakan bakal menjadi pusat pentadbiran Kerajaan 'Tuhan' Yahweh di dunia dan tempat kembalinya Isa Al-Masih ke bumi.

Orang-orang Kristian sentiasa berharap-harap dengan penuh debaran bahawa turunya Isa Al-Masih kelak bukanlah untuk menobatkan bangsa Yahudi serta menegakkan ajaran Taurat serta Thalmud, tetapi semata-mata untuk 'membenarkan' agama Kristian yang mereka pegang selama ini. Jikalau keadaan ini tidak berlaku, maka hancur berkecailah segala kepercayaan mereka selama ini.

Kebetulan ramai para penganalisa serta pengkaji sejarah dan perkembangan tiga agama terpenting di dunia iaitu Islam, Kristian dan Yahudi telah melihat kepada perkembangan semasa yang melibatkan kaum Yahudi dan bumi Palestin sebagai menifestasi peristiwa AKHIR ZAMAN, yang bukan sahaja terbentang dalam pengetahuan umat Islam, tetapi juga kepada umat Kristian dan umat Yahudi. Cuma yang membezakan ialah dalam bentuk tafsiran agama masing-masing.

Dari kalangan umat Islam sendiri yang mengkaji tentang kisah-kisah Akhir Zaman, tidak ada sesiapa yang dapat menyangkal bahawa semua atau hampir kesemua alamat-alamat kecil Akhir Zaman telahpun menjadi kenyataan. Baru-baru ini sahaja dunia Islam dikejutkan dengan kejadian gerhana bulan dan matahari yang berlaku dalam bulan Ramadhan⁹⁰ yang sama, yang disebut-sebut sebagai salah satu petanda kewujudan tokoh yang bakal menjadi IMAMUL MAHDI AL-MUNTAZAR, walaupun masa penobatannya sebagai Khalifah ummah oleh Allah SWT sendiri masih lagi menjadi teka-teki dikalangan umat Islam.

⁹⁰ Gerhana bulan berlaku pada 9/11/03 iaitu diawal bulan Ramadhan, sementara gerhana matahari berlaku pada 23/11/03, iaitu sekitar pertengahan bulan Ramadhan.

Petanda ini bukan sahaja menggemparkan dunia Islam, malahan telah mencemaskan keluarga diraja Saud sehingga mereka terpaksa menandatangani kawalan di Mekah dan Madinah pada musim haji yang lalu kerana khuatir Imam Mahdi akan muncul merampas kuasa dari mereka!!

Dan sebagaimana umat Yahudi dan Kristian, umat Islam juga turut menantikan kedatangan Nabi Isa AS menjelang Akhir Zaman nanti. Baginda diizinkan Allah untuk kembali ke bumi dengan beberapa tujuan, yang terbesar dan terpenting sekali ialah MEMBINASAKAN DAJJAL.

Dalam buku *“Peristiwa Menjelang Kiamat :Tanda-Tanda Besar⁹¹”* disebut mengenai istilah Dajjal seperti berikut :

“ Asal makna Dajjal ialah ‘*Al-Kholath*’ (mencampur, mengacau, membingungkan). Dikatakan seseorang itu berbuat Dajjal bila ia menyamar dan memanipulasi, iaitu menggunakan atau mengambil kesempatan dengan maksud jahat, ia menggunakan segala kelebihan padanya untuk menyesatkan manusia. Dan Ad-Dajjal ialah manipulator dan pembohong yang luar biasa. Lafaz ini termasuk bentuk mubalaghah (bersangatan) mengikut wazan ‘*fa’aal*’, ertinya banyak menelurkan kebohongan dan kepalsuan. “

Riwayat-riwayat mengenai Dajjal dipetik daripada beberapa Hadeeth berikut;

Daripada Huzaifah bin Asid Al-Ghifari RA berkata :” *Datang kepada kami Rasulullah SAW, dan kami pada waktu itu sedang berbincang-bincang.*’ Lalu baginda bersabda : ‘*Apa yang kamu bincangkan?*’ Kami menjawab:’*Kami sedang berbincang tentang Hari Kiamat.*” Lalu Nabi SAW bersabda :’*Tidak akan terjadi Kiamat sehingga kamu melihat sebelumnya sepuluh macam tanda-tandanya .*’ Kemudian baginda menyebutkannya :

‘*Asap, **Dajjal**, binatang, terbit matahari dari tempat tenggelamnya, turun **Nabi Isa bin Maryam AS**, Yakjuj dan Makjuj, tiga kali gempa bumi, sekali di Timur, sekali di Barat dan yang ketiga di Semenanjung Arab. Dan yang terakhir sekali adalah api yang akan keluar dari arah negeri Yaman yang akan menghalau manusia ke Padang Masyar mereka.*” (HR Muslim)

Daripada Aishah RA bahawa Rasulullah SAW menemuiku di saat aku menangis. Baginda bertanya kepadaku: “*Hal apakah yang*

⁹¹ Yusuf bin Abdullah bin Yusuf Al-Wabilma, ‘*Peristiwa Menjelang Kiamat; Tanda-Tanda Besar*’, Al-Hidayah Publisher, 1999, hlm 42

membuatmu menangis? Saya menjawab: “Hamba ingat akan Dajjal, maka hamba menangis.” Baginda bersabda: “Jika ia muncul di masaku ini, maka aku yang akan membelamu. Dan jika ia muncul sesudahku, maka ketahuilah bahawa Tuhanmu tiada buta sebelah. **Dia akan keluar dari golongan Yahudi Asfahan** dan akan menjelajah semua bumi hingga tiba di Madinah. Ia berdiri pada satu sudutnya, dan disaat itu ketujuh pintu kota Madinah dijaga oleh para Malaikat. Maka berhamburanlah keluar orang-orang jahat dari penghuni kota itu lalu mengikutinya. Ia **menuju kota Palestin dan tiba di pintu Ludd**, maka Isa bin Maryam turun kembali ke bumi lalu **membunuh Dajjal di tempat tersebut**. Nabi Isa bin Maryam akan tinggal di bumi selama 40 tahun, dan akan menjadi pemimpin yang adil dan hakim yang saksama bagi umat ini.” (HR Ahmad)

“ Sesungguhnya Allah SWT itu tidak buta sebelah mataNya. Ketahuilah sesungguhnya **Al Masih Ad Dajjal itu buta sebelah matanya** yang kanan, seakan-akan matanya itu buah anggur yang tersembul. ” (HR Bukhari dan Muslim)

“Dajjal akan keluar dari kampung Yahudiyah kota Asfahan bersama tujuh puluh ribu orang Asfahan⁹².”

“...Lalu Dajjal datang kepada suatu kaum dan **mengajak mereka supaya beriman dengan ketuhanannya**. Apabila mereka menerima seruannya, ia akan menyuruh awan menghujani mereka maka tanahpun akan subur dan menumbuhkan bermacam-macam tanaman dan binatang ternak mereka juga menjadi gemuk dan penuh berisi susunya. Manakala kaum lain yang tidak mahu mengikutinya dan tidak mempercayainya sebagai tuhan mereka akan tetap berada dalam kesengsaraan. Hujan tidak turun di kawasan mereka. Tanah mereka terus menjadi kering kontang. Tiada apa tanaman atau binatang ternak yang dapat dihasilkan. Dan apabila Dajjal melalui mana-mana kawasan atau bandar yang telah roboh dan hancur lalu ia berkata : ‘ Keluarlah segala isi perutmu’ . Maka akan keluarlah segala simpanan dari tambang yang berharga yang ada di bawah tanah itu dengan segera mengikutinya seperti rakyat lebah yang terbang mengikuti ke mana ketuanya terbang.” (HR Muslim)

“ Bahawasanya Dajjal itu akan datang dengan **membawa syurga dan neraka**. Maka orang akan berkata : Sesungguhnya (yang dibawa) ia adalah syurga padahal yang sebenarnya ialah neraka.”

⁹² Fathul Bari 13:328. Ibnu Kathir berkata “Maka Dajjal akan muncul dariAshbahan, dari satu kampung yang bernama Al-Yahudiyah.” (An-Nihayah fil Fitan wal Malahim 1:128)

Beberapa kesimpulan yang boleh dirumuskan dari beberapa Hadeeth di atas ialah :

- i. Dajjal ialah seorang Yahudi
- ii. Disebut juga sebagai Al-Masih ⁹³Dajjal
- iii. Dajjal hanya bermata satu kerana matanya yang sebelah buta.
- iv. Ramai pengikutnya adalah orang-orang Yahudi
- v. Dajjal akan menguasai dunia untuk satu tempoh masa dengan izin Allah dan akan mendakwa-dakwi bahawa dirinya 'tuhan'
- vi. Bakat illusi dan tipu dayanya tersangat hebat yang tidak pernah disaksikan sebelumnya
- vii. Akan dibunuh di Babul Ludd di Baitul Muqaddas

Cuba bandingkan ciri-ciri diatas dengan kepercayaan orang-orang Yahudi tentang personaliti yang disebut-sebut akan muncul di Akhir Zaman seperti berikut;

- i. Kedatangan Nabi atau Raja Bani Israel di Akhir Zaman yang juga dikenali dengan nama Al-Masih
- ii. Al-Masih ini didakwa akan mewujudkan Kerajaan Tuhan di Dunia atau '*Kingdom of God on Earth*' dan membinasakan semua agama lain.
- iii. Penduduk Kerajaan Tuhan di Dunia adalah semata-mata bangsa Yahudi yang mengikuti agama Judaisme
- iv. Terdapat satu aliran mistikal di kalangan umat Yahudi yang percaya kepada kemunculan 'Tuhan' Lucifer yang bermata satu⁹⁴.
- v. Mempunyai tipu illusi dan makar yang tiada tolok bandingannya (pen: ingat Hollywood dan media maya).

⁹³ Allah SWT telah menciptakan dua Al-Masih yang berbeza. Nabi Isa AS adalah Al-Masih dalam kategori *As-Siddiq*, iaitu pembawa petunjuk dan kebenaran yang mempunyai mukjizat menyembuhkan sakit sopak dan menghidupkan orang mati. Sedangkan Dajjal adalah Al-Masih dalam kategori *Adh-Dhalil Al-Kadzab*, iaitu yang sesat lagi pembohong dengan kesesatannya menyebarkan fitnah kepada manusia dengan kejadian-kejadian luar biasa dan 'menghapuskan' bumi selama 40 hari. Rujuk buku karangan Yusuf bin Abdullah bin Yusuf Al-Wabilma, "*Peristiwa Menjelang Kiamat :Tanda-Tanda Besar*", Al-Hidayah Publishers, 1999, hlm 41-42

⁹⁴ Kebanyakan anggota Illuminati yang merupakan golongan pemodal elit antarabangsa adalah orang-orang Yahudi yang beraliran mistik Kabala dan bertuhankan 'Lucifer'. Simbol yang digunakan untuk mewakili Lucifer ialah mata satu yang bermaksud 'Tuhan Lucifer' melihat semuanya. **Pertubuhan Freemason (kuda tunggang Illuminati) juga menggunakan simbol mata satu ini.**

Aliran Yahudi Kabbala telah mendapat publisiti yang meluas di media-media antarabangsa sejak-akhir-akhir ini berikutan penganutan bintang terkemuka tetapi penuh kontraversi dari Amerika Syarikat, iaitu Madonna yang menjadi pengikut setianya dan turut menyebarkan dakyahnya.

Berdasarkan Hadeeth Rasulullah SAW mengenai peristiwa-peristiwa Akhir Zaman, Dajjal akan muncul dan diizinkan Allah untuk menguasai seluruh bumi kecuali Mekah dan Madinah. Dajjal akan menggemparkan umat manusia dengan kebolehan-kebolehan luarbiasa yang menakjubkan sehingga ramai yang beranggapan dirinya adalah 'tuhan' (pen: kita mohon perlindungan Allah dari fitnah Dajjal *Laknatullah*). Untuk suatu tempuh masa, Dajjal akan memporak perandakan dunia dan menghambat sesiapa yang tidak mahu mengakuinya sebagai 'tuhan' sedangkan para pengikutnya akan 'diganjarkan' dengan segala kemewahan duniawi dan akan dimasukkan ke dalam 'syurga Dajjal' yang didakwa berada dalam tangannya.

Dalil Hadeeth Rasulullah SAW menyebut bahawa Dajjal adalah seorang Yahudi, mempunyai ramai pengikut Yahudi dan bergelar AL-MASIH. Kedatangannya MENDAHULUI Nabi Isa AS.

Demi sesungguhnya Nabi atau Raja Bani Israel yang yang dinanti-nanti oleh umat Yahudi sebagai pendiri kerajaan 'tuhan' Yahweh di mukabumi ini TIDAK AKAN MUNCUL. Sebaliknya yang pasti datang adalah AL-MASIH DAJJAL sebagai salah satu watak Akhir Zaman! Itulah iktiqad umat Islam yang berpegang kepada Agama Islam yang benar!!

Walaupun sebilangan orang-orang Yahudi berpegang kepada kepercayaan bahawa Isa Al-Masihlah yang akan menjadi Nabi atau Raja bagi kerajaan Yahweh di dunia, namun logiknya kalau Dajjal telah muncul terlebih dahulu sebelum Nabi Isa AS, tidakkah mereka akan terus membuang kepercayaan ini dan mendakap Dajjal kerana dia diizinkan Allah untuk membuat sebesar-besar pembohongan dengan mengaku dirinya sebagai 'tuhan' melalui kebolehan-kebolehannya (sihir) yang luarbiasa⁹⁵?

Sedangkan umat Islam sendiri akan terdedah kepada risiko tipu daya Dajjal. Perkara ini telahpun berkali-kali diberi amaran oleh Rasulullah SAW sendiri, iaitu tentang kedatangan Dajjal dan tipudayanya yang hebat, malahan semua nabi-nabi dahulu juga telah menyebut tentang kemerbahayaan ancaman Dajjal untuk menyesatkan umat manusia keseluruhannya supaya mensyirikkan Allah. *Nauzubillahiminzalik*.

Perhatikan beberapa Hadeeth berikut;

⁹⁵ Jikalau Nabi Isa AS kembali ke bumipun, orang-orang Yahudi dan Nasrani yang menunggunya akan kecewa kerana Nabi Isa akan membatalkan segala kepercayaan mereka yang syirik dan khurafat, membunuh Dajjal serta mengajak semua orang kafir untuk beriman kepada Allah dan RasulNya. Jika mereka engkar, Nabi Isa akan memerangi mereka sehingga tidak tinggal seorang pun orang kafir lagi di dunia.

“ Sejak Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS sampai ke Hari Kiamat nanti tidak ada satu ujian pun yang lebih dahsyat daripada Dajjal.” (HR Muslim)

“ Tiada fitnah yang lebih besar di mukabumi ini sejak penciptaan keturunan Adam yang melebihi fitnah Dajjal. Dan tiadalah Allah mengutus para utusan, kecuali mereka itu telah memperingatkan umatnya tentang Dajjal. Dan aku adalah akhir para utusan, dan kamu pula adalah akhir dari segala umat. Ingatlah, Dajjal itu pasti datang kepada kamu tanpa diragukan lagi. Jika ia keluar saat aku berada disamping kamu, maka akulah yang akan menjadi pembela bagi semua umat Islam. Namun jika ia keluar selepas kematianku, maka masing-masing kamu adalah pembela bagi dirinya sendiri. Dan Allahlah yang menjadi penggantinya bagi semua orang Islam. Ia akan muncul dari antara kota Syam dan Iraq. Lalu menjelajah semua negara yang berada di kanan kirinya. ‘
(HR Ibnu Majah) ⁹⁶

“Dajjal akan datang sehingga ia turun ke bahagian Madinah, kemudian Madinah bergoncang dengan tiga goncangan. Maka semua orang kafir & munafik keluar (mengikuti) Dajjal.”

“Dan diantara fitnahnya yakni fitnah Dajjal ialah ia akan berkata kepada orang-orang Arab kampung,” Bagaimanakah pendapatmu jika aku membangkitkan ayahmu dan ibumu, apakah kamu akan bersaksi bahawa aku adalah Tuhanmu?” Dia menjawab, “Ya.” Kemudian ada dua syaitan yang menyerupakan diri dengan ayah dan ibunya, lantas keduanya berkata, “Wahai anakku, ikutilah dia, sesungguhnya dia adalah tuhanmu.”
(HR Ibnu Majah)

“Barangsiapa mendengar ada Dajjal maka hendaklah ia bersembunyi darinya. Demi Allah ada seseorang yang mendatangnya dan dia mengira bahawa ia beriman lantas dia mengikutinya (Dajjal) kerana banyak subhat dan kesamaran yang mengikutinya.”
(HR Abu Daud & Al-Hakim)

“Dajjal akan turun di lembah air Murqonah ini, maka orang yang datang kepadanya kebanyakan kaum wanita, sehingga seseorang akan pergi menemui sahabat karibnya, ibunya, anak perempuannya dan kepada ibu saudaranya untuk meneguhkan hatinya kerana khuatir mereka akan menemui Dajjal.”

Ringkasnya fitnah Dajjal adalah sebesar-besar fitnah yang didatangkan semenjak Nabi Adam AS diciptakan sehingga Hari Kiamat. Kerana Dajjal diizinkan Allah SWT memiliki keupayaan luarbiasa

⁹⁶ Untuk Hadeeth penuh sila lihat Lampiran C: *Hadeeth mengenai Dajjal* pada buku ini.

sehingga mampu memukau dan mempesonakan umat manusia keseluruhannya serta membingungkan golongan beriman.

Sesungguhnya zaman Dajjal akan benar-benar menyengsarakan umat Islam kerana mereka terpaksa berhadapan dengan ujian yang maha hebat. Sedangkan kebanyakan kaum Yahudi akan ditakdirkan 'berjodoh' dengan Dajjal. Bermakna Allah SWT akan mengizinkan orang-orang Yahudi menguasai dan mewujudkan kerajaan 'tuhan' di dunia seperti yang didamba dan dinanti-nantikan semenjak lebih 2000 tahun yang lalu. Itulah kemuncak manifesto Yahudi yang mereka wanti-wanti selama ini sebagai 'bangsa pilihan Tuhan', angkuh dengan terzahirnya firasat Yahweh. Maka yakinlah umat Yahudi bahawa mereka telah menang.

BUAT SEKETIKA.

Sehingga turunnya Al-Masih As-Siddiq yang sebenar dari langit, iaitulah Nabi Isa AS yang akan menerjah Dajjal, Yahudi, Nasrani dan umat kafirun yang lain.....

Sesungguhnya musuh-musuh Allah merancang, tetapi Allah juga Maha Merancang, dan sesungguhnya makar Allah lebih luas daripada makar musuh-musuhNya.

Bab 14

“ Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu ”

Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Dialah yang mengutus RasulNya dengan (membawa) petunjuk dan agama yang benar, supaya Dia memenangkan agama itu atas sekalian agama, walaupun orang-orang musyrikin tidak menyukainya.”
(Ash-shaf : 9)

Sesungguhnya umat Islam amat bernasib baik kerana Agama Islam yang mereka pegang itulah agama yang hakikat, bukan ideologi ciptaan manusia. Tuhan yang mereka sembah itulah Allah yang Maha Esa, Pencipta langit dan bumi serta seluruh alam semesta.

Bangsa Yahudi ada ‘tuhan’ Yahweh , tetapi kita ada ALLAH *jalla jallaluh*. Sesungguhnya ‘tuhan’ Yahweh itu tidak lain melainkan menifestasi dari angan-angan kosong golongan rabbai Yahudi Pharisees dahulukala yang telah disesatkan oleh makar Iblis *laknatullah* supaya mereka pula menjadi juak-juak Iblis untuk menyesatkan umat manusia keseluruhannya. **Sedangkan Allah SWT itulah Tuhan Maha Pencipta yang sebenar yang Maha Keras hukumanNya.**

Hakikatnya ‘jodoh’ bangsa Yahudi dengan Al-Masih Dajjal telah tertulis dari *azalli* lagi. Mereka akan diberikan apa yang mereka berkehendak kerana tuntutan mereka kepada kehebatan, keagungan dan kemewahan duniawi amatlah bersangatan. Merekalah pelopor kepada Agama Kebendaan yang didakap erat oleh umat Akhir Zaman. Mereka juga menghasut manusia untuk kembali mengamalkan Tamaddun Tidak Bertuhan yang telah lama ditinggalkan semenjak cahaya Islam menerangi alam ini. Mereka mengenalkan konsep ‘Syurga Dunia’ dan benar-benar yakin bahawa dunia boleh menjadi syurga hanyasanya jikalau bangsa Yahudi diberi mandat oleh ‘tuhan’ Yahweh untuk mentadbirnya. Ironisnya ‘Syurga Dunia’ hanyalah untuk orang-orang Yahudi sebagai ‘bangsa pilihan Tuhan’, bangsa-bangsa lain hanya layak menjadi goyim-goyim atau lembu-lembu yang memberikan khidmat sepenuhnya kepada mereka.

Ringkasnya bangsa Yahudi telah membeli dunia dengan harga akhirat mereka. Mereka meminta ‘Syurga Dunia’ dengan amat bersangatan dan dengan apa harga sekalipun, dan itulah yang akan mereka perdapat. Sebagai kemuncak kepada agenda Yahudisme Allah

SWT akan menjodohkan mereka pula dengan Al-Masih Dajjal yang diizinkan untuk berlagak sebagai 'tuhan' atau 'play god' untuk tempuh seketika.

Kebanyakan umat Yahudi akan menjadi pengikut setia Dajjal, asyik masyuk dengan pesona 'bayangan syurga' yang dibawanya, leka dalam fantasi dunia khayalan ciptaan Dajjal, tenggelam dalam illusi kehebatan, keagungan dan 'kekebalan' mereka. Itulah kemuncak yang mereka cari dan perdatap. Maka itulah sahaja bahagian mereka di dunia ini.

Sedangkan di Alam Akhirat yang kekal abadi, tidaklah ada apa bahagian lagi yang akan disediakan untuk mereka.

Firman Allah SWT yang maksudnya:

"Sesungguhnya telah kami utus (beberapa orang Rasul) kepada umat-umat sebelummu (tetapi mereka mendustakan Rasul-Rasul itu), atau kami siksa mereka dengan kesengsaraan dan kemelaratan, mudah-mudahan mereka tunduk (berhina diri kepada Allah). Mengapa mereka tidak juga tunduk, ketika mereka ditimpa siksaan Kami? Bahkan hati mereka amat keras, sedang syaitan menghiaskan kepada mereka apa yang mereka perbuat itu. Tatkala mereka lupa akan apa yang diperingatkan kepada mereka, Kami bukakan bagi mereka beberapa pintu tiap-tiap sesuatu (nikmat dan kesenangan), sehingga apabila mereka telah bersuka ria dengan (kesenangan) yang mereka perdatap itu, lalu dengan sekonyong-konyong Kami siksa mereka, sehingga mereka berputus asa. Maka dihapuskanlah akhirnya kaum yang aniaya; dan puji-pujian bagi Allah Tuhan semesta alam." (Al-Anaam : 42-45)

"Dan tinggallah akan orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai main-main dan senda gurau, dan mereka telah ditipu oleh kehidupan dunia?" (Al An'aam: 70)

Walaupun kemunculan Dajjal di Akhir Zaman merupakan suatu ujian maha hebat kepada umat Islam sehingga ramai yang terjerat dengan tipudayanya, bagaimanapun bagi mereka yang tetap teguh beriman kepada Allah dan RasulNya, golongan inilah yang bakal menjadi saksi kepada musibah besar sebagai akhirnya nasib yang menimpa Dajjal dan para pengikutnya. Di situlah tersembunyi hikmat-hikmat dan rahsia-rahsia Allah SWT dan di situlah juga terletaklah harapan umat Islam.

Mengenai akhir nasib Dajjal disebut dalam beberapa Hadeeth yang berikut;

“Maka diantara orang Islam itu ada yang berkata kepada yang lain :’ Apa yang kita nantikan dari si taghut Dajjal itu? Bukankah lebih baik kita memeranginya lalu kita mati kerananya atau kita memperoleh kemenangan? Maka mereka pun bersatu untuk memeranginya apabila menjelang waktu Subuh. Dan tiba-tiba di pagi hari itu Isa bin Maryam pun datang kepada mereka. Maka beliaulah yang akan membunuh Dajjal serta menghancurkan seluruh pengikutnya.....” (HR Al-Hakim)

“ Isa bin Maryam turun ke bumi, dan manakala Dajjal melihatnya maka cairlah tubuhnya bagaikan cairan lemak binatang. Maka Isa bin Maryam akan membunuh Dajjal.....” (HR Muslim-Bukhari)

“Ibnu Maryam akan membunuh Dajjal di pintu Ludd” (Tuhfatul Ahwadzi Syarah Tarmidzi 6:513-514)

Dalam hal ini, kita hanya perlu meneropong kepada sejarah bangsa Yahudi dan merujuk kepada peristiwa-peristiwa yang akan datang berdasarkan dalil-dalil Al-Quran dan Al-Hadeeth untuk membuat rumusan bahawa dengan terzahirnya firasat ‘tuhan’ Yahweh ini, ia sebenarnya merupakan petanda paling buruk bagi mereka kiranya mereka mengetahui.

Disebut dalam buku karangan Bassam Nihad Jarrar bertajuk ‘*Israeli Empire Collapses in 2022*’ bahawa apabila diisytiharkan Negara (haram) Israel pada tahun 1948M seorang wanita Yahudi telah meraung. Apabila ditanya mengapa beliau menangis, maka dijawabnya seperti berikut:

“Terbentuknya negara ini akan mengakibatkan penyembelihan umat Yahudi dan Negara Yahudi ini akan mampu bertahan hanya untuk tempuh 76 tahun sahaja.⁹⁷”

Hakikatnya, sebagaimana umat Yahudi di Akhir Zaman telah ditentukan untuk berjodoh dengan Al-Masih Ad-Dajjal laknatullah, begitulah juga akhirnya nasib mereka akan terikat dengan nasib yang bakal menimpa Dajjal.

Rasulullah SAW telah bersabda:

“.....sempurna pekerjaan solat, Nabi Isa mengambil pedangnya dan pergi mengejar Dajjal. Saat Dajjal melihat beliau cairlah tubuhnya bagaikan cairan timah yang terkena api. Maka Isa menusukkan pedangnya diantara kedua buah dada Dajjal dan matilah dia. Dari saat itu

⁹⁷ Bassam Nihad Jarrar (Ramallah), ‘*Israeli Empire Collapses in 2022*’, A.S Noordeen, 2003, hlm 52

hancurlah semua pengikutnya hingga tiada seorang pun yang selamat. Bahkan sekiranya mereka lari dan bersembunyi di belakang pohon, maka pohon itu akan memanggil orang Islam: Wahai orang Islam! Ini dia orang kafir, bunuhlah dia! Demikian pula batu akan berkata :Wahai Mu'min! Inilah dia seorang kafir berlindung di belakangku!

(HR Ahmad, Al-Hakim)

“ Tidak akan tiba Hari Kiamat sehingga kaum Muslimin memerangi kaum Yahudi, kemudian mereka diperangi oleh kaum Muslimin, sehingga batu dan pohon berkata : “Hai Muslimin, hai hamba Allah! Ini seorang Yahudi bersembunyi di belakangku datangilah dan bunuhlah, kecuali pohon al-farqad kerana ia adalah pohon kaum Yahudi.”

(HR Bukhari dan Muslim)

“ ...Maka Allah akan menghancurkan semua orang Yahudi. Dan tiada diantara mereka yang bersembunyi di bawah segala sesuatupun, kecuali sesuatu itu akan berbicara dan menunjukkan orang Yahudi itu untuk dibunuhnya. Baik batu pepohonan, kebun, tembok bahkan binatang sekalipun-kecuali pohon farqad sahaja sebab dia pohon milik orang Yahudi yang tiada boleh berbicara-melainkan akan berkata: Wahai hamba Allah yang Muslim! Ini di belakangku seorang Yahudi, mara kemari untuk membunuhnya.” (HR Ibnu Majjah)

“ ...Orang kafir tidak dapat menghidu angin nafas Nabi Isa AS. Kalau dia terhidu dia akan mati sedangkan nafas Nabi Isa itu dapat dirasakan dari jarak sejauh mata beliau memandang.”

(HR Muslim)

Begitulah akhirnya nasib satu kaum yang pernah ditakdirkan sebagai bangsa pilihan Allah SWT sendiri, iaitu yang melahirkan nabi-nabi Bani Israel yang maksum dan dikasihi olehNya. Mereka telah mendustakan segala nikmat Allah ini dan berpaling dari rahmatNya secara terang-terangan dan bersambung-sambungan. Umat Yahudi lebih rela menunggu saat pembentukan Kerajaan ‘tuhan’ Yahweh di dunia daripada memilih untuk mencari keredhaan Allah dan ganjaran Syurga di Alam Akhirat yang kekal abadi. Mereka telah mendustakan ajaran Tauhid yang dibawa oleh nabi-nabi Bani Israel dan menolak seruan Rasulullah SAW. Mereka lebih suka memilih menifesto Judaisme dan Yahudisme yang sesat lagi menyesatkan yang bakal dimenifestasikan kemuncaknya dengan kedatangan Dajjal yang bermata satu.

Sesungguhnya kemunculan Dajjal sebagai satu Alamat Besar Akhir Zaman memberikan isyarat bahawa umat Yahudi sebenarnya telah menggali kubur mereka sendiri. Dajjal adalah *muqaddimah* kepada saat kebinasaan bangsa Yahudi kecuali sedikit.

Rasulullah SAW bersabda :

“ Sesungguhnya Al-Masih Dajjal itu seorang lelaki yang pendek dan gemuk, berambut kerinting, buta sebelah matanya dan tidak menonjol serta tidak tenggelam. Jika ia memperdayakan kamu, maka ketahuilah sesungguhnya Rabbmu tidak buta sebelah mataNya.”

(Aunul Ma'bud Syarah Sunan Abi Dawud 11:443)

“Sesungguhnya Allah SWT itu tidak buta sebelah matanya. Ketahuilah, sesungguhnya Al-Masih Ad-Dajjal itu buta sebelah matanya yang kanan, seakan-akan matanya itu buah anggur yang tersembul.”
(HR Bukhari)

“Dajjal memiliki tiga tanda. Ia buta sebelah. Sedang Tuhanmu tiadalah demikian. Tertulis diatas keeningnya perkataan ‘kafir’ yang dapat dibaca oleh seluruh orang Islam, baik yang memahami tulisan ataupun tidak. Dan tiada binatang yang takluk kepadanya kecuali himar (keledai).Ia adalah binatang yang kotor diatas kotor.” (HR Al-Hakim)

SESUNGGUHNYA ALLAH TIDAK BERMATA SATU !

Bab 15

Tamaddun Tidak Bertuhan

Mengundang ‘Armageddon’?

Sejarah merupakan KISAH-KISAH BENAR kehidupan manusia di masa-masa yang telah lepas. Ianya bukan metos, dongeng, bayangan, mahupun cetusan-cetusan inspirasi atau khalayan ahli-ahli sastera, tetapi adalah kejadian kehidupan nenek moyang umat manusia dengan segala suka dukanya.

Kepentingan sejarah sebagai kayu ukur, iktibar dan tauladan dalam kehidupan manusia boleh dilihat melalui Firman-Firman Allah SWT dalam Al-Quran. Kisah-kisah para Anbiya’ dan kaum-kaum terdahulu dengan perkembangan peristiwa-peristiwa yang berlaku di zaman mereka jelas membuktikan kewujudan KITARAN-KITARAN SEJARAH, dan bagaimana manusia sentiasa terjatuh kepada perangkap yang sama jika tidak bersedia untuk mengambil sebarang iktibar dari sejarah turun-naik serta jatuh-bangunnya nenek moyang mereka atau dari bangsa-bangsa dan kelompok-kelompok masyarakat yang terdahulu.

Ringkasnya, pengkajian mengenai trend dan perkembangan sejarah bukan sahaja dapat memberikan penghayatan kepada kita bahawa keadaan masakini adalah merupakan KESINAMBUNGAN kepada proses-proses perkembangan yang terhasil daripada cetusan peristiwa-peristiwa yang telahpun berlaku, tetapi juga dapat menggunakan kaedah yang sama untuk mengagak secara rambang bagaimana proses perkembangan ini akan memberikan kesan yang tertentu kepada kehidupan sesuatu kelompok itu di masa-masa yang akan datang jika mereka tetap meneruskan jalan yang sama.

Rasulullah SAW bersabda :

“Akan muncul fitnah yang besar.” Sahabat bertanya: “Apakah jalan keluarnya ya Rasulullah?” Baginda menjawab: “Jalan keluarnya adalah kitab Allah (Al-Quran). Sebab di dalamnya terkandung berita orang-orang sebelummu dan berita tentang hal yang akan terjadi sesudahmu, dan sebagai pemutus perkara diantaramu.” (HR At-Tarmidhi)

Maka mengikut hukum ‘alami yang berulang kali telah dapat dibuktikan melalui peristiwa-peristiwa sejarah, bala Allah akan turun kepada hamba-hambanya yang melampaui batasan. Sedangkan bagi golongan beriman tetapi tetap bergelumang dengan maksiat walaupun setelah menerima amaran-amaran Allah, mereka akan ditimpakan

musibah sebagai *kaffarah* atau pencuci bagi segala dosa-dosa yang dikerjakannya.

Oleh itu jikalau dicongak-congak akan aturan *sunatullah* dan dikaitkan dengan keadaan manusia hari ini, maka tidak dapat tidak bala Allah pasti akan menimpakan kecelakaannya kepada orang-orang kafir, terutamanya Yahudi dan Kristian yang terang-terang telah mengisytiharkan perang terbuka keatas Allah dan agamaNya yang suci.

Sedangkan umat Islam juga belum tentu terlepas dari menerima hukuman sebagai *kaffarah* atas mereka, kerana tidak ada sesiapaupun yang dapat menyangkal bahawa keadaan IMAN dan ISLAM ummah hari ini adalah tersangat tenat.

Selain itu terdapat dua lagi sebab penting mengapa Allah SWT akan mendatangkan Qada' dan Qadarnya dalam bentuk peristiwa besar yang tidak dapat ditahan-tahan lagi oleh sesiapaupun, iaitu peristiwa yang seratus peratus berada diluar kawalan manusia yang menjangkakan mereka telah menjadi begitu hebat dan kebal. Dua sebab tersebut adalah:

i. Cengkaman Teknologi Barat yang amat luarbiasa keatas manusia sejagat.

Cengkaman teknologi Barat yang telah membelenggu bangsa-bangsa manusia zahir dan batin sehinggakan kebanyakannya terpaksa mengalah dan tunduk kepada kekuasaan mereka. Amerika Syarikat dan kunci-kuncunya telah menggunakan kecanggihan, kepelbagaian dan kehebatan teknologi moden untuk mempamirkan kepada dunia bahawa merekalah kini 'Tuhan' yang 'maha melihat', 'maha mendengar', 'maha mengetahui', 'maha kuat' dan perbagai keangkuhan lagi. Apatah lagi kekejaman dan kebiadapannya keatas umat Islam hari ini yang dihina dan diperangi secara terang-terangan melalui perantara teknologi moden, khususnya yang berkaitan dengan media, keselamatan dan ketenteraan.

Oleh itu satu-satunya cara membebaskan umat Islam dari belenggu kuasa dan teknologi Barat yang telah menjadi raksasa besar⁹⁸ itu ialah apabila Allah SWT sendiri menurunkan takdirNya.

⁹⁸ Rujuk buku karangan penulis yang bertajuk : "*Ahlul-Bait Rasulullah SAW, Dinasti Melayu dan Akhir Zaman*" yang banyak membicarakan kemudaratan besar yang dilakukan oleh bapa-bapa (negara-negara Barat) kepada penciptaan teknologi-teknologi moden atas umat Islam sejagat melalui perantara teknologi itu sendiri.

ii. Kewujudan golongan pemerintah-pemerintah sekular, khususnya dalam negara-negara umat Islam .

Kecuali bagi yang ikhlas, kebanyakan dari kepemimpinan Islam sekular sekali-kali tidak akan melepaskan kuasa dalam genggaman (langkah mayat mereka dulu) jikalau pun mereka tahu bahawa sistem yang mereka pegang itu adalah bersifat syirik yang telah memudaratkan kekuatan, kesatuan dan kedaulatan ummah sehingga ke tahap yang amat kronik. Itu mereka tidak peduli kerana sibuk memikirkan kepentingan diri sendiri dan duniawi mereka. Golongan ini tidak akan menyerahkan kuasa kepada kepemimpinan umat Islam yang sepatutnya (iaitu yang layak mengikut hukum syariat dan sistem pemerintahan Islam yang sebenar) sehingga Allah sendiri terpaksa *prise* atau meregutnya dari dakapan mereka.

Halusi catatan Protokol Cendikiawan Zionis No 4 :

*“ Apabila orang ramai telah melihat semua keistimewaan-keistimewaan dan kehendak-kehendak dapat diperolehi atas nama kebebasan, mereka akan membayangkan diri mereka sebagai tuan yang berdaulat lantas meluru untuk merebut kuasa, tetapi lumrahnya seperti orang buta yang lain, ia akan tersandung batu-bata. **Mereka meluru untuk mencari pedoman, mereka langsung tidak terfikir untuk kembali kepada keadaan asal, maka mereka telah menyerahkan kuasa mutlak kepada kita.** Ingatlah kepada Revolusi Perancis, kitalah yang memberinya nama ‘Hebat’:Kita arif tentang rahsia-rahsia persiapannya kerana pada keseluruhannya, ia adalah hasil usaha kita. “*

Kesimpulannya disebabkan perbuatan tangan-tangan manusia yang telah melupakan Penciptanya, malahan merasakan diri mereka pula yang kuat, kebal dan agung sehinggakan banyak kali bertindak mencabar kuasa Allah SWT secara angkuh dan terbuka, maka tidak dapat tidak mereka telah mendedahkan diri mereka kepada risiko yang paling besar, iaitu kecelakaan dalam bentuk kebinasaan yang paling ‘aib dan hina yang dibuat oleh tangan-tangan Allah sendiri!!

Hakikatnya, peristiwa-peristiwa dunia yang berlaku pada hari ini mempunyai banyak persamaan dengan sejarah yang berlaku sejurus sebelum kelahiran Rasulullah SAW. Penelitian kepada kisah-kisah yang terjadi dalam masa tersebut membuktikan bahawa kitaran-kitaran sejarah sememangnya wujud, mungkin sebagai iktibar kepada umat manusia untuk diambil pengajaran daripadanya. Malangnya umat manusia tetap sentiasa membuat kesilapan-kesilapan yang sama dan terjatuh kepada perangkap-perangkap yang sama (perangkap syaitan dan

juak-juaknya). Kecuali bagi golongan yang ikhlas, mahu beringat dan mendapat rahmat Allah.

Dalam bahagian berikut kita akan mengkhususkan perbincangan kepada era yang dimaksudkan itu, iaitu zaman Tamaddun Romawi Pagan kerana jelas ia mempunyai banyak persamaan dengan Tamaddun Tidak Bertuhan hari ini yang dipelopori oleh pusat pentadbiran 'Romawi Moden' sedunia, iaitu Amerika Syarikat.

Apa yang menakjubkan ialah bahawa pada masa mutakhir ini sarjana-sarjana serta pakar-pakar Barat telah menggali banyak bukti-bukti sains dan sejarah yang membongkar sebab utama kemusnahan empayar Romawi pagan setelah hampir 1100 tahun tertegak sebagai sebuah empayar yang kuat, hebat dan agung tetapi berteraskan kehidupan jahiliyyah, sesat, syirik dan penuh maksiat.

Sebab utama kemusnahan empayar Romawi bersekali dengan tamaddunnya ialah suatu peristiwa ARMAGEDDON yang besar, iaitu yang jelas sekali membuktikannya sebagai 'hukuman dari langit' disebabkan perbuatan-perbuatan mereka yang melampaui batas.

Bagaimanapun yang paling menarik perhatian ialah peristiwa Armageddon yang menenyapkan terus keagungan dan kekuatan Romawi terjadi sejurus sebelum kelahiran Rasulullah SAW di akhir abad ke 6 Masihi. Bermakna secara langsung kemusnahan empayar Romawi telah membantu mewujudkan Zaman Kebangkitan Islam kali pertama yang kemudiannya telah membawa kepada mercu kegemilangannya.

Fokus diberikan kepada sejarah waktu itu kerana terkandung banyak persamaan yang jelas dengan keadaan dunia masakini seperti kewujudan 'empayar' Romawi Moden (Amerika Syarikat sebagai '*super power*'), kehidupan umat manusia yang melampaui batasan (Tamaddun Tidak Bertuhan), isyarat tanda kemunculan Zaman Kebangkitan dan Kegemilangan Islam ke-2 (mengikut Al-Hadeeth) selepas berlangsungnya era 'Mulkan Jabariyyan' (kerajaan-kerajaan menyeleweng) dan tanda-tanda kemunculan tokoh-tokoh pilihan Allah (Al-Mahdi dan Nabi Isa AS).

Mudah-mudahan dengan penghuraian kepada suatu peristiwa sejarah besar yang berlaku sejurus sebelum kelahiran Rasulullah SAW yang digelar *Rahmatulill'alam* (pembawa rahmat bagi seluruh alam) itu, ianya dapat dijadikan iktibar, pedoman dan sumber inspirasi serta memulihkan semangat bagi umat Islam supaya dapat terus bersabar, yakin dan tetap beristiqamah dalam Agama Allah ditengah-tengah kemelut dan ujian besar yang sedang menimpakan dirinya kepada ummah sejagat hari ini.

Tamaddun Romawi Pagan (sehingga 325M)

Perbincangan mengenai Tamaddun Moden tidak dapat tidak perlu merujuk kepada Tamaddun Romawi Pagan⁹⁹. Ini adalah kerana tamaddun moden hari ini adalah merupakan warisan tamaddun Romawi yang pagan. Bukanlah untuk kita memperincikan hal ini, cuma setakat supaya boleh memperlihatkan kesamaan prasarananya yang banyak.

Romawi pagan diperintah oleh kaisar-kaisar yang mendapat sokongan Dewan Senat. Ahli-ahli senat mengundi untuk kelulusan undang-undang yang kemudiannya diwartakan kepada umum. Empayar Romawi dibahagikan wilayah-wilayahnya yang diperintah oleh gabenor-gabenor yang dilantik terus oleh Kaisar. Jajahan-jajahan dalam wilayah tersebut dipegang oleh majlis-majlis daerah sedangkan bandar-bandar besar pula dipegang oleh majlis-majlis perbandaran. Majlis-majlis tersebut dilantik dari campuran orang-orang Rom dan orang-orang tempatan termasuk badan kehakiman dan badan percukaian.

Pentadbiran-pentadbiran tersebut dijalankan dengan mengutip pelbagai cukai termasuk cukai kepala dan cukai harta. Pungutan cukai diswastakan kepada pemungut-pemungut berlesen. Kanun Romawi diperkenalkan kepada seluruh jajahan dan mencakupi kesemua aktiviti harian. Oleh kerana ia rumit dan berbelit-belit maka khidmat peguam-peguam digunakan keatas semua kontrak.

Bagi mengikat jajahan-jajahan dalam empayar Romawi maka diwujudkanlah sistem lebuh raya batu yang menghubungkan semua bandar-bandar utama. Pada setiap 25-50km dibinalah stesen-stesen rehat untuk pengguna-pengguna lebuh raya. Sistem lebuh raya ini membolehkan diwujudkan sistem perdagangan dan pos yang cekap serta membolehkan tentera Romawi dikirimkan ke mana-mana daerah dan di sempadan-sempadan dengan cepat. Sistem ketenteraan dan pengangkutan yang mantap ini telah berhasil membentengi empayar Romawi daripada gugatan puak kasar dari luar untuk beberapa kurun.

Di bandar-bandar utama, orang-orang kaya tinggal di villa-villa yang tersergam. Orang-orang miskin pula tinggal di perumahan pangsa 4

⁹⁹ Seperti yang disebutkan sebelum ini, dalam tahun 325M Kaiser Constantine telah mengisytiharkan agama Kristian sebagai agama resmi bagi empayar Romawi. Maka apabila terjadinya peristiwa Armageddon yang menyebabkan teretusnya Zaman Kegelapan Eropah bermula sekitar abad ke 6M (spt yang kita akan huraikan kemudian) kaum intelek Yahudi dan Eropah telah mengambil kesempatan untuk menuduh pihak gereja (sebagai wakil agama Kristian) dan sistem feodalisme sebagai punca musibah keatas Eropah itu. Lalu mengketengahkan falsafah Sekularisme dan Liberalisme yang mengambil idealisme Tamaddun Romawi Pagan kerana didakwa tamaddun tersebutlah punca zaman keagungan Eropah (Barat) dan perlu didakap semula jikalau orang-orang Eropah hendak kembali gemilang seperti dahulukala.

tingkat. Sistem pelajaran bagi yang kaya dan yang miskin juga adalah berbeza.

Bagi menghindarkan rakyat jelata dari memikirkan masalah-masalah mereka maka kepimpinan Romawi mengadakan berbagai pesta maksiat sepanjang tahun. Pesta-pesta ini diadakan di pentas-pentas yang besar dipanggil '*stadia*' (stadium). Masalah moral orang-orang Romawi begitu dahsyat sehinggakan perkahwinan hanya tinggal pada nama sahaja. Kemaksiatan yang melampau-lampau ini kadangkala mencetuskan bencana seperti letusan Gunung Berapi Vesuvius yang mengambus bandar Pompeii semasa orang-orang Romawi sedang leka mengerjakan maksiat.

Tamaddun Romawi tidak memikirkan nasab atau keturunan. Bermakna sesiapa sahaja boleh naik ke Senat jikalau pandai berpolitik dan membeli pengaruh, walaupun ia seorang anak zina ataupun bekas hamba.

Realiti Tamaddun Romawi Pagan telah mendatangkan komen daripada seorang sejarahwan Barat abad 17M, HR Gibbons:

“melarutkan sempadan, meluluhkan bangsa dan bahasa, meleburkan semuanya kepada acuan bangsa Romawi, sehinggakan pribumi-pribumi lebih memikirkan diri mereka sebagai rakyat Romawi daripada bangsa-bangsa sebenar mereka.”

Dasar pemerintahan Romawi ialah '*Pax Romana*' atau 'Kedamaian Romawi', iaitu kedamaian hanya akan tercapai apabila semua negeri-negeri tunduk kepada Romawi dan semua orang menjadi rakyat Rom. Dalam skema ini tiada ruang untuk identiti serta pemikiran yang lain. Bandingkan keadaan tersebut dengan status Amerika Syarikat hari ini yang menjadi satu-satunya '*superpower*' yang mencengkam dan mendominasi dunia melalui '*Pax Americana*'.

Marilah kita perhatikan lanskap Tamaddun Romawi Pagan yang hampir sama dengan lanskap Tamaddun Moden hari ini dakapan hampir keseluruhan manusia jagat raya.

Tamaddun Romawi Pagan menjadi asas kepada Tamaddun Barat yang kini dianuti sedunia. Berikut adalah beberapa contoh yang relevan kerana masih berhubungkait dengan kehidupan moden hari ini.

Sistem Politik



Ia berasaskan Dewan Senat (Parlimen) yang dilantik ahli-ahlinya samada terus melalui perantaraan Kaisar atau melalui pilihanraya. Ilustrasi di atas menggambarkan persidangan hangat yang kadangkalanya mencetuskan pergaduhan.



Calon-calon dilantik dalam pilihanraya dan selalu berkempen untuk meraih undi. Serangan-serangan berbentuk peribadi adalah lumrah. Ilustrasi di sebelah kiri menunjukkan calon yang berbaju putih (lambang kesucian) di anjung.

Dewan Senat meluluskan rang undang-undang.

Sistem Pentadbiran



Asas empayar Rom adalah percukaian. Dianggap sebagai kewajiban rakyat. Mereka yang enggan membayar cukai, hartanya akan disita. Sistem kutipan cukai diswastakan kepada pengutip – pengutip upahan. Kadangkala pengutip upahan akan menggunakan kekerasan.

Undang-undang Rom juga amat rumit dan berbelit-belit. Sering khidmat para peguam diperlukan bagi setiap urusan dan bila terjadi masalah yang rumit maka terpaksa diadili di majistret (gambar kanan). Namun begitu pengadilan majistret hanya berkait dengan urusan peribadi atau isu urusanniaga sahaja. Isu-isu yang berkaitan dengan moral dan seumpamanya tidak ada tempat dalam pentadbiran (Sistem Sekular).



Wilayah-wilayah diperintah dari bandar utamanya. Rom menggalakkan pertumbuhan bandar-bandar baru. Perbandaran merupakan idealisma pembangunan Romawi. Bandaraya-bandaraya ditadbir sendiri oleh Majlis Perbandaran masing-masing yang mana ahli-ahlinya dilantik melalui pilihanraya. Kehidupan gaya Romawi mekar di bandar-bandar besar.

Prasarana Bandar-Bandar Romawi

Bandar-bandar Romawi merupakan acuan kepada pembangunan moden sedunia. Ia dipenuhi dengan monument-monumen, bangunan-bangunan kerajaan dan lorong-lorong yang sesak dengan lalu-lintas.



Gambar di atas ialah runtuh Bandar Herculaneum, ditimbus lahar pada kurun Pertama Masihi (tragedi letupan Gunung Berapi Vesuvius di Pompeii), tidak begitu jauh dari Rom hari ini. Bandingkan corak susunannya dengan bandar-bandar moden hari ini.



Bandaraya Rom mempunyai banyak bangunan yang tersergam indah, contohnya di sebelah kiri ini ialah kompleks bangunan pentadbiran.



Namun demikian kebanyakan rakyat Rom adalah dari golongan yang tidak berada dan tinggal di rumah-rumah pangsa 3 hingga 4 tingkat. Kerapkali mereka tidak memasak dan membeli makanan di kedai-kedai makan di tingkat bawah. Tingkat bawah biasanya merupakan lot-lot kedai yang menghadap jalan. Tiap-tiap blok juga mempunyai kedai arak. Dinding-dinding blok pangsa ini kerap diconteng (graffiti) oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Gambar (atas) runtuhannya pangsa kurun Pertama Masihi.



Golongan pertengahan tinggal di rumah-rumah teres di bahagian luar bandar-bandar besar. Kehidupan di tempat-tempat ini adalah lebih teratur.



Golongan yang lebih berada seperti ahli-ahli politik, jenderal-jenderal, hakim-hakim dan saudagar-saudagar tinggal di villa-villa yang tersergam indah di luar bandar-bandar besar.

Gambar sebelah (kiri) menunjukkan lantai jubin daripada runtuhannya sebuah villa.

Di bandaraya besar terdapat kompleks-kompleks untuk membeli-belah yang menempatkan pelbagai kedai dan pejabat. Kompleks di bawah ini di bandaraya Rom, menempatkan 150 ruang kedai dan pejabat. Ia mempunyai anjung siar dikedua-dua tingkatnya.



Runtuhan-runtuhan di atas masih tegap berdiri walaupun telah menjangkau hampir 2000 tahun usianya!



Gambar di atas ialah tinggalan daripada kelab rekreasi yang lazimnya terdapat di bandar-bandar besar bagi rakyat Rom untuk beristirehat.



Rangkaian lebuhraya menghubungkan wilayah-wilayah Rom. Jumlah lebuhrayanya ialah 85,000 km! Ia menjangkau dari Afrika Utara ke Mesir ke Rom dan melanjut sehingga ke sempadan Scotland! Setiap 50 km didirikan hentian rehat (seperti konsep Rawat dan Rehat hari ini) yang terdiri daripada hotel dan kem tentera. Lebuhraya tersebut masih dalam keadaan baik sehingga 2 kurun lalu. Pada hari ini kebanyakan dari lebuhraya Rom ini telah dibina lebuhraya-lebuhraya moden di atasnya dan mengikut laluan.



Jaringan lebuhraya yang canggih mewujudkan sistem pengangkutan yang cekap. Pedati banyak gandar yang ditarik sekawan kuda dalam ilustrasi di atas ini membawa penumpang, pos dan barang dagangan dengan laju dan mengikat semua jajahan Rom sebagai satu unit ekonomi.

Lebuhraya yang cekap juga membolehkan tentera Rom dikirimkan kemana-mana bahagian jajahannya dengan cepat dan cekap. Oleh itu ia dapat mematahkan ancaman luar berkurung-kurung lamanya. Rom sebagai sebuah empayar dibezakan dengan penggunaan teknologinya yang meluas.



Gambar di sebelah kiri adalah pemandangan pusat niaga di bandaraya-bandaraya yang besar. Perhatikan lot-lot kedai di tingkat bawah. Ruang pejabat dan kediaman terletak di tingkat 1 dan 2. Susunan kedai dan jalanraya sebegini adalah lumrah dalam dunia moden.

Kedai-kedai ini adalah pusat-pusat ekonomi yang menjana hasil cukai negeri.



Jaringan lebuhraya Rom. Jaringan yang beribu-ribu kilometer ini memudahkan komunikasi dan lebih cepat dari jalan laut.




Di sebelah kiri adalah sebuah peta jalanraya bandaraya Rom yang baru dijumpai. Ia menjadi panduan bagi pelawat-pelawat yang datang dari luar Rom.

Peta ini juga terdapat petunjuk mengenai pelabuhan Rom.

Hiburan Awam


Hiburan mengambil sebahagian besar daripada masa orang-orang Rom. Di tempat-tempat hiburan, golongan kaya dan miskin akan sama-sama bergembira. Bentuk hiburan mereka adalah canggih dan berbagai jenis.



Setiap bandar mempunyai panggung-panggung seperti di atas yang akan menayangkan hiburan berbentuk lakonan hampir setiap hari. Bentuknya menjadi ikutan teater masakini. Gambar bawah pula ialah sebuah stadium.



Hiburan yang besar-besar diadakan di stadium-stadium. Di sini sukan-sukan seperti pertarungan maut antara peserta samada sesama sendiri ataupun dengan binatang buas seperti singa, gajah dan seladang.



Sesetengah stadium seperti di atas dibina untuk acara lumba kereta kuda.

Kesimpulannya, memang tepatlah ungkapan lama **“sejarah berulang kembali”**. Tamaddun Romawi Pagan yang telah lama ditinggalkan apabila nur Islam menyinarakan cahayanya yang gemilang di mukabumi ini, malangnya kini didakap semula dengan rakusnya oleh umat Akhir Zaman secara global. Dari aspek politiknya, prasarananya, malahan hiburan, budaya dan maksiat-maksiatnya termasuk yang ganas, lucah, syirik, khurafat, perjudian dan *‘reality show’* nya, yang mengambil konsep Tamaddun Romawi Pagan kini menjadi budaya masyarakat dunia hari ini. Apakah nasib yang menimpa Tamaddun Romawi Pagan sehingga mencetuskan musibah Zaman Kegelapan mereka akan juga menimpakan kecelakaannya pada masyarakat dunia hari ini? Walla hu’aklam !!

Masyarakat Barat amat berbangga untuk mendakap kembali tamaddun nenek moyang mereka, tetapi mengapakah umat Islam pula yang mengambil pendirian untuk mendakap tamaddun nenek moyang orang-orang Barat yang serba jahiliyyah tu, sedangkan ummah sendiri mempunyai sejarah tamaddun nenek moyang kita yang cemerlang dan gemilang, **tetapi berpegang teguh pada Falsafah Tauhid!** Dalam hal ini, untuk iktibar kita bersama, sila rujuk Lampiran G : *‘Tamaddun Islam yang Gemilang’* pada buku ini. Mudahan-mudahan ianya akan mencetuskan inspirasi serta semangat Islamiyyah yang baru bahawa umat Islam juga mampu kembali kepada tamaddun nenek moyang kita (Islam Tradisi) yang cemerlang tetapi tetap hidup dalam keredhaan serta payung perlindungan Allah !!


Teknologi Moden , Dahulu dan Sekarang

Seperti yang telah disebutkan, Empayar Romawi Moden adalah cermin Empayar Rumawi Kuno. Bagi menguasai sebuah empayar yang luas, adalah terlalu mahal untuk menggunakan bala tentera yang ramai yang dapat melitupi setiap daerah yang dijajah. Bagi mengatasi masalah ini Kaisar Romawi telah mewujudkan sebuah sistem lebuhraya yang cekap. Rangkaian lebuhraya ini menghubungkan kubu tentera ke kubu tentera yang lain serta bandar-bandar dan desa-desa besar. Dengan adanya rangkaian lebuhraya ini, bala tentera dapat dikirimkan ke merata ceruk empayar dengan kadar yang cepat .

Walaupun tidak dinafikan bahawa sistem lebuhraya membawa faedah dari segi ekonomi, namun hakikatnya kegunaan utamanya ialah ketenteraan. Disamping itu ia memudahkan pengutip-pengutip cukai dan pegawai-pegawai Rom memerah hasil bumi tempatan secara cekap. Lebuhraya Rom menjadi simbol kekuasaan Kaisar dan sering mendatangkan kebencian penduduk tempatan. Peralatan ketenteraan Rom amat canggih, seperti mesin-mesin perang, kubu-kubu pasang siap serta perisai dan baju besi yang kuat dan agak ringan menggunakan teknologi keluli yang canggih, menggerunkan musuh. Kombinasi ketenteraan dan lebuhraya ini amat ampuh.




Pada awal kurun ke-21 ini jaringan lebuhraya Romawi kuno telah digantikan oleh **Jaringan Maklumat (IT)**, lihat rajah untuk penjelasan.



INTERNET dicipta pada akhir tahun 1950an oleh Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat bagi mewujudkan jaringan komunikasi yang cekap dan kebal (mampu berfungsi hatta selepas perang nuklear sekalipun). Pada mulanya jaringan ini hanya dibuat diantara jabatan-jabatan kerajaan Amerika termasuk angkatan tenteranya. Bagaimanapun kemudiannya ia merangkumi universiti-universiti Amerika dan setelah itu mula disebarkan ke merata dunia.

Revolusi komputer pada tahun 1980an membolehkan komputer peribadi menjadi murah dan mampu dimiliki ramai. Menjelang awal 1990an jaringan internet telah mulai merangkumi komputer peribadi di rumah-rumah perseorangan. Komputer yang disambungkan ke internet bertambah dengan mendadaknyanya daripada 100,000 pada 1989 sehingga melebihi 200 juta pada tahun 2002. Bilangan penggunaanya bertambah kepada lebih daripada 840 juta! Adalah menarik untuk diperhatikan bahawa dari September 2001 hingga September 2002, bilangan sambungan internet meningkat dari kurang daripada 50 juta kepada melebihi 200 juta. Ini merupakan peningkatan yang tertinggi sejak internet direka. Pada masa ini internet boleh dicapai oleh semua negara di dunia.

Pada pertengahan sehingga akhir tahun 1990an internet dibuka kepada orang ramai. Menjelang waktu yang sama, internet, melalui e-dagang dan perbankan elektronik telah meluaskan kuasanya ka atas ekonomi besar atau kecil. Kini bertambah banyak komunikasi suara (telefon) menggunakan kemudahan dan jaringan internet ini.



Oleh kerana internet adalah sebahagian daripada prasarana ketenteraan Amerika, kebergantungan penduduk dunia kepada IT dan internet telah mampu meluaskan cengkaman Empayar Rom Moden (baca: Amerika sebagai penaja Yahudi) keseluruh pelosok dunia hingga kepada rumah-rumah peribadi!!! Kedaulatan sempadan tidak mempunyai erti dalam dunia yang tidak bersempadan ini. **Inilah hakikat Globalisma.**



Pada November, 2002, Jabatan Pertahanan AS telah membentuk sebuah jabatan , *“Information Awareness Office”*, dengan maksud memantau seluruh jaringan komunikasi dunia. Perkara ini hanya mungkin terlaksana selepas siapnya rangkaian internet sejagat. Lihat logo di sebelah dan **mata satu** yang merupakan simbol FREEMASON.

Dengan bantuan computer-komputer canggih data dari seluruh dunia dikaji dan diberi rumusan kononnya atas alasan “menjaga keamanan dunia”.

Cengkaman ini menular hatta kepada individu-individu yang dirasakan menggugat kepentingan Amerika (dan Yahudi). Rekod-rekod seperti maklumat daripada e-mail and rekod-rekod kad kredit serta urusan bank dan maklumat perjalanan sesiapa pun di dunia ini boleh diperolehi. Sistem-sistem data negara-negara sedunia terdedah kepada pemantauan yang tidak mengenal batas sempadan demi memelihara “kedudukan Amerika sebagai Tuan kepada Empayar Global” ini.




Dunia dipaksakan kad-kad pengenalan /lesen memandu / paspot pintar supaya pemantauan secara global dipermudah , “demi keamanan dunia”.

Data-data yang diperolehi daripada jaringan maklumat internet ini boleh digunakan untuk memeras-ugut dan memastikan rakyat sedunia berperangai, berfikiran dan bercitarasa sebagaimana yang dikehendaki “masyarakat sejagat” yang pada hakikatnya norma-norma Barat yang sesat.

Masyarakat yang masih mahu mengamalkan Islam secara tradisi dituduh sebagai “tidak memenuhi tuntutan masyarakat sejagat”, dan jika tekanan tidak berjaya, ketenteraan digunakan. Peperangan yang bersandar pada jaringan maklumat yang dikongsi bersama oleh kesemua aset ketenteraan menambahkan keberkesanan operasi kepada tahap yang tidak pernah tercapai sebelum ini. Inilah **LEBUHRAYA MAKLUMAT** yang menggantikan lebuhraya Romawi kuno. Keangkuhan mereka di bumi umat Islam tidak menyembunyikan niat sebenar mereka memerangi ALLAH SWT sendiri.

Sebagaimana ALLAH SWT menjaga Ka’abah dari Abrahah begitu jugalah ALLAH SWT menjaga AGAMANYA!!! ALLAHU AKBAR!!!



Kemusnahan Empayar Romawi dan kemunculan 'Orde Baru Dunia'

Walaupun mengikut adat 'alami, sesebuah empayar itu akhirnya akan rebah jua disebabkan wujudnya faktor-faktor dalaman, namun kejatuhan empayar Romawi dalam masa yang amat singkat, iaitu diantara tahun 535-540M amatlah memeranjatkan. Kekuatan Romawi yang dapat bertahan selama hampir 1100 tahun tiba-tiba lebur dalam masa sesingkat 5-6 tahun. Dan dalam masa 4 dekad kemudian 40% daripada wilayahnya telah terlepas. Apa yang lebih musykil ialah hakikat bahawa dalam masa yang sama Romawi juga telah dilanda kebuluran dan wabak penyakit yang membunuh jutaan orang-orang Eropah. Keadaan-keadaan inilah yang menyebabkan timbulnya Zaman Kegelapan Eropah yang menjangkaui tempoh hampir seribu tahun lamanya.

Fakta-fakta sejarah yang menarik inilah yang menjadi bahan perbincangan dan perdebatan di kalangan sarjana-sarjana Barat sehinggalah pada hari ini.

Berbagai teori telah diutarakan. Antara yang paling popular ialah kemerosotan atau kelemahan kepimpinan dalaman yang membawa kepada kebinasaan Rom. Teori lain pula mengketengahkan pendapat tentang serangan-serangan gasar yang berlaku hampir serentak. Tetapi tidak ada bukti sejarah yang menunjukkan orang-orang gasar itu sepatat.

Apakah sebenarnya faktor yang menyebabkan kebinasaan empayar Romawi dalam sekelip mata sahaja? Apakah faktor yang menyebabkan orang-orang gasar yang dapat dikawal selama lebih seribu tahun, tiba-tiba menyerang kekuatan Romawi dan berhasil menang dengan mudah?

Jawapannya ialah, terjadinya suatu bencana alam yang dahsyat yang melumpuhkan terus struktur-struktur empayar Romawi. Bencana yang sama juga telah menyebabkan orang-orang gasar keluar daripada tempat-tempat asal mereka dan berperang dengan pemerintah-pemerintah Rom sehingga menyebabkan empayarnya menjadi berpecah belah. Dan yang paling menakjubkan, mengikut kajian ahli-ahli sains Barat pada masa yang sama tamaddun lain di dunia juga mengalami kerosakan yang teruk.

Seorang sejarawan Romawi pada masa itu yang bernama Zachariah daripada Mitglene telah mencatatkan beberapa kejadian bencana alam serta peristiwa-peristiwa sejarah Rom yang dahsyat diantara tahun 540-550M. Antara lain beliau menyebutkan:

“ Bermula pada tahun 535M, keadaan langit menjadi gelap sehinggakan matahari hanya secerah bulan pada tahun itu.”

“...selain daripada perkara-perkara yang mengerikan yang telah disebutkan, gempa-gempa bumi, kebuluran dan peperangan yang meluas....’.

“ Kebuluran dan peperangan-peperangan yang terjadi menyebabkan bandar-bandar dan pekan-pekan ditinggalkan dan pertanian saradiri menjadi ganti kepada kehidupan metropolitan.”

Ahli sejarahwan Romawi yang sezaman dengannya seperti Flavius Cassiodras pula menulis :

“musim panas yang dingin. Tiada bayang pada waktu tengahari dan bahang matahari pun tiada. Tanam-tanaman mati dipukul angin-angin utara (yang dingin) dan hujan tidak turun.”

Kelemahan-kelemahan fizikal manusia kerana ditimpa musibah kebuluran pada waktu itu telah mencetuskan penyakit hawar dari tikus-tikus yang merebak dan mengorbankan beratus ribu nyawa di sekeliling Eropah. Kebuluran juga menimpa negara-negara Eropah yang lain seperti Ireland, Scotland, England dan Perancis. Bandar-bandar ditinggalkan, jalan-jalan pengangkutan mengalami kerosakan-kerosakan yang teruk dan pertanian saradiri tiba-tiba menjadi penting semula.

Natijah dari iklim yang pelik itu, maka kemarau, kebuluran dan bermacam-macam penyakit telah melanda dunia secara total. Empayar Romawi yang kuat dan gemilang tumbang dalam masa yang singkat serta kehilangan hampir separuh dari wilayahnya kepada bangsa-bangsa gasar yang selama ini dapat dikawal dengan mudah.

Bangsa-bangsa gasar dari Asia Tengah seperti Mongol, Tartar, Turki dan Eropah Utara seperti Viking yang selama ini berpuas hati dengan kesantiaian hidup masing-masing sekonyong-konyong terlibat dalam kancah peperangan dengan empayar-empayar di Asia dan Eropah demi *survival* mereka.

Dalam masa yang sama sejarahwan Romawi mencatatkan keadaan di negara China seperti berikut:

“ langit menurunkan hujan debu-debu kuning (yang beracun).”

Menurut sejarahwan China;

“ salji turun pada musim panas, hujan tidak turun dan angin dingin dari utara membinasakan segala tanaman.”

Pada tahun yang sama di negara China, tercatat :

‘kesuraman matahari’ dan ‘...embun beku di musim panas yang sama mengakibatkan tanaman serba tidak menjadi dan tragedi kebuluran amat berleluasa.’

‘bintang-bintang tidak kelihatan selama 3 bulan, matahari hilang sinar, hujan tidak turun dan salji turun pada musim panas.’

Dicatatkan juga bahawa matahari hanya seterang bulan pada tahun-tahun tersebut, itupun tidak sepenuh masa. Huru-hara yang terjadi telah meruntuhkan Dinasti Shang.

Menurut catatan seorang biskop dari Syam, banyak lagi lapuran-lapuran dari berbagai tamaddun masa itu mengenai keadaan iklim dunia yang amat pelik. Kesan perubahan iklim secara global ketika itu juga dapat dikesan melalui analisa kerak airbatu di kawasan Kutub Utara serta analisa pohon-pohon yang kuno.

Kajian-kajian sejarah telah menunjukkan bahawa terjadinya peristiwa-peristiwa bencana alam yang mendadak dan bersifat global sekitar tahun 535-540M itu telah meruntuhkan aturan politik lama dan menerbitkan aturan baru iaitu aturan yang menjadi asas kepada dunia hari ini.

Zaman-zaman tersebut yang telah mencetuskan wabak-wabak penyakit yang dahsyat, kemarau-kemarau panjang, musibah kebuluran yang tragis, peperangan yang banyak, telah memporak-peranda dan menunggang-terbalikkan dunia, menumbangkan empayar-empayar lama dan menerbitkan empayar-empayar baru.

Contohnya dalam empayar Romawi sendiri, keruntuhannya telah menyebabkan kerajaan Parsi berkuasa semula untuk beberapa ketika. **Dunia Arab dibebaskan dari pengaruh Romawi dan Parsi, pada dekad-dekad selepas itu Islam terbit¹⁰⁰ dan menguasai bekas-bekas jajahan Romawi di bumi Arab dan Afrika serta keseluruhan empayar Parsi.**

Pada waktu yang sama, empayar Teotihuacan di Mexico tamat dengan tiba-tiba dan kaumnya meninggalkan cara hidup kota dan kembali bertani hingga ke hari ini. Di Afrika berlaku kekacaun yang

¹⁰⁰ Bencana alam tersebut berlaku sekitar tahun 535-540. Rasulullah SAW dilahirkan dalam tahun 570M, iaitu 25-30 tahun selepas daripada tragedi tersebut.

dahsyat. Kerajaan selatan China kuno ditakluk oleh China Utara. Kemudian China berundur daripada Jepun, mewujudkan Jepun yang merdeka.

Di Nusantara, menguncupnya pengaruh Srivijaya dan Majapahit dari banyak tempat seperti Kelantan Tua, Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera, membuka ruang bagi kemunculan bangsa Melayu.

Hentaman komet sebagai punca bencana alam?

Apakah unikinya sekitar awal pertengahan abad ke 6M sehinggakan dalam tempoh beberapa dekad sahaja seluruh dunia mengalami anjakan paradigma yang besar?

Selama ini sarjana-sarjana Barat berpendapat bahawa keadaan tersebut berlaku secara berkebetulan sahaja. Bagaimanapun baru-baru ini para saintis telah menemui data-data konkrit yang menghasilkan suatu rumusan baru mengenai punca berlakunya bencana alam yang besar dan bersifat global sehingga merubah dunia dalam waktu yang paling singkat. Rumusan tersebut telahpun diumumkan oleh para saintis di Universiti Cardiff, Britain pada bulan Februari 2004M baru-baru ini.

Apakah rumusan tersebut?

Penyebab yang dimaksudkan ialah hentaman sebuah komet atau sisa-sisanya ke atas planet bumi (hikayat China dan Itali telah menyaksikan keadaan tersebut). Hanya hentaman batuan angkasa lepas seperti komet atau tahi bintang sahaja yang mampu mendatangkan kesan global seperti yang telah terjadi pada zaman itu.

Mengikut para saintis, pada awalnya mereka berpendapat bahawa hentaman ini dihasilkan oleh sesebuah komet atau tahi bintang sahaja, namun kajian terbaru mendapati bahawa adalah lebih tepat untuk mengatakan bahawa yang menghentam bumi itu adalah serpihan kepala komet atau debu dari ekor komet besar yang melintasi perjalanan bumi di angkasa lepas.

Bukti yang paling nyata ialah kewujudan rangkaian kawah-kawah di merata tempat di mukabumi ini, iaitu kawah utama diikuti dengan kawah-kawah lain yang lebih kecil dalam jarak yang tidak begitu jauh daripada kawah utama.

Kawah komet utama yang disyaki itu telah dijumpai pada bulan Februari tahun 2003M, iaitu lebih kurang 100km jaraknya daripada

pusat empayar Romawi pagan. Mengikuti kajiselidik saintis Barat, kawah utama itu dihasilkan oleh komet yang bergerak pada kelajuan 20km sesaat.

Rumusan para saintis telah mampu menjawab teka-teki yang dicetuskan oleh catatan rekod-rekod China pada masa itu seperti berikut:

“ Naga-naga bergaduh di Kolam K’uho (sebuah buruj) dan terbang ke Barat.....kawasan-kawasan laluan mereka telah menumbangkan pokok-pokok.”

Menurut hikayat Itali pula:

“ Naga-naga bergaduh, turun dan membakar bukit dengan tempikan gegak gempita.”

Naga-naga yang dimaksudkan itu sebenarnya adalah komet yang mana serpihan-serpihannya telah menghentam bumi.

Iktibar dari peristiwa Armageddon lama

Persoalannya sekarang, bolehkan bencana yang sedemikian dahsyat berulang kembali? Perkara ini tidak difikirkan oleh ahli-ahli sains sehinggalah pada tahun 1994 apabila berlaku peristiwa hentaman komet Shoemaker-Levy ke atas planet Jupiter (Musytari). Peristiwa tersebut dapat disaksikan dengan jelas oleh balai-balai cerap di seluruh dunia pada masa itu.

Peristiwa hentaman komet Shoemaker-Levy ke atas planet Jupiter telah menyebabkan ahli-ahli sains mula mengumpul data-data dan membuat kajian. Hasil daripada kajiselidik mereka, suatu kesimpulan telah dibuat bahawa bencana-bencana zaman kuno adalah berpunca samada daripada hentaman komet, sisa-sisanya atau batu-batuan angkasa lepas yang lain. Sebagai contohnya komet Tuttle-Tempel yang melalui orbit bumi pada setiap 33 tahun akan menghujannya dengan tahi-tahi bintang yang banyak sehingga menerangi malam di sebahagian tempat di mukabumi ini. Cuma setakat ini pemerhatian kepada komet Tuttle-Tempel belum pernah lagi memperlihatkan ianya menghujani bumi dengan serpihan sisa-sisa yang besar.

Melalui kajiselidik mereka, para saintis juga berpendapat bahawa komet yang memusnahkan empayar Romawi telah juga pernah memberikan impak yang besar kepada sebuah empayar dunia kuno, iaitu

membangunkan Dinasti Shung pada tahun 1628SM dan berlaku satu lagi hentaman komet pada tahun 1159SM yang menjatuhkannya.??

Para saintis telah mengketengahkan pendapat bahawa komet yang belum dikenali ini mempunyai orbit yang menerbitkan serpihan-serpihan merbahaya yang menghasilkan bencana-bencana bumi yang bersifat global itu.

Apa yang paling memeranjatkan ialah; **mengikut kiraan mereka berkemungkinan bumi akan melintasi orbit komet tersebut pada awal kurun ke 21M¹⁰¹!** Adakah kemungkinan ini omongan kosong semata-mata? Bagi yang bersikap sinis, perhatikan fakta-fakta berikut;

Laporan daripada British Broadcasting Corporation, atau BBC bertarikh 24/02/2004 yang lalu mengumumkan bahawa bumi kita hampir dihentam batuan angkasalepas yang diberi identiti 2004AS1, yang menyebabkan ahli sains Clark Chapman hampir-hampir sahaja menelefon Presiden George Bush Jr. semasa orbitnya tidak dapat dikesan selama 9 jam!

Dalam kekelam-kabutan ini seorang saintis agensi angkasalepas menganggarkan bahawa kebarangkalian hentaman komet tersebut ialah 25%. Mereka menarik nafas lega apabila pada saat-saat akhir ahli kajibintang yang lain mendapati bahawa komet 2004AS1 tidak akan menghentam bumi. Bagaimanapun saiznya adalah sebesar 500 meter, cukup untuk merosakkan sebahagian besar daripada mukabumi ini. Apakah kiraan mereka tersilap atau inilah sebenarnya amaran Allah SWT akan bencana sebenar yang bakal menimpa!?!

Apa yang pasti, jika sabitlah ia dengan takdir Allah, maka akan terjadilah sebuah tragedi ARMAGEDDON yang bakal merubah sifir dunia yang kita kenal hari ini. Maka binasalah empayar Romawi Moden (Amerika Syarikat dan juak-juaknya), berkecailah tamaddun moden iaitu tamaddun tidak bertuhan yang menempah murka Allah itu. Diatas bangkai dan serpihan-serpihan acuan tamaddun Romawi pagan sejagat hari ini, mudah-mudahan diizin Allah untuk kebangkitan kembali umat Islam.

¹⁰¹ Menurut rumusan para saintis, peristiwa hentaman komet keatas mukabumi di masa-masa yang akan datang adalah bersifat '*not if, but when?*', iaitu '*bukan samada, tetapi bila?*' Petanda bahawa bumi akan melintasi orbit komet yang dimaksudkan itu ialah bahawa sejak akhir-akhir berlaku banyak lintasan tahi-tahi bintang yang berhampiran dengan bumi. Mutakhir ini hampir setiap 2,3 minggu ahli-ahli kajibintang telah menemui tahi-tahi bintang yang melintasi orbit bumi.



Laluan komet semasa runtuhnya Empayar Rom pada kurun ke-6 M. Pangkah-pangkah tersebut menunjukkan tempat jatuhnya sebahagian daripada serpihan-serpihan tersebut. Umpamanya Bandar Bordeaux, Perancis dihujani api dari serpihan-serpihan tersebut dan mengorbankan lebih kurang 50,000 nyawa.



Gambar lukisan di atas pada zaman itu yang menunjukkan komet dan hujan api, darah dan batu yang menimpa bandar-bandar Eropah semasa berlakunya tragedi tersebut. Sejurus selepas itu bebahan yang dilepaskan oleh 'hujan' tersebut telah mendaratkan berbagai penyakit kepada manusia dan haiwan



Salah satu daripada kawah hentaman kejadian-kejadian komet dan tahi bintang kurun ke-6 yang dijumpai hari ini berhampiran dengan bandaraya Rom. Kawah ini (tasek di-tengah) hanya di kenalpasti pada tahun 2002M.

Beginilah agaknya rupa komet atau tahi-tahi bintang tersebut apabila dinyatakan oleh seorang pencatit gereja, Gregory yang menulis “... orang-orang kampung berkata, ‘... seseolah matahari mempunyai rakan-rakan ...’ “. Apabila serpihan komet atau tahi-tahi bintang cukup besar, bebola api yang terbentuk semasa laluan mampu menandingi kecerahan matahari.



Gregory juga menulis “.... Cahaya tersebut diikuti dengan bunyi pokok-pokok tumbang yang boleh didengari sejauh 50 batu....”




Kedua gambar di sebelah kiri menunjukkan kesan jatuhnya sebuah komet kecil di Rusia tahun 1908M. Teliti pokok-pokok yang telah tumbang. Bayangkanlah pada kurun ke-6 itu, tentunya keadaan adalah lebih dahsyat.



Jika komet atau tahi bintang itu kecil sedikit ia akan meletup di udara menghasilkan musibah seperti bom nuklear. Perhatikan pada gambar letusan 1908M. Oleh kerana komet abad ke-6 itu terdiri daripada serpihan yang banyak, ada yang meninggalkan kawah dan ada yang meletup di udara tanpa kawah seperti gambar di atas .

Hentaman yang banyak, besar dan bertalu-talu telah melemahkan kerak bumi dan mampu menghasilkan banyak gempa bumi. **Gegaran-gegaran tersebut mengaktifkan gunung-gunung berapi dan boleh menimbulkan letupan gunung berapi walaupun beribu batu jauhnya.**




Hikayat Jawa kuno iaitu *Pustaka Raja* ada menyatakan “...*Gunung Kapi (proto-Krakatau) meletup dan pecah berderai dan selepas itu tenggelam kedalam perut bumi sedalam-dalamnya. Kawasan disekeliling Gunung Raja Besar (di Sumatera hari ini) dan Gunung*

Gede (di Pulau Jawa hari ini) menjadi laut (Selat Sunda) dan Tanah Jawa terbahagi dua (kepada Sumatera dan Jawa)...” Peristiwa ini berlaku dalam kurun ke-6 iaitu sezaman dengan kejatuhan komet-komet dan tahi-tahi bintang di Eropah. Menurut ahli-ahli sejarah Selat Sunda tiada di dalam catatan pelayar-pelayar Arab, India dan China sebelum abad ke-12. Rajah di atas dihasilkan oleh ahli-ahli sains Amerika mengenai kejadian tersebut. Tanda bintang-bintang bulatan menunjukkan sisa Gunung Kapi selepas puncaknya musnah dalam ledakan tersebut. Kawah yang terbentuk selepas letusan tersebut 50km garispusatnya ditenggelami air dan membentuk Selat Sunda. Tinggalan letusan tersebut adalah sisa puncak Gunung Kapi yang membentuk Pulau Karakatau dan kawahnya membentuk Gunung Karakatau.

Gunung Karakatau meletus kembali pada akhir kurun ke-19M, mengorbankan lebih 30,000 nyawa di Sumatera dan Jawa, membentuk ombak-ombak yang besar dan ganas (tsunami) yang mengorbankan nyawa hatta di pantai Sri Lanka yang letaknya 2,000 km jauhnya! Letusan tersebut boleh kedengaran dari jarak 3,000 km. Debu-debu yang dilemparkan boleh dikesan di Eropah dan mengubah iklimnya untuk beberapa lama. Selepas letusan itu Pulau Karakatau tenggelam keseluruhannya.

Cuba bayangkan kuasa letusan “Bapak Karakatau” (Gunung Kapi) yang membentuk Selat Sunda itu!!!



Gambar di atas menunjukkan taburan abu Gunung Kapi (proto-Karakatau) yang dibawa oleh angin ke seluruh dunia. Abu dari puncak Gunung Kapi yang berkecai, perut bumi serta wap air dari Selat Sunda yang baru terbentuk itu menyelubungi bumi serta menggelapkannya dan menyebabkan perubahan iklim serta suhu yang mendadak. Keadaan ini berterusan selama 10 hingga 20 tahun.

Kesan abu sedunia ini dapat dikesan melalui lapisan airbatu tua yang dikorek di Greenland, berhampiran dengan Kutub Utara yang memberikan tarikh kira-kira 535M hingga 545M . Kesan abu ini dikesan pada pokok-pokok pain kuno yang masih hidup di Amerika. Walaupun hentakan komet di lautan boleh menimbulkan abu tersebut, tetapi para ahli sains

berpendapat gabungan komet (tahi bintang) dan Gunung Berapi Kapi adalah kemungkinan yang lebih hampir.

(pen : Gunung Berapi bawah tanah Yellowstone di Amerika Syarikat yang mula aktif sejak tempoh akhir-akhir ini yang mampu menghasilkan kesan yang sama jika terkena hentaman komet).

Antara kesan sampingan yang boleh dilihat sedunia ialah keadaan malam tetap cerah walaupun matahari telah tenggelam. Ia disebabkan oleh pembalikan cahaya matahari oleh awan dan abu yang terapung (gambar bawah).



Cahaya mentari juga akan malap pada siang hari, terbit-tenggelam mentari akan menghasilkan warna-warna yang pelik. Adakah peristiwa ini yang menerbitkan nama Kelantan (kilatan) dan Terengganu (terang anu) mengikut hikayat lama?


Bencana alam global ini memadamkan terus tamaddun-tamaddun besar seperti Rom Barat dan seumpamanya dan membolehkan kuasa-kuasa baru bangkit mengisi kekosongan tersebut, umpamanya puak-puak gasar Eropah menggantikan Rom Barat .



Apakah punca terjadinya hujan komet dan tahi bintang ini? Para ahli sains berpendapat bahawa ia berlaku apabila bumi melintasi ekor sebuah komet. Komet boleh mempunyai ekor yang panjangnya menjangkau sehingga jarak lebih jauh daripada jarak antara bumi dan bulan!!!

Pada kebiasaannya jika ini berlaku, bumi akan dihujani tahi-tahi bintang seperti gambar sebelah kiri ini. Hubungkait antara hujan tahi bintang dan komet ini hanya ditemui oleh ahli-ahli sains pada tahun 2002M.

Baru-baru ini para saintis telah mula mengesyaki bahawa kesimpulan yang terbit daripada kajian-kajian tentang peristiwa-peristiwa silam tadi, bahawa mutakhir ini (selepas hampir 1500 tahun) sekali lagi **bumi sedang melalui ekor sebuah komet besar atau serpihan-serpihan sebuah komet yang telah binasa**. Sedangkan peristiwa silam jelas membuktikan bahawa hujan dari serpihan-serpihan besar tersebutlah yang telah memulakan bencana-bencana alam yang besar seperti yang banyak tercatat dalam sejarah.



Apakah tanda-tanda awal bumi sedang melintas laluan komet itu? Apabila kiraan tahi-tahi bintang yang melintas bumi pada jarak yang hampir telah meningkat dengan mendadak. Hari ini orbit bumi dilintasi oleh tahi-tahi bintang pada kadar sebiji dalam setiap 2 minggu. Contohnya seperti apa yang berlaku pada 24hb Februari 2004 (objek bulatan).


Peristiwa ‘near-miss’ pada bulan Februari 2004 ini telah benar-benar mencemaskan ahli sains British dari Pusat Pemerhatian Asteroid dan mereka hampir-hampir menelefon Presiden Amerika Syarikat George Bush. Perkara-perkara yang serupa telah juga berlaku pada tahun-tahun 1994, 2001 dan 2002.

Dengan demikian persoalan yang bermain di kepala saintis ialah “*not if but when*” (bukan samada tetapi bila)? Senator Sam Brownback , ahli Dewan Kongress Amerika Syarikat dalam kenyataannya di Dewan Kongress pada 8hb April 2004 menyebut bahawa;

“Pakar-pakar telah memberitahu kita bahawa kemungkinan untuk mati disebabkan oleh hentaman asteroid (dan komet) adalah sama risikonya dengan kematian yang disebabkan oleh kemalangan udara. Ini adalah perkara yang serius dan patut mendapat perhatian yang wajar oleh kerajaan kita (Amerika Syarikat)”.

Berhubung dengan aktiviti-aktiviti cakerawala sekitar planet bumi yang kembali ‘aktif’ semenjak tempuh akhir-akhir ini, maka pada 23hb hingga 26hb Februari 2004M ahli-ahli sains sedunia telah berkumpul dalam sebuah perjumpaan bertajuk “*2004 Planetary Defense Conference: Protecting Earth from Asteroids*” . Dalam perhimpunan tersebut mereka telah merangka rancangan-rancangan untuk memintas komet atau tahi bintang sebelum kerosakan alam berlaku. Mereka merumuskan risiko hentaman komet amat besar bagi bumi yang mana risiko-risiko hentaman ini dijangka berkemungkinan besar berlaku pada awal abad ke-21 ini.

Antara cadangan yang terbit dari persidangan tersebut adalah ;




Supaya diadakan jaringan satelit-satelit pemusnah untuk mengalihkan laluan tahi-tahi bintang (atau komet) diangkasa lepas supaya ia tidak mengenai bumi (gambar di atas) dan diadakan jaringan sistem pemantauan antarabangsa supaya seluruh langit dipantau. **Namun demikian mereka tidak menafikan bahawa untuk mengesan seluruh langit itu adalah mustahil** dan peristiwa yang berlaku pada 24hb Februari 2004 telah membuktikan bahawa tahi-tahi bintang ini boleh ‘terlepas’ dari pantauan!



Namun jika mereka tidak berjaya inilah yang boleh berlaku; Tahi bintang (atau komet) yang besar meluru ke bumi pada kelajuan 13km sesaat

Dilihat dibumi sebagai sebiji bebola api yang lebih terang dari matahari, mengeluarkan bunyi yang lebih kuat daripada pesawat jet dan mengeluarkan asap jika ianya sebuah komet.






Apabila ia mengenai bumi, ia boleh menghasilkan bebola api dan letupan yang menyerupai bom nuklear, kekuatan letupan ini boleh mencapai tahap 300,000 megaton iaitu 10 kali ganda dari kesemua stok simpanan bom nuklear sedunia!



Ia juga boleh mengaktifkan gunung-gunung berapi dan pelbagai gempa bumi. Sesetengah gunung berapi seperti Gunung Yellowstone mampu menyaingi atau lebih kuat daripada Gunung Kapi 1500 tahun lalu!

Jika ia menghentam lautan ia boleh menerbitkan ombak-ombak yang bersaiz raksaksa (atau tsunami) seperti gambar kanan yang menunjukkan bandingan saiz ombak tersebut dengan sebuah bangunan 102 tingkat di New York, Amerika Syarikat.



Ahli sains Amerika telah membuat membuat suatu gambaran akan perkara yang boleh berlaku sekiranya tahi bintang yang besar tersebut jatuh di tengah-tengah Lautan Atlantik:

Contohnya Washington DC (kira-kira 1,300km dari tempat jatuh tahi bintang). Inilah kesan yang boleh berlaku:

Tempoh dari jatuh	Kesan
Saat hentaman	EMP (denyutan elektromagnetik) <ul style="list-style-type: none">. Bekalan elektrik terputus seluruhnya termasuklah sistem bekalan, alat elektrik dan kecemasan.. Semua alat elektrik seperti lif, pagar, peti sejuk rosak.. Semua kenderaan bermotor mati.. Semua alat telefon/ telefon bimbit mati.. Semua radas radio akan mendapat bunyi bising yang kuat.
Selepas 30 saat	Bebola api <ul style="list-style-type: none">. Bahan yang mudah terbakar e.g kertas, kain dan plastik akan terbakar.
Selepas 2 minit	Gempa dan gegaran bumi <ul style="list-style-type: none">. 2 gegaran yang besar iaitu selepas 2 dan 20 minit merobohkan bangunan dan mengorbankannya melalui runtuhannya
Selepas 8 minit	Taburan abu dan sisa kawah <ul style="list-style-type: none">. Cahaya bebola api dimalapkan oleh taburan abu dan sisa menyebabkan bebola itu kelihatan sesuatu yang menyeramkan seolah-olah dunia sudah kiamat. Bulan dan bintang juga tidak kelihatan

Tempoh dari jatuh	Kesan
Selepas 1 jam	<p>Kesan-kesan lain</p> <ul style="list-style-type: none"> . Satelit-satelit musnah Lapisan ozon juga turut musnah. Bunyi hentaman seumpama gegak-gempita yang kuat akan edengaran
Selepas 1jam 40 min	<p>Gelombang gegaran hentaman</p> <ul style="list-style-type: none"> . Meranapkan mana-mana bangunan yang masih tinggal. —
Selepas 2 jam	<p>Api</p> <ul style="list-style-type: none"> . Kebakaran yang tak terkawal. Ahli-ahli bomba terhalang oleh kerosakan.
Selepas 2 jam 10 min	<p>Ombak raksaksa (TSUNAMI)</p> <ul style="list-style-type: none"> . Ombak raksaksa setinggi 500 meter akan menenggelamkan pantai timur AS dan mencetuskan banyak bencana kemusnahan yang meluas.
Selepas 1 hari	<p>Hujan asid</p> <ul style="list-style-type: none"> . Hujan akan menjadi asid dan beracun dan mengandungi bahan-bahan cemar dan berminyak. Kolam dan tasik mati dan bekalan air musnah. Air ini boleh membunuh jika diminum.
Selepas 3 hari	<p>Cuaca yang ganas</p> <ul style="list-style-type: none"> . Wap yang terbentuk daripada lautan yang menggelegak semasa hentaman akan turun semula sebagai hujan yang teramat lebat berserta dengan kilat dan guruh yang sabung-menyabung

Tempoh dari jatuh	Kesan
Untuk beberapa lama	<p data-bbox="649 399 841 427">Udara beracun</p> <ul data-bbox="649 466 1247 531" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="649 466 1247 531">. Penghidap-penghidap lelah maut. Ramai akan menderita sakit <p data-bbox="649 570 841 597">Iklm bertukar</p> <ul data-bbox="649 637 1247 733" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="649 637 1247 733">. Suhu turun 10 hingga ke 20 darjah Celcius dari biasa. Tanaman untuk beberapa tahun tak menjadi. <p data-bbox="743 772 1247 868">Jika ada sesiapa yang selamatpun, musibah kebuluran dan banyak penyakit menunggu.</p>

Bab 16

Pasca 'Armageddon' : Meniti Zaman Peralihan

Armageddon bakal merubah segala-galanya. Walaupun bukan Kiamat, tetapi malapetakanya tetap menimpakan tragedi-tragedi besar yang tidak tergambarkan kepada alam dan manusia. Kemusnahan nyawa dan harta benda yang tidak terhitung nilainya menyebabkan saki baki manusia yang terselamat dari malapetaka tersebut menjadi serba kebingungan, berkecamuk, tidak keruan dan hilang arah pedoman.

Dunia pasca Armageddon tidak akan sama seperti dahulu. Tabiat alam menjadi tunggang langgang. Aturan dunia porak peranda. Struktur-struktur masyarakat hancur lebur. Kerajaan-kerajaan dunia punah ranah dengan menguburkan sekali tamaddun moden yang kita tahu pada hari ini

Adalah sesuatu yang tragis bahawa Armageddon harus berlaku demi membebaskan manusia sejagat daripada cengkaman Tamaddun Tidak Bertuhan. Armageddon harus berlaku bagi membinasakan jaringan politik, ketenteraan, ekonomi dan media yang dikuasai dan dikawal penuh oleh Yahudi dan goyim-goyimnya. Itu sahaja yang dapat membebaskan umat Islam dari kandang pemerintahan sekularisme yang bersifat syirik serta belenggu teknologi moden sebagai 'sihir' Yahudi yang paling ampuh.

Sesungguhnya Armageddon harus berlaku supaya umat Islam dan umat kafir dapat berhadapan dalam gelanggang yang sama seperti dahulukala!

Maka pasca Armageddon merupakan era yang mana saki baki manusia yang tinggal perlu mengutip kembali semangat dan kekuatan yang hilang serta meneruskan penghidupan demi *survival* mereka. Zaman inilah yang disebut sebagai ZAMAN PERALIHAN.

Ringkasnya, Zaman Peralihan akan muncul dengan isyarat berikut, iaitu terjadinya KEMUSNAHAN TEKNOLOGI MODEN kesan daripada tragedi Armageddon yang akan membawa bersamanya tamaddun dan sistem-sistem kuffar yang membelenggu umat manusia sejagat buat beberapa kurun lamanya.

Dengan kebinasaan tamaddun moden itu, satu perkara yang amat penting akan terjadi; **iaitu manusia akan kembali mencari Tuhan.**

Ini berikutan peristiwa Armageddon yang dahsyat dan menyengsarakan itu akan menyebabkan umat manusia merasakan bahawa inilah hukuman Tuhan yang ditimpakan ke atas mereka kerana selama ini mereka telah mabuk kepayang dan bergelumang dengan kehidupan penuh maksiat dan tamaddun tidak bertuhan

Oleh itu kebanyakan umat manusia kepingin untuk mencari Tuhan, memohon taubat dan menyembahNya kembali. Maka mereka akan kembali kepada fitrah golongan masing-masing, iaitu fitrah kafir (seperti kembali kepada agama Kristian, Yahudi, Hindu dan yang lain-lain) dan fitrah Islam (Tauhid) yang diamalkan semenjak beribu tahun sebelum wujudnya dunia sekular.

Berikutan dengannya, beberapa perkara penting yang akan terjadi dalam era pasca Armageddon adalah yang bersangkutan dengan unsur-unsur ketuhanan seperti;

I. Peralihan kembali kepada Sistem Pemerintahan Beraja.

Umat Islam akan mengembalikan raja-raja Islam dan umat kafir akan mentakhtakan semula raja-raja kafir.

Kerana sistem pemerintahan beraja telah menjadi fitrah manusia dan wujud semenjak zaman Nabi Idris AS. Walaupun mempunyai banyak nama seperti Firaun, Kaisar, Maharaja, Rajah, King, Tsar, Sultan dan sebagainya, hakikatnya corak pemerintahan tetap sama, iaitu tertakluk bawah pemerintah tertinggi yang mempunyai KUASA MUTLAK dan sistem adalah bersifat WARISAN KELUARGA¹⁰².

Hampir kesemua sistem pemerintahan beraja mengambil MANDAT TUHAN, raja-raja kafir di Eropah, Jepun, China, India dan sebagainya mendakwa mereka adalah pilihan 'Tuhan' masing-masing.

Sedangkan sistem raja-raja Islam sememangnya mengambil mandat Allah dan bukan semua orang boleh menjadi raja kerana salah satu kelayakan utamanya adalah mempunyai ciri nasab mulia, lazimnya dari keturunan Nabi Sulaiman, Rasulullah SAW atau raja-raja asal sesebuah tempat itu yang kemudiannya menganuti agama Islam bersama rakyat jelata.

¹⁰² Bagaimanapun sistem Khilafah tidak semestinya bersifat warisan, contohnya Khulafa' Ar Rasyidin. Tetapi dinasti-dinasti Khilafah selepas Khulafa' Ar Rasyidin secara umumnya adalah mengikut sistem warisan. Dari segi syariat, Khalifah atau Sultan adalah dipilih oleh *ahl a-Hal wa al-'Aqd* atau pemerintah yang sebelumnya. Bermakna sistem warisan yg berpegang pada ciri keturunan mulia adalah diharuskan dan menepati ajaran Islam.

Sebuah Hadeeth Rasulullah SAW menyebut :

“Barangsiapa yang meninggal dunia tanpa menyaksikan (dalam masa hidupnya) (institusi) bai’ah (sumpah taat setia yang memberikan legitimasi kepada pemerintah umat Islam) adalah seolah-olah dia meninggal di dalam keadaan jahiliyyah.” (HR Muslim)

(Atau memberikan implikasi kematian dalam era kembalinya manusia kepada zaman jahiliyyah pra-Hijrah)

Dalam konteks Hadeeth di atas, Syeikh Abdul Al Wakil Durubi¹⁰³ berkata bahawa ketua yang dimaksudkan di sini ialah KHALIFAH atau WAKILNYA ¹⁰⁴.

Sistem demokrasi seperti yang wujud pada hari ini sebenarnya tidak ada dalam kamus sejarah pemerintahan bangsa-bangsa di zaman dahulu, kecuali pada zaman Romawi pagan. Itupun dizaman-zaman kemudian Romawi pagan tetap diperintah secara mutlak oleh kaisar-kaisarnya.

Oleh itu pasca Armageddon yang akan memusnahkan semua tiang-tiang sokongan sistem pemerintahan republik atau demokrasi akan menyebabkan umat manusia mencari-cari kembali pewaris kepada raja-raja mereka yang asal, kerana rata-rata mereka sedar bahawa peristiwa Armageddon adalah balasan Tuhan atas umat manusia yang telah menderhaka untuk sekian lamanya.

Kerana raja-raja dikaitkan dengan mandat Tuhan, maka umat manusia berpendapat bahawa raja-raja perlu dinaikkan kembali supaya tamaddun masyarakat dapat dibentuk semula, **kali ini Tuhan dan agama menjadi batu asas** kepada tamaddun yang bakal dicorakkan kembali itu. Dan raja-rajalah yang mampu melaksanakan tanggungjawab ini seperti yang terbukti dalam sejarah umat manusia.

Bagi bangsa-bangsa umat Islam pula, tidaklah sukar untuk melantik semula raja-raja mereka, kerana hanya memerlukan wilayah (tidak kiralah kecil atau besar), pengikut, alat kebesaran untuk penobatan, dan yang terpentingnya mempunyai ciri nasab keluarganya dari

¹⁰³ Beliau ialah seorang ulamak yang pernah memegang jawatan sebagai Mufti bagi Angkatan Bersenjata Negara Jordan semasa pemerintahan Almarhum Al-Malik Hussein

¹⁰⁴ Wakil Khalifah yang dimaksudkan di sini ialah Raja-Raja Islam yang mempunyai daulah-daulah mereka sendiri tetapi berpayung di bawah Khalifah sebagai Amirul Mukminin dan ketua bagi semua Raja Islam. Bagi negeri yang asalnya tiada beraja, maka Khalifah akan melantik gabenor-gabenor sebagai wakilnya.

keturunan raja yang bertabal mengikut hukum syariat¹⁰⁵. Bermakna dalam keadaan pasca Armageddon, pemerintahan raja-rajalah yang paling mudah, fitrah, Islamik dan serasi kerana sudah tidak wujud lagi ahli-ahli politik yang hidup atas dokongan kapitalis murabin dan teknologi media untuk menghidupkan propaganda mereka

Rasulullah SAW bersabda :

*“ Tegaklah pada kamu masa kenabian sampai beberapa lama yang dikehendaki Allah, maka terjadilah ia, kemudian diangkat. Kemudian tegaklah selepas itu pada kamu masa khalifah atas manhaj kenabian, maka terjadilah ia padamu beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian ia diangkat. Kemudian terjadilah padamu masa kerajaan yang menggigit (Mulkan Ad Dhudhan), maka terjadilah ia beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian diangkat. **Kemudian tegaklah selepas itu kerajaan menyeleweng (Mulkan Jabbariyyan) terjadilah ia beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian diangkat. Selepas itu tegaklah padamu Khalifah¹⁰⁶ atas manhaj kenabian, yang mengamalkan sunnah Rasul di kalangan manusia. Islam akan tersebar luas di mukabumi yang diredhai oleh penghuni langit dan bumi. Langit tidak akan meninggalkan setitis pun air hujan, kecuali ia mencurahkanya. Dan bumi tidak akan meninggalkan tanaman dan berkatnya kecuali ia akan mengeluarkannya.”*** (HR Thabarani)

Sabda baginda lagi :

“Seandainya umur dunia ini tinggal sehari sahaja, nescaya Allah akan memanjangkannya sehingga mengangkat SEORANG RAJA daripada keturunanku, yang mana perang besar akan terjadi di masa pemerintahannya, dan Islamlah yang menang. Allah tidak ingkar janji dan amat cepat hisabnya¹⁰⁷.”

¹⁰⁵ Raja-raja Islam yang tidak bertabal mengikut hukum syariat adalah yang lazimnya dinaikkan oleh pihak Barat, oleh itu tidak melalui lantikan *Ahl al-Hall Wa Al-Aqd*, atau oleh Raja yang sebelumnya, dan/atau tidak melalui proses *aqad* dan *bai'at* mengikut kaedah syariat.

¹⁰⁶ Khalifah tidak boleh memerintah semua bangsa-bangsa umat Islam yang berbagai karenah itu dengan sendirinya. Ia memerlukan raja-raja dan gabenor-gabenor untuk menolongnya memerintah. Itulah adatnya dari zaman dahulukala. Sedangkan Rasulullah SAW sendiri pun amat memuliakan raja-raja dan memerintahkan bahawa raja-raja kafir yang memeluk Islam tetapi menjadi raja, tetapi kali ini bertindak sebagai wakil Allah dan RasulNya (*zilullah fil ardh*). Ulamak akan ditugaskan untuk membimbing raja dan jemaah menteri baginda kepada corak pemerintahan Islam. Mana-mana adat kerajaan baginda yang tidak menyalahi hukum-hakam Islam tidak akan dilupakan.

¹⁰⁷ Ibnu Hajar Al-Haitamy, *'Inilah Imam Mahdi yang dinanti-nanti'*, (terjemahan oleh Hj Ahmad Muhammad Abdul Ghaffar), 1994, hlm 48

Dalam beberapa Hadeeth mengenai Akhir Zaman juga terdapat kisah mengenai raja-raja seperti Raja Syam, Raja Mesir dan Raja Hindu, sedangkan kita tahu negara-negara ini telah lama melupakan pemerintahan raja-rajanya.

II. Kembalinya golongan umarak hakikat sebagai regu yang ampuh kepada Raja-Raja Islam.

Di zaman pemerintahan raja-raja mutlak dahulukala, sebagai pemegang mandat 'Tuhan' dalam urusan pemerintah manusia, raja-raja kafir mengambil khidmat nasihat daripada para pendeta atau rahib-rahib mereka sebagai golongan yang mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai ilmu-ilmu ketuhanan.

Oleh itu pasca Armageddon yang bakal menyaksikan umat manusia berpusu-pusu mencari kembali Tuhan untuk diminta keampunan dan disembah semula akan menaikkan semula golongan pendeta dan rahib-rahib yang akan membimbingi raja-raja kafir kepada agama mereka.

Sedangkan bagi Raja-Raja Islam, golongan ulamak-ulamak hakikat akan naik semula menggantikan ulamak-ulamak moden dan suk yang selama ini bernaung di bawah perintah ahli-ahli politik sekular. Antara yang paling menonjol kepentingannya ialah ulamak-ulamak Tasawuff kerana bimbingan mereka amat diperlukan untuk menjana umat Islam yang kental bukan sahaja dalam pegangan aqidah dan syariatnya, tetapi juga mempunyai kekuatan batiniyyah yang tinggi.¹⁰⁸

Ulamak-ulamak hakikat juga amat diperlukan sebagai mempersiapkan ummah yang akan berhadapan dengan Zaman Kebangkitan dan Kegemilangan Islam ke-2 yang kemuncaknya ialah kemunculan '*Khalifah yang tertegak atas manhaj kenabian.*', iaitu zaman Imam Mahdi dan Nabi Isa AS.

III. Mencetuskan jihad fisabilillah secara besar-besaran

Selepas kemusnahan teknologi moden dan kembalinya sistem pemerintahan raja-raja mutlak, bakal menyusul ialah era pertentangan hebat diantara umat Islam dan golongan kafirun, khususnya dari kalangan umat Yahudi dan Nasrani. Di situlah letaknya peranan sebenar Raja-Raja Islam dalam era Akhir Zaman, iaitu sebagai penaung tentera jihadi sepertimana halnya pada zaman-zaman dahulu.

¹⁰⁸ Rujuk bab 26-28 dan Lampiran E dalam buku ini untuk huraian lanjut mengenai kepentingan Tasawuff/Tariqah kepada umat Islam, khususnya di Akhir Zaman nanti.

“Sesungguhnya Imam adalah laksana perisai, dimana orang-orang akan berperang di belakangnya dan menjadikannya sebagai pelindung bagi dirinya.” (HR Muslim)

Pasca Armageddon akan menyaksikan umat Islam mendapat kembali kekuatan mereka. Setelah menempuh ujian yang maha hebat, mereka akan kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, sepadu, syumul, zahir dan batin. Tumpuan yang selama ini diberikan kepada dunia moden yang penuh keseronokan, kecanggihan dan kemaksiatan itu kini beralih kepada mencari Allah dan RasulNya, meminta keampunan dan ingin mencurahkan bakti kepada usaha memartabat serta mendaulatkan semula Agama Islam di mukabumi ini.

Ironisnya, dunia yang hampir punah menguatkan kembali semangat umat Islam yang mukhlisin, kerana mereka tahu di sebalik apa yang terjadi tersembunyi hikmah Allah supaya umat Islam akan bersegera kembali kepadaNya dan umat kafir dapat ditentang seperti anak jantan semula kerana mereka sudah tidak ada teknologi moden sebagai pelindung.

Dalam Zaman Peralihan umat Islam akan dilazimkan untuk hidup dalam keadaan zuhud sepertimana keadaannya di zaman dahulukala. Dengan kemusnahan unsur-unsur kemodenan yang banyak melemahkan ruhani dan jasmani mereka, maka kini umat Islam terpaksa melatih diri zahir dan batin kepada kehidupan serba sederhana untuk *survival* mereka. Dan sejarah Islam cukup banyak membuktikan bahawa pada waktu-waktu sebeginilah umat Islam akan menjana tentera-tentera Allah yang hebat dan gagah perkasa, yang ikhlas dan ingin dipilih sebagai ahli syuhada', sebagai persediaan menghadapi jihad *fi sabilillah* sebagaimana di zaman Perang Salib. Ianya juga sebagai persiapan menghadapi ujian-ujian lain yang bakal terurai satu demi satu seperti kemunculan fitnah Dajjal dan Yakjuj Makjuj.

Di dalam sebuah athar yang pernah diucapkan oleh Sayyidina Ali Abi Thalib *karamallahu wajhahu*:

*“Maka Allah Azza Wajalla akan menghimpun sahabat-sahabatnya (Imam Mahdi) sejumlah tentera Badr dan sejumlah tentera Thalut, iaitu sebanyak 313 orang lelaki. **Seolah-olah mereka itu singa-singa jantan yang keluar dari hutan. Hati mereka ibarat kepingan-kepingan besi. Kalau mereka bercita-cita untuk memindahkan gunung nescaya mereka dapat melakukannya.** Pakaian mereka sejenis, dan seolah-olah mereka itu dari satu ibu dan ayah.”* (Dari kitab Aqdud Durar fi Akhbaril Muntazar).

IV. Umat Yahudi dan Kristian akan berhimpun di Baitul Muqaddas atau Jerusalem.

Sebagaimana umat Islam hari ini yang mula menghitung-menghitung masa kemunculan Imam Mahdi dan Nabi Isa AS seperti yang dijanjikan Allah SWT, sebilangan umat Kristian dan Yahudi juga telah mula mengira-ngira hari kemunculan Isa Al-Masih dan Al-Masih Dajjal yang mereka panggil *Anti Christ* itu.

Kepercayaan mereka bahawa Isa Al-Masih dan Al-Masih Dajjal akan muncul di kota suci Baitul Muqaddas atau Jerusalem telah menyebabkan ada di kalangan umat Yahudi dan Kristian telah mula berfikir-fikir untuk berhijrah ke kota tersebut menjelang peristiwa besar itu.

Bagaimanapun musibah Armageddon akan menjadi pencetus kepada tindakan umat Yahudi dan Kristian untuk berpusu-pusu kembali ke Jerusalem tanpa berfikir-fikir lagi kerana mereka menganggap tragedi tersebut sebagai petanda besar bahawa kemunculan kedua-dua tokoh besar Akhir Zaman ini telah benar-benar hampir¹⁰⁹. Umat Yahudi menganggap Armageddon sebagai isyarat bahawa Al-Masih akan turun mendirikan 'kerajaan tuhan' di dunia sedangkan umat Kristian pula menganggap Armageddon sebagai isyarat turunnya Isa Al-Masih yang akan membenarkan ajaran mereka.

Hakikatnya umat Yahudi dan Kristian akan berkumpul di Jerusalem sebagai rancangan atau takqdir Allah, kerana apabila Al-Masih Dajjal muncul kelak, hampir kebanyakan daripada mereka akan mendakapnya dengan gelojoh. Kemudian apabila Allah SWT menghantar Nabi Isa AS kembali ke bumi untuk membunuh Dajjal disamping menolak ajaran Kristian dan membenarkan Agama Islam, maka pada masa itu umat Kristian akan terpaksa memilih samada untuk kembali kepada Allah, Tuhan Pencipta sekalian alam, atau tetap berpegang kepada jalan kesesatan. Selepas itu Allah akan memutuskan untuk mereka berdasarkan pilihan yang dibuat. Dalam lain perkataan, orang-orang yang masih memilih kekufuran semuanya akan dibinasakan sehinggakan tidak tinggal seorang pun lagi dari kalangan mereka.

Abu Hurairah RA berkata bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

¹⁰⁹ Sedangkan umat Islam akan mencari-cari jalan untuk berhijrah ke kota Mekah kerana menantikan peristiwa pengisytiharan Imam Mahdi sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW sendiri.

“Tiada diantarku dan Isa seorang Nabi. Dan sesungguhnya Isa akan turun sesudahku. Jika kamu menyaksikannya maka kenalilah dia dengan siri-ciri ini, iaitu dia seorang lelaki yang berwajah putih kemerah-merahan, kepalanya selalu menitikkan air sekalipun tidak terkena basahan. Dia akan memerangi orang-orang yang menentang Islam, akan menghancurkan Salib, akan membunuh babi dan akan menghapuskan perpajakan. **Di saat itu Allah akan menghapuskan semua agama di mukabumi selain Islam.** Di saat itu juga Isa akan membunuh Dajjal. Isa akan berada di bumi selama 40 tahun, kemudian wafat dan semua orang Islam mensolatinnya.” (HR Abu Dawud dan Imam Ahmad)

Kesimpulannya, Zaman Peralihan mempunyai fungsi utama sebagai *muqaddimah* kepada era pemerintahan Imam Mahdi dan Nabi Isa yang berpegang kepada manhaj Nubuwwah. Zaman tersebut perlu ada sebagai mengikut *sunatullah*, kerana tidak ada perkara yang berlaku dengan sekelip mata.

Dunia ini dunia asbab. Bagaimana mungkin manusia dapat menerima kedatangan Imam Mahdi dan Nabi Isa dalam keadaan seperti sekarang ini? Rasulullah SAW sendiri, *Rahmatulill’alamin*, mengambil masa 23 tahun untuk mengubah masyarakat jahiliyyah di sekeliling baginda menjadi umat Islam yang sempurna sehingga mewujudkan golongan para sahabat yang diredhoi Allah itu. Itupun sejeurus sebelum kelahiran baginda, Allah SWT telah menakdirkan berlakunya suatu peristiwa Armageddon yang melemahkan empayar Romawi yang hebat itu sehingga menjadi lemah dan berpecah belah. Ianya dapat membantu penyebaran agama Islam sedunia kemudian tanpa menempuh banyak halangan besar.

Para sahabat RA dapat menjatuhkan empayar Romawi dan Farsi bukan dengan sekelip mata. Konstantinople sebagai pusat Romawi Kristian jatuh ke tangan umat Islam hanya selepas 600 tahun Rasulullah SAW mendapat firasat mengenai kemenangan tersebut.

Bangsa Yahudi yang dapat menguasai dunia hari ini pun mengambil masa hampir 3 kurun lebih, iaitu selepas merancangnyanya dari abad ke 18M, abad ke 20-21 barulah berhasil ikhtiar mereka dengan izin Allah jua.

Oleh itu dari penghujung era Mulkan Jabbariyyan, iaitu zaman yang kita sedang tempuh hari ini dengan berdirinya Zaman Khalifah yang tertegak atas manhaj kenabian, disitulah letaknya Zaman Peralihan yang berperanan sebagai tahap persediaan umat manusia untuk menghadapi Zaman Khalifah Al-Mahdi dan Nabi Isa AS nanti.


Bermakna penghujung era Mulkan Jabariyyan insyaAllah akan bertaut dengan Zaman Peralihan yang muncul selepas Allah memberikan keputusanNya yang dapat membantu umat Islam sejagat melepaskan diri mereka secara total dari belenggu Yahudi dan Nasrani. Dan Zaman Peralihan yang tidak lama¹¹⁰ itu akan segera bertaut dengan Zaman Imam Mahdi sebagai *muqaddimah* kepada peristiwa-peristiwa besar Akhir Zaman yang bermula dengan kedatangan Al-Masih Dajjal sebelum menyusul Nabi Isa AS untuk membunuh Dajjal dan menolak ajaran Kristian.


Sesungguhnya Zaman Peralihan merupakan takdir Allah yang berada di luar kawalan umat manusia.

Wallahu 'alam.

¹¹⁰ Bencana alam yang bakal timbul itu menghancurkan luluhkan perancangan jahat Yahudi dalam masa sekelip mata.

PERJALANAN TIGA AGAMA TERPENTING DUNIA

ABAD	ISLAM	KRISTIAN	YAHUDI
7M 	<p>Zaman Pencerahan Rahmatulill’alamin</p> <p>Rasulullah SAW, para sahabat, tabiin & taba’ tabiin (salafus soleh)</p> <p>Lahir Imam Asya’ari, Maturidi, Imam Empat Mazhab serta Syeikh-syeikh Tariqah yang muhtabarah, menghidupkan firqah AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH</p> <p>Wujud sistem khalifah sebagai Amirul Mukminin, Syarif-syarif Mekah dan para sultan serta gabenor-gabenor Islam.</p>	<p>Zaman Kegelapan</p> <p>Kristian Ortodoks</p> <p>Kemudian berpecah dua kepada Mazhab Ortodoks dan Katolik. Kemudian terus berpecah kepada Mazhab Protestan, Anglican dsbnya.</p> <p>Berpegang pada sistem Feudal, iaitu pemerintahan raja-raja Kristian. Pengaruh gereja juga amat kuat.</p>	<p>Diaspora Yahudi</p> <p>‘Umat yang berselerak’</p> <p>Membuat fasad dan onar kepada Agama Kristian, memecah belahkan agama Kristian dan sistem Feudal Eropah melalui perantara ekonomi ribawi, propaganda media & makar yang merupakan kelebihan Yahudi</p>
19 M	<p>Zaman Fitnah</p> <p>Sekularisme, Liberalisme, ekonomi ribawi yang memudaratkan ummah.</p> <p>Fitnah firqah-firqah sesat yang bertopengkan modenisme, memecahkan 4 Mazhab kepada ‘1000 Mazhab’. Umat Islam mengalami pecah belah yang hebat.</p> <p>Pemerintahan Islam digantikan dgn sistem sekular</p>	<p>Zaman Tamaddun Tidak Bertuhan</p> <p>Lahir Sekularisme, Humanisme, Liberalisme, Ateisme, Kapitalisme dsbnya.</p> <p>Gereja dan monarki Eropah hilang pengaruh dan kekuasaan. Umat Kristian berpecah belah, bersatu dalam TAMADDUN TIDAK BERTUHAN</p>	<p>Zaman Gemilang</p> <p>Illuminati dan Freemasonri adalah nama yang sinonim dengan agenda Yahudi Zionis.</p> <p>Sekularisme dan Ekonomi Ribawi mentakhtakan Yahudi di dunia. Bersatu-padu melaksanakan AGENDA ZIONISME</p>

ABAD	ZAMAN PERALIHAN (INSYAALLAH)		
21 M 	TAKDIR ALLAH YANG TIDAK TERTOLAK LAGI SEBAGAI BALA BAGI GOLONGAN KAFIRUN DAN KAFFARAH BAGI UMAT ISLAM SEDUNIA		
	ISLAM	KRISTIAN	YAHUDI
	<p>Kehancuran Teknologi & Ekonomi Ribawi</p> <p>Bebas dari cengkaman Modernisme & Sekularisme (alat kawalan & kekangan Yahudi & Kristian atas ummah)</p> <p>Umat Islam mencari Hak & Kebenaran</p> <p>Kembali ke zaman Pra Sekularisme. Dan sistem Beraja.</p> <p>Menunggu Imamul Mahdi dan Nabi Isa</p>	<p>Kehancuran Teknologi & Ekonomi Ribawi</p> <p>Kehancuran teknologi militer, pengangkutan & media propaganda yg menghilangkan taring dan dominasi Barat dan Kristian</p> <p>Umat Kristian membuat <i>'soul searching'</i></p> <p>Kembali ke zaman Pra Sekularisme dan . sistem Beraja.</p> <p>Menunggu 'Jesus' (Nabi Isa)</p>	<p>Kehancuran Teknologi & Ekonomi Ribawi</p> <p>Kehancuran sistem-sistem moden yang melumpuhkan kekuatan, dominasi & kemakaran Yahudi</p> <p>Umat Yahudi kehilangan taring & makarnya.</p> <p>Menunggu Al-Masih Dajjal</p>
	ZAMAN IMAM MAHDI, NABI ISA & DAJJAL		
	<p>Kembalinya era pimpinan 'Khalifah Yg Tertegak Atas Manhaj Kenabian'</p> <p>Jihad fisabilillah sedunia.</p>	<p>Sebahagian umat Kristian akan memeluk Islam selepas kembalinya Nabi Isa AS ke bumi</p> <p>Yang masih tidak beriman akan diperangi.</p>	<p>Akan bersama Dajjal membuat kerosakan. Kemudian akan dibinasakan oleh Nabi Isa, IM & umat Islam kecuali yang telah beriman.</p>

TimeLine Agama Islam

- (abad ke 6-15M). Zaman Kebangkitan & Kegemilangan Islam I
- (abad ke 15-20M). Kemunculan falsafah Sekularisma dan Liberalisme yang ingin membawa kembali masyarakat Eropah kepada zaman Romawi pagan yang gemilang. **Menaikkan bangsa-bangsa Barat dan melemahkan bangsa-bangsa umat Islam yang mendakapnya**
- (1990)-Kemunculan Orde Baru Dunia (versi Yahudi dan Kristian). **Kita disini**
- (Abad ke 21M)- ARMAGEDDON ??
- Kemunculan ZAMAN PERALIHAN. Orde Baru Dunia yg dibuat oleh tangan ALLAH sendiri. Iaitu kenaikan sistem raja-raja sebagai muqaddimah kepada sistem Khalifah atas manhaj Nubuwwah. Zaman Kebangkitan Islam yang ke-2
- Kemunculan Imam Mahdi, Al-Masih Dajjal dan Isa Al-Masih. Perang sabilillah diantara umat Islam dengan semua musuh-musuh Allah. Sebilangan orang-orang kafir akan beriman dan berjuang bersama-sama umat Islam setelah turunnya Nabi Isa AS membatalkan agama Kristian. Kebinasaan Dajjal, orang-orang Yahudi dan pengikut-pengikutnya yang kafir oleh Nabi Isa, Imam Mahdi dan seluruh umat Islam.
- Zaman Kegemilangan Islam ke-2 yang tertegak atas manhaj kenabian

Bab 17

Kemunculan Imam Mahdi Sebagai Pemula Alamat Besar Akhir Zaman

Topik ini ditujukan khas bagi mereka yang ingin mengetahui mengenai kisah-kisah Akhir Zaman mengikut turutannya seperti yang disebutkan dalam kitab Al-Quran dan Hadeeth Rasulullah SAW. Ianya diambil terus dari buku karangan penulis yang bertajuk "*Ahlul-Bait Rasulullah SAW, Dinasti Melayu dan Akhir Zaman*".

Pada hari ini dengan kebanyakan dari tanda-tanda kecil Akhir Zaman telahpun terzahir dan disempurnakan, maka kita sebagai umat Islam haruslah bersiap sedia kerana dunia bakal dikejutkan dengan peristiwa-peristiwa besar yang berada di luar kawalan kita.

Peristiwa-peristiwa besar ini muncul dengan membawa musibah hebat yang bakal menggemparkan umat manusia keseluruhannya seperti yang tidak pernah disaksikan sebelum ini, yang bukan sahaja bakal meregut tamaddun moden yang sudah menjadi kelaziman kita sebagai umat Akhir Zaman, malahan bakal menguji iman dan aqidah kita yang menggetarkan para sahabat sendiri apabila dikhabarkan oleh Rasulullah SAW mengenainya. Semoga Allah memberikan kita kekuatan untuk mengharungi zaman serba pancaroba ini.

Muqaddimah kepada peristiwa-peristiwa Akhir Zaman sebenarnya telahpun dizahirkan, iaitu dalam bentuk suatu era pergolakan yang panjang di mukabumi ini, dimana peranan utamanya dipegang oleh kaum Yahudi dan Kristian di satu pihak, dan umat Islam di pihak yang bertentangan.

Ianya bermula sekitar awal abad ke 20 Masihi, dengan beberapa tragedi simbolik yang melanda ummah seperti kejatuhan Dinasti Othmaniyyah yang telah memerintah empayar Islam selama lebih 600 tahun dan menjadi pusat khalifah umat Islam sedunia. Dalam waktu yang sama, pemerintahan 2 Haramain iaitu kota suci Mekah dan Madinah terlepas dari genggaman ahlul-bait Rasulullah SAW yang merupakan penguasa tradisinya selama lebih 800 tahun.

Dalam pertengahan kurun ke 20 Masihi, suatu lagi tragedi besar telah melanda dunia Islam, dimana wilayah Baitul Muqaddas pula jatuh ke tangan Yahudi Zionis apabila mereka berkumpul dan mendirikan Negara (haram) Israel di situ selepas lebih 2000 tahun ditakdirkan Allah menjadi 'umat yang berselerak' dan tiada bernegeri.

Selepas Perang Dunia Pertama, buat pertama kalinya juga dalam sejarah umat Islam, pemerintahan Raja-Raja Islam telah ditumbangkan satu persatu dan digantikan dengan sistem pemerintahan yang berasaskan konsep yang dipraktikkan oleh masyarakat Romawi pagan. Persempadanan negara-negara Islam diwujudkan, semangat keagamaan yang kukuh dan *ukhwah Islamiyyah* digantikan dengan semangat nasionalisme.

Pada akhir abad ke 20 Masihi pula, dengan berakhirnya Perang Dingin diantara dua kuasa besar dunia, iaitu Republik Amerika dan rejim komunis Russia, maka susulan darinya bermulalah suatu era baru. Dengan dipelopori dan ditaja oleh persekutuan Yahudi dan Nasrani, suatu rancangan untuk menghancurkan umat Islam secara besar-besaran telah dipersepakati.

Maka dengan terlerainya ikatan kerohanian ummah dengan *Syarif-Syarif* di Mekah, terlupusnya Khilafah Islamiyyah apabila Dinasti Othmaniyyah tersungkur di kaki Barat, pemerintahan Daulah-Daulah Islamiyyah sedunia digantikan dengan sistem-sistem pemerintahan yang berfalsafahkan Agama Kenegaraan yang mensyirikkan Allah, maka terdedahlah ummah sejagat kepada berbagai jenis tekanan dan penindasan golongan kafirun.

Sesungguhnya, di sebalik musibah besar yang melanda umat Islam hari ini sebenarnya tersembunyi seribu hikmah. Di sebalik kisah-kisah tekanan dan penindasan yang bersambung-sambung dikenakan atas mereka di merata tempat di dunia ini, Allah SWT telah menjanjikan kemunculan era kebangkitan dan dominasi ummah. Dan apakala terbitnya era yang penuh rahmat itu, ia menandakan bermula suatu lagi episod Akhir Zaman yang belum pernah dialami oleh umat Islam sebelum dari masa ini, berbeza dengan keadaan sebelumnya yang penuh pergolakan diantara umat Islam dengan umat kafirun.

Qurrah bin Iyas berkata bahawa Rasulullah SAW telah bersabda :

“Bumi akan dipenuhi kedurjanaan dan kekejaman. Ketika itu, Allah mengutus seorang lelaki dari umatku yang namanya seperti namaku, nama bapanya juga seperti nama bapaku, ia memenuhi bumi dengan keadilan dan saksama sebagaimana bumi dipenuhi kedurjanaan dan kezaliman. Ketika itu langit tidak menahan sedikit pun hujannya dari turun, dan bumi tidak menahan sedikit pun tumbuhan dari tumbuh. Ia bersama-sama kamu selama tujuh atau lapan atau sembilan yakni tahun.”

Masa kegemilangan dan keberkatan ini kemudiannya disusuli dengan era yang disebut ‘Masa Terakhir Mutlak’, dimana sudah

sampailah alam ini ke penghujung usianya, dan sebentar lagi bakal ditautkan dengan peristiwa tiupan sangkakala oleh Malaikat Israfil AS, menandakan tamatnya dunia dan seisinya dan bermulalah zaman akhirat yang kekal untuk selama-lamanya.

Berdasarkan daleel-daleel Quran dan Hadeeth Rasulullah SAW, marilah sama-sama kita meneliti Alamat-Alamat Besar Akhir Zaman yang dikatakan bermula semenjak kemunculan Imam Al-Mahdi. Penobatannya adalah dalam masa tempuh penguasaan kaum Yahudi dan Nasrani atas penduduk mukabumi ini telah sampai ke kemuncaknya.

Apabila kaum Yahudi dan Nasrani menjadi penguasa-penguasa dunia, dikatakan seorang lelaki dari keturunan Abu Sufyan akan lahir di Syria dan membunuh ramai ahlul-bait Rasulullah SAW dan menguasai Syria dan Mesir. Selepas itu terjadi suatu peperangan sengit diantara kaum Nasrani dengan kaum Muslimin dimana umat Islam akan menemui kekalahan. Semasa itu tanda-tanda kedatangan Imam Mahdi telah banyak muncul dan umat Islam sedunia mula mencari-carinya kerana sudah tidak tahan dengan keadaan dan penderitaan yang mereka alami.

Berdasarkan pegangan pada kemunculan Imam Mahdi sebagai peneraju era kebangkitan ummah serta khalifah bagi Daulah Islamiyyah akhir zaman seperti yang disebut dalam banyak Hadeeth Rasulullah SAW, umat Islam mula menanti-nanti dan mencari-cari Imam Mahdi. Namun Allah SWT tidak akan menzahirkannya sebelum sampai masa yang ditakdirkan.

Dan apabila sampai masa tersebut Imam Mahdi akan muncul di kota suci Mekah membuat tawaf di sekeliling Kaabah. Dikatakan ia akan dikenali oleh sebilangan ulamak semasa berada di antara Hajarul Aswad dan Maqam Ibrahim. Beliau akan diminta untuk menerima bai'ah mereka sebagai Khalifah. Pada mulanya ia enggan menerima bai'ah itu tetapi terus didesak oleh alim ulamak di situ sehingga akhirnya ia terpaksa menerimanya. Selepas kejadian ini, suatu seruan dari langit akan didengari oleh kesemua yang berada di situ dan juga oleh umat Islam dimana-mana pun di dunia ini. Suara itu akan menyeru :

“ Inilah Khalifah Allah – Imam Al-Mahdi, oleh itu ikutilah dia.”

Selepas peristiwa bai'ah ini, maka bermulalah tanda-tanda besar Hari Kiamat. Dengan berita kemunculan Imam Mahadi dan bai'ah yang dibuat kepadanya, tentera Islam dari Madinah akan pergi ke Mekah. Pengikut-pengikutnya dari Syria dan Yaman akan bergabung untuk membantunya. Setelah itu Allah SWT mengutuskan kepadanya tentera dari Khurasan dengan panji-panji hitam mereka.

Dengan bantuan tentera-tentera Islam dari seluruh dunia, Imam Mahdi akan berperang *jiḥād fi sabilillah* dengan semua musuh-musuh Islam sehingga menemui kemenangan yang padu. Dalam sebuah Hadeeth dikatakan Allah SWT akan menghantar bantuan melalui khidmat 3000 MalaikatNya. Selepas kemenangan Imam Mahdi, ia akan mula mentadbir pemerintahan umat Islam sedunia dengan penuh keadilan dan bijaksana.

Kemunculan Dajjal antara Syria dan Iraq menjadi satu lagi episod yang perlu ditempuhi oleh umat Islam sedunia apabila sampai waktunya. Kedatangannya adalah dalam masa pemerintahan Imam Mahdi. Dajjal pada mulanya mengaku-ngaku sebagai Nabi dan akan pergi ke Asfahan dimana tujuh puluh ribu kaum Yahudi akan bergabung dengannya. Kemudian ia akan mengisytiharkan dirinya sebagai Tuhan.

Kemana saja ia pergi kaum kuffar akan menjadi pengikut setianya sehingga ia sampai di luar sempadan kota suci Mekah. Bagaimanapun ia tidak dapat masuk kerana Mekah telah dilindungi oleh para Malaikat. Lantas Dajjal pergi pula ke Madinah. Di sana pun ia tidak dapat masuk. Kemudian ia akan menggoncang dan mengegar kota Madinah sehingga terjadi gempa bumi sebanyak tiga kali. Sesiapa di kalangan penduduk Madinah yang lemah imannya akan menyerahkan diri mereka pada Dajjal. Dikatakan kedatangan Dajjal adalah untuk tempuh selama 40 hari. Sebuah Hadeeth dari An-Nuwas bin Sam'an menyebut:

“Kami bertanya :” Wahai Rasulullah, berapa lamakah tinggalnya Dajjal di mukabumi ini?”. Baginda menjawab:” Empat puluh hari, (dimana) satu hari di waktu itu menyamai setahun, satu hari seperti sebulan, sehari sebagaimana satu Jumaat, semua hari (waktu itu) sama dengan hari-harimu (sekarang ini)” Kami bertanya lagi :”Wahai Rasulullah, sehari yang menyamai setahun itu adakah cukup solat dengan sekali saja dalam sehari?” Baginda menjawab: ” Tidak, hendaklah kamu perkirakan (solat itu) untuk satu hari itu sesuai dengan ketentuannya yang berlaku.”

Selepas Dajjal bermaharajalela melakukan kezaliman dan mengepung orang-orang beriman, maka pada suatu hari semasa azan Subuh, di waktu itu Imam Mahdi dan para pengikutnya sedang bersiap untuk mengerjakan solat, mereka akan ternampak Nabi Isa AS turun dari langit dengan ditemani oleh dua Malaikat. Nabi Isa berjumpa dengan Imam Mahdi dan menyatakan ia dihantar kebumi sebagai menzahirkan janji Allah SWT untuk membunuh Dajjal.

Kemudiannya Dajjal akan dibunuh oleh Nabi Isa AS di sebuah tempat bernama ‘Babu Ludd’ berdekatan Baitul Maqdis. Dalam tempuh itu juga kaum Muslimin akan membunuh saki baki orang kafir yang

masih ada di mukabumi ini sehingga dengan izin Allah SWT, tiada lagi seorang pun di kalangan mereka yang tinggal .

Selepas beberapa waktu, Imam Mahdi pun wafat dan pemerintahan umat Islam akan diambil alih oleh Nabi Isa AS. Kemudian muncul pula makhluk Yakjuj dan Makjuj yang memakan apa sahaja ciptaan Allah SWT di mukabumi termasuklah binatang dan manusia, yang bernyawa mahupun bangkai. Dalam masa ini Nabi Isa AS dan kaum Muslimin akan berlindung di gua Toor atas perintah Allah SWT. Setelah habis tempuhnya, Allah SWT akan menghapuskan Yakjuj dan Makjuj dan keluarlah kaum Muslimin dari tempat perlindungan mereka di gua. Selepas beberapa tahun memerintah, Nabi Isa pun wafat dan dikebumikan di makam Rasulullah SAW. Di kala itu bumi penuh berekah dan akan dipimpin oleh raja-raja yang adil dan bertaqwa.

Masa keberkatan ini akan beralih pula pada suatu masa yang dikatakan sebagai masa penamat usia alam ini. Kebaikan akan bertukar menjadi kemungkaran sehingga tak terbendung. Dalam masa ini, dikatakan pada suatu hari, langit akan dilitupi kabus yang kemudiannya turun ke bumi. Mereka yang masih beriman akan mendapat sedikit kesakitan, orang-orang kafir pula akan pengsan. Kabus ini berlaku selama 40 hari.

Setelah itu pada suatu hari umat manusia mendapati malam berlalu begitu panjang sehingga anak-anak menjadi keletihan dan resah kerana asyik tidur, pedagang-pedagang menjadi keliru dan binatang-binatang ternakan mula bising kelaparan kerana tidak dibawa keluar meragut rumput. Malam yang berpanjangan itu tempuhnya tiga hari berturut-turut, mengakibatkan ketakutan dan panik, kemudian barulah kembali siang, tetapi kali ini matahari muncul dari arah barat dengan menyinarkan cahaya yang malap. Selepas itu, matahari akan meninggi sehingga tengah hari dan kembali seperti biasa, iaitu terbit di timur dan tenggelam di barat.

Peristiwa ini merupakan titik noktah, atau penamat bagi penerimaan taubat dan pengakuan kembali pada keimanan oleh umat manusia. Maksudnya, selepas dari peristiwa munculnya matahari dari arah barat, Allah SWT tidak akan lagi menerima sebarang taubat dari hamba-hambanya .

Beberapa hari selepas kejadian ini terjadi gempa bumi yang membelah bukit Safa dan satu makhluk aneh yang bernama Daabatul Ardh akan muncul darinya dan akan bercakap dengan umat manusia. Ia akan mendatangi seluruh pelosok mukabumi dengan pantas dan akan menandakan dahi kaum Muslimin dengan *Asa-e-Musa* (tongkat Nabi

Musa) yang akan menerangi wajah-wajah mereka. Pada hidung dan leher kaum kafir akan ditanda dengan tanda hitam dari cincin Nabi Sulaiman AS yang akan menggelapkan wajah-wajah mereka. Selepas melakukan tugasnya, makhluk aneh tersebut akan hilang.

Selepas itu angin segar dan nyaman akan bertiup dari utara yang mengakibatkan kematian umat Islam sedunia sehingga tidak tinggal seorang pun lagi diantara mereka. Selepas kematian umat Islam, muncul pula puak Habsyi yang menguasai dunia dan menamatkan ibadat Haji serta menghancurkan Kaabah. Quran hilang dari hati dan kitab-kitab. Pemerintahan penguasa kuffar dari Habsyah ini berlaku untuk tempuh selama tiga atau empat tahun.

Selepas itu terjadilah peristiwa keluar api dari bumi Yaman yang akan menghalau manusia keseluruhannya sehingga ke tempat masyar mereka (tempat berhimpun manusia sebelum dibinasakan pada Hari Kiamat). Akhirnya sampailah masa ketentuan Allah SWT. Diriwayatkan pada suatu hari Jumaat, sepuluh Muharram, apabila umat manusia sedang leka dengan urusan dan kehidupan harian mereka, tiba-tiba terdengar bunyi sangkakala. Mulanya lembut dan perlahan, tetapi lama kelamaan menjadi begitu kuat dan lantang sehingga manusia panik, merasa tidak tentu arah dan serba ketakutan.

Dikatakan dahsyatnya Hari Kiamat itu, bagaimana umat manusia dapat menyaksi, mengalami dan merasakan dengan seluruh pancaindera mereka akan keadaan langit yang runtuh, pecah berderai menjadi abu yang berterbangan jatuh ke bumi. Bintang-bintang berhamburan, gelombang di lautan mengganas, gunung-ganang dan bukit bukau pecah terbelah dan berlaga antara satu sama lain. Dikatakan di waktu itu ibu yang mengandung akan terus melahirkan bayinya dan ibu yang menyusui anak akan terlupakan anak yang disusunya. Manusia keseluruhannya begitu kaget, terperanjat, gerun dan takut sehingga akhirnya menemui ajal mereka bersama-sama kehancuran langit dan bumi serta seluruh isi perutnya.

Dengan berakhirnya peristiwa Hari Kiamat, maka bermulalah Alam Akhirat yang dimulakan dengan peristiwa Hari Hisab dimana Allah SWT sendiri menjadi Hakim di mahkamahNya yang akan mengadili buruk baik hamba-hambaNya semasa hayat mereka di dunia.

Semoga Allah SWT melindungi kita dari penghisaban yang keras dan memilih kita di kalangan hamba-hamba yang diredhoiNya.

Beberapa Daleel Quran & Hadeeth Mengenai Tanda-Tanda Besar Akhir Zaman

Kedatangan Dajjal

Rasulullah SAW bersabda :” *Sejak Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS sampai ke Hari Kiamat nanti tidak ada satu ujian pun yang lebih dahsyat daripada Dajjal .*”
(HR Muslim)

Sabda Rasulullah SAW lagi :” *Sesungguhnya seandainya Dajjal itu muncul pada zaman kamu (zaman Tabiin) nescaya budak-budak akan melemparnya dengan batu, tetapi ia akan muncul disaat bilangan umat Islam yang kuat beragama itu hanya sedikit dan pengetahuan agama pun sangat sedikit dan orang ketika itu hidup dengan tidak mempedulikan nasib saudaranya yang seagama.*” (HR Al-Hakim)

Turunnya Isa ibnu Maryam AS.

“ *Akan sentiasa ada segolongan dari umatku yang tampil membela kebenaran hingga datangnya Hari Kiamat.*” Kemudian, sabda baginda selanjutnya; ” *Akan turun Isa ibnu Maryam, lalu pemimpin mereka (Al-Mahdi) berkata, ‘Marilah solat mengimami kami.’Lalu Isa menjawab;’Tidak! Sesungguhnya sebahagian kamu adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain, sebagai penghormatan dari Allah.’* “ (HR Sahih Muslim)

“ *...Orang kafir tidak dapat menghidu angin nafas Nabi Isa AS. Kalau dia terhidu dia akan mati sedangkan nafas Nabi Isa itu dapat dirasakan dari jarak sejauh mata beliau memandang.*” (HR Muslim)

“*...Maka Nabi Isa AS akan menjadi pemerintah yang adil dan pemimpin yang lurus, mematahkan salib, membunuh babi, menghapuskan jizyah dan meninggalkan zakat.* “ (HR Ibnu Majah)

Keluarnya Bangsa Yakjuj dan Makjuj

“*...Lalu Allah melepaskan Bangsa Yakjuj dan Makjuj. Mereka kelihatan turun dari setiap tempat yang tinggi dengan bersegera membuat kerosakan. Maka kumpulan yang pertama di kalangan mereka akan melalui tasik ‘Thabariyyah’ (sebuah tasik di utara Palestin) lalu mereka meminum keseluruhan air yang ada di dalam tasik itu, sehingga apabila kumpulan berikutnya datang ke tasik itu mereka berkata:’ Sesungguhnya sebelum ini di sini ada banyak air.’*” (HR Muslim)

Allah SWT pernah berfirman yang maksudnya : “ Mereka berkata; Hai Zulkarnain, sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj itu adalah orang-orang yang membuat kerosakan di mukabumi, maka dapatlah kami memberikan suatu pembayaran kepada kamu membuat dinding antara kami dengan mereka?’. Zulkarnain berkata:’ Apa yang telah dikuasakan oleh Tuhanku kepadaku terhadapnya adalah lebih baik, maka tolonglah aku dengan kekuatan (manusia dan alat-alat), agar aku membuatkan dinding antara kamu dan mereka.” (Al-Kahfi : 94-95)

Dari Ummu Habibah binti Abi Sufyan dari Zainab binti Jahsy bahawa Rasulullah SAW pernah datang ke rumahnya dengan tergopoh-gapah sambil bersabda:“*Laa ilaaha illallah, tiada Tuhan selain Allah, celakalah bangsa Arab kerana kejelekan telah dekat. Pada hari ini dinding Yakjuj dan Makjuj telah terbuka sedikit seperti ini “, lalu baginda melingkarlingkar ibu jari dan telunjuknya. Zainab bertanya:’ Wahai Rasulullah, apakah kami akan binasa padahal diantara kami masih ada orang-orag yang soleh?’ baginda menjawab:’ Ya, apabila keburukan telah banyak bermaharajalela.”* (HR Bukhari dan Muslim)

Munculnya era keberkatan

“Maka hilanglah segala sifat permusuhan dan benci-membenci di kalangan manusia dan hilanglah segala bisa dari keseluruhan binatang yang berbisa sehingga anak kecil memasukkan tangannya ke dalam mulut ular maka ular itu tidak menggigitnya dan tidak ada apa-apa kemudharatan. Anak kecil boleh bermain dengan singa, bahkan serigala yang biasanya menerkam kambing akan terbalik seakan-akan anjing pemeliharaannya. Bumi ini akan dipenuhi keamanan dan keselamatan seperti mana dipenuhi suatu bejana dengan air. Pendapat akan menjadi satu (tidak ada perselisihan antara umat) dan tidak disembah kecuali Allah dan segala peperangan akan berhenti dan orang Quraisy akan kembali memegang tampuk kepimpinan (seperti Imam Mahdi).”
(HR Ibnu Majjah)

“ Dari kalangan umatku ada al-Mahdi yang memerintah selama tujuh tahun atau lapan tahun atau sembilan tahun, ketika itu umatku hidup merasai nikmat yang belum pernah mereka nikmati sebelum itu, langit menurunkan hujan, bumi tidak lokek mengeluarkan tumbuh-tumbuhan, wang bertimbun-timbun, seorang lelaki akan berkata: Wahai Mahdi, berikan aku. Mahdi menjawab: Nah! Ambillah!”

Matahari terbit dari barat

“Tidaklah akan datang Kiamat sehingga matahari terbit dari tempat tenggelamnya (dari barat). Apabila matahari terbit dari barat, maka orang-

orang pun melihatnya, lantas mereka beriman seluruhnya. Maka itulah saat ketika iman seseorang tidak lagi bermanfaat bagi dirinya yang belum beriman sebelum itu atau belum mengusahakan kebaikan dalam masa imannya.” (HR Bukhari & Muslim)

“Sesungguhnya akan datang suatu malam kepada manusia, yang berpanjangan menyamai tiga malam seperti malam yang kamu hadapi sekarang ini. Jika sudah terjadinya keadaan demikian merasa tidak perlu mengetahuinya secara teliti seperti malam-malam sebelum itu, dimana salah seorang dari mereka yang bersedia untuk solat iu sentiasa berzikir kemudian tidur dan kemudian dia solat lagi. Pada masa itulah di sekelilingnya kebanyakan manusia yang beraneka ragam bentuknya. Sebahagian dari mereka itu ada yang solat Subuh kemudian dari itu ada yang solat Subuh kemudian dia duduk. Pada saat duduknya mereka itulah terbit matahari dari barat dan keadaan manusia saling berteriakan kebingungan, iaitu ketika matahari sudah berada di tengah-tengah langit, kemudian ia kembali lagi ke tempat terbitnya semula (iaitu arah barat), kemudian Rasulullah SAW meneruskan sabdanya lagi: ‘ Pada hari itu tiada berguna iman seseorang pada dirinya dimana ia belum beriman sebelum itu.’ ”

“ Sesungguhnya Allah membuat pintu di barat yang luasnya sejauh perjalanan tujuh puluh tahun untuk menerima taubat (pintu taubat) yang tidak ditutup sehingga matahari terbit dari arah sana, dan inilah yang dimaksudkan dengan Firman Allah (maksudnya): ‘ Pada hari ketika telah datang sebahagian ayat-ayat Tuhanmu tidaklah berguna iman seseorang bagi dirinya yang belum beriman sebelumnya.’ ” (HR At-Tarmizi)

Keluar makhluk Daabatul Ardh dari perut bumi

“Bersegeralah kamu semua untuk beramal (sebelum datangnya) enam perkara ; Dajjal, Dukhan, Daabatul Ardh, terbit matahari dari barat, Hari Kiamat , ajal maut.” (HR Muslim)

“Sesungguhnya permulaan tanda-tanda (besar) Hari Kiamat ialah, keluarnya matahari dari barat dan keluarnya Daabah di tengah manusia di waktu Dhuha.” (HR Muslim)

“Daabah itu akan keluar dengan membawa tongkatnya Nabi Musa dan cincinnya Nabi Sulaiman, maka menjadi terserlahlah wajah orang kafir sehingga orang-orang yang tidak jujur itu berkumpul dan mengatakan: ‘ Kerana inilah (tanda) wahai orang kafir dan kerana ini pula wahai orang-orang mukmin.’ ” (HR Ahmad)

Kabut Dukhan

“Sesungguhnya Rabb kamu telah memperingatkan kamu akan tiga perkara, iaitu; kabut yang akan menimpa orang mukmin bagaikan penyakit selsema dan menimpa orang kafir lantas menghembusnya hingga keluar dari setiap pendengarannya.....”

(HR Ibnu Kathir dan Ath-Thabari)

Firman Allah SWT yang maksudnya : *“ Maka tunggulah hari ketika langit membawa kabut yang nyata, yang meliputi manusia. Inilah azab yang pedih.”* (Ad-Dukhan : 10-11)

Al-Quran diangkat ke langit

Daripada Huzaifah RA berkata: “Rasulullah SAW bersabda:

’ Islam akan luntur seperti lusuhnya corak pada pakaian (bila telah lama dipakai), sehingga (sampai satu masa nanti) orang sudah tidak mengerti apa yang dimaksudkan dengan puasa, dan apa yang dimaksudkan dengan solat, dan apa yang dimaksudkan dengan nusuk (ibadat) dan apa yang dimaksudkan dengan sedeqah. Dan Al-Quran akan dihilangkan semuanya pada satu malam sahaja, maka (pada esok harinya) tidak tinggal di permukaan bumi daripadanya walaupun hanya satu ayat. Maka yang tinggal hanya beberapa kelompok dari manusia, diantaranya orang-orang tua, laki-laki dan perempuan. Mereka hanya mampu berkata :’ Kami sempat menemui nenek moyang kami memperkatakan kalimat ‘Laila haa ilallah’, lalu kami pun menuturkannya juga. Maka berkata Shilah (perawi Hadeeth daripada Huzaifah),’Apa yang dapat diperbuat ‘Laila haa ilallah’ (apa menfaatnya kalimah itu?) terhadap mereka, sedangkan mereka tidak memahami apa yang dimaksudkan dengan solat, puasa, nusuk dan sedeqah? Maka Huzaifah menjawab,’Kalimah itu akhirnya dapat menyelamatkan mereka setelah mengalami siksaan api neraka”: (Huzaifah memperkatakan jawapan itu tiga kali). (HR Ibnu Majjah)

Ka’abah diruntuhkan

“Ka’abah akan dihancurkan oleh orang Habsyah yang bergelar ‘Dzus-Suwaiqatain’ (orang yang kedua-dua betisnya kecil) dan ia akan merampas segala perhiasannya dan melucutkan kelambunya (kain kiswa Ka’abah). Seakan-akan terbayang di hadapan mataku keadaan seorang yang botak, bengkok sedikit sendi-sendinya. Ia memukul-mukul Ka’abah dengan besi penyeduk dan kapak besar.” (HR Ahmad)

Muncul api besar yang akan menghalau manusia ke Padang Masyar (tempat kebinasaan mereka) dan berkumpulnya manusia di Syam (Syria)

“Dan yang terakhir ialah api yang keluar dari Yaman yang mengiring manusia ke tempat berkumpul mereka (masyar mereka).” (HR Muslim)

“Akan keluar api dari Hadramaut (selatan Yaman) atau dari laut Hadramaut sebelum datangnya Hari Kiamat yang mengumpulkan manusia.” (HR Ahmad dan At-Tarmizi)

“Api itu akan dibangkitkan pada penduduk kawasan timur lalu mengumpulkan (mengiring) mereka ke kawasan barat; api itu bermalam bersama mereka dimana mereka bermalam dan pada siang hari pun menyertai mereka ketika mereka tidur siang. Apa yang terjatuh dan tertinggal dari mereka menjadi miliknya dan diiringinya mereka seperti mengiringi unat cerai-berai .” (HR Thabarani)

“Di sini kamu akan dikumpulkan, di sini kamu akan dikumpulkan, di sini kamu akan dikumpulkan dengan berkenderaan, ada yang dengan berjalan kaki dan ada pula yang diseret wajahnya. Ibnu Abi Bukair berkata ;’Lalu baginda menunjuk dengan tangan nya ke Syam sambil bersabda ;’Ke sinilah kamu akan dikumpulkan.” (HR Ahmad)

Tiupan sangkakala sebagai tanda bermulanya Hari Kiamat

Firman Allah SWT yang bermaksud :

“ Dan ditiuplah sangkakala, maka pengsanlah (rebah) segala makhluk yang ada di langit dan di bumi, selain yang dikehendaki Allah. Kemudian ditiuplah sekali lagi, tiba-tiba mereka itupun berdiri memandang .” (Az-Zumar : 68)

“ Iaitulah hari (yang pada waktu itu) ditiup sangkakala, lalu kamu datang berkumpul secara berkumpulan.” (An-Naba’ : 18)

” Pada hari itu engkau semua melihat setiap orang yang menyusui anaknya lupa akan anaknya yang disusui dan setiap orang yang mengandung melahirkan kandungannya. Engkau lihat semua manusia dalam keadaan mabuk, tetapi mereka itu sebenarnya tidak mabuk, tetapi siksa Allah jugalah yang Maha Dahsyat.” (Al-Haj : 2)

BAHAGIAN KETIGA

MENCARI ‘BAHTERA NUH’ DI AKHIR ZAMAN

“ Umat Yahudi sedang giat menyiapkan infrastruktur bagi kedatangan Dajjal laknatullah. Maka kita juga perlu cuba mendapatkan penghormatan untuk menyiapkan infrastruktur bagi kedatangan Imam Mahdi & Nabi Isa AS sebagaimana para sahabat Rasulullah SAW telah cuba mendapatkan penghormatan menjadi ‘Amir dan tentera terpilih’ untuk menakluki Kota Konstantinople seperti yang difirasatkan oleh baginda sendiri!! ”

“ Infrastruktur kita sudahpun ada, tetapi terkambus dalam infrastruktur-infrastruktur batil ciptaan Yahudi wa Nasara. Marilah kita sama-sama menggantinya semula kerana sesungguhnya inilah ‘Bahtera Nuh’ bagi umat Islam di Akhir Zaman!! ”

**Menangani Gejolak Akhir Zaman;
Mengenal Kembali Tonggak-Tonggak
Salafus Soleh**

Bab 18

Kepentingan FALSAFAH Sebagai Pencetus Tamaddun Islam atau Jahiliyyah

Mengaku sahajalah dan jangan berdolak-dalik lagi. Bahawa realitinya umat Islam hari ini rata-rata telah menjadi orang-orang jahil. Bukanlah salah mereka secara toto dan bukan pula salah ibubapa mereka. Tetapi belenggu pemerintahan sekular di negara-negara umat Islam selama hampir satu setengah kurun lamanya telah tidak mengizinkan ajaran Islam yang sebenar untuk dipelajari mahupun diamalkan. Apa yang dipraktikkan hanyalah Islam 'gula-gula' atau Islam relatif yang terdedah kepada berbagai tafsiran menyeleweng supaya sistem sekular mendapat label HALAL.

Dalam zaman kanak-kanak mereka, umat Islam umpama kain putih tetapi kerajaan sekular yang lama di tampuk pemerintahan telah mencelup kain-kain putih ini dengan pencelup warna Yahudi dan Nasrani, bukan pencelup warna Islam. Oleh itu generasi-generasi umat Islam masakini telah tercemar akibat dibentuk FALSAFAH, ALIRAN PEMIKIRAN dan AMALAN *Yahudi wa Nasara*. Maka tidak hairanlah ummah sejagat ditimpa berbagai malapetaka dan kecelakaan kerana telah mendapat murka Allah.

Bagaimanapun umat Islam masih bernasib baik kerana agama mereka agama kebenaran. Lalu Allah memberikan *kaffarah* supaya mereka kembali beringat padaNya. Dan Allah tetap memelihara ilmu-ilmu hakikat di tengah-tengah lautan ilmu-ilmu yang batil. Allah juga tetap mengadakan jemaah hakikat sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW:

“Sentiasa akan ada satu thoifah (jemaah) dari umatku yang sanggup menzahirkan kebenaran dan mereka itu tidak akan dapat dirosakkan atau dihancurkan oleh orang-orang yang menentangnya hingga datangnya perintah Allah (Hari Kiamat).”

Sesungguhnya Allah SWT Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Pemeliharaan ilmu-ilmu agama yang hakikat dan jemaah hakikat adalah semata-mata bagi memberi peluang kepada hamba-hambanya yang benar-benar ikhlas dalam mencari kebenarannya dan kepingin untuk kembali beramal dengan ajaran Islam yang sebenar. Supaya Allah bersegera menurunkan rahmat dan nusrahNya kepada mereka, maka beruntunglah golongan ini kerana dapatlah menempuh zaman-zaman pancaroba yang mendatang ini dengan penuh keyakinan serta mampu membuat persediaan iman dan amalan hakiki.

Ringkasnya dalam meniti Zaman Peralihan yang bakal menjelang nanti, umat Islam yang berhasrat untuk mencari payung perlindungan Allah SWT perlu mengambil tiga langkah yang berikut, iaitu;

LANGKAH PERTAMA : Menyedari serta mengakui kesilapan kita. Iaitu mengakui bahawa falsafah, aliran pemikiran dan amalan umat Islam hari ini rata-rata telah dibentuk (diprogram) sehingga menjadi jauh terpesong dari Agama Islam yang sebenar, yang berpotensi mengancam aqidah dan membinasakan ummah.

LANGKAH KEDUA : Membuat *muhassabah* diri, bertaubat *Nasuha* dan memasang kembali niat untuk kembali kepada Allah SWT serta ajaran Islam yang sebenar.

LANGKAH KETIGA : Menyedari bahawa Agama Islam telah sempurna dan tidak perlu mencari formula-formula baru untuk menyelesaikan masalah ummah. Allah SWT telah memelihara ilmu-ilmu Islam yang hakikat dan jemaah yang berpegang pada firqah hakikat. Tugas kita ialah mengenal kembali apakah ilmu, firqah dan jemaah hakikat yang tetap terpelihara itu supaya dapatlah kita berpegang dan menurut kepadanya.

Mudah-mudahan dengan langkah-langkah kesedaran ini Allah akan membuka jalanNya.

Oleh itu kita perlu mulakan dari asas, iaitu **memperbetulkan kembali FALSAFAH dan ALIRAN PEMIKIRAN kita**. Umpama kain putih yang telah dicelup orang lain sehingga menjadi berwarna warni, maka kita perlu membuang warna-warna tersebut dengan membasuhnya menggunakan bahan pemutih, atau *bleach* dan sabun pembersih supaya ia kembali menjadi putih. Kemudian barulah diwarnakan semula, kali ini dengan pencelup warna pilihan kita.

Dalam konteks kehidupan umat Islam hari ini yang telah lama bernaung di bawah sistem sekular, mereka perlu mencuci dan membuang *mindset* lama, iaitu falsafah dan aliran pemikiran Barat dan mengambil semula falsafah Islam yang sebenar, iaitu FALSAFAH TAUHID. Itulah sunatullah para Nabi dan Rasul yang berpegang pada Falsafah Tauhid sebagai inti atau batu asas kepada seruan mereka.

Daripada Falsafah Tauhid, umat Islam perlu membentuk kembali aliran pemikiran yang betul, iaitu aliran pemikiran yang berpegang pada FIRQAH AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH.

Sebelum kita menghuraikan dengan lebih lanjut lagi mengenai perkara ini, penekanan perlu diberikan kepada peranan falsafah dan aliran pemikiran yang tersangat penting dalam kehidupan umat manusia kerana ianya bertanggungjawab melahirkan jenis tamaddun yang mereka amalkan.

Kita beri contoh dalam skop yang kecil. Contohnya ibubapa yang mempunyai FALSAFAH berikut, iaitu 'jikalau anak hendak maju dan berjaya dalam hidup maka jalannya ialah belajar sehingga ke menara gading. Di situ, lebih tinggi tahap pencapaiannya lebih berjayalah hidupnya'. Maka daripada falsafah atau kepercayaan dasar ini ibubapa membentuk GERAK KERJA. Sibapa akan memastikan keperluan persekolahan anaknya serba cukup, buku-buku latihan dibeli dengan banyak, komputer yang canggih disediakan dan dibiayai kelas-kelas tuition untuk anaknya hampir setiap hari.

Si ibu pula sentiasa memastikan anak dapat makanan seimbang yang menggalakan pertumbuhan akal yang sihat, dipastikan mendapat tidur yang cukup supaya tidak letih menghadapi pelajaran, sentiasa mengawasi rekod pencapaian, memberi semangat dan galakan supaya belajar bersungguh-sungguh, sanggup menghantar anaknya ke kelas-kelas motivasi dan sebagainya. Ibubapa sanggup berkorban, malahan bergolok bergadai supaya jangan anak tersangkut di tengah jalan. Anak sentiasa diperingatkan akan harapan mereka dan sentiasa meyakinkannya bahawa hanya ijazah sahaja yang dapat menjamin kehidupan masa hadapannya yang cerah.

Gerak kerja berdedikasi yang tercetus dari falsafah ibubapa ini akhirnya membuahkan HASIL apabila anaknya mendapat ijazah lanjutan sehingga bergelar Professor.


Begitu juga bagi pasangan suami isteri yang mempunyai FALSAFAH bahawa Agama Islam itu amat penting sebagai punca keselamatan dan kesejahteraan dunia akhirat. Daripada falsafah ini akan mencetuskan GERAK KERJA mereka yang melibatkan pendidikan agama anak-anak yang sempurna, memastikan tanggungjawab agama seperti solat, puasa, menutup aurat, akhlak, muamalat dan sebagainya dititik beratkan. Maka dari gerak kerja ini dengan izin Allah terHASILlah anak-anak soleh dan solehah yang sentiasa meletakkan tanggungjawab agama paling diatas dalam kehidupan seharian sepanjang hayat mereka.

Sedangkan suami isteri yang berFALSAFAH bahawa kemajuan hanya boleh tercapai apabila ikut cara Barat dan kemunduran letaknya dalam agama akan membuat GERAK KERJA yang melibatkan didikan anak-anak dengan cara hidup Barat, menekankan penonjolan imej Barat

serta menjauhkan anak-anak daripada imej Islam. Ajaran-ajaran Islam hanya diamalkan dalam bentuk yang paling longgar dan bersifat pilih-pilihan. Dari gerak kerja ini terHASILlah generasi anak-anak yang mengagung serta meniru cara hidup Barat dan merendahkan ajaran-ajaran Islam.

Serupa juga dalam sistem pemerintahan. Falsafah atau dasar yang dipegang oleh kerajaan akan menghasilkan gerak kerja-gerak kerja yang membentuk kerangka-kerangka dan struktur-struktur masyarakat . Dari situ akan menghasilkan jenis tamaddun mereka. Lihat formula berikut;

**FALSAFAH kerajaan membentuk
Tamaddun Islam atau Tamaddun Jahiliyyah**



PEMERINTAHAN ISLAM

FALSAFAH : TAUHID

- i. Allah yang Maha Esa sebagai Pencipta Alam Semesta
- ii. Islam sebagai keseluruhan cara hidup (konsep SEPADU)
- iii. Hukum-hakam berpegang pada konsep '*aqal* dan *naqal*' (Al-Quran dan Al-Hadith)



KERANGKA PEMERINTAHAN

Khilafah dan wakil-wakilnya (Sultan & Gabenor)



DASAR


Penerus Rasulullah SAW dalam hal ehwal Islam dan umatnya



PERLAKSANAAN DASAR

melalui pembentukan

STRUKTUR-STRUKTUR MASYARAKAT



HALATUJU DAN MATLAMAT

- i. Islam dapat tersebar ke seluruh pelosok mukabumi
- ii. Syariat Islam dapat ditegakkan mengikut kehendak Allah sebagai Pencipta seluruh alam
- iii. Mendapat kesejahteraan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Sentiasa dalam rahmat dan keredhaan Allah.

PEMERINTAHAN SEKULAR

FALSAFAH : TUHAN TIDAK ADA KENA MENGENA DENGAN URUSAN MANUSIA DI DUNIA

- i.** Agama dianggap sebagai satu budaya ciptaan manusia purbakala.
- ii.** Pencipta alam tidak wujud dan tidak mewahyukan hukum-hakam kepada manusia.
- iii.** Segala-galanya boleh difahami melalui penggunaan pancaindera dan akal semata-mata.
- iv.** Ajaran agama perlu dipisahkan dari urusan penghidupan manusia kerana ajarannya banyak tidak masuk akal dan tidak dapat dibuktikan melalui hujjah sains.



KERANGKA PEMERINTAHAN

Corak pemerintahan SEKULAR & LIBERALISME berpaksikan naluri manusia yang disifatkan sebagai agung dan muktamad



DASAR


- i.** Pemisahan agama dari urusan pentadbiran manusia dan alam
- ii.** Urusan manusia harus dikendalikan berdasarkan hujjah akal dengan matlamat membawa manusia kepada kesejahteraan duniawi yang muktamad. Pendapat tidak dibataskan oleh pantang larang agama.
- iii.** Urusan akhirat adalah pilihan & tafsiran peribadi. Manusia bebas untuk memilih jalan ateisme, iaitu tidak percayakan Tuhan..



PERLAKSANAAN DASAR

melalui pembentukan

STRUKTUR - STRUKTUR MASYARAKAT



HALATUJU DAN MATLAMAT Melahirkan Tamaddun Tidak Bertuhan

Kesimpulannya :

Falsafah dan aliran pemikiran yang tidak bersumber dari ajaran Islam yang sebenar akan membawa kepada pembentukan kerangka dan struktur-struktur masyarakat yang berlawanan dengan kehendak Allah SWT. Pegangan negara-negara umat Islam kepada falsafah sekularisme telah disusuli dengan gerak kerja-gerak kerja yang sengaja menggantikan Nilai, Neraca dan Tafsiran Islam kepada Nilai, Neraca dan Tafsiran Barat. Falsafah inilah yang berhasil membentuk Tamaddun Tidak Bertuhan yang bukan fitrah dan tidak serasi dengan kejiwaan umat Islam sehingga mencetuskan berbagai kemelut ummah yang parah.

Berbalik kepada proses pembentukan semula falsafah dan aliran pemikiran umat Islam yang ingin kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, maka bab-bab berikut dikhususkan kepada huraian tentang falsafah yang membentuk tamaddun Islam yang sejati serta pembentukan kembali aliran pemikiran umat Islam yang bebas dari pengaruh sekular.

Tonggak-tonggak salafus soleh juga akan diketengahkan bagi mengambil tauladan darinya untuk membebaskan ummah dari belenggu sifat *Yahudi wa Nasara*. Sifat Yahudi dan Nasrani ini telah menjadi sebahagian dari jatidiri serta budaya umat Islam tanpa mereka sedari kesan dari anutan aliran pemikiran sekular untuk sekian lamanya.

Setelah memahami kembali maksud falsafah dan aliran pemikiran Islam serta mengambil iktibar dari tonggak-tonggak salafus soleh yang diharap dapat menggantikan tonggak-tonggak Yahudi dan Nasrani, maka bolehlah dirancang gerak kerja-gerak kerja berdasarkan kepada asas-asas ini yang juga akan dihuraikan kemudian. Semoga Allah SWT memberi kita petunjuk. Ameen.

Bab 19

Falsafah Tamaddun Islam Hakikat

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, bahawa falsafah umat Islam adalah berteraskan konsep Tauhid. Bermakna kita percaya bahawa sesungguhnya langit dan bumi ada Penciptanya, yakni Allah SWT yang Maha Esa. Bermakna kita bukan ateis, kita percaya pada kewujudan Tuhan. Dan kita beriman bahawa Tuhan itu Allah sedangkan 'tuhan-tuhan' yang lain sembahkan manusia adalah syirik, ciptaan Iblis dan para juaknya. Kewujudan kita adalah semata-mata berpusat dan berpaksi pada falsafah Tauhid.

Jika ada Pencipta, sudah tentu ada peraturannya. Sebagai makhluk Allah yang paling tinggi mertabatnya dan dikurniakan akal fikiran, adalah menjadi tanggungjawab manusia memastikan kehendak Allah diletakkan paling atas dalam kehidupannya. Oleh itu kita perlu tahu apakah sebenarnya kehendak dan peraturan Allah itu.

Dalam hal ini, dua golongan umat Islam mempunyai peranan yang amat penting dalam memastikan secara tepatnya **apakah** kehendak dan peraturan Allah itu (FALSAFAH), serta **bagaimana** cara perlaksanaannya (GERAK KERJA) melalui pembentukan kerangka dan struktur pentadbiran masyarakat Islam yang betul.

Golongan yang dimaksudkan ialah ULAMAK dan UMARAK MUKTABAR.

PERTAMA

ULAMAK MUKTABAR sebagai pembimbing ummah kepada landasan hakikat .

Iaitu membimbing pemerintah dan rakyat jelata dalam sesebuah negara Islam kepada hal-hal yang bersangkutan paut dengan ILMU dan AMAL, ZAHIR dan BATIN mengenai peraturan-peraturan Allah supaya umat Islam dapat menjalankan urusan-urusan hidup bertepatan dengan kehendak-kehendaknya.

Bermakna dalam sesebuah pemerintahan Islam, selain mendidik tentang bab Iktiqad atau kepercayaan-kepercayaan yang bersangkutan paut dengan ilmu-ilmu Ketuhanan, ulamak-ulamak juga perlu memberikan kefahaman tentang peraturan-peraturan yang bersangkutan paut dengan cara hidup yang diredhoi Allah, termasuklah dalam hal pelaksanaan amal-ibadat dan urusan-urusan keduniaan .

Dengan sempurnanya tanggungjawab ini, maka umat Islam akan dapat memahami segala hukum-hakam dan peraturan-peraturan Allah. Pemahaman yang betul sudah tentu akan membawa kepada amalan-amalan yang betul, iaitu yang bertepatan dengan kehendak-kehendak Allah. Barulah turun redho, rahmah dan barakahNya yang dapat membawa kepada kesejahteraan umat Islam di dunia dan akhirat .

Selain itu para ulamak juga mempunyai satu lagi tugas yang sama pentingnya dengan tugas menyebarkan kefahaman Islam hakikat, iaitu merangkumi juga dalam memberi amaran mengenai kefahaman-kefahaman yang batil, iaitu jalan-jalan atau firqah-firqah yang sesat. Iaitu tentang APAKAH FIRQAH BATIL yang perlu dijauhi oleh umat Islam dan mengapakah firqah-firqah yang batil itu diputuskan sebagai batil¹¹¹.

Adalah penting pemahaman ini disalurkan kepada umat Islam supaya mereka bersegera menjauhinya bukan sahaja bagi mengelakkan berlakunya pecah-belah, tetapi juga bagi mengelakkan terputusnya rahmat Allah atas masyarakat Islam disebabkan turun murkaNya atas mereka kerana mengamalkan ajaran yang bertentangan dengan peraturan dan kehendakNya.

Ringkasnya, golongan ulamak mempunyai tanggungjawab penting dalam mendidik dan membimbing pemerintah serta masyarakat Islam tentang ilmu-ilmu dan amalan-amalan zahir-batin yang bersangkutan paut dengan suruhan dan larangan Allah berdasarkan landasan-landasan yang telah dipersepakati oleh ijmak ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah¹¹².

KEDUA

UMARAK MUKTABAR, atau ULIL AMRI yang memastikan peraturan serta kehendak Allah terlaksana melalui gerak kerja-gerak kerja yang dibuat berdasarkan ilmu dan kefahaman yang disalurkan oleh golongan ulama hakikat.

Al-Imam Ghazali memberikan pendapatnya mengenai Raja dan Agama seperti maksud berikut :

“Dunia itu adalah tempat bercucuk tanam bagi Akhirat, maka tiadalah sempurna agama itu melainkan dengan adanya dunia. Raja dan Agama ialah umpama dua anak kembar, Agama itu ialah asal dan akar umbi, dan Raja itu ialah pengawal. Sesuatu yang tidak mempunyai asal

¹¹¹ Contohnya ialah golongan aqliyyah dan batiniyyah seperti Muktazilah, Wahabi, Syiah, Qadiani, Bahai, Anti Hadith dan sebagainya.

¹¹² Rujuk bab-bab berikut dalam buku ini mengenai firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

dan akar umbi pasti akan roboh, dan sesuatu yang tidak mempunyai pengawal pasti akan hilang. Kerajaan dan kepastian hukum tidak akan sempurna melainkan adanya Sultan. Dan jalan kepastian hukum untuk menyelesaikan perkara pemerintahan adalah dengan Ilmu Fekah.”

Seorang ulamak terkemuka Al-Imam Umar bin Muhammad An-Nasafi pula menegaskan peranan Raja seperti berikut;

“Orang Islam mestilah mereka melantik seorang Raja yang dapat menjalankan hukum Islam dan mendirikan hukum seksa dan dera (had) dan menguatkan pusat-pusat dan tempat-tempat pertahanan di sepanjang sempadan negeri, dan menyediakan angkatan tentera, dan menghimpunkan (mengutip) zakat dan menguasai keatas penjahat-penjahat dan perompak, dan mendirikan sembahyang Jumaat dan sembahyang Hari Raya, dan menyelesaikan perbalahan dan pergaduhan yang berlaku diantara umat Islam dan menerima saksi yang tiada hubungannya dengan berbagai-bagai hak diantara manusia, dan mengkahwinkan budak-budak kecil dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang tiada Wali Khas dan membahagi-bahagikan harta tahanan.

Imam A-Taftazani pula menambha: *“Dan perkara lain yang tidak dapat dibuat oleh orang perseorangan.”*

Bagi memastikan matlamat diatas dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin, pemerintah perlu bertanggungjawab dalam perkara-perkara berikut;

- i. Menjana dan melindungi golongan ulamak muktabarah supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan aman.
- ii. Menghukum dan membanteras golongan ulamak suk (batil & jahat) supaya kebatilan dapat dibendung atau dihapuskan terus.
- iii. Menaja gerak kerja-gerak kerja dan pelaksanaan-pelaksanaan ilmu serta kefahaman yang diperolehi dari ulamak-ulamak muktabarah.
- iv. Melindungi gerak kerja-gerak kerja yang ditaja atau dipayungi dari ancaman unsur-unsur jahat, sabotaj atau subversif, khususnya dari golongan kafir yang membuat musuh dengan Islam dan umatnya.

- v. Memastikan rakyat jelata tidak tertahan daripada hak untuk mendapat, mengamal serta memenfaatkan ilmu dan bimbingan ulamak-ulamak muktabarah.
- vi. Melindungi rakyat jelata dari sebarang unsur-unsur yang boleh mengancam agama dan keselamatan mereka.
- vii. Membangunkan Negara dengan permuafakatan jemaah Menteri Tafwidz dan Menteri-menteri Tanfiz, dibuat dalam batasan-batasan agama supaya tugas umat Islam keseluruhannya untuk beribadat dan bertaqwa kepada Allah SWT dapat disempurnakan dalam keadaan aman, selesa, sempurna, sejahtera dan bersatu padu.
- viii. Menaja dan memayungi gerakan dakwah dan tabligh supaya syiar Islam dapat bertebaran ke seluruh pelosok alam.
- ix. Menaja tugas *amal makruf wa nahi mungkar* bagi memperkasakan tamaddun dan budaya Islam serta membentaras unsur-unsur kebatilan, kemungkaran dan kemaksiatan.

Kesimpulannya, tugas Ulil Amri yang pertama dan utama ialah bertindak sebagai **penaja** kepada gerak-kerja dan pelaksanaan firqah Islam yang hakikat, iaitu **firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah** berdasarkan input dan bimbingan yang diterima dari golongan ulamak muktabar. Gerak kerja inilah yang membentuk kerangka-kerangka dan struktur-struktur masyarakat .

Selain itu, seorang pemerintah Islam juga bertanggungjawab penuh dalam **memayungi** serta **melindungi ulamak-ulamak muktabarah** sebagai pembimbing utama kepada landasan Islam yang hakikat daripada disabotaj oleh golongan sesat. Tanggungjawab ini dilanjutkan juga kepada umat Islam dan merangkumi tugas ***amal makruf wa nahi mungkar***.

Tugas **dakwah dan tabligh** adalah juga tanggungjawab Ulil Amri bagi memastikan syiar Islam dapat sampai ke serata ceruk rantau dunia.

Dan akhirnya, tugas Ulil Amri juga merangkumi **pembangunan** serta **keselamatan daulahnya** bagi memastikan rakyat jelata dapat menjalankan tanggungjawab mereka dalam perkara amal ibadat dan taqwa kepada Allah dalam keadaan yang paling aman, selesa, sempurna, sejahtera dan bersatu padu.

Gandingan ulamak dan umarak muktabar seperti ini bukan sahaja mampu menyatu-padukan masyarakat Islam, malahan dapat memastikan tertegaknya **Tamaddun Islam Hakikat** dalam kerajaan itu yang terbit dari Falsafah dan Gerak Kerja yang betul dan terlindung dari sebarang unsur sabotaj dan anasir subversif.

Dalam hal ini, perlu ditekankan sekali lagi bahawa umarak muktabar yang dimaksudkan diatas bukanlah ahli-ahli politik dalam kerajaan-kerajaan sekular seperti yang terdapat dalam hampir kebanyakan dunia Islam hari ini.

Mengikut ijmak ulamak Ahlus-Sunnah Wal Jamaah, sistem KHILAFAH DAN WAKIL-WAKILNYA (Raja-Raja Islam, gabenor, ketua kabilah) adalah satu-satunya sistem pemerintahan umat Islam yang mempunyai legitimasi agama sebagai penerus Rasulullah SAW dalam menjaga kepentingan Islam dan umatnya.

Sabda Rasulullah SAW: *“Dahulu Bani Israel dipimpin (dan diuruskan) oleh para Nabi. Apabila para Nabi itu telah wafat, mereka digantikan oleh Nabi yang baharu. Sedangkan setelahku, tidak ada lagi seorang Nabi, dan akan ada khalifah yang banyak.”* (HR Muslim)

“ Tiga orang tiadalah Allah akan bercakap dengan mereka pada Hari Kiamat, dan tiadalah Allah melihat kepada mereka dengan rahmat dan kasihan, dan tiadalah Allah akan melepaskan dan membersihkan mereka daripada dosa, dan bagi mereka disediakan suatu azab yang pedih.....iaitu seorang yang telah mengikat taat setia kepada Raja dan tiadalah dia mengikat taat setia melainkan kerana tujuan harta dunia, jika Raja itu memberikan kepadanya harta dunia maka dia menyempurnakan taat setianya itu, dan jika Raja itu tiada memberi kepadanya sesuatu daripada harta dunia maka tiadalah dia menyempurnakan taat setianya kepada Raja itu”

Sistem Khilafah dan wakilnya dapat menjamin bahawa golongan ulamak muktabar dapat berpayung di bawah mandat pemerintahan Islam yang tulen yang mendapat naungan Allah untuk menjalankan tanggungjawab mereka sebagaimana yang telah disebutkan di atas.

Kerangka pemerintahan Islam ini adalah berdasarkan peranan sebagai penerus Rasulullah SAW, atau khalifah Rasulullah SAW. Sebagai tonggak ummah, Khalifah Rasulullah SAW menaungi kerajaan-kerajaan Islam yang diwujudkan dalam kerangka sistem pemerintahan raja-raja dan gabenor-gabenor Islam. Raja-raja dan gabenor-gabenor Islam mendapat nobat mereka daripada khalifah-khalifah atau syarif-syarif Mekah dan mendapat legitimasi melalui proses *aqad* dan *bai'ah*.

Ringkasnya, tanggungjawab seorang *Ulil Amri* adalah dalam memastikan **TERTEGAK DAN TERPELIHARA CORAK PEMERINTAHAN ISLAM** iaitu dari aspek falsafah, kerangka dan struktur-struktur pentadbirannya. Tanggungjawabnya ini dikongsi bersama dengan menteri-menterinya sebagai pelaksana **dasar negara** dan **hala tuju** masyarakat.

Jika seseorang *Ulil Amri* itu dapat melaksanakan tanggungjawab tersebut, bererti ia telah menunaikan kewajipannya terhadap Allah SWT dan haknya untuk ditaati oleh sekalian rakyat jelata. Akhlak dan sikapnya yang bersifat peribadi adalah tertakluk kepada hukum agama yang jelas¹¹³.

Kesimpulannya, peranan golongan umarak dan ulamak muktabar adalah tersangat penting dalam tanggungjawab memberikan imej serta identiti Islam yang tulen dan sejati kepada kerajaan mereka. Kerjasama erat diantara kedua belah pihak ini amat diperlukan dalam memastikan falsafah Islam dapat ditancapkan sehingga berakar umbi dalam sistem

¹¹³ Dalam konteks ini, kita harus dapat membezakan diantara dua perkara di bawah, iaitu;

PERTAMA; Raja yang berbuat kefasikan serta menzalimi rakyat jelata, tetapi TIDAK menghalang pelaksanaan undang-undang syariat dan tidak menyuruh rakyat jelata membuat maksiat atau memaksa mereka kepada undang-undang yang bercanggah dengan syariat. Dalam keadaan ini, rakyat tetap wajib untuk setia kepada Raja dan disuruh berbuat taubat serta memohon taufik dan hidayah dari Allah SW ke atas Raja mereka.

KEDUA; Raja yang menyuruh rakyat berbuat maksiat, menghalang pelaksanaan syariat atau memaksakan rakyat jelata menurut undang-undang yang berlawanan dengan syariat. Raja yang bersifat sedemikian telah terkeluar kelayakannya sebagai pemerintah umat Islam dan tidak lagi wajib dipatuhi.

Ini berdasarkan pendapat jumur ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah, iaitu seseorang pemerintah umat Islam yang membuat bid'ah yang besar-besar seperti yang tertera dalam kitab Al-Mawardi dan memaksa rakyat kepada perkara-perkara maksiat, maka terluputlah kelayakannya sebagai pemerintah.

Dan dalam perkara ini jika pemerintah umat Islam itu membuat undang-undang yang bercanggah dengan syariat sedangkan ia masih tetap mempercayai peruntukan syariat, maka pemerintah tersebut hanyalah FASIQ dan rakyat tidak boleh menentangnya. Bagaimanapun jika pemerintah mengenakan undang-undang yang jelas bertentangan dengan syariat serta mempercayainya, maka pemerintah tersebut jatuh KUFUR dan terkeluar kelayakannya sebagai pemerintah umat Islam (mengikut Syeikh Qadi Iyad adalah mustahil untuk seseorang meluluskan undang-undang tersebut tanpa mempercayainya). Menurut Al Mawardi, jumur ulamak telah bersepakat bahawa haram meletakkan orang kafir sebagai pemerintah umat Islam. Sedangkan pemerintah yang mengenakan undang-undang yang melanggar batasan syariat dan memaksakan pula ke atas umat Islam, maka ia juga tidak lagi wajib dipatuhi.

pemerintahan, sementara pelaksanaan falsafah tersebut dapat disempurnakan dengan baik.

Sesungguhnya ulamak dan umarak muktabarah MEMEGANG MANDAT ALLAH. Maka jikalau ulamak hakikat, iaitu ulamak yang berpegang pada firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah bertanggungjawab memimpin pemerintah dan rakyat jelata kepada falsafah dan aliran pemikiran yang mengikut kehendak Allah dan RasulNya, maka umarak hakikat, iaitu sistem Khalifah dan Raja-Raja Islam pula bertanggungjawab membentuk gerak kerja berdasarkan falsafah dan aliran pemikiran tersebut selain memastikan pelaksanaannya terlindung dari usaha-usaha sabotaj.

Maka barulah masyarakat yang berpayung di bawah regu yang ampuh ini berpotensi melahirkan TAMADDUN ISLAM HAKIKAT yang menjamin rahmat dan keredhoan Allah atas kerajaan tersebut.



Bab 20

Membetulkan Aliran Pemikiran Umat Islam

Selepas berlakunya peristiwa Perang Salib yang memakan masa hampir 200 tahun lamanya, iaitu dari abad ke 11-13 Masihi yang berakhir dengan kekalahan di pihak orang-orang Kristian, mereka mulai sedar bahawa umat Islam tidak dapat dilawan dengan pedang. Dalam Perang Salib umat Islam benar-benar menunjukkan garang dan keberanian mereka, berlumba-lumba untuk mati syahid. Dentuman meriam dan ledakan peluru berpandu tidak menggerunkan mereka, sedangkan laungan kalimat *Lailahailallah* dan *Allahu Akbar* pula yang mendatangkan kegerunan pada orang-orang Kristian. Sesungguhnya Perang Salib terutamanya di wilayah suci Baitul Muqaddas telah menjadi khazanah sejarah kepada orang-orang Kristian kerana mereka mendapat banyak kefahaman tentang sikap, mentaliti serta kekuatan umat Islam pada masa itu.

Melalui kefahaman tentang psikologi bangsa-bangsa umat Islam serta sumber kekuatan mereka yang utuh, maka dicuba pula menewaskan dengan cara yang lain, iaitu menyerang aliran pemikiran umat Islam melalui penyelinapan ajaran-ajaran yang menyeleweng yang dibekalkan oleh para pengkaji Orientalis mulai awal abad ke 19 Masihi. Tidak sampai satu kurun kaedah ini telah berjaya memberikan hasil yang amat lumayan, kerana sendi-sendi kekuatan umat Islam kini telah berjaya dirapuhkan.

Lihat ilustrasi di muka surat sebelah.

Agenda Barat (Yahudi dan Nasrani)
Matlamat membodoh & membelenggu
Aliran Pemikiran umat Islam



Propaganda media Zionis secara meluas dengan tujuan menjinakkan manusia kepada amalan syirik dan khurafat serta terpesona dan terpedaya dengan imej dan gaya hidup Barat. Agama Islam dan umatnya diberikan imej paling rendah dan jijik.



Aliran pemikiran yang dikawal



Masyarakat yang terjajah mental dan terbelenggu aliran pemikiran, memandang ke Barat sebagai canggih, hebat dan berjaya



Malu dengan imej Islam, mencetuskan konflik identiti. Boleh memudaratkan umat Islam yang mempunyai pegangan iman dan amal yang rapuh



Bersikap pro Barat dan anti Islam hakikat. Mengambil nilai, neraca & tafsiran Barat menggantikan nilai, neraca & tafsiran Islam. Hukum Allah dipandang rendah dan ditafsir semula dengan cara yang paling liberal. Mengambil pemikiran dan sosio-budaya Barat sehingga ada yang menjadi zindiq, munafiq dan murtad!!

Itulah sebabnya umat Islam perlu membetulkan falsafah dan aliran pemikiran mereka. Perlu membebaskannya dari belenggu penjajahan mental walaupun ummah telah lama merdeka dari penjajahan fizikal oleh orang-orang kafir Barat.

Kita hanya perlu mengambil iktibar dari kisah-kisah perjuangan umat Islam di zaman Rasulullah SAW dan para sahabat RA. Banyak peperangan jihad jelas menonjolkan kedaifan alatan peperangan mereka yang jauh lebih kuno daripada musuh-musuh mereka, apatah lagi bilangan umat Islam seringkali jauh lebih kecil jumlahnya, tetapi mereka mampu menundukkan musuh-musuh yang jauh lebih hebat dan gagah perkasa sehingga menjatuhkan empayar Romawi dan Farsi, serta meluaskan jajahan Islam menjangkau jazirah Arab, Asia Barat, Afrika Utara, India sehinggalah ke bumi China dan Alam Nusantara.

Itulah kehebatan mental para sahabat yang digeruni oleh musuh-musuh Islam. Dan kekuatan mental inilah yang patut kita usahakan untuk mendapatkannya kembali.

Sebagai langkah permulaan, kita patut tancapkan semula beberapa KEYAKINAN DASAR seperti berikut bagi menjamin asas keimanan kita pada Allah dan RasulNya tidak goyah, yakni benar-benar kukuh dalam zaman dimana kebanyakan umat Islam kini mempunyai krisis agama dan identiti yang sangat tenat.

- i. Yakin dengan sebenar-benar yakin akan kebenaran agama Islam dan martabat keistimewaannya di sisi Allah SWT.
- ii. Yakin dengan sebenar-benar yakin bahawa Islam akan tetap menang di sisi Allah dan umat Islam yang beristiqamah dengan agamaNya akan mendapat redho Allah dan diberi ganjaran Syurga untuk selama-lamanya kelak.
- iii. Yakin dengan sebenar-benar yakin bahawa orang-orang kafir akan tetap menerima kekalahan akhirnya, iaitu mendapat murka Allah dan terputus dari rahmatNya. Mereka akan menerima azab sengsara yang berkekalan di lembah api Neraka, tidak kiralah bagaimana hebatnya keadaan mereka sewaktu di dunia.
- iv. Yakin dengan sebenar-benar yakin tentang janji Allah mengenai zaman kebangkitan dan keberkatan umat Islam selepas munculnya Imam Mahdi AS dan Nabi Isa AS.

Mudah-mudahan dengan tertancapnya keyakinan-keyakinan dasar seperti ini, ia dapat membentuk pemikiran-pemikiran positif yang dapat

mengelakkan umat Islam dari terkena sindrom 'kalah sebelum berjuang', iaitu terpedaya dengan serangan-serangan mental yang bertubi-tubi melalui propaganda Barat yang mematikan semangat dan daya juang mereka.

Mengembalikan semula keyakinan-keyakinan dasar adalah langkah yang amat penting, bagaimanapun itu hanya permulaannya. Banyak lagi yang perlu dilaksanakan dalam ikhtiar untuk membebaskan pemikiran ummah dari penjajahan mental oleh orang-orang kafir Barat. Antara yang penting ;

PERTAMA :

Memecahkan aliran pemikiran lama yang terjajah, yang telah banyak merosakkan agama dan aqidah umat Islam;

- i. Mendidik diri untuk mula berfikir mengikut falsafah **BERSEPADU**, iaitu jangan dipisah-pisahkan bidang ilmu serta urusan hidup dengan ajaran-ajaran Agama Islam, iaitu mula berpegang pada sumber **AQAL** dan **NAQAL**. Sentiasa ingat bahawa setiap perbuatan itu **ada hukumnya** di sisi agama, seperti halal, haram, makruh, mubah dan sebagainya. Dalam segala urusan hidup, ingat: Harus, pahala sedikit atau pahala banyak. Dosa kecil atau dosa besar. Mukmin, fasiq, zindiq, munafiq, murtad, kafir. Fardhu 'Ain atau Fardhu Kifayah. Benar atau Salah. Hak atau Batil dan sebagainya. **HIDUP SENTIASA BERPANDUKAN FALSAFAH INI.**
- ii. Pastikan sumber *naqal* diambil dari firqah yang betul, iaitu firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Bahawasanya Bani Israel telah berfirqah sebanyak 72 millah (firqah) dan akan berfirqah umatku sebanyak 73 firqah, semuanya masuk neraka kecuali satu". Para sahabat yang mendengar ucapan Nabi (saw) itu bertanya:"Siapakah yang satu itu wahai Rasulullah (saw)?" Nabi (saw) menjawab:"Yang satu itu ialah orang yang berpegang kepada peganganku dan pegangan sahabat-sahabatku."

(Atas kepentingan perkara ini, satu bahagian dalam buku ini telah dikhususkan untuk menghuraikan firqah Ahlus Sunnah Wal Jemaah yang hakikat. Sila rujuk pada *Firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah : Landasan Hakikat di Akhir Zaman*)

- iii. Pastikan **TAFSIRAN**¹¹⁴, **NERACA** dan **NILAI** sentiasa dibuat mengikut ajaran Islam, bukan menggunakan tafsiran, neraca dan nilai-nilai Barat. Begitu juga dengan amalan adat.
- iv. Mendidik diri kita untuk berfikir dalam semangat ukhwah Islamiyyah, iaitu dalam semangat persaudaraan sejagat, bukan dalam semangat *assobiyyah* yang sempit. Pastikan persempadanan negara-negara umat Islam yang dibelah bahagikan oleh kuasa-kuasa Barat itu tidak membelah bahagikan pemikiran kita dalam hal ehwal kepentingan dan kebajikan ummah sejagat.
- v. Sentiasa memastikan kehendak Allah dan Rasulullah SAW sentiasa di atas daripada kehendak yang lain.
- vi. Mendidik semula pemikiran bahawa formula-formula penyelesaian kepada masalah-masalah orang-orang kafir TIDAK SAMA dengan formula-formula penyelesaian masalah-masalah umat Islam¹¹⁵

¹¹⁴ Contohnya konsep 'zalim' yang berbeza diantara kacamata Barat dengan kacamata Islam. Menurut kamus *'The Scribner Bantam English Dictionary'* istilah zalim atau '*cruel*' dalam Bahasa Inggeris bermaksud '*dispose to give pain to others without mercy*', atau 'menyakitkan badan dan/atau pemikiran orang lain tanpa berpersi kemanusiaan'. Sedangkan tafsiran Islam adalah 'sesuatu yang tidak kena pada tempatnya', iaitu bertentangan dengan konsep 'adil' (sesuatu pada tempatnya). Oleh itu dalam konteksnya yang hakikat;

Seorang lelaki yang berpoligami tidak zalim tetapi ia menjadi zalim jika tidak berlaku adil pada isteri-isterinya, hukum rejam pada pezina yang sabit kesalahannya tidak zalim sedangkan melakukan perbuatan zina itulah yang zalim, wanita yang menjalankan tanggungjawabnya sebagai ibu dan isteri menurut ajaran Islam yang sebenarnya itu tidak zalim, yang zalim ialah apabila wanita-wanita digalakkan keluar rumah bekerja seperti orang lelaki langsung terabai tanggungjawab rumahtangganya, seorang suami yang menuntut isterinya menutup aurat tidak zalim sedangkan suami yang merelakan isterinya mendedahkan aurat itulah yang zalim, pemerintah yang membataskan pergaulan lelaki perempuan menurut kehendak agama itu tidak zalim, sedangkan pemerintah yang menggalakkan percampuran lelaki perempuan itulah yang zalim, ibu bapa yang merotani anak-anak bagi mendidik mereka supaya patuh pada perintah Allah itu tidak zalim, sedangkan ibubapa yang membiarkan anak-anak membesar tanpa sebarang didikan agama itulah yang sebenarnya zalim. Senarai ini boleh dipanjangkan tetapi cukuplah setakat ini.

¹¹⁵ Kebatilan itu banyak dan berpunca dari Iblis serta hawa nafsu, dan disebarkan melalui juak-juaknya. Kebatilan gereja telah menyebabkan kemunduran duniawi umat Kristian kerana rahib-rahib gereja membuat peraturan berteraskan hawa nafsu dan demi menjaga kepentingan mereka. Oleh itu demi memajukan duniawi mereka, umat Kristian telah meleraikan diri dari ajaran gereja dan mereka mendapat dunia berdasarkan kepada pegangan hujjah sains dan aqal semata-mata. Sedangkan kebenaran itu satu dan dari Allah SWT. Kemundurun umat Islam adalah kerana mereka telah terpesong dari petunjuk Allah melalui jalan yang telah digariskan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda. Jalan ini telah dipersapakati oleh ijmak ulamak salafus soleh sebagai firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Ringkasnya masalah orang-orang kafir tidak sama dengan masalah umat Islam. Penyelesaian mereka juga tidak sama kerana mereka adalah batil dari mula sedangkan kita benar dari mula.

kerana kedudukan orang-orang kafir di sisi Allah SWT TIDAK SAMA dengan kedudukan umat Islam di sisiNya.

- vii. Mendidik semula pemikiran kita bahawa orang-orang Islam duduknya lebih atas daripada orang-orang kafir kerana Agama Islam satu-satunya agama yang hak sedangkan ideologi-ideologi yang lain itu semata-mata ciptaan manusia dan batil belaka. Juga mendidik diri kita bahawa dalam ajaran Islam, orang-orang kafir ini ada beberapa kategorinya dan umat Islam mempunyai kaedah-kaedah agama YANG JELAS dalam hal perhubungan dengan setiap satu daripada kelompok ini.

KEDUA :

Membebaskan pemikiran terpesong, iaitu tertipu dengan propaganda pemerintah-pemerintah sekular bahawa : ‘ Mengapa kita tidak mengambil sahaja konsep-konsep Barat yang murni dan meninggalkan falsafah-falsafah mereka yang batil sahaja’?

Pendirian untuk mengambil konsep-konsep Barat yang murni daripada konsep-konsepnya yang batil adalah umpama ikhtiar seseorang untuk mengasingkan susu yang telah tercemar dengan najis air kencing. Kerana konsep-konsep Barat yang murni adalah umpama pohon yang tumbuh daripada benih yang semulajadinya cacat. Iaitu bersumber daripada falsafah-falsafah batil kerana tidak diletakkan di bawah kerangka atau falsafah Islam, iaitu mengakui kewujudan dan keesaan Allah (Falsafah Tauhid).

Contohnya konsep Liberalisme yang berpegang kepada falsafah peningkatan kebebasan individu tetapi tidak pula membataskan kebebasan ini, langsung memelopori gerakan ‘kebebasan bersuara’ yang mengiktiraf pendapat-pendapat khurafat, syirik, menghina Islam, mencemuh Rasulullah SAW malahan menghina Allah SWT sendiri. Sekatan-sekatan yang dibuat pada konsep ‘kebebasan bersuara’ dalam negara-negara umat Islam hanyalah ditafsir mengikut kehendak dan citarasa ahli-ahli politik, bukan mengikut nasihat dan bimbingan alim ulamak muktabar. Sistem demokrasi yang bernaung di bawah falsafah Liberalisme meletakkan kuasa mutlak di tangan rakyat, bukan lagi pada Allah dan RasulNya. Rakyat yang dimaksudkan di sini pula dicampur adukkan diantara umat Islam dengan orang-orang kafir dan ateis. Maka kepentingan-kepentingan Islam sudah tentu dikompromi kerana orang-orang kafir dan ateis diberi kuasa menentukan agama dan hal ehwal umat Islam.

Ringkasnya, pendapat-pendapat yang mengesyorkan supaya mengambil sahaja konsep-konsep Barat yang murni dan meninggalkan

unsur-unsur kebatilan telah terperangkap dengan kelicikan TIPUDAYA kaum Yahudi dan Nasrani (Barat) kerana ;

- i. Falsafah-falsafah 'isme' Barat yang melahirkan kerangka dan struktur hampir semuanya adalah bersifat syirik.
- ii. Struktur-struktur yang dilahirkan daripada falsafah-falsafah ini walaupun terdapat konsep-konsep murni tetapi tidak dipagar dengan agama. Percampuran hak dan batil boleh dan telah pun mengelirukan umat Islam.
- iii. Islam adalah ajaran yang lengkap dan menyeluruh yang mengamalkan kosep ilmu bersepadu, iaitu agama dan kehidupan adalah satu dan tidak boleh dipisah-pisahkan. Kita ada formula-formula sendiri untuk menangani segala masalah duniawi tanpa perlu mencampur adukkan unsur-unsur hak dengan yang batil. TIDAK PERLU KITA MELIHAT KE BARAT UNTUK Mencari FORMULA MASALAH-MASALAH UMMAH KERANA AGAMA ISLAM SUDAH LENGKAP SEHINGGA HARI KIAMAT. HAL INI DIJAMIN OLEH ALLAH SWT SENDIRI.
- iv. Konsep-konsep 'isme' yang dibuat adalah hasil pengalaman masyarakat Kristian Eropah dan bukan pengalaman bangsa-bangsa umat Islam.
- v. Walaupun sesetengah daripada pengalaman mereka adalah sama dengan pengalaman kita, tetapi formula-formula penyelesaian mereka tidak boleh kita terima kerana tafsiran, nilai dan neraca yang mereka gunakan tidak sama dengan tafsiran, nilai dan neraca Islam dan adat pegangan bangsa-bangsa (umat Islam) kita.

Sesungguhnya Islam sebagai agama wahyu dari Allah telahpun mempunyai segala konsepnya yang murni yang sedia ada dalam sistem Islam dan kita tidak ada alasan lagi untuk mengambil apa jua konsep dari Barat yang tidak dipagar dalam kerangka Agama Islam itu.

Firman Allah SWT yang bermaksud :

"Hari ini Aku sempurnakan bagimu agamamu (Islam), dan Aku lengkapkan atasmu akan nikmatKu, dan Aku redho Islam menjadi agamamu." (Al Maidah: 3)

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia, kamu menyuruh berbuat kebaikan dan kamu melarang dari kejahatan, dan kamu beriman kepada Allah" (Ali Imran:110)

“Dialah yang mengutus RasulNya dengan (membawa) petunjuk dan agama yang benar, supaya Dia memenangkan agama itu atas sekalian agama, walaupun orang-orang musyrikin tidak menyukainya.”

(Ash-shaf : 9)

KETIGA :

Membuang aliran pemikiran negatif yang merugikan agama dan bangsa

- i. Membuang sikap mengalah dan terpesona, seperti kata-kata *“apa yang kita boleh buat, mereka sudah terlalu kuat.”*, *“mereka ada teknologi canggih, apa yang kita ada?”* , *“tidak perlulah kita boikot produk mereka, bukannya memberi kesan apapun pada mereka”* dan sebagainya.
- ii. Membuang sikap berdolak-dalih dan menipu diri sendiri, contohnya seperti pemikiran *“Kita perlu mengikut realiti zaman”*, *“bagaimana nak amalkan undang-undang Islam dalam negara yang berbilang bangsa dan agama ini?”* , *“mereka Islam fanatik, kita Islam moderate’* dan sebagainya.
- iii. Membuang aliran pemikiran yang mengutamakan *aqal* dari *naqal* seperti *“hukum hudud sudah outdated dalam zaman atom dan neutron ini”*, *“ bagaimana Islam nak maju kalau kita tidak mengamalkan riba?”*, *“bagaimana syarikat nak untung kalau bulan Ramadhan dikurangkan aktiviti kerja untuk beramal-ibadat?”*
- iv. Membuang pemikiran *‘apa orang lain akan kata nanti?’*, kerana sesungguhnya apa orang lain kata itu tidak penting, terutamanya jika ‘orang lain’ itu adalah orang-orang kafir. Apa yang Allah berkehendak itulah yang sepatutnya kita pentingkan kerana Allah itu Pencipta, sedangkan kita hanyalah hamba-hambaNya.

KEEMPAT :

Membentuk aliran pemikiran-pemikiran positif yang dapat menzahirkan tindakan-tindakan yang boleh menguntungkan agama dan bangsa serta dapat menggapai kembali nusrah Allah SWT.

- i. Mendidik pemikiran kita bahawa bukan sahaja zaman Rasulullah SAW dan Khulafa’ Ar Rasyidin sahaja yang menjadi zaman kegemilangan ummah, tetapi zaman yang mana dinasti-dinasti Islam SEMUANYA SEKALI merupakan unit-unit rantaian dalam sistem Khilafah adalah JAUH LEBIH BAIK dari zaman pemerintahan negara-negara umat Islam hari ini, kerana falsafah

yang membentuk kerangka pemerintahan dan struktur-struktur pentadbiran masyarakat Islam berpegang pada konsep TAUHID.

- ii. Yakin bahawa umat Islam mempunyai masa hadapan yang cerah berdasarkan sabda-sabda Rasulullah SAW mengenai kemunculan era pemerintahan Khalifah yang berpegang pada manhaj kenabian.
- iii. Yakin bahawa Allah SWT tetap memelihara dan memenangkan agamaNya. Itu tidak menjadi soal, apa yang penting ialah menjana pemikiran bahawa setiap orang Islam boleh menyumbangkan sesuatu untuk kebangkitan semula agamanya walaupun berada dalam kekangan sistem-sistem yang batil. Perkara ini akan dihuraikan dengan panjang lebar dalam topik berikut.

Sesungguhnya falsafah dan aliran pemikiran yang betul akan menghasilkan kekuatan mental yang utuh yang mampu memberi kesan kepada perjuangan umat Islam. Kerana ia bakal menghasilkan tentera-tentera jihadi yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut :

Di dalam sebuah atsar, Sayyidina Ali RA pernah menyatakan:

*“ Maka Allah Azza Wajalla akan menghimpun sahabat-sahabatnya (sahabat Imam Mahdi) sejumlah tentera-tentera Badar dan sejumlah tentera-tentera Thalut, iaitu sebanyak 313 orang lelaki (terdapat kaum wanita yang mengiringnya). **Seolah-olah hati mereka itu singa-singa jantan yang keluar dari hutan. Hati mereka itu ibarat kepingan-kepingan besi. Kalau mereka bercita-cita untuk memindahkan gunung nescaya mereka dapat melakukannya.** Pakaian mereka sejenis dan seolah-olah mereka itu dari satu ibudat satu ayah.”*

(Dari kitab Aqdud Durar fi Akhbaril Muntazar, Beirut, 1983, hlm 95)

Bab 21

Peranan Inisiatif Individu & Jemaah Dalam Membebaskan Ummah Dari Cengkaman Sistem Sekular

Sesungguhnya kita beriman dengan janji Allah mengenai kemunculan Zaman Kebangkitan Islam yang ke-2, tentang kedatangan Imam Mahdi AS untuk memimpin ummah memerangi orang-orang kafir yang telah sekian lama bermaharajalela memporak perandakan dunia, tentang turunnya Nabi Isa AS dari langit yang akan membunuh Dajjal *laknatullah* dan para pengikutnya, tentang kedatangan zaman penuh berkat yang menghilangkan segala sikap permusuhan dan benci membenci di kalangan umat manusia sehingga disebutkan bahawa ular pun hilang bisanya dan serigala menjadi jinak dengan kambing biri-biri.

Bagi sebahagian umat Islam yang memandang kepada segala pancaroba dunia mutakhir ini dengan pandangan zahir-batin serta menghalusi gejala-gejala semasa yang melibatkan konflik-konflik antarabangsa umat Yahudi, Nasrani dan Islam dari sudut aqal-naqal, mereka percaya bahawa kedatangan zaman tersebut telah memperlihatkan tanda-tandanya yang jelas, umpama langit mendung dan bunyi dentuman guruh yang memberikan isyarat hujan akan turun. Oleh itu mereka merasakan keperluan yang amat untuk melakukan sesuatu sebagai langkah bersiap sedia, terutamanya dari aspek meningkatkan kekuatan iman dan amal.

Sesungguhnya peristiwa-peristiwa Akhir Zaman bukan perkara main-main yang boleh diremeh-temehkan. Ianya melibatkan berbagai fitnah besar yang berpotensi menggoncang aqidah dan melupuskan amal. Silap haribulan boleh bercerai iman dari badan. *Nauzubillahiminzalik*. Maka sebilangan umat Islam yang insaf akan hakikat realiti semasa dan zaman yang bakal menjelang, mereka cuba melawan arus di tengah-tengah kehidupan masyarakat yang leka mengerjakan segala macam perkara maksiat, syubahat dan syirik. Umpama keadaan di zaman Nabi Nuh AS, yang mana baginda beserta para pengikutnya bertungkus lumus menyiapkan sebuah bahtera dalam persediaan menghadapi bah besar yang melitupi seluruh mukabumi sebagai azab Allah kepada umat Nabi Nuh yang melakukan berbagai kejelekan dan engkar menerima seruan Tauhid.

Begitulah juga situasinya mutakhir ini. Sedang kebanyakan umat manusia giat menyibukkan diri dalam maksiat berlandaskan Tamaddun Tidak Bertuhan, golongan beriman yang sentiasa beringat-ingat tentang

kemunculan era Akhir Zaman akan merasakan *'the sense of urgency'* untuk membina 'bahtera Nuh' masing-masing sebelum **Allah SWT menzahirkan bukti-buktiNya serta menurunkan keputusanNya.**

Bagaimanapun bagi golongan ini, mereka terpaksa akur bahawa cengkaman sistem-sistem kafir amat kuat di negara-negara umat Islam. Teknologi-teknologi Barat pula telah berjaya mengawal, melemah, menfitnah, menggempur dan mengancam Islam serta para penganutnya yang setia. Bagaimana hendak membina bahtera-bahtera Nuh jikalau kebanyakan umat Islam telah berjaya 'dirantai tangan dan kaki mereka' melalui sistem-sistem sekular yang berpotensi menenggelamkan mereka bersekali dengan golongan yang bakal ditimpa bala Allah itu??

Sesungguhnya umat Islam tidak boleh berputus asa dalam soal ini. Hayatilah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Adanya harapan adalah satu rahmat daripada Allah kepada umatku, kalau harapan itu tidak ada maka tidak akan ada (orang yang bersusah payah) menanam pokok dan tidak akan ada ibu menyusukan anaknya"

Maka ditengah-tengah kekangan sistem-sistem sekular dan kawalan kuasa-kuasa Barat keatas umat Islam sedunia, khususnya dalam bidang teknologi dan ketenteraan, sekurang-kurangnya kita boleh berikhtiar dengan cara-cara yang berikut, iaitu :

MELERAI DAN/ATAU MEMINIMAKAN IKATAN SISTEM-SISTEM SEKULAR MELALUI CARA-CARA BERIKUT;

- I. Dimana mungkin, membentuk inisiatif-inisiatif kelompok atau gerakan-gerakan Islam yang mewujudkan sistem-sistem alternatif yang mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, bukan Islam tangkap muat atau Islam separuh-separuh. Ianya boleh dibuat secara kecil-kecilan ataupun besar-besaran. Contohnya mewujudkan perniagaan Islam menggantikan perniagaan ribawi, menghidupkan transaksi wang dinar dan dirham menggantikan transaksi wang kertas yang nilainya bergantung kepada unsur-unsur spekulasi yang haram, mewujudkan pendidikan sepadu menggantikan pendidikan sekular, menghidupkan perniagaan yang tiada kompromi dalam urusan penjualan barangan yang bebas dari unsur-unsur haram dan syubahat, mewujudkan pusat-pusat perubatan yang mengamalkan nilai-nilai Islam dan sebagainya.
- II. Dimana mungkin, membentuk inisiatif-inisiatif oleh jemaah-jemaah Islam bagi mewujudkan pendidikan serta amalan Islam

yang bersanad secara langsung kepada jumbuh ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar. Ini termasuk membina pusat khidmat dan nasihat yang boleh menyalurkan fahaman Islam hakikat kepada masyarakat, dan bukannya Islam celup atau Islam separuh-separuh. Pusat-pusat kebajikan umat Islam juga boleh diwujudkan. Inisiatif-inisiatif ini perlu diketuai oleh golongan ulamak syariat dan tarikat yang muktabar. **Pastikan ianya tidak disabotaj oleh ulamak modenis, liberalis, moderatis dan suk yang ramai wujud masakini.**

- III. Dimana mungkin, membentuk inisiatif-inisiatif peribadi, individu dan keluarga dalam mencari pegangan dan amalan Islam hakikat. Inisiatif-inisiatif sebegini memerlukan wawasan dan komitmen yang tinggi. Golongan inilah yang akan menjadi pengguna dan pengamal kepada sistem-sistem alternatif yang diwujudkan oleh kelompok I dan II tadi.

Kaedah-kaedah ini sebenarnya telahpun dipraktiskan oleh sebilangan umat Islam yang tinggal di negara-negara Barat. Satu contoh yang baik ialah pengalaman masyarakat Gujerati di Afrika Selatan dan Britian. Bangsa mereka yang ramai bersusur galurkan kepada nasab orang-orang Arab, khususnya dari kalangan para sahabat Rasulullah SAW telah mampu memelihara kemurnian pengamalan ajaran-ajaran Islam dan budaya bangsa di tengah-tengah kehidupan masyarakat Barat yang jahiliyyah.

Orang-orang Gujerati telah lama mengambil inisiatif mewujudkan sistem-sistem alternatif khususnya dalam bidang perniagaan, pendidikan dan kebajikan mengikut konsep ISLAM SEPADU yang menjadi benteng kukuh daripada serangan budaya dan alam pemikiran Barat, kecuali dalam bidang perundangan Islam kerana dibataskan oleh sistem perundangan Barat yang menjadi undang-undang mutlak dan tertinggi di negara-negara tersebut.

Hasilnya kebanyakan mereka tetap dapat berteguh mengamalkan cara hidup Islam yang agak konservatif dan sejati dari aspek imej, pemakaian, cara hidup, ekonomi dan pendidikan, malahan ianya tumbuh subur dan berkembang biak¹¹⁶. Dengan penuh keyakinan dan

¹¹⁶ Keadaan ini telah menyebabkan media antarabangsa yang menjadi lidah Zionisme pernah mengeluarkan beberapa kenyataan yang menuduh masyarakat Islam di negara-negara Barat bersikap tertutup dan tidak mahu berasimilasi dengan orang-orang Barat, memandangkan mereka berjaya dalam membentuk sistem-sistem alternatif yang dapat membebaskan umat Islam daripada belenggu sistem-sistem Barat serta melihara pegangan mereka kepada ajaran Islam yang sebenar. Dan perkara inilah yang menimbulkan sakit hati kepada kuasa Yahudi dan Nasrani kerana tidak berjaya mencemarkan mereka walaupun di negara-negara Barat sendiri!

tinggi harga diri masyarakat Gujerati bercampur baur dengan orang-orang Barat serta mengambil bahagian secara aktif dalam urusan-urusan duniawi dan kehidupan moden tetapi tidak terbelenggu dengan sistem-sistem Barat dan merdeka daripada aliran pemikiran yang dijajah.

Inisiatif-inisiatif tersebut telah melahirkan masyarakat yang tidak keliru tentang ajaran Islam yang sebenar kerana sempadan antara kebenaran dan kebatilan telah digariskan dengan nyata dalam sistem-sistem alternatif yang diamalkan itu. Semuanya menjadi hitam-putih, antara mahu mengikut atau tidak sahaja!!

Protokol Cendekiawan Zionis No 5 menyebutkan :

*“ Rahsia kedua yang melayakkan kerajaan kita untuk mencapai kejayaan adalah terdiri daripada yang berikutnya; Untuk melipatgandakan kelemahan negara, tabiat-tabiat, keghairahan, keadaan sivil sehinggakan mustahil untuk seseorang itu dapat mengetahui kedudukannya di dalam kekalutan tersebut, supaya akhirnya orang ramai tidak dapat memahami diantara satu sama lain. Melalui kaedah ini juga perbalahan diantara semua pihak dapat disemai, kuasa bersepadu yang masih tidak bersedia untuk tunduk kepada kita akan dipecah-belahkan, dan sebarang bentuk **inisiatif** yang dapat menghalang urusan-urusan kita akan dapat dilemahkan.*

Tiada yang lebih merbahaya daripada inisiatif peribadi, jika adanya genius di belakangnya, maka lebih banyak yang dapat dilakukan oleh inisiatif tersebut daripada apa yang dibuat oleh berjuta-juta orang yang telah disemai oleh kita dengan perbalahan diantara mereka. Oleh itu kita sepatutnya mendidik masyarakat goyim supaya apabila mereka berhadapan dengan sesuatu perkara yang memerlukan inisiatif, mereka akan berputus asa kerana tidak berdaya...”

Apa yang bisanya dalam tindakan kelompok-kelompok, gerakan-gerakan dan jemaah-jemaah umat Islam mengadakan inisiatif-inisiatif sebegini ialah mereka tidak melibatkan diri dalam urusan politik mainan pemerintah-pemerintah sekular yang memudaratkan itu, tetapi menfokus hanyasanya kepada matlamat MEMPERKASAKAN UMMAH, ZAHIR dan BATIN. Iaitu dengan mengadakan pilihan-pilihan alternatif untuk mengambil ajaran dan amalan Islam yang sebenar menggantikan ajaran dan amalan songsang sistem-sistem sekular kerana merojakkan unsur-unsur kebenaran dengan unsur-unsur kebatilan.

Sebenarnya bukan sedikit bilangan umat Islam hari ini yang mula merasa muak, jijik dan rimas dengan agenda ahli-ahli politik sekular yang memperjudikan kepentingan Islam semata-mata untuk merebut

atau mempertahankan kuasa politik masing-masing. Kewujudan parti-parti politik sekular akan sentiasa menyebabkan umat Islam menjadi mangsa keadaan '*keluar mulut harimau, masuk mulut naga*' dan '*keluar mulut naga, masuk mulut buaya*'. Begitulah berulang-alik keadaannya selama mana ummah dikekang oleh sistem politik sekular.

Bagi sesiapa yang mencari jalan kebenaran Islam, mereka harus membuat inisiatif tanpa berteleku menunggu bilakah parti politik Islam akan menang dalam pilihanraya dan menegakkan negara Islam yang sebenar. Kerana dikhuatiri penantian tersebut umpama menunggu '*buah yang tidak gugur*' **kerana sistem pemerintahan sekular (demokrasi) yang tidak mendapat mandat Allah akan memastikan negara Islam hakikat tidak akan dapat ditegakkan sampai bila-bilapun!**

Oleh itu umat Islam harus memberi fokus, BUKAN KEPADA KAEDAH Mencari Kuasa Politik sebagai Jalan penyelesaian¹¹⁷, tetapi membuat inisiatif-inisiatif masing-masing untuk keluar atau meminimalkan ikatan dengan sistem-sistem sekular di pihak peribadi, individu dan keluarga. Golongan-golongan inilah yang akan menghasilkan kehendak atau '*demand*' yang banyak kepada pilihan-pilihan alternatif, maka inisiatif-inisiatif di pihak kelompok, gerakan serta jemaah-jemaah Islam amat diperlukan dalam keadaan yang mendesak ini untuk mewujudkan sistem-sistem Islam yang sebenar yang dapat dimanfaatkan mereka.

Mudah-mudahan inisiatif-inisiatif sebegini yang dibuat semata-mata demi menegakkan falsafah serta amalan ISLAM SEPADU dalam semua aspek kehidupan masyarakat Islam sebagai alternatif kepada belunggu sistem-sistem Barat akan mendatangkan nusrah dan rahmat Allah.

Ringkasnya sebagai generasi umat Islam yang berpotensi menghadapi Zaman Kebangkitan Ummah kali ke-2, kerja kita ialah memberikan sumbangan sedaya upaya dalam ikhtiar memecah belahkan semua kerangka, struktur dan sistem Barat. Cara yang paling berkesan ialah dengan membentuk inisiatif-inisiatif peribadi, individu, keluarga, kelompok, jemaah dan gerakan yang MELAWAN ARUS.

Sesungguhnya apabila ramai daripada kalangan umat Islam yang dapat mengambil inisiatif-inisiatif menegakkan semula kebenaran agama Allah, MEREKA AKAN KEMBALI BERSEPAKAT.

¹¹⁷ Kerana **politik memerlukan banyak kompromi**. Dengan matlamat meraih undi terbanyak, seringkali yang terpaksa dikorbankan ialah mana-mana Nilai, Neraca dan Tafsiran Islam yang berkonflik dengan Nilai, Neraca dan Tafsiran Barat.

Ibnu Umar pernah menceritakan daripada Rasulullah SAW bahawa:

‘Umatku tidak bersepakat diatas kesesatan’, (HR At-Tarmidzi)

Bermakna jikalau ummah mengambil jalan kebenaran, iaitu dengan mengamalkan semula konsep Islam Sepadu (bukan separuh-separuh) sudah tentu mereka akan kembali bersepakat! Sesungguhnya persepakatan dapat mewujudkan perpaduan dan kesatuan, maka barulah kekuatan ummah dapat direalisasikan semula.

Malahan jikalau ulamak-ulamak syariat dan tariqat yang muktabar dapat membentuk inisiatif-inisiatif seperti ini ia bukan sahaja mampu meningkatkan kembali bilangan pengikut Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar (yang telah banyak susut semenjak diselewengkan oleh golongan ulamak suk tajaan pemerintah sekular) yang boleh membawa kepada proses kesatuan semula umat Islam, malahan ianya berpotensi mengembalikan pemerintahan Islam hakikat.

Kerana pemerintah-pemerintah Islam yang hakikat wujud atas mandat dan takdir Allah SWT. Maka jikalau sesebuah masyarakat Islam itu mempunyai banyak ahlinya yang giat mengambil inisiatif dalam mengamalkan ajaran-ajaran Islam yang asli dan sepadu dimana mungkin, walaupun dikekang oleh pemerintahan sekular, maka ia berpotensi menjadi asbab turunnya takdir Allah dalam bentuk menghidupkan semula pemerintah-pemerintah hakikat, iaitu **sistem Raja-Raja Islam yang berdaulat** kerana mendapat mandatNya dan berperanan semula sebagai payung perlindunganNya atas umat Islam. Kemudian barulah turun BARAKAH dan KARAMAH umat Islam sebagai tenaga ampuh yang mampu menggempur musuh-musuh Allah dan RasulNya.

Rasulullah SAW telah bersabda:

“Sultan yang adil dan merendahkan diri adalah payung dan tombak Allah di dunia. Allah akan mengangkatnya sebagai 70 orang-orang yang benar .” (HR Ibnu Abi Syaibah)

“Sesungguhnya Imam adalah laksana perisai, dimana orang-orang akan berperang di belakangnya dan menjadikannya sebagai pelindung bagi dirinya.” (HR Muslim)

Maka pemerintah-pemerintah hakikat inilah yang kelak memimpin kabilah atau rakyat masing-masing di Zaman Peralihan yang bakal ditautkan kepada peristiwa besar penobatan Imamul Al-Mahdi Al-Muntazar oleh Allah SWT sendiri sebagai Khalifah ummah Akhir Zaman.


Barulah ummah cukup perisian zahir-batin mereka sebagai persediaan mencurahkan khidmat setia sebagai pengikut baginda dan Nabi Isa AS di Zaman Kebangkitan Islam yang ke-2 nanti!!

Ameen ya Rabbal 'Alameen.

Rasulullah SAW bersabda : “ *Islam asal dagang dan di Akhir Zaman nanti akan kembali dagang. Maka beruntunglah orang-orang yang berdagang.*”


Imam Hassan Al-Basri pula pernah menyatakan: “*Hendaklah kamu bersabar bersama dengan Ahlus Sunnah walaupun bilangan mereka sedikit di zaman dahulu dan sekarang. Mereka telah mempertahankan sunnah hingga ke akhir hayat.*”

PILIH LAH
JALAN YANG DITEMPUH
MENUJU AKHIR ZAMAN



¹¹⁸ Iaitu membuat usaha yang bersungguh-sungguh dalam mencari kebenaran agama di tengah-tengah lautan kebatilan, serta mengikuti jemaah hakikat yang dijanjikan Rasulullah SAW tetap akan ada sehingga Hari Kiamat. Juga mengurangkan ikatan dengan institusi-institusi sekular seperti institusi ribawi, pendidikan Barat dsbnya.

PILIH LAH
JALAN YANG DITEMPUH
MENUJU AKHIR ZAMAN




GERAKAN-GERAKAN POLITIK ISLAM TIDAK RELEVAN LAGI

FALSAFAH ASAL

- i. Menjaga kepentingan ummah selepas terlupusnya sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam.
- ii. Bersifat sementara dengan matlamat menghidupkan semula sistem tradisi tersebut.
- iii. Mengambil bahagian dalam politik sekular atas alasan darurat **(di sinilah letaknya jerat Yahudi & Nasrani)**

GERAK KERJA



FAKTA :

* Apabila gerakan-gerakan politik Islam redho berpayung di bawah sistem politik sekular, iaitu mengambil bahagian dalam pilihanraya yang berasaskan sistem demokrasi, realitinya mereka telah terjerat untuk mengakui ketuanan golongan kafir Barat dan kapitalis murabbin Yahudi yang hakikatnya menjadi penaja kepada sistem sekular ini, selain mengiktiraf sistem yang memberi nilai undi yang sama diantara umat Islam dengan umat kafir dan kelompok ateis.

**** Hakikatnya, politik sekular TIDAK AKAN;**

- i. Menjaga kepentingan umat Islam yang sebenar, sekadar digula-gulkan dan dikelabui mata mereka. Ahli-ahli politik sentiasa mengkompromi kepentingan umat Islam, mereka sanggup memperjudikan Islam demi mendapatkan kuasa atau memanjangkan tempuh di tampuk kuasa.
- ii. Mencapai matlamat penubuhan sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam yang berdaulat. Kaum Yahudi dan Nasrani yang menjadi penaja kepada sistem sekular tidak akan membiarkan mana-mana gerakan politik Islam menuju matlamat tersebut selama mereka berpayung di bawah sistem Barat itu, sekadar mengejar illusi kosong semata-mata. Hal ini dapat dibuktikan melalui dalil-dalil sejarah pemerintahan umat Islam sedunia

sepanjang tempuh wujudnya era politik sekular semenjak awal abad ke 20M sehingga ke hari ini.

*** Lama kelamaan ruang perjuangan gerakan-gerakan politik Islam dalam bidang-bidang lain juga **menjadi sempit**. Oleh kerana matlamat mereka ialah meraih undi terbanyak, parti-parti politik Islam terpaksa bersikap lunak dan berkompromi dalam hal ekonomi ribawi supaya jangan sampai golongan kapitalis murabbin meletakkan '*economic weight*' mereka kepada parti-parti lawan. Hukum-hakam Islam dalam hal pemerintahan 'kafir zimmi'¹¹⁹ juga terpaksa dilonggarkan supaya masyarakat bukan Islam dapat dipujuk untuk memangkah parti mereka pada hari pilihanraya. Pendidikan dan dakwah Islam juga terpaksa dilunakkan kerana ingin meraih undi majoriti umat Islam yang ramai dari kalangan mereka sudah lazim dengan sosio-budaya, tamaddun dan aliran pemikiran Barat hasil pemerintahan sekular yang berabad-abad lamanya itu.

**** Akhirnya serba-serbi ruang untuk perjuangan gerakan-gerakan politik Islam menjadi semakin sempit. Maka demi *survival* mereka, terpaksalah idealisme perintis-perintis awal ditinggalkan, iaitu untuk mengembalikan sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam seperti zaman pra-sekularisme, atas alasan terpaksa akur pada realiti zaman, bersyukur sahajalah kerana dapat menumpang sisa-sisa kuasa dari ahli-ahli politik sekular.

Apa yang paling tragis apabila sebahagian dari ahli gerakan politik Islam yang tidak sanggup melihat perjuangan jemaahnya tidak ke mana mengambil keputusan untuk keluar dan mengikuti parti politik sekular. Sedangkan yang lain menuntut reformasi, iaitu bersikap lebih liberal demi mengikuti peredaran masa. Maka lahirlah perlembagaan parti politik Islam ini yang baru, iaitu yang lebih baik sedikit sahaja daripada perlembagaan politik sekular. Akhirnya perjuangan mengembalikan sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam terkambus dalam sejarah gerakan politik jemaah, mereka mengkhianati ideologi dan idealisme golongan perintis jemaah.

¹¹⁹ Kafir zimmi ialah orang-orang kafir yang tunduk di bawah pemerintahan Islam dan mengaku akan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan kepadanya, contohnya membayar jizyah, menjaga diri dari mencerca agama Islam, menjaga diri dari sesuatu yang boleh mendatangkan mudarat kepada umat Islam, tidak boleh menampakkan kepada umat Islam perkara-perkara mungkar, mendakyahkan agama mereka dll. Adapun hak mereka sebagai kafir zimmi ialah mendapat jaminan perlindungan & keselamatan, serta dibiarkan melakukan upacara agama dan adat kelaziman sesama mereka dan lain-lain lagi.

Itulah nasib yang menimpa gerakan-gerakan politik Islam sedunia hari ini kerana mereka tertipu dengan konsep *'mengambil mandat rakyat'* dalam sistem pilihanraya berdemokrasi! Sesungguhnya pemerintahan umat Islam bukan hak sesiapa sahaja, tetapi adalah mandat Allah SWT yang dipertanggungjawabkan kepada sebahagian kecil dari kalangan mereka iaitu sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam yang mutlak dan berdaulat. Selagi gerakan-gerakan politik Islam tidak mahu menerima hakikat ini dan mengambil bahagian dalam sistem politik sekular, selagi itulah mereka akan sentiasa menjadi antara elemen-elemen yang bertanggungjawab memudaratkan kepentingan Islam dan umatnya.

SUATU SYOR
MENGUBAH PERJUANGAN GERAKAN-GERAKAN POLITIK ISLAM
KEPADA GERAKAN-GERAKAN ISLAM
(yakni dimansuhkan perkataan 'Politik')

FALSAFAH

- i. Menjaga kepentingan ummah selepas terlupusnya sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam.
- ii. Bersifat sementara dengan matlamat menghidupkan semula sistem tradisi tersebut.
- iii. Memperkasakan ummah bagi menghadapi Zaman Peralihan **(berbeza dengan konsep asal di sini)**.



FAKTA :

* Jikalauh gerakan-gerakan politik Islam hari ini **BERANI** membuat suatu anjakan paradigma yang besar dalam falsafah perjuangan mereka, iaitu mengambil langkah untuk mulai merenggangkan diri dari sistem politik sekular, sesungguhnya mereka telah menunjukkan pendirian yang cecal dan berani untuk tidak lagi redho bersyubahat/ bersekongkol dengan prinsip No 1 Protokol Cendikiawan Zionis seperti berikut, iaitu :

*“....Anda akan dapat melihat kemudiannya bahawa ini akan membantu kemenangan kita; Ia akan memberikan kita suatu kemungkinan untuk mendapatkan KAD INDUK (MASTER CARD), (iaitu) **pembinaan golongan bangsawan warisan** (genealogical aristocracy) yang merupakan satu-satunya golongan yang menjadi **pertahanan semulajadi** bangsa-bangsa dan negara-negara dari serangan kita. Dari pembinaan kelas bangsawan warisan (institusi raja-raja) yang bersifat fitrah itu kita telah membina golongan **‘bangsawan meritokrasi’ (ahli-ahli politik)** yang diketuai oleh golongan **‘bangsawan berduit’ (kapitalis).**”*

** Dengan mengambil inisiatif untuk meleraikan ikatan dengan politik sekular, gerakan-gerakan politik Islam kini bertukar menjadi gerakan-gerakan Islam (dimansuhkan kalimat ‘politik’) yang bebas dari belunggu ‘*tujuan menghalalkan cara*’ dan prinsip “*ambil kuasa dahulu, bila dah dapat mudahlah perjuangan Islam*¹²⁰” yang sebenarnya bukanlah konsep Islam.

*** Umat Islam akan lebih dapat menafaat jikalau gerakan-gerakan Islam memberi penumpuan kepada khidmat agama yang lain dari mengambil bahagian dalam sistem politik sekular. **Fokus patut diberikan kepada inisiatif-inisiatif jemaah dalam memperkasakan kembali umat Islam dengan cara mendidik semula ILMU & AMALAN UMMAH BERDASARKAN KEPADA PEGANGAN IJMAK ULAMAK AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH.** Umat Islam hari ini telah mengalami hambatan mental dan fizikal yang begitu parah sehingga menjadi benar-benar keliru tentang apakah ajaran Islam yang sebenarnya. Sehingga ada yang mula berjinak-jinak dengan pegangan dan cara hidup orang-orang kafir dan ada yang menjadi murtad!

¹²⁰ Rasulullah SAW pernah ditawarkan kemewahan, wanita, **kuasa** dan darjat oleh ketua-ketua kabilah Quraisy asal sahaja baginda berhenti dari menjalankan dakwah. Namun baginda tetap bertekad untuk meneruskan perjuangan dakwah Islamiyyah seperti sabdanya: “*Demi Allah jika mereka meletakkan matahari di kananku dan bulan di kiriku agar aku meninggalkan dakwah Islamiyyah, pasti tak akan aku tinggalkan, sebelum aku diberi kejayaan oleh Allah SWT atau aku binasa kerananya.*” Baginda sentiasa mengamalkan falsafah BENAR-SALAH dan TEGAS-TELUS-TULUS dalam perjuangannya.

**** Gerakan intensif harus ditumpukan kepada memesatkan **amalan tariqat** yang dapat melahirkan ahli-ahli zikir dan umat yang ikhlas dalam pegangan dan amalan agama mereka. Kerana itulah yang mampu menjana para aulia Allah walaupun sedikit bilangan mereka, kerana ianya mampu memberi 'jalan pintas' kepada penyelesaian semua masalah ummah serta menjadi asbab turunnya nusrat dan inayah dari Allah jalla jallaluh.

Apabila gerakan-gerakan Islam mengambil inisiatif untuk meleraikan dari mengambil bahagian dalam sistem-sistem batil, contohnya tidak lagi mengambil bahagian dalam sistem politik sekular serta jangan lagi mencampur adukkan kebenaran dengan unsur-unsur kebatilan dalam perjuangan mereka, walaupun secara berperingkat-peringkat, ia akan memberi isyarat dan contoh yang baik kepada umat Islam untuk mengambil berat tentang hal-hal ini.

Apabila umat Islam dapat diajak beramai-ramai supaya 'mendongak kembali ke langit' iaitu mencari jalan Allah yang sebenar dan bukan memandang ke peti-peti undi pilihanraya, sesungguhnya ia akan mendatangkan kesan yang lebih besar dan mendalam kepada perjuangan agama mereka¹²¹ kerana akan menarik kembali rahmat Allah SWT atas umat Islam.

¹²¹ Terutamanya apabila golongan ulamak yang mengambil bahagian dalam sistem politik sekular dapat kembali kepada peranan mereka yang sebenar iaitu sebagai pembimbing masyarakat Islam kepada ajaran-ajaran Islam hakikat tanpa perlu membuat apa-apa kompromi.

Bab 22

Membentuk Inisiatif-Inisiatif Gerakan Islam

Selain daripada inisiatif-inisiatif jemaah dalam bentuk mewujudkan sistem-sistem alternatif kepada umat Islam yang dapat meminimalkan ikatan dengan sistem-sistem sekular, gerakan-gerakan Islam juga disyorkan mengambil langkah-langkah berikut, iaitu ;

1. *Membuat apa jua gerak kerja yang difikirkan sesuai dengan mengambil kira faktor-faktor asas ini;*

- i. Menginsafi bahawa hanya sistem Khilafah (termasuk Raja-Raja Islam) yang mutlak dan berdaulat sahaja yang mempunyai legitimasi agama serta dapat mengembalikan kekuatan dan kegemilangan umat Islam.
- ii. Bahawa menjadi kewajipan UMMAH untuk mengembalikan pemerintahan Khilafah sebagaimana di zaman PRA SEKULARISME.

Sabda Rasulullah SAW :

“ Barangsiapa yang meninggal dunia tanpa menyaksikan (dalam masa hidupnya) (institusi) bai’ah (sumpah taat setia yang memberikan legitimasi kepada pemerintahan umat Islam) adalah seolah-olah dia meninggal di dalam keadaan jahiliyyah .” (HR Muslim)

- iii. Menyedari bahawa pembentukan semula institusi Raja-Raja Islam adalah satu-satunya cara yang paling praktikal yang mampu mewujudkan semula sistem Khilafah. Secara teorinya, Khilafah boleh dihidupkan semula jika negara-negara Islam bersetuju untuk kembali kepada corak pemerintahan beraja sebagaimana zaman dahulu kala. Apabila perkara ini dapat dizahirkan, maka Raja-Raja Islam daripada kesultanan-kesultanan ini bolehlah berpakat untuk melantik salah seorang dari mereka sebagai Khalifah, apatah lagi di kalangan Raja-Raja Islam hari ini ramai mempunyai darah Rasulullah SAW. Bandingkan dengan corak kepimpinan negara-negara Islam hari ini (sistem parti politik) yang banyak membuka ruang untuk pergolakan politik yang mencetuskan pecah belah.

- iv. Menginsafi bahawa sistem sekular akan musnah jua akhirnya apabila sampai takdir Allah SWT nanti, iaitu sebelum zaman kemunculan Imam Mahdi AS. Oleh itu harus wujud di kalangan umat Islam golongan yang bercita-cita mendapatkan penghormatan menjadi ASBAB kemusnahan sistem yang bersifat syirik ini. Ianya akan mencetuskan persaingan yang sihat diantara mereka¹²².

2. Gerak kerja yang dibuat perlu menggunakan pendekatan berikut iaitu 'act small, think big' atau 'bertindak secara kecil-kecilan tetapi mesti bercita-cita besar'. Antara langkah-langkah yang dicadangkan ialah

- i. Menyebar luaskan ilmu-ilmu pemerintahan umat Islam yang sebenar termasuk sejarah umat Islam yang sebenar.
- ii. Menyebar luaskan latarbelakang sejarah Yahudi dan Nasrani yang mencetuskan sistem-sistem pemerintahan Barat.
- iii. Mendedahkan falsafah-falsafah syirik yang wujud di sebalik kerangka dan struktur pemerintahan Barat yang menyebabkan UMMAH sedunia kehilangan hakikat.
- iv. Menyedarkan bahaya yang mengancam kewujudan UMMAH jika mereka masih terus berpegang pada sistem-sistem Barat kerana nusrah Allah secara keseluruhannya tidak akan dapat digapai selama mana ummah masih mengamalkan sistem-sistem kufur.
- v. Menyedarkan umat Islam bahawa kita sedang berada di penghujung zaman Mulkan Jabiriyyan dan dalam proses memasuki Zaman Peralihan, insyaAllah berdasarkan pemerhatian kepada tindak-tanduk Yahudi dan Nasrani sejak akhir-akhir yang tidak lagi berselindung dengan kejahatan mereka. Golongan munafik di kalangan umat Islam juga sudah mulai terserlah. Ini bermakna takdir Allah sedang dimenifestasikan secara langsung dalam bentuk 'PENGASINGAN UNSUR-UNSUR HAK DENGAN YANG BATIL'.

¹²² Rujuk kisah sahabat-sahabat Rasulullah SAW dan para pejuang Islam yang cuba mendapatkan janji Allah mengenai penaklukan Kota Konstantinople oleh 'Amir & tentera yang terpilih'. Walaupun mereka gagal meraih janji tersebut kerana ianya hanya dizahirkan lebih 600 tahun selepas diberitakan oleh Rasulullah SAW, mereka tetap mendapat ganjaran setimpal atas keikhlasan ikhtiar mereka mendapatkan penghormatan dari Allah itu sehingga terkorban syahid.

- vi. Menyedarkan umat Islam bahawa Zaman Peralihan adalah zaman kembalinya manusia kepada fitrah mereka. Di zaman ini manusia dituntut untuk memilih samada mahu bersama dalam jemaah yang batil atau jemaah yang hakikat (firqah Ahlus-Sunnah Wal Jamaah yang tulen serta sistem pemerintahan Khilafah dan wakilnya seperti raja-raja Islam).
- vii. Perkasakan ummah dengan mengembalikan ilmu-ilmu Islam hakikat, didik dan jana ulamak-ulamak hakikat yang dapat mengembalikan kemurniaan ajaran Islam serta menjadi benteng dan perisai ummah yang ampuh dari serangan ulamak-ulamak suk.
- viii. Berikan kefahaman mengenai tipu daya Yahudi dan Nasrani dan didik semula umat Islam tentang falsafah dan aliran pemikiran umat Islam yang sebenar. Kembalikan kefahaman kepada NILAI, NERACA dan TAFSIRAN ISLAM menggantikan NILAI, NERACA dan TAFSIRAN BARAT.
- ix. Ceritakan mengenai tonggak-tonggak salafus soleh supaya mendatangkan inspirasi kepada umat Islam yang dahagakan kisah-kisah sejarah Islam yang mampu mencetuskan semangat dan daya juang yang tinggi.

3. Tujuan menyebarkan ilmu dan kefahaman-kefahaman di atas adalah dalam ikhtiar kita mencapai matlamat-matlamat yang berikut, iaitu

- i. Bagi mencetuskan KEHENDAK yang tercetus daripada NAWAITU YANG IKHLAS oleh ummah sejagat untuk **kembali pada kerangka dan struktur-struktur pemerintahan yang berfalsafahkan konsep Tauhid.** Selama ini ummah belum pernah bersatu hati dalam nawaitu yang ikhlas yang menginginkan corak pemerintahan Islam yang sebenar, kerana terkeliru atau redho dengan corak pemerintahan kuffar.

Mereka tidak pernah tahu bahawa sistem yang dipegang boleh mengancam aqidah, malahan redho duduk di bawah sistem ini atas alasan 'mengambil kira realiti semasa'. Sistem pemerintahan Islam yang tulen tidak pernah sekurang-kurangnya menjadi suatu IDEALISME yang diambil ikhtiar untuk diusahakan. Segala tenaga dan kerja untuk menjaga kepentingan ummah digerakkan di bawah

kerangka dan struktur jahiliyyah tanpa cuba mencari ikhtiar memecahkan kerangka dan struktur tersebut.

- ii. Menerbitkan gagasan-gagasan berdasarkan pegangan untuk kembali kepada idealisma umat Islam yang sebenar, yang mana kita sentiasa mencari jalan untuk mengerakkan inisiatif-inisiatif jemaah bagi mencapai idealisme tersebut tanpa memberikan tarikh lupus.

4. *Mengerakkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dapat menarik kembali rahmat Allah atas ummah sejagat*

- i. Menganjurkan majlis-majlis solat hajat dan taubat beramai-ramai dengan matlamat memohon kepada Allah SWT supaya dipulangkan sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam yang berdaulat kepada UMMAH.
- ii. Menganjurkan majlis-majlis zikir, ilmu, tahlil, ratib-ratib dan sebagainya sebagai aktiviti-aktiviti masyarakat yang dapat melawan majlis-majlis mungkar.
- iii. Menganjurkan majlis-majlis kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul, Tahun Baru Hijrah, Hari Asyura, Aidul Fitri dan Aidul Adha yang dipenuhi dengan hiburan berunsurkan Islam seperti marhaban, qasidah, nasyid, hadrah, nazam dan sebagainya sebagai alternatif kepada masyarakat yang ingin berekreasi dan bersosial dalam majlis-majlis yang penuh berakat disamping dapat meraih ganjaran pahala dari Allah.
- iv. Menganjurkan amalan tariqat yang merupakan salah satu sendi kekuatan ummah yang sebenar dan suburkan majlis-majlis tariqat yang diketuai oleh syeikh-syeikh tariqat yang muktabar. Membidas fitnah ulamak moden yang menuduh semua ajaran tariqat sebagai bidaah sesat.

Bab 23

Satu seruan:

“ Keluarkan sifat Yahudi dari hatimu ”

Kami pernah mendengar suatu kisah yang diceritakan oleh seorang sahabat. Bahawa seorang kenalannya telah bermimpi bertemu dengan Nabi Musa AS. Dalam mimpi tersebut kenalannya itu telah mengadukan tentang tragedi umat Islam hari ini yang begitu parah, lalu meminta nasihat baginda apakah cara terbaik yang dapat memulihkan kecelakaan ini.

Apabila mendengar keluhan sahabat tersebut, Nabi Musa AS yang terkenal dalam sejarah nabi-nabi sebagai seorang Rasul yang berperibadi tegas telah menunjukkan kemarahan baginda yang amat, lantas berkata:

“Sesungguhnya jikalau umat Islam hendak menyelesaikan masalah mereka, maka keluarkanlah sifat Yahudi dari hatimu!! ”

Peristiwa ini bukanlah cerita rekaan melainkan benar-benar terjadi sekitar beberapa tahun yang lalu kepada seorang mukmin yang sedang keluar di jalan Allah. Pada mula mendengar kisah mimpi tersebut, kami kurang faham tentang maksud nasihat Nabi Musa AS itu. Bagaimanapun setelah membuat kajian yang mendalam dan menghalusi sejarah orang-orang Yahudi dari berbagai sudut serta tipudaya dan dominasi mereka yang mencengkam seluruh jagat raya pada zaman ini, maka barulah kami faham betapa relevannya nasihat yang disampaikan oleh Nabi Musa AS itu kepada umat Islam masakini.

Hakikatnya, kerana terbelenggu dengan sistem-sistem sekular ciptaan *Yahudi wa Nasara* selama berabad-abad lamanya, umat Islam telah mengambil sikap dan perangai buruk orang-orang Yahudi, khususnya dalam bab suka ‘MENCARI HELAH’ dan ‘BERSIKAP SAMAR’. Kebanyakan orang-orang Yahudi sangat gemar memutarbelitkan perkataan-perkataan mereka serta bersikap samar kerana dari zaman Nabi-Nabi dahulu mereka tidak suka mengikut perintah-perintah Allah. Kerana perintah-perintah Allah mengekang hawa nafsu mereka, oleh itu kaum Yahudi sentiasa mencari helah supaya dapat melanggar segala perintahNya tanpa dilihat keji di mata orang-orang lain.

Rasulullah SAW telahpun memberi amaran mengenai sifat orang-orang Yahudi ini;

“Janganlah kamu berbuat dosa seperti perbuatan orang-orang Yahudi, mereka menghalalkan larangan-larangan Allah dengan (membuat-buat) helah yang paling kecil. ”

(HR Abu Abdillah bin Baththah dengan sanad yang baik dan diakui oleh Tarmidzi)

Pernah kaum Yahudi mencipta berbagai jenis permainan judi dan minuman keras di Kan'an, maka apabila ditegor oleh Nabi Yushua' mengenai larangan Allah untuk berjudi dan minum arak, mereka menjawab ianya dibuat bukan untuk diri mereka, tetapi adalah untuk melalaikan kaum-kaum lain yang telah diperhambakan supaya tidak bangkit beramai-ramai menentang mereka. Apabila Nabi Yushua' mengatakan bahawa manusia bukan diciptakan Allah untuk melakukan maksiat dan kedurjanaaan, jawab mereka Tuhan adalah untuk kaum Yahudi semata-mata dan bangsa-bangsa lain tidak ada kena mengena dengan hal ini!!

Sebuah Hadeeth Rasulullah SAW ada menyebut tentang satu lagi peristiwa helah kaum Yahudi :

“Allah telah melaknat orang-orang Yahudi, sesungguhnya Allah telah mengharamkan lemak ke atas mereka, lalu mereka menjualnya, kemudian memakan hasil jualannya. Dan sesungguhnya apabila Allah telah mengharamkan memakan sesuatu ke atas satu-satu kaum, maka Dia juga mengharamkan harganya keatas mereka.”

(HR Ahmad & Abu Dawud)

Perbuatan mencairkan lemak oleh orang-orang Yahudi itu adalah helah supaya mereka dapat menjual dan memakan harganya. Mereka mendakwa kononnya telah mematuhi perintah Allah yang mengharamkan lemak keatas mereka, tetapi mereka memutar belitkan perintah tersebut dengan mencairkan lemak dan mengatakan ia bukan lagi lemak lalu menjual dan memakan harganya¹²³.

Allah SWT sendiri pernah menyebut mengenai sifat putarbelit kaum Yahudi ini dalam Al-Quran sebagai peringatan :

“Dan tanyalah kepada mereka mengenai penduduk kota yang terletak di tepi laut, semasa mereka melanggar pada hari Sabtu, ketika datang kepada mereka hari Sabtu itu ikan-ikan yang kelihatan timbul di muka air sebagai cubaan, sedangkan pada hari-hari yang lain tidaklah

¹²³ Umat Rasulullah SAW telah ditegah untuk memakan daging khinzir. Maka kita tidak tergamak untuk mencari keuntungan dengan cara menjual atau membuat apa sahaja yang berkaitan dengan binatang tersebut.

pula datang kepada mereka. Demikianlah Kami menguji mereka, kerana mereka itu sentiasa berlaku fasiq.” (Al-A’raf : 163)

Ulamak tafsir ketika menafsirkan ayat ini menyebut bahawa orang-orang Yahudi memasang bubu-bubu perangkap ikan di laut pada hari Sabtu dan mengangkatnya semula pada hari Ahad. Apabila ditanya mengapa mereka tidak menta’ati perintah Allah supaya jangan menangkap ikan pada hari Sabtu, mereka menjawab :

“Kami bukan menangkap ikan pada hari Sabtu, tetapi kami menangkapnya pada hari Ahad.”

Perhatikan pula bagaimana sifat putarbelit dan kesamaran masih tetap menjadi sebahagian dari jatidiri orang-orang Yahudi sehingga pada hari ini. Setelah tertegaknya kerajaan Yahudi (haram) di Palestin dalam tahun 1948M, Perdana Menteri yang pertama enggan mengisytiharkan sempadan negara tersebut. Ianya sebenarnya menyembunyikan hasrat kepimpinan Zionisme untuk meluaskan jajahan negara Yahudi dengan merampas tanah-tanah penduduk pribumi Palestin dan kawasan-kawasan disekitarannya.

Pada mutakhir ini mereka telah mula membina tembok-tembok batu serta jaringan-jaringan besi yang tinggi dan kukuh yang membentuk lingkaran besar, alasan mereka bagi melindungi penduduk-penduduk (haram) Yahudi daripada ancaman ‘pengganas’ Islam Palestin, sedangkan apa yang sebenarnya berlaku ialah mereka telah mula membina sempadan fizikal di kawasan-kawasan orang Arab. Begitulah putarbelit orang-orang Yahudi dari zaman dahulu sehingga ke hari ini.

Mencari helah dan bersikap samar adalah taktik-taktik yang digunakan untuk bermudah-mudah dengan hukum Allah yang sering dilakukan oleh orang-orang yang suka menggunakan akal semata-mata bagi MEMBATALKAN sunnah-sunnah Rasulullah SAW. Menurut Al-‘Allamah Ibnu Al-Qayyim *rahimahullah*:

“Helah tidak dapat menghalalkan yang haram dan tidak pula mengharamkan yang halal.”

Cuba kita fikirkan mengapa orang-orang politik dimana-manapun dalam dunia moden dilabel sebagai ‘golongan yang paling tidak boleh dipercayai’. Semua orang tahu bahawa dalam sistem sekular, tidak ada konsep ahli-ahli politik yang telus dan tulus. Merekalah golongan yang paling tidak boleh diharap untuk menjaga hal ehwal dan kepentingan

umat Islam¹²⁴. Kebanyakan dari mereka amat suka bermudah-mudah dalam urusan-urusan agama dengan mencari berbagai helah dan bersikap samar. Mereka bermaksud untuk menghalalkan apa yang Allah telah haramkan, melonggarkan apa yang Allah telah ketatkan dan meluaskan apa yang Allah telah sempitkan. Dengan taktik helah dan kesamaran mereka, perkara-perkara yang batil diperlihatkan kepada orang-orang awam sebagai kebenaran.

Hakikatnya konsep kesamaran dan putarbelit mainan orang-orang politik sekular adalah berasal dari politik orang-orang Yahudi yang telah di 'fine tune' untuk tempuh berabad-abad lamanya. Teliti sajalah panduan Protokol-Protokol Cendekiawan Zionis yang mengutarakan kaedah-kaedah bagaimana hendak mewujudkan kesamaran dan putarbelit supaya agenda sebenar gerakan Zionisme dapat disembunyikan.

Protokol Cendekiawan Zionis No 4 menyebutkan :

*“Untuk menguasai pendapat awam, kita mestilah menyebabkan orang ramai menjadi **kebingungan dengan mengutarakan pelbagai pendapat yang bercanggah dari semua pihak untuk suatu jangkamasa yang cukup untuk menyebabkan GOYIM menjadi bercelaru dengannya**, dan akhirnya berpandangan bahawa jalan terbaik untuk mereka adalah untuk tidak mempunyai sebarang pendapat di dalam hal-hal berkaitan politik yang bukannya untuk difahami oleh orang awam kerana ianya hanya dapat difahami oleh orang yang memimpin orang ramai¹²⁵. Ini adalah rahsia yang pertama.”*

Apabila seluruh dunia sudah dilazimkan dengan mainan politik sekular dan propaganda media Yahudi yang amat berpengaruh, umat manusia pun jadilah seperti orang-orang Yahudi, termasuklah sebahagian besar dari kalangan umat Islam. Sikap buruk tersebut menjadi pakaian daripada kepimpinan teratas sehinggalah menurun kepada rakyat awam yang akan sentiasa berhelah dan bersikap samar supaya mana-mana perintah Allah yang dirasakan agak keras atau mengekang hawa nafsu tidak perlu dipatuhi.

Sesungguhnya orang-orang yang benar-benar beriman dan bertaqwa serta alim-ulamak hakikat telah mengetahui bahawa membuat helah terhadap Allah dan agamaNya adalah tidak harus, maka

¹²⁴ Sedangkan ahli-ahli politik yang baik dan idealistik amat kecil bilangannya, tidak berpengaruh, dan samada akan dikorupsikan kemudiannya, 'dimuntahkan' keluar oleh sistem politik itu sendiri ataupun dikekang perjuangan mereka oleh politik arus perdana.

¹²⁵ Dan kita boleh jangkakan siapakah yang bersembunyi di belakang kepimpinan orang ramai itu. Sudah tentulah golongan Yahudi Zionis!

barangsiapa yang melakukannya juga **dianggap telah melakukan tipudaya terhadap Allah dan RasulNya.**

Maka seperti nasihat Nabi Musa AS tadi, umat Islam perlu berikhtiar mencabut segala sifat-sifat Yahudi yang telah berakar umbi dalam diri mereka sebagai langkah paling utama dalam matlamat mengembalikan kemurnian keperibadian ummah sesuai dengan akhlak dan keperibadian yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.

Ringkasnya ada beberapa sifat yang perlu dikembalikan kepada umat Islam yang dapat mencuci bersih-bersih segala penyakit Yahudisme yang telah bersarang dalam diri mereka. Sifat-sifat yang berbentuk ubat pemulih ini dikutip daripada akhlak dan jatidiri para *salafus soleh* yang boleh dijadikan tauladan kepada umat Islam. Mudah-mudahan dengan mengamalkan beberapa sifat penting ini ianya mampu menjadi senjata ampuh yang dapat membunuh segala sifat Yahudisme yang jelek itu.

PERTAMA : **Mengamalkan falsafah TEGAS, TELUS, TULUS**

Sesungguhnya sifat TEGAS, TELUS, TULUS adalah keperibadian mulia para *salafus soleh* dan ianya mempunyai dua saudara kembarnya iaitu BERANI KERANA BENAR dan KALAU SALAH TOLONG TUNJUKKAN.

Sifat TEGAS yang dimaksudkan di sini ialah bertegas dalam mempertahankan kebenaran Islam, termasuk bertegas dalam mengamalkannya (iaitu tidak bersikap lunak atau '*apologetic*' dalam hal-hal keagamaan). Ianya berlawanan dengan sifat Yahudi yang suka mencari helah. Kita perlu bersikap tegas kerana ajaran-ajaran Islam itu adalah dari Allah yang tidak boleh diambil separuh dibuang separuh mengikut sesuka hati dan hawa nafsu kita. Para *salafus soleh* lebih rela dihukum sebat dan dipenjarakan daripada bersikap lunak dalam urusan-urusan agama. Pendirian dan perjuangan mereka untuk menegakkan ajaran-ajaran Islam **tanpa kompromi** di tengah-tengah kezaliman pemerintah mencetuskan semangat dan sumber inspirasi kepada ummah dan mendatangkan redho Allah.

Sifat TELUS tidak membuka ruang kepada unsur-unsur putarbelit dan kesamaran. Orang yang bersikap telus adalah orang-orang yang amanah kerana mereka tidak takut kepada penelitian mana-mana pihak kerana tidak ada apa kepentingan peribadi atau korupsi yang perlu disorokkan. Setiap perbuatannya adalah terbuka untuk sebarang tegoran membina.

Sifat TULUS pula ialah mereka yang tidak bermain dengan kata-kata. Apa yang dikatakan itulah yang dimaksudkan. Seseorang yang mempunyai sifat tersebut boleh dipegang kata-katanya kerana ia akan bertanggungjawab terhadap setiap perkataan yang dikeluarkan dan tidak berdolak-dalik.

Sesungguhnya sifat TEGAS, TELUS, TULUS yang mempunyai dua saudara kembarnya itu adalah berlawanan dengan sifat-sifat Yahudisme kerana ianya bukan sahaja dapat menzahirkan kebenaran Islam *'without fear or favour'*, malahan tidak dapat membuka ruang kepada unsur-unsur helah dan tipudaya kerana tidak wujud ruang kesamaran. Ianya juga akan mendatangkan rahmat dan keredhoan Allah kerana hati dijaga supaya sentiasa bersih dari niat-niat yang tidak ikhlas.

Kesimpulannya dalam memperjuangkan kebenaran, umat Islam perlu bersikap tegas **kerana yang diperjuangkan itu bukan kehendak-kehendak peribadi mereka yang boleh ditolak-ansur, tetapi adalah kehendak-kehendak Allah yang tidak boleh dikompromi** kerana akan dipertanggungjawabkan di Hari Hisab kelak. Bersikap tegas dan tiada berkompromi dalam hukum-hakam agama yang telah jelas dan nyata (iaitu telah disepakati oleh jumur ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah semenjak berkurun lamanya) akan menutup ruang kepada sebarang unsur-unsur helah dan tipudaya, oleh itu ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya dapat diamalkan.

Mereka juga tidak perlu takut dengan penelitan dari mana-mana pihak sebab *'berani kerana benar'*. Jikalau tidak mampu melaksanakan mana-mana perintah Allah, akui sahaja kelemahan sendiri, pasang niat akan cuba baiki diri tetapi jangan sekali-kali mencari helah atau berdolak-dalik sehingga perkara-perkara yang haram dihalalkan, yang halal diharamkan sehingga menyebabkan penyelewengan dalam hukum-hakam agama yang sebenar.

Dan demi menunjukkan ketulusan hati, umat Islam seharusnya bersedia menerima tegoran. Tiada manusia yang terlepas dari kesilapan kerana yang maksum hanya para Nabi dan Rasul. Menerima tegoran dengan berlapang dada akan membunuh sifat ego yang tidak baik serta membina sifat rendah diri yang mulia. Bagaimanapun tegoran tersebut haruslah bersifat membina, bukan atas maksud hasad atau membinasakan, mahupun yang ingin membunuh semangat dan daya juang umat Islam.

Jika dipraktikkan falsafah ini dalam kehidupan harian, insyaAllah sifat Yahudi tidak lagi berpeluang untuk bersarang dalam diri kita.

Mudah-mudahan keadaan ini akan mengembalikan kehormatan dan harga diri umat Islam.

KEDUA :

Berpegang pada konsep BENAR-SALAH, bukan MENANG- KALAH atau UNTUNG-RUGI (materialisme).

Mengikut kamus *Oxford Advanced Learners* takrif 'menang' ialah menjadi paling berjaya dalam pertandingan, perlumbaan, peperangan dan sebagainya. Ianya juga bermaksud kejayaan yang berbentuk pencapaian kebendaan, kesihatan, kuasa, darjat dan sebagainya.

Sedangkan kemenangan yang hakikat ialah apabila seseorang itu dapat hidup dan mati dalam rahmat dan keredhoan Allah serta mendapat ganjaran syurga di Alam Akhirat nanti. Lebih tinggi tingkatnya di syurga bermakna lebih besarlah kemenangannya di sisi Allah SWT.

Umat Islam tidak seharusnya terpedaya dengan konsep 'menang' tafsiran orang-orang Barat kerana ia tidak mengambil kira akan kehendak-kehendak Allah sebagai Pencipta seluruh alam dan seisinya. Sesungguhnya segala kemenangan duniawi tidak mempunyai makna apa-apa jikalau kehidupan seseorang itu sentiasa dalam murka Allah dan matinya dalam keadaan kufur. *Nauzubillahiminzalik.*

Perlu ditekankan di sini bahawa kehidupan duniawi adalah terbendung di bawah konsep takdir, atau Qada' dan Qadar Allah. Ianya adalah salah satu dari iqtikad penting pengikut Ahlus Sunnah Wal Jamaah. **Bermakna manusia perlu berikhtiar tetapi hasil buruk baiknya adalah ketentuan dari Allah SWT jua.**

Contohnya dalam perjalanan sejarah umat Islam, terdapat usaha agama yang bersungguh-sungguh dilaksanakan tetapi tidak mendatangkan KEMENANGAN ATAU KEUNTUNGAN DUNIAWI, contohnya perang dengan orang-orang kafir, kadang-kadang umat Islam menang, kadang-kadang mereka kalah. Ataupun ikhtiar bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh golongan pendakwah supaya umat Islam dapat kembali menjadi orang-orang yang bertaqwa, namun seruan mereka dipandang sepi, seolah-olah '*mencurah air ke daun keladi*', malahan mereka terdedah kepada cemuhan dan kutukan, silap haribulan dituduhnya sebagai pengganas. Kalau diikutkan hati, memang nak pencen dari tanggungjawab yang amat berat ini.

Hakikatnya faktor Menang-Kalah dalam urusan duniawi adalah tertakluk di bawah takdir Allah dan tidak harus dijadikan matlamat umat Islam. Kerana dalam perjalanan dunia, Allah SWT telahpun menetapkan

'skripnya', iaitu samada kita ditakdirkan hidup dalam zaman gemilang atau zaman musibah ummah, zaman turun atau zaman naiknya bangsa kita, nasib baik atau nasib buruk yang menimpa diri atau keluarga kita. Semuanya sudah tertulis di *azalli* lagi. Itulah sebabnya selain disuruh berusaha dalam hidup termasuklah berdo'a, umat Islam juga diminta supaya bertawakkal (iaitu menyerah kepada Allah) serta bersabar dan redho jika ditimpa musibah kerana itu sudah menjadi ketentuanNya.

Bagaimanapun dalam mengharungi penghidupan apa yang paling penting ialah mengambil prinsip **berpegang dan berjuang atas hakikat kebenaran dalam TITIK MULA, LANDASAN KERJA dan MATLAMAT. Kerana perkara inilah yang sebenarnya dinilai Allah dan menjadi faktor yang akan membawa KEMENANGAN MUTLAK DI SISINYA.**

Bermakna kemenangan/keuntungan duniawi tidak menjamin faktor kemenangan di sisi Allah, apa yang penting ialah ikhtiar seseorang itu untuk mencari keredhoanNya dalam segala urusan hidup. Selain itu ia perlu bersikap redho dan bersabar dalam pegangan serta amalan agamanya walau apapun ujian yang menimpa.

Apakah kriteria-kriteria seperti 'kalah perang', 'bilangan ahli yang sedikit', 'tidak kaya', 'tidak terkenal' 'tidak glamour' dan sebagainya patut dijadikan ukuran kemenangan atau kekalahan umat Islam? Adakah dengan keadaan imej umat Islam yang begitu hina pada hari ini dibandingkan dengan imej umat Kristian di mata kebanyakan umat manusia, bermakna agama Islam itu kalah dan agama Kristian yang menang? Kalau itulah ukurannya, bermakna teramat singkatlah pemikiran mereka, terpedayalah mereka dengan tipudaya Barat.

Soalnya, keredhoan siapakah yang kita cari, keredhoan manusia atau keredhoan Allah SWT??

Hakikatnya racun sistem sekular telah berjaya mendidik manusia untuk memandang segala-galanya dengan pandangan lahiriyah semata-mata kerana falsafah sekular tidak ada konsep pandangan batiniyyah. Maka kalau pada zaman ini umat kafir Barat sentiasa menang perang, kaya, mewah, canggih, berimej baik dan mempunyai jumlah ahli yang banyak sedangkan mereka tidak bermoral, ateis, pelaku maksiat dan tetap mati sebagai ahli kuffar, adakah bermakna mereka akan menang di sisi Allah?

Oleh itu dalam zaman yang penuh pancaroba bagi umat Islam sedunia ini, seharusnya **kita jangan terkesan** dengan keadaan yang berlaku di sekeliling dan jangan membiarkan diri kita terpesona dengan imej kemewahan, kemodenan, kecanggihan, keuntungan dan

keseronokan umat kafir terutamanya umat Barat yang dipaparkan dalam media-media tajaan mereka dengan secara meluas. Begitu juga dengan kerja-kerja dakwah dan tabligh yang tidak mendapat pengikut yang ramai.

Buatlah kerja-kerja dan perjuangan agama dengan penuh ketetapan serta keikhlasan hati kerana ukuran kejayaan manusia yang sebenar adalah untuk Allah menilainya, bukan umat manusia, apalagi umat kafir Barat.

Dalam hal ini, seorang ulamak yang bernama Maulana Rashid Ahmad Gangohi jika melihat sesiapa yang berkobar-kobar bekerja untuk reformasi agama, beliau akan mengatakan kepadanya :

“Saudara, teruskan usahamu kerana kamu akan diganjari, tetapi jangan harapkan hasil kemajuan yang besar. Kerana bukan keislahan, sebaliknya kerosakan akan bertambah. Pengislahan yang berkesan hanya akan disempurnakan oleh Imam Mahdi.¹²⁶” (Majalah bulanan An-Noor, Thanaah Bhawan, Zulhijah 1347M)

Dikatakan mengenai Sultan (Khalifah) Abdul Hamid dari Daulah Othmaniyyah yang bersungguh-sungguh cuba menghalang agenda Pertubuhan Zionisme mendapatkan tanah Palestin di awal abad ke 20M (seperti yang telah diceritakan sebelum ini), baginda bukan sahaja gagal dalam ikhtiar tersebut malahan Sultan Abdul Hamid pula yang digulingkan melalui pakatan Yahudi Zionisme yang kemudiannya membawa kehancuran Khilafah Othmaniyyah. Maka apabila empat orang ahli parlimen (sekular) dari bangsa Albania, Greek, Yahudi dan Armenia berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid selepas peristiwa penggulingan dirinya sebagai Khalifah ummah, baginda tetap dapat menjaga kehormatan dan harga dirinya dengan mengulas :

“ Inilah kismet (Bahasa Arab untuk takdir),Beta tidak bersalah.¹²⁷”

¹²⁶ Kata-kata tersebut merujuk kepada usaha pemulihan Islam dalam zaman Mulkan Jabariyyan (zaman tertegaknya kerajaan-kerajaan menyeleweng) yang menjadi Qada' dan Qadar Allah itu. Bermakna bagi sesiapa yang berhasrat untuk melihat pemulihan Islam pada zaman tersebut atas kerja agama yang dibuat, mereka akan dikecewakan. Kerana hanya selepas berakhirnya zaman Mulkan Jabariyyan barulah muncul zaman pemulihan Islam secara menyeluruh (Zaman Al-Mahdi dan Nabi Isa). Oleh itu falsafah yang harus dipegang dalam zaman Mulkan Jabariyyan ialah, buat sahaja usaha agama dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas, jangan mengalah walaupun tidak nampak hasil usaha yang dikerjakan. Apa yang paling penting ialah usaha yang dibuat itu menepati kehendak Allah yang mendatangkan keredhoanNya. Dalam lain makna, pegang kepada falsafah Benar-Salah, bukan Menang-Kalah atau Untung-Rugi (materialisme).

¹²⁷Zariana Abdul Rahman; *'Hitler & The Wandering Jew, Al-Ahad Enterprise'*, 1994, hlm 30. Sultan Abdul Hamid telah menunaikan tanggungjawab baginda sebagai Khalifah umat Islam dan

Sesungguhnya apa yang berlaku kepada Sultan Abdul Hamid merupakan suatu contoh nyata bahawa konsep perjuangan BENAR-SALAH tidak menjamin kemenangan duniawi, malahan boleh membawa kepada kekalahan duniawi seperti apa yang dialami oleh Sultan Abdul Hamid sendiri. Oleh itu tepuk dada tanya selera, bolehkah umat Islam bersikap mantap dalam perjuangan menegakkan kebenaran syiar Allah di mukabumi ini tanpa menghiraukan risiko-risiko mendapat kekalahan duniawi?? Kalau kena pada takdirnya, beruntunglah kita, menang dunia, menang akhirat, tetapi kalau kita ditakdirkan hidup dalam zaman fitnah seperti hari ini, apakah kita mampu berteguh hati dalam kerja-kerja agama tanpa berkompromi?

Dalam lain perkataan, pada zaman Mulkan Jabariyyan hari ini yang mana kerajaan-kerajaan menyeleweng mendapat segala kekuatan dan kegemilangan duniawi, sanggupkah umat Islam tetap teguh perjuangankan KEBENARAN ISLAM yang boleh mendedahkan mereka kepada KEKALAHAN DUNIAWI?? Bukanlah pula bermakna sudah tentu mereka akan kalah, tetapi risikonya ada kerana segalanya adalah di bawah qada' dan qadar Allah SWT.

Sabda Rasulullah SAW :

*“Maka barangsiapa yang hidup (lama) diantaramu nescaya akan melihat perselisihan (faham) yang banyak. Ketika itu pegang teguhlah sunnahku dan sunnah Khalifah Rasyidin yang diberi hidayah. **Pegang teguhlah itu dan gigitlah dengan gerahammu.**”* (HR Abu Dawud)

Kita perlu merenung dan mengambil iktibar dari peristiwa seorang sahabat Rasulullah SAW yang bernama Abdullah bin Rawahah RA yang pernah berpesan kepada tentera Islam dalam menghadapi ancaman peperangan dari tentera Romawi yang jauh lebih banyak jumlahnya beserta dengan kelengkapan perang yang lebih hebat dan canggih daripada mereka. Dengan penuh semangat, Abdullah berkata:

“ Wahai sahabat-sahabatku sekalian! Apa yang membimbangkan kamu? Apakah alasan kamu semua ke mari? Bukankah kamu semua datang semata-mata dengan tujuan untuk mati syahid? Kita pejuang-pejuang Islam tidak pernah berjuang dengan kekuatan senjata dan bilangan tentera. Kita berjuang semata-mata kerana Islam yang telah dimuliakan oleh Allah SWT atas setiap kita, para pejuang agamanya. Kita mesti memastikan salah satu daripada mana-mana kejayaan ini; kemenangan atau mati syahid!!”

redho dengan qada' dan qadar Allah yang tidak dapat ditolak. Itulah lambang keteguhan iman seorang pemimpin ummah. Mudah-mudahan Allah SWT mengganjari usaha baginda.

Sesungguhnya umat Islam perlu mendidik semula diri kita supaya sentiasa lazim mencari keredhoan Allah, bukan keredhoan manusia atau mencari 'glamour' untuk peribadi sendiri. Ini termasuklah juga mengelakkan diri dari membuat amalan-amalan yang dianggap sebagai mencari keredhoan Allah tetapi hakikatnya Allah tidak redho seperti mengambil bahagian dalam sistem politik sekular walaupun tindakan tersebut akan menjadikan diri kita tidak popular.

Umat Islam perlu membetulkan semula sikap dan pendirian kita dalam perjuangan dan kerja agama, iaitu seperti kata Abdullah bin Rawaha RA:

“Kita berjuang semata-mata kerana Islam yang telah dimulihkan oleh Allah SWT atas setiap kita, para pejuang agamaNya”..

Sesungguhnya ungkapan Abdullah bin Rawahah ini amat bertepatan dengan Firman Allah yang maksudnya :

“ Suruhlah mereka berperang untuk agama, dan mahu menukar penghidupan yang sekarang dengan penghidupan di Akhirat kelak, kerana bagi mereka yang berperang di jalan Allah, baik ia gugur mahupun menang dalam peperangan itu, sebenarnya Kami akan memberikan kepadanya suatu ganjaran yang besar. ” (An-Nisa’: 74)

Biarlah daripada sudut pandangan lahiriyah kita nampak tidak menang. Biarlah bilangan ahli kita kecil, kekayaan kita tidak melimpah ruah, nama kita tidak dikenali, perjuangan kita tidak 'glamour', ikhtiar reformasi kita dipandang sepi dan sebagainya. Asalkan *nawaitu* betul, membuat usaha yang beristiqamah dan bersungguh-sungguh untuk kepentingan agama, itulah yang dipandang Allah SWT serta menentukan menang atau kalahnya seseorang mukmin itu di sisiNya.

Imam Hassan Al-Basri pernah menyatakan: *“Hendaklah kamu bersabar bersama dengan Ahlus Sunnah walaupun bilangan mereka sedikit di zaman dahulu dan sekarang. Mereka telah mempertahankan sunnah hingga ke akhir hayat.”*

Di Hari Akhirat esok sama-samalah kita saksikan siapa yang sebenarnya menang, orang-orang kafirkah atau orang-orang Islam yang sejati !!

Kesimpulannya umat Islam harus mengambil iktibar daripada pesanan yang disampaikan oleh Nabi Musa AS melalui mimpi seorang mukmin. Tidak kisahlah samada mereka mahu percaya ataupun tidak

dengan kebenaran mimpi ini, tetapi nasihat tersebut tetap relevan bagi golongan yang ingin mencari formula yang sesuai dalam mengharungi liku-liku Akhir Zaman.

Maka antara yang paling sesuai adalah dengan mendidik kembali umat Islam untuk mengamalkan sifat, akhlak dan amalan *salafus soleh* kerana Rasulullah SAW sendiri pernah bersabda mengenai golongan ini bahawa:

“ Sebaik-baik umat ialah umat di kurun aku, kemudian umat dikurun selepas kurunku, kemudian umat dikurun selepas kurun itu.”

Semoga Allah SWT memenuhi hati-hati umat Islam dengan ilmu hakikat dan makrifat serta meluruskan lidah-lidah mereka dengan kebenaran dan hikmat dalam persiapan menghadapi era Akhir Zaman yang semakin mencabar nanti. Ameen.

**Firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah :
Landasan Hakikat di Akhir Zaman**

Luahan Seorang Mukmin

“ Saya takut Allah dan saya cinta Nabi. Saya sayang ayah dan saya sayang ummi. Saya rindukan pencarian rahmat dan keredhaan Allah dunia akhirat, bukan sahaja untuk diri saya, tetapi juga untuk ayah dan ummi saya, kaum keluarga saya, sahabat-sahabat saya, jiran-jiran saya, malahan untuk saudara-saudara seagama saya. Saya juga amat takut mendengar tentang kisah-kisah Akhir Zaman, potensi berlakunya tragedi Armageddon yang bakal menguji iman, takut terjerat dengan fitnah Dajjal yang dari dulu telah diperingatkan oleh nabi-nabi kita. Saya kepingin untuk menjadi pengikut Imam Mahdi dan Nabi Isa AS kalaulah ditakdirkan Allah kedua-dua tokoh Akhir Zaman ini muncul dalam hayat saya.

Sekurang-kurangnya saya mahu mati sebagai ORANG YANG BERIMAN dan dalam HUSNUL KHATIMAH walau apapun yang bakal terjadi menjelang Akhir Zaman yang kini sedang mengintai-ngintai ‘di belakang pintu’. Kerana saya sedar terlalu banyak pancarobanya di zaman iman umat Islam keluar masuk pada hari ini dan cubaan demi cubaan dari musuh-musuh Allah untuk meregut iman umat Islam dimana-manapun. Itu belum masuk fitnah Dajjal yang menuntut umat manusia mengambilnya sebagai ‘Tuhan’. *Nauzubillahiminzalik.*

Maka saya ingin mencari jalan Allah dan RasulNya. Tapi saya amat keliru kerana dalam pencarian ini, macam-macam jalan atau firqah yang ditunjukkan kepada saya. Mazhab Empat asing-asing, Mazhab Empat campur aduk, Anti Mazhab, Mazhab Syiah, Golongan Qurany¹²⁸, Wahhabi, Muktazilah, fahaman Ibnu Taimiyyah, Najariyyah, Jabariyyah, Murjiyyah dan macam-macam lagi.

Pendek kata bermacam-macam jalan dan tafsiran yang sampai kepada saya. Bermacam-macam jenis ‘ulamak’ yang saya jumpa termasuklah yang separuh masak dan yang tak masak langsung. Ini belum masuk ‘ulamak’ lulusan pusat-pusat pengajian Orientalis Barat¹²⁹

¹²⁸ Nama yang memperdayakan. Sebenarnya ini nama lain bagi golongan Ingkaru Sunnah atau Anti-Hadeeth.

¹²⁹ Berkata Al-Sahl Al-Tastari *rahimahullah* sebagaimana tersebut dalam *Ibthal Al-Hiyal* karangan Ibnu Baththah halaman 54;

“ *Sesiapa yang mengeluarkan fatwa kepada orang ramai dengan helah dalam perkara-perkara yang tidak harus ditakwilkan dengan akal dan nafsu, dengan tanpa mengambil daripada Al-Quran dan Hadeeth, maka orang berkenaan adalah ulamak suk (jahat). Dengan sebab adanya fatwa seperti inilah rosak orang dahulu dan sekarang dan akibat daripada perbuatan seperti ini, orang berkenaan akan mendapat tiga hukuman di dunia iaitu : Ilmu kewara'an dicabut daripada hatinya, dunia dihiaskan untuknya sehingga dia amat menyukainya dan mendapat fitnah kerananya dan*

yang bertok gurukan orang-orang Yahudi dan Nasrani itu. Berbagai-bagai warna dan tafsiran yang saya lihat dan mendengar sendiri. Sehingga ahli-ahli akademik, wartawan, ahli-ahli pemikir dan filosof, hatta orang-orang kafir sekalipun merasa berkelayakan untuk mentafsir ajaran-ajaran Islam serta memberi 'petunjuk mereka' mengikut sesuka hati dan hawa nafsu masing-masing.

Orang moden hari ini semua kata ajaran Islam bersifat relatif, bukan mutlak. Oleh itu pilihlah Islam versi mana-manapun, semuanya betul. Rasulullah SAW pernah bersabda :

"Bahawasanya Bani Israel telah berfirqah sebanyak 72 millah (firqah) dan akan berfirqah umatku sebanyak 73 firqah, semuanya masuk neraka KECUALI SATU". Para sahabat yang mendengar ucapan Nabi (saw) itu bertanya:"Siapakah yang satu itu wahai Rasulullah (saw)?" Nabi (saw) menjawab:"Yang satu itu ialah orang yang berpegang kepada peganganku dan pegangan sahabat-sahabatku." (HR At-Tarmidzi)

"Sentiasa akan ada satu thoifah (jemaah) dari umatku yang sanggup menzahirkan kebenaran dan mereka itu tidak akan dapat dirosakkan atau dihancurkan oleh orang-orang yang menentangnya hingga datangnya perintah Allah (Hari Kiamat)."

*"Demi Tuhan yang memegang jiwa Muhammad ditanganNya, akan berfirqah umatku sebanyak 73 firqah, yang satu masuk syurga dan yang lain masuk neraka." Sahabat bertanya: 'Siapakah firqah (yang tidak masuk neraka) itu ya Rasulullah?' Nabi menjawab : '**Ahlus Sunnah Wal Jamaah**'. (HR Thabarani)*

Demi kebenaran Agama Allah SWT, saya kini faham bahawa hanya firqah AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH sahaja satu-satunya jalan menuju kepada rahmat dan perlindunganNya. Falsafah, aliran pemikiran dan tafsiran-tafsiran ajaran Islam mengikut firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah sahaja yang betul, sedangkan firqah-firqah yang lain itu tidak terlindung di bawah rahmat Allah dan akan membawa semua pengikutnya ke jurang api neraka di Hari Akhirat nanti. Saya minta perlindungan Allah dari ancaman tersebut!

Bagaimanapun dalam keadaan dunia Islam sekular hari ini yang melahirkan ramai golongan ulamak moden, liberalis dan berbagai fahaman lain yang banyak berpandukan kepada hukum akal dan hawa nafsu mereka semata-mata, maka sudah tentu ajaran-ajaran firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar telah bercampur aduk dengan firqah-

akhir sekali menjadikannya betul-betul mengutamakan dunia sehingga sekiranya dia diberikan seluruh dunia ini untuk mensia-siakan agamanya, nescaya dia akan menerimanya...."

firqah batil. Apa yang lebih mengelirukan ialah, pada hari ini semua orang dari berbagai aliran pemikiran Islam dan firqah telah mendakwa bahawa hanyasanya kelompok mereka sahajalah pengikut Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar. Ada pula yang mengatakan semua kelompok ini benar serta menuju matlamat yang sama sebagai golongan Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Kalaulah mereka semuanya betul, mana dia firqah-firqah yang batil? Adakah firqah-firqah batil hanya wujud di zaman dahulukala dan tidak wujud lagi pada hari ini??

Rasulullah SAW telah bersabda :

“Maka bahawasanya siapa yang hidup (lama) diantaramu nescaya akan melihat perselisihan (faham) yang banyak. Ketika itu pegang teguhlah Sunnahku dan Sunnah Khalifah Rasyidin yang diberi hidayah. Pegang teguhlah dan gigitlah dengan gerahammu”
(HR Imam Abu Dawud)

“Ada dua firqah dari umatku yang pada hakikatnya mereka tidak ada sangkut paut dengan Islam, iaitu kaum Murjiyyah dan kaum Qadariyyah.” (HR At-Tarmidzi)

*“Akan keluar suatu kaum **Akhir Zaman**, orang-orang muda berfahaman jelek. Mereka banyak mengucapkan perkataan ‘Khairil Bariyah’ (maksudnya firman-firman Tuhan yang dibawa oleh Nabi). Iman mereka tidak melampaui kerongkong mereka. Mereka keluar dari agama sebagai meluncurnya anak panah dari busarnya. Kalau orang-orang ini berjumpa denganmu lawanlah mereka.”* (HR Imam Bukhari)

Sesungguhnya Rasulullah SAW sendiri telah memberi amaran mengenai wujudnya firqah-firqah batil sampai Akhir Zaman yang dipakaikan dengan imej Islam. Saya tidak mahu menjadi keliru atau tertipu dengan dakwaan-dakwaan para pengikut firqah-firqah yang sedemikian. Saya tidak mahu terjerumus ke dalam firqah-firqah yang sesat dan menyesatkan. Saya berlindung dengan Allah daripada fitnah dan musibah besar ini.

MAKA SAYA BERTEKAD UNTUK MENGENALI PENGIKUT FIRQAH AHLUS SUNNAH WAL JAMA'AH YANG SEBENAR !!

Siapakah mereka? ”

Bab 24

Mengenal Firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah

Menurut Kiyai Haji Siradjuddin Abbas dalam bukunya ‘ *Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah*,’ halaman 10, bahawa:

“ *Saya merasa bahawa adalah suatu kewajiban mutlak bagi setiap orang dewasa ini, iaitu pada waktu banyaknya simpang siur fahaman dan kepercayaan dalam masyarakat untuk mengoreksi diri masing-masing. Harus ditanyakan kepada diri sendiri, apakah faham yang kita anut sekarang ada termasuk faham dan iktiqad sebagai yang dianut Nabi SAW dan sahabat-sahabat baginda atau tidak? Dimanakah kita berdiri? Termasuk golongan apakah kita?*”

Moleklah jika kita mulakan topik yang amat penting ini dengan meneliti semula apakah yang dimaksudkan dengan firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah dan siapakah yang termasuk dalam golongan ini¹³⁰?

Perkataan AHLI bermakna pengikut-pengikut sebagaimana tersebut dalam *Al-Misbahul Munir*.

Perkataan SUNNAH bermakna perjalanan Rasulullah SAW dan perjalanan para sahabat baginda RA anhum.

Erti sahabat di sini ialah orang yang berjumpa dengan Rasulullah SAW dan dia beriman dengan Rasulullah SAW dan dia mati dalam keadaan dia beragama Islam sebagaimana yang disebut *Syarah Al Jauharah* dan lain-lain.

Perkataan JAMAAH di sini bermakna berhimpun dan bersatu padu dalam perkara iktiqad dan tauhid dan mengEsakan Allah SWT sebagaimana tersebut dalam kitab *At-Tabsir Fiddin* dan lain-lain.

Erti Ahlus Sunnah Wal Jamaah iaitu orang yang mengikuti perjalanan Nabi Muhammad SAW dan menggunakan segala Hadeeth yang sahih dan sabit daripada baginda. Mereka juga mengikut perjalanan para sahabat RA anhum dan menggunakan segala perkataan sahabat yang betul dan sabit yang datang daripada sahabat itu.

¹³⁰ Rujuk penulisan YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Hj Ismail bin Umar Abd Aziz, Mantan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam (meninggal pada tanggal 11 Syaaban 1413 Hijrah bersamaan 3 Februari 1993 Masihi)

Syaikhuna Al ‘Allah Al Syeikh Muhammad Zahid Al Kauthar berkata :

“Wajiblah kita berkata bahawa orang yang selamat (annaji) daripada api neraka ialah orang yang berjalan diatas perjalanan sahabat-sahabat RA anhum dan diatas perjalanan golongan Islam yang terbanyak daripada umat Islam yang berpegang kepada iktiqad dan hukum yang sabit dalam Agama Islam yang diketahui dengan ilmu dharuri (yang nyata tidak boleh disangkal dan tiada dapat dibantah sebagai adanya matahari dan adanya diri kita sendiri), dan puak lain yang tiada mengikuti perjalanan para sahabat dan perjalanan orang Islam yang terbanyak daripada umat Islam ialah mereka yang sesat.”

Ijmak ulamak telah bersepakat bahawa yang dimaksudkan dengan firqah Ahlus-Sunnah Wal Jamaah adalah berdasarkan warisan tiga golongan ulamak *Salafus Soleh* yang mewakili pokok-pokok ajaran Islam yang terpenting iaitu *Aqidah*, *Syariah* dan *Tasawuff*³¹;

- a. Golongan ulamak yang menyumbangkan khidmat bakti dalam memelihara perkara **AQIDAH** dan kedudukan iman dengan menyusun asas-asas iman dan kaedah-kaedahnya. Gerakan ini diketuai oleh **Imam Al-Asy’ari** dan **Imam Al-Maturidi** beserta dengan rakan-rakan dan para pengikutnya.
- b. Golongan ulamak yang menyumbangkan dalam menjaga serta mengawal kedudukan **SYARIAT** Islam, mereka menyusun dan mengemaskan perkara-perkara furuk (cabang-cabang agama) , iaitu dalam bidang Ilmu Fekah. Gerakan ini diketuai oleh imam yang empat, iaitu **Hanafi**, **Maliki**, **Syafiee** dan **Hanbali** beserta rakan-rakan dan para pengikut masing-masing.
- c. Golongan ulamak yang mengemas dan menyusun kedudukan **EHSAN** dan menerangkan amalan serta hal ehwalnya, termasuklah cara memelihara **tarikah** dan dasar-dasarnya. Gerakan ini diketuai oleh **Imam Junaid Al-Baghdadi** beserta rakan-rakan dan para pengikutnya.

Marilah sama-sama kita meneliti satu persatu pokok-pokok ajaran Islam yang penting ini. Tujuannya ialah supaya kita dapat mengulang-kaji semula perkara-perkara asas dan penting demi membetulkan mana-mana kesilapan kita supaya kita tidak terkeluar dari kelompok Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar.

¹³¹ Kenyataan Mantan Mufti Kesultanan Brunei Darussalam, Al-Marhum Hj Ismail bin Omar Abdul Aziz, diambil dari buku karangan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Hj Md Zain Hj Serudin, op. cit, hlm 116

DEDIKASI

Kebanyakan isi kandungan dalam dua bab yang berikut ini, Bab 25 : *Daftar Ringkas Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah* dan Bab 26 : *Mengembalikan Pegangan Mazhab Empat Demi Survival Ummah* adalah dipetik atau ringkasan daripada buku-buku karangan Almarhum Kiyai Haji Sirajuddin Abbas yang bertajuk '*Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah*' dan '*Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafiee.*'

Kiyai Haji Sirajuddin Abbas yang meninggal dunia pada tanggal 5hb Ogos 1980 merupakan seorang Ulamak Besar Imam Syafiee dan Ahlus Sunnah Wal Jamaah, khususnya di Indonesia.

Almarhum Kiyai Haji Sirajuddin Abbas yang dalam salasilah Adat Minangkabau bergelar Datoek Bandaharo (Datok Bendahara) adalah seorang yang sangat teguh berpegang kepada Mazhab Imam Syafiee dan Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Beliau memperjuangkan kebenaran fahaman Ahlus Sunnah Wal Jamaah dalam penulisan-penulisannya sehingga ianya dapat dimenafaatkan oleh umat Islam di Alam Nusantara ini khususnya yang bermazhab Syafiee.

Mudah-mudahan dengan ikhtiar kami untuk memanjangkan perjuangan beliau dalam buku ini semoga ianya dapat dijadikan asbab oleh Allah SWT memberikan ganjaran yang besar dengan meningkatkan darjatnya dalam syurga Jannatunna'im.

Ameen.

Daftar Ringkas **Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah**

Dalam bahagian IKTIQAD atau AQIDAH, jumur ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah telah mengambilnya daripada :

*“Golongan ulamak yang menyumbangkan khidmat bakti dalam memelihara perkara **AQIDAH** dan kedudukan iman dengan menyusun asas-asas iman dan kaedah-kaedahnya. Gerakan ini diketuai oleh **Imam Al-Asy’ari dan Imam Al-Maturidi** beserta dengan rakan-rakan dan para pengikutnya.”*

USULUDDIN merupakan suatu cabang terpenting dalam ajaran Islam yang bererti Pokok Agama. Ilmu Usuluddin bermakna Ilmu Pokok-Pokok Agama¹³². Di dalam Ilmu Usuluddin dibicarakan soal-soal IKTIQAD atau AQIDAH yang menjadi pokok bagi Agama Islam, iaitu:

- a. Kepercayaan (Iktiqad) yang bertalian dengan Ketuhanan (Illahiyyat).
- b. Iktiqad yang bertalian dengan Kenabian (Nubuwaat).
- c. Iktiqad yang bertalian dengan soal-soal ghaib (Hari Akhirat, Syurga, Neraka dll.)
- d. Dan lain-lain soal kepercayaan.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, ajaran-ajaran agama yang telah termaktub dalam Al-Quran dan Sunnah Rasul adalah dalam keadaan yang terpencar-pencar, belum disusun secara rapi dan teratur. Dengan sebab itu Allah SWT dengan Maha RahimNya telah mewujudkan golongan ulamak *salafus soleh* khususnya di zaman tabiin dan tabitabiin yang mencurahkan sepenuh tenaga dan khidmat mereka untuk menyusun cabang-cabang agama secara rapi dan sistematik bagi kemudahan umat Islam yang bertaburan di merata-merata tempat dan kehausan ilmu-ilmu agama.

Penyusunan cabang-cabang agama secara teliti dan penuh dedikasi ini adalah bagi memelihara kemurniaan dan keaslian ajaran Islam yang pada ketika itu menghadapi bahaya besar daripada ancaman pencemaran oleh puak-puak batil. Puak-puak batil seperti Khawarij, Syiah, Muktazilah, Jabariyyah, Murjiah dan sebagainya termasuklah

¹³² Ilmu Usuluddin kadang-kadang dipanggil dengan nama Ilmu Kalam, Ilmu Tauhid dan Ilmu ‘Aqid. Di Alam Melayu ada orang-orang yang memanggilnya dengan nama Ilmu Sifat 20, kerana didalam ilmu ini dibicarakan 20 sifat wajib bagi Allah. Semua nama-nama ini tetap sama ertinya kerana ia membincangkan soal-soal Iktiqad iaitu kepercayaan tentang konsep Ketuhanan, Kenabian, Keakhiratan dan yang berkaitan

cabang-cabang mereka telah berjaya mengelirukan ramai dari kalangan umat Islam sehingga pada suatu ketika telah hampir-hampir menjejaskan ajaran Islam yang sebenar.

Bagaimanapun Allah SWT tetap memelihara agamaNya. Ditengah-tengah kecelaruan ummah dan serangan bertubi-tubi dari firqah-firqah yang sesat belaka itu, muncullah kader-kader Allah dalam bentuk golongan *salafus soleh* yang ditakdirkan hidup semata-mata demi mencurahkan jasa kepada khidmat pemurniaan Agama Islam.

Contohnya dalam tahun 260 Hijrah di Basrah lahirlah seorang ulamak Usuluddin yang agung, iaitu Syeikh Abu Hassan 'Ali Al-Asya'ari (wafat di Basrah juga tahun 324 Hijrah dalam usia 64 tahun). Pada masa beliau faham Muktaizilah yang banyak bertentangan dengan iktiqad dan kepercayaan Rasulullah SAW telah mengalami zaman gilang gemilang. Imam Asy'ari kemudian telah kemuka di garis depan demi menentang fahaman kaum Muktaizilah dengan lisan dan tulisan, berdebat dan bertanding dengan mereka di mana-mana, merumuskan dan menulis dalam kitab-kitabnya¹³³ iktiqad-iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar.

Begitulah perjuangan Imam Asy'ari sebagai seorang Ulamak Tauhid yang terunggul kerana berjaya menghancurkan fahaman Muktaizilah serta puak-puak ahli bidaah yang lainnya sehingga dapat menghimpun dan menyatu-padukan semula umat Islam di belakangnya.

Seorang lagi pembangun firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah dalam bahagian Usuluddin ialah Imam Abu Mansur Al-Maturidi yang faham dan iktiqadnya sama atau hampir sama dengan Imam Abu Hassan Al-Asy'ari. Beliau merupakan seorang ketua ahli Sunnah di Negeri Mawara' Annahari tanah Turkistan (jajahan Russia hari ini) dan wafat pada tahun 333 Hijrah, terkemudian 9 tahun dari Imam Abu Hassan Al-Asy'ari.

Maka tersebut dalam sebuah kitab *'Ittihaf Sadatill Muttaqin'* karangan Imam Muhammad bin Muhammad Al-Husni Az-Zabidi, iaitu kitab syarah dari kitab *'Thya Ulumuddin'* karangan Imam Ghazali pada jilid II, halaman 6, begini :

"Apabila disebut kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah, maka maksudnya ialah orang-orang yang mengikut rumusan (faham) Asy'a ri dan faham Abu Mansur Al-Maturidi."

¹³³ Berkata Imam Zabidi, pengarang *Kitab Ittihaf Sadatill Muttaqin* syarah *Ihya Ulumuddin* : *"Imam Asy'ari mengarang sekitar 200 kitab."* (lihat *Ittihaf*, jilid II halaman 7).

Begitulah secara ringkasnya sejarah dua tokoh ulamak besar yang menabur jasa dalam menyusun secara rapi dan sistematik iktiqad-iktiqad Rasulullah SAW serta para sahabat baginda RA anhum. Sumbangan kedua-dua ulamak Usuluddin ini telah dapat dimenafaatkan oleh seluruh umat Islam dimasa-masa kemudian dan dimana-manapun sehingga ke hari ini sebagai panduan dan cahaya penyuluh yang dapat membawa mereka kepada ajaran Allah dan RasulNya yang hakikat.

Semoga Allah SWT mengganjari serta meninggikan darjat kedua-dua Imam yang agung ini. Ameen.

Maka di sini kami senaraikan daftar Ringkas Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah mengikut persepakatan jumbuh ulamak Ahlus Sunnah sebagai bersumber daripada ajaran Imam Asy'ari dan Imam Maturidi.

Daftar ringkas ini dipetik daripada buku karangan K. H Sirajuddin Abbas yang bertajuk '*Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah*'¹³⁴ dan Ustaz Hj Md Zain Hj Seruddin bertajuk '*Melayu Islam Beraja; Suatu Pendekatan*'¹³⁵.

Ianya adalah seperti berikut;

1. IMAN ialah mengikrarkan dengan lisan dan membenarkan dengan hati.
Iman yang sempurna ialah mengikrarkan dengan lisan, membenarkan dengan hati dan mengerjakan dengan anggota.
2. Tuhan itu ada, namanya ALLAH.
3. Dan ada 99 nama Allah.
4. Tuhan mempunyai sifat yang banyak sekali yang boleh disimpulkan dengan perkataan : Tuhan mempunyai sifat-sifat JALAL (Kebesaran), JAMAL (Keindahan) dan KAMAL (Kesempurnaan).
5. Sifat yang wajib diketahui oleh sekalian mukmin yang baligh berakal adalah 20 sifat ; 20 sifat yang wajib ada bagiNya dan yang mustahil ada bagiNya. Dan satu lagi sifat yang harus bagiNya, iaitu ;

¹³⁴ K. H Sirajuddin Abbas, '*Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah*', Pustaka Tarbiyyah, Jakarta 1992, hlm 80-91

¹³⁵ Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato seri Utama Dr Ustaz Hj Md Zain Hj Seruddin, '*Melayu Islam Beraja; Suatu Pendekatan*,' Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm 142-146. Input dari bukunya tertera dalam daftar Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah nombor 53-58 pada buku kami ini.

- a. **Wujud**, ertinya Ada, mustahil Ia tidak ada.
- b. **Qidam**, ertinya tidak berpermulaan adaNya, mustahil adaNya berpermulaan.
- c. **Baqa'**, ertinya tidak berkesudahan adaNya, mustahil adaNya berkesudahan.
- d. **Mukhalafatuhu ta'ala lilhawadithi**, ertinya Ia berlainan dengan sekalian makhluk, mustahil Ia serupa dengan makhlukNya.
- e. **Qiyamuhu binafsihi**, ertinya Ia berdiri sendiri, bukan berdiri atas zat lain, mustahil Ia berdiri di atas zat lain.
- f. **Wahdaniyah**, ertiNya Ia Esa, mustahil Ia banyak.
- g. **Qudrat**, ertinya Kuasa, mustahil Ia tidak Kuasa.
- h. **Iradat**, ertinya menentukan sendiri dengan kehendakNya, mustahil Ia dipaksa-paksa.
- i. **Ilmu**, ertinya Ia tahu, mustahil Ia tidak tahu.
- j. **Hayat**, ertinya Hidup, mustahil Ia mati.
- k. **Sama'**, ertinya mendengar, mustahil Ia tidak mendengar.
- l. **Bashar**, ertinya melihat, mustahil Ia buta.
- m. **Kalam**, ertinya berkata, mustahil Ia bisu.
- n. **Kaunuhu Qadiran**, ertinya Ia dalam keadaan yang berkuasa, mustahil Ia dalam keadaan tidak berkuasa.
- o. **Kaunuhu Muridan**, ertinya Ia dalam keadaan mempunyai Iradat, mustahil Ia dalam keadaan yang tidak mempunyai Iradat.
- p. **Kaunuhu Aliman**, ertinya Ia dalam keadaan yang tahu, mustahil Ia dalam keadaan yang tidak tahu.
- q. **Kaunuhu Hayan**, ertinya Ia dalam keadaan yang hidup, mustahil Ia dalam keadaan yang mati.
- r. **Kaunuhu Sami'an**, ertinya Ia dalam keadaan yang mendengar, mustahil Ia dalam keadaan yang tidak mendengar.
- s. **Kaunuhu Bashiran**, ertinya Ia dalam keadaan yang melihat, mustahil Ia dalam keadaan yang tidak melihat.
- t. **Kaunuhu Mutakalliman**, ertinya Ia dalam keadaan yang berkata, mustahil Ia dalam keadaan yang tidak berkata.

Demikian 20 sifat wajib (mesti ada) bagi Allah dan 20 sifat yang mustahil bagi Allah.

5. Sifat yang harus bagi Allah hanyalah satu, iaitu ; Ia boleh memperbuat dan boleh pula tidak memperbuat.

6. Wajib dipercayai bahawa MALAIKAT ada. Dijadikan daripada nur (cahaya). Bilangan mereka banyak. Tetapi yang wajib dipercayai hanyalah 10 orang, iaitu ;
- a. **Jibrail**, tugasnya pengantar wahyu kepada para Nabi dan Rasul, khususnya kepada Nabi Muhammad SAW.
 - b. **Mikail**, tugasnya dalam soal-soal kesejahteraan umat, umpamanya menghantar hujan, menghantar angin, soal-soal tanah dan soal-soal kesuburan yang lain.
 - c. **Israfil**, tugasnya dalam soal-soal akhirat, umpamanya meniup trompet (Sangkakala) tanda Kiamat, meniup trompet tanda bangun kembali di Padang Masyar dan sebagainya.
 - d. **Izra'il**, tugasnya mencabut nyawa sekalian makhluk dan membawa nyawa itu kemana mestinya.
 - e. **Munkar** dan **Nakir**, tugasnya yang ditugaskan bersoal dengan orang mati di dalam kubur.
 - f. **Raqib** dan **'Atid**, tugas mereka menulis amal pekerjaan manusia hari-hari. Raqib mencatat amalan baik (pahala) dan 'Atid mencatat amalan buruk (dosa). Catatan ini akan ditimbang di Hari Hisab sehingga tak satupun pekerjaan manusia yang hilang.
 - g. **Malik**, tugasnya menjaga Neraka.
 - h. **Ridhwan**, tugasnya menjaga Syurga.
7. Wajib dipercayai adanya KITAB-KITAB SUCI yang diturunkan Allah kepada para RasulNya. Kitab-kitab suci banyak, tetapi yang wajib diketahui ada 4, iaitu;
- a. **Kitab Taurat**, yang diturunkan kepada Nabi Musa AS.
 - b. **Kitab Zabur**, yang diturunkan kepada Nabi Daud AS
 - c. **Kitab Injil**, yang diturunkan kepada Nabi Isa AS.
 - d. **Kitab Al-Quran**, yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.
8. Kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah mempercayai sekalian Rasul-Rasul yang diutus Allah kepada manusia. Mereka banyak. Ada yang diterangkan oleh Allah kepada kita dan ada pula yang tidak diterangkan. Tetapi yang wajib diketahui secara terperinci adalah 25 Rasul yang diterangkan dalam Al-Quran.
- Baik juga diterangkan secara ringkas perbezaan antara Nabi dan Rasul.
- Nabi ialah orang yang dituruni wahyu oleh Tuhan tetapi tidak disuruh untuk menyampaikan kepada manusia, sedang Rasul ialah Nabi yang dituruni wahyu oleh Tuhan dan ia diperintahkan untuk menyampaikan wahyu itu kepada manusia.

Jadi seorang Nabi belum tentu menjadi Rasul, tetapi seorang Rasul mesti menjadi Nabi terlebih dahulu.

Yang 25 orang ini adalah Nabi dan juga Rasul, menurut faham kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

9. Setiap orang Islam wajib mempercayai Hari Akhirat. Permulaan Hari Akhirat itu bagi setiap manusia adalah sesudah mati, iaitu ;
 - a. Setiap orang akan mati apabila jangka usianya sudah habis.
 - b. Setelah mati lalu dikubur. Dalam kubur ditanyai: Siapa Tuhan, siapa Nabi, siapa Imam dan lain-lain pertanyaan oleh Malaikat Munkar dan Nakir.
 - c. Orang yang jahat akan disiksa kubur.
 - d. Kemudian pada suatu waktu akan terjadi Kiamat besar, dunia akan hancur lebur dan semua makhluk yang ada di dunia akan mati.
 - e. Kemudian pada suatu waktu pula akan dibunyikan terompet sehingga semua orang yang mati bangun kembali, berkumpul di Padang Mahsyar.
 - f. Akan diadakan hisab, yakni perhitungan dosa dan pahala.
 - g. Di Padang Mahsyar itu akan ada syafa'at (bantuan) dari Nabi Muhammad SAW dengan seizin Tuhan.
 - h. Akan ada timbangan untuk menimbang dosa dan pahala.
 - i. Akan ada titian Shirathalmustaqin, yang dibentangkan atas neraka yang akan dilalui oleh sekalian manusia.
 - j. Akan ada telaga Kauthar kepunyaan Nabi Muhammad SAW di dalam Syurga, dimana orang-orang beriman akan dapat minum.
 - k. Yang lulus ujian terus langsung selamat meniti dan masuk Syurga Jannatun Na'im, tetapi yang kafir akan jatuh di neraka.
 - l. Orang yang baik langsung masuk syurga dan kekal selama-lamanya.
 - m. Orang kafir langsung masuk neraka dan kekal selama-lamanya.
 - n. Orang mu'min yang berdosa dan mati sebelum taubat akan masuk ke neraka buat sementara dan sehabis hukuman akan dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam syurga buat selama-lamanya.
 - o. Orang mu'min yang baik-baik akan diberi ni'mat apa sahaja yang ia sukai, dan akan diberi lagi ni'mat tambahan yang paling besar dan lazat, iaitu melihat Allah SWT.

Demikian secara ringkas tentang Hari Akhirat.

10. Kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah mempercayai Qada' dan Qadar, iaitu takdir Illahi sebagai berikut;

- a. Sekelian yang terjadi di dunia ini sudah Qadha' Tuhan, yakni hukum Tuhan dalam azal bahawa hal itu akan terjadi.
 - b. Sekelian yang terjadi di dunia ini-baik buruknya semuanya dijadikan Tuhan.
Ringkasnya nasib baik dan nasib buruk semuanya dari Tuhan dan kita umat manusia hanya menjalani takdir sahaja.
 - c. Yang ada bagi manusia hanya kasab, ikhtiar, usaha . Kita wajib berusaha dan berikhtiar
 - d. Pahala yang diberikan Tuhan kepada manusia adalah kerana kurniaNya dan hukuman yang diberikan kepada manusia adalah kerana keadilanNya.
11. Tuhan bersama namaNya dan sifatNya, semuanya qadim, kerana nama dan sifat itu berdiri diatas zat yang qadim.
Maka kerana itu sekelian sifat Tuhan adalah Qadim, tidak berpermulaan adanya.
 12. Quranul Karim adalah Kalam Allah yang qadim.
Adapun yang tertulis dalam Mas-haf, yang pakai huruf dan suara adalah gambaran dari Quran yang Qadim itu
Kerana itu Quranul Karim dikatakan Qadim, tidak boleh dikatakan hadits atau 'makhluk'.
 13. Rezeki sekelian manusia sudah ditakdirkan dalam azal, tidak bertambah dan tidak berkurang, tetapi manusia disuruh mencari rezeki, disuruh berusaha, tidak boleh menunggu sahaja.
 14. Ajal setiap manusia sudah ada jangkanya oleh Tuhan, tidak terkemudian dan tidak terdahulu walau sedetik sekalipun.
Tetapi manusia disuruh berubat kalau sakit, tidak boleh menunggu ajal sahaja.
 15. Anak-anak orang kafir, kalau mati kecil masuk Syurga.
 16. Doa orang mu'min memberi menafa'at baginya dan bagi yang dido'akan.
 17. Pahala sedeqah waqaf dan pahala bacaan (tahlil, salawat dan bacaan Quran) boleh dihadiahkan kepada orang yang telah mati dan sampai kepada mereka kalau dimintakan kepada Allah untuk menyampaikannya.
 18. Ziarah kubur, khususnya kubur ibubapa, ulamak-ulamak, wali-wali dan orang-orang yang mati syahid, apalagi kubur Nabi

Muhammad SAW dan para sahabat baginda adalah sunat hukumnya, diberi pahala kalau dikerjakan.

19. Mendo'a kepada Tuhan secara langsung, **atau mendo'a kepada Tuhan dengan wasilah (bertawasul)** adalah sunat hukumnya, diberi pahala kalau dikerjakan.
20. Masjid di seluruh dunia sama darjatnya, kecuali tiga buah masjid lebih tinggi darjatnya dari yang lain; iaitu Masjid Mekah, Masjid Madinah dan Masjidil Aqsa.
Berziarah untuk bersembahyang ke masjid yang tiga itu adalah ibadat, diberi pahala kalau dikerjakan.
21. Seluruh manusia adalah anak cucu dari Nabi Adam. Adam berasal dari tanah. Iblis dan jinn dijadikan Tuhan dari api, tetapi para Malaikat dijadikan dari cahaya (nur).
22. Bumi dan langit ada. Siapa yang mengatakan langit tidak ada ia terkeluar dari lingkungan Ahlus Sunnah Wal Jamaah.
23. Nama Tuhan tidak boleh dibuat-buat oleh manusia, tetapi harus sebagai yang telah ditetapkan Tuhan dalam Quran dan Hadeeth Nabi yang sah.

Dalam Hadeeth yang diriwayatkan Imam Tarmidzi dan Imam Bukhari, nama Tuhan itu 99 banyaknya. Siapa yang menghafalnya di luar kepala akan masuk Syurga. Kita umat Islam boleh mendo'a (menyeru) pada salah satu dari nama-nama yang 99 ini, umpamanya Ya Lathif, Ya Lathif atau Ya Rahman Ya Rahim, Ya Wadud dan sebagainya.

24. Kalau terdapat ayat-ayat Quran suci yang seolah-olah menyatakan bahawa Tuhan itu bertubuh serupa manusia, atau bertangan serupa manusia, atau bermuka serupa manusia, atau duduk serupa manusia, atau turun serupa manusia, maka ulamak-ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah mentakwilkan atau mentafsirkan ayat itu secara majazi, yakni bukan menurut asal erti perkataan itu, sesudah itu diserahkan kepada Tuhan apakah yang sebenarnya dimaksudkan dari ayat-ayat itu. Misalnya ayat yang mengatakan Tuhan bermuka, maka maksudnya ialah Zat yang Qadim yang tidak serupa dengan makhlukNya. Kalau terdapat 'Tuhan bertangan', maka maksudnya 'Tuhan berkuasa' kerana tangan itu biasanya alat kekuasaan.

Kalau berjumpa ayat yang mengatakan 'Tuhan duduk diatas 'Arasy', maka maksudnya ialah 'Tuhan menguasai 'Arasy, kalau berjumpa ayat atau hadeeth yang mengatakan 'Tuhan turun', maka yang turun adalah rahmatNya, bukan batang tubuhNya. Kalau berjumpa ayat yang mengatakan 'Tuhan itu cahaya', maka maksudnya ialah 'Tuhan itu pemberi cahaya', begitulah seterusnya.

Hal ini sangat dianggap perlu, agar kita jangan termasuk golongan kaum Musyabbihah atau Mujassimah yang menetapkan keserupaan Tuhan dengan makhluk.

Dalam surat As Syura ayat 11 dinyatakan senyata-nyatanya bahawa tiada suatupun yang menyerupai Tuhan dan Tuhan tidak serupa dengan makhlukNya.

Tetapi dalam mengertikan atau mentakwilkan ayat ini janganlah memakai sembarang takwil, hendaklah diperhatikan kitab-kitab tafsir Ahlus Sunnah yang dipercayai, umpamanya kitab Tafsir At Thabari, Tafsir Qhurtubi, Tafsir Jalalaein, Tafsir Khazen dan sebagainya.

25. Bangkit sesudah mati hanya satu kali. Manusia mulanya tidak ada, kemudian lahir ke dunia, sesudah itu mati, sesudah bangkit kembali berkumpul di Padang Mahsyar sesuai dengan ayat Quran pada surah Al-Baqarah ayat ke 28. Pendeknya manusia kalau sudah mati, ya sudah, tidak hidup lagi walaupun menyerupai binatang atau apa saja.

Hidup nanti pada Hari Kiamat apabila dibunyikan sangkakala oleh Malaikat Israfil.

Hal ini bertentangan dengan kepercayaan sebahagian orang-orang Syiah yang berkeyakinan bahawa Sayyidina Ali akan hidup kembali pada Akhir Zaman dan sesudah itu mati lagi dan sesudah itu hidup lagi di Padang Mahsyar.

26. Upah (pahala) yang diberikan Tuhan kepada orang yang soleh bukanlah kerana Tuhan terpaksa untuk memberikannya dan bukan pula kewajiban untuk membalas jasanya orang itu. Begitu juga hukuman bagi orang yang durhaka tidaklah Tuhan terpaksa menghukumnya atau kewajiban Tuhan untuk menghukumnya, tidak.

Tuhan memberikan pahala kepada manusia dengan KurniaNya dan menghukum dengan keadilanNya.

27. Tuhan Allah dapat dilihat oleh penduduk Syurga dengan mata kepala, bukan dengan mata hati sahaja.

Tetapi ingatlah jangan ada keyakinan bahwa Tuhan itu ada di dalam Syurga. Hanya kita yang melihat, yang bertempat dalam Syurga.

28. Pada waktu di dunia tidak ada manusia yang dapat melihat Tuhan kecuali Nabi Muhammad SAW pada malam mi'raj.
29. Mengutus Rasul-Rasul adalah suatu kurnia Tuhan kepada hambaNya untuk menunjuki jalan yang lurus, bukanlah kewajiban Tuhan untuk mengutus Rasul-Rasul itu.
30. Wajib diketahui dan diyakini oleh seluruh umat Islam bahwa Nabi Muhammad SAW itu lahir di Mekah. Sesudah berusia 40 tahun baginda diangkat menjadi Rasul lalu diturunkan kepada baginda ayat-ayat Quran berturut-turut selama 23 tahun. Sesudah 13 tahun menjadi Rasul baginda berhijrah ke Madinah, menetap dan wafat di situ. Baginda wafat sesudah melakukan tugas selama 23 tahun dalam usia 63 tahun. Makam perkuburan baginda Nabi Muhammad SAW di Madinah dalam lingkungan Masjid Madinah sekarang. Setiap orang Islam boleh menziarahi.
31. Nabi Muhammad SAW adalah serupa kita, bukan Malaikat. Baginda makan, minum, tidur, kahwin, mempunyai keluarga serupa manusia biasa. Akan tetapi kemanusiaan baginda adalah luar biasa, ruhaniyyat dan jasmaniyyat baginda luar biasa kuatnya, kepada baginda diturunkan wahyu Illahi, yang kalau diturunkan kepada bukit nescaya bukit itu akan hancur lebur. Kalau diumpamakan kepada batu bolehlah dikatakan Nabi Muhammad SAW itu batu akik (batu permata akik), dan manusia yang lain serupa batu kerikil, sama-sama batu, tetapi yang satu lebih tinggi darjatnya, lebih kuat dan mahal harganya. Kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah menganggap bahawa Nabi Muhammad SAW, walaupun manusia serupa kita, tetapi beliau adalah '*Sayyidul Khalaik*', makhluk Tuhan yang termulia dibanding yang lain-lain.
32. Salasilah nenek moyang Nabi SAW adalah : *Muhammad bin Abdullah bin Abdul Mutalib bin Hasyim bin Abdul Manaf bin Qushayy bin Kilab bin Marrah bin Ka'ab bin Luai bin Galib bin Fihir bin Malik bin Nadhar bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhar bin Ma'ad bin Adnan*. Dari pihak ibu adalah: *Muhammad bin Aminah binti Wahab bin Abdu Manaf bin Zahrah bin Kilab* (nenek Nabi yang ke-6 dari pihak bapa).

33. Isteri-isteri Nabi SAW dari mulai kahwin sampai wafat adalah : Ummul Mukminin Khadijah binti Khawailid, 'Aishah binti Abu Bakar, Hafasah binti Umar, Ummu Salamah binti Abi Umaiyah, Ummu Habibah binti Abu Sfyah, Saudah binti Zam'ah, Zainab binti Jahasy, Zainab binti Khuzaimah, Maimunah binti Harith, Juwairiyah binti Harts dan Safiyah binti Hay RA anhunna.
34. Anak-anak Nabi Muhammad SAW adalah : Zainab, Ruqayyah, Ummu Kalthum, Siti Fatimah, Qasim, Abdullah dan Ibrahim RA anhum.
35. Nabi Muhammad SAW diutus oleh Tuhan kepada seluruh manusia tidak pandang suku, tidak pandang negeri dan tidak pandang agama.
36. Nabi Muhammad SAW mi'raj ke langit melalui Baitul Muqaddas tanggal 27 Rajab dan kembali malam itu juga ke dunia membawa perintah sembahyang 5 kali sehari semalam. Baginda mi'raj dengan tubuh dan ruhnya.
37. Nabi Muhammad SAW terdahulu diangkat menjadi Nabi dibanding Nabi-Nabi yang lain, iaitu pada masa Nabi Adam masih terbaring dalam Syurga sebelum diberi jiwa. Kerana itu baginda adalah Nabi yang paling dahulu diangkat dan yang paling akhir lahir ke dunia.
38. Nabi Muhammad SAW memberi syafa'at (bantuan) nanti di Akhirat kepada seluruh manusia. Syafa'at itu bermacam-macam, diantaranya menyegerakan Hisab di Padang Mahsyar.
39. Sesudah Nabi Muhammad SAW wafat maka pengganti baginda yang sah adalah Sayyidina Abu Bakar sebagai Khalifah yang pertama, Sayyidina Umar bin Khattab sebagai Khalifah yang kedua, Sayyidina Uthman sebagai bin Affan sebagai Khalifah yang ketiga dan Sayyidina Ali bin Abi Thalib sebagai Khalifah yang keempat RA anhum.
40. Wajib diyakini bahawa yang paling mulia diantara makhluk Tuhan ialah Nabi Muhammad SAW, sesudah itu Rasul-Rasul lain, sesudah itu Nabi-Nabi, sesudah itu para Malaikat dan sesudah itu manusia yang lain.
41. Wajib diyakini bahawa sahabat Nabi yang paling mulia adalah Sayyidina Abu Bakar, sesudah itu Sayyidina Umar bin Khattab, sesudah itu Sayyidina Uthman bin Affan, sesudah itu Sayyidina Ali bin Abi Thalib, sesudah itu sahabat-sahabat yang sepuluh yang

telah dikhabarkan oleh Nabi akan masuk Syurga, yaitu empat orang Khalifah ditambah dengan Thalhah bin Ubaidillah, Zubair bin Awwam, Abdurrahman bin Auf, Saad bin Abi Waqash, Said bin Zaid, Abu Ubaidah, Amir bin Jarrah, sesudah itu para sahabat yang ikut perang Badar, sesudah itu para sahabat yang ikut perang Uhud, sesudah itu para sahabat yang ikut Bai'atur Ridhwan, sesudah itu sekalian sahabat Nabi yang lain RA anhum.

42. Dalam soal pertikaian dan peperangan yang terjadi antara para sahabat Nabi, seumpama Perang Jamal antara Siti Aisyah dan Sayyidina Ali, Perang Siffin antara Sayyidina Ali dan Muawiyah, kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah menanggapi secara positif, tidak banyak dibicarakan, tetapi dianggap bahwa mereka berperang menurut ijtihad masing-masing. **Kalau ijtihad itu benar di sisi Allah mereka dapat dua pahala, akan tetapi kalau ijtihad mereka itu salah pada sisi Allah maka mereka dapat satu pahala, yaitu atas ijtihadnya itu.**
43. Kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah yakin bahwa sekalian keluarga Nabi Muhammad SAW khususnya Siti Aisyah Ummul Mukminin yang tertuduh membuat kesalahan adalah bersih dari noda. Fitnah yang dilancarkan kepada keluarga Nabi adalah fitnah yang dibuat-buat. (lihat An-Nur : 11)
44. Kerasulan seorang Rasul adalah kurnia dari Tuhan. Pangkat itu tidak dapat diusaha-usahkan, umpamanya dengan masuk sekolah, bertapa dan lain-lain.
45. Rasul-Rasul Allah dibekali dengan mukjizat, yaitu perbuatan ganjil yang diluar kemampuan manusia biasa, umpamanya Nabi Ibrahim AS tidak terbakar oleh api, Nabi Isa AS menghidupkan orang yang sudah mati, Nabi Musa AS menjadikan tongkatnya menjadi ular, Nabi Muhammad SAW dengan kitab suci Al-Quran yang tidak dapat ditiru oleh orang pandai-pandai, air keluar dari anak jari bagnda, bulan terbelah dua, matahari terhenti berjalan dan sebagainya.
46. **Kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah menyakini adanya keramat.** Keramat ertinya pekerjaan ganjil-ganjil yang diluar kebiasaan yang dikerjakan oleh wali-wali Allah, ulama-ulama, orang-orang soleh, seumpamanya makanan datang sendiri kepada Siti Maryam, ahli gua tidur selama 309 tahun tanpa rosak dagingnya.
47. Nabi Muhammad SAW adalah Nabi yang penghabisan, tidak ada Nabi sesudah baginda. Begitu juga pangkat ke-Nabian dan ke-

Rasulan, begitu juga Nab-Nabi pembantu tida ada lagi sesudah Nabi Muhammad SAW.

Sesiapa yang mendakwakan dirinya Nabi atau Rasul, baik Nabi yang berkendiri atau Nabi untuk menjalankan syariat Nabi Muhammad SAW, maka orang itu pembohong dan wajib ditentang.

48. Wajib dipercayai adanya 'Arasy, iaitu suatu benda makhluk Tuhan yang dijadikan dari Nur, terletak di tempat yang tinggi dan mulia yang tidak diketahui hakikatnya dan kebesarannya. Hanyalah Allah SWT yang Maha Mengetahui.
49. Wajib diyakini adanya 'Kursi Tuhan', iaitu suatu benda makhluk Tuhan yang berdekatan dan bertalian dengan 'Arasy. Hakikat keadaannya diserahkan kepada Tuhan. Yang wajib bagi kita hanyalah dipercayai adanya.
50. Wajib dipercayai adanya Kalam, iaitu suatu benda yang dijadikan Tuhan untuk menuliskan sesuatu yang akan terjadi di Lauhul Mahfudz. Sekelian yang terjadi di dunia ini sudah dituliskan dengan kalam di Lauhul Mahfudz terlebih dahulu.
51. Syurga dan Neraka bersama penduduknya akan kekal selama-lamanya tidak akan habis. Keduanya dikekalkan Tuhan agar yang berbuat baik merasai selama-lamanya nikmat pekerjaannya dan yang berbuat dosa merasai selama-lamanya siksa atas perbuatannya.
52. Dosa itu menurut faham Ahlus Sunnah Wal Jamaah terbahagi dua, ada dosa besar dan ada pula dosa kecil. Dosa besar itu ialah : Syirik (mempersekutukan Tuhan, ini paling besar), makan riba rente wang, lari dari medan pertempuran perang sabil, menjadi tukang sihir, menderhakai ibu-bapa, berbuat zina, berbuat liwath, berdusta terhadap Nabi dan lain-lain lagi.
Kalau dosa besar tidak dikerjakan maka dosa-dosa kecil akan diampuni oleh Tuhan (dengan berbuat amalan-amalan baik). Dosa besar hanya dapat diampuni kalau si pembuatnya memohon taubat kepada Allah.
53. Raja yang memerintah umat Islam wajib dilantik oleh orang Islam yang berpengaruh yang dinamakan mereka *ahlul hilli wal aqdi*.
54. Tiada harus dan tiada boleh keluar daripada taat kepada raja-raja kita dan pegawai-pegawai yang memerintah kita (Islam), sekalipun mereka berbuat zalim, tiadalah boleh kita mendoakan diatas mereka dengan kejahatan dan tiadalah boleh kita gugurkan taat

setia kepada mereka, dan kita berpendapat bahawa taatkan mereka sebahagian dari taatkan Allah itu adalah wajib dan fardhu, **selagi mereka tidak menyuruh berbuat dan melakukan sesuatu maksiat atau dosa**, dan didoakan mereka dengan kebaikan dan selamat afiat daripada kerosakan.

55. Mengerjakan haji di Mekah dan jihad dengan mengangkat senjata menentang musuh Islam **berjalan terus bersama-sama pemerintah-pemerintah umat Islam**, samada mereka baik atau jahat sehingga bangkit Hari Kiamat, maka tiadalah dapat dibatalkan atau ditegah atau disekat oleh sesuatu pun akan kedua-duanya (haji dan jihad).
56. Kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah berpendapat bahawa **bersatu padu itu adalah perkara benar dan hak**, dan berpecah belah itu adalah menyeleweng dan azab sengsara
57. Orang yang sembahyang menghadap kiblat itu ialah orang Islam dan orang beriman, selagi mereka kekal mengaku dan menerima perkara yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan selagi mereka percaya dan membenarkan apa yang disabdakan dan dikhabarkan baginda.
58. Kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah tiada menghukum kafir keatas seseorang yang sembahyang menghadap kiblat dengan sebab dia melakukan sesuatu dosa, **selagi dia tidak menghalalkan sesuatu yang telah disepakati oleh ulamak Islam sebagai haram atau mengharamkan sesuatu yang telah disepakati oleh ulamak Islam sebagai halal**.
59. Orang Mukminin bisa menjadi kafir kembali (riddat) dengan melakukan hal-hal yang di bawah ini :

Dalam Iktiqad

- a. Syak (ragu) atas adanya Tuhan.
- b. Syak (ragu) atas keRasulan Nabi Muhammad SAW
- c. Syak (ragu) bahawa Al-Quran itu wahyu Tuhan.
- d. Syak (ragu) bahawa akan ada Hari Kiamat, Hari Akhirat, Syurga, Neraka dan sebagainya.
- e. Syak (ragu) bahawasanya Nabi Muhammad SAW isra' dari Masjid Mekah ke Masjid Baitul Muqaddas dengan ruh dan tubuh.
- f. Mengiktiqadkan bahawa Tuhan tidak mempunyai sifat seperti ilmu, hayat. Qidam, baqa' dan sebagainya.

- g. Mengiktihadkan bahawa Tuhan bertubuh seperti manusia.
- h. **Menghalalkan pekerjaan yang telah sepakat ulamak Islam mengharamkannya**, umpama meyakini bahawa zina boleh baginya, berhenti puasa boleh baginya, membunuh orang boleh baginya dan sebagainya.
- i. Mengharamkan pekerjaan yang sudah sepakat ulamak-ulamak Islam membolehkannya, umpamanya kahwin haram baginya, jual beli haram baginya, makan minum haram baginya dan sebagainya.
- j. Meniadakan suatu amalan ibadat yang telah sepakat ulamak Islam mewajibkannya, umpamanya sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya.
- k. Mengengkari persahabatan sahabat-sahabat Nabi yang utama seperti Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar dan sebagainya.
- l. Mengengkari sepotong atau seluruhnya ayat Al-Quran atau menambah sepotong atau seluruh ayat Al-Quran dengan tujuan menjadikannya Al-Quran.
- m. Mengengkari salah seorang dari Rasul yang telah sepakat ulamak-ulamak Islam mengatakannya Rasul.
- n. Mendustakan Rasul-Rasul Tuhan.
- o. Mengiktihadkan ada Nabi sesudah Nabi Muhammad SAW.
- p. Mendakwakan jadi Nabi atau jadi Rasul sesudah Nabi Muhammad SAW.

Dalam Amalan

- a. Sujud kepada berhala, matahari, bulan dan lainnya.
- b. Sujud kepada manusia secara sukarela.
- c. Menghina Nabi-Nabi atau Rasul-Rasul dengan lisan atau perbuatan.
- d. Menghina Kitab-Kitab suci dengan lisan atau perbuatan.
- e. Mengejek-ejek agama atau Tuhan dengan lisan atau tulisan.
- f. Dan sebagainya.

Dalam Perkataan

- a. Mengucapkan 'Hai Kafir' kepada orang Islam.
- b. Mengejek-ejek atau menghina-hina nama Tuhan.
- c. Mengejek-ejek Hari Akhirat, Syurga dan Neraka.
- d. Mengejek-ejek salah satu syariat umpamanya solat, puasa, zakat, haji, tawaf keliling Ka'abah, wuquf di Arafah dan sebagainya.
- e. Mengejek-ejek Malaikat-Malaikat.

- f. Mengejek-ejek Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul.
- g. Mengejek-ejek keluarga Nabi.
- h. Mengejek-ejek Nabi Muhammad SAW.
- i. Dan sebagainya.

Bab 25

Mengembalikan TAKLID Mazhab Empat

Demi Survival Ummah

Dalam bidang Syariat, jumbuh ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah telah mengambilnya daripada :

*“Golongan ulamak yang menyumbangkan dalam menjaga serta mengawal kedudukan **SYARIAT** Islam, mereka menyusun dan mengemaskan perkara-perkara furuk (cabang-cabang agama) , iaitu dalam bidang Ilmu Fekah. Gerakan ini diketuai oleh imam yang empat, iaitu **Hanafi, Maliki, Syafiee** dan **Hanbali** beserta rakan-rakan dan para pengikut masing-masing.”*

Dalam bab yang terdahulu kita telahpun mengemukakan definisi Usuluddin yang disebut sebagai Pokok Agama. Maka kalau kita bicarakan tentang usul atau pokok sudah tentu ada furu' atau cabangnya. Dalam istilah keagamaan, furu' syariat bererti soal-soal ibadat yang dikerjakan setiap hari umpama solat, puasa, zakat, haji nikah, jual beli dan sebagainya. Maka kalau Usuluddin ialah soal Iktiqad, maka furu's syariat ialah soal ibadat-ibadat yang lahir iaitu dalam bidang Ilmu Feqah.

FEQAH dalam Bahasa Arab ertinya pengertian, kefahaman dan dalam Islam bererti ilmu pengetahuan tentang hukum syariat Islam sesuai dengan dalilnya satu persatu. Contohnya solat Hari Raya hukumnya sunat sesuai dengan Hadeeth ini, riba hukumnya haram, sesuai dengan Firman Tuhan mengikut ayat ini, minum arak haram sesuai dengan Al-Quran mengikut ayat ini dan sebagainya. Orang yang pakar dalam bidang Ilmu Feqah disebut ULAMAK FEQAH atau FAQIH, jama'nya FUQAHA.

Gerakan ini diketuai oleh imam yang empat, iaitu Hanafi, Maliki, Syafiee dan Hanbali beserta rakan-rakan dan para pengikut masing-masing.

Mereka dikenali sebagai IMAM MUJTAHID, iaitu ulamak-ulamak besar yang tugasnya BERIJTIHAD, iaitu mengeluarkan hukum dengan menggalinya dari sumber Al-Quran dan Al-Hadeeth yang mana isi tersebut tidak dapat dilihat secara langsung oleh orang biasa. Hukum-hakam yang didapat sesudah digali itulah yang dinamakan MAZHAB orang yang menggalinya itu.

Maka ini namanya Mazhab Syafiee kerana digali oleh Imam Syafiee. Ini Mazhab Hanbali kerana digali oleh Imam Hanbali dan begitulah seterusnya.

Dalam zaman mutakhir ini yang mana telah lahir banyak puak ANTI-MAZHAB, moleklah jikalau kita dapat menghayati semula sejarah ringkas dan ciri-ciri kepentingan bermazhab. Ianya bertujuan memberi keyakinan kembali serta penghargaan yang mendalam kepada pegangan Mazhab Empat sebagai benteng kukuh dari amalan-amalan sesat yang berleluasa pada zaman fitnah hari ini. Dengan keyakinan yang teguh, mudah-mudahan dapatlah kita membetulkan atau memantapkan semula amalan bermazhab sebagai jaminan keterikatan kita sebagai pengikut Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar.

Keperluan berijtihad sesudah kewafatan Rasulullah SAW

Sesuai dengan perkembangan Islam dan keluasan daerah-daerah yang memeluk Agama Islam, maka para sahabat dan tabiin (orang-orang yang berjumpa dengan sahabat Nabi SAW) telah bertebaran ke seluruh pelosok dunia. Dalam khidmat mereka menyebarkan syiar dan syariat Islam kepada berbagai kaum di berbagai tempat dengan masalah dan karenavanya masing-masing, mereka telah dihadapkan dengan berbagai persoalan baru yang belum pernah wujud pada zaman Nabi. Maka dalam menangani persoalan-persoalan baru ini, mereka telah meneliti ayat-ayat Quran, adakah hukum hal itu di dalamnya. Kalau ada mereka menghukum dengan Al-Quran, tetapi kalau tidak ada hukum nyata maka mereka mencari dalam pula dalam sumber Al-Hadeeth.

Sumber Al-Hadeeth atau Sunnah Rasul berfungsi sebagai menjelaskan maksud-maksud daripada ayat-ayat Quran yang perlu dijelaskan, kerana adakalanya ia berbentuk umum. Sumber Al-Hadeeth juga berfungsi untuk menyempurnakan lagi keseluruhan peraturan Islam pada mempraktikannya dalam semua urusan kehidupan¹³⁶.

Kalau persoalan ini tidak diketemukan juga jawapannya daripada sumber Al-Hadeeth dengan ertikata tidak seorang juapun diantara para sahabat yang mengetahui sebuah Hadeeth yang sesuai dengan masalah yang terjadi, maka kemudian barulah mereka berijtihad sendiri. Hal ini samalah dengan seorang Hakim pengadilan yang terikat dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang terdahulu, maka jikalau tidak

¹³⁶ Tidak seperti Al-Quran yang telah tertulis dan terkumpul sejak Rasulullah SAW menerima wahyu, Al-Hadeeth pada zaman baginda dan Khulafa' Ar Rasyidin belum lagi dikumpulkan. Hanya pada zaman pemerintahan Khalifah Omar bin Abdul Aziz daripada Khilafah Bani Umaiyah sahaja barulah baginda mengarahkan supaya diusahakan mengumpul dan menulis Al-Hadeeth.

kedapatan lalu mereka menghukum sendiri dengan keinsafan batin mereka dengan pertanggungjawabnya kepada Tuhan¹³⁷.

Ringkasnya dalam menjawab soal-soal agama yang belum ada nashnya di dalam sumber Al-Quran dan Al-Hadeeth, para sahabat telah **berijtihad sendiri untuk menetapkan hukum-hakam dalam masalah yang baru itu, kerana ijtihad itu baru dibolehkan kalau nash dari kedua-dua sumber tersebut tidak ada.**

Dalam sebuah Hadeeth yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud dan At-Tarmidzi tersebut begini :

Dari Muadz bin Jabal, bahawasanya Rasulullah SAW pada ketika mengutusnyanya ke Yaman bertanya kepadanya:

“Bagaimana caranya engkau memutuskan perkara yang dibawa ke hadapanmu?”

“Saya akan memutuskannya menurut yang tersebut dalam Kitabullah.”
jawab Muadz.

Nabi bertanya lagi: *“Kalau tidak tersebut dalam Kitabullah, bagaimana?”*

Muadz menjawab: *“Saya akan memutuskannya menurut Sunnah Rasul .”*

Nabi bertanya lagi: *“Kalau engkau tidak menemui hal itu dalam Sunnah Rasul, bagaimana?”*

Muadz menjawab: *“Pada ketika itu saya akan berijtihad tanpa sedikitpun.”*
Mendengar jawapannya itu Nabi Muhammad SAW meletakkan tangan baginda ke dadanya dan berkata: *“ Segala puji bagi Allah yang telah memberi taufiq utusan Rasulullah, sehingga menyenangkan hati RasulNya.”*

(Sahih Tarmidzi, juzuk II, hlm 68-69, Sunan Abu Dawud, juzuk III, hlm 303)

Dalam suatu surat amanat yang dikirim Sayyidina Umar RA kepada Gabenor Basrah, Abu Musa Al Asy’ari, beliau berkata:

“Fahamkan, fahamkan benar sekalian soal yang bergolak dalam dadamu, yang tidak terdapat (hukumnya) dalam Kitab dan Sunnah. Perhatikanlah yang serupa dan sebanding, ketika itu Qiyaskanlah yang satu kepada yang lain.” (Kitab Syafiee, Muhammad Abu Zarah, hlm 64).

¹³⁷ Dalam sistem perundangan Barat, perkara ini disebut sebagai ‘*precedent*’ atau tauladan. Bermakna jikalau tiada masalah serupa yang pernah terjadi sebelumnya yang boleh dijadikan perbandingan dan tauladan (*‘no precedent’*), maka hakim akan membuat suatu keputusan baru yang dikatakan sebagai *‘creating a precedent’*, atau membuat suatu keputusan baru yang akan dijadikan tauladan dalam kes-kes kemudian yang serupa.

Ringkasnya, memang terdapat dalil kukuh yang menyuruh berjihad dalam suatu hukum masalah yang tidak terdapat nashnya dalam Kitabullah dan Sunnah Rasul.

Bagaimanapun pada zaman sahabat RA anhum sekalipun, bilangan mereka yang berjihad tidaklah ramai. Walaupun para sahabat yang ditinggalkan Rasulullah SAW beribu-ribu jumlahnya (pada ketika Haji Wida', atau penghabisan sebelum Rasulullah SAW wafat, disebut sahabat yang bersama baginda naik haji adalah seramai 70, 000 orang), tetapi yang berani berfatwa adalah seramai 130 orang sahaja. Dari jumlah ini hanya 7 sahaja yang banyak tahu, banyak ilmunya dan banyak mengeluarkan fatwa¹³⁸. Mereka ialah;

1. Sayyidina Umar Al-Khattab
2. Sayyidina Ali bin Abi Thalib
3. Abdullah bin Mas'ud
4. Ummul Mukminin Siti Aishah
5. Zaid bin Thabit
6. Abdullah bin Abbas
7. Abdullah bin Umar.

Sedangkan para sahabat lain lebih banyak menghafal Hadeeth-Hadeeth yang mereka dengar sendiri dari Rasulullah SAW serta melihat sendiri Sunnah Rasul yang kemudiannya disampaikan kepada murid-murid mereka dari kalangan tabiin (orang yang berjumpa dengan sahabat Rasulullah SAW). Mereka inilah dipanggil PERAWI, iaitu yang merawikan Hadeeth dari seorang kepada seorang yang lain.

Maka para sahabat yang berjihad inilah menjadi IMAM MUJTAHID, iaitu mengeluarkan hukum dengan menggalnya dari sumber Al-Quran dan Al-Hadeeth yang mana isi tersebut tidak dapat dilihat secara langsung oleh orang biasa. Menggali hukum pula disebut sebagai ISTINBATH dan hukum-hakam yang didapat sesudah digali itulah yang dinamakan MAZHAB orang yang menggalnya.

Bagaimanapun para sahabat tidak sempat hidup lebih lama untuk menghadapi sendiri perubahan zaman yang menerbitkan soal-soal yang baru dan lebih kompleks. Apatah lagi dengan keadaan ilmu Hadeeth yang masih terpencar-pencar kerana mereka saling tinggal berjauhan di Madinah, Mekah, Kufah, Basrah, Syam dan berbagai tempat lagi. Untuk

¹³⁸ Sedang sahabat-sahabat Rasulullah SAW seperti Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Uthman bin Affan, Anas bin Malik, Abu Hurairah, Ummul Mukminin Ummi Salamah dan 15 orang lagi memberikan fatwa dalam bilangan yang sederhana. Yang bakinya dari jumlah 130 sahabat tersebut amat sedikit sekali mengeluarkan fatwa.

belajar dari mereka harus bermusafir jauh dari satu tempat ke satu tempat yang menempatkan para sahabat Rasulullah SAW itu

Apa yang paling menggusarkan umat Islam pada waktu itu ialah apabila menghilangnya satu persatu para sahabat, ajaran-ajaran Islam tulen yang tersimpan dalam dada mereka (sumber Kitabullah dan Hadeeth) dan terzahir dalam amal perbuatan mereka (ikutan Sunnah Rasul) adalah juga dalam bahaya kehilangan. Kebetulan pula muncul puak-puak batil dengan firqah-firqah palsu mereka serta kelompok ahli-ahli pendusta yang mereka-reka banyak Hadeeth palsu.

Bagaimanapun seperti juga halnya yang berlaku apabila Allah SWT mewujudkan dua tokoh ulamak Usuluddin yang berkhidmat menyusun serta mengemaskan perkara-perkara iktiqad Rasulullah SAW dan para sahabat baginda, begitulah yang terjadi apabila Allah SWT menakdirkan munculnya golongan tabiin dan tabit tabiin yang bertanggungjawab mengumpul, menyemak, menyaring dan membukukan Hadeeth. Ianya dimulakan dalam zaman Khalifah Umar Abdul Aziz yang mengeluarkan perintah untuk mengumpulkan Hadeeth lantaran timbul beberapa perkara yang menghendaki supaya Hadeeth dibukukan.

Pada waktu itu Al-Quran telah cukup berkembang dalam masyarakat sehingga tidak wujud lagi kekhuatiran akan timbulnya keraguan tentang ayat-ayatnya¹³⁹.

Dikesampingkan dengan usaha-usaha yang ikhlas untuk membukukan Hadeeth oleh golongan tabiin dan tabit-tabiiin, maka lahirlah pula sebilangan kecil pakar-pakar ulamak yang telah memenuhi semua syarat untuk berjihad¹⁴⁰ sebagai penyambung kepada tugas murni para sahabat dalam peranan mereka melengkapkan seluruh kehidupan umat Islam dibawah takluk hukum-hakam agama sepertimana yang diajarkan oleh Rasulullah SAW itu.

Dan menurut ajaran baginda, apabila orang yang berkelayakan sebagai Imam Mujtahid melakukan ijihad didalam sesuatu perkara sambil berusaha bersungguh-sungguh untuk sampai kepada kebenaran, maka dia akan diberikan dua ganjaran pahala iaitu kiranya ijtidahnya itu menepati kebenaran. Satu pahala kerana ijtidahnya dan satu pahala kerana hasil ijtidahnya itu menepati kebenaran.

Sekiranya hasil ijtidahnya salah, yakni tidak menepati kebenaran, maka dia akan tetap diberikan satu ganjaran pahala sahaja, iaitu

¹³⁹ Ayat-ayat Al-Quran dibukukan di zaman Khalifah Uthman bin Affan.

¹⁴⁰ Sila rujuk Lampiran E : *'Beberapa perkara yang bersangkutan dengan pegangan Mazhab Empat'* untuk syarat-syarat kelayakan menjadi Imam Mujtahid.

ganjaran kerana ijtihadnya. DIA TIDAK DIBEBANI DENGAN DOSA kerana salah dalam ijtihadnya.

Rasulullah SAW telah bersabda :

“Apabila seseorang hakim mengadili, lalu dia berijtihad kemudian ijtihadnya betul, maka baginya dua pahala. Dan apabila dia mengadili, lalu dia berijtihad kemudian ijtihadnya itu salah, maka baginya satu pahala. “ (HR Bukhari & Muslim)

Firman Allah SWT :

“ Allah tidak memberati seseorang melainkan kadar usahanya.”
(Al-Baqarah : 286)

Ringkasnya kerana banyak hal-hal baru yang datang silih berganti sehingga Akhir Zaman nanti, maka jumhur ulamak telah bersepakat bahawa Ijtihad dan Qiyas (perbandingan-perbandingan) itu mesti, wajib, tidak boleh tidak supaya setiap sesuatu ada hukumnya. Kalau tidak agama akan mandek, akan terhenti dan tidak sanggup menghadapi zaman.

Oleh itu jumhur ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah telah menetapkan bahawa sumber ajaran dan hukum-hukum Islam itu ada empat perkara, iaitu ;

1. Al-Quran
2. Al-Hadeeth atau Sunnah Rasul
3. Al-Ijmak
4. Al-Qiyas

Mengapa Mazhab Imam Muftahid ada empat sahaja

Hakikatnya seorang Imam Muftahid berperanan sebagai pengganti Nabi, Khalifah Nabi dalam hal memberikan hukum-hukum sesuatu persoalan. Beliau menggantikan Nabi dalam membina hukum-hukum syariat Islam yang mana fatwanya itu dapat menyelamatkan manusia dunia dan akhirat.

Seperti yang disebutkan tadi, pada zaman para sahabat tidak ada yang berani muncul menjadi Muftahid kecuali hanya kira-kira 130 orang, sedang yang lain hanya menjadi Perawi dan Muballigh, menyampaikan Hadeeth serta hukum-hukum ijtihad orang lain, tidak berani berijtihad sendiri. Pada zaman tabiin dan tabit tabiin pun, iaitu zaman yang penuh

dengan ilmu pengetahuan agama, tidak banyak orang yang sampai ke derajat Imam Mujtahid, paling banyak hanya 10 orang.

Barangkali tidak ada orang yang tidak kagum dengan ilmu Imam Ghazali atau Imam Bukhari, ahli Hadeeth yang terkenal, atau Imam Nawawi, tetapi Imam-Imam ini sekalipun belum berani menyatakan mereka telah sampai ke darjat Mutjahid Mutlak. Imam-Imam ini berkata bahawa mereka taklid kepada Mazhab Imam Syafiee Rhl.

Banyak ulamak-ulamak dari abad-abad kemudian yang tinggi-tinggi ilmunya dan dapat menghafal beribu-ribu Hadeeth dan Al-Quran tetapi hampir tidak ada yang mahu menjadi Imam Mujtahid yang berfatwa menurut ijtihad sendiri. Mereka lebih aman menjadi orang yang bertaklid dibanding menjadi Imam Mujtahid¹⁴¹ kerana menjadi Imam Mujtahid besar sekali bahayanya, bisa menyesatkan umat dan akhirnya bisa merosak agama.

Bagaimanapun di kalangan ulamak-ulamak yang mencuba menjadi Imam Mujtahid dan mewujudkan mazhab-mazhab Feqah mereka sendiri disepanjang perjalanan sejarah umat Islam, umpamanya Mazhab Imam Daud Zhahiri, Mazhab Ibnu Hazam, Mazhab Auzai, Mazhab Al Laeits dan sebagainya, mereka kurang bernasib baik. Ini berikutan mazhab-mazhab mereka tidak dapat bertahan lama, dan akhirnya hilang sendiri diterbangkan angin zaman. Kemungkinan hal ini berlaku kerana sendi-sendi ijtihadnya tidak kuat.

Ditakdirkan Allah SWT yang tetap berkembang pesat dan memenuhi dunia Islam sehingga hari ini hanyalah Empat Mazhab yang dipeloporkan oleh empat IMAM MUTJAHID MUTLAK (Mutjahid Penuh) seperti berikut, iaitu :

1. Mazhab Hanafi, iaitu fatwa-fatwa Imam Abu Hanifah an Nu'man bin Tsabit, (lahir 81H, wafat 150H) dan para pengikutnya.

¹⁴¹ Imam Nawawi, seorang ulamak terunggul kerana telah mengarang bermacam-macam kitab dalam usia yang singkat tetapi tidak membuat Mazhab Nawawi, beliau menganut Mazhab Syafiee. Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani telah diberi gelaran Amirul Mukminin Bil Hadeeth sehingga hari ini kerana kehebatan dan kehalusannya meneliti setiap Hadeeth. Beliau mensyarahkan kitab Imam Syafiee yang dikenali sebagai *Fathul Bari*, dan menjadi pengikut Mazhab Syafiee, iaitu tidak membuat Mazhab Asqalani. Begitu juga dengan Syeikh Abdul Qadir Jailani yang menjadi pakar dalam 13 ilmu agama termasuk dalam bidang Ilmu Feqah aliran Mazhab Syafiee dan Hanbali. Tetapi Syeikh Abdul Qadir Jailani tidak membuat Mazhab Qadiri, beliau menjadi pengikut Mazhab Hanbali atau Syafiee.

Mazhab ini mulanya tumbuh di Iraq (Kufah), kemudian tersiar luas di Syria, Afghanistan, India, Turki, Khurasan, Mesir, Algeria, Tunisia, Tripoli, Kaukasus, Balkan, Brazil dan lain-lain.

2. Mazhab Maliki, iaitu fatwa-fatwa Imam Maliki bin Anas (lahir 83H, wafat 179H) dan para pengikutnya.

Mazhab ini mulanya tumbuh di Madinah, kemudian tersiar luas di Hijaz, Maghribi, Sepanyol, Sudan dan lain-lain.

3. Mazhab Syafiee, iaitu fatwa-fatwa Imam Muhammad bin Idris (lahir 150H, wafat 204H) dan para pengikutnya.

Mazhab ini mulanya tumbuh di Iraq dan Mesir, kemudian tersiar luas di Iraq, Mesir, Khurasan, Afghanistan, India, Indonesia, Tanah Melayu, Thailand, Hijaz, Hadhramaut, Yaman, Oman, Sudan, Somali, Syria, Palestin, Filipina dan lain-lain.

4. Mazhab Hanbali, iaitu fatwa-fatwa Imam Ahmad bin Hanbal (lahir 162H, wafat 241H) dan para pengikutnya.

Mazhab ini mula tumbuh di Iraq dan kemudian tersiar luas dan akhirnya penganutnya yang ramai adalah di Najd, negeri Ibnu Saud yang memerintah Saudia Arabia sekarang.

Ulamak-ulamak besar seperti Imam Rafi'i, Imam Ghazali, Imam Ibnu Daqiqili'id, Imam Abu Ishak Sirazi dan sebagainya berselisih pendapat tentang ada ataupun tidak kewujudan Imam Mujtahid Mutlak pada zaman-zaman mereka (iaitu selepas zaman Imam Mutjahid Empat). Namun mereka tetap bersepakat bahawa syarat untuk menjadi Mujtahid Mutlak adalah sangat berat, sulit dan ketat sehingga ada yang mengatakan tidak sanggup orang memikul tanggungjawab tersebut ketika itu, apatah lagi di zaman sekarang.

Keputusan Bertaklid kepada Mazhab Imam Mujtahid

TAKLID dalam syariat Islam ertinya mengikut. Bertaklid kepada Mazhab Imam Mujtahid bererti mengikut fatwa-fatwa agama yang telah digali dan dikeluarkan oleh seorang Imam Mujtahid.

Kalau kita katakan: "*Saya bertaklid kepada Mazhab Syafiee*", maka itu ertinya saya mengikut ajaran Mazhab Syafiee. Kalau dikatakan: "*Saya adalah penganut Mazhab Maliki*", bermakna saya mengikut atau bertaklid kepada Mazhab Imam Maliki dalam soal ibadat, begitulah seterusnya.

Manusia ini dalam kenyataannya terbahagi kepada tiga golongan, iaitu :

1. 'ALIM BESAR, yang ilmunya sudah tinggi, iaitu sudah sampai kepada darjat Imam Mujtahid Mutlak¹⁴² (Imam Penuh), iaitu orang yang sanggup menggali (istinbath) hukum dari dalil-dalil.
2. BERILMU, tetapi ilmunya masih kurang, belum sampai ke darjat Imam Mujtahid. Dalam Islam golongan ini dikenali sebagai ulamak-ulamak, kiyai-kiyai, ustadz-ustadz, guru-guru, mu'alim-mu'alim dan sebagainya.
3. RAKYAT AWAM, iaitu kelompok terbanyak dalam masyarakat yang terdiri dari kaum petani, pedagang, saudagar, buruh, nelayan, tukang batu, tukang kayu, pegawai dan sebagainya. Golongan ini bersekolah juga, tetapi belum sampai ke darjat ulamak, apalagi ke darjat Imam Mujtahid.

Golongan yang pertama, iaitu Imam-Imam Mujtahid yang sudah sampai ilmunya ke darjat Mujtahid menurut ukuran yang umum dalam dunia Islam, maka ia BOLEH BERIJTIHAD dan bahkan wajib berijtihad jikalau dalam negeri itu hanya ia seorang yang serupa ilmunya. Ia tidak boleh mengikut Imam Mujtahid yang lain tetapi ijtihadnya itu tidak boleh membatalkan ijtihad Imam Mujtahid yang terdahulu daripadanya.

Golongan yang kedua, WAJIB BERTAKLID kepada salah seorang Imam Mujtahid yang disukainya, tetapi ia diharuskan atau dianjurkan agar menyelidiki dalil-dalil dan alasan-alasan dari fatwa Imamnya itu. Ini sekadar untuk mengetahui dan lebih meyakinkan kebenaran dari fatwa Imamnya itu. Ia boleh mengatakan bahawa ia penganut Mazhab Syafiee, Maliki atau Hanafi dan ia juga tahu bahawa fatwa Imamnya itu berdalil Al-Quran dan Al-Hadeeth, berdasarkan Qiyas cara begitu dan begini dan sebagainya.

Golongan yang ketiga iaitu yang terbanyak dalam masyarakat, mereka WAJIB BERTAKLID kepada salah seorang Imam dalam agamanya, kerana mereka tidak akan sanggup menjalankan hukum agamanya dengan baik atau tidak sanggup beragama sama sekali.

Sanggupkah seorang petani berijtihad dengan menyelidiki dalil itu dan ini? Sanggupkah seorang pedagang yang langsung tidak tahu Bahasa Arab mengambil hukum-hakam dari Al-Quran dan Al-Hadeeth?

¹⁴² Selain daripada Mujtahid Mutlak, terdapat juga Mujtahid Mazhab, iaitu orang-orang yang berkecayaan menggali hukum berdasarkan kaedah-kaedah Imamnya (Imam Mujtahid Mutlak) seperti Muzani dan Buwaithi. Dan Mujtahid Fatwa, iaitu orang yang berkecayaan merajihkan (menguatkan salah satu) diantara perkataan Imamnya, seperti Nawawi dan Rafi'i.

Layakkah seorang wartawan akhbar yang tidak belajar kitab-kitab Hadeeth dan bab *Asbabun-Nuzul* mengeluarkan fatwa agama? Layakkah orang awam menggali hukum??

Jawabannya sudah tentu tidak mungkin dan tidak sanggup.

Maka bagi golongan yang ketiga ini, mereka tidak ada jalan lain selain bertaklid mengikut Imam-Imam atau ulamak-ulamak terdekat yang sudah menjadi murid-murid daripada Imam-Imam Mujtahid.

Firman Allah SWT yang maksudnya :

“Maka tanyalah ahli ilmu, kalau kamu tidak tahu.” (An-Nahl:43)

*“Dan orang-orang yang terdahulu, yang mula-mula, iaitu orang-orang Muhajirrin dan Ansar **dan orang-orang yang mengikut mereka dengan baik.** Allah redho kepada mereka dan mereka redho kepadaNya. Ia sediakan bagi mereka syurga yang di bawahnya mengalir beberapa sungai, kekal dalam syurga itu selama-lamanya.”* (At-Taubah : 100)

Sabda Rasulullah SAW pula :

“ Sahabatku seperti bintang, siapa sahaja yang kamu ikuti maka kamu telah mendapat hidayah.” (HR Imam Baihaqi)

“Ulamak-ulamak itu mewarisi Nabi-Nabi .” (HR Abu Dawud)

Rasulullah SAW juga bersabda mengenai golongan tabiin dan tabit tabiin:

“Sebaik-baik umat ialah umat di kurun aku, kemudian umat dikurun selepas kurunku, kemudian umat dikurun selepas kurun itu.”

Dalil-dalil diatas adalah sebagai bukti nyata bahawa umat Islam yang tidak mujtahid adalah disuruh mengikut para sahabat, para pengikut mereka yang ahli atau pakar dalam bidang agama serta ulamak-ulamak yang berperanan sebagai pewaris Nabi.

Maka sebagai mengikut ajaran-ajaran Rasulullah SAW dan para sahabat baginda dalam bentuk hukum-hakam Islam yang telah digali, dikumpulkan, disemak, diteliti, ditapis, disusun dengan kemas dan sistematik oleh Imam-Imam Mujtahid yang diakui oleh jumur ulamak sebagai pakar dalam bidang mereka (selain taqwa yang kuat), INILAH YANG DINAMAKAN TAKLID.

Kalau ada orang mengatakan tidak boleh bertaklid atau haram hukumnya bertaklid, maka orang ini sebenarnya telah menyusahkan berjuta-juta umat Islam dan meletakkan dosa ke pundak mereka. Adakah orang-orang ini menuntut supaya semua umat Islam berusaha menjadikan diri mereka pakar sehingga layak menjadi Imam-Imam Mujtahid supaya bolehlah setiap orang menggali hukum dari nash Al-Quran dan Al-Hadeeth supaya mereka bebas melakukan ijtihad sendiri.? Cuba fikirkan, apakah semua orang mampu menjadi pakar bedah, ahli undang-undang, pakar geologi, pakar sains dan sebagainya? Dalam hal yang sama, apakah semua orang mampu menjadi Imam Mujtahid? Jawapannya sudah tentu tidak.

Anjuran ini tidak sesuai dengan logik akal dan termasuk anjuran gila. Hakikatnya bagi mereka yang tidak pernah masuk sekolah agama, yang tidak pernah masuk sekolah tinggi agama, yang tidak belajar mendalami Ilmu Usul Feqah¹⁴³ sudah tentulah anjuran yang paling logik ialah menyuruh mereka bertanya kepada guru-guru agama dalam hukum-hakam agama, lalu dipegang dan diamalkan. Kerana guru-guru agama ini telahpun mendalami susur galur dan kaedah-kaedah agama selama bertahun-tahun¹⁴⁴.

DENGAN JALAN DEMIKIAN MAKA ORANG AWAM SUDAH MENJALANKAN TUNTUTAN AGAMA DAN TERLEPAS DARI DOSA.

Tetapi ini bukanlah bermakna umat Islam dilarang sama sekali untuk menyelidiki dalil-dalil agama yang dikatakan oleh tok guru-tok guru kita. Kita boleh mendalami, membahas, malahan boleh meniru Imam Mujtahid. Tetapi dengan bersyarat, iaitu perlu ada kesanggupan zahir batin untuk mempelajari bidang ilmu agama sampai sedalam-dalamnya supaya jangan terdedah kepada risiko menjadi orang yang sesat dan menyesatkan. Kalau tidak sanggup memenuhi syarat ini, ikuti atau bertaklid sahajalah kepada ulamak-ulamak hakikat, cuma pastikan dan PASTIKAN IANYA ULAMAK-ULAMAK HAKIKAT!

¹⁴³ Ialah mengetahui kaedah-kaedah (pokok-pokok, norma-norma) yang mana dengan kaedah-kaedah itu dapat diistibathkan (dikeluarkan) hukum-hakam syariat dari dalil-dalilnya. Imam Syafiee adalah orang yang mula-mula sekali menciptakan Ilmu Usul Feqah ini.

¹⁴⁴ Yang dimaksudkan di sini ialah ustadz-ustadz yang telah cukup belajar, masak ranum dan sanadnya daripada pengajian tok guru-tok guru yang muktabar ataupun madrasah-madrasah yang mengikuti sistem sanad kepada Empat Mazhab. Bukan ustadz separuh masak, ustadz celup, ustadz-ustadz yang belajar dari tok guru orientalis ataupun universiti-universiti yang menganut sistem pengajian Islam Mazhab Orientalis itu. Mereka ramai masakini dan amat memudaratkan.

Mencari Hukum Syarak pada sesuatu kejadian yang berlaku

Apabila berlakunya sesuatu kejadian baru dan kita perlu tahu apa hukumnya dari sudut syariat maka kita cari hukum masalah tersebut daripada kitab-kitab Feqah dalam bab yang difikirkan menasabah, adakah terdapat hukum bagi masalah ini. Jika tidak ada maka kita cari hukum masalah yang seakan-akan dan hampir kepada masalah yang berlaku atau kita cari dalam bab-bab lain atau kitab-kitab fatwa¹⁴⁵.

Perlu diingat dalam usaha mencari dan membandingkan hukum-hukum berkenaan dengan masalah yang baru itu, hendaklah kita melihat kitab-kitab khas yang membicarakan masalah-masalah ijmak supaya jangan kita melanggar ijmak kerana MELANGGAR IJMAK YAQINI ITU BERBAHAYA DAN KUFUR, sebagaimana kata Ibnu Hazm Azhzaahiri dalam kitabnya *'Maratibul Ijmak'*. Beliau telah mengumpulkan masalah ijmak para sahabat RA anhum yang disusunnya menurut aturan Feqah dalam kitabnya yang telah dicetak di Mesir.

Di zaman Khilafah dan Raja-Raja Islam dahulu kala, orang awam dipermudahkan menjalankan tugas fardhu 'Ain mereka dan terlindung daripada wujudnya perselisihan pendapat tentang hukum-hakam agama kerana telah sedia ada Qadhi, Mufti atau Majlis Fatwa yang mana antara tugas mereka adalah membuat ijthad dalam perkara-perkara yang belum pernah terjadi sebelumnya. Maka apabila fatwa telah dikeluarkan oleh ulamak-ulamak ini atas titah Khalifah atau Sultan, rakyat tidak perlu bersusah payah atau berselisih pendapat kerana terus sahaja mentaatinya¹⁴⁶ berdasarkan

Firman Allah SWT yang bermaksud :

"Hai orang-orang yang beriman! Turutlah Allah dan turutlah Rasul dan 'Ulil Amri' (Khalifah atau Raja) diantara kamu." (An-Nisa :59)

¹⁴⁵ Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Hj Md Zain Hj Serudin, op. cit, hlm 199

¹⁴⁶ Pada 2hb Januari 1984, Negara Brunei Darussalam telah mendapat kemerdekaannya dari penjajahan British. Dalam perisytiharan yang dibuat oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena hari kemerdekaan Brunei itu, antara lain baginda mengumumkan bahawa: *".... Adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala, akan untuk selamalamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahlul-Sunnatu Wal Jamaah"*

Dalam perlembagaannya juga tersebut bahawa mazhab yang dipegang oleh kerajaan Brunei ialah Mazhab Syafiee. Dalam hal ini Jabatan Mufti Kerajaan akan menerbitkan buku 'Fatwa Mufti Kerajaan' pada setiap tahun yang mengeluarkan berbagai hukum yang menyentuh soal-soal kehidupan seharian masyarakat Islam.

Sedangkan perbuatan-perbuatan yang telah berkurun-kurun lamanya menjadi amalan umat Islam sudah sedia ada hukum-hakamnya dalam kitab-kitab Feqah dan kitab-kitab Fatwa karangan ulamak-ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Maka tidak perlulah berbalah mengenai masalah lafaz 'usalli', masalah 'talkin', 'qunut', tahlil, tarawikh, sambutan maulidur rasul dan masalah-masalah yang lain. Buang karan sahaja. Tiada faedah yang diperolehi dengan membahaskan perkara-perkara ini, apatah lagi ianya perkara sunat, siapa yang hendak buat, silakan, siapa tak hendak buat, tak payahlah buat tetapi jangan pula mengkritik orang yang hendak buat. Kerana kedudukan amalan-amalan ini serupa juga seperti sedeqah sunat dan solat sunat¹⁴⁷. Rujuk sahaja kitab-kitab muktabar yang sudah membincangkan hukum-hakam tentang perkara-perkara ini. Tetapi sekali lagi, PASTIKAN KITAB DITULIS OLEH ULAMAK-ULAMAK HAKIKAT.

Bahaya ancaman Anti-Mazhab

Semenjak tertubuhnya negara-negara sekular dalam dunia Islam, muncullah kelompok-kelompok yang lantang menyeru umat Islam supaya melepaskan diri mereka daripada ikatan mazhab. Lazimnya mereka ini adalah pemuja dan pemuji Ibnu Taimiyyah, pengikut Ibnul Qayyim al-Jazi, pemuja Muhammad Abduh dan Rasyid Redha, orang yang fanatik kepada Majalah Al-Manar dan Al-Munir ataupun menjadi pengikut Mazhab Wahhabi.

Kelompok-kelompok Anti-Mazhab ini beralasan bahawa bertaklid kepada mazhab boleh menyebabkan seseorang itu menjadi mundur, mati semangat, jumud, beku, tidak berkemajuan, sudah mati sebelum mati dan sebagainya yang bersifat menghina kepada orang-orang bermazhab.

Adakah benar umat Islam yang bertaklid kepada Mazhab Imam-Imam Mujtahid yang empat itu mundur, jumud, beku dan lain-lain lagi seperti yang dituduh itu? Cuba lihat Imam Bukhari yang taklid kepada Imam Syafiee, adakah beliau beku dan jumud? Adakah orang-orang seperti Imam Ghazali, Imam Nawawi, Syeikh Abdul Kadir Jailani, Wali Songo dan sebagainya yang taklid kepada Imam Syafiee itu termasuk orang bodoh? Lihatlah Sultan Salahuddin¹⁴⁸ yang bertaklid kepada Imam Syafiee dan Sultan Muhammad Fatih¹⁴⁹ yang bermazhab Hanafi, apakah

¹⁴⁷ Ibid, hlm 201

¹⁴⁸ Membebaskan Baitul Muqaddas semasa berlakunya peristiwa Perang Salib. Semenjak Sultan Salahuddin membebaskan Baitul Muqaddas, ianya tetap berada dalam tangan umat Islam sehingga dalam tahun 1948M seperti yang telah diceritakan pada buku ini

¹⁴⁹ Sultan Muhammad Fatih dipilih Allah sebagai tokoh yang dikhabarkan oleh Rasulullah SAW 'sebagai Amir terpilih' yang berjaya menakluki Kota Konstantinople dan mengembangkan Khilafah Othmaniyyah secara meluas. Khilafah Othmaniyyah dapat bertahan hampir 700 tahun sebelum

mereka terjajah dan dipermainkan sahaja? Apakah khalifah-khalifah dan raja-raja Islam zaman pra-sekularisma dahulukala yang semuanya bertaklid kepada Mazhab Empat merupakan Ulil Amri yang jumud dan mundur? Apakah berjuta-juta umat Islam semenjak hampir 1000 tahun dahulu sehingga ke hari ini yang menganuti Mazhab Empat adalah orang-orang yang bodoh belaka?

Golongan Anti Mazhab merasakan bahawa mereka lebih pandai dan maju kerana tidak 'terbelenggu' dengan ikutan Mazhab Empat. Adakah mereka yakin akan mampu berhujjah di mahkamah Allah di Hari Akhirat nanti jikalau ditanya bagaimana dan dari mana mereka menggali hukum?

Persoalannya siapa yang tertipu, umat Islam yang bertaklid kepada mazhabkah atau penganjur-penganjur serta pengikut-pengikut Anti Mazhab?

Ada pula jenis umat Islam yang mengatakan dia bukan Anti-Mazhab, tetapi mendakwa dia sendiri tidak menganut mana-mana mazhab pun, tidak mazhab Syafiee, tidak Hanafi, tidak Maliki, tidak Hanbali, tidak mazhab sesiapaupun. Mazhabnya hanyalah Mazhab Allah dan RasulNya. Katanya ia langsung mengambil terus hukum daripada Al-Quran dan Hadeeth.

Bagaimana halnya dengan keadaan orang-orang ini yang kebanyakannya tidak pernah belajar Bahasa Arab, hanya sekadar membaca Quran terjemahan dan sedikit sebanyak Hadeeth terjemahan, contohnya dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Indonesia? Adakah ia memiliki ciri-ciri kelayakan seorang ulamak, apatah lagi kelayakan seorang Imam Mujtahid? Bagaimana keadaan mereka ini yang kebanyakannya hanya membaca buku-buku karangan kaum Orientalis Barat, iaitu orang-orang yang suka membicarakan tentang Islam, tetapi adalah kafir?

Kalau baru dengan membaca buku-buku agama tentang Ilmu Feqah lantas sudah mahu mengatakan tidak mahu bermazhab, maka orang itu sudah membohongi dirinya sendiri. Kerana pada hakikatnya ia tetap seorang penganut mazhab, iaitu mazhab pengarang buku-buku yang dibacanya itu secara tidak diinsafinya kerana bukan dia yang mengistinbath atau mengeluarkan hukum dari nash, hanya sekadar merujuk terus kepada tafsir Quran dan Hadeeth yang dibuat mengikut pendapat pengarang-pengarang buku yang dibacanya itu.

ditumpaskan oleh perencanaan Zionisme diawal abad ke 20M seperti yang telah diceritakan pada buku ini

Sedangkan orang yang mendakwa tidak pakai mazhab tetapi dalam fatwa-fatwanya jelas dilihat mengikuti pendapat Imam-Imam Mutjahid yang dulu-dulu, bermakna TIDAK ADA PENDAPATNYA YANG BARU, sesungguhnya ia ternyata sudah bertaklid.

Tetapi jikalau orang itu mengatakan bahawa ia tidak menganut mazhab sama sekali, sedang ia tidak membaca buku-buku agama dan tidak pernah belajar agama dari sesiapaupun, orang ini dikatakan sebagai TIDAK BERAGAMA SAMA SEKALI.

Menurut Al-Imam Abu Ishaq Al-Isfiraini, ulamak besar dalam Mazhab Syafiee yang meninggal dalam tahun 418H, dalam perkara tidak pakai mazhab berpendapat bahawa :

“Mulanya hunar dan akhirnya menjadi zindiq yakni keluar daripada Agama Islam, dan tiada apa-apa agama pun dengan sebab tiada pakai mazhab itu.”

Bermakna orang-orang yang tidak pakai mazhab dikhuatiri akan menjadi seperti lalang, tidak akan mempunyai keyakinan yang teguh dalam iktiqad serta amalan agamanya dan akhirnya boleh menjadi tidak beragama sama sekali.

Ada juga orang yang mengatakan dengan lidahnya bahawa ia tidak menganut sesuatu mazhab, tetapi jika dilihat dalam amalannya, ia penganut yang gigih dalam sesuatu mazhab. Cuma yang kurang baiknya, mazhab yang dianuti dengan tidak diinsafinya itu bukanlah mazhab umum yang dikenali dalam dunia Islam, tetapi adalah mazhab-mazhab jalanan yang direka berdasarkan hawa nafsu dan dibuat oleh tok guru-tok guru yang tidak tahu mengaji pula, atau paling celaka mengikut MAZHAB ORIENTALIS, mazhab orang Barat Yahudi dan Kristian yang banyak membicarakan soal-soal Agama Islam.

Kesimpulannya, orang-orang yang mendakwa bahawa mereka tidak pakai mana-mana daripada Mazhab Empat pada hari ini adalah termasuk dalam mana-mana kategori ini, iaitu :

1. Mereka sekadar mendakwa, tetapi hampir kesemua amalannya memperlihatkan bahawa ia seorang yang berteguh dengan salah satu dari Empat Mazhab. Yang sedikit itu adalah kerana mereka mencari kelonggaran kerana terdesak dengan hawa nafsu.
2. Mereka tetap bertaklid kepada mazhab, cuma mazhab mereka adalah mazhab yang tidak dikenali atau mazhab-mazhab jalanan.

Tok guru-tok guru mereka tiada kelayakan sebagai Imam Mujtahid, tetapi membuat mazhab berdasarkan ‘syok sendiri’.

3. Mereka tetap bertaklid kepada mazhab, tetapi mazhab mereka adalah Mazhab Orientalis yang amat membahayakan kerana disalut dengan imej humanisme dan liberalisme yang menyembunyikan kebatilan mazhab ini. Tok guru-tok guru mereka ramai dari kalangan orang-orang Yahudi dan Nasrani yang mengajar Islam relatif yang amat menyelewengkan. Mazhab Orientalis merupakan pesaing yang paling merbahaya kepada Mazhab Empat pada zaman mutakhir ini.
4. Dari lisan dan amal perbuatan, golongan ini termasuk dalam lingkungan orang-orang yang tidak beragama sama sekali.

Bahaya ancaman tidak bermazhab : ‘Case Study’ di Malaysia

Kesan daripada anjuran penjajah British supaya umat Islam di negara-negara jajahan mereka mengambil pendidikan Barat yang menyembunyikan benih-benih sekularisme dan liberalisme dalam ajaran mereka, maka lahirlah firqah Muktazilah Moden di Malaysia yang dipelopori oleh KAUM MUDA.

Firqah Muktazilah yang diasalkan dari zaman Banu Abbasiyyah pada awalnya hanya menyentuh persoalan teologi dan sifat-sifat ketuhanan yang dipengaruhi oleh falsafah-falsafah Yunani¹⁵⁰.

Bagaimanapun mulai akhir abad ke 19M apabila sebahagian besar daripada umat Islam telah dapat dijajah oleh persekutuan kuasa-kuasa Barat muncullah Muktazilah Moden yang mempelopori aliran pemikiran yang menjangkau juga persoalan keduniaan dan kehidupan menyeluruh seperti bidang politik, perundangan, ekonomi, sosial dan sebagainya. Antara pelopor utama kepada MAZHAB MODEN ini ialah Muhammad Abduh (1845-1905M) yang pernah dilantik oleh Lord Cromer, seorang Yahudi yang menjadi Gabenor British di Mesir untuk memegang jawatan Syeikh al-Azhar di Universiti al-Azhar di Mesir.¹⁵¹ Muhammad Abduh mendapat aliran pemikirannya daripada Jamaluddin Al-Afghani (1839-

¹⁵⁰ Pemikiran modenisme Islam, mempunyai sejarah dari kumpulan Al-Muktazilah yang muncul buat pertama kalinya di zaman pemerintahan Khalifah Al-Makmun bin Harun Al-Rasyid (Bani Abbasiyyah). Para intelek Islam zaman itu seperti Ibn Sind, Al-Kindi, Al-Farabi dan Ibn Rusd menggunakan logik Yunani apabila mentafsir Al-Quran. Mereka berpendapat bahawa logik aqal patut diutamakan jika berlaku pertembungan dengan wahyu untuk menentukan sesuatu kebenaran.

¹⁵¹ Sulaiman Noordin, op.cit, hlm 127

1897, seorang anggota pertubuhan Freemason (Zionis) yang beragama Syiah ar-Rafidah¹⁵².

Muhammad Abduh telah mengemukakan pendapat bahawa umat Islam perlu memerdekakan pemikiran dan membebaskan diri daripada belenggu keluarga dan kaum kerabat. Menurutnya, selama seseorang itu dibelenggu, selagi itulah aqalnya buta, jumud dan suka bertaklid.

Muhammad Abduh pernah mencetuskan kontraversi apabila mengeluarkan satu fatwa yang penting mengenai riba. **Beliau telah menyatakan bahawa mengambil riba atau faedah dibolehkan bukan haram** (Al-Manar, vol. VI, part 18, hlm 717). Berdasarkan kepada fatwa inilah ramai ulamak Muktazilah menghalalkan faedah dari zaman Mohamad Abduh hingga ke zaman ini.

Falsafah firqah Muktazilah Moden ini dapat disimpulkan dengan baik oleh seorang pengarang, Dr Muhammad Muslehuddin dalam bukunya *Philosophy of Islamic Law and the Orientalist*;

*“Modernists, now stand for liberalism in Islam and rational reinterpretation of the Quran. To them the traditions of the Prophet are outdated and they look upon them with scant respects if they run counter to their ideas. What they want is that Divine Law must conform to their wishes.”*¹⁵³

Terjemahan :

“Golongan Modenis pada hari ini merujuk kepada kebebasan dalam Islam dan penafsiran semula kitab Al-Quran berdasarkan pegangan rasionalisme¹⁵⁴. Bagi mereka, pegangan tradisi daripada Rasulullah SAW telah ketinggalan zaman dan mereka melihat kepadanya tanpa rasa hormat jikalau ianya berkonflik dengan idea-idea mereka. Apa yang mereka cita-citakan ialah supaya Peraturan Langit (undang-undang Tuhan) mesti mengikut kehendak-kehendak mereka.”

Golongan ‘Kaum Muda’ yang merupakan suatu gerakan modenisme Melayu telah dipelopori oleh beberapa orang bekas pelajar Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi dan Hj Abbas Mohd Taha. Mereka amat terpengaruh dengan falsafah-falsafah Syeikh Mohammad Abduh (1845-1905M), Syeikh

¹⁵²Ibid, hlm 64

¹⁵³ Muhammad Muslehuddin, *Philosophy of Islamic Law and the Orientalist* (Lahore:Islamic Publication Ltd.,t.t) hlm 83

¹⁵⁴ Iaitu kebebasan untuk perkembangan identiti individu dan mestilah dengan matlamat untuk membawa manusia kepada kekuatan dan kejayaan materi dan duniawi.

Jamaluddin al-Afghani (1839-1897M) dan Rashid Rida, lalu membentuk gerakan reformasi yang dinamakan Islah atau 'Gerakan Pembaharuan' mulai permulaan abad ke 20M.

Kaum Muda telah mengketengahkan gerakan 'pembebasan' pemikiran dari 'belenggu' ulamak-ulamak tradisi yang dilabel sebagai jumud, kolot dan punca 'kemunduran' umat Melayu. Golongan yang mengikuti ulamak-ulamak tradisi ini pula dilabel sebagai *taklid buta*. Kaum Muda juga menyeru supaya pintu ijtihad dibuka semula bagi disesuaikan dengan kehendak zaman moden selain membidas golongan istana sebagai feodalistik sebagaimana yang dibuat oleh golongan cendekiawan Eropah kepada monarki mereka.

Sebagai contohnya, Syed Syeikh al-Hadi pernah memberikan pendapatnya mengenai wanita-wanita yang bertudung kepala:

*"Bahawa berkelumbung yang kita pakai ini satu daripada sekatan yang sangat-sangat menegah sekalian perempuan itu kemajuannya."*¹⁵⁵

Bagi tokoh pemikir negara yang terkemuka, Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba (1895-1973), beliau berpendapat bahawa setiap orang mestilah melakukan *ijtihad* sendiri dan membuang sifat *taklid* yang dianggapnya keji itu. Beliau menegaskan bahawa setiap orang mestilah bergantung kepada diri sendiri dalam segala hal, dan jangan bergantung kepada orang lain¹⁵⁶.

Seorang tokoh dari Kelantan yang bernama Hj Nik Muhammad Salleh bin Hj Wan Musa (1920-1971M) yang terkesan dengan firqah Mukhtazilah telah membuat seruan kepada wanita-wanita Melayu seperti berikut :

*" Wahai puteri Melayu, tirulah kaum puteri Turki, Mesir, Iraq, Iran dan adat istiadat Barat. Tetapi jangan lupa daripada beribadat kepada Allah Azzawajalla pada mana-mana tempat dan apa-apa pakaian."*¹⁵⁷

Seorang murid Hj Nik Muhammad Salleh yang bernama Rezali Yusuff pula dalam sebuah risalahnya menegaskan bahawa hukum aurat itu tidak pernah disebut dengan jelas kerana tidak ada dalil-dalilnya dalam Al-Quran dan Al-Hadith. Dan walaupun ada dalil Quran, hukumnya harus sahaja dan tidak haram. Yang diwajibkan menutupnya

¹⁵⁵ Lihat *al-Ikhwān*, 16 April, 1928

¹⁵⁶ Za'ba, *Perangai bergantung kepada diri sendiri* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982), 35

¹⁵⁷ Hj Nik Muhammad Salleh bin Hj Wan Musa, *'Masalah aurat lelaki dan perempuan di dalam dan di luar sembahyang'*, 1946 (edisi 1970)

ialah aurat *mughallazah*, iaitu kemaluan (qubul dan dubur), sedangkan aurat *mukhaffafah* seperti kepala dan dada hanya makruh sahaja, termasuklah di waktu sembahyang sekalipun. ¹⁵⁸

Menurut Dr Chandra Muzaffar, kitab Al-Quran mempunyai nilai-nilai universal yang bersifat abadi, sedangkan hukuman-hukuman hanya merupakan '*modes of punishment*' yang boleh berubah-ubah mengikut zaman (teori relativisme). Beliau berpendapat bahawa umat Islam sepatutnya mementingkan yang batin daripada yang zahir kerana yang utama dalam Islam ialah nilai-nilai seperti keadilan, kebebasan dan persamaan. Sebab itulah beliau menolak hukum hudud oleh kerana ia tidak membawa keadilan seperti yang difahaminya¹⁵⁹.

Seorang lagi tokoh pemikir firqah Muktazilah Moden, iaitu Kassim Ahmad langsung menolak Al-Hadeeth sebagai salah satu sumber aqidah dan syariat.

Dengan keterangan-keterangan tersebut, jelaslah bahawa anjuran melarang taklid dari golongan Anti-Mazhab adalah anjuran yang tidak bertanggungjawab kerana ia akan menimbulkan beberapa faktor kerosakan yang besar, iaitu ;

1. Rakyat tidak dapat melaksanakan syariat dengan baik kerana anjuran Anti-Mazhab akan mendidik rakyat untuk sentiasa mencari jalan supaya tidak perlu taat kepada perintah Allah dan melanggar laranganNya dengan melonggarkan hukum-hakam agama.
2. Ajaran Islam menjadi lintang pukang dan porak peranda. Maka mudahlah musuh-musuh Islam menyelinapkan unsur-unsur penyelewengan.
3. Umat akan menjadi berpecah-belah kerana semua orang hendak menjadi 'Imam-Imam Mujtahid' yang akan merosakkan sendi-sendi agama

Kesimpulannya adalah lebih baik dan lebih aman bagi orang-orang yang belum sampai kepada darjat ijtihad, agar ia berfatwa sahaja menurut ajaran Imamnya yang ahli. Kalau berdakwah dan bertabligh bolehlah mengemukakan Hadeeth dan Quran, tetapi tafsirnya perlu menurut yang difatwakan oleh Imam-Imam Tafsir. Kalau mengadili sesuatu persoalan Feqah, boleh mengeluarkan Hadeeth dan Quran, tetapi

¹⁵⁸ Rezali Yusuff, '*Masalah aurat dan kedudukan wanita di atas konsep keadilan Islam*', Jemaah Pengajian tariqat Shah Waliullah, Kota Bharu, 22 Februari, 1980, hlm 25

¹⁵⁹ Abdul Rahman Hj Abdullah, op. cit, hlm 218

tafsirnya haruslah mengikuti Imamnya, jangan bermain di luar garisan. Inilah yang paling aman!

Sesungguhnya bertaklid kepada mana-mana Mazhab Empat tidak menghambat kemajuan, itu bukan maksudnya. Tetapi DEMI KESELAMATAN AGAMA DAN DEMI KEAGUNGAN ALLAH AZZAWAJALLA, SERAHKANLAH HUKUM-HAKAM AGAMA PADA YANG AHLINYA.

Bab 26

Tariqah Sebagai Pelengkap Firqah

Ahlus Sunnah Wal Jamaah

Sejarah kemunculan Ahli Sufi dan Tariqah Sufiyyah

Rasulullah SAW sebagai *Insanul Kami* telah membawa ajaran Islam yang paling lengkap dan sempurna yang mencakupi amalan ZAHIR-BATIN. Dalam keperibadian, diri, akhlak dan perbuatan baginda tercermin unsur-unsur pegangan Tauhid, Syariat dan sifat Ihsan yang hakikatnya merupakan tiga sendi utama Agama Islam. Sebagai insan yang paling lengkap dalam menyampaikan ajaran Islam, sempurna pada fahamannya, aqidahnya, akhlaknya serta pengamalannya zahir dan batin, maka Rasulullah SAW hakikatnya adalah merupakan seorang Ahli Aqidah, Ahli Feqah, Ahli Sufi (Tasawuff)¹⁶⁰ dan Ahli Tariqah.

Dalam lain makna, walaupun pada masa dahulu tidak ada istilah-istilah seperti Usuluddin, Usul Hadeeth, Usul Feqah, Rijal, Sanad, Nahu, Sorof, Tasawuff, Tariqah dan sebagainya, namun hakikatnya kesemua ilmu-ilmu Islam ini adalah berasal daripada Rasulullah SAW sendiri yang diwujudkan dalam bentuk SEPADU, iaitu tanpa dipisah-pisahkan diantara satu dengan yang lain.

Ajaran Rasulullah SAW dalam bentuk sepadu itu telah diikuti dengan penuh kesetiaan dan dedikasi oleh para sahabat baginda RA anhum dan sebilangan besar dari kalangan umat Islam di zaman tabiin dan tabit-tabiin. Mereka masih mengamalkan Islam yang *kamil* atau sempurna, dan *syumul* atau menyeluruh.

Selain berpegang kepada aqidah yang kental serta hukum syariat yang utuh, akhlak mereka juga masih terpelihara, sifat taqwa dan tawadhuk mereka kepada Allah masih menebal, lidah mereka masih sentiasa basah dengan berzikrullah, mereka tidak tamakkan harta, sentiasa mengingati Hari Akhirat, tidak wujud kecintaan pada dunia, dunia dianggap hanya sebagai tempat persinggahan untuk diambil bekalan, ukhwah Islamiyyah masih dipelihara, berperang masih dengan

¹⁶⁰ Rasulullah SAW adalah tokoh utama tasawuff, pemilik cinta yang besar pilihan Allah SWT. Pernah suatu ketika Ummul Mukminin Aisyah RA menemui baginda dalam keadaan tenggelam dalam kecintaan kepada Allah. Ketika Nabi melihat Aisyah, baginda bertanya, “*Siapa kamu?*” Aisyah menjawab : “*Aisyah.*” Nabi bertanya lagi : “ *Siapa Aisyah?*” Dia menjawab: “*Anak As-Siddique.*” Baginda bertanya terus : “ *Siapa As Siddique?*” “*Ayahnda mertua Muhammad!*”, jawab Aisyah. Nabi bertanya pula : “*Siapa itu Muhammad?*”. Maka ketika itu Aisyah pun diam kerana telah fahamlah ia bahawa Nabi SAW sedang tenggelam dalam kecintaan dan makrifat Allah SWT.

niat hendak mencapai taraf syuhada dan sebagainya. Sesungguhnya jiwa Islam masih penuh dalam dada para sahabat dan tabit tabiin sehingga hampir tidak timbul perkara-perkara yang menyalahi ajaran Islam zahir dan batin.

Bermakna akhlak serta amalan Rasulullah SAW sebagai *Insan Kamil* telah diwarisi mereka dengan segala kesempurnaannya dan tidak dipisah-pisahkan lagi. Maka dengan sebab itulah Rasulullah SAW pernah bersabda mengenai golongan ini:

“Sebaik-baik umat ialah umat di kurun aku, kemudian umat dikurun selepas kurunku, kemudian umat dikurun selepas kurun itu.”

Bagaimanapun keadaan ini tidak dapat dikekalkan di zaman-zaman kemudiannya. Firman Allah SWT yang maksudnya:

“Maka telah jauhlah masa mereka (dari zaman Nubuwwah) maka menjadi keraslah hati-hati mereka.” (Al-Hadid : 16)

Apabila umat Islam menjadi jauh sedikit dari zaman Rasulullah SAW, mereka mula tidak mengikuti ajaran baginda secara 100%. Semakin jauh zaman mereka dari zaman Nabi, semakin berkuranglah peratus pengamalan mereka dari ajaran Islam yang sebenar. Ini berikutan pada abad-abad kemudian umat Islam telah berjaya menundukkan banyak bangsa-bangsa dunia sehingga memperolehi harta ghanimah yang mencurah-curah, sehingga menimbulkan penyakit cinta dunia didalam hati-hati mereka dan mengasingkan sifat taqwa dan tawadhuk.

Demi mengecapi segala kenikmatan duniawi serta memuaskan hawa nafsu dan kehendak materi yang tiada batasannya itu, maka umat Islam di zaman-zaman kemudian telah mula mengambil langkah melonggarkan aturan dan ajaran Islam yang *kamil*. Akibatnya luputlah penekanan kepada amalan-amalan batiniyyah kerana sifat taqwa dan tawadhuk yang sempurna (iaitu zahir/batin) adalah berkonflik dengan sifat kecintaan kepada duniawi.

Perkara pertama yang menjadi mangsa ialah unsur-unsur kebatinan atau ‘soal hati’ kerana manusia tidak boleh menjadi hakim atau menghukum perkara-perkara batiniyyah, perkara tersebut terletak sepenuhnya di tangan Allah SWT. Contohnya jikalau seseorang itu mengerjakan semua amalan Fardhu ‘Ain yang dituntut keatasnya sebagai seorang muslim, sudah tentu ia terlepas dari penilaian buruk umat Islam yang lain ataupun terlepas dari hukuman *Ulul Amri* kerana melanggar perintah Allah.

Bagaimanapun jika hatinya penuh dengan sifat-sifat tercela seperti ria, ujub, dengki, zindiq batin, tamak haloba, tidak bersyukur, tidak redho, *al-wahn* (cinta dunia dan takut mati) dan segala macam maksiat hati, maka walaupun perkara tersebut mencatitkan kedudukannya sebagai seorang mukmin sejati disisi Allah SWT, malahan boleh mendatangkan kemurkaanNya, namun secara zahirnya tidak ada sesiapa yang boleh menilai dan menghukum dirinya kerana penyakit-penyakit hati itu adalah bersifat terlindung atau tersembunyi. Sedangkan Rasulullah SAW sendiri tidak menghakimi golongan munafiq yang wujud di Madinah kerana perbuatan-perbuatan zahir mereka telah menyembunyikan kekufuran diri mereka yang sebenar.

Dalam lain makna, ajaran serta amalan Rasulullah SAW yang pertama ditinggalkan oleh masyarakat Islam yang mula dihinggapai penyakit cinta dunia adalah yang menyangkut persoalan hati atau perkara-perkara batiniyyah. Iaitu sifat-sifat dalaman yang baik seperti taqwa dan tawadhuk, ikhlas, cinta Nabi, telus, akhlak yang baik, rendah diri, sabar, redho, tawakkal dan sebagainya secara berperingkat telah digantikan dengan sifat-sifat *mazmumah*, iaitu sifat-sifat yang tercela, walaupun umat Islam pada zaman itu masih tetap mengamalkan ajaran-ajaran Islam yang bersifat zahiriyyah seperti bersolat, puasa, berzakat, mengerjakan haji dan sebagainya.

Dengan keadaan umat Islam yang mula mabuk kepayang dengan keseronokan duniawi dan harta yang melimpah ruah sehingga menimbulkan berbagai penyakit zahir-batin, muncullah segolongan umat Islam yang ingin kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan sempurna sepertimana yang dibuat di zaman Rasulullah SAW. Mereka menjadi orang yang sentiasa ingat pada Allah dan Hari Akhirat pada segenap waktu.

Penekanan mereka yang bersungguh-sungguh bukan sahaja kepada amalan-amalan zahiriyyah, tetapi mencakupi juga dengan usaha menyucikan hati atau aspek batiniyyah telah menjadikan akhlak serta amal perbuatan mereka lebih banyak menghampiri ajaran Islam yang sebenar zahir dan batin, iaitu seperti yang dibuat di zaman Rasulullah SAW (katakan lebih 95%). Dengan sebab itu **keadaan mereka menjadi begitu menonjol** jika dibandingkan dengan amalan serta akhlak kebanyakan umat Islam lain yang mula mengabaikan unsur-unsur batiniyyah dalam pengamalan agama mereka (katakan sehingga menurun kepada 50%).

Maka perbuatan mereka itu telah menyebabkan orang ramai mula cenderung memberikan istilah kepada golongan ini sebagai AHLI

TASAWUFF atau AHLI SUFI ¹⁶¹mengikut tafsiran yang berbeza. Contohnya dipanggil Ahli Sufi kerana kumpulan ini sentiasa mengenakan baju bulu (biri-biri), ataupun kerana sentiasa berada dalam saf paling hadapan pada waktu solat, ataupun dirujuk sebagai golongan yang bersungguh-sungguh hendak mensucikan diri mereka. Istilah ini mulai wujud pada pertengahan atau akhir kurun pertama Hijrah.

Bagaimanapun pada ketika itu istilah TARIQAH, iaitu AMALAN AHLI SUFI masih belum timbul lagi. Bermakna dalam teori atau ajaran Tasawuff sendiri terkandung amalan Tariqah. **Teori (Tasawuff) dan Amali (Tariqah) menjadi satu perkara yang sepadu, dikerjakan oleh ahli-ahli sufi dengan tidak dipisah-pisahkan diantara satu dengan yang lain.** Itulah sebabnya di zaman Syeikh Junaid Al-Baghdadi dan Syeikh Abu Yazid Al-Bustami, dua orang tokoh ulamak Tasawuff/Tariqah yang besar, mereka hanya dikenali sebagai ulamak Tasawuff sahaja dan tidak dikenali sebagai ulamak Tariqah kerana amalan Tariqah pada masa itu terkandung dalam bidang Tasawuff sendiri.

Tetapi apabila umat bertambah jauh dari zaman-zaman dan kurun-kurun yang mulia, Ilmu Tasawuff sendiri telah dipisah-pisahkan dari amalannya. Kesibukan masyarakat Islam dalam mengejar duniawi telah menyebabkan Ilmu Tasawuff hanya tinggal teori sahaja dan dijadikan sebagai suatu pembahasan ILMU AKHLAQ semata-mata. Manakala Tariqah pula menjadi amalan-amalan yang terasing dan banyak ditinggalkan, sehingga bertambah merosot dizaman-zaman belakangan apabila wujudnya sebilangan umat Islam serta ulamak-ulamak zahir yang menentang amalan Tariqah.

Bagaimanapun kemerosotan amalan Tariqah tetap tidak menjejaskan kepentingannya dalam Islam kerana ia merupakan roh Islam. Oleh itu apabila bidang Tasawuff hanya tinggal teori sahaja sedangkan amalannya iaitu Tariqah tidak dipraktikkan lagi, maka golongan ulamak-ulamak atau masyaikh-masyaikh Tasawuff yang bimbang dengan perkembangan yang amat tidak sihat ini dan mula memikirkan bagaimana dapat memimpin umat Islam untuk kembali mengamalkan Tasawuff zahir dan batin.

¹⁶¹ Dalam zaman Rasulullah SAW, para sahabat, tabiin dan tabiit-tabiin, istilah yang wujud adalah seperti sahabat, kaum *zuhhad* (asketis), kaum *ubbad* (ahli ibadah) dan *ahlus suffah* (kumpulan yang hidup dan tinggal di sekitar masjid). Namun semenjak kemunculan seorang tokoh sufi wanita yang terkenal iaitu Rabi'atul Adawiyah yang lahir dalam abad ke-2 atau ke-3 Hijrah, golongan asketis tidak lagi dikenal sebagai *zuhhad*, *ahlus suffah* dan sebagainya, tetapi sering disebut sebagai Kaum Sufi. Mereka cenderung memperbincangkan konsep-konsep yang sebelumnya tidak pernah dikenal, misalnya tentang moral, tingkah laku, peringkat-peringkat yang kemudiannya dikenali sebagai MAKAM dan HAL (keadaan), makrifat dan kaedah-kaedahnya, tauhid, fana, penyatuan atau hulul. Dizaman-zaman kemudian, muncul pula ulamak-ulamak sufi yang menyusun aturan-aturan amali bagi tarekat mereka.

Maka dalam kurun ke 4-6 Hijrah muncullah pula alim-ulamak sufi yang giat menyusun amalan-amalan Tasawuff berasaskan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah yang dapat dipraktikkan kembali oleh umat Islam supaya hati yang berkarat dapat disucikan kembali dan hubungan dengan Allah SWT dapat diperbetulkan semula. **Dari sini timbullah istilah TARIQAH yang digunakan sebagai menunjukkan jalan penyucian hati mengikut kaedah-kaedah yang dipeloporkan oleh seseorang Syeikh Tariqah sebagai penyusunnya.**

Contohnya Syeikh Imam Abu Ahmad Badruddin adalah penyusun Tariqah Chistiyah, Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani adalah penyusun Tariqah Qadiriyyah, Syeikh Abdullah Asy-Syathari adalah penyusun Tariqah Syathariyyah, Syeikh Bahauddin An-Naqsyabandi adalah penyusun Tariqah An-Naqsyabandiyyah, Syeikh Abu Yazid Al-Bisthami adalah penyusun Tariqah Thaifuriyyah dan sebagainya.

Soal Hati

Umat Islam hari ini telah kelupusan ROH ISLAM kerana sebilangan besarnya telah meninggalkan sifat IHSAN, iaitu salah satu diantara tiga sendi utama Agama Islam. Perhatikan Hadeeth berikut yang dikenali sebagai Hadeeth Jibrail;

Umar RA menyatakan :

“Ketika kami duduk-duduk dekat Rasulullah SAW sekonyong-konyong nampaklah pada kami seorang lelaki yang memakai baju putih dan berambut sangat hitam, tidak terlihat padanya bekas-bekas perjalanannya (jejaknya) dan tidak seorang pun diantara kami yang mengenalinya, dan duduklah ia di hadapan Nabi, maka disandarkannyalah lututnya pada lutut Nabi dan meletakkan tangannya di atas paha Nabi, lalu berkata :

*‘Hai Muhammad beritakanlah kepadaku tentang **ISLAM**. Maka jawab Rasulullah SAW : Islam ialah bahawa engkau menyaksikan bahawanya tiada Tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad itu pesuruh Allah. Hendaklah engkau mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, dan hendaklah engkau berpuasa dalam bulan Ramadhan dan hendaklah engkau mengerjakan haji ke Baitullah (Mekah) jika engkau kuasa menjalaninya. Berkata orang itu: Benar engkau hai Muhammad, maka kami hairan, ia bertanya dan ia sendiri pula membenarkannya.’*

*‘ Maka bertanya lagi orang itu: Maka beritakanlah kepadaku apa **IMAN** itu. Jawab Nabi: Hendaklah engkau beriman kepada Allah, kepada Malaikat-malaikatNya, kepada kitab-kitabNya, kepada Rasul-rasulNya, kepada Hari Kiamat dan hendaklah engkau beriman kepada Qadar yang*

baik dan yang buruk. Berkatalah orang tadi: Benar engkau hai Muhammad.’

‘ Bertanya orang itu lagi: Maka beritahukanlah aku tentang **IHSAN**. Jawab Nabi: Hendaklah engkau berbakti kepada Allah seakan-akan engkau melihat kepadaNya, sekalipun engkau tidak melihatNya, maka sesungguhnya Ia melihat engkau.’

‘Bertanya orang itu lagi: Beritahukanlah kepadaku tentang Hari Kiamat. Jawab Nabi: Orang yang ditanya tentang itu tidak lebih mengetahui dari si penanya sendiri. Tanya orang itu selanjutnya. Beritakanlah kepadaku tanda-tandanya. Jawab Nabi: Diantaranya jika seseorang telah melahirkan tuannya dan jika engkau melihat orang yang tadinya miskin papa, berbaju compang-camping, bergembala kambing sudah mampu sehingga berlumba-lumba dalam kemegahan bangunan. Kemudian beredarlah orang itu.’

‘Aku hening sejenak, kemudian Nabi (SAW) berkata kepadaku; Wahai Umar! Tahukah kamu siapa yang bertanya tadi? Jawabku: hanya Allah dan RasulNya lebih mengetahui. Kata Nabi: Dia itulah Malaikat Jibrail (AS) datang kepadaku **UNTUK MENGAJAR KAMU TENTANG AGAMAMU.**“ (HR Muslim dari Umar)

Sifat Ihsan yang dimaksudkan dalam Hadeeth diatas inilah yang merupakan ajaran Tasawuff dan amalan Tariqah. Ringkasnya;

‘ TASAWWUF adalah ILMU mengenali sifat-sifat zahir dan batin yang tercela dan terpuji manakala TARIQAH adalah AMALAN-AMALAN ZIKRULLAH melalui mujahadah¹⁶² dan riyadhah¹⁶³ sehingga dapat dihapuskan sifat-sifat tercela dan dihiasi dengan sifat-sifat terpuji zahir dan batin.’

Bermakna Tasawuff/Tariqah merupakan ajaran serta amalan yang amat penting kerana ia dapat mewujudkan sifat TAQWA ZAHIR-BATIN kepada Allah SWT, atau sifat Ihsan seperti yang disabdakan oleh Rasulullah SAW itu.

Jika umat Islam meninggalkan sifat Ihsan, maka sesungguhnya sifat taqwa akan digantikan dengan sifat-sifat *mazmumah* atau sifat-sifat

¹⁶² Mujahadah disini ialah jihad melawan nafsu, contohnya tidak mahu melihat, mendengar atau melakukan perkara-perkara maksiat, menahan diri dari mengumpat atau mengeji orang lain, berbaik sangka, solat yang cuba dikerjakan pada awal waktu dan sebagainya.

¹⁶³ Riadhah yang dimaksudkan disini ialah beristiqamah dan bertertib dengan amalan zikir yang diberikan oleh Masyaikh Tariqah.

tercela dalam diri mereka. Antara yang paling buruk dan keji ialah *Al-Wahn*, iaitu sejenis penyakit hati yang menimpa hampir kebanyakan umat Islam di Akhir Zaman ini.

Sabda Rasulullah SAW :

*“Akan tiba masanya manusia akan mengajak satu sama lain untuk membinasakan kamu (umat Islam), sebagaimana orang mempelawa satu sama lain untuk menjamah hidangan makanan (i.e bangsa-bangsa akan memujuk dan mengajak yang lain untuk bergabung bagi mengeronyok umat Islam dengan apa cara sekalipun). Seorang sahabat bertanya :’ Apakah disebabkan bilangan kami sedikit pada masa itu ya Rasulullah ?’ Baginda menjawab;’ Bahkan, bilangan kamu diwaktu itu adalah ramai tetapi kamu adalah ibarat buih di atas air ketika banjir. Allah akan cabut ketakutan dari dada musuh kamu dan Dia akan campakkan dalam hati kamu penyakit Al-Wahn. Seorang sahabat bertanya pula:’ Ya Rasulullah, apakah dia **Al-Wahn** itu?’ Jawab Rasulullah **‘Cinta dunia dan takut mati’**”*

Penyakit Al-Wahn akan menyebabkan umat Islam merosakkan serta memudaratkan hubungan mereka dengan Allah, iaitu *hablumminallah*, apatah lagi hubungan mereka sesama manusia, iaitu *hablumminannas*.

Contohnya dari aspek *‘habluminnallah’* atau hubungan dengan Allah SWT, rekod umat Islam hari ini adalah tidak memberangsangkan sama sekali. Berapa kerat dari kalangan mereka yang mempunyai sifat taqwa dan tawadhuk yang sempurna zahir dan batin? Mereka bersolat tetapi tidak khusyu’, fikiran merewang-rewang ke sana sini, kebesaran Allah sedikitpun tidak hadir dalam jiwa saubari. Sedangkan jikalau yang dihadapakan itu adalah seorang raja atau pembesar negara, maka sudah tentu tumpuan yang penuh akan diberikan secara sukarela.

Firman Allah SWT yang maksudnya :

“Sebab itu celaka untuk orang-orang yang bersolat, yang lalai dari solatnya, yang mengerjakan kebaikan untuk dilihat orang.”
(Al-Maun : 4-6)

“Bila mereka berdiri mengerjakan solat, mereka berdiri dengan amat malasnya. Mereka mengerjakannya supaya dilihat manusia sahaja. Mereka tidak mengingat Tuhan, hanya sedikit sekali.” (An-Nisa : 142)

Sifat ikhlas demi mencari keredhaan Allah juga tidak wujud dalam kamus hidup mereka. Amalan-amalan zikir sudah menjadi perkara yang

terlalu asing dari jadual kehidupan harian. Hati mereka sedikitpun tidak berdetik melihat perkara-perkara maksiat berlaku secara berleluasa di sekeliling. Amaran-amaran Allah mengenai kedatangan Hari Kiamat, Hari Hisab serta siksaan Api Neraka sedikitpun tidak menggetarkan jiwa mereka dengan perasaan takut. Kecintaan kepada Rasulullah SAW dan rasa penghormatan kepada ahlul-bait dan para sahabat baginda hampir tidak wujud. Para ulamak yang merupakan *warathatul-anbiyya'* diperlekehkan ilmu-ilmu mereka dan tidak dihormati sebagai yang sepatutnya, yang dilambung-lambung adalah professor-profesor duniawi semata-mata.

Umat Islam hari ini rata-rata lupa bahawa taqwa itu mencakupi unsur-unsur ZAHIR dan BATIN. Iaitu bukan sahaja mencakupi amal ibadat zahiriyyah tetapi juga perkara-perkara yang bersangkutan dengan soal hati. Oleh kerana kebanyakan mereka hanya memikirkan perkara-perkara zahiriyyah dan melupakan perkara-perkara batiniyyah, maka ianya menjadi musibah besar kerana hati-hati mereka telah bersarang dengan sifat-sifat keji sehingga ada yang terjerumus kepada perkara zindiq batin atau kufur batin. *Nauzubillah.*

Firman Allah SWT yang maksudnya:

“ Dan adapun orang-orang yang didalam hati mereka ada penyakit, maka dengan perintah Allah bertambah kekafiran mereka disamping kekafirannya yang telah ada, dan mereka mati dalam keadaan kafir.” (At-Taubah: 125)

“Dan ingatlah ketika orang-orang munafik dan orang-orang yang berpenyakit dalam hatinya berkata : ‘ Allah dan RasulNya tidak menjanjikan kepada kami melainkan tipudaya’.” (Al-Ahzab :12)

Dari aspek *'habluminannas'*, atau hubungan sesama manusia pun, umat Islam mempunyai rekod yang amat buruk. Mereka menjadi orang-orang yang rendah akhlaknya, penipu, putar belit, penganiaya (kepada manusia dan binatang), tamak haloba, pemerias, hasad, khianat dan pengampu.

Mereka berpuasa tetapi lidah masih tetap tidak terpelihara dari umpatan dan kejian, masih menipu dalam perkara jual-beli, menikam saudara seagama dari belakang, melupakan ukhwah Islamiyyah, berhasad dengki dengan kelebihan orang lain dan pengamal kepada falsafah *'siapa kuat dia kudrat'* (iaitu tidak lagi berpegang kepada konsep Benar-Salah).

Tidak hairanlah mengapa kebanyakan umat Islam hari ini amat mengkagumi, mengagung, menjalin serta memelihara persahabatan akrab dengan orang-orang kafir Barat sedangkan sesama mereka saling benci-membenci, berpecah-belah dan rosak merosakkan diantara satu dengan yang lain. Tidak hairanlah juga mengapa Agama Islam dipalit dengan imej yang paling buruk dari segi akhlak, hikmah, kebajikan dan keperibadian, sedangkan bangsa-bangsa manusia menjadi pengamal kepada falsafah HUMANISME, iaitu yang amat menitik beratkan persoalan kesejahteraan manusia di dunia dan memperjuangkan hak asasi kemanusiaan itu tanpa dibataskan oleh peraturan-peraturan Allah sebagai Tuhan sekalian alam. Dalam hal ini umat Islam sendiri telah turut mengagungkan falsafah Humanisme sedangkan mereka tidak mempedulikan bahawa dalam falsafah tersebut terkandung banyak unsur-unsur syirik¹⁶⁴.

Hakikatnya, ajaran Islam yang lengkap dan sempurna bawaan Rasulullah SAW dan para sahabat baginda RA telah terkandung segala unsur-unsur Humanisme yang sebenar secara 'default', **kerana Islam itu agama kesejahteraan zahir dan batin, dunia dan akhirat**. Malangnya disebabkan rata-rata umat Islam hari ini telah meninggalkan ibadat Tasawuff/Tariqah dalam kehidupan mereka, maka unsur-unsur Humanisme yang hakikat (iaitu dari Allah dan RasulNya) telah disingkirkan juga, langsung diambil tempatnya oleh falsafah Humanisme acuan Barat. Akibatnya, falsafah Humanisme acuan Barat ini yang banyak berkonflik dengan falsafah Humanisme Islam, iaitu yang hakikat telah mendatangkan kesan yang amat buruk kepada umat Islam sebagaimana yang terjadi apabila mereka mengambil falsafah sekular dalam urusan kehidupan duniawi.

Bagaimanakah sifat-sifat terpuji yang berkaitan dengan *hablumminallah* dan *hablumminannas* seperti tawakkal, redho, taqwa dan tawadhuk, ikhlas, cinta Nabi, telus, akhlak yang baik (tafsiran Islam), hikmah, kasih mengasihi diantara umat Islam (*mahabbah*) dan bersifat keras dengan kaum kafir¹⁶⁵, rendah diri, sabar dan sebagainya dapat

¹⁶⁴ Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, disamping memperjuangkan hak kebebasan manusia, pejuang-pejuang Humanisme juga membela golongan lesbian dan homoseks, pergaulan bebas, zina, mencemuh ikatan perkahwinan, mempertahankan kod moral yang bercanggah dengan ajaran Islam dan banyak lagi

¹⁶⁵ Firman Allah SWT yang maksudnya:

“ Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang beserta dengannya adalah tegas terhadap orang-orang kafir tetapi berkasih sayang sesama mereka, kamu lihat mereka ruku' dan sujud mencari kurnia Allah dan keredhoanNya, tanda-tanda mereka tampak pada muka mereka dari bekas sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil, iaitu seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya maka tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besarlah dia dan tegak lurus diatas pokoknya; tanaman itu menyenangkan hati penanam-penanamnya kerana Allah hendak menyengkelkan hati orang-orang kafir (dengan

disesuaikan dengan falsafah Humanisme yang berpegang kepada konsep-konsep yang bertentangan dengan sifat-sifat tersebut? Sedangkan falsafah Humanisme acuan Barat itu sendiri tidak mengikat dirinya kepada konsep Tauhid yang diperbataskan kepada kehendak Allah dan RasulNya¹⁶⁶?

Apabila umat Islam mengambil Humanisme Barat yang disanjung di mata dunia kerana kononnya mempamirkan sifat-sifat 'mulia' (yang sebenarnya mencampur-adukkan unsur-unsur kebajikan dengan unsur-unsur syirik dan maksiat) dan membuang sifat-sifat Islam yang terpuji sehingga aspek *hablumminallah* dan *hablumminannas* mereka berada ditahap yang paling rendah, apalah dihairankan jikalau mereka diinjakinjak, dicabuli, diratah-ratah dan mendapat penghinaan besar oleh bangsa-bangsa lain, khususnya oleh orang-orang kafir Barat? Adakah mereka layak mendapat pertolongan Allah SWT?

Keputusan Tasawuff/Tariqah dalam mengembalikan Taqwa yang sempurna (Zahir-Batin)

Seperti yang telah disebutkan terlebih dahulu, tiga sendi atau tonggak utama Agama Islam yang merupakan firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah ialah perkara TAUHID, FEQAH DAN IHSAN. Maka ihsan yang dimaksudkan di sini adalah yang melibatkan perkara-perkara batiniyyah atau persoalan-persoalan hati (yang termasuk perkara akhlak dan keperibadian). Maka dari segi istilah, Ihsan adalah mencakupi bidang TASAWUFF dan TARIQAH.

Teramat malang pada hari ini bahawa bukan sahaja umat Islam telah menjadi lintang pukang dari aspek pegangan Tauhid dan amalan Feqah, nasib yang menimpa bidang Tasawuff/Tariqah adalah paling buruk kerana telah ditinggalkan oleh sebilangan besar dari kalangan mereka.

Walaupun amalan Tariqah pernah mengalami sejarah turun naiknya di zaman pemerintahan Khalifah dan Raja-Raja Islam dahulukala, tetapi bidang Tasawuff sebagai Ilmu Akhlak yang amat penting tidak pernah ditolak, malahan kebanyakan pemerintah-pemerintah Islam zaman dahulukala menjadi penaung kepada bidang ini beserta tariqah-tariqah yang berkembang pesat. Malangnya dalam zaman

kekuatan orang-orang mukmin). Allah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih diantara mereka ampunan dan pahala yang besar. ” (Al-Fath: 29)

¹⁶⁶ Ajaran Humanisme juga tidak mengambil kira keperluan-keperluan kerohanian yang amat penting demi kesejahteraan sebenar umat manusia dunia akhirat. Apa yang diperjuangkan hanyalah hak asasi kemanusiaan tafsiran mereka yang banyak bersifat zahiriyyah (bukan tafsiran Islam mengikut kehendak Allah dan RasulNya).

pemerintahan sekular hari ini, Tasawuff /Tariqah bukan sahaja dituduh sebagai bid'ah tetapi telah menjadi seperti anak yatim piatu yang tidak mendapat pernaungan ahli-ahli politik sekular yang memerintah kebanyakan daripada negara-negara umat Islam.

Oleh itu jikalau umat Islam mahu dikembalikan martabat serta kekuatan mereka, maka tidak dapat tidak mereka harus kembali mengenal serta mengamalkan KESEMUA ajaran dan amalan Rasulullah SAW secara SEPADU, KAMIL dan SYUMUL, ZAHIR dan BATIN, iaitu sebagaimana yang dilakukan oleh para sahabat RA dan *salafus soleh*, bukan dipilih-pilih, iaitu diambil separuh dibuang separuh.

Umat Islam perlu kembali mengamalkan Islam hakikat dalam seluruh aspek kehidupan dan menghidupkan kembali tiga sendi ajaran Islam yang utama, yang termasuk antaranya bidang Tasawuff/Tariqah. Kerana sesungguhnya ijmak ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah sendiri telah bersepakat tentang kepentingan dan keutamaan bidang tersebut sebagai mengikut ajaran Rasulullah SAW yang sempurna.

Perhatikan ringkasan beberapa kepentingannya dari sudut Islam¹⁶⁷;

1. ROH ISLAM, bagaimana tidak? Apa ertinya seorang yang rajin beribadah tetapi tidak memiliki budi pekerti akhlak yang suci bersih. Padahal Rasulullah SAW telah bersabda :

“ Hanyasanya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlaq yang mulia.”

2. Ilmu Tasawuff/Tariqah adalah ilmu yang paling AFDHAL selepas dari Fardhu 'Ain kerana;
 - i. Sesuatu ilmu itu diukur kemuliaannya pada kemuliaan isi bahasannya. Manakala Ilmu Tasawuff/Tariqah adalah ilmu mengenali Allah dengan sebenar makrifat. Manakala Ilmu Fardhu Kifayah Feqah berurusan dengan yang zahir dari hukum-hukum Allah.¹⁶⁸
 - ii. Para sahabat RA adalah orang yang paling afdhal kerana **makrifat mereka yang tinggi terhadap Allah**, walaupun

¹⁶⁷ Diambil dari kertas kerja yang disusun oleh Ustadz TM Fouzy bertajuk; '*Fahaman dan Penentangann Terhadap Tasawuff dan Tariqah*', Simposium Tasawuff dibawah tajuk '*Tasawuff Warisan Rasulullah SAW*', Auditorium Pusat Islam Singapura, 26hb September 1999M.

¹⁶⁸ Rujuk Ibnu Hajar, '*Fatawa Hadithiyah*', hlm 309

diantara tabiin itu ada yang lebih alim dalam ilmu dari sebahagian para sahabat¹⁶⁹.

- iii. Ianya adalah ilmu dan amal yang tidak tercapai melainkan jikalau ianya **mukmin yang sejati**, manakala ilmu-ilmu yang lain boleh didapatkan hatta oleh orang fasiq, munafiq dan kaum Orientalis sekalipun.
- iv. Kesemua ilmu ada had dan penghujungnya tetapi ilmu Tasawuff/Tariqah tidak ada penghujungnya. Sebab itu berkata ulamak Tasawuff/Tariqah :

“Penghabisan martabat ulamak adalah permulaan martabat SALIK. Penghabisan martabat SALIK adalah permulaan martabat WALI. Dan martabat wali tidak ada kesudahannya.”

3. Ulamak-ulamak mujtahidin dalam bidang Tasawuff dan Tariqah telah ijmak wajibnya bertasawuff dan bertariqah. Kerana BERTAQWA KEPADA ALLAH ADALAH WAJIB¹⁷⁰, sebagaimana Firman Allah yang maksudnya :

“ Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa.”
(Ali Imran : 102)

Dan sesungguhnya taqwa yang sebenarnya tidak akan tercapai sehingga dibersihkan hatinya dari sekalian sifat-sifat *mazmumah* dan *syirik khafi*. Sebab itulah Rasulullah SAW bersabda :

¹⁶⁹ Ibid, hlm 310

¹⁷⁰ Ulamak-ulamak mujtahiddin Tasawuff/Tariqah mengatakan bahawa Ilmu Tasawuff itu Fardhu ‘Ain, iaitu sekurang-kurangnya mesti diketahui dan diamalkan oleh semua orang Islam. Kerana sepertimana ilmu mengenal Allah (Aqidah) itu wajib dan ilmu cara beribadat juga wajib (iaitu termasuk dalam Ilmu Feqah), maka begitulah juga hendak menjadi orang Islam yang baik, tawadhu’ dan mukhlisin, ilmunya adalah wajib. Dari perspektif ulamak tasawuff, solat yang kusyu’ adalah wajib, bukan sunat. Itulah sebabnya selepas solat kita perlu beristighfar bagi meminta keampunan dari Allah kerana melakukan solat yang tidak khusyu’. Begitu juga meninggalkan dosa zahir/batin adalah wajib, bagaimana hendak meninggalkan dosa yang bersangkutan dengan penyakit-penyakit hati, maka jalannya ialah membersihkan hati, iaitu dengan cara belajar tasawuff dan beramal dengan tariqah.

“*Taqwa itu di sini.*” (sambil menunjukkan ke hati baginda, lalu diulanginya 3 kali)

Sebab itulah mereka yang tertutup mata hatinya dikatakan buta mata hatinya sebagaimana Firman Allah SWT yang maksudnya :

“ *Maka sesungguhnya tidaklah buta mata mereka tetapi yang buta ialah hati-hati mereka didalam dada.*”
(Al-Haj : 46)

Maka tujuan disusun Ilmu Tasawuff dan amalan Tariqah adalah supaya umat Islam dapat membuang segala sifat-sifat *mazmumah* (tercela) dan memasukkan ke dalam hati-hati mereka sifat-sifat yang terpuji. Dalam lain makna, Ilmu Tasawuff adalah hakikatnya ILMU MEMBERSIHKAN BATIN yang mana ianya menjadi penyebab Al-Quran diturunkan dan Agama Islam diutuskan

Dalam hal ini, ulamak-ulamak mujtahidin dalam bidang Tasawuff/Tariqah telah merumuskan beberapa perkara yang bersangkutan dengan ‘soal hati’ setelah mengamat-amati :

- a. Dalil-dalil Al-Quran dan Al-Hadeeth
- b. Kata-kata ulamak yang telahpun mencapai darjat *aulia’* Allah
- c. Pengamalan mereka sendiri sebagai para *salikin* yang dalam ‘perjalanan’ menuju kepada Allah

Maka mereka telah membuat keputusan bahawa tidak tercapai;

- i. Taqwa yang sebenarnya
- ii. Penyucian hati dari sekalian sifat-sifat *mazmumah*
- iii. Penyucian hati dari *syirik khafi*
- iv. Kelepasan dari mati *su’ul khatimah*
- v. Darjat Ihsan
- vi. Darjat kekasih atau *auliya’ Allah*;

melainkan dengan dua jalan, iaitu

- I. MAJZUB ; iaitu orang yang diangkat Allah tanpa usaha (atau orang-orang pilihan Allah SWT).
- II. SALIK ; iaitu orang yang berjalan kepada Allah dengan jalan Tariqah Ahli Tasawuff.

Adapun *majzub* adalah perkara yang jarang yang tidak boleh dijadikan hukum, seperti yang dikatakan oleh ulamak Usul Feqah bahawa : *“Perkara yang jarang berlaku tidak ada hukum untuknya.”*

Maka diantara kedua jalan ini tidak ada pilihan lain melainkan jalan TARIQAH AHLUS SUFIYYAH.

Dan dalam perkara ini, mengikut kaedah usul Feqah :

“ Sesuatu yang tidak sempurna wajib melainkan dengannya, maka ianyapun menjadi wajib.”

Maka jadilah hukum BERTASAWUFF/ BERTARIQAH WAJIB FARDHU ‘AIN.

Berkata Imam Malik RA¹⁷¹ :

“ Sesiapa yang belajar Fiqh tanpa belajar Tasawuff sungguh telah FASIQLah (derhaka) dia, dan sesiapa yang belajar Tasawuff tanpa belajar Fiqh telah ZINDIQLah (kafir batin) dia. Dan sesiapa yang menghimpunkan kedua-duanya, maka telah tepatlah (benar, betul) dia. ”

4. Tasawuff/Tariqah adalah bersumber dari Al-Quran dan Al-Hadeeth. Menolak kesahihannya bererti menolak Quran dan Hadeeth yang boleh membawa kepada kekufuran.

Disebut oleh Al-Imam Abdul Wahab Sya;rani dalam kitab *‘Masyariqul Anwar Al Qudsiyah Fi Bayani ‘Uhudil Muhammadiyyah’* yang dinukilkan oleh Asy Syeikh Abdus Samad Al Falembani didalam kitabnya *‘Siras Salikin’* juz 3 halaman 200;

“ Telah diketahui bahawasanya setiap mereka yang tidak mengambil Syeikh (Mursyid) yang menunjukkannya kepada jalan keluar dari sifat-sifat mazmumah ini, maka derhakalah ia terhadap Allah dan RasulNya SAW. Dan sesungguhnya tiadalah ia mendapat petunjuk kepada jalan kejayaan (mati husnul khatimah dan selamat dari azab Akhirat) dengan tanpa Syeikh (yang Mursyid), walaupun ia menghafal seribu kitab sekalipun dalam ilmu (yang lain). Maka ambillah bagimu akan Syeikh dan terimalah nasihatku ini. Dan awas kamu dari mengatakan bahawa Tariqah Sufiyyah ini tidak

¹⁷¹ Imam Malik adalah murid Imam Jaafar Sadiq, salah seorang Syeikh Tasawuff/Tariqah yang terkemuka. Imam Jaafar juga adalah seorang ahlul-bait Rasulullah SAW dan merupakan seorang Ahlus Sunnah yang terunggul dalam sejarah Islam.

didatangkan oleh Al-Quran dan Hadeeth kerana yang demikian menjadi KAFIR lah ia¹⁷². **Kerana yang disebutkan didalam akhlak sufiyyah itu adalah akhlak Nabi Muhammad SAW dari zahirnya dan batinnya.** “

5. Ulamak-ulamak yang membimbing Tasawuff/Tariqah bukan hanya alim dalam bidang itu sahaja, malahan kebanyakan daripada mereka itu adalah juga ulamak Feqah, Aqidah, Hadeeth, Tafsir, Nahu, Sorof dan lain-lain seperti Imam Jaafar As Sadiq, Syeikh Junaid Al-Baghdadi, Imam Al-Ghazali, Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani dan ramai lagi.

Dalam lain makna, bahawasanya ulamak-ulamak yang menjadi pemimpin dan pengasas Tasawuff/Tariqah juga merupakan ulamak-ulamak syariat yang berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran dan As-Sunnah. Bermakna dari segi hukum Syariat, tidak ada sebarang tolak ansur.

Berkata Syeikh Junaid Al-Baghdadi :

“ *Mazhab kita ini (Tasawuff/Tariqah) diikatkan dengan asas-asas Al-Quran dan As-Sunnah.*¹⁷³”

Berkata Imam Abu Yazid Al-Bustami :

“ JIKA KAMU LIHAT SEORANG LELAKI DIBERI KARAMAH SEHINGGA BOLEH TERBANG DI ANGKASA, JANGANLAH KAMU TERPEDAYA DENGANNYA SEHINGGA KAMU LIHAT HAL KEADAANYA DI SISI SURUHAN DAN LARANGAN (AGAMA) DAN MENJAGA BATAS-BATAS (AGAMA) DAN MENJALANI (MENGIKUTI) SYARIAT¹⁷⁴.”

Seperti yang disebutkan sebelum ini bahawa istilah Tasawuff dan Tariqah hanya muncul pada akhir kurun kedua Hijrah, bermakna dalam zaman kemunculan keempat-empat Imam Mazhab Feqah iaitu Imam Maliki, Hanafi, Syafiee dan Hanbali, bidang Tasawuff/ Tariqah masih bersifat sepadu, iaitu tidak dipisahkan dengan ilmu-ilmu serta amalan-

¹⁷² Lihat Bab Tauhid pegangan pengikut Ahlus Sunnah Wal Jamaah pada mukasurat 325-345 dalam buku ini.

¹⁷³ Ulamak-ulamak tasawuff mengatakan bahawa : “*Asas jalan kita ada tujuh; Berpegang teguh pada Al Quran, mengikuti sunnah Rasulullah SAW, makan yang halal, tidak menyakiti orang lain, menjauhi maksiat, sentiasa bertaubat dan menegakkan yang hak. Barangsiapa berpaling atau keluar dari doktrin ini, bererti keluar dari tasawuff, yang juga bererti engkar akan iman.*”

¹⁷⁴ Bermakna jikalau orang yang melakukan perkara-perkara luarbiasa sedangkan dirinya melanggar hukum syariat, itu bukan karamahnya, melainkan sihirnya dari syaitan.

amalan Islam yang lainnya sebagaimana yang dibuat oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.

Maka sememangnya keempat-empat Imam Mujtahidin itu berguru kepada guru yang *kamil* ilmu dan amalannya, bahkan mereka juga menjadi guru dan pengamal Tasawuff/Tariqah. Contohnya Imam Abu Hanifah merupakan guru Tasawuff/Tariqah kepada Syeikh Ibrahim Adham, Syeikh Al-Fudhail bin Iyadh, Syeikh Daud At-Tho'i dan Syeikh Bishr Al Hafi¹⁷⁵. Imam Malik berguru kepada Syeikh Imam Jaafar Sadiq¹⁷⁶, seorang ahlul-bait Rasulullah SAW yang merupakan guru Tasawuff/Tariqah yang terkemuka. Imam Ahmad bin Hanbal pula pernah berguru kepada Syeikh Maaruf Al Karkhi¹⁷⁷, manakala Imam Syafiee pula berguru kepada seorang guru sufi bernama Syeikh Salim Ar Ra'i¹⁷⁸.

Dengan sebab itu Allah SWT telah mengangkat darjat Imam-Imam Mujtahidin ini, bukan sebagai ulamak sahaja tetapi sebagai Aulia' Allah pada darjat WALI ABDAL, NUJABA' dan AUTAD. Malahan Imam Syafiee sendiri telah sampai kepada martabat WALI QUTUB. Demikianlah yang telah disebutkan oleh pengikut-pengikutnya dari golongan Fuqaha seperti Imam An-Nawawi¹⁷⁹.

Bahkan tidak terdapat ulamak-ulamak yang agung dan hebat pengetahuannya melainkan mereka telah berguru kepada ulamak-ulamak Tasawuff/Tariqah. Contohnya Imam Al-Ghazali yang sudah bergelar Hujjatul Islam, seorang pensyarah di universiti tetapi berguru kepada Syeikh Abu Ali Al-Farmadi seorang tukang kasut. Al-Imam An-Nawawi adalah gurunya seorang wali Allah bernama Syeikh Yassin Al-Muzaiyan.

Sehinggalah ke abad-abad kemudian ulamak-ulamak hebat yang menjadi guru dan pemimpin Tasawuff/Tariqah adalah seperti Syeikh Abdul Qadir Jailani, Syeikh Abu Hassan As Syazali, Syeikh Abu Kasim Al-Qusyairi, Seikh Abu Yazid Al-Bustami, Syeikh Baha'uddin An-Naqsyabandi, Syeikh Abdullah Ad Dahlawi, Syeikh Khalid Al-Baghdadi, Al-Imam Suyuti, Syeikh Abdul Wahab Asy Sya'rani, Syeikh Abdus Samad Al Falembani, Syeikh Daud Al-Fatani dan ramai lagi.

Kesimpulannya, ijmak ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah telah bersepakat bahawa tidak boleh dipisah-pisahkan bidang Tasawuff/Tariqah daripada ilmu dan amalan Islam yang lainnya seperti

¹⁷⁵ Rujuk kitab *Kashful Mahjoob*, hlm 116

¹⁷⁶ Kitab *Al Hadaiqul Wardiah*, hlm 128

¹⁷⁷ Kitab *Al Hadaiqul Wardiah*, hlm 143. Kitab *Tanwirul Qulub*, hlm 464

¹⁷⁸ Kitab *Kashful Mahjoob*, hlm 143

¹⁷⁹ Kitab *Al Fatawa Al Hadithiyyah*, hlm 324

bidang Aqidah dan Feqah. Itulah yang dibawa, diajar dan diamalkan oleh Rasulullah SAW yang diikuti oleh para sahabat baginda dan golongan *salafus solihin*. Dan itulah satu-satunya cara untuk mendapatkan kembali kesempurnaan sifat Iman, Islam dan Ihsan yang dapat melengkapkan seorang umat Islam itu untuk menjadi MUKMIN YANG SEJATI.

Dan sesungguhnya seorang mukmin yang sejati itu berupaya menarik rahmat dan nusrah Allah untuk dirinya, keluarganya, kelompoknya, bangsanya, malahan kepada umat Islam sejagat. Ia mampu menjadi aset yang amat besar bakti dan sumbangannya dalam menolong mengeluarkan umat Islam dari kemelut fitnah dan musibah besar yang melanda zaman mutakhir ini.

Semoga Allah SWT memberikan taufik dan hidayahNya kepada umat Islam untuk memakai kembali 'pakaian' Tasawuff/Tariqah demi melengkapkan diri sebagai pengikut firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar dan yang sempurna, zahir dan batin.

Petikan Sya'ir-Sya'ir Masyur Karangan Al-Habib Al-Qutub

(Tuhanku kami menyeruMu dengan keutamaan Nabi Muhammad saw.
Berilah taufiq pada yang meredhoiMu buat kami sepanjang abad)

Bertakwalah kepada Allah pada hal rahsia dan terang
Bersihkan hatimu dari penyakit batin yang menyerang
Perangilah hawa nafsu yang hanya bertujuan
Mengumpul harta untuk dunia yang penuh ujian

Jika kau redho dengan takdir, nescaya kau hidup bahagia
Jika tidak redho dengannya, nescaya kau hidup merana
Bersahabatlah dengan orang baik, ahli ilmu dan hidayat
Jauhilah; jangan berteman orang yang membuat maksiat

Bersembahyang biar hati khusyu' jauh dari kelalaian
Jangan lupa mengingati kubur sama dengan kain kafan
Dunia ini bukanlah rumah untuk hidup berkekalan
Ia tiada lain hanyalah jalan menuju ke watan

Rumah yang kekal adalah syurga bagi orang yang selalu taat
Neraka pula bagi yang derhaka oleh itu hendaklah beringat
Liputilah kami Ya Allah dengan belas kasihanMu
Cukupilah kami, peliharalah kami dari fitnah dan kesesatan

Berilah kami taufik hidayah dan pimpinlah kami
Diatas jalan pemimpin umat serta penghulu kami
Buatnya selawat Allah dan salamNya yang berkekalan
Terus menerus bila-bila hingga ke Akhir Zaman

Keluarga, kemudian sahabat tabiin juga pun demikian
Dengan penuh berkat mereka kami pohonkan keselamatan.

Bab 27

Tariqah Sebagai Kunci Kekuatan **Ummah Akhir Zaman**

Perhatikan semula beberapa Hadeeth mengenai Akhir Zaman seperti di bawah ini;

*“Ketika menundukkan Qunstantaniyah, Al-Mahdi menancapkan benderanya untuk mengambil wuduk dan mengerjakan solat Subuh. Waktu itu di hadapan Al-Mahdi terbentang lautan luas. Dia lalu mencari jalan untuk melintasi laut tersebut. Akhirnya dia menemukan di sekitar itu juga. Dia lantas menancapkan benderanya. Kemudian ada suara yang menyeru: ‘Wahai umat manusia, melintaslah, **sesungguhnya Allah azza wa Jalla membelah laut ini sebagaimana Ia telah membelah untuk Bani Israel.**’ Lantas mereka melintasinya sehingga sampai di hadapan kota Qunstantaniyah. **Mereka lantas bertakbir dan seketika runtuhlah pertahanan Qunstantaniyah. Mereka bertakbir lagi, lantas runtuh lagi, dan bertakbir lagi lantas runtuh sekitar 12 pertahanan.**”*

*“Seluruh pertahanan Romawi dan bandar-bandarnya akan ditakluki oleh Al-Mahdi **dengan mengumandangkan tahlil dan takbir.**”*

*“Pasukan daripada Iraq (sesetengah riwayat mengatakan daripada Syam) keluar mencari seorang lelaki daripada Madinah, itulah Al-Mahdi. Kemudian Allah menyelamatkan Al-Mahdi daripada kejaran pasukan ini. **Ketika mereka melintasi satu padang di Zulhulaifah, maka mereka ditelan bumi,** sehingga yang diatas sampai Hari Kiamat.”*

*“Sesungguhnya ketika zahir Al-Mahdi, berserulah Malaikat dari atas kepalanya: ‘Inilah Al-Mahdi, khalifah Allah, maka kamu ikutilah dia.’ Seluruh manusia tunduk dan patuh kepadanya dan merasakan kasih sayangnya. Sesungguhnya Al-Mahdi itu menguasai timur dan barat. Dan adapun yang berbai’ah kepadanya diantara Rukun dan Maqam, yang pertama sejumlah pasukan tentera Badar, kemudian Wali Abdal dari Syam mendatangnya, diikuti oleh Wali Nujabak dari Mesir dan golongan Asoib dari timur. Setelah itu Allah mengutus tentera dari Khurasan dengan panji-panji hitam kepadanya dan mereka menuju ke Syam. **Dan Allah mengiriskan kepadanya 3000 malaikat dan ahli Ashabul Kahfi adalah antara pembantu-pembantunya.**”*

*“ Allah **menugaskan malaikat seramai 3000 untuk mengawal Al Mahdi,** seraya memukul orang yang memusuhi dan menentang Al Mahdi.”*

“Al-Mahdi akan menguasai dunia sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Zulqarnain dan Nabi Sulaiman AS.”

*“Al-Masih Dajjal tidak akan masuk ke kota Madinah kerana takut, pada hari itu Kota Madinah mempunyai tujuh pintu yang pada setiap pintu **dijaga oleh dua Malaikat.**”*

*“Mereka (golongan beriman di zaman Dajjal) akan merasa kenyang dengan bertahlil, bertakbir, bertasbih dan bertahmid. **Jadi zikir-zikir itu menggantikan makanan.**”*

“Dan ketahuilah sesungguhnya tiga tahun sebelum kedatangan Dajjal bumi akan berada dalam keadaan kering kontang sama sekali. Semua manusia dilanda kelaparan yang dahsyat. Ditahun pertama Allah menitahkan agar hujan menahan sepertiga airnya. Pada tahun kedua Allah menitahkan agar hujan menahan dua pertiga airnya; bumi menahan dua pertiga tumbuh-tumbuhannya. Sedang pada tahun ketiga, Allah menitahkan agar hujan menahan semua airnya, sehingga tidak setitis pun air yang turun dari langit. Dan menitahkan bumi agar menahan semua yang ditumbuhkannya sehingga tidak ada sesuatu pun yang ditumbuhkannya, bahkan mana-mana tumbuhan yang tinggal semuanya menjadi kering dan binasa.”

Seorang lagi bertanya: *“Lalu apakah manusia akan hidup saat itu?”* Baginda menjawab: **“Mereka akan hidup menerusi Tahlil, Tahmid, Takbir dan Tasbih.** Dan kesemua itu menjadi pengganti makanan mereka. “ (HR Ibnu Majah, Abu Dawud, Al-Hakim- Hadeeth Sahih dengan syarah Muslim)

*“Dajjal diikuti oleh tujuh puluh ribu orang Asfahan daripada Asfahan yang semuanya memakai jubah hijau. **Bila melihat Nabi Isa, maka luluh seperti luluhnya garam di dalam air.** Dajjal melarikan diri. Nabi Isa kemudian berkata: ‘Saya pasti akan membantai kamu, dan kamu tidak akan dapat memukul diriku.’ Nabi Isa lalu menangkapnya di pintu Ludd, sebuah bandar dekat Baitul Maqdis bahagian timur. Lantas Nabi Isa AS membunuhnya. Berkenaan dengan itu Allah memporak perandakan orang Yahudi dan mereka dibunuh dengan sejadi-jadinya.”*

*“Dajjal akan keluar pada waktu agama sudah tidak dipedulikan dan ilmu (agama) sudah ditinggalkan orang...Kemudian turunlah Isa ibnu Maryam.....**Maka si pembohong (Dajjal) melihat beliau dia meleleh seperti melelehnya garam dalam air** lalu beliau menuju kepadanya dan **membunuhnya hingga pohon-pohon dan batu-batu berkata :***

“Wahai Ruh Allah! Ini ada orang Yahudi! Maka tidak ada seorang yang mengikuti Dajjal melainkan dibunuhnya.” (HR Imam Ahmad)

*“Dan keluarlah mereka (Yakjuj & Makjuj) kepada manusia dan meminum semua air dan orang-orang pun berlari darinya. Lalu mereka melepaskan anak panah mereka ke langit, kemudian anak-anak panah itu kembali kepada mereka dengan berlumuran darah. Lantas mereka berkata: ‘Kami telah mengalahkan penduduk bumi dan kami mengungguli kekuatan dan ketinggian orang-orang yang ada di langit.’ **Lalu Allah menghantar ulat-ulat ke kuduk-kuduk mereka yang membinasakan mereka.** Demi Allah yang diri Muhammad di tanganNya, bahawa binatang-binatang di bumi sesudah itu menjadi gemuk-gemuk, penuh lemak dan susu, dan mabuk kerana memakan daging mereka.”*

“Kami bertanya :” Wahai Rasulullah, berapa lamakah tinggalnya Dajjal di mukabumi ini?“. Baginda menjawab:” Empat puluh hari, (dimana) satu hari di waktu itu menyamai setahun, satu hari seperti sebulan, sehari sebagaimana satu Jumaat, semua hari (waktu itu) sama dengan hari-harimu (sekarang ini)” Kami bertanya lagi :”Wahai Rasulullah, sehari yang menyamai setahun itu adakah cukup solat dengan sekali saja dalam sehari?“ Baginda menjawab: ” Tidak, hendaklah kamu perkiraan (solat itu) untuk satu hari itu sesuai dengan ketentuannya yang berlaku.”

Hadeeth-hadeeth diatas menjadi bukti nyata bahawa di Akhir Zaman nanti, pertolongan Allah SWT akan didatangkan dalam bentuk KARAMAH dan BARAKAH kepada para Auliya’Nya yang dikasihi. Namun hakikatnya, pertolongan sebegini bukan hanya muncul di Akhir Zaman nanti, tetapi telahpun berulang kali berlaku sepanjang sejarah perjalanan Agama Islam semenjak zaman Nabi-Nabi dahulukala.

Hakikat ini telahpun diakui oleh orang-orang Barat yang menyebabkan mereka mengalihkan strategi dengan melakukan perang saraf keatas umat Islam, iaitu dengan merapuhkan teras kekuatan dalaman melalui serangan Orientalis. Maka apabila umat Islam tidak dapat memelihara hatinya dari sifat-sifat tercela dan merosakkan perkara yang menyangkut unsur-unsur kerohanian mereka, ianya akan memudaratkan hubungannya dengan Allah SWT dan memutuskan nusrahNya atas mereka.

Apakah rahsianya pada zaman dahulu kala sehingga umat Islam dapat mengalahkan kuasa-kuasa besar dengan NUSRAH ALLAH yang didatangkan dalam bentuk Karamah dan Barakah itu?

Jawapan sudah tentu terletak pada Tasawuff / Tariqah.

Kerana bidang ini melahirkan golongan umat Islam yang bukan sahaja lengkap dan sempurna pada pegangan Tauhid dan Syariatnya, tetapi mereka juga mempunyai kekuatan dalaman yang utuh, iaitu sentiasa MENYUCIKAN HATI DARIPADA SELAIN ALLAH yang kuncinya adalah merendam hati dengan berzikir kepadaNya dan berpuncak pada peleburan keseluruhan jiwa dalam kebesaran Allah.

Menurut Syeikh Thaha Abdul Baqi Surur dalam bukunya '*Pengembaraan ke Alam Ruhani*' :

"Insan kamil akan memandang kehidupan duniawi sebagai kesempatan emas yang tidak boleh disia-siakan. Iaitu suatu kesempatan untuk mengabdikan dan beramal soleh kerana Allah SWT. Mereka tebarkan semerbak keharuman dengan cinta kepada Maha Pencipta. Mereka adalah orang-orang yang menjadikan kehidupannya sebagai mimbar dan menara untuk mendapatkan rahmat Allah.

*Keinginan menghantar manusia ke pintu langit adalah mimpi di siang hari tanpa iman dan tasawuff. Tasawufflah yang membisikkan ke dalam jiwa manusia bahawa **segala sesuatu adalah dari, dan untuk Allah, label kehidupan kita adalah rahmat Allah, tujuannya ibadah**¹⁸⁰, manakala asas penyokongnya adalah cinta, yakni cinta kepada kebesaran Allah, cinta seluruh Nabi dan manusia biasa, cinta segala jenis kebaikan, penyokong kebaikan dengan harta, tenaga mahupun fikiran serta membuang segala jenis penyakit jiwa.*

Tasawuff adalah bentuk atau jelmaan perilaku Islam, menjadi saripati keharuman dan tatakrama (adat sopan santun) yang bersifat Islam, merupakan inti 'Nur Muhammad'. Ia adalah rangkuman kemuliaan hati yang sangat berharga, bahkan pemangkin semua ilmu pengetahuan¹⁸¹."

Kekuatan batiniyah, jiwa dan kerohanian yang dihasilkan melalui jalan Tasawuff merupakan kunci yang dapat menghapuskan penyakit *Al-Wahn* (iaitu cinta dunia dan takut mati) mematahkan keinginan materialisme, menghentikan gelombang kekufuran dan fahaman-fahaman sesat. Tasawuff dan Tariqah juga merupakan **santapan jiwa yang amat mendalam kesannya sebagai suatu perisai dalaman yang sakti dan pendorong untuk sedia berani berkorban demi agama**. Maka kekuatan Tasawuff/Tariqah yang unik tetapi penting inilah yang telah

¹⁸⁰ Firman Allah yang maksudnya : "*Dan Aku tidak menciptakan jinn dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu.*" (Az-Zariyyat :56)

¹⁸¹ Dipetik dari buku karangan Ash-Syeikh Thaha Abdul Bagi Surur, '*Pengembaraan ke Alam Rohani; Tinjauan Tentang Pijakan Tasawuff dan Alam Fikiran Sufi*, (terjemahan Drs Nur Mufid M.A & Mahfudz Sa'ad) Thinkers Library, 2000, hlm Pendahuluan xix

berhasil menyumbangkan saham yang tidak sedikit dalam sejarah perluasan dan pembelaan Islam.

Dengan membawa hikmah, akhlak yang mulia dan berlemah lembut, kaum sufi telah berjaya menempatkan iman di hati sanubari bangsa-bangsa yang selama ini masih belum tersentuh oleh Islam. Antara lainnya mereka telah berjaya menembus jantung Afrika, dataran Asia dan Alam Nusantara. Di tempat-tempat yang telah mendapat Islam, mereka berani menghadapi khalifah-khalifah, raja-raja dan pegawai-pegawai kerajaan demi menegakkan keadilan dan kebenaran Agama Allah supaya umat Islam dapat mengecapi kebahagiaan, kesentosaan dan kesejahteraan hidup dalam pancaran Nur Islam yang sempurna.

Contohnya Khan Ghazan seorang ahli sufi daripada Tariqah An-Naqsyabandi telah berjaya mengislamkan kerajaan Monggol¹⁸² yang sebelum itu telah menjarah Baghdad dan membunuh beribu-ribu umat Islam dengan kejamnya. Malik bin Dinar juga seorang ahli sufi yang terkenal telah berjaya dalam mengembangkan Islam di Malabar, Gujerat di India, Maldive dan kepulauan-kepulauan yang berdekatan dengan bantuan murid-muridnya. Yusuf Din As-Sindi pula berjaya dalam mengislamkan negeri Multan dan Kashmir. Pemimpin-pemimpin Tariqah Al-Qadiriyyah, As-Syaziliyyah dan lain-lain pula membantu dalam perkembangan Islam di barat, tengah dan selatan Afrika.

Wali Songo yang terkenal dengan *bil hikmah wal karamah*¹⁸³ menjadi tokoh-tokoh pengembang Agama Islam di Alam Nusantara khususnya di kepulauan Indonesia lama. Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Maulana Sadar Jahan adalah antara ulamak sufi yang bukan sahaja mengislamkan Raja Melaka, malahan membantu baginda dalam mengenalkan Islam di Alam Melayu. Malahan banyak lagi contoh lain yang dapat membuktikan sumbangan besar yang ditaburkan oleh ahli-ahli sufi dalam sejarah perkembangan Islam di dunia ini.

¹⁸² Hazrat Syeikh Maulana Ali Mia menulis : “Ketika umat Islam pupus dilanda gelombang keganasan Monggol (Tartar), tiba-tiba Al-Islam mula menawan jiwa gerombolan Monggol yang buas itu. Para mubaligh sufi dan pendakwah Islam telah menunaikan satu tugas yang tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan pedang, dengan membawa risalah Islam kepada kaum Monggol yang musyrik itu.”

¹⁸³ Zaman kemunculan Wali Songo adalah zaman dimana masyarakat Alam Nusantara kebanyakannya menganuti Agama Hindu-Buddha. Mereka amat mengagungkan serta memuja dewa-dewi mereka, bermegah dengan sihir-sihir pendeta mereka. Sedangkan Wali Songo menyeru mereka kepada Islam semata-mata dengan penuh hikmah dan akhlak yg baik. Pendeta-pendeta Hindu cuba membuat sihir kepada Wali Songo, tetapi Allah melindungi para Aulia’Nya itu dengan karamah sehingga dapat mematahkan sihir-sihir pendeta Hindu. Perkara-perkara ini menjadi asbab kemasukan masyarakat Nusantara kepada Agama Islam.

Sesetengah penentang Tasawuff pula berpendapat bahawa bagaimana mungkin memegang panji-panji jihad di mukabumi ini jikalau asyik tenggelam dengan berzikir dan beribadah? Sedangkan sejarah Islam jugalah yang mampu membuktikan bahawa tokoh-tokoh sufilah yang sering tampil ke saf paling hadapan dalam perjuangan membela kebenaran Islam.

Khalifah-khalifah di zaman keagungan empayar Othmaniyyah terkenal sebagai *Ruhbanun Fillail wa fursanun binnahar*, iaitu “beribadat kepada Allah umpama rahib di malam hari dan siangnya berjuang laksana singa”, di Dagestan, Syeikh Syamil An Naqsyabandi dengan Masyaikh yang lain telah menentang kemasukan Russia pada tahun 1813M. Di India, Syeikh Ahmad Syahid, Liyakat Ali dan Syeikh Mahmud Deobandi adalah antara Masyaikh yang telah memainkan peranan menentang Inggeris di India. Syeikh Umar Mukhtar yang merupakan Syeikh Tariqah Sanusiyyah memerangi penjajahan Itali di Libya.

Di Alam Nusantara sendiri sarat dengan kisah-kisah perjuangan *jihad fisabilillah* yang diketuai oleh Masyaikh dan ulamak-ulamak Tariqah demi menentang penjajahan dan usaha kristianisasi Barat. Contohnya dalam Kesultanan Banten, pengaruh Tariqah Khalwatiyyah yang diketuai oleh Syeikh Yusuff Taj Al-Khalwati telah menggerakkan perang sabil orang-orang Islam menentang Belanda dari tahun 1680-1683M¹⁸⁴. Dalam Kesultanan Palembang, dibawah pimpinan Sultan Mahmud Badruddin yang mengikuti Tariqah Samaniyyah telah menjadi pendokong utama menentang serangan penjajah Belanda dalam tahun 1811-1822M

Di Minangkabau, pengikut Tariqah Naqsyabandiyyah dan Syathariyyah telah membuat perjuangan menentang penjajahan Belanda. Sunan Gunung Jati, salah seorang ahli Wali Songo pula terkenal dengan jihad melawan tentera Portugis di Pasai. Raja Haji Fisabilillah, Haji Abdul Karim, Teuku Chik di Tiro, Tokku Paloh dan ramai lagi adalah pengikut-pengikut Tariqah yang tercatat dalam sejarah Nusantara sebagai para pejuang agama yang terunggul dalam menentang penjajahan kuffar Barat.

Sejarah menunjukkan bahawa penjajah-penjajah Barat amat gerun dengan keberanian serta semangat sakti yang dipamirkan oleh orang-orang Tariqah. Merekalah yang sering menjadi kubu utama bagi masyarakat Islam menahan dari sebarang bentuk cabaran yang cuba mematahkan kekuatan Islam. Tariqah menjadi satu saluran berkesan untuk menggerakkan perjuangan agama kerana para pengikutnya

¹⁸⁴ Selaku penasihat serta rakan perjuangan Sultan Banten yang bernama Sultan Ageng Tirtayasa, Syeikh Yusuff telah mampu mencorakkan arus peperangan dan mempengaruhi semangat perjuangan rakyat.

mempunyai hubungan *hablumminallah* yang mendalam serta *hablumminannas* yang baik, penuh hikmah dan berkasih sayang, mempunyai sifat taqwa dan tawadhuk yang tinggi, tulus dan tidak mudah dijual-beli¹⁸⁵. Selain itu ahli-ahli Tariqah selalunya mempunyai semangat perkumpulan yang cukup kental yang dibina atas asas semangat persaudaraan agama serta ikatan istimewa diantara guru (Masyaikh) dan murid.

Apatah lagi jikalau ianya mendapat pengikut dan pendokong yang kuat daripada pihak Khalifah atau Raja sepertimana yang kerap berlaku pada zaman dahulukala. Sesungguhnya gabungan tenaga diantara UMARAK dan ULAMAK, khususnya ULAMAK TARIQAT merupakan kekuatan yang penting dalam khidmat Agama Islam, khususnya yang berkaitan dengan dakwah dan *jihad fisabilillah*.

Maka perjuangan agama yang berlandaskan IMAN, ISLAM DAN IHSAN yang hakikat inilah yang mampu menghasilkan keikhlasan, kesungguhan, kegigihan, semangat dan daya juang yang tinggi. **Dan apabila perjalanan umat Islam sudah betul, lengkap dan sempurna zahir-batin, maka tidak ada keraguan lagi bahawa akan lahirlah para Aulia' Allah yang zahir dan yang tersembunyi, dan di sinilah Allah SWT akan menghantarkan Nusrahnya dalam bentuk KARAMAH dan BARAKAH itu.**

Sesungguhnya kehadiran Waliyullah di suatu tempat atau dalam suatu kelompok sangat perlu dan penting. Kehadiran mereka tidak perlu ramai, walau seorang dua sudah cukup untuk menjemput bantuan Allah SWT dalam bentuk Karamah dan Barakah. Bantuan Allah ini bukan sahaja mampu meringankan beban umat Islam dalam segala rintangan yang terpaksa dihadapi seperti kekurangan bekalan makanan, masalah pengangkutan, kedaifan alat peperangan, bilangan tentera yang kecil dan sebagainya, malahan banyak kali pula mereka dapat mengalahkan pihak musuh dengan apa jua kecanggihan teknologi dan ketinggian tamaddun mereka.

Allah SWT berFirman yang maksudnya :

¹⁸⁵ Baginda pernah menasihati sahabat-sahabatnya dengan sabdaan:

“Akanku berikan khabar gembira kepadamu bahawa akan tiba masanya kamu akan dikurniakan harta yang melimpah ruah, yang mana kamu akan mendapatkan segala keinginanmu. Sesungguhnya aku tidak takut bahawa kamu akan menjadi sesat melalui kepapaan dan kelaparan, sebaliknya aku takut apabila kemewahan dunia datang mencurah-curah kepadamu, yang kerananya kamu akan terpesona dengan segala kenikmatan duniawi sepertimana yang berlaku pada umat-umat terdahulu. Yang mana ianya kelak akan membinasakan kamu sebagaimana ia telah membinasakan mereka.”

“ Jika penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka barakah dari langit dan bumi.”
(Al-A’raf :96)

“ Maka kelak Allah mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan mereka pun mencintaiNya, yang bersikap lemah-lembut terhadap orang-orang mukmin, yang bersikap keras terhadap orang-orang kafir, yang berjihad di jalan Allah, dan tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela.” (Al-Maidah:54)

Demikian juga Firman Allah dalam Hadeeth Qudsi:

“Sesiapa yang menyakiti WaliKu, Aku isytiharkan kepadanya PEPERANGAN.”

Dalam Hadeeth Qudsi yang lain Allah berFirman;

“ Apabila seseorang hamba mendekatiKu dengan sesuatu amalan fardhu yang lebih Aku sukai yang Aku telah fardhukan ke atasnya dan sentiasa hambaKu mendekatiKu dengan mengerjakan sunnah-sunnah sehingga Aku mencintainya. Maka apabila aku mencintainya, adalah Aku menjadi pendengarannya yang dia dengar, penglihatannya yang ia lihat dan tangannya yang dia tamparkan dan kakinya yang dia berjalan . Dan demi itu jika ia meminta kepadaKu, nescaya Aku berikan kepadanya.”
(HR Bukhari)

Sabda Rasulullah SAW :

“Sesungguhnya diantara hamba-hamba Allah terdapat manusia-manusia yang bukan Nabi, juga bukan syuhada, tetapi Nabi-Nabi dan syuhada-syuhada sendiri menginginkan keadaan seperti mereka. ‘Seorang lelaki bertanya : ‘Wahai Rasulullah, siapakah mereka?’

Rasulullah SAW menjawab ; *“Iaitu kaum yang saling cinta dengan roh Allah azza wajalla. Diantara mereka tidak ada hubungan keluarga dan tidak pula saling memberi harta. Demi Allah! Wajah-wajah mereka bercahaya. Mereka diatas pentas cahaya. Mereka tidak takut tatkala manusia lainnya merasa takut, dan tidak merasa resah ketika manusia lainnya resah.”*

Kita tidak seharusnya menolak hakikat kewujudan bantuan Allah dalam bentuk *karamah* dan *barakah* ini, kerana itulah sebenarnya senjata ampuh bagi umat Islam melawan segala kuasa luarbiasa yang mempesona dan memperdayakan seperti sihir di zaman Firaun, teknologi di zaman ini, dan *istidraj* di zaman Dajjal

kelak, yang berupaya meleakangkan umat Islam daripada keyakinan penuh pada kekuasaan Allah SWT.

Sesungguhnya perjuangan para Nabi dan Rasul, para sahabat, pejuang-pejuang agama dari dahulu hingga ke hari ini mahupun di zaman-zaman yang akan datang baik dalam bentuk penyebaran Agama Islam, mahupun dalam konteks mempertahankan kedaulatannya, tidak dapat lari daripada pertolongan Allah SWT yang dizahirkan melalui kisah-kisah luarbiasa dan karamah kepada wali-waliNya yang ada dimanamana, yang diketahui mahupun yang dirahsiakan. Apakah lebih atau istimewanya kita daripada umat-umat terdahulu mahupun dizaman akan datang sehinggakan formula dan metod kejayaan kita menguasai musuh-musuh agama perlu berbeza daripada mereka itu ??

Pada hari ini pun kisah-kisah Karamah, Barakah dan Nusrah Allah masih berlaku kepada pejuang-pejuang agama di seluruh dunia seperti di Maluku, Mindanao, Chechnya, Afghanistan, Palestine, Iraq, Kashmiri dan banyak lagi. Bagaimanapun media-media yang dimonopoli oleh kaum Yahudi Zionis sudah tentu menyembunyikan kisah-kisah pertolongan Allah ini. Cuma Nusrah Allah belum lagi bersifat menyeluruh kerana masih ramai lagi umat Islam yang perlu dikejutkan dari igauan mereka yang panjang, untuk kembali berpegang kepada Agama Islam yang kamil, zahir dan batin sepertimana yang terkandung dalam firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar.

Bab 28

Antara Politik dan Bil Hikmah;

Iktibar Dari Sejarah Ahlul-Bait Rasulullah SAW

Kita perlu belajar dari perjalanan sirah ahlul-bait Rasulullah SAW bahawa kuasa pemerintahan adalah semata-mata urusan Allah SWT semata-mata. Jatuh banggunnya sesebuah dinasti itu adalah takluk bawah takdirNya. Rasulullah SAW sendiri tidak pernah mengejar kuasa sebagai matlamat, ianya merupakan anugerah Allah SWT atas baginda yang kemudian dimanfaatkan untuk tujuan perkembangan agama.

Ambillah iktibar daripada kisah Nabi Sulaiman AS seperti yang diriwayatkan dalam sebuah Hadeeth Rasulullah SAW:

“Nabi Sulaiman disuruh memilih antara harta, kerajaan dan ilmu, maka memilih Sulaiman akan ilmu, maka diberi Allah akan kerajaan dan harta.” (HR Dailamy)

Rasulullah SAW sendiri pernah ditawarkan KUASA oleh puak Musyrikin Mekah asal sahaja baginda berhenti dari menjalankan dakwah Islamiyyah pada masyarakatnya, namun baginda tetap bertekad untuk meneruskan perjuangannya seperti sabdanya:

“Demi Allah jika mereka meletakkan matahari di kananku dan bulan di kiriku agar aku meninggalkan dakwah Islamiyyah, pasti tak akan aku tinggalkan, sebelum aku diberi

Sebuah lagi Hadeeth Rasulullah SAW membuktikan bahawa kuasa pemerintahan amat berkait rapat dengan Qada’dan Qadar Allah. Perhatikan;

“ Tegaklah pada kamu masa kenabian sampai beberapa lama yang dikehendaki Allah, maka terjadilah ia, kemudian diangkat. Kemudian tegaklah selepas itu pada kamu masa khalifah atas manhaj kenabian, maka terjadilah ia padamu beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian ia diangkat. Kemudian terjadilah padamu masa kerajaan yang menggigit (Mulkan Ad Dhudhan), maka terjadilah ia beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian diangkat. Kemudian tegaklah selepas itu kerajaan menyeleweng (Mulkan Jabbariyyan) terjadilah ia beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian diangkat. Selepas itu tegaklah padamu Khalifah atas manhaj kenabian, yang mengamalkan sunnah Rasul di kalangan manusia. Islam akan tersebar luas di mukabumi yang diredhai oleh penghuni langit dan bumi. Langit tidak akan meninggalkan setitis pun

air hujan, kecuali ia mencurahkanya. Dan bumi tidak akan meninggalkan tanaman dan berkatnya kecuali ia akan mengeluarkannya.”

(HR Thabarani)

Ringkasnya untuk kembali kepada kegemilangan ummah, umat Islam hari ini perlu membuang mainan politik sekular yang mencemarkan itu dan tumpukan kudrat mereka pada tanggungjawab dan khidmat agama. Kembalikan, betulkan, mantapkan serta pereratkan hubungan *Hablumminallah dan Habluminannas* yang merangkumi keseluruhan cara hidup yang dapat menggapai keredhaan Allah SWT, iaitu ;

- i. **Aqidah**; iaitu pegangan yang hakikat. Ianya merangkumi kepercayaan, pegangan, doktrin dan yang bersangkutan.
- ii. **Ibadat**, iaitu perhubungan diantara makhluk dengan Allah. Ianya merangkumi perkara-perkara seperti solat, puasa, zikr, kebersihan dan sebagainya.
- iii. **Muasyarat**, perhubungan antara seorang individu dengan masyarakat atau adab bermasyarakat. Contohnya adab sesama keluarga, adab dengan orang tua, jiran, guru, pemerintah dan sebagainya.
- iv. **Muammalat**; perhubungan antara seorang individu dengan individu lain. Contohnya transaksi perniagaan, perjanjian jual beli, perjanjian hutang piutang, amanah dan yang berkaitan.
- v. **Akhlaq atau Tasawuff**; perhubungan antara seorang individu dengan dirinya sendiri. Ianya termasuklah soal pembersihan jiwa dan nurani, zikir, menjaga moral dan sebagainya.

Ingatlah bahawa politiklah yang mula-mula sekali memecahbelahkan umat Islam dalam peristiwa *Tahkim Billah* kerana sebagai sifatnya politik manusia, ia dibuat bukan berlandaskan pegangan Benar-Salah, tetapi kerana kepentingan kuasa. Bukan tidak boleh berpolitik, tetapi harus difahami ianya bukan untuk santapan rakyat awam tetapi adalah tanggungjawab serta ijmak golongan *Ahl al-Hall Wa Al-Aqd* (Anggota Pemilih)¹⁸⁶ yang telahpun digariskan kelayakan-kelayakannya mengikut hukum-hakam agama¹⁸⁷.

¹⁸⁶ Untuk rujukan terperinci sila baca kitab Al- Mawardi, ‘ *Al Ahkam Al Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah*’ atau terjemahannya oleh Uthman bin Hj Khalid, 1993

¹⁸⁷Allah SWT berfirman : “ *Maka tanyalah ahli Ilmu jika kamu tidak tahu*” . Istilah ‘Ahl’ pada ayat ini merujuk kepada *Ahl al-Hall Wa Al-Aqd*, iaitu orang yang pakar dalam bidangnya mengikut kelayakan yang digariskan oleh ajaran Islam. Dan ‘ijma’ yang dimaksudkan ialah untuk *Ahl al-Hall Wa Al-Aqd*, contohnya dalam bab Aqidah perlu merujuk kepada ulamak/mujtahid Aqidah, bab Feqah perlu merujuk kepada ulamak/mujtahid Feqah, bab Tasawuff/Tariqah perlu merujuk kepada ulamak Tasawuff/Tariqah. Begitulah juga dalam bab pemerintahan, perlu merujuk kepada *Ahl al-Hall Wa Al-Aqdnya* yang mempunyai ciri-ciri khusus. **Malangnya Ahl al-Hall Wa Al-Aqd yang**

Sirah ahlul-bait Rasulullah SAW harus dipelajari oleh umat Islam, bahawa urusan kuasa bukan boleh dipaksa-paksakan, apatah lagi dalam hal merebut kuasa dalam sistem politik sekular hari ini. Sebenarnya ada cara yang lebih baik dan berkesan yang dapat membantu umat Islam MENDAPATKAN KEMBALI KEKUATAN SERTA KEDAULATAN MEREKA tanpa menggunakan perantara politik merebut kuasa yang banyak terkandung fitnah dan amat memecah-belahkan itu.

Perhatikan sejarah ahlul-bait Rasulullah SAW yang bersangkutan dengan hal ini.

Sabda baginda SAW :

*“ Dari Abdullah bin Mas’ud RA katanya, ketika kami berada di sisi Rasulullah SAW tiba-tiba datang sekelompok anak muda dari kalangan Bani Hasyim. Apabila terlihat akan mereka, maka kedua mata Rasulullah SAW berlinangan dan wajah baginda berubah. Aku pun bertanya:’ Mengapakah kami melihat pada wajahmu sesuatu yang kami tidak sukai?’. Baginda menjawab. “ Kami ahlul-bait telah Allah SWT pilih untuk kami akhirat lebih dari dunia. **Kaum kerabatku akan menerima bencana dan penyingkiran sepeninggalanku kelak sehingga datangnya suatu kaum dari sebelah timur yang membawa bersama mereka panji-panji hitam.** Mereka meminta kebaikan tetapi tidak diberikannya. Maka mereka pun berjuang dan memperolehi kemenangan, lalu diberikanlah apa yang mereka minta itu, tetapi mereka tidak menerimanya, hingga mereka menyerahkannya kepada seorang lelaki dari kerabatku yang memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana bumi dipenuhi dengan kedurjanaan. Siapa di antara kamu yang sempat menemuinya maka datangilah mereka walaupun merangkak diatas salji. Sesungguhnya dia adalah Imam Mahdi.”*
(HR Abu Daud, At-Tarmizi, Ibnu Majah)

Hakikatnya, kempen membenci dan menzalimi ahlul-bait yang bermula semenjak zaman Sayyidina Ali RA tidak pernah reda dan padam sampai saat ini. Bagaimanapun dalam buku ini kita tidak akan mengupas sejarah kezaliman yang dibuat keatas ahlul-bait Rasulullah SAW¹⁸⁸, cuma kita akan memberi fokus kepada sejarah perkembangan perjuangan mereka yang mana dengan beralih prinsip daripada mencari kuasa sebagai alat atau perantara untuk khidmat agama, kepada

sebenar hanya wujud di zaman pemerintahan Khalifah dan Raja-Raja Islam, sedangkan ianya telah dilupakan sama sekali oleh sistem pemerintahan sekular.

¹⁸⁸ Rujuk kepada buku ‘Ahlul-Bait Rasulullah SAW & Raja-Raja Melayu’ karangan penulis yang menghuraikan secara panjang lebar berkenaan dengan fakta-fakta serta sejarah ahlul-bait Rasulullah SAW, termasuk yang berkaitan dengan fitnah yang dibuat atas kelompok mereka

melaksanakan tanggungjawab agama secara *'bil hikmah'* semata-mata tanpa melibatkan diri dalam gejolak politik, telah memberikan faedah yang amat luarbiasa kepada perjuangan mereka yang dapat dimanfaatkan secara langsung oleh umat Islam.

Rujuk semula kepada peristiwa perpecahan yang berlaku diantara penyokong-penyokong Sayyidina Ali dalam masalah perselisihannya dengan Sayyidina Muwaiyyah, iaitu yang berpecah kepada golongan Khawarij yang langsung menentang Sayyidina Ali dengan golongan *Syi'atu 'Ali*¹⁸⁹ yang tetap setia kepadanya. Perpecahan hebat yang membawa kepada Perang Siffin diantara pihak Sayyidina Ali dengan Muawiyah telah menyemarakkan hati-hati yang panas, dan ini telah membuka ruang seluas-luasnya kepada golongan zindiq dan munafik untuk memusnahkan kemurnian Islam dari dalam.

Kekhalifahan Muawiyah kemudiannya dilanjutkan oleh dinastinya yang terkenal dengan jolokan Dinasti Umaiyyah. Khalifah-khalifah seterusnya dalam Dinasti Umaiyyah telah berlaku kejam kepada cucu-cicit Rasulullah SAW (kecuali khalifah Umar bin Abdul Aziz) kerana merasa terancam dengan martabat ahlul-bait yang diutamakan di sisi ajaran agama Islam.

Bagaimanapun, kekejaman mereka telah menjadi *'backfire'*, kerana kesannya telah mendatangkan belas simpati yang jauh menusuk kalbu dari kalangan umat Islam. Kezaliman yang dibuat oleh khalifah-khalifah Umaiyyah jauh tidak berpadanan dengan martabat ahlul-bait yang ramai mempunyai akhlak Nabawiyyah dengan sifat sufisme yang tinggi seperti jujur, tulus, berakhlak mulia, tawadhu', taqwa, kedermawanan, kepimpinan dan keramah-tamahan. Tokoh-tokoh ahlul-bait seperti Imam Ali Zainal Abidin, Muhammad Baqir, Jaafar Sadiq, Zaid, Musa Al-Kazim, Hassan Al-Muthana dan ramai lagi terbilang akhlak dan keperibadian mulia, sedangkan kebanyakan khalifah-khalifah Umaiyyah jauh berbeza daripada mereka.

Perbandingan ini telah mencetuskan perasaan tidak puas hati di kalangan umat Islam yang mahukan keturunan Rasulullah SAW menjawat kerusi Khalifah. Mereka rata-rata berpendapat;

¹⁸⁹ Dalam hal ini musuh-musuh Islam telah mengambil kesempatan untuk menyelewengkan konsep asal pegangan kelompok *Syi'atu 'Ali* dengan mengada-adakan penyelewengan jauh daripada takrif sebenar penghormatan dan kemuliaan yang sepatutnya diberikan kepada ahlul-bait Rasulullah SAW. Pegangan yang pada asalnya tidak bersalahan dan berada dalam lingkungan batasan agama akhirnya telah diselewengkan oleh pihak-pihak yang menginginkan perpecahan berlaku di antara sesama saudara Islam sehingga mewujudkan doktrin Syiah Pelampau yang amat menyeleweng dari firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar.

Bukankah ahlul-bait ramai yang memiliki ciri-ciri kelayakan (meritokrasi) sebagai kepimpinan tertinggi umat Islam?

Bukankah mereka harus diberi keutamaan berdasarkan ketinggian martabat mereka di sisi ajaran Islam (berbanding dengan khalifah-khalifah Umayyiah)?

Bukankah jawatan Khalifah sepatutnya diserahkan kembali kepada pemuka-pemuka umat Islam sebagai syarat penyerahan kerusi Khalifah daripada Sayyidina Hassan kepada Muawiyah, mengapa pula diambil oleh anaknya Yazid yang tidak berkelayakan itu?

Mengapakah ahlul-bait Rasulullah SAW yang serba ikhlas dan taqwa itu menjadi mangsa politik, mengapa Sayyidina Ali dibunuh, mengapa Sayyidina Hassan diracuni, mengapa Sayyidina Hussein dipenggal lehernya, mengapakah kaum kerabat ahlul-bait yang menjadi kesayangan Rasulullah SAW ramai yang menjadi korban dalam tragedi Karbalak???

Persoalan-persoalan yang sentiasa bermain di benak umat Islam ini, yang melihat dengan mata kepala sendiri bagaimana cucu-cicit kecintaan Nabi SAW dizalimi sekeras-kerasnya oleh kebanyakan khalifah-khalifah Umayyiah, sedangkan dalam masa yang mereka tetap tabah, bersabar dan bertawadhu' menempuh segala ujian yang amat menonjolkan keperibadian mereka yang mulia itu, maka sudah tentu menjadi hasrat terpendam umat Islam untuk menggantikan khalifah Umayyiah dengan tokoh-tokoh ahlul-bait Rasulullah SAW.

Menifestasi daripada kecintaan, simpati, kemuliaan dan kekaguman umat Islam kepada ahlul-bait, pendirian bahawa golongan merekalah yang hakikatnya terserlah WIBAWA, AKHLAK, TAQWA, ILMU dan KEPIMPINAN yang tinggi, ditambah dengan KEUTAMAAN (nasab) di sisi agama Islam, akhirnya dizahirkan melalui sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada penggulingan Dinasti Umayyiah oleh kelompok Abbasiyyah, yang mengambil kesempatan di atas imej dan kemurnian ketrampilan ahlul-bait ahlul-kisa' (ahlul bait yang paling 'pekat') yang menjadi kaum kerabat mereka dari Bani Hasyim. Malangnya, kelompok yang menggulingkan Khalifah Umayyiah yang terakhir itu berbuat demikian bukan atas nawaitu yang betul, bukan atas dasar pemurniaan semula kepimpinan ummah, melainkan semata-mata atas tujuan politik peribadi juga, iaitu merebut kekuasaan.

Maka apabila khalifah-khalifah Abbasiyyah berjaya menerajui kerusi khalifah, kekejaman, tekanan dan penyingkiran ahlul-bait tetap

diteruskan, tak ubah seperti halnya yang terjadi di zaman Dinasti Umayyiah.

Sikap khalifah-khalifah Abbasiyyah ini mendatangkan kekecewaan dan keinsafan yang teramat mendalam kepada alim-ulamak di zaman itu, yang kemudiannya meletakkan harapan kepada beberapa tokoh ahlul-bait ahlul-kisa' seperti Muhammad Zinaff bin Abdullah, saudaranya Ibrahim bin Abdullah¹⁹⁰ dan Muhammad Al-Ma'mun untuk memperbaiki keadaan, kerana ajaran Islam menegah sekeras-kerasnya kezaliman atas ahlul-bait Rasulullah SAW. Maka berdasarkan kepada perasaan tanggungjawab yang tinggi (*duty bound*) untuk menyelamatkan kemurnian kepimpinan umat Islam, maka beberapa gerakan penggulingan Khalifah telah dibuat oleh beberapa tokoh ahlul-bait ini dengan ***mendapat sokongan daripada imam-imam mujtahid Feqah zaman itu seperti Imam Malik¹⁹¹ dan Imam Abu Hanifah¹⁹².***

Malangnya kerana sudah Qada' dan Qadar Allah satu demi satu usaha mereka menemui kegagalan. Berlebih lagi dengan adanya golongan Khawarij dan Syiah Pelampau, atau Syiah Rafidhah yang mengeruhkan keadaan, akhirnya menyebabkan ahlul-bait Rasulullah SAW menjadi patah semangat. Kemuncak kepada gejolak politik hebat di bumi Arab ini ialah kekacauan dan keganasan yang dicituskan oleh kaum Zinj (bekas hamba Habsyi) dan Qaramithah yang tidak mampu dibendung oleh pemerintah Abbasiyyah, ironisnya dalam masa yang sama mereka masih mempunyai banyak ruang dan masa untuk terus menerus membuat berbagai penyiksaan kepada golongan ahlul-bait yang dianggap sebagai ancaman kepada kedudukan mereka di kerusi Khalifah yang empuk itu.

Disebabkan fitnah, huru hara, haru-biru dan keadaan yang kalut ini, maka ramai ahlul-bait mula berputus asa untuk mengembalikan kemurniaan Islam dalam Daulah Abbasiyyah melalui perampasan kuasa. Di kalangan mereka ada yang mengambil keputusan untuk berhijrah mencari kehidupan baru di tempat-tempat lain supaya dapat terhindar dari kezaliman pemerintahan Abbasiyyah, sebagaimana yang pernah dilalui oleh nenda mereka sendiri Rasulullah SAW yang berhijrah ke Madinah kerana tekanan dan kezaliman kaum Musyrikin Mekah.

¹⁹⁰ Qadhi Md Sulaiman & Salman Manssor Puri, *Mercy for the world (Rahamatuleel 'Alameen), Volume II*, Maulvi M. I Nana, Johannesburg, South Africa. hlm 100. Muhammad Zinaff dan Ibrahim merupakan putera-putera kepada *Sayyid Abdullah ibni Sayyid Hassan Al-Muthana ibni Sayyid Hassan ibni Fatimah binti Rasulullah SAW*.

¹⁹¹ Imam Malik sendiri telah mengeluarkan fatwa yang memihak kepada Muhammad Zinaff sebagai orang yang lebih berhak untuk menyandang kerusi Khalifah.

¹⁹² Ibid, hlm 100. Imam Abu Hanifah secara peribadi telah menyumbang sebanyak 4000 dirham kepada Ibrahim untuk tujuan penggulingan Khalifah.

Antaranya termasuklah suatu peristiwa penghijrahan yang terkenal dalam sejarah perkembangan Islam, iaitu penghijrahan Imam Ahmad bin Isa, atau Ahmad Al-Muhajir dan kaum kerabatnya, berhijrah kerana Allah, demi mencari tempat baru yang dapat dijadikan tapak buat menyambung semula tugas nenek moyang dalam memesatkan dakwah Islamiyyah tanpa perlu terlibat dalam gejolak politik yang memudaratkan itu. Dengan ketulusan niatnya, hijrah Imam Ahmad Al-Muhajir telah diberkati oleh Allah SWT. Dari titisannya telah memberanakkan wali-wali karamah, da'iee-da'iee yang gigih serta alim-ulamak yang terunggul yang bakal meninggalkan warisan Islam yang besar di benua India dan Alam Nusantara kelak.

Keturunan Imam Ahmad Muhajir, iaitu Sayyid Muhammad ibni Ali, yang dikenali sebagai Syeikh Muhammad Al-Faqeh Al-Muqaddam telah mempelopori tindakan '**ubah prinsip**', iaitu dengan mengambil sikap berkecuali dalam gejolak politik dan menumpukan semata-mata kepada urusan dakwah, pengajian Islam dan amalan Tasawuff. Beliau telah mengajak kaum-kaum Sayyid supaya meletakkan senjata mereka dan menumpukan diri sepenuhnya kepada khidmat agama. Beliau merupakan orang pertama dari kaum Alawiyyah yang menceburkan diri dalam bidang Tasawuff dan mengasaskan TARIQAH ALAWIYYAH pada abad ke 13 Masihi¹⁹³. Semenjak itu golongan Sayyid lebih dikenali sebagai golongan yang mempunyai pengaruh sufi yang kuat pada aliran pemikiran dan cara hidup mereka¹⁹⁴.

Yang menariknya, pilihan ramai dari kalangan ahlul-bait Rasulullah SAW untuk menjadi alim-ulamak, khususnya MUBALIGH-MUBALIGH SUFI telah ditakdirkan mendatangkan kesan yang tidak terjangkau oleh pemikiran mereka mahupun umat Islam secara umumnya.

Di zaman-zaman belakangan mereka bukan sahaja menjadi alim-ulamak sufi yang mempunyai KARAMAH dan BARAKAH yang dapat dimanfaatkan oleh umat Islam dalam saat-saat yang diperlukan (khususnya dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah pada tempat-tempat yang bermasalah atau dalam kempen jihad memerangi orang-orang kafir), malahan mereka juga dikurniakan Allah SWT daulah-daulah Islamiyyah

¹⁹³ Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Ali bin Alawi bin Muhammad bin Alawi bin Ubaidullah bin Ahmad Al-Muhajir telah mengenakan 'khirqah' (baju tasawwuff) dari Syeikh Abu Madyan, seorang tokoh ahli sufi dan semanjak itu menjadi tokoh Alawiyyin pertama yang menyebarkan luaskan tariqa Ba Alawi. Menurut Al-masyra Arrawiy, Al-Faqih Al-Muqaddam telah mencapai darjat Al-Mutjahid Al-Muthlaq di dalam ilmu syariat dan makam Al-Quthbiyah di dalam bidang tasawwuff. Gurunya, Syeikh Muhammad Bamarwan mengatakan; '*Al-Faqih Al-Muqaddam telah memenuhi syarat untuk menduduki jabatan Al-Imamah.*'

¹⁹⁴ Ronald Lewcock, *Wadi Hadhramaut and the walled city of Shibam*, petikan daripada Unesco Publication, 1986

yang dapat membantu memantapkan kerja agama mereka sebagai memberikan kesinambungan kepada kerja nenek moyang mereka dari zaman Rasulullah SAW lagi dalam usaha menebarkan sayap Islam di seluruh pelosok mukabumi ini.

Ringkasnya atas keikhlasan dan kegigihan khidmat agama mereka serta penonjolan akhlak yang baik serta hikmah yang sempurna, **Allah SWT telah mengganjarkan mereka KUASA dalam bentuk Daulah-Daulah Islamiyyah**, khususnya di benua India dan Alam Nusantara. Mereka datang sebagai alim-ulamak dan para mubaligh sufi, melarikan diri dari kemelut politik bumi Arab yang penuh fitnah dan tragedi itu, tetapi darah Rasulullah SAW yang mengalir dalam diri mereka yang tersohor dalam bentuk taqwa, wibawa, kepahlawanan dan kepimpinan telah menyebabkan mereka atau keturunan mereka terpilih menjadi Raja-Raja Islam.

Setelah dianugerahkan kuasa sebagai Raja-Raja Islam khususnya di Alam Nusantara ini, ahlul-bait Rasulullah SAW telah menjalinkan hubungan yang mesra dan akrab bukan sahaja dengan *Syarif-Syarif Mekah* dan para Naqib di Hadhramaut, malahan juga dengan khalifah-khalifah Dinasti Othmaniyyah, iaitu berbeza dengan keadaan mereka di zaman khalifah-khalifah Umaiyyah dan Abbasiyyah dahulu. Hubungan yang akrab inilah yang menjadi kunci kekuatan ummah (gabungan ampuh diantara umarak, ulamak dan ahlul-bait) pada suatu masa dahulu.

Bagaimanapun apabila telah sabitnya takdir Allah, muncul zaman *Mulkan Jabariyyan* yang membawa bersamanya kerajaan-kerajaan menyeleweng. Tidak ada apa yang boleh dilakukan oleh umat Islam walaupun golongan umarak dan ulamak dahulukala telah bekerja keras sehingga menumpahkan darah yang bukan sedikit demi menghalang kemunculan gelombang *Mulkan Jabariyyan* itu.

Bagaimanapun kita yakin dengan janji Allah bahawa zaman *Mulkan Jabariyyan* akan berakhir jua dan bakal digantikan dengan era 'pemerintahan Khalifah yang tertegak atas manhaj Nubuwwah'.

Dan demi keyakinan yang tidak berbelah-bahagi ini, maka umat Islam harus mencontohi sirah Rasulullah SAW dan ahlul-bait baginda yang menumpukan khidmat semata-mata kepada urusan DAKWAH dan TARIQAH, serta memperbetulkan mana-mana kesilapan pegangan Aqidah dan amalan Feqah supaya terbendung dalam firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Supaya dapat melahirkan ramai *Insan Kamil* dan *Aulia'* Allah yang dapat dimenafaatkan martabat serta keistimewaan mereka di sisi Allah SWT dalam saat-saat yang diperlukan seperti keadaannya hari ini.

Oleh itu haruslah umat Islam hari ini mengambil iktibar dari peristiwa tersebut. Mendongaklah ke langit, bukan memandang ke petipeti undi pilihanraya. Itulah saham yang paling baik yang harus menjadi pelaburan umat Islam di Akhir Zaman ini. Itulah saham yang mampu mengembalikan kekuatan dan kedaulatan ummah kerana ianya akan melahirkan tokoh-tokoh umarak yang besar¹⁹⁵ seperti Khalifah Omar Abdul Aziz, Khalifah Harun Al-Rasyid, Khalifah Al-Mansur, Sultan Abdul Rahman I, II, III Andalusia, Sultan Muhammad Fatih Othmaniyyah, Sultan Osman Ghazi Othmaniyyah, Sultan Murad Othmaniyyah, Sultan Salahuddin Al Ayyubi Mesir, Maharaja Auarangzeb India, Sultan Shah Muzaffar Haleem Gujerat, Sultan Shah Mohammad Gujerat, Sultan Qutbudden Ahmad Gujerat, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Acheh, Sultan Muzaffar Shah Melaka, Sultan Babullah Ternate, Sultan Saiful Rijal Brunei dan ramai lagi¹⁹⁶.

Dan itulah saham yang akan melahirkan ulamak-ulamak yang terunggul dan karamah seperti Syeikh Abdul Qadir Jailani, Imam Al-Junaid Al-Baghdadi, Imam Al-Ghazali, Imam An-Nawawi, Syeikh Muhammad Zakariyya Al-Kandhlawi, Syeikh Muhmmad Faqeh Al-Mukaddam, Syeikh Nizamuddin Ad-Dahlawi, Wali Songo, Syeikh Nuruddin Ar-Raniri, Syeikh Abdus Samad Al-Falembani, Syeikh Muhammad Daud Al-Fatoni, Syeikh Yusuff Taj Al-Khalwati dan ramai lagi.

Dan itulah juga saham yang akan melahirkan watak-watak terunggul Akhir Zaman yang khusus disebut dalam kitab-kitab seperti Al-Hasyimi, At-Tamimi, Al-Mansur, Al-Harith Harrats, As-Salam, Ibnu Al-Asb, Amr, Muhammad ¹⁹⁷dan sebagainya yang bakal menjadi para

¹⁹⁵ Amalan Tariqah bukan sahaja mampu menyatukan umat Islam, melahirkan kecintaan dan ketaatan yang mendalam kepada Allah dan RasulNya, menjadikan umat Islam berbangga dengan keislamannya, malahan menumpahkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Sultan dan sentiasa bersiap sedia untuk menjadi tentera jihadi atas titah baginda.

¹⁹⁶ Khalifah Omar Abdul Aziz (Umaiyyah) terkenal sebagai ‘Omar yang II’, Sultan Harun Al Rasyid (Abbasiyyah) rajin bersolat 100 rakaat setiap malam, Sultan Muhammad Fatih disebut oleh Rasulullah SAW dalam hadith baginda: “*Konstantinople akan jatuh ke tangan seorang Amir (ketua) yang baik lagi beragama, tenteranya tidak melampau, tidak mencuri dan rakyatnya tidak menipu dan tidak bergaul bebas (baik).*” , Sultan Salahuddin (Mesir) berjaya membebaskan Baitul Maqdis daripada kaum Kristian, sultan-sultan Gujerati menyerahkan keseluruhan cukai-cukai pelabuhan Gandhar untuk keperluan penduduk Mekah dan Madinah serta membina madrasah-madrasah, waqaf-waqaf, perairan-perairan di situ. Sultan Muhammad I,II dan III Andalusia berjasa dalam menyebarkan sayap Islam ke benua Barat. Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah dan Sultan Alauddin Riayat Shah Melaka berjasa dalam menyebarkan Islam di Alam Nusantara selain menjadikan Islam dasar pemerintahan negeri. Dan banyak lagi contoh jasa-jasa besar yang ditabur oleh khalifah-khalifah dan raja-raja Islam dahulukala.

¹⁹⁷ Ibnu Hajar Al-Haitamy, ‘*Nilah Imam Mahdi yang dinanti-nanti*’ (terjemahan oleh Hj Ahmad Muhammad Abdul Ghaffar), 1994

pembantu Imam Mahdi dan Nabi Isa AS dalam menerajui Zaman Kegemilangan ummah yang ke-2.

Firman Allah SWT yang maksudnya :

“Berapa banyak yang terjadi golongan yang sedikit mengalahkan golongan yang ramai dengan izin Allah.” (Al-Baqarah: 249)

“Sesungguhnya bumi ini diwariskan kepada hamba-hambaKu yang soleh.” (Al-Anbiyaa: 105)

“Allah pembela bagi orang bertaqwa .” (Al-Jatsiyah: 19)

Penutup

Kita sudahpun mendapat maklumat yang panjang lebar mengenai bangsa Bani Israel atau Yahudi, tentang sejarah, fitnah, dominasi serta nasib yang bakal menimpa mereka di masa yang akan datang. Kita juga telah mendapat banyak maklumat mengenai kisah-kisah Akhir Zaman.

Sesungguhnya ini dunia asbab. Nabi Isa AS sendiri yang turun dari langit dengan kedua belah tapak tangan baginda diletakkan atas sayap dua Malaikat, namun akan meminta tangga untuk turun dari menara putih di sebelah timur Damsyik apabila kembali ke bumi kelak. Bukannya Allah tidak boleh mengadakan sesuatu tanpa asbab walaupun di dunia ini, tetapi perkara itu adalah semata-mata hakNya untuk membuat pilihan.

Maka kalau mengikut *sunatullah*, kaum kafirun yang telah melampau dan berleluasa dalam kebatilannya, yang sesat dan menyesatkan dan yang telah menzalimi kaum muslimin tanpa had dan batasannya, maka pasti mereka akan dihancurkan akhirnya dengan kudrat Allah SWT jua. Dan jikalau mengikut asbab duniawi, ia berkemungkinan akan hancur dalam bentuk kemunculan peristiwa ARMAGEDDON, bukan melalui kaedah peperangan teknologi yang tidak boleh sampai merubah cuaca dunia, meleburkan bukit-bukau, menterbalikkan bumi, menenggelamkan gunung-ganang, menyebabkan terjadinya ombak-ombak gergasi (tsunami) dari laut dan sebagainya, dalam sekelip mata sahaja.

Hanya kekuasaan Allah sahaja yang boleh melakukan kebinasaan yang mega-mega seperti ini. Hanya tangan Allah sendiri yang boleh membinasakan musuh-musuhNya bersekali dengan kemegahan 'sihir' mereka, iaitu dalam bentuk teknologi-teknologi Akhir Zaman yang cukup diagungkannya itu. Jangan kata bencana-bencana mega dalam bentuk Armageddon tidak pernah berlaku di dunia ini. Perhatikan sejarah umat-umat terdahulu yang menimpa musibah dalam bentuk kemunculan Armageddon. Seperti banjir besar di zaman Nabi Nuh AS yang menenggelamkan hatta gunung-gunung yang tinggi. Tidak ada seorang manusia pun yang selamat di waktu itu, kecuali pengikut Nabi Nuh, haiwan dan tumbuhan yang menaiki bahteranya. Tidak ada satu nyawapun yang terselamat apabila para Malaikat menterbalikkan bumi dan menghempapkannya atas kaum Nabi Lut AS. Tidak ada satu nyawa kafirun pun yang selamat apabila Allah menenggelamkan tentera Firaun.

Malahan baru-baru ini saintis-saintis di Eropah telah dikejutkan pula dengan bukti-bukti nyata bahawa musibah dalam bentuk

Armageddon sekali lagi telah berlaku tidak berapa jauh dari zaman moden ini, iaitu hanya sekitar 1500 tahun yang lalu di zaman Dinasti Romawi pagan telah sampai kepada kemuncak penguasaan, maksiat dan kejahilannya. Iaitu dalam bentuk hempasan komet besar yang sekaligus telah meletupkan Gunung Berapi Kapi di Pulau Jawa. Ianya telah menyebabkan kemusnahan berjuta nyawa dan memudaratkan alam buat sementara waktu.

Kebetulan sejurus selepas peristiwa Armageddon itu muncul Zaman Kebangkitan Islam yang bermula dengan kelahiran Rasulullah SAW. Buat beberapa lama selepas peristiwa besar itu, dunia Islam berkembang pesat, berdiri atas runtuhannya tamaddun Romawi dan era yang dipanggil Zaman Kegelapan Eropah. Sehingga ditakdirkan kaum Yahudi dan Nasrani mendapat kekuatan mereka semula mulai abad ke 18M yang kemuncaknya jelas dapat dilihat pada hari ini dengan penguasaan mereka di bidang ekonomi, politik, militer serta sains dan teknologi. Maka berulanglah peristiwa sejarah, terdiri kembali tamaddun nenek moyang orang-orang Barat seperti di zaman Romawi pagan, cukup dengan falsafah, politik, sosio-budaya dan Tamaddun Tidak Bertuhan mereka yang penuh maksiat itu.

Bagaimanapun dalam diam kepimpinan Barat hari ini merasa agak cemas. Dalam kemegahan dan keangkuhan mereka memegang teraju pemerintahan dunia, mereka dikejutkan dengan bukti-bukti kukuh tentang kewujudan Armageddon yang baru berlaku (secara relatif dalam konteks edaran masa dunia), yang mana penemuan data-data sains dan sejarah itu terjadi apabila para intelektual dan ahli-ahli akademik Barat membuat kerja kajibanding dengan ahli-ahli sains dan astronomi yang mengkaji-selidik data-data yang terhasil daripada hempasan komet Shoemaker-Levy yang berlaku di planet Jupiter dalam tahun 1994M yang lalu.

Maka kelam-kabutlah para saintis Barat termasuklah di pihak NASA. Langsung mereka mendapat arahan di pihak atasan bahawa penemuan ini jangan dihebah-hebahkan, walaupun dalam tempuh akhir-akhir ini beberapa kali terjadi kejadian '*near miss*' oleh komet-komet yang mengelilingi cakerawala. Sehingga mencetuskan pendapat para saintis bahawa hempasan komet di mukabumi dalam tempuh mendatang ini bukan lagi bersifat mustahil, cumanya bila (*not if but when?*). Apatah lagi di Amerika Syarikat sendiri mereka dikejutkan dengan peningkatan aktiviti-aktiviti kawah Gunung Berapi raksasa yang terbesar di dunia, iaitu Yellowstone, seumpama hidupnya Gunung Berapi Kapi dahulukala.

Walaupun satu seminar telah diadakan di Eropah pada awal tahun 2004M yang mengketengahkan hal ini, dan walaupun pihak Barat

telahpun memulakan projek mencari jalan untuk memintas laluan komet yang berisiko tinggi untuk menghempas ke bumi, tetapi kepimpinan Barat, terutamanya Amerika Syarikat tidak mahu berita ini dihebahkan kepada dunia. Kerana dalam peristiwa Armageddon besar yang terbaru iaitu lebih 1500 tahun yang lalu, ia memberikan petanda kemunculan Zaman Kebangkitan serta Kegemilangan Islam. Dan sesungguhnya mereka cemas dan bimbang bahawa jikalau berlaku suatu peristiwa Armageddon seperti hampasan komet dan/atau letupan Gunung Berapi raksasa Yellowstone, maka akan berakhirilah penguasaan mereka keatas dunia ini, berakhirilah teknologi atau sihir mereka yang amat memperdaya serta mencengkam umat Islam sedunia itu.

Apatah lagi mereka tahu bahawa umat Islam paling kuat dan berbisa apabila mereka meninggalkan cinta duniawi dan mendirikan sifat zuhud dan kesufian, samada secara sukarela ataupun secara paksa. Dan peristiwa Armageddon akan menyebabkan umat Islam kembali 'mendongak ke arah langit'! Apabila umat Islam hanya memandang 'ke arah langit' semata-mata, tidak lagi kepada pesona duniawi yang sudah menjadi punah-ranah itu, maka jadilah mereka tentera-tentera Allah yang sangat 'kebal' dan sukar ditembusi lagi. Inilah yang amat membimbangkan mereka yang mungkin menjadi sebab umat Islam sedunia diperangi habis-habisan dengan tanpa segan silu lagi khususnya sejak tempuh akhir-akhir ini.

Maka seperti yang disebutkan tadi, dunia ini adalah dunia asbab. Berkemungkinan besar Allah SWT akan mengadakan asbab dalam bentuk Armageddon sebagai malapetaka kepada musuh-musuhNya yang sangat bermaharajalela sejak akhir akhir ini. Dan sebagai kaffarah kepada umat Islam yang banyak mengerjakan maksiat. Dengan asbab Armageddon itu akan pecah-berderailah segala kekuatan dan kekuasaan Yahudi dan Nasrani yang dapat meletakkan umat Islam dan umat kafir kembali menjadi 'jantan' semula apabila berada dalam gelanggang yang sama untuk bertarung tanpa perlu bersembunyi di sebalik kehebatan teknologi.

Malahan, berkemungkinan juga Allah SWT akan mengadakan asbab duniawi supaya umat Islam kembali menjadi kuat, zahir dan batin. Supaya apabila datang Armageddon kelak, mereka telah bersiap sedia dan mempunyai kekuatan ruhaniyyat yang tinggi untuk berjuang dengan berani dan gagah perkasa, berhabis-habisan menentang orang-orang kafir yang mana kemuncaknya nanti ialah penobatan Imam Al-Mahdi Al-Muntazar AS dan turunnya Nabi Isa AS dari langit.

Kemungkinan asbab duniawi yang dimaksudkan ialah penggalan semula ILMU-ILMU HAKIKAT yang tidak lagi bercampur aduk dengan

ilmu-ilmu batil seperti yang banyak berlaku semenjak terdirinya falsafah sekular di dunia ini. Maka dengan terkeluarnya Ilmu Hakikat yang mandiri, iaitu yang tidak lagi bercampur aduk dengan ilmu-ilmu yang batil, mudah-mudahan ditengah-tengah kebatilan duniawi hari ini akan muncullah inisiatif-inisiatif individu dan kelompok untuk membebaskan diri dari cengkaman sekular, dari kehidupan penuh kebatilan dan dari tamaddun tidak bertuhan.

Dengan kembalinya ilmu-ilmu hakikat secara mandiri, ianya akan membawa kepada kesedaran ummah untuk kembali kepada ajaran Islam yang **sebenar, sepadu, syumul, zahir dan batin**. Iaitu sebagaimana ajaran Allah dan RasulNya yang sebenar, yang diamalkan oleh Rasulullah SAW, para sahabat RA dan golongan *salafus soleh*.

Golongan pembuka inisiatif ini dengan iltizam yang tinggi dan semangat yang kental akan bertekad membebaskan aliran pemikiran mereka dari belenggu Barat, kembali mengambil iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar (panduan Imam Asy'ari & Imam Maturidi), kembali beramal dengan mana-mana satu daripada Mazhab Empat (Hanafi, Maliki, Syafiee, Hanbali) dan akan mengamalkan Tasawuff/Tariqah sebagai menyempurnakan firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang hakikat.

Mudah-mudahan dengan asbab wujudnya inisiatif-inisiatif dari kelompok inilah kelak yang akan melahirkan tokoh-tokoh UMARAK dan ULAMAK MUKTABAR AKHIR ZAMAN nanti. Tokoh-tokoh umarak dan ulamak yang kuat, unggul, berwibawa, mukhlisin dan gemilang ini **setara** tokoh-tokoh hebat Islam di zaman dahulukala. Mudah-mudahan tokoh-tokoh ini akan dipilih Allah sebagai *muqaddimah* kepada kemunculan Zaman Kebangkitan Islam nanti.

Maka berpayunglah kembali umat Islam dibawah rahmat dan perlindungan Allah SWT. Bertautlah kembali ikatan zahir dan batin mereka kepada tali Allah dan rangkaian sunnah Rasulullah SAW yang telah hampir putus angkara kecelakaan cengkaman semua sistem yang bersifat syirik selama ini. Barulah turun Nusrat Allah, barulah turun Barakah dan KaramahNya, barulah ummah sedia untuk mendakap Zaman Kegemilangan Islam di bawah teraju pemerintahan Imam Mahdi dan Nabi Isa As kelak.

Walaupun golongan pembuka inisiatif ini mungkin kecil jumlahnya, tetapi sebenarnya itulah *sunatullah* dari zaman dahulukala. Kecil-kecil cili api, bilangan mungkin sedikit tetapi mampu menggegarkan bumi dengan kekuatan keruhanian mereka yang tinggi dan mendalam.

Sekarang tepuk dada tanya selera, mahukah kita dipilih sebagai golongan pemberi asbab ini jikalau ia tersabit dengan Qada' dan Qadar Allah SWT nanti? Kalau mahu, nah, cuba jalankan inisiatif masing-masing. Mudah-mudahan kita dipilihNya. Dan walaupun tidak terpilih, sekurang-kurangnya nawaitu kita yang ikhlas untuk menyumbangkan khidmat yang besar kepada penegakkan semula syiar Islam di mukabumi ini akan menjamin penilaian yang baik dari Allah SWT dan bakal digolongkan bersama hamba-hambaNya yang terpilih di Hari Akhirat nanti. Ameen.

Apapun, kalau kita pasang niat yang ikhlas serta membuka inisiatif yang bersungguh-sungguh untuk kembali kepada ajaran dan amalan Islam yang sebenar adalah usaha yang paling murni dan terbaik, kerana kita sebenarnya telah bekerja keras untuk mengenali, mencari dan menaiki 'Bahtera Nabi Nuh' yang menjadi satu-satunya penyelamat menjelang turunnya peristiwa Armageddon. InsyaAllah, dengan itu kita akan sentiasa hidup dalam rahmatNya dan mati dalam Iman, Islam dan Ihsan kerana melalui lisan dan amalan kita zahir dan batin, akan terikatlah kita kepada kelompok Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang hakikatnya merupakan Bahtera Nuh di Akhir Zaman yang dimaksudkan itu.

Maka sekali lagi tepuk dada tanya selera, apakah pilihan kita??

Do'a

اللَّهُمَّ أَهْلِكَ الْكُفْرَةَ الَّذِينَ يَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِكَ، وَيُكَذِّبُونَ رَسُولَكَ،
 وَيُقَاتِلُونَ أَوْلِيَاءَكَ. اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ. اللَّهُمَّ فَرِّقْ جَمْعَهُمْ. اللَّهُمَّ قُلْ خَدَّهُمْ.
 اللَّهُمَّ أَقِلْ عَذَابَهُمْ. اللَّهُمَّ خَالَفْ بَيْنَ كَلِمَتِهِمْ. اللَّهُمَّ اجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ.
 اللَّهُمَّ أَرْسِلْ الْعَذَابَ الْأَلِيمَ إِلَيْهِمْ. اللَّهُمَّ ارْمِهِمْ بِسَهْمِكَ الصَّائِبِ. اللَّهُمَّ
 أَحْرِقْهُمْ بِشِهَابِكَ الثَّاقِبِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ غَنِيمَةً لِلْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ
 أَخْرِجْهُمْ عَنْ دَائِرَةِ الْحَلْمِ وَاللُّطْفِ، وَأَسْلِبْهُمْ مَدَدَ الْإِمْهَالِ، وَعَلْ أَيْدِيَهُمْ،
 وَارْبِطْ عَلَى قُلُوبِهِمْ، وَلَا تَبْلُغْهُمْ الْأَمَالَ. اللَّهُمَّ مَرِّقْهُمْ كُلَّ مَرِّقٍ مَرَّقْتَهُ أَعْدَاءَكَ،
 انْتِصَارًا لِأَوْلِيَائِكَ وَرُسُلِكَ وَأَنْبِيَائِكَ.

“ Ya Allah! Musnahkan kaum kafir yang menghalang dari jalanMu dan mendustakan RasulMu dan memerangi Wali-waliMu.

Ya Allah! Pecah-belahkanlah kumpulan mereka dan kucar kacirkanlah perpaduan mereka.

Ya Allah! Tumpulkanlah senjata mereka.

Ya Allah! Kurangkanlah bilangan mereka.

Ya Allah! Selisihkanlah antara pendapat mereka.

Ya Allah! Jadikanlah kekalahan ke atas mereka.

Ya Allah! Hantarkanlah azab yang pedih kepada mereka.

Ya Allah! Limpahkanlah anak panahMu yang tepat mengenanya.

Ya Allah! Bakarlah mereka dengan api bintangMu yang tepat mengenanya.

Ya Allah! Jadikanlah mereka dan harta benda mereka rampasan perang bagi kaum Muslimin.

Ya Allah! Keluarkanlah mereka dari daerah kesantunan dan kelembutan, dan cabutlah daripada mereka bantuan yang melengahkan, belenggukanlah tangan mereka dan ikat hati mereka, dan janganlah sampaikan cita-cita mereka.

Ya Allah! Hancurkan mereka seperti kehancuran yang pernah Engkau hancurkan terhadap musuh-musuhMu, kerana menolong para Wali, para Rasul dan para NabiMu¹⁹⁸.

Ameen ya rabbal ‘alameen.

¹⁹⁸ Doa diatas adalah dipetik dari do’a yang disusun oleh Al-‘arif billah, Maulana Al-Syed Ahmad Zaini Dahlan. Dibaca setelah selesai khatam membaca hadeeth-hadeeth ‘Sahih Al-Bukhari’ di hadapan Kaa’bah. Untuk doa penuh sila rujuk buku Habib Tahir bin Husain bin Tahir (terjemahan Syed Abdillah Ahmad Al-Jufri), ‘Jalan yang dekat’-Bagi pengikut jalan rujuk kepada Allah’, Pustaka Nasional Pte Limited, Singapura, hlm 162-177

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Makar Yahudi di sebalik firqah-firqah batil

Merosakkan ajaran Nabi Isa AS

Seperti juga ajaran yang dibawa oleh Nabi-Nabi Allah yang lain, Nabi Isa AS juga menyampaikan Agama Tauhid yang bukan sahaja membenarkan kerasulan Nabi-Nabi sebelumnya, malahan menyampaikan juga perkhabaran tentang kedatangan Nabi Muhammad SAW.

Malangnya, ajaran Tauhid yang dibawa oleh Nabi Isa AS ini tidak pernah sampai ke Eropah dengan segala kebenaran serta keasliannya kerana telah disabotaj selepas baginda diangkat naik ke langit. Saul, seorang Yahudi yang bijak di dalam ilmu ketahyulan dan undang-undang falsafah bangsa Yunani berada di Tarsus sewaktu berita tentang Nabi Isa ditangkap dan disalib. Pada masa itu beliau bukanlah seorang pengikut Nabi Isa, tetapi adalah penentangannya. Sebelum itu Saul telah mengikuti gerakan memburu dan membinasakan sahabat-sahabat Nabi Isa yang digelar Hawariyyun. Untuk menjalankan tugas tersebut beliau telah meninggalkan Tarsus menuju Damsyik. Dalam perjalanannya beliau telah mendakwa melihat suatu cahaya dari langit dan mendengar suara memanggil namanya "Saul! Saul!"

Saul yang tidak pernah bertemu dengan Nabi Isa AS telah mendakwa bahawa suara dari langit itu adalah suara Nabi Isa yang kononnya bercakap dengannya. Semenjak itu Saul tiba-tiba berubah kononnya sebagai pembela ajaran Nabi Isa lantas ikut menyertai gerakan Hawariyyun.

Sekonyong-konyong ditukar namanya dari Saul kepada Paul dan mengambil kesempatan untuk memesonkan ajaran Nabi Isa AS dengan mencipta konsep TRINITI serta mengasaskan sistem gereja yang bercampur adukkan unsur-unsur kebenaran dengan kebatilan, iaitu diambil dari amalan-amalan Yunani dan Romawi kuno.

Kemakaran Paul dalam memutarbelitkan ajaran Nabi Isa AS yang sebenar telah mendapatkannya ramai pengikut. Mereka menganggapnya sebagai seorang Rahib Suci atau 'Saint' dan beliau menjadi Saint Paul di kalangan pengikut-pengikut agama Kristian dari kalangan masyarakat Romawi dan Eropah.

Dalam persidangan Nikea pada tahun 325M, Raja Romawi yang bernama Konstantine telah mengiktiraf agama Kristian sebagai agama resmi kerajaan. Dalam peristiwa bersejarah itu, Kaisar Konstantine telah

memilih fahaman Trinitas, yang mengatakan bahawa Nabi Isa AS itu adalah anak Tuhan, iaitu satu fahaman Yunani pagan yang dibawa oleh Saul atau St. Paul. Dalam persidangan yang sama, Kaisar Konstantine telah menolak ajaran Nabi Isa yang asal, iaitu fahaman yang mentauhidkan Allah SWT dan menyatakan bahawa Nabi Isa itu adalah utusan Allah. Kumpulan yang membawa ajaran Nabi Isa yang asal dalam persidangan tersebut telah diusir dari kerajaan Romawi. Semenjak itu agama Kristian Ortodoks menjadi agama rasminya.

Ringkasnya, agama Kristian yang sampai kepada Kaiser Konstantine ialah agama yang telah diputarbelitkan oleh orang Yahudi sesuai dengan sifat semulajadi mereka yang memusuhi Nabi-Nabi dan menderhaka kepada Allah di sepanjang sejarah bangsa Yahudi itu.

Kemudian kaum Yahudi jugalah yang mempeloporkan kegiatan menghasut orang-orang Eropah untuk menentang penguasaan gereja dan membebaskan diri dari belenggu pengaruh gereja. Dari situ tercetuslah gerakan SEKULARISME dan LIBERALISME iaitu fahaman yang memisahkan urusan ketuhanan dengan penghidupan duniawi atau fahaman 'Tamaddun Tidak Bertuhan'.

Merosakkan ajaran Nabi Musa AS

Dalam agama Judaisme terdapat tiga jenis kitab yang terpenting iaitu Taurah, Thalmud dan Kabala. Taurah merupakan wahyu yang diterima oleh Nabi Musa AS sedangkan Kitab Thalmud pula adalah peraturan perundangan hasil ciptaan tokoh-tokoh agama Yahudi daripada kumpulan Pharisees di Selatan Palestin yang digelar Levites. Mereka berketurunan suku Yahudan yang menetap di selatan Palestin dan terpisah dari suku kaum Bani Israel yang lainnya lebih kurang dalam tahun 621 Sebelum Masihi

Kumpulan Pharisees ini merupakan suatu parti politik Yahudi yang ekstrim dan fanatik dan sengaja menyelewengkan ajaran-ajaran Nabi Musa AS. Mereka telah menulis buku Taurah dengan memutarbelitkan ajarannya yang sebenar. Kitab Thalmud pula mengandungi aturan lisan tradisi yang dianggap lebih penting daripada Taurah oleh rabbai-rabbai Yahudi Pharisees ini.

Menurut mereka, Taurah mempunyai dua makna, iaitu yang zahir dan yang batin. Mereka menganggap bahawa tafsir batin lebih mendalam dan mempunyai makna-makna mistikal. Mereka juga percaya bahawa huruf dan ayat-ayat berabjad Ibrani (Hebrew) mempunyai makna misteri yang tersirat. Melalui pentafsiran sedemikian, mereka telah

menyelewengkan ajaran Nabi Musa dengan membuat tafsir-tafsir batiniyyah. Menurut Rev I.B Pranaitis dalam bukunya *'The Thalmud Unmasked'*, (edisi 1985):

“ Mereka telah merosakkan arahan-arahan Tuhan dengan tradisi-tradisi guru agama mereka didalam Thalmud. Ajaran pendeta-pendeta mereka adalah lebih sah daripada ajaran kitab Taurah. Bermula dari masa itu sejarah agama Judaisme dibentuk mengikut kacamata kaum Pharisees.”

Mereka juga sering menisbahkan undang-undang rekaan tersebut kepada Nabi Musa AS dan 'Tuhan' Jehovah. Antara ajaran Pharisees yang paling sesat ialah pendapat bahawa Tuhan adalah mengikut suara ramai khasnya dari kalangan para rabbai. Bermakna otoriti bagi agama Judaisme bukan lagi terletak pada Tuhan, Nabi atau Rasul tetapi terletak kepada rabbai atau pendeta kaum Pharisees.

Apa yang paling mengelirukan ialah dalam agama Kristian, ajaran-ajaran tambahan yang khurafat dan bid'ah yang dibuat oleh rabbai-rabbai Yahudi Pharisees telah dimasukkan kedalam Kitab Perjanjian Lama (Taurah) yang dibukukan bersekali dengan Kitab Perjanjian Baru (Injil menurut Matthew, Mark, Luke dan John). Ianya menyebabkan banyak berlaku konflik atau percanggahan diantara ajaran Taurah (yang menyeleweng) dengan ajaran Kristian.

Antara konflik yang paling nyata ialah bahawa pada dasarnya ajaran Judaisme menghina dan tidak mengiktiraf kenabian Nabi Isa AS yang didakwa oleh kaum Kristian sebagai 'Tuhan' itu. Sebaliknya Nabi Isa pula amat benci kepada rabbai-rabbai Pharisees yang menyelewengkan ajaran Nabi Musa AS. Contohnya umat Yahudi dilarang mengambil riba, tetapi mereka telah memutarbelitkan arahan tersebut dengan menyatakan bahawa larangan tersebut ditujukan hanya untuk sesama mereka sahaja, sedangkan pinjaman ribawi adalah harus, malahan diwajibkan mereka untuk mengenakan kepada bangsa goyim (bukan Yahudi).

Nabi Isa AS diketahui pernah menghalau golongan murabin Yahudi daripada rumah ibadatnya kerana membenci sikap mereka yang memutarbelitkan perintah Allah khususnya dalam perkara mengenakan riba. Disebabkan hal ini maka akhirnya mereka telah berpakat supaya Nabi Isa AS ditangkap dan dihukum oleh askar-askar Romawi.

Pelopor Syiah Pelampau (Rafidhah)

Permulaan Syiah yang berlaku dalam zaman Sayyidina Ali RA bolehlah dibandingkan dengan permulaan ajaran Kristian seperti yang kita tahu pada hari ini (iaitu ajaran Nabi Isa AS yang telah diselewengkan). Sebagaimana Saul (St Paul) seorang Yahudi yang bijak di dalam ilmu ketahyulan dan undang-undang falsafah bangsa Yunani telah membinasakan ajaran Nabi Isa yang asli dari dalam dengan menciptakan konsep TRINITI yang mencampur adukkan unsur-unsur kebenaran dengan kebatilan, begitu jugalah yang berlaku apabila Abdullah bin Saba yang merupakan seorang ahli falsafah Yahudi telah memecah belahkan Islam dari dalam dengan mencipta firqah Syiah Ar-Rafidhah (Syiah Pelampau) yang juga mencampur adukkan unsur-unsur kebenaran dengan kebatilan¹⁹⁹ dalam hal-hal yang berkaitan dengan ahlul-bait Rasulullah SAW.

Dalam hal ini ajaran Syiah Ar-Rafidhah dapat dikesan mengandungi beberapa penyelewengan yang bersifat hampir sama dengan penyelewengan kaum Yahudi dalam agama Judaisme, contohnya seperti berikut ;

- i. Walaupun fitnah yang dibuat oleh golongan Syiah Pelampau ke atas para sahabat RA anhum tidaklah sekeji ajaran Judaisme yang membuat tuduhan melampaui batas ke atas akhlak para Nabi dan Rasul mereka, bagaimanapun golongan Syiah tetap tidak bersih daripada fitnah mendustakan para sahabat Rasulullah SAW yang amat dikasihi baginda, terutamanya Sayyidina Abu Bakar, Umar dan Othman RA anhum. Mereka dituduh sebagai kufur kerana tidak mahu mengakui Sayyidina Ali RA sebagai imam dan menjadi bertambah sesat kerana mengambil bai'at daripada para sahabat yang telah pun membai'at Sayyidina Ali. Para sahabat yang mengakui kekhalifahan ketiga-tiga para sahabat itu juga dituduh sebagai golongan munafik. Di kalangan ulamak Syiah ada yang pergi jauh dalam agenda menfitnah para sahabat, contohnya dengan mengatakan bahawa Sayyidina Umar RA telah ditimpa musibah besar dengan sejenis penyakit yang hanya dapat diubati dengan air mani²⁰⁰.

¹⁹⁹ Iaitu bersikap melampaui dalam memulia serta mengutamakan ahlul-bait Rasulullah SAW sehingga mengada-adakan doktrin Syiah yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Lihat Mohammad Manzoor Nomani; *'Khomeini, Iranian Revolution And The Shiite Faith'*, 1988, hlm 64

²⁰⁰ Muhibbudeen Al-Khateeb, *Al Khutoot Al-Areedah*, (translated by Mahmoud Murad), 1987, hlm 14

Ummahatul Mukminin juga tidak terlepas daripada mendapat tuduhan berat dari golongan Syiah Rafidhah. Sayyidatina Aisyah RA anha contohnya didakwa akan dihidupkan semula di zaman Imam Mahdi kelak dan akan menerima hukuman sebagai membalas perbuatannya kepada Sayyidatina Fatimah RA anha.²⁰¹. Isteri-isteri Rasulullah SAW yang lain juga menerima nasib yang sama.

- ii. Sebagaimana orang-orang Yahudi yang telah mengada-adakan satu 'Tuhan' yang khusus untuk bangsa mereka bergelar Yahweh (Jehovah), ajaran Syiah Rafidhah juga telah meninggi-ninggikan mertabat imam-imam Syiah melebihi kedudukan Rasulullah SAW sendiri. Seseengah ulamak Syiah telah pergi lebih jauh dengan meletakkan Sayyidina Ali ke taraf 'Tuhan' serta mengaitkan 'Imam-Imam Syiah' dengan sifat-sifat tahyul dan khurafat umpama dewa-dewa Greek kuno (Nauzubil 'Lahiminzalik). Mereka juga telah mencemari kesucian ajaran Tauhid dengan mereka-reka amalan syirik, seperti menyeru-nyeru nama ahlul-bait Rasulullah SAW dalam do'a seperti ungkapan "Wahai Ali! Wahai Husin! Wahai Zainab!!". Penyembelihan binatang korban dan sumpah juga dibuat atas nama 'Imam-Imam Syiah'²⁰².
- iii. Orang-orang Yahudi mendakwa bahawa hak kenabian dan kerasulan hanyalah hak keistimewaan bangsa Yahudi semata-mata, rentetan daripada andaian bahawa mereka adalah 'bangsa terpilih'. Kaum Syiah pula percaya bahawa hak menjadi Imam adalah semata-mata kepunyaan 12 ahlul-bait Rasulullah SAW yang telah dipilih oleh Allah SWT sendiri secara mutlak dan tidak boleh ditukar ganti. Mereka juga percaya bahawa di zaman kemunculan Imam Mahdi kelak, beliau akan membunuh semua golongan Sunni (sehingga yang tinggal hanya pengikut firqah Syiah sahaja), bermula dengan ulamak mereka, sebelum menghapuskan golongan kafir²⁰³.
- iv. Sebagaimana paderi-paderi gereja dikatakan mempunyai hubungan batin dengan Tuhan dan menjadi perantara diantara Tuhan dengan manusia, begitulah bandingan 'Imam Syiah' yang kedua belas yang didakwa telah 'ghaib' itu, maka kuasa Tuhan boleh diturunkan kepada wakil-wakilnya seperti Imam Khomeini untuk memerintah negara. Paus (Pope di Rom) yang disebut sebagai maksum juga dapat dibandingkan dengan ajaran Syiah

²⁰¹ Allama Majlisi, *Haqqul Yakin*, hlm 347

²⁰² Muhibbudeen Al-Khateeb ,op. cit, hlm 38

²⁰³ Allama Majlisi, op. cit, hlm 527

yang mendakwa bahawa 'Imam-Imam Syiah' semuanya adalah maksum.

Daripada pemerhatian di atas amat mudah untuk mengesan agenda Yahudi yang menggunakan 'modus operandi' yang hampir sama untuk memecah-belahkan kesatuan umat Islam dari dalam.

Dalam hal ini, golongan Syiah telah melakukan sebesar-besar pendustaan dengan mengketengahkan beribu-ribu riwayat palsu yang didakwa bersumber daripada ahlul-bait sendiri, khususnya daripada Muhammad Al-Baqir, Jaafar A-Sadiq, Musa Al-Kazim dan Hassan Askari²⁰⁴. Perawi-perawi utama dari golongan Syiah seperti Abu Basir dan Zurarah mendakwa bahawa mereka amat rapat dengan Imam Muhammad bin Baqir dan Imam Jaafar Sadiq. Kononnya imam-imam ini telah mengajar mereka doktrin-doktrin Syiah secara sulit apabila tiada orang lain beserta mereka (iaitu mengamalkan konsep *taqiyyah*). Dalam makna lain, apa yang diajar oleh imam-imam ini secara terbuka adalah berbeza dengan apa yang diajar kepada 'confidant' mereka secara sulit dan tertutup!! Oleh itu Abu Basir dan Zurarah telah mengada-adakan berbagai riwayat palsu secara bebas lepas atas nama ahlul-bait Rasulullah SAW yang mulia ini. **Di sinilah letaknya intipati kepalsuan ajaran Syiah Rafidhah.**

Riwayat-riwayat palsu yang sebenarnya direka-reka oleh ulamak-ulamak Syiah ini bukan sahaja telah ditolak mentah-mentah oleh ijmak ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah, malahan pendapat yang mengatakan riwayat-riwayat tersebut bersumber daripada ahlul-bait Rasulullah SAW sendiri disanggah sekeras-kerasnya.

Hakikatnya, yang disebut sebagai 'Imam-Imam Syiah' itu merupakan ahlul-bait Rasulullah SAW yang bertaqwa, berilmu dan daripada golongan Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang tidak ada kena mengena dengan kebatilan ajaran-ajaran Syiah Rafidhah. Mereka menjalankan tugas menyampaikan dakwah dan ajaran Islam secara tegas, telus dan tulus, tidak ada bezanya apa yang diajar dalam tempat terbuka dengan tempat yang tertutup sebagaimana yang dibuat oleh nenek moyang mereka sehingga kepada Rasulullah SAW sendiri. Menuduh Imam Al-Baqir, Imam Jaafar Sadiq dan yang lainnya sebagai pengamal *taqiyyah* dalam seruan kepada ajaran Islam adalah seolah-olah meletakkan mereka pada taraf munafik, dan ini merupakan sebesar-besar pendustaan atas

²⁰⁴ Contohnya kitab Syiah yang bertajuk *Al-Jamiul Kafi* yang dianggap sama nilai dan mertabatnya seperti kitab Sahih Bukhari pegangan Ahlus Sunnah Wal Jamaah mempunyai 4 jilid, 2500 halaman dan 16000 riwayat dan athar.

mereka yang sama sekali tidak boleh diterima oleh pengikut-pengikut Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Satu lagi pendustaan ajaran Syiah ialah menggalakan ziarah ke kubur Imam Hussein kononnya mengikut kenyataan 'Imam Syiah' seperti berikut: "*Setiap langkah bagi menziarahi kubur Al-Husein akan menjaminnnya satu tempat di dalam syurga.*" Sedangkan Sayyidina Ali dan waris baginda yang disebut sebagai 'Imam-Imam Syiah' itu tidak pernah berbuat demikian. 'Fatwa' tersebut yang dibuat oleh ketua Syiah Rafidhah, bukan ahlul-bait Rasulullah SAW, sebenarnya hanya bermula pada zaman pemerintahan Syah Ismail al-Safawi (907H) di Iran dalam awal abad ke 16M²⁰⁵

Kesimpulannya, melalui dakyah golongan Syiah yang mendapat sebaran meluas di atas platform institusi-institusi pendidikan Orientalis serta pengikut-pengikut mereka, ahlul-bait *awallun* yang kebanyakannya adalah para mubaligh, ahli-ahli ibadat, ahli-ahli sufi, dan ahli-ahli zuhud yang salih, ikhlas dan amat berjasa itu telah dilabel sebagai golongan syiah supaya kemurnian imej mereka tercemar. Apabila riwayat-riwayat palsu sewenang-wenangnya didakwa bersumber daripada mereka, apabila golongan Syiah sesuka hati mendakwa bahawa imam-imam mereka, iaitu 'Imam-Imam Syiah' semuanya adalah ahlul-bait Rasulullah SAW belaka, maka terpalitlah kepalsuan yang dilontarkan oleh puak Syiah yang tidak bertanggungjawab kepada ahlul-bait dan mencemarkan nama baik mereka, seolah-olah ahlul-bait sendiri yang menaikkan diri mereka. Dan apabila amalan-amalan Syiah didakwa sebagai anjuran dan amalan-amalan ahlul-bait, ianya membawa implikasi seolah-olah ahlul-bait Rasulullah SAW sendiri yang merestui, mendokong dan menerajui firqah Syiah.

Umat Islam dari kalangan pengikut Ahlus-Sunnah Wal Jamaah yang mengetahui kesesatan Syiah Rafidhah tetapi dalam masa yang sama tidak tahu menahu tentang ajaran Islam yang sebenarnya berkaitan dengan kepentingan, keutamaan dan kelebihan ahlul-bait Rasulullah SAW sudah tentu tidak akan teragak-agak untuk melabel kesemua ahlul-bait sebagai golongan Syiah. Dalam lain makna, apabila disebut mengenai ahlul-bait maka terus tergambar amalan-amalan Syiah yang sesat, khurafat dan tahyul²⁰⁶ belaka itu. Hal ini menjelaskan mengapa penyebaran

²⁰⁵ Sulaiman Noordin, op cit, hlm 340

²⁰⁶ Contohnya amalan *taqiyyah* (pembongkaran), menghukum kafir para sahabat Rasulullah SAW dan mencela Ummahatul Mukminin, nikah muta 'ah, membantai-bantai diri di Hari Asyura dan sebagainya.

agama Islam di Alam Melayu pernah dikaitkan oleh golongan Orientalis dan Modenis dengan penyebaran fahaman Syiah, hanyasanya ramai dari kalangan mubaligh dan alim ulamak yang bertanggungjawab dalam usaha mengembangkan Islam tersebut tidak lain melainkan dari golongan ahlul-bait Rasulullah yang pada hakikatnya bermazhab Syafiee, terutamanya yang datang dari bumi Hijaz, Hadhramaut dan Gujerat.

***Anti-Hadeeth sebagai jarum Yahudi*²⁰⁷**

Fahaman Anti-Hadeeth atau Ingkaru Sunnah adalah salah satu alternatif para Orientalis musuh Islam untuk menjatuhkan Islam dari dalam. Fahaman ini lahir dalam tahun 1874M hasil pemikiran seorang Orientalis Yahudi bernama Prof. Dr. Goldziher. Dia dilahirkan di Hungaria sekitar tahun 1850M dan meninggal sekitar tahun 1921M. Dia seorang keturunan Yahudi tulen. Kedua ibu bapanya adalah tukang emas di Hungaria dan beragama Yahudi.

Dalam usia yang cukup muda iaitu 19 tahun Goldziher dilantik menjadi Doktor dalam bidang ISLAMOLOGI di Jerman dibawah bimbingan Prof. Rodiger. Goldziher mendapat biasisiwa untuk belajar di Universiti Al-Azhar di Mesir pada tahun 1873-1874M guna memperdalam pengetahuannya mengenai Ilmu Islam. Ini dilakukan bukan untuk melabur bakti untuk Islam dan penganutnya bahkan bermaksud menghancurkan Islam dari dalam dengan mencetuskan fahaman Ingkaru Sunnah atau Anti-Hadeeth, kerana ia yakin bila hal ini diterima oleh umat Islam, pasti Islam sendiri akan hancur dari dalam.

Ia seperti orang belajar silat bertujuan untuk menjatuhkan ahli silat dengan demikian dia belajar Agama Islam untuk menghancurkan Islam.

Selama 30 tahun, yakni antara tahun 1876-1904M Goldziher menjadi Setiausaha Masyarakat Israel Moden di Budapest. Dan selama 14 tahun (1900-1914M) beliau mengajar Filsafat Agama Yahudi di Jewish Theological Seminary (Sekolah Misi Ketuhanan Yahudi) Budapest.

Banyak murid-muridnya yang tersebar di merata dunia untuk meneruskan gagasan Goldziher dalam mengembangkan fahaman Ingkaru Sunnah. Malahan murid-muridnya sekarang sudah mempunyai murid lagi. **Secara sistematik mahasiswa-mahasiswa yang belajar Islamologi di Perguruan Tinggi/Universiti di Barat nampaknya sengaja dibina untuk merubah cara berfikir mahasiswa Islam yang ingin mendapat**

²⁰⁷ Keseluruhan teks pada topik ini dipetik dari buku karangan Hj Isa Ismail dan Yusof Hj Wanjor bertajuk : “*Anti Hadeeth jarum Yahudi*”, Thinkers Library Sdn Bhd, 1996, hlm1-3

gelaran Professor, Doktor dan sebagainya. Memang sukar sekali belajar Islam pada orang kafir jika akidah tidak kuat, boleh menjauhkan diri dari agama sekalipun mulutnya masih komat-kamit mengaku dirinya Muslim²⁰⁸. Mereka secara perlahan-lahan tetapi pasti keluar dari Islam seperti keluarnya rambut dari tepung.

Orang-orang Yahudi membuat kesimpulan yang cukup berguna iaitu mereka tahu semakin banyak orang Islam mendapat gelaran sarjana semakin ceteklah cara berfikir mereka tentang Islam, kecualli yang ikhlas. Mereka inilah nantinya yang menjadi trompet di negara-negara Islam untuk mempengaruhi umat Islam dengan slogan PEMBAHARUAN ISLAM, guna merosak akidah dan keyakinan umat Islam dengan dengan bermacam-macam taktik dan cara, iaitu:

1. Dengan slogan Pembaharuan Islam, mereka menyebarkan fahaman sekular.
2. Dengan slogan Pembaharuan Islam, mereka menyebarkan faham Ingkaru Sunnah/Anti-Hadeeth
3. Dengan slogan Pembaharuan Islam, mereka bebas manipulasi mahasiswa-mahasiswa Islam.
4. Dengan slogan Pembaharuan Islam, mereka meracuni keyakinan mahasiswa dan umat Islam.

Pendeknya dengan ‘*Tameng Pembaharuan Islam*’ terbukalah jalan bagi mereka untuk memporak perandakan akidah dan keyakinan umat Islam. Oleh kerana telah terperangkap dengan slogan-slogan tersebut, akhirnya umat Islam menjadi terpengaruh dengan semboyan ‘*Pembaharuan*’.

Secara tidak langsung, dengan membaca buku-buku yang ditinggalkan oleh bapa aliran sesat Anti-Hadeeth/Ingkaru Sunnah ini (Prof Dr Goldziher) sebanyak 200 judul, kini kakitangan Goldziher sudah tersebar dimana-mana terutama sekali mereka yang mengecap pendidikan di Perguruan Tinggi dan Universiti yang dikelola oleh jaringan ZIONIS INTERNASIONAL.

²⁰⁸ Rasulullah SAW bersabda : “ *Akan keluar satu kaum Akhir Zaman, orang-orang muda berfaham jelek. Mereka banyak mengucapkan perkataan ‘Khairil Bariyah’ (maksudnya Firman-Firman Allah yang dibawa oleh Nabi). Iman mereka tidak melampaui kerongkongan mereka. Mereka keluar dari agama sebagai meluncurnya anak panah dari busurnya. Kalau orang-orang ini berjumpa denganmu lawanlah mereka.*” (HR Imam Bukhari)

LAMPIRAN B

Yahudi masakini kebanyakannya bukan Bani Israel

Apa yang ironisnya mengenai tuntutan Yahudi keatas tanah Baitul Muqaddas atau Jerusalem itu adalah hakikat bahawa kebanyakan dari golongan ini bukanlah bangsa Bani Israel yang sebenar.

Ahli-ahli pengkaji salasilah dan bangsa-bangsa manusia telah bersepakat dalam merumuskan bahawa 90% daripada umat Yahudi antarabangsa masakini bukan bangsa semitik, iaitu dari titisan Bani Israel yang asal. Sedangkan orang-orang Yahudi pun mengakui bahawa 10 daripada 12 suku mereka telah kehilangan iaitu Ra'awbeen, Shamoun, Zbolon, Yesaker, Dan, Jad, Asheer, Navtali, Afraym dan Mensi ²⁰⁹. Bermakna yang tinggal hanyalah suku Yahuda dan Bunyamin.

Dalam perkara ini, perlu ditekankan bahawa kebanyakan sejarahwan Barat membahagikan kaum Yahudi yang wujud pada hari ini kepada dua kelompok besar; Pertamanya mereka yang sememangnya berketurunan secara langsung daripada titisan Nabi Ibrahim AS yang dikenali sebagai kaum Semitik (bangsa Arab dan Bani Israel).

Golongan Kedua ialah orang-orang Eropah yang menganut agama Judaisme sedangkan mereka bukan berasal dari titisan Nabi Ibrahim AS, iaitu bukan kaum Semitik tetapi berasal dari darah etnik Turki-Finnish yang berhijrah ke wilayah Eropah dari Asia sekitar abad pertama Masihi. Mereka dikenali sebagai kaum Khazar kerana pernah mempunyai suatu kerajaan yang besar di Eropah Timur dan utara Laut Hitam dalam abad kelapan Masihi. Bagaimanapun mereka ditewaskan oleh Russia pada abad ke 13M.

Semenjak itu mereka telah merancang untuk mengambil semula wilayah tersebut sehingga akhirnya berjaya mencetuskan Revolusi Bolshevik 1917M yang menggulingkan Dinasti Tsar Russia. Semenjak itu terbentuklah kerajaan Komunis Russia.

Oleh itu bolehlah disimpulkan bahawa kaum Yahudi di Eropah Barat adalah berketurunan Bani Israel yang asal, sedangkan Yahudi di Eropah Timur dan Russia adalah bangsa Khazar yang sesekali berhijrah ke Eropah Barat dan Amerika.

Bagaimana halnya tentang orang-orang yang bukan berasal dari kaum semitik yang mengakui sebagai umat Yahudi boleh diterima

²⁰⁹ Akira Ore, 'Who is a Jew in the Jewish State', Dar I-Hamraa Publishing, Beirut, 1993, hlm 147

sebagai Bani Israel? Dalam buku *'Israeli empire collapses in 2022'*, hlm 42-43²¹⁰, jawabannya dirumuskan seperti berikut;

1. *"....maka apabila amaran kedua berlalu, kami himpulkan kalian dalam satu kelompok yang bercampur baur."* (Al-Israa': 104)

Maksud dari ayat dia atas adalah '... himpulkan kamu dari selerakan (diaspora) asal-usul yang berlainan'.

2. Orang-orang Yahudi menekankan bahawa negara mereka adalah 'Israel'. **Bermakna mereka mengikat keturunan kepada syarat kenegaraan**, maka jadilah mereka golongan Bani Israel.

3. Dalam hukum Allah, yakni Islam, manusia tidak diadili berdasarkan asal-usul dan keturunan, tetapi semata-mata atas dasar kepercayaan dan pengamalan mereka. Bani Israel mengikuti ajaran Judaism yang terang-terang terpesong. Bermakna sesiapa yang menganut agama Judaisme dan mengikuti ajaran serta undang-undang Yahudi adalah dianggap sebagai umat Yahudi.

4. Hubungan pengikut sebenar adalah bersandarkan kepada ketaatan. Dalam ayat Al-Quran yang berikut di sebut:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu angkat Yahudi dan Nasrani menjadi wali. Sebahagian mereka menjadi wali bagi yang lain. Barangsiapa mengangkat mereka itu diantara kamu, maka sesungguhnya ia masuk golongan mereka. Sungguh Allah tiada menunjuki kaum yang aniaya." (Al-Maaidah:51)

Kesimpulannya, walaupun kebanyakan umat Yahudi hari ini bukan berasal dari titisan Bani Israel yang asal, mereka tetap dianggap Yahudi berdasarkan kepada kepercayaan, anutan serta pengamalan mereka kepada agama Judaisme.

"Barangsiapa mendengar ada Dajjal maka hendaklah ia bersembunyi darinya. Demi Allah ada seseorang yang mendatangnya dan dia mengira bahawa ia beriman lantas dia mengikutinya (Dajjal) kerana banyak subhat dan kesamaran yang mengikutinya."
(HR Abu Daud & Al-Hakim)

²¹⁰ Bassam Nihad Jarrar (Ramallah) (edited by Mohd Yasin Owadally), *'Israeli empire collapses in 2022'*, A.S Noordeen, 2003

LAMPIRAN C

Hadeeth Mengenai Dajjal

Dari Abu Umamah Al-Bahili RA ia mengkhabarkan bahawa Rasulullah SAW memberi nasihat kepada kami, dan kebanyakan nasihat baginda itu menyinggung tentang Dajjal dan mengingatkan kami agar berhati-hati dalam menghadapinya. Diantara nasihat baginda adalah :

“Tiada fitnah yang lebih besar di mukabumi ini sejak penciptaan keturunan Adam yang melebihi fitnah Dajjal. Dan tiadalah Allah mengutus para utusan, kecuali mereka itu telah memperingatkan umatnya tentang Dajjal. Dan aku adalah akhir para utusan, dan kamu pula adalah akhir dari segala umat. Ingatlah, Dajjal itu pasti datang kepada kamu tanpa diragukan lagi. Jika ia keluar saat aku berada disamping kamu, maka akulah yang akan menjadi pembela bagi semua umat Islam. Namun jika ia keluar selepas kematianku, maka masing-masing kamu adalah pembela bagi dirinya sendiri. Dan Allahlah yang menjadi penggantikku bagi semua orang Islam. Ia akan muncul dari antara kota Syam dan Iraq. Lalu menjelajah semua negara yang berada di kanan kirinya.

*Wahai para hamba Allah! Tetapkanlah hati kamu (keimanan kamu). Aku akan menjelaskan kepada kamu tentang sifat-sifatnya yang belum pernah dijelaskan oleh mana-mana Nabi sebelumku: Dia akan mendakwa: Aku adalah Nabi dan tak ada Nabi lain sesudahku! Kemudian dia akan memuji-muji dirinya seraya berkata kepadamu: Akulah tuhanmu. **Ingatlah, kamu tidak akan dapat melihat Tuhanmu sehingga kamu mati.** Ingatlah Dajjal itu adalah buta sebelah matanya, sedang Tuhan kamu tiadalah demikian. Dan sesungguhnya telah tertulis diantara dua matanya kata-kata ‘kafir’ yang dapat dibaca oleh seluruh orang Islam, baik oleh yang mengerti tulisan atau tidak.*

*Dan diantara fitnah Dajjal bahawa dalam tangannya semacam syurga dan neraka. Dan kadang-kadang syurga yang dimunculkan, sedang syurganya itu sebenarnya adalah neraka. Barangsiapa yang diuji dengan siksaan nerakanya, maka hendaklah ia memohon pertolongan kepada Allah serta **bacalah pembukaan surah Al-Kahfi**. Maka neraka Dajjal itu kelak akan terasa dingin baginya seperti dinginnya api terhadap Nabi Ibrahim.*

Dan diantara fitnahnya lagi, bahawa ia akan berkata kepada seseorang,” Bagaimanakah pendapatmu jika aku membangkitkan ayahmu dan ibumu, apakah kamu akan bersaksi bahawa aku adalah Tuhanmu?” Dia menjawab, “Ya.” Kemudian ada dua syaitan yang menyerupakan diri

dengan ayah dan ibunya, lantas keduanya berkata, “Wahai anakku, ikutilah dia, sesungguhnya dia adalah tuhanmu.”

Diantara fitnahnya lagi bahawa ia akan mempamirkan kemampuannya. Ia memanggil seorang hamba (di hadapan beribu manusia) lalu menggergaji hamba itu sehingga menjadi dua bahagian. Ia berkata: Lihatlah hamba ini. Aku akan menghidupkannya kembali dan pasti ia akan mengakui bahawa tiada tuhan selainku. Maka Allah menghidupkan hamba itu, dan Dajjal bertanya kepadanya: Siapakah tuhanmu? Hamba itu menjawab: Tuhanku adalah Allah sedang engkau adalah musuhNya. Engkaulah yang bernama Dajjal. Dan sungguh aku dapat melihat kewujudanmu saat ini.

Dan diantara fitnahnya lagi bahawa ia akan memerintahkan langit agar menurunkan hujan, maka hujan akan turun pada saat itu pula. Ia akan memerintahkan bumi agar menumbuhkan sesuatu, maka bumi akan menumbuhkan sesuatu yang diinginkannya. Dan diantara fitnahnya lagi bahawa ia tiada berjalan di hadapan orang-orang yang masih hidup, lalu mereka mendustakannya kecuali semua harta benda yang dimilikinya akan mati dan hancur semuanya.

Diantara fitnahnya lagi bahawa ia tiada berjalan di hadapan suatu kaum, lalu mereka membenarkannya, maka dia lalu memerintah agar hujan turun kepada mereka, dan agar bumi mengeluarkan tumbuh-tumbuhannya, melainkan hujan pun turun dan bumi pun mengeluarkan segala tetumbuhannya sehingga dari saat itu menjadi gemuklah semua binatang peliharaan mereka itu serta mengeluarkan susu yang banyak.

Dan ketahuilah, bahawa tiada satu tempat di bumi ini kecuali akan dijelajahnya, akan dilontarkan segala fitnahnya, melainkan Kota Mekah dan Madinah. Ia terus berusaha memasukinya, namun tiada satu celah di kedua kota itu kecuali terdapat Malaikat yang menjaganya dengan pedang terhunus. Akhirnya sampailah ia ke Zhuraib Ahmar, pada persimpangan Subakhah. Ketika itu Kota Madinah akan mengalami gempa tiga kali yang sungguh membimbangkan sekalian penghuninya, maka tiada seorang munafik baik lelaki mahupun wanita kecuali keluar menemui Dajjal. Maka dengan itu bersihlah Kota Madinah dari semua orang yang kotor laksana dibersihkannya karat dari besi. Barulah Kota Madinah saat itu disebut sebagai kota yang bersih.

Maka Ummu Syarik binti Abil Akar bertanya : Ya Rasulullah! Di hari itu di manakah orang-orang Arab berada? Baginda menjawab:

Orang-orang Arab di hari itu jumlahnya sedikit sekali. Sedang yang terbanyak dari mereka tinggal di Baitul Maqdis. Pemimpin mereka adalah

seorang laki-laki yang soleh (Al-Mahdi Al-Muntazar). Ketika pemimpin itu akan mengerjakan solat subuh dengan berjemaah, tiba-tiba Isa bin Maryam muncul diantara mereka. Pemimpin itu mundur ke belakang serta mempersilakan Isa untuk menjadi imam solat mereka. Maka Isa meletakkan tangannya ke pundak orang itu seraya berkata: Majulah dan solatlah bersama kami, sesungguhnya solat itu telah diqamatkan untuk anda. Maka mereka solat dengan pemimpin itu menjadi imam. Sempurna pekerjaan solat, Isa lalu berkata: Bukalah pintu itu! Maka pintu dibuka. **Isa mengadap Dajjal yang berkumpul dengan tujuh puluh ribu orang Yahudi** yang di tangan setiap mereka terdapat pedang terhunus.

Apabila Dajjal melihat Isa bin Maryam, maka menyusutlah tubuhnya bagaikan menyusut garam yang ditimpa air. Ia cuba melarikan diri, tetapi Nabi Isa mengejanya seraya berkata : Engkau terhutang padaku suatu pukulan yang belum pernah engkau rasakan sebelum ini! Nabi Isa AS mengejanya terus hingga sampai di pintu Ludd. Kemudian baginda membunuhnya!

Maka Allah akan menghancurkan semua orang Yahudi. Dan tiada diantara mereka yang bersembunyi di bawah segala sesuatupun, kecuali sesuatu itu akan berbicara dan menunjukkan orang Yahudi itu untuk dibunuhnya. Baik batu pepohonan, kebun, tembok bahkan binatang sekalipun-kecuali pohon farqad sahaja sebab dia pohon milik orang Yahudi yang tiada boleh berbicara-melainkan akan berkata: Wahai hamba Allah yang Muslim! Ini di belakangku seorang Yahudi, mara kemari untuk membunuhnya!

Masa penjelajahan bumi oleh Dajjal adalah empat puluh tahun. Namun masa setahun ketika itu adalah sama dengan setengah tahun, kemudian setahun sama seperti sebulan, sebulan sama seperti seminggu. Dan hari-hari berikutnya adalah bagai bara api layaknya. Dan seseorang kamu akan berada di hadapan pintu Kota Madinah dan ia tidak akan sampai dapat memasukinya melainkan setelah berlalu sehari suntuk.

Ada seorang bertanya: Ya Rasulullah! Bagaimanakah kami solat di hari yang pendek itu? Jawab baginda: Kamu harus mengukur waktu solat di saat itu sebagaimana kamu mengukurnya di hari yang panjang di saat ini. Kemudian mereka solat.

Baginda meneruskan sabdanya: Isa bin Maryam akan menjadi Hakim yang adil dan pemimpin yang lurus bagi kamu. Baginda akan menghancurkan salib, membunuh babi, menghapuskan perpajakan dan meninggalkan sedekah. Di saat itu tak usah digembalakan lagi baik sapi mahupun unta. Baginda akan menghilangkan dendam kesumat dan rasa saling membenci antara seseorang dengan yang lain. Akan hilang rasa

permusuhan antara satu dengan yang lain, sehingga seorang anak kecil tidak takut lagi memasukkan jari tangannya ke mulut ular, sebab ular itu tidak akan menggigitnya. Begitu pula halnya ia akan bermain-main dengan singa, dan singa pun tidak akan membahayakannya. Dan di saat itu serigala berteman akrab dengan kambing, bahkan boleh dikatakan serigala itu akan menjadi penjaganya. Di masa itu bumi akan dipenuhi kesejahteraan seperti terpenuhnya suatu wadah dengan air. **Agama di masa itu hanyalah satu macam, yaitu hanya menyembah Allah SWT.** Juga di saat itu tidak ada peperangan sedikitpun. **Di hari itu kaum Quraisy kembali memperoleh keagungannya.** Dan bumi di saat itu bagaikan putihnya warna perak, yang dapat menumbuhkan sesuatu seperti di masa Nabi Adam, yakni sangat subur sekali, sehingga suatu kaum dapat kenyang bersebab makan sedompok buah anggur, dan bersebab sebiji delima. Dan harga sapi disaat itu adalah sekian....sekian, sedang harga kuda adalah beberapa dirham sahaja.

Kemudian seorang lain pula bertanya: Ya Rasulullah! Mengapa harga kuda murah sekali? Jawab baginda: Sebab kuda di saat itu tidak dipergunakan untuk berperang.

Lalu mengapa sapi mahal? Jawab baginda: Sebab dipergunakan untk membajak tanah.

Dan ketahuilah sesungguhnya **tiga tahun sebelum kedatangan Dajjal bumi akan berada dalam keadaan kering kontang sama sekali.** Semua manusia dilanda kelaparan yang dahsyat. Ditahun pertama Allah menitahkan agar hujan menahan sepertiga airnya. Pada tahun kedua Allah menitahkan agar hujan menahan dua pertiga airnya; bumi menahan dua pertiga tumbuh-tumbuhannya. Sedang pada tahun ketiga, Allah menitahkan agar hujan menahan semua airnya, sehingga tidak setitis pun air yang turun dari langit. Dan menitahkan bumi agar menahan semua yang ditumbuhkannya sehingga tidak ada sesuatu pun yang ditumbuhkannya, bahkan mana-mana tumbuhan yang tinggal semuanya menjadi kering dan binasa.

Seorang lagi bertanya: Lalu apakah manusia akan hidup saat itu? Baginda menjawab: **Mereka akan hidup menerusi Tahlil, Tahmid, Takbir dan Tasbih.** Dan kesemua itu menjadi pengganti makanan mereka.

(HR Ibnu Majah, Abu Dawud, Al-Hakim- Hadeeth Sahih dengan syarah Muslim)²¹¹

²¹¹ Dipetik dari buku *Kemunculan Isa bin Maryam di Akhir Zaman* oleh Imam as-Sayuthi. Terjemahan oleh Syed Ahmad Semait dan Muhammad Fauzi Ali Zahra. Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura, 1990. hlm 71

LAMPIRAN D
Perbezaan yang sangat prinsipal antara kaum Ahlus
Sunnah Wal Jamaah dengan beberapa Firqah lain.

Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah	Iktiqad Firqah Lain
<ol style="list-style-type: none"> 1. Khalifah yang pertama Sayyidina Abu Bakar, kedua Sayyidina Umar, ketiga Sayyidina Uthman RA. 2. Khalifah boleh diangkat dengan musyawarah Ahlul halli wal 'aqdi, 3. Khalifah orang biasa, tidak maksum, tidak menerima wahyu. 4. Tidak mempercayai adanya Khalifah Ghaib. 5. Kepercayaan kepada Khalifah bukan Rukun Iman. 6. Kitab kedua adalah Kitab Hadeeth Bukhari. 7. Mas-haf yang sah ialah Mas-haf Othman. 8. Erti Ahlul-Bait ialah famili-famili, termasuk isteri Nabi. 9. Tidak menganut faham 'Wahdatul Wujud' (serba Tuhan) 	<p style="text-align: center;"><u>SYIAH</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ketiga-tiganya terkutuk kerana merampas Khalifah dari tangan Sayyidina Ali. Imam yang pertama ialah Sayyidina Ali. 2. Imam harus ditunjuk oleh Nabi Muhammad SAW, dengan wasiat. 3. Imam masih menerima wahyu dan maksum. 4. Percaya adanya Imam Ghaib yang akan keluar Di Akhir Zaman 5. Percaya kepada Khalifah salah satu Rukun Iman. 6. Kitab kedua adalah Al Kafi karangan Ya'qub Al Kulini. 7. Mas-haf yang sah ialah Mas-haf Ali 8. Erti Ahlul-Bait hanyalah keturunan Ali dengan Siti Fatimah. 9. Menganut faham 'Wahdatul Wujud' (serba Tuhan)

Bersambung

<p style="text-align: center;">Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah</p>	<p style="text-align: center;">Iktiqad Firqah Lain</p>
<p>10. Islam sudah cukup pada waktu Nabi Muhammad SAW wafat</p> <p>11. 'Taqiyyah' bukan Rukun Iman.</p> <p>12. Raj'ah tidak ada</p> <p>13. Dan lain-lain</p>	<p style="text-align: center;"><u>SYIAH</u></p> <p>10. Islam belum cukup ketika itu kerana masih ada wahyu -wahyu Illahi untuk Imam-Imam Syiah.</p> <p>11. 'Taqiyyah' juga salah satu Rukun Iman.</p> <p>12. Mempercayai adanya Raj'ah.</p> <p>13. Dan lain-lain</p>
<p>1. Mendo'a bertawassul adalah menurut Sunnah.</p> <p>2. Perjalanan dengan maksud ziarah adalah Sunnah</p> <p>3. Kubbah di atas kubur boleh, apalagi di atas kubur Nabi dan ulamak-ulamak.</p> <p>4. Menghisap rokok boleh.</p> <p>5. Dan lain-lain</p>	<p style="text-align: center;"><u>WAHABI</u></p> <p>1. Mendo'a bertawassul adalah syirik.</p> <p>2. Perjalanan dengan maksud ziarah adalah perjalanan maksiat.</p> <p>3. Kubbah diatas kubur haram.</p> <p>4. Menghisap rokok haram.</p> <p>5. Dan lain-lain</p>

Bersambung

Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah	Iktiqad Firqah Lain
	<u>IBNU TAIMIYYAH</u>
<ol style="list-style-type: none"> 1. Tuhan tidak duduk bersila diatas ‘Arsy. 2. Tuhan tidak turun dari langit pada separuh terakhir dari malam. 3. Berjalan ziarah ke makam Nabi di Madinah adalah perjalanan ibadat. 4. Doa bertawassul adalah Sunnah. 5. Thariqat-thariqat Sufiyyah adalah Thariqat yang baik 6. Dan lain-lain 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tuhan duduk bersila diatas ‘Arsy serupa duduknya Ibnu Taimiyyah. 2. Tuhan turun dari langit separuh terakhir dari malam serupa turunnya Ibnu Taimiyyah dari mimbarinya. 3. Perjalanan ziarah ke makam Nabi di Madinah adalah perjalanan maksiat. 4. Doa bertawassul adalah . syirik. 5. Thariqat-thariqat Sufiyyah adalah bid’ah dan haram 6. Dan lain-lain
	<u>MUKTAZILAH</u>
<ol style="list-style-type: none"> 1. Buruk dan baik ketentuan Allah dalam Quran dan 2. Quran dan Hadeeth di atas akal. 3. Quran Kalam Allah yang Qadim. 4. Tuhan boleh dilihat apalagi dalam Syurga. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Buruk dan baik ditentukan akal manusia. 2. Quran dan Hadeeth di bawah akal. 3. Quran adalah makhluk sama dengan makhluk yang banyak. 4. Tuhan tidak bisa dan tidak boleh dilihat walaupun dalam Syurga.

Bersambung

Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah	Iktiqad Firqah Lain
<p>5. Pekerjaan manusia dijadikan Tuhan.</p> <p>6. ‘Arsy dan Kursi ada.</p> <p>7. Mukjizat Nabi ada selain Al-Quran (seperti keluar air dari anak jari baginda.)</p> <p>8. Keramat-keramat Wali dan orang-orang soleh ada.</p> <p>9. Menjauhkan diri dari mencaci maki para sahabat Nabi.</p> <p>10. Dan lain-lain</p>	<p style="text-align: center;"><u>MUKTAZILAH</u></p> <p>5. Pekerjaan manusia dijadikan Dijadikan manusia.</p> <p>6. ‘Arsy dan Kursi tidak ada.</p> <p>7. Mukjizat Nabi tidak ada selain Al-Quran.</p> <p>8. Keramat-keramat tidak ada.</p> <p>9. Lancang mulut mereka mencaci maki sahabat Nabi yang dianggap berbuat salah.</p> <p>10. Dan lain-lain</p>

Pen: Dan ‘Mazhab Orientalis’ yang bersifat caca-merba, iaitu campur aduk antara ajaran Ahlus Sunnah dengan firqah batil.

LAMPIRAN E

Beberapa perkara yang bersangkutan dengan pegangan Mazhab Empat²¹²

Kelayakan Imam-Mujtahid

Syarat mutlak bagi seseorang yang hendak menjadi Imam Mujtahid ialah pakar. Jikalau orang awam cuba-cuba hendak menjadi Mujtahid maka akan rosak dan hancurlah agama dan menjadi porak perandalah hukum-hakam agama Islam yang suci. Dapatkah orang yang tidak pernah belajar hukum menjadi hakim yang baik dalam Negara Hukum? Sudah pasti tidak. Kerana jikalau orang yang bukan ahli hukum mencuba menjadi Hakim, maka hukum itu akan diinjak-injaknya dan ia akan menjalankan hukum rimba yang berdasarkan falsafah '*Siapa kuat dia kudrat*'.

Secara ringkasnya, sesiapa yang hendak menjadi Imam Mujtahid, iaitu orang-orang yang bertugas mengeluarkan hukum dari dalam Al-Quran dan Hadeeth perlu memenuhi beberapa syarat berikut;

1. Mengetahui Bahasa Arab sedalam-dalamnya kerana Al-Quran dan Hadeeth diturunkan Tuhan dalam Bahasa Arab yang fasih dan tinggi mutunya, pengertiannya luas dan mendalam. Ini termasuklah mempelajari semahir-mahirnya ilmu-ilmu yang bersangkutan dengan Bahasa Arab seperti Nahu, Sorof, Bayan, Badi', Balaghah, 'Aurudh dan Qawafi, kerana dengan ilmu-ilmu tersebut baru dapat mengetahui mana-mana ayat yang bersifat umum, khusus, yang berbentuk suruhan, larangan, pertanyaan, yang nash (nyata), yang majaz (tersirat), yang mutlak, muqayyad, hikayat dan sebagainya.
2. Mahir dalam hukum-hakam Al-Quran, yakni diketahui lebih dahulu mana diantara ayat Al-Quran itu yang umum sifatnya, yang khusus, mujmal, mubayyan, mutlak, muqayyad, zahir, nash, nasikh, mansukh, muhakkam, mutasyabih dan sebagainya. Untuk mengetahui hal ini harus mengerti Ilmu Usul Feqah.
3. Mengerti akan isi dan maksud Al-Quran pada keseluruhan 30 juzuknya. Pada ketika ia berijtihad dalam sesuatu masalah semua isi Al-Quran terbayang di kepalanya sehingga tidak menimbulkan hukum yang bertentangan dengan salah satu dari ayat-ayat Al-

²¹² Lampiran E dan Lampiran F dalam buku ini dipetik daripada buku K.H Sirajuddin Abbas yang bertajuk '*Iktiqad Ahlus Sunnah Wal Jamaah*' (1992) dan '*Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafiee*' (1991), Pustaka Tarbiyyah, Jakarta.

Quran itu. Adalah tidak mungkin bagi seseorang Imam Mujtahid kalau ia hanya mengetahui 10, 20, atau 100 ayat sahaja, kerana ayat-ayat Al-Quran sangkut-bersangkut antara satu dengan yang lain.

Menurut perkataan Imam Ibnul Arabi Al-Maliki, pengarang kitab Tafsir '*Ahkamul Quran*', bahawa gurunya mengatakan padanya, bahawa dalam surah Al-Baqarah sahaja terdapat 1000 perintah, 1000 larangan, 1000 hukum, 1000 berita (*Ahkamul Quran*, jilid 1, halaman 8).

4. Mengetahui '*Asbabun-Nuzul*' bagi setiap ayat itu, yakni mengetahui sebab maka ayat itu diturunkan. Seperti dimaklumi bahawa ayat-ayat suci Al-Quran bukan diturunkan sekaligus, tetapi beransur-ansur selama 23 tahun. Setiap ayat yang diturunkan itu kerana ada perlunya, umpama menjawab suatu pertanyaan, untuk mengalahkan sesuatu hujjah musuh, untuk suatu khabar yang diperlukan dan atas sebab-sebab lain. Setiap Imam Mujtahid perlu mengetahui *Asbabun-Nuzul* bagi mengelakkannya tersalah mengertikan ayat-ayat itu.
5. Mengetahui Hadeeth-Hadeeth Nabi, sekurang-kurangnya apa yang telah termaktub dalam Kitab-Kitab Hadeeth yang enam, iaitu :
 - a. Sahih Bukhari.
 - b. Sahih Muslim
 - c. Sahih Tarmidzi
 - d. Sunan Nisai
 - e. Sunan Abi Dawud
 - f. Sunan Ibnu Majah

Dan sebaiknya mengerti juga Hadeeth-Hadeeth yang tersebut dalam Musnad Ahmad bin Hanbal, Mustadrak Hakim, Sahih Ibnu Habban, Sahih At-Thabarani, Sunan Daruquthni dan sebagainya.

Hal ini amat perlu kerana hukum-hakam Feqah itu bersumber daripada Al-Quran dan Al-Hadeeth, bukan Al-Quran sahaja, atau kepada aqal atau pendapat manusia sahaja.

6. Berkesanggupan menyisihkan mana-mana Hadeeth yang sahih, yang maudhu' (yang direka-reka oleh musuh-musuh Islam), mana Hadeeth yang kuat, mana yang lemah. Hal ini dapat diketahui dengan mengetahui pula si 'Perawi', yakni keadaannya orang yang meriwayatkan Hadeeth itu. Ini penting, kalau tidak kita akan

terjerumus kepada mengambil Hadeeth-Hadeeth yang palsu, yang cacat, yang lemah dan sebagainya.

7. Mengerti dan tahu pula fatwa-fatwa Imam Mujtahid yang terdahulu dalam masalah-masalah yang dihadapi. Ini sangat perlu, agar setiap Imam Mujtahid tidak terjerumus kepada mengeluarkan hukum yang melawan ijma', iaitu kesepakatan Imam-Imam Mujtahid dalam suatu zaman.

Apakah ada ijthad-ijthad Imam Mujtahid Empat ini yang bersalahan dengan Kitabullah dan Sunnah Rasul ?

Jawapannya tidak ada dan tidak mungkin kerana :

- i. Imam-Imam Mujtahid tidak akan berijtihad, tidak akan mengeluarkan pendapatnya kalau dalam satu masalah yang dihadapinya ada nash dari Quran dan Sunnah Rasul. Mereka hanya berijtihad sekiranya tidak ada nash yang terang dari Kitabullah dan Sunnah Rasul. Ijthad itu datang hanya sesudah tidak ada nash.

Imam-Imam Mujtahid bersepakat menentukan ukuran :

“ Tidak ada ijthad kalau ada nash (yang sudah terang).”

2. Tiap-tiap ijthad Imam Mujtahid bersumber kepada Kitabullah dan Sunnah Rasul. Itulah sebabnya ijthad itu dibenarkan dalam agama bahkan dianjurkan dan diberi pahala, walaupun ijthad itu pada hakikatnya tidak tepat.

Didalam ukuran atau norma ijthad pada Mazhab Syafiee dijelaskan bahawa ijthad itu mesti bersumber kepada Kitabullah dan Sunnah Rasul, TIDAK BOLEH BERSUMBER KEPADA AKAL, kerana agama itu tidak dibina oleh akal, tetapi oleh ALLAH.

3. Imam-Imam Mujtahid yang berempat itu terkenal orang-orang yang taat kepada Allah dan RasulNya. Seluruh umurnya digunakan untuk mentaati Allah dan Rasul. Apakah masuk akal kalau mereka mendurhakai Allah dan Rasul? Tidak masuk akal dan tidak mungkin!!

Kalau ada orang yang menuduh bahawa Imam-Imam Mujtahid membuat hukum agama dengan melawan Allah dan Rasul, maka tuduhan itu adalah tuduhan yang paling keji dan fitnah yang dibuat-buat.

4. Imam-Imam Mujtahid menyuruh orang bertaklid kepada mazhab mereka kerana yakin bahawa ijthad masing-masing tidak ada satupun yang bertentangan dengan Kitabullah dan Sunnah RasulNya. Imam-Imam Mujtahid menyatakan perkataan-perkataan yang hampir serupa yang maksudnya: “ *Cubalah periksa ijthad saya ini, adakah ianya bertentangan dengan Kitabullah dan Sunnah Rasul, kalau ada jangan dipakai, tetapi kalau tidak ada pertentangan, pakailah dan pegang teguhlah.* ” “

Wallahu ‘alam.

Masalah TALFIQ

Setiap orang merdeka memilih mazhab mana yang disukainya yang sesuai dengan hati nuraninya. Kalau ia sudah mengikut kepada sesuatu mazhab, bermakna ia sudah lepas dari hutang keagamaannya. Kalau orang itu pindah dari satu mazhab kepada mazhab yang lain pun boleh juga kerana mazhab Empat telah diakui kebenarannya oleh jumur ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Begitu juga apabila seseorang itu pindah bertaklid kepada Imam lain dari Imamnya dalam lingkungan yang berempat itu juga dalam satu soal, boleh juga tetapi harus memenuhi dua syarat, iaitu :

i. Jangan ada talfiq

Erti talfiq ialah taklid kepada dua orang Imam dalam satu amal ibadat, tetapi kedua Imam yang berkaitan tidak mengakui sahnya amal ibadat itu kerana tidak sesuai dengan ajaran mereka masing-masing.

Contohnya ialah seorang yang mengambil wudhu’ mengikut cara Mazhab Syafiee iaitu hanya menyapu sebahagian kecil dari kepala. Kemudian kainnya dijilat anjing dan ia terus bersolat.

Apabila ditanya kepadanya : “ *Mengapa solat dengan tidak memcuci kain yang dijilat anjing 7 kali (sekali dengan air tanah)?* ” Dijawabnya: “ *Tidak. Saya bertaklid kepada Mazhab Maliki yang mengatakan bahawa anjing tidak najis.* ”

Solat seperti ini adalah tidak sah kerana baik Imam Syafiee mahupun Imam Maliki menganggap bahawa solat itu tidak sah dan batal. Imam Syafiee berpendapat bahawa solatnya batal kerana memakai kain bernajis, sedangkan Imam Maliki berpendapat bahawa solatnya batal kerana ia bersolat dengan

wudhu' yang tidak sah kerana menyapu sebahagian kecil sahaja dari kepala. Kerana menurut Mazhab Maliki, syarat wudhu' yang sah ialah wajib menyapu seluruh kepala.

Ibadat yang semacam inilah yang dinamakan ibadat talfiq, tidak sah.

2. Jangan mencari yang ringan-ringan sahaja

Ada orang mengatakan bahawa mengikut satu mazhab itu saja sempit, lebih baik dibuka pintu luas-luas supaya lapang. Ini adalah satu pendapat yang merbahaya kerana kalau mencari yang lebar dan yang tidak terikat bisa saja keluar dari hukum-hakam agama, kerana agama itu adalah ikatan hukum syariat.

Contohnya seseorang yang mengikuti Mazhab Hanafi dalam soal bersentuh dengan wanita yang tidak membatalkan wudhu'. Dalam hal ini Mazhab Hanafi ringan, kita tidak perlu susah apalagi kalau hari hujan dan dingin untuk mengambil air wudhu'.

Tetapi dia tidak pula mengeluarkan zakat dari barang-barang perhiasan emas isterinya, sedang dalam Mazhab Hanafi hal itu wajib dizakatkan.

Apabila ditanyakan kepadanya, kenapa tidak dikeluarkan zakat harta perhiasan emas isterinya sesuai dengan ajaran Mazhab Hanafi, dijawabnya : *" Saya taklid kepada Mazhab Syafiee Rhl yang ringan. Mazhab Hanafi terlalu berat."*

Berkata Al-Futuhi dalam Syarah Al-Kawkab Al-Munir 4:577 :

" Adalah haram ke atas orang awam mengamalkan yang ringan-ringan sahaja, dimana setiap kali dia menemui kelonggaran dalam satu-satu mazhab itu dia akan mengamalkannya, sedangkan dia tidak pula mengamalkan perkara lain dalam mazhab yang sama. Dia juga fasiq dengannya, yakni dengan hanya mengamalkan yang ringan-ringan itu, kerana tidak ada sesiapaupun daripada kalangan ulamak Islam yang mengharuskan semua keringanan....."

Berkata Ibnu Abdul Al-Barr :

" Tidak harus bagi orang awam mengamalkan kelonggaran dengan ijmak ulamak. "

Bolehkah banyak Mazhab?

Tidaklah molek jikalau seseorang itu bermazhab Syafiee pada hari Isnin, hari Selasa mengambil Mazhab Hanafi, hari Rabu dengan Mazhab Maliki dan hari Khamis dengan Mazhab Hanbali, sekalipun semua mazhab itu betul dan benar dan semua orang dibolehkan menganut salah satu mazhab itu.

Hal ini boleh menimbulkan kekacauan dan boleh membawa kepada perselisihan. Khusus bagi seorang Hakim dalam Pengadilan Agama kalau melakukan hal ini pasti akan menimbulkan kacau bilau dalam masyarakat.

Perhatikan beberapa contoh berikut;

1. Seorang Kiyai menfatwakan pada hari Isnin bahawa anjing itu najis mengikut Mazhab Syafiee. Kalau kain dijilatnya, wajib dicuci tujuh kali (satu kali dengan tanah) sebelum dibawa sembahyang. Tetapi pada hari Khamis orang melihat Kiyai itu memandikan anjing, sesudah memandikan anjing terus berwudhu' dan bersolat.
2. Seseorang pada jam satu berwudhu' secara Mazhab Syafiee. Di dalam perjalanan ke masjid, kakinya dijilat anjing. Ia terus saja sembahyang tanpa mencuci kakinya tujuh kali (satu kali dengan tanah). Ia taklid kepada Mazhab Maliki yang mengatakan anjing tidak najis.
3. Seorang Imam solat lazim membaca Qunut dalam solat subuh mengikut Mazhab Syafiee dan diikuti oleh makmun. Tetapi pada suatu hari sekonyong-konyong ia berpindah ke Mazhab Hanafi yang mengatakan bahawa Qunut Subuh tidak sunat, sehingga sesudah iqtidal solat subuh si Imam terus bersujud. Apakah ini tidak membingungkan makmun dan mengacaukan solat.
4. Seorang suami yang tidak menyentuh isterinya dalam keadaan berwudhu mengikut Mazhab Syafiee (wudhu' batalkan solat), tiba-tiba pada suatu hari menyentuh isterinya kerana ia berpindah Mazhab Hanafi. Bukankah keadaan ini boleh menimbulkan kecelaruan.
5. Hari ini seorang berkepercayaan bahawa Hadeeth dhaif itu tidak dapat dipakai menjadi dalil penegak hukum, tetapi esok atau lusa orang ini berkepercayaan pula, sesuai dengan Mazhab Hanbali bahawa Hadeeth dhaif boleh dipakai menjadi dalil penegak hukum. Apakah kepercayaan orang ini tidak goyang?

Selain itu dalam sesuatu tempat lazimnya hanya berpegang kepada satu mazhab sahaja. Oleh itu kurang ulamak dan kitab-kitab daripada mazhab-mazhab lain. Contohnya di Alam Melayu, selain Mazhab Syafiee, hanya diketahui sepintas lalu dari sistiran penulis-penulis bahawa ini Mazhab Maliki, itu Mazhab Hanafi, begitu dalam Mazhab Hanbali, tetapi kita tidak dapat mengecek kebenarannya kerana kitab-kitab aslinya tidak banyak atau tidak ada.

Wal hasil ibadat secara begitu diragukan. KERANA ITU LEBIH BAIK BERTEGAS DALAM SATU MAZHAB SAHAJA.

Berkata Al-Ghazali dalam *Al-Mustasyfa* (2: 391):

“ Barangsiapa yang beranggapan bahawa Syafiee rahimahullah itu lebih tahu serta kebenaran lebih banyak dalam mazhabnya, maka orang yang berkenaan tidak boleh mengambil mazhab yang bertentangan dengan Mazhab Syafiee itu secara sesuka hati sahaja, dan bagi orang awam pula tidaklah boleh menyaring dari mahzab-mazhab lain pada setiap masalah hanya yang (dianggap) terbaik di sisinya.”

LAMPIRAN F

Beberapa perkara penting dalam mencari Tariqah

Para sahabat Rasulullah SAW tidak memerlukan kepada amalan Tariqah yang khusus termasuk mujahadah dan riadhah kerana mereka telahpun mencapai darjat Ihsan, kerana mendapat kesempatan istimewa untuk hidup sezaman dan berjumpa dengan Rasulullah SAW. Bermakna Tasawuff/Tariqah sudahpun wujud dan bersebuti dalam diri dan kehidupan mereka.

Dalam kitab-kitab Tasawuff disebut bahawa hanya dengan memandang kepada Rasulullah SAW sahaja semasa hayat baginda dapat mencapai darjat Ihsan.

Hadhrat Qutbul Irshad Rh pernah berkata bahawa :

“Begitu tinggi kekuatan ruhaniyyat Rasulullah SAW sehinggakan hanya dengan membaca kalimah Lailahail’Lallah sahaja orang kafir yang paling keras kekufurannya pun akan mendapat darjat Ihsan.”

Tabiin pun mempunyai sifat Ihsan tetapi dalam peratus yang berkurangan daripada darjat para sahabat RA kerana mereka tidak berkesempatan bertemu dengan Rasulullah SAW. Dan sifat tersebut semakin merosot peratusnya dalam zaman tabit-tabiin sehinggakan dimasa itu timbullah rasa tanggungjawab dikalangan ulamak-ulamak sufi yang bertaraf Aulia’ Allah untuk mengadakan amalan mujahadah dan riadhah untuk menguatkan batiniyyah atau jiwa keislaman di dada-dada umat Islam.

Hakikatnya Syariat Islam mengandungi tiga bahagian yang tidak boleh dipisahkan diantara satu sama lain, iaitu ILMU, AMALAN dan KEIKHLASAN. Mendirikan ketiga-tiga bahagian ini adalah menyempurnakan Agama Islam dan mendatangkan keredhoan Allah SWT

Maka Tariqah yang mengenalkan golongan sufi merupakan bahagian ketiga daripada Syariat Islam iaitu untuk mencapai keikhlasan yang sebenar atau darjat Ihsan. Itulah matlamat sebenar dan peringkat paling tinggi dalam sufiisme dan sulook, iaitu demi mencapai redho Allah dalam ertikata yang sebenar.

Dalam makna lain, matlamat akhir sufiisme adalah demi mencapai keikhlasan dan membebaskan jiwa sanubari daripada nafsu (diri, ego dsbnya) supaya dapat mencapai redho Allah²¹³.

Seorang pengikut Tariqah tidak harus menjadikan *kashf*, *karamah*, *fana*, menjadi *Qutub* dan *Ghauth* (martabat kewalian) sebagai matlamat sufiismenya. Mengamalkan Tariqah semata-mata untuk mendapatkan kedudukan sebegini adalah sesuatu yang amat membahayakan kerana berkemungkinan mendedahkannya kepada tipudaya Syaitan. Kerana bukan semua orang boleh menerima *kashf* dan *karamah*, menjadi *Qutb* dan *Ghauth*, ianya boleh menjadi ujian yang besar bagi dirinya. Silap haribulan boleh menjerat dan membinasakannya jikalau anugerah Allah itu mewujudkan penyakit keruhanian yang amat membahayakan.

Anugerah istimewa tersebut adalah semata-mata hak Allah untuk hamba-hamba pilihanNya, bukan terjadi atas usaha dan buatan manusia. Sedangkan hamba-hamba pilihan Allah yang *kasyf* dan *karamah* menjadikan keredhoanNya sebagai matlamat utama dan pertama dalam kewujudannya, bukan sengaja mencari-cari pengalaman mistikal dan martabat mereka sebagai Aulia' Allah.

Seperti yang disebutkan sebelum ini hanya dengan menatap wajah Rasulullah SAW sahaja semasa hayat baginda para sahabat telah mencapai darjat Ihsan. Bagaimanapun dengan berlalunya masa maka secara berperingkat umat Islam mulai kelupusan darjat tersebut. Semakin jauhnya masa mereka dengan era *Khairul Quroon* (abad-abad yang mulia), maka semakin jatuhlah martabat Ihsan mereka. Itulah sebabnya ulamak-ulamak Tasawuff perlu mengadakan amalan mujahadah dan riadah, atau Tariqah bagi memulihkan semula keruhanian umat Islam yang dapat mengembalikan martabat Ihsan itu.

Semua mujahadah dan latihan keruhanian yang diamalkan oleh seseorang sufi itu adalah ubat untuk penyakit jiwa. Setiap orang mempunyai penyakit jiwa yang berbeza dan bagi mencapai darjat Ihsan, Masyaikh akan memberikan penawar yang berbeza mengikut keadaan jiwa seseorang itu.

²¹³ Hakimul ummat Maulana Asyraf Ali Thanwi memberikan rumusan yang paling praktikal mengenai Tasawuff/Tariqah, iaitu :

“ dalam setiap perkara kepatuhan atau ibadat, dimana dan ketika kamu rasa kemalasan, berikhtiarlah untuk mengatasi kemalasan itu dan lakukanlah amalan tersebut. Begitu juga apabila kamu tergoda untuk melakukan dosa dan maksiat, berikhtiar dan atasilah godaan tersebut dan jangan lakukannya. Bagi sesiapa yang telah berjaya mendapat kebolehan ini, tiada apa yang perlu dilakukan lagi kerana inilah sebenarnya matlamat yang dikehendaki, yang diinginkan dan diperlukan untuk menghampiri Allah, menjamin dan menambahkan kehampiran kepadaNya.”

Walaupun setiap Tariqah adalah berbeza mengikut kaedah penyusunnya, namun ianya bukan sahaja menepati ajaran Al-Quran dan As-Sunnah, malahan setiap Tariqah mempunyai rangkaian salasilah yang membawa kepada sahabat-sahabat Rasulullah SAW yang berbeza seperti Sayyidina Ali, Abu Bakar, Abbas dan sebagainya, yang menerima ajaran keruhanian tersebut secara langsung daripada baginda sendiri.

Untuk menjadi seorang ahli Tariqah yang sempurna, seseorang murid itu perlu memenuhi syarat-syarat berikut²¹⁴;

A. Mendapatkan Syeikh yang murshid, iaitu yang mempunyai ciri-ciri berikut ;

- i. Syeikh tersebut mestilah seorang **Ahli Zikir**, iaitu orang yang sentiasa mengingati Allah dan bukan seorang **Ahli Ghaflet**, iaitu yang lalai daripada mengingati Allah.
- ii. Syeikh tersebut telah berpengalaman untuk suatu tempuh yang lama beserta dalam kelompok ulamak-ulamak yang bertaqwa, mengambil menafa'at dari ilmu dan adab yang baik daripada mereka. Beliau perlu dapat membezakan perkara-perkara yang halal dan haram dalam agama dan mempamerkan sifat takwa dan tawadhuk. Pertuturannya, tindak-tanduk serta keadaannya adalah bertepatan dengan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah.
- iii. Syeikh tersebut mestilah seorang yang meninggalkan dosa-dosa besar dan tidak berpanjang-panjangan dalam membuat dosa-dosa kecil. Ini adalah kerana apabila ia memberikan bai'at kepada murid-muridnya, ia bertujuan meminta muridnya itu taat dalam melaksanakan nasihat-nasihatnya yang bersifat *amal makruf wa nahi mungkar*. Jikalau Syeikh tersebut sendiri tidak membuat apa yang dinasihatkan kepada anak-anak muridnya, maka sudah tentu ia tidak layak menjadi pembimbing ke arah mencapai darjat Ihsan.
- iv. Syeikh tersebut adalah seorang yang memisahkan dirinya dari cinta dunia dan mempunyai keinginan kepada Akhirat. Beliau beristiqamah dalam mengerjakan ibadat-ibadat yang wajib serta terlatih dalam amalan-amalan zikir.
- v. Syeikh tersebut sentiasa menyeru kepada kebaikan dan melarang membuat kejahatan dan maksiat. Beliau bersikap tegas dalam hal ini dan tidak menjadi orang yang seperti lalang

²¹⁴ Dipetik daripada karangan Maulana Syeikh Muhammad Zakariyya Kandhlawi, ' *Syariat Wa Tariqat* ', (terjemahan Inggeris), hlm 19, 43-44.

(iaitu sering mengubah fikiran). Beliau juga adalah seorang yang mempunyai kefahaman yang baik yang mana pendapatnya boleh dipegang.

- vi. Syeikh tersebut sendiri pernah belajar dari seorang guru murshid yang mengajarkannya adab sopan yang baik. Daripada gurunya yang mursid itu, beliau telah memperolehi nur ruhaniat dan kepuasan batiniyyah. Adalah penting bagi seorang Syeikh mendapat Tariqahnya melalui hubungan secara langsung atau berhadapan/bersemuka dengan Tok Gurunya kerana itulah satu-satunya cara yang dapat mempelajari amalan-amalan zikir dengan tepat dan sempurna

B. Memastikan Tariqah tersebut mempunyai rantai salasilah yang membawa kepada Rasulullah SAW, iaitu Tariqah-Tariqah Muktabarah

Kalau kita mengambil sendiri dari Al-Quran dan Hadeeth, mungkin cara kita beramal adalah kurang tepat seperti orang yang belajar bersolat, berzakat, puasa dan sebagainya tanpa berguru. Tetapi kalau yang diajarkan itu seorang Syeikh mursyid dalam pengamalan Tariqah, maka ianya akan terlindung dari unsur-unsur penyelewengan atau salah cara, kerana pengamalan Syeikh mursyid itu adalah bersumber dari Al-Quran dan Al-Hadeeth DAN CARA PENGAMALANNYA JUGA TERPELIHARA.

Dari Sayyidina Ali KW dia berkata :

“ Ya Rasulullah! Manakah tariqah yang sehampir-hampirnya kepada Allah dan semudah-mudahnya atas hamba dan sebaik-baiknya di sisi Allah Ta’ala? ”

Maka bersabda Rasulullah SAW : *“ Wahai Ali, dikehendaki atas kamu dengan mengekalkan ZIKRULLAH.”*

Berkata Ali : *“Setiap manusia berzikir kepada Allah ”*

Maka sabda Rasulullah SAW: *“ Wahai Ali, tidak berdiri Kiamat sehingga tiada lagi diatas mukabumi ini orang yang menyebut ALLAH ALLAH.”*

Maka sahut Ali : *“ (Ajarkan) Bagaimana caranya aku berzikir ya Rasulullah?”*

Maka bersabda Rasulullah SAW : *“ Pejamkan kedua matamu dan dengarlah ucapan 3 kali, kemudian ucapkanlah ya Ali seperti itu.”*

Dan aku mendengarnya, berkata Rasulullah SAW : *“ Lailaha il’Lallah”, sedangkan kedua mata Rasulullah SAW tutup.”*

Kemudian Ali mengucapkan *Lailaha il'Lallah*" seperti itu²¹⁵.

Seseorang Syeikh yang mursyid itu telah mendapat ijazah daripada Syeikhnya untuk mengajar, dan Syeikhnya pula telah mengambil ijazah dari Tok Gurunya pula, begitulah bersambung-sambung rantaian salasilah Tariqah itu sehingga membawa kepada masyaikh-masyaikh atau para penyusun sesuatu Tariqah seperti Syeikh Abdul Qadir Jailani, Syeikh Muhammad Al-Khalwati, Syeikh Abdullah Asy-Syathari dan ramai lagi yang semuanya merupakan Aulia' Allah, sehinggalah membawa kepada para sahabat yang mengambilnya dari Rasulullah SAW sendiri.

Antara contoh Tariqah-Tariqah Muktabarah ialah Chistiyyah, Qadiriyyah, Naqsyabandiyyah, Syathariah, Alawiyyah, Khalwatiyyah, Ahmadiyyah dan lain-lain.

C. Membuat bai'at dengan Syeikh Tariqah itu.

Demi menyempurna dan 'memasinkan' amalan seseorang pengikut Tariqah itu, adalah terlebih afdhal jikalau ia mengambil BAI'AH daripada Syeikhnya yang mempunyai rantaian salasilah Tariqah yang diajarkannya itu.

Mengambil bai'at daripada Syeikh Tariqah adalah amalan sunnah yang amat berkat dan disukai oleh Allah SWT.

Shah Waliyullah Ad Dehlawi dalam kitabnya *Qawlul Jameel* , halaman 29 menyatakan bahawa :

Bai'at yang diamalkan oleh ahli-ahli sufi sejak turun temurun ada beberapa kategori;

Pertamanya: **Bai'at-e-Taubah**, iaitu suatu perjanjian untuk bertaubat daripada melakukan dosa

Keduanya: **Bai'at-e-Tabarruk**, iaitu mengambil barakah daripada Ahli Taqwa dengan cara menyertai kelompok mereka sebagai pengikut. Ini samalah seperti dimasukkan sebagai sebahagian dari rantaian perawi Hadeeth, maka sudah tentu terdapat keberkahan untuknya di situ

²¹⁵ Hadeeth diatas adalah disebutkan oleh Syeikh Abdul Qadir Al Jailani didalam kitabnya *Sirrul Asrar*. Beliau lebih terkenal sebagai seorang SULTAN AULIYA' lagi alim dalam Feqah 4 Mazhab , Tafsir Hadeeth, Bahasa Arab dan banyak lagi .

Ketiga: **Bai'at-Ta'akude Azeemat**, iaitu suatu perjanjian menguatkan niat dan azam untuk menunaikan semua suruhan Allah dengan ikhlas dan meninggalkan semua laranganNya zahir dan batin. Ianya juga termasuk berusaha bersungguh-sungguh untuk mendekatkan hubungan dengan Allah SWT. Dan Bai'at yang ketiga inilah yang merupakan intipati kepada BAI'AT SUFIISME dan yang paling penting

Bai'at-Ta'akude Azeemat khususnya memberi tanda kesungguhan untuk meninggalkan dosa-dosa dan beristiqamah dalam amalan-amalan zikir sehingga ia menjadi kelaziman yang mendatangkan kepuasan batiniyah seseorang murid Tariqah itu.

Contoh rantaian salasilah tariqah muktabarah yang menurun sehingga kepada seorang ulamak terkemuka, Hadrat Shaikhul Hadeeth Maulana Muhammad Zakariyya Kandhlawi

Dalam tariqat Chistiyya, Saabiriyya, Imdaadiyya dan Khaliliyya, Hadrat Shaikhul Hadeeth Maulana Muhammad Zakariyya Kandhlawi telah diizinkan untuk mengamal serta menyampaikan ajaran tariqat tersebut oleh ;

- | | | |
|-----|---------------------------------|-------------------------|
| 1. | Maulana Khalil Ahmad Ambhetawi | wafat 1346H, daripada; |
| 2. | Maulana Rashid Ahmad Ganggohi | wafat 1323H, daripada; |
| 3. | Syeikh Imdaadullah Thanawi | wafat 1317H, daripada; |
| 4. | Mianjee Noor Muhammad Jhinjawi | wafat 1259H, daripada; |
| 5. | Syeikh Abdur Rahim Wilayati | wafat 1246H, daripada; |
| 6. | Syeikh Abdul Baari Amrohi | wafat 1226H, daripada; |
| 7. | Syeikh Abdul Haadi Amrohi | wafat 1190H, daripada; |
| 8. | Syeikh Adh' dud' deen Amrohi | wafat 1172H, daripada; |
| 9. | Ash Shah Muhammad al Makki | wafat ? , daripada; |
| 10. | Syeikh Muhammadi Akbarabadi | wafat 1107 H, daripada; |
| 11. | Syeikh Muhibbullah Sadarpuri | wafat 1058H, daripada; |
| 12. | Ash Shah Abu Sa'eed Ganggohi | wafat 1040H, daripada; |
| 13. | Syeikh Nizamuddin Al-Balkhi | wafat 1035H, daripada; |
| 14. | Syeikh Jalaaluddin Thaniesari | wafat 989H, daripada; |
| 15. | Ash Shah Abdul Quddus Ganggohi | wafat 924H, daripada; |
| 16. | Syeikh Muhammad Al-Farouqi | wafat 898H, daripada; |
| 17. | Syeikh Aarif Al-Farouqi | wafat 882H, daripada; |
| 18. | Syeikh Abdul Haq Ar Radolwi | wafat 837H, daripada; |
| 19. | Syeikh Jalaaluddin Paani Pati | wafat 765H, daripada; |
| 20. | Syeikh Shamsuddin At Turki | wafat 716H, daripada; |
| 21. | Al Makhdum Alaa'udin As Saabiry | wafat 690H, daripada; |

- | | | |
|-----|---|-----------------------|
| 22. | Syeikh Farieduddin Mas'ood | wafat 669H, daripada; |
| 23. | Syeikh Qutubuddin Bakhtiar Kaaki | wafat 633H, daripada; |
| 24. | Syeikh Mu'eenuddin As Sanjari | wafat 627H, daripada; |
| 25. | Syeikh Uthmaan Haaruni | wafat 597H, daripada; |
| 26. | Syeikh Sharief At Tarmizi | wafat 584H, daripada; |
| 27. | Syeikh Qutubuddin Mawdood | wafat 527H, daripada; |
| 28. | Syeikh Naseeruddin Abu Yusuff | wafat 459H, daripada; |
| 29. | Syeikh Abu Muhammad Chisty | wafat 411H, daripada; |
| 30. | Syeikh Abu Ahmad Chisty | wafat 355H, daripada; |
| 31. | Syeikh Abu Ishaq Shaami | wafat 329H, daripada; |
| 32. | Syeikh Mamsaad Aloo Daynoori | wafat 299H, daripada; |
| 33. | Syeikh Hubayrah Basri | wafat 279H, daripada; |
| 34. | Syeikh Huzayfah Basri | wafat 252H, daripada; |
| 35. | Syeikh Ibrahim Ibn Ad'ham | wafat 266H, daripada; |
| 36. | Syeikh Fudhayl Ibn Ayaadh | wafat 187H, daripada; |
| 37. | Syeikh Abdul Waahid Ibn Zayd | wafat 176H, daripada; |
| 38. | Syeikh Hasan Basri | wafat 110H, daripada; |
| 39. | Ameerul Mu'mineen
Ali bin Abi Taalib | wafat 40H, daripada; |

Sayyidul Kownain, Khataamul Ambiya,
MUHAMMAD RASULULLAH SAW

LAMPIRAN G :

Tamaddun Islam Yang Gemilang (Khilafah Othmaniyyah)


Rasulullah SAW bersabda :

“ Konstantinople akan jatuh ke tangan seorang Amir (ketua) yang baik lagi beragama, tenteranya tidak melampau, tidak mencuri dan rakyatnya tidak menipu dan tidak bergaul bebas (baik) “

(HR Imam Abul Hassan Ahmad bin Jaafar)

Tamaddun Khilafah Othmaniyyah (1453-1924M)


Empayar Romawi semasa kemuncaknya (peta bawah)




Adapun Empayar Romawi telah digantikan dengan sebuah empayar Islam yang lebih jauh hebatnya, empayar ini memegang tampuk Khalifah Islam selama 7 kurun, bergelar Khilafah Othmaniyyah. Di bawah ini ialah kawasan Empayar Othmaniyyah, bandingkannya dengan Empayar Rom.



Pemerintahan



Pemerintahan Othmaniyyah dipimpin oleh Sultan sebagai Khalifah Islam sedunia. Baginda didokong oleh golongan ulamak yang dipimpin oleh Sheikh al-Islam dan jemaah menteri yang dipimpin oleh Wazir. Semua kerajaan Islam bernaung di bawah Sultan dan baginda adalah penaung Syarif-Syarif (raja-raja) yang menjaga Mekah (gambar bawah) dan Madinah.



Dakwah Islamiyyah



Daulah Othmaniyyah mengetahui maksud utama amanah Khalifah itu, iaitu tugas dakwah dan menyemarakkan syiar Islam. Mereka telah melaksanakan tugas tersebut berkurun-kurun lamanya. Dakwah dilaksanakan melalui jihad ataupun kiriman ulamak-ulamak ke tempat-tempat yang memerlukannya.

Gambar menunjukkan aktiviti dakwah yang ditaja Khalifah.

Ia menggambarkan perbincangan antara ulamak-ulamak (berserban) dan paderi-paderi Kristian (di kanan).

Gambar menunjukkan peristiwa penaklukan wilayah Konstantinople oleh para tentera-tentera Othmaniyyah. Matlamat penaklukan ialah demi menegakkan, menyebarkan serta menyemarakkan syiar Islam.




Agama Dalam Kehidupan



Sembahyang jemaah di masjid-masjid adalah lumrah (gambar atas). Kehidupan ditandakan oleh azan lima waktu sembahyang dan aktiviti-aktiviti agama yang lain



Di bulan puasa umpamanya, golongan kaya akan mengadakan majlis berbuka puasa yang terbuka pada orang ramai (gambar atas). Selepas Solat Tarawih, para huffaz akan membaca al-Quran yang disertai oleh orang ramai samada di masjid atau di rumah.




Majlis Miladul Rasul (gambar atas) merupakan hari kebesaran yang dipenuhi dengan majlis-majlis maulud yang dimeriahkan oleh berbagai lapisan masyarakat tidak kira rakyat awam atau golongan bangsawan.



Tugas menjaga jemaah Haji diambil berat dan askar dihantar untuk mengiring jemaah haji yang diketuai oleh Sheikh al-Haj (gambar atas). Hari menghantar rombongan haji ke Mekkah diisytihar cuti umum. Sultan akan turut serta dalam majlis tersebut.


Pendidikan



Penyebaran agama Islam berkait rapat dengan pengajian ilmu. Pada zaman Othmaniyyah semua orang Islam mempunyai asas Fardhu 'Ain yang kukuh.

Madrasah-madrasah amat pesat berkembang. Disamping itu sesetengah madrasah seperti gambar kiri mengajar ilmu-ilmu tambahan seperti Ilmu Kajibumi, Kajibintang dan sebagainya pada pelajar yang berminat selepas mantap ilmu Fardhu 'Ainnya.

Perpustakaan awam dibina di bandar-bandar besar yang memuatkan pelbagai kitab mengenai semua sendi ilmu dari Syariat Islam hingga kepada Ilmu Sains dan Perubatan.



Pentadbiran

Daulah Othmaniyyah ditadbir dengan cekap menerusi jabatan-jabatan kerajaan (dewan-dewan). Sistem ini menjadi ikutan bagi jabatan-jabatan kerajaan sedunia termasuk di negara-negara Barat. Gambar menunjukkan kerani-kerani sedang bertugas di sebuah jabatan.



Pelabuhan Istanbul ditadbir oleh Shahbandar (ambar atas).



Khalifah juga mewujudkan pasukan-pasukan bomba (gambar atas, kiri) disamping tentera-tentera khas (gambar atas, kanan). Kedua-dua gambar ini dilukis semasa peristiwa majlis perarakan ulangtahun keputeraan Sultan.




Ilustrasi di sebelah kiri menunjukkan duta-duta dari kerajaan-kerajaan Eropah menunggu penyampaian watikah lantikan masing-masing di pejabat istana Sultan.

Iktisas

Jual-beli dan urusanniaga adalah berdasarkan Syariat Islam yang bersih dan halal. Melindungi peniaga-peniaga kecil daripada ancaman monopoli. Tiada unsur-unsur riba dan penindasan. Penipuan membawa hukuman berat. Harga barangan yang tetap selama berkurun-kurun lamanya. Saudagar-saudagar banyak bersedekah dan menyumbangkan wakaf-wakaf.



Gambaran (atas) pasar dan kedai yang berselerakan di seluruh Daulah Othmaniyah









Sebuah pasar tertutup yang menjual barangan serbi-serbi, e.g permaidani sehingga ke senjata api dan juga barangan lain dari seluruh pelosok dunia. Pelabuhan Istanbul penuh sesak dengan kapal-kapal dari merata negara.



Kehidupan Sehari-hari



Kediaman orang awam (kiri) dan orang berada (kanan). Walaupun ramai orang tinggal di pekan-pekan, tetapi kebanyakan tinggal di desa-desa. Perbandaran BUKAN idealisma Othmaniyyah.



Rumah-rumah tumpangan disediakan di bandar-bandar bagi menampung keperluan musafir-musafir. Juga menyediakan bilik dan kawasan tambatan haiwan-haiwan.

Perayaan dan Rekreasi


Disamping hari-hari kebesaran Islam seperti Bulan Puasa, Hari Raya, Maulud dan sebagainya, hari-hari kebesaran di-Raja disambut dengan meriah seperti Hari Keputeraan Sultan dan sebagainya. Ia mendatangkan kasih antara Raja (Umarak), Ulamak dan rakyat jelata.




Gambar atas kiri menunjukkan perarakan dalam salah satu daripada hari kebesaran Sultan. Gambar kanan pula menunjukkan permainan bungapi secara besar-besaran pada Hari Raya Aidil-Fitri. Perhatikan pasukan bomba yang bersiap sedia.



Sultan kerap menziarah makam-makam moyang-moyangnya dan wali-wali.



Perkelahan juga merupakan salah satu daripada rekreasi keluarga. Perhatikan pemakaian yang menutup aurat. Kedai-kedai kopi ialah tempat dimana ramai menghabiskan masa lapang selepas selesai urusan-urusan .



Biodata Penulis-Penulis

Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad lahir pada 9hb Disember 1964M di Kuala Lumpur. Cicit kepada Raden Ma'arof yang berasal dari keraton (istana) di Tanah Jawa, juga merupakan cucu saudara Dato' Panglima Dagang, Dewan Undang Rembau, Negeri Sembilan. Beliau mendapat sijil *Certificate in Aeronautical Engineering* di Perth, Scotland serta *Aircraft Maintenance Engineer Licence* (LWTR,UK) dan kini bekerja sebagai seorang eksekutif di sebuah syarikat penerbangan yang terkenal di negara ini.

(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman pula lahir pada 28hb November 1965M di Singapura dan mendapat ijazah dalam bidang Ekonomi di Australia National University, Canberra. Merupakan anak ke tiga kepada seniman veteran (Tun) Hj. Othman, atau lebih dikenali sebagai Hj M.Osman dan isterinya Hajjah Moliانا Afidah atau Afidah Es.

Hj Muzaffar dan (Tun) Suzana merupakan sepasang suami isteri yang telah berkecimpung dalam bidang penulisan dan pensejarahan Bangsa Melayu dan Agama Islam semenjak tahun 1999M. Mereka banyak mengkhususkan kajian tentang salasilah Raja-Raja Melayu/Nusantara, khususnya yang mempunyai kaitan dengan zuriat Rasulullah SAW. Mereka juga telah mengambil inisiatif untuk menggali semula perjalanan sejarah sebenar tiga agama terpenting di dunia iaitu Agama Islam, Kristian dan Yahudi melalui sumber 'aqal dan naqal' kerana percaya bahawa ianya mampu mengupas banyak peristiwa-peristiwa yang bakal terjadi menjelang Akhir Zaman nanti.

Sepanjang penglibatan pasangan suami isteri ini dalam bidang penulisan dan pensejarahan, diantara mereka telah terhasil beberapa buah buku, monograf dan kertas kerja yang dibuat secara usahasama ataupun persendirian. Mereka juga pernah membentangkan kertas kerja dalam beberapa siri ceramah dan seminar sejarah yang diadakan.

Antara karangan Hj Muzaffar dan (Tun) Suzana :

- I. *Ahlul-Bait Rasulullah SAW dan Raja-Raja Melayu (2001)/Ahlul-Bait Rasulullah SAW dan Kesultanan Melayu (2006)*
- II. *Mencari Sejarah; Tun Mutahir Tun Ali, Bendahara Seri Maharaja Pahang (1857-1863M)*
- III. *Institusi Bendahara; Permata Melayu yang Hilang*
- IV. *Melayu Islam Beraja : Menggali Hakikat Leluhur*
- V. *110 Soal Jawab Melayu Islam Beraja*
- VI. *Ahlul-Bait Rasulullah SAW, Dinasti Melayu dan Akhir Zaman*

VII. *Siri Kiamat Hampir Menjelang (4 jilid)*

VIII. *Tun Seri Lanang: Tokoh Agung Melayu Nusantara*

IX. *Perang Bendahara Pahang; Suatu Kajian Semula (Menelusuri Peranan British)*

Buku yang bertajuk '*Mencari Sejarah Tun Mutahir Tun Ali, Bendahara Seri Maharaja Pahang (1857-1863M)*' pernah diseminarkan dalam majlis '*Seminar Sejarah Geneologi Malaysia*' di bawah tajaan Penjawim Malaysia. Seminar tersebut telah dilangsungkan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada 30hb Januari 2003 dan mendapat liputan media Utusan Melayu Mingguan (25/04/2003).

Buku '*Ahlul-Bait Rasulullah SAW dan Raja-Raja Melayu*' edisi pertama yang mendapat sambutan amat menggalakan pernah dilancarkan dalam Majlis Amal Diraja Bersama Rakyat di Melaka pada tanggal 29hb Mei 2004. Majlis pelancaran disempurnakan oleh YB Tan Sri Datuk Wira Hj Abdul Aziz bin Tapa yang mewakili TYT Dipertua negeri Melaka. Ianya disusuli dengan buku '*Ahlul-Bait Rasulullah SAW dan Kesultanan Melayu*' pada tahun 2006.

Hj Muzaffar dan (Tun) Suzana telah dikurniakan tujuh orang anak, iaitu tiga orang putera dan empat orang puteri. Mereka pernah mengunjungi berbagai negara di dunia ini seperti negara-negara Asean, Australia, UK, India, Pakistan, Saudi Arabia, Afrika Selatan, UAE dan Yemen (Hadhramaut).

Catatan kini 1/1/2024

Sebagai meneruskan pembicaraan perkara-perkara yang telah disebutkan dalam *Ahlul-Bait Rasulullah SAW, Dinasti Melayu dan Akhir Zaman*, cetakan 2002, kami telah menyorot persoalan-persoalan yang bermain-main di dalam fikiran kami. Maka kami meneruskan kajian hingga menghasilkan buku ini pada tahun 2007. Kami rasakan kami telah membuat apa yang terbaik. Moga Allah SWT mengampunkan khilaf kami kepada buku yang seolah-olah menjadi 'petunjuk masa depan'.

Maka akhir-akhir ini, selepas dua kejadian yang besar, iaitu Perang Ukraine pada tahun 2022 dan Perang Palestine pada tahun 2023 telah benar-benar menggegarkan Order Dunia Barat. Bantuan demi bantuan pada Ukraine dan sekatan demi sekatan pada Russia tidak melemahkan Russia, malahan Tentera Darat Russia diiktiraf sebagai tentera darat terbaik di dunia. Dan ekonomi Russia menunjukkan prestasi yang terbaik di Eropah! Ukraine sudah hilang wilayah dan rakyatnya dan Barat dengan Pakatan NATO nya tidak boleh berbuat apa-apa!

Perang Palestine, walaupun lebih dari 80 hari dari pecahnya peperangan, tentera Zionis dengan perkakasan lengkap tidak mampu untuk mengalahkan pejuang Palestin. Perang ini berlaku di seluruh Palestin, terutama wilayah Gaza. Lebih 20,000 syahid di Gaza sahaja akibat kekejaman Zionis. Gaza di kepung air, elektrik, telekomunikasi dan bahanapi, sekatan yang merupakan jenayah perang. Mangsa paling ramai adalah bayi dan kanak-kanak. Mereka menyerang sekolah, universiti, masjid dan gereja. Mereka tidak dibantu oleh satu negara Islam pun sementara Regim Zionis dibantu oleh US dan sekutu-sekutu Baratnya. Russia telah pun menunjukkan kebenciannya pada Israel!

Tetapi, Allah SWT telah menunjukkan makar Nya! Mereka bermakar tetapi Allah juga bermakar! Pejuang-pejuang Palestin menunjukkan keberanian yang luarbiasa. Mereka menghancurkan kereta kebal, kereta perisai dan asset ketenteraan yang lain. Mereka telah membunuh ratusan askar Zionis disamping mencacatkan beribu dikalangan mereka. Askar ini juga berperang dengan 'mereka yang telah syahid' dan tentera 'ghaib'. Disamping itu di seluruh wilayah Palestin (Israel dalam media) dibedil dengan roket dari pejuang Palestin, pejuang Lebanon dan pejuang Yemen! Ekonomi mereka merudum, dan lebih suku juta Yahudi telah meninggalkan Palestin!

Allah SWT menunjukkan rahmatnya! Ramai orang Barat, tidak kira apa bangsapun termasuk Yahudi telah berdemonstrasi anti-Israel, tidak putus-putus hingga hari ini. Hatta di Vatican pun, rapat Hari Krismas disertakan dengan solidariti dengan penduduk Palestin! Ini adalah suatu

yang bersejarah, seolah orang Kristian sudah tidak bersama pemimpin politik mereka! Apa yang mereka mahu? Kedamaian dan keadilan. Dalam masa yang sama, ramai yang telah mendapat Cahaya dari Allah SWT melalui kempen membaca Al-Quran di media sosial. Mereka ini dikatakan dari Gen Z iaitu dalam julat 20 hingga awal 30 tahun. Mereka dah tidak percaya pada propaganda dari media utama dan lebih suka berbincang sama sendiri. Seolah-olah Allah SWT memecahkan cengkaman Yahudi pada media dan minda!

Kita memetik dari Alexander Dugin, seorang ahli falsafah Russia dalam komentarnya akan keadaan sekarang dengan kalimat-kalimat seperti “Perang besar akan datang ke Timur Tengah.” dan “Kejatuhan Israel tidak dapat dielakkan. Panggillah ia apapun menurut sesuka hati anda. Kami memanggilnya sebagai peristiwa akhir zaman. Telah berlaku Apocalypsis! Kalau tidak sekarang, tidak berapa lama lagi.” Perkataan ‘Apocalypsis’ tidak digunakan sembarangan, kerana ia merujuk pada peristiwa penurunan kembali Al Masih Isa AS dalam kitab suci mereka. Maka tidak hairanlah kerana ini jugalah pendapat ramai ahli makrifat sedunia!

Apakah ertinya semua ini? Seolah-olah Allah SWT telah mengatur semua watak-watak akhir zaman di atas sebuah papancatur, dan menyiapkan mereka untuk pertempuran. Ia, tirai yang memisahkan kita dengan Mahdi, Nabi AS dan Dajjal telahpun tersingkap! Moga Allah SWT mengampuni kita semua dan memandu kita kepada jalan yang di redhai Nya!!! Amin!

'Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu'

Judul 'Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu' ini cuba mengupas serta menghuraikan secara ringkas sejarah Bani Israel dari zaman nabi-nabi dahulukala, kemungkar-kemungkar-kemungkar kaum tersebut yang keji sehingga menjadi bangsa yang terlaknat, terusir dan berselerak, dominasi mereka yang amat mencengkam, mengancam dan menyeluruh pada hari ini serta nasib yang bakal menimpa kaum Yahudi berdasarkan dalil Al-Quran dan Al-Hadeeth menjelang berlakunya peristiwa besar Akhir Zaman kelak.

Kini hanya taqdir Allah SWT sahaja yang bakal mencuci dan meluruskan segala-segalanya kembali. Di zaman Nabi Nuh AS, baginda telah diperintahkan Allah untuk menyediakan bahtera besar sebagai pelindung dan penyelamat apabila Allah menurunkan balaNya kepada umat baginda yang engkar dan bergelumang dengan maksiat. Bala tersebut adalah dalam bentuk bah besar yang melitupi seluruh mukabumi. Hanya Nabi Nuh, para pengikut baginda, binatang-binatang serta tumbuh-tumbuhan yang menaiki bahtera sahaja yang terselamat dalam musibah besar itu.

Begitulah halnya yang bakal melanda umat Akhir Zaman ini. Sesungguhnya taqdir Allah pasti datang membinasakan kekangan Yahudi wa Nasara, kemungkinan dalam bentuk 'Armageddon' mengikut sunatullah seperti yang pernah berlaku kepada kaum-kaum terdahulu yang engkar. Sebagaimana dahulu, begitulah keadaannya akan datang, 'Armageddon' berlaku sebagai bala kepada umat manusia yang engkar dan kaffarah bagi umat Islam.

Persoalannya, jikalau Nabi Nuh AS diperintahkan Allah SWT untuk menyediakan bahtera sebagai asbab penyelamat dari balaNya yang menimpakan musibah besar, maka apakah 'bahtera Nabi Nuh' untuk umat Islam di Akhir Zaman ini di saat-saat Allah menurunkan hujjahNya kepada manusia sejagat yang tidak tertolak lagi itu?

Judul 'Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu' mengupas persoalan ini dan banyak lagi. Semoga ianya dapat menjadi cahaya petunjuk kepada ummah yang didalam kekeliruan, terabara mencari pedoman, mencari 'bahtera Nabi Nuh' sebagai pelindung dari ancaman kebinasaan.

'Kearah mengembalikan Maruah, Semangat dan Kedaulatan
Umat Melayu, Umat Islam'

Diedarkan oleh :
CRESCENT NEWS (K.L) SDN BHD
Tel : 03-61842448 ; Fax : 03-61842418
E-mail : crescent@tm.net.my
Website : www.crescentbook.com

ISBN 978-983-061-715-2



9 789830 617152